European International University, EIU-Paris

Doctoral Thesis

Title:

RESISTENSI PEMIKIRAN SOSIALISME DALAM GERAKAN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA (1972 – 1974)

THE RESISTANCE OF SOCIALISM THOUGHT IN THE UNIVERSITY MALAYSIA STUDENT MOVEMENT (1972-1974)

Submitted by:

KAMARAZAMAN BIN YACOB

[EIU 701561]

In Partial Fulfillment of the Requirements for the Degree of Doctor of Philosophy (Ph.D.) in Political Science

Supervisor:

Assoc. Prof. Ts. Dr. Jessica Ong Hai Liaw

Date:

[29 February 2024]

ABSTRAK

Tajuk kajian ini ialah Resistensi Pemikiran Sosialisme Dalam Gerakan Mahasiswa Universiti Malaya (1972 – 1974). Objektif kajian ialah mengkaji secara terperinci terhadap peranan PMUM dalam menjaga kepentingan para mahasiswa. Mengkaji bagaimana Kelab Sosialis menguasai dan memainkan peranan di dalam mempengaruhi gerakan mahasiswa UM. Resistensi pengaruh sosialisme dan Kelab Sosialis di dalam kegiatan mahasiswa termasuk siri demonstrasi dan rampasan kampus UM. Turut mengkaji kepimpinan Kelab Sosialis mendekatkan sosialisme kepada para mahasiswa dan orang ramai melalui sokongan terhadap isu kelaparan di Baling serta isu setinggan di Tasik Utara. Dalam kajian ini, pengkaji memilih kaedah penyelidikan kualitatif dan bukan kuantitatif. Di samping itu, pengkaji memilih kaedah pengkajian autobiografi ilmiah, kerana pengkaji terlibat secara langsung dalam kejadian-kejadian yang mahu dikaji. Selain menulis secara jujur dan benar terhadap segala kegiatan , pengkaji juga menjadikan temu bual dengan rakan-rakan yang terlibat sebagai sumber utama yang penting. Oleh kerana kajian ini melibatkan kepimpinan, maka pengkaji telah membicarakan teori kepimpinan, iaitu definasi kepimpinan, elemen kepimpinan, ciri kepimpinan, dimensi kepimpinan, kepentingan kepimpinan, fungsi kepimpinan, gaya kepimpinan dan bentuk kepimpinan. Dapatan kajian yang boleh disimpulkan ialah, terdapat kelompongan yang tidak disentuh oleh pengkaji/karya/penerbitan terdahulu, yang akhirnya disentuh atau diisi oleh pengkaji. Terdapat kesilapan fakta yang telah dibuat oleh pengkaji/penyelidik/penerbitan sebelum ini, yang perlu diperbetulkan oleh pengkaji. Terdapat juga perkara baru yang perlu diketengahkan oleh pengkaji, kerana tidak pernah dibicarakan sebelum ini. Antara kepentingan dari kajian ini ialah, para mahasiswa, persatuan mahasiswa, pihak Canselori dan kerajaan boleh mengambil ikhtibar dari apa yang telah disentuh. Para mahasiswa boleh melihat kesan kepada diri sendiri, sekiranya terlalu aktif sehingga tidak mengambil berat terhadap pelajaran iaitu mengikuti kuliah dan tutorial. Persatuan mahasiswa juga, boleh melihat kesan dari tindakan-tindakan yang militan kepada kedudukan persatuan mereka. Kerajaan boleh mengukur sejauh mana keberkesanan AUKU 75 dalam mengekang para mahasiswa dan persatuan mahasiswa. Kerajaan perlu melihat, apakah mengenakan tuduhan di bawah ISA dan menahan pemimpin mahasiswa di bawah ISA di Kem Tahanan Perlindungan sebagai langkah yang bijak dan tepat? AUKU 75 telah mencapai hasrat kerajaan untuk mengekang pergerakan mahasiswa, tetapi kesannya bukan sahaja kepada persatuan mahasiswa, malah kepada mahasiswa keseluruhannya. Hampir empat dekad

universiti di Malaysia melahirkan mahasiswa yang pasif, tidak kreatif, kurang berani, terkongkong malah jumud.

ABSTRACT

The title of this study is "The Resistance of Socialism Thought in the University of Malaya Student Movement (1972 – 1974)." The objective of the study is to examine in detail the role of PMUM in safeguarding the interests of the students. It investigates how the Socialist Club dominates and plays a role in influencing the UM student movement. The study explores the resistance to the influence of socialism and the Socialist Club in student activities, including series of demonstrations and campus takeovers at UM. It also examines the leadership of the Socialist Club in introducing socialism to students and the public through support for hunger issues in Baling and squatter issues in Tasik Utara. In this study, the researcher chose a qualitative research method over quantitative. Additionally, the researcher opted for the method of scientific autobiography investigation, as the researcher was directly involved in the events to be studied. Besides presenting an honest account of all activities, the researcher also conducted interviews with friends involved as a crucial primary source. Since the study involves leadership, the researcher discussed leadership theory, including the definition, elements, characteristics, dimensions, importance, functions, styles, and forms of leadership. The study's findings can be summarized as follows: there are gaps untouched by previous researchers/publications that the current researcher has addressed or filled. There are factual errors made by previous researchers/investigators/publications that need correction. There are also new matters that the researcher needs to highlight because they have never been discussed before. Among the importance of this study is that students, student associations, the Chancellor's office, and the government can learn from what has been addressed. Students can see the impact on themselves if they are too active to the extent of neglecting their studies. Student associations can also observe the effects of militant actions on their association's standing. The government can measure the effectiveness of AUKU 75 in restraining students and student associations. The government needs to assess whether charges under ISA and detaining student leaders under ISA in Kem Tahanan Perlindungan are wise and appropriate measures. AUKU 75 has achieved the government's desire to control the student movement, but its impact is not only on student associations but also on students. Over four decades, Malaysian universities have produced passive, uncreative, less courageous, restricted, and stagnant students.

SENARAI KANDUNGAN

BAB 1	**PENDAHULUAN**	**1**
BAB 2	**KAJIAN LITERATUR**	**28**
BAB 3	**METODOLOGI PENYELIDIKAN**	**73**
BAB 4	**DAPATAN KAJIAN**	**93**
BAB 5	**MENERIMA PENGARUH AWAL FAHAMAN SOSIALIS DAN GERAKAN SOSIALISME DI UNIVERSITI MALAYA**	**108**
BAB 6	**PERANAN PMUM DALAM SIRI DEMONSTRASI**	**173**
BAB 7	**KESINAMBUNGAN PERJUANGAN**	**265**
BAB 8	**CADANGAN DAN KESIMPULAN**	**302**
	RUJUKAN	**316**

SINGKATAN

ABL	Anti-British League
AMA	Angkatan Mahasiswa Adil
API	Angkatan Pemuda Insaf
BATAS	Barisan Tani Semalaya
BM	Barisan Mahasiswa
BMB	Barisan Mahasiswa Bersatu
BRN	Barisan Revolusi Nasional Pattani
CLS	Chinese Language Society
CPM	Communist Party of Malaya
DAP	Democratic Action Party
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DTC	Dewan Tunku Canselor
DUN	Dewan Undangan Negeri
EPF	Employees Provident Funds
EXCO	Executive Council
FRU	Federal Reserve Unit
FUEMSO	Federation of United Kingdom & Eire Malaysia and Singapore Organisation
GM	Gabungan Mahasiswa
IDF	Israeli Defence Force
ISA	Internal Security Act
ITM	Institut Teknologi Mara
JCRC	Junior Common Room Council
JKK	Jawatan Kuasa Kerja
KAMI	Kesatuan Aksi Mahasiswa Indonesia
KESUMA	Kesatuan Seni Universiti Malaya

KL	Kuala Lumpur
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KS	Kelab Sosialis
KSITK	Kesatuan Siswa Institut Teknologi Kebangsaan
KSITM	Kesatuan Siswa Institut Teknologi Mara
LKNP	Lembaga Kemajuan Negeri Pahang
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
MPP	Majlis Perwakilan Mahasiswa
MTN	Majlis Tertinggi Nasional
MTS	Majlis Tertinggi Sementara
NEP	New Economic Policy
OCPD	Officer in Charge of the Police District
PAPERI	Parti Persaudaraan Islam Malaya
PBB	Persatuan Bangsa Bangsa Bersatu
PBMUM	Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya
PETA	Pembela Tanah Air
PJ	Petaling Jaya
PKI	Partai Komunis Indonesia
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PKPM	Pertubuhan Kebangsaan Mahasiswa Malaysia
PLO	Palestine Liberation Organisation
PMIUM	Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya
PMUKM	Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia
PMUM	Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya
PMUPM	Persatuan Mahasiswa Universiti Pertanian Malaysia
PMUSM	Persatuan Mahasiswa Universiti Sains Malaysia
PPP	People’s Progressive Party

PRM	Partai Rakyat Malaya
PSRM	Parti Sosialis Rakyat Malaysia
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
SITC	Sultan Idris Training Collage
SUA	Setiausaha Agung
TLS	Tamil Language Society
TV	Televisyen
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UMNO	United Malays National Organization
UMSU	University of Malaya Students Union
UPM	Universiti Pertanian Malaysia
UPU	Unit Pusat Universiti
USC	University Socialist Club
USM	Universiti Sains Malaysia
USSR	United Socialist Soviet Russia
USSU	University of Singapore Students' Union

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan Kajian

Kebanyakan negara di dunia, khususnya di Malaysia dan negara sedang membangun melihat universiti sebagai institusi sosial yang penting di dalam masyarakat. Bertolak dari premis itu, kedudukan universiti dianggap mempunyai kedudukan mulia, bila universiti dinamakan 'Menara Gading'. Di negara sedang membangun, universiti dipandang tinggi oleh masyarakat dan sebahagian besar golongan elit dikeluarkan oleh institusi ini[1]. Universiti memainkan peranan yang unik dalam mana-mana tatanegara, tetapi amat penting dalam konteks pembangunan politik, sosial, dan ekonomi pasca kolonial[2]. Institusi Pengajian Tinggi mempunyai dua mandat : untuk melahirkan pekerja (Horace Mann) dan untuk menghasilkan warganegara yang mendiri dan baik (John Dewey)[3].

Oleh kerana universiti dipandang mulia, maka para pelajarnya yang dikenali sebagai mahasiswa, secara automatik mendapat tempat di dalam masyarakat. Jadi peranan dan pengaruh mereka ke atas masyarakat sangat berkesan di dalam keadaan tertentu. Atas kepercayaan, sokongan dan dukungan masyarakat terhadap tindakan mereka, akhirnya melahirkan aktivis mahasiswa hingga kepimpinan mahasiswa dan gerakan mereka menjadi radikal semasa menghadapi pihak berkuasa. Ini dapat dilihat dari gerakan para mahasiswa di Thailand, Korea Selatan dan Jepun. Meredith L. Weiss, merumuskan, "bahawa para mahasiswa bukan secara fitrahnya radikal atau malah biasanya tidak aktif, namun demikian ciri-ciri tertentu peranan dan persekitaran mereka sangat kondusif untuk mobilisasi pantas dan berkesan"[4].

[1] Altbach P.G, Student Politics in Bombay, London: Asia Publishing House,1968. Junaidi Abu Bakar, Mahasiswa Politik dan Undang-Undang, ms. 1
[2] Meredith L.Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 3
[3] Ibid, ms. 3.
[4] Ibid, ms.13

Perjuangan para mahasiswa sama ada di peringkat internasional dan nasional, di mana kesemuanya mencapai kemuncaknya pada 1960-an dan awal 1970-an. Kajian ini ditumpukan kepada pergolakan para mahasiswa di Universiti Malaya pada tahun 1972 hingga 1974. Penumpuan ini dilakukan pada tahun-tahun tersebut kerana pengkaji terlibat secara aktif memimpin PMUM dan Kelab Sosialis sejak tahun 1972 hingga 1974. Hampir kesemua kejadian di kampus UM dan tindakan yang diambil oleh PMUM dan Kelab Sosialis melibatkan diri pengkaji. Ianya termasuk siri demonstrasi dan tindakan-tindakan yang terjadi selepas demonstrasi.

Pengkaji terpaksa, memperkenalkan latar belakang penghidupan diri dan keluargasejak dari kecil hingga memasuki universiti, kerana kajian ini dibuat melalui kaedah autobiografi. Berpunca dari latar belakang penghidupan itulah, menjadikan pengkaji berminat atau tertarik kepada sosialisme. Akhirnya, pengkaji menjadi anak muda atau mahasiswa yang bergerak di atas sosialisme. Bangkit sebagai pemimpin PMUM dan Kelab Sosialis UM, yang mampu menggerakkan para mahasiswa berjuang untuk rakyat marhaen. Sukarno menamakan seseorang ‘marhaen’ adalah orang yang memiliki alat-alat yang sedikit, orang kecil dengan milik kecil, dengan alat kecil sekadar cukup untuk dirinya sendiri.

Dalam soal Universiti Malaya, pengkaji memulakan kajian, sejak dari awal penubuhan Universiti Malaya di Singapura. Kemudian pembentukan kampus cawangan Universiti Malaya, di Kuala Lumpur, sehinggalah cawangan ini menjadi sebuah universiti penuh apabila berpisah dengan Universiti Malaya Singapura pada 1962. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, mengekalkan namanya, manakala Universiti Malaya, Singapura menukarkan namanya sebagai National University of Singapore.

Pengkaji juga, telah menyusur sejarah penubuhan PMUM yang berasal dari UMSU yang lahir di Universiti Malaya, Singapura. Pada peringkat permulaan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur turut menggunakan UMSU, sehinggalah pada tahun 1965 ditukar kepada PMUM. Manakala Kelab Sosialis, Universiti Malaya, Singapura ditubuhkan pada tahun 1953 dan Kelab Sosialis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur ditubuhkan pada tahun 1969.

Kajian ini juga menekankan peranan Kelab Sosialis dalam mempengaruhi para mahasiswa untuk turut bertindak atas isu-isu yang diperjuangkan oleh Kelab Sosialis. Di samping itu dijelaskan secara terperinci bagaimana Kelab Sosialis menguasai kepimpinan PMUM. Akhirnya apa saja tindakan yang diambil oleh PMUM pada tahun-tahun 1973-1974, adalah keputusan yang ditentukan oleh Kelab Sosialis. Tegasnya, bahawa pada tahun-tahun tersebut Kelab Sosialis menguasai PMUM sepenuhnya.

Pengkaji cuba menunjukkan bagaimana pengaruh sosialis dapat menguasai pemikiran para mahasiswa tanpa mereka sedari, bersedia bertindak secara radikal. Walaupun itu bukanlah pegangan ideologi mereka, tetapi mereka telah didekatkan dengan bentuk perjuangan Kelab Sosialis yang memihak kepada rakyat marhaen. Akhirnya, boleh memberi kesedaran kepada para mahasiswa, bahawa Kelab Sosialis serius dalam memperjuangkan nasib rakyat miskin hingga bersedia bertindak secara radikal.

Bukan saja Kelab Sosialis berjaya mendekatkan para mahasiswa UM kepada sosialisme, malah cuba disampaikan kepada rakyat melalui kegiatan dan tindakanbersama rakyat. Kes setinggan Tasik Utara, kes petani iaitu Demonstrasi Baling adalah contoh yang terbaik.

Kajian juga menunjukkan bahawa di UM terdapat tiga ideologi yang menjadipegangan kepada mahasiswa dan organisasi mahasiswa. Antaranya, ideologi nasionalisme yang menjadi pegangan kepada PBMUM. Manakala, Islamisme menjadi pegangan kepada PMIUM. Sudah tentu, Kelab Sosialis dengan ideologi sosialisme. Bukan setiap masa ketiga-tiga ideologi ini akan bersaing atau bertempur melalui persatuan yang diwakilinya. Ada masanya aliran-aliran ini bertemu bila diikat oleh kepentingan bersama dan diikuti oleh tindakan bersama. Mungkin ketiga-tiga aliran yang diwakili persatuan itu bersatu sejak awal tindakan hingga ke akhirnya. Ada kalanya, PBMUM dan PMIUM bersama menentang proksiKelab Sosialis, iaitu PMUM yang menjadi persatuan tunggal bagi Universiti Malaya.

Banyak contoh dapat dibuktikan, terdapatnya persamaan di dalam tindakan dan sebaliknya,

iaitu perbezaan. Di dalam kepentingan bersama, misalnya semua persatuan mahasiswa di UM, menolak kewujudan AUKU 1971. Begitu juga dalam memperjuangkan kepentingan rakyat marhaen, misalnya soal penindasan terhadap kumpulan Hamid Tuah, penganiayaan terhadap setinggan Tasik Utara dan isu kebuluran di Baling. Terdapat juga, tindakan bersama antara golongan sosialis, nasionalis dan Islamis dalam isu rakyat Palestin. Kesemua isu tersebut, diambil bersama dan diterjemahkan melalui siri demonstrasi.

Biarpun, pemimpin mahasiswa dari ketiga-tiga ideologi itu boleh bersatu di dalam tindakan bersama, iaitu melakukan demonstrasi. Namun kadang-kadang terdapat perbezaan di dalam tindakan seterusnya. Contohnya, mereka mengadakan demonstrasi anti-Israel dan Amerika, melalui demonstrasi Perang Ramadan atauYom Kippur. Pemimpin-pemimpin Nasionalis dan Islamis, hanya ingin berdemonstrasi di depan Bangunan AIA, yang terdapatnya Kedutaan Amerika. Sedangkan, pihak sosialis bertindak lebih jauh, iaitu untuk membawa para mahasiswa berdemonstrasi di depan Bangunan Lincoln Centre. Semasa di depan Lincoln Centre, para mahasiswa sosialis dengan sifat militan telah melontar batu, kayu untuk memecahkan dinding kaca Lincoln Centre. Sebaliknya, golongan nasionalis dan Islamis cuba menghalang dan menyelamatkan dinding kaca Lincoln Centre.

Di dalam isu Setinggan Tasik Utara, terdapat pemimpin dan para mahasiswa nasionalis dan Islamis turut berdemo. Tetapi bila pengkaji bersama anggota Kelab Sosialis dan para mahasiswa merampas kuasa Kampus UM, golongan nasionalis tidak menyokong. Malah mereka, dengan kepimpinan PBMUM dan Silat Gayung telah mensabotaj rampasan itu. Mereka telah bekerjasama dengan pihak Canselori dan kerajaan untuk menggagalkan rampasan kuasa tersebut. Ini terbukti, bila pengkaji mengisytiharkan penyerahan kembali kampus, mereka membawa Ungku Aziz ke dalam DTC. Dr. Mahathir Mohamad, Menteri Pelajaran, telah mengumumkan penutupan kampus UM, biarpun selepas itu beliau menarik balik pengumumannya.

Akhirnya, ditunjukkan bagaimana peranan AUKU 1971 dan AUKU 1975 itu dalam menyimpal atau mencantas kegiatan politik kampus. Biarpun ditentang sepenuhnya oleh para mahasiswa, ahli akademik, ahli parlimen pembangkang dan anggota masyarakat,

namun akta itu tetap diluluskan. Secara jelas, bahawa akta tersebut bertujuan untuk menghancurkan golongan mahasiswa kiri yang bukan saja menguasai UM, malah sudah mulai berkembang ke kampus yang lain. Bila AUKU 1975 diluluskan, semua persatuan mahasiswa di Malaysia telah dimasukkan ke dalam keranda dan dipakukan. Persatuan mahasiswa terkubur dan dihidupkan persatuan 'mahasiswa', yang dinamakan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Bagaimanapun Kelab Sosialis dimansuhkan lebih awal oleh ROS iaitu selepas berlakunya Rampasan Kuasa Kampus UM pada 21 September 1974. PMUM juga turut digantung selepas kejadian tersebut.

Selepas PMUM digantung dan Kelab Sosialis dibatalkan pendaftarannya, pengkaji, Hishamuddin Rais, masih dianggap oleh para mahasiswa sebagai pemimpin mereka. Begitu juga dengan persatuan mahasiswa di kampus-kampus atau pengajian tinggi yang lain, masih mengiktiraf Hishamuddin Rais dan pengkaji, sebagai pemimpin sah UM. Ini terbukti, apabila timbul isu kebuluran di Baling. Isu ini diambil oleh Kelab Sosialis, dan berjaya mengadakan demonstrasi dengan sokongan mahasiswa UM. Kemudian perbincangan diadakan bersama pemimpin mahasiswa dari institusi pengajian tinggi yang lain. Akhirnya demonstrasi yang terbesar, telah diadakan di Padang Merdeka pada 3 Disember 1974. Bagaimanapun demonstrasi, yang dianggarkan melibatkan lebih 5,000 para mahasiswa telah terhalang oleh tindakan FRU.

Tindakan para mahasiswa, tidak terhenti dengan kejayaan FRU menyekat perhimpunan di Dataran Merdeka. Pengkaji, Hishamuddin Rais dan Abu Zer Ali terus memimpin para mahasiswa berdemonstrasi dan bertindak dari kampus UM. Kemuncaknya, Abu Zer dan pengkaji berjaya mempengaruhi setinggan Kampung Kerinchi merusuh di Federal Highway.

Tegasnya, biarpun pertubuhan sah, iaitu PMUM dan Kelab Sosialis telah digantung dan dibatalkan pendaftarannya, namun Hishamuddin Rais, Abu Zer Ali dan pengkaji masih memimpin mahasiswa UM. Selepas peristiwa penangkapan pemimpin mahasiswa pada 5 Disember 1974, Hishamuddin Rais, Abu Zer Ali, Yunus Ali dan pengkaji, cuba melarikan diri dari Malaysia, tapi gagal. Akhirnya masing-masing membawa haluan sendiri. Pengkaji

menyorokkan diri dengan berpindah randah, sebelum ditangkap di bawah ISA. Abu Zer Ali, mengangkat senjata menyertai Rejimen ke 10, PKM. Hishamuddin Rais dan Yunus Ali, lari ke luar negara dan menetap di Kota London.

Tajuk tesis ini iaitu Resistensi Pemikiran Sosialisme Dalam Gerakan Mahasiswa Universiti Malaya (1972-1974), berdasarkan kajian serta pengamatan pengkaji semasa terlibat di dalam PMUM dan Kelab Sosialis. Biarpun kumpulan sosialis melalui Kelab Sosialis dapat mempengaruhi para pelajar dalam mencapai tujuan mereka, seperti berdemonstrasi, tetapi kebanyakan para pelajar tidak berpegang kepada ideologi sosialis. Kebanyakan para pelajar tidak berpegang kepada mana-mana garis atau ideologi politik, tetapi sentiasa mendekati aktiviti atau tindakan yang dianjurkan oleh organisasi pelajar seperti PMUM, PBMUM, PMIUM, Kelab Sosialis dan lain-lain. Oleh itu menjadikan para pelajar mudah dipengaruhi oleh para pemimpin dari persatuan-persatuan tertentu.

Kesan dari keterbukaan para pelajar yang tidak berpegang kepada ideologi ini, menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan isu-isu yang ditimbulkan oleh para pemimpin pelajar dalam mencapai tujuan mereka. Walaupun Kelab Sosialis mendapat sokongan dan dukungan dari majoriti para pelajar terhadap tindakan yang dilakukan, itu hanyalah bersandarkan isu-isu yang ditimbulkan. Begitu juga PMUM yang dikuasai oleh kumpulan sosialis sentiasa mendapat sokongan dan dukungan para pelajar Universiti Malaya. Bagaimanapun, sokongan dan dukungan itu tidak berakarkan ideologi sosialis, hanya dipengaruhi oleh isu yang dibangkitkan.

Biarpun Kelab Sosialis begitu berpengaruh di Universiti Malaya, tetapi bukan kerana para pelajar menerima ideologi sosialis. Sebaliknya diikat oleh tujuan tindakan yang diambil oleh persatuan. Jadi menyebabkan pemikiran sosialis yang dijaja atau dipromosi oleh Kelab Sosialis mudah mendapat rintangan. Terdapat tiga faktor yang menjadi resistensi kepada pengaruh sosialis di UM.

Faktor pertama, datangnya dari kepimpinan pelajar yang berideologi nasionalis dan Islamis. Mereka sering menimbulkan isu-isu perkauman yang mengaitkan Kelab Sosialis dengan DAP dan PSRM. Malah pemimpin pelajar berideologi Islamis, sering memomokkan sosialis

sebagai komunis yang kononnya menolak agama. Sudah pasti PBMUM yang dipimpin oleh Aziz Shamsuddin turut terlibat dalam soal ini, misalnya beliau terlibat di dalam kontra rampasan Kampus UM.

Pihak Canselori turut memainkan peranan dalam menyekat pengaruh sosialis di Kampus UM. Ini dapat difahami kerana tindakan-tindakan militan yang dilakukan oleh para pelajar sosialis semasa berdemonstrasi sama ada di dalam atau di luar kampus. Kehadiran Naib Canselor iaitu Prof Ungku Aziz ke pentas di DTC dan menimbulkan isu perkauman sambil mencela tindakan Kelab Sosialis merampas Kampus UM. Jelas sekali tindakan Naib Canselor itu sebagai manifestasi resistensinya terhadap pemikiran sosialis.

Semua kejadian, perlakuan dan tindakan dari tahun-tahun 1972 hingga 1974, telah dicatatkan oleh pengkaji melalui pengalaman peribadi. Ini dibuat kerana, bukan sahaja pengkaji terlibat secara langsung, malah ada kejadian-kejadian yang kurang jelas ditulis oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Jadi bila pengkaji, melukiskannya secara peribadi, lebih mudah dan berkesan kepada pembaca. Malah dirasakan lebih jelas, tersusun, teratur dan mudah difahami oleh pembaca.

1.2 Permasalahan Kajian

Bidang kajian perjuangan para mahasiswa pada tahun 60-an dan 70an telah banyak dihasilkan dalam berbagai bentuk pengkajian. Bukan sahaja dihasilkan dalam pengkajian buku, memoir malah untuk kajian akademik di semua peringkat.Namun begitu bukan semua telah dikaji dan diterbitkan. Terdapat ruang-ruang atau lompong yang perlu dikaji dan diisi oleh para penyelidik. Bagi mengisi kekosongan ini, pengkaji mengambil kesempatan membuat kajian tentang peranan mahasiswa yang ditumpukan kepada gerakan mahasiswa pada 1972 hingga 1974.

Banyak perkara tentang perjuangan mahasiswa, pada tahun-tahun 1972 hingga 1974 telah disentuh oleh pengkaji. Misalnya, isu setinggan Tasik Utara, isurampasan Kampus UM, isu kebuluran di Baling, peristiwa penangkapan pemimpin mahasiswa oleh FRU di Masjid Negara, peristiwa rusuhan di Federal Highway. Hal-hal tersebut, disentuh secara laporan

dan tidak mendalam. Di sinilah peranan pengkaji untuk menjelaskan secara terperinci, yang pengkaji anggap ianya sebagai lompong atau kekurangan dari pengkajian-pengkajian sebelumnya.

Meredith L. Weiss, dalam buku Aktivisme Mahasiswa Malaysia, menyentuh peristiwa-peristiwa tersebut, tetapi lebih kepada bentuk rakaman, malah terdapat kesilapan. Contoh yang terbaik, adalah kejadian pada malam rampasan kuasa Kampus UM. Meredith L. Weiss, menyatakan bahawa pengkaji bersama beberapa pemimpin mahasiswa lain di culik dan diikat. Kebanyakan pengkaji, merakamkan perkara yang sama dengan Meredith L Weiss, termasuk K.S Jomo , Ahmad Shabery Cheek dan Hassan Karim. Mereka bertiga menulis, dengan tajuk "Malaysia" di dalam buku *Student Political Activism, An International Reference Handbook,* editornya Phillip G. Altbach. Sedangkan, peristiwa sebenarnya, pengkaji berseorangan di bilik Presiden PMUM, menunggu puak kontra rampasan kuasa kampus.

Dalam kejadian, pemimpin mahasiswa ditangkap di dalam Masjid Negara dan di bawa dengan trak FRU. Meredith L Weiss, tidak dapat menjelaskan bagaimana dan siapa yang dapat melepaskan pemimpin-pemimpin mahasiswa tersebut. Begitu juga dengan pengkaji-pengkaji yang lain, hanya menyebut pemimpin mahasiswa ditahan dan dibawa dengan trak FRU. Kebanyakan pengkaji-pengkaji hanya melaporkan kejadian di Masjid Negara, dan terhenti begitu sahaja. Sedangkan, pembebasan pemimpin mahasiswa seperti Ibrahim Ali dan Anwar Ibrahim, pemimpin ABIM adalah sebahagian dari sejarah di dalam demonstrasi isu Kebuluran Baling.

Meredith L. Weiss juga ada menyentuh tentang rusuhan oleh para mahasiswa di Federal Highway. Begitu juga Syed Husin Ali, di dalam buku, *Two Faces*, *Detention Without Trial*, ada menyentuh tentang rusuhan di Federal Highway. Beliau juga tidak menyebut, siapa yang mengepalai rusuhan itu.

Begitu juga, tentang soal ideologi kepimpinan mahasiswa, yang mewakili persatuan-persatuan mereka. Contohnya, Meredith L.Weiss, ada menyentuh soal ini dan menyatakan terdapat perebutan kuasa antara kepimpinan yang mewakili ideologi mereka. Tetapi Meredith L.Weiss, tidak mengupas secara mendalam, termasuk membincangkan soal

ideologi tersebut dan bagaimana berlakunya pertentangan dan penyatuan di dalam tindakan. Mengapa kadang-kadang merekabersatu dan kadang-kadang mereka bertempur. Atas kekurangan itulah, maka pengkaji telah mengupasnya secara terperinci.

Itulah contoh-contoh kelompongan yang mahu diisi oleh pengkaji melalui kajian ini. Dengan pengisian tersebut, maka pembaca atau pengkaji tentang pergerakan mahasiswa di Malaysia, terutama di UM, akan dapat memahami dengan lebih jelas dan tepat. Sumbangan ini, akan menjadi keperluan penting kepada para pengkaji di masa hadapan.

Pengkaji, membuat kajian tentang perjuangan mahasiswa, penumpuan khusus kepada tahun-tahun 1972 hingga 1974 di Universiti Malaya. Sehubungan itu, pengkaji memberi fokus kepada peranan dan pengaruh sosialisme serta bagaimana ianya dapat menguasai PMUM. Oleh kerana masa untuk dikaji telah lebih 45 tahun yang lampau, maka sudah tentu terdapat permasalahan di dalam kajian ini. Biarpun pengkajian itu bersangkut paut dengan pengkaji, namun masih terdapat permasalahan di sini.

Untuk mengatasi permasalahan tersebut, pengkaji telah menemui rakan-rakan seangkatan dan *senior* di dalam PMUM dan Kelab Sosialis. Juga rakan-rakan yang turut terlibat di dalam PSRM. Malah terdapat juga rakan-rakan yang terlibat di dalam perjuangan mahasiswa, yang bukan dari UM, seperti Ibrahim Ali dan Anwar Ibrahim. Semua mereka ini, berjaya ditemubual berhubung isu yang berkaitan dengan mereka.

Syed Hamid Ali, Sanusi Osman, Halim Ali, adalah pemimpin mahasiswa *senior* yang terlibat dalam perjuangan PBMUM, PMUM dan Kelab Sosialis. Syed Husin Ali, adalah anggota PSRM, yang terlibat dalam pembentukan Kelab Sosialis UM. Manakala Ibrahim Ali, pemimpin KSITM, yang terlibat dalam siri demonstrasibersama pengkaji. Manakala Anwar Ibrahim, pemimpin PBMUM, PMIUM, ABIM, yang ditemubual berhubung percubaannya untuk meminda AUKU 1975, semasa beliau menjadi Menteri Pendidikan Malaysia (1986-1991).

Antara rakan seangkatan di dalam PMUM dan Kelab Sosialis yang ditemubual ialah Hishamuddin Rais, Ahmad Zahid Hamidi, Harris Pardi, Adi Satria, Hassan Karim, Bashkaran, Lim Hwee Seng dan Chia Peng Koi. Keseluruhan mereka, adalah memberi penjelasan, pernyataan, pengesahan dan penerangan berhubung isu yang meliputi gerakan dan tindakan semasa di UM dahulu.

Sebagai contoh, Harris Pardi, khusus memberi penjelasan atau pengesahan tentang kejadian di Rumah Persatuan PMUM, di malam rampasan Kampus UM. Beliau menyatakan, yang pengkaji ditinggalkan berseorangan di bilik Presiden PMUM. Ahmad Zahid Hamidi, memberi penjelasan tentang hal-hal selepas kampus dikepung dan penangkapan pemimpin mahasiswa UM. Hishamuddin Rais, memberitahu banyak perkara dalam siri demonstrasi. Hassan Karim, mengesahkan yang beliau terlibat dalam demonstrasi isu Tasik Utara, isu Kebuluran Baling, yang berakhir dengan beliau dipecat dari UPM. Begitu juga dengan Adi Satria, yang mengesahkan beliau ditangkap semasa demonstrasi di Tasik Utara dan dalam hal-hal lain. Semuanya, yang ditemubual menjadi sumber utama kepada kajian ini.
Responden yang ditemubual sepanjang kerja lapangan adalah seperti yang di senaraikan di dalam jadual di bawah.

Jadual 1.1. Senarai Responden.

Bil	**Nama**	**Tempat Temubual**
1	Hishamuddin Rais	Kuala Lumpur
2	Ahmad Zahid Hamidi	Bangi
3	Harris Pardi	Petaling Jaya
4	Adi Satria	Kuala Lumpur
5	Hassan Karim	Kuala Lumpur
6	Syed Hamid Ali	Kuala Lumpur, Batu Pahat
7	Salehuddin Hashim	Kuala Lumpur
8	Salleh Haji Yusuf	Bangi
9	Sanusi Osman	Kajang

10	Halim Ali	Kuala Lumpur
11	Syed Husin Ali	Petaling Jaya
12	Anwar Ibrahim	Petaling Jaya
13	Ibrahim Ali	Kuala Lumpur
14	Saedan Fakeh	Kuala Lumpur
15	Lim Hwee Seng	Petaling Jaya
16	Bashkaran S.	Kuala Lumpur
17	Lee Chee Keong	Kuala Lumpur
18	Ismail Sabri Yaakob	Petaling Jaya
19	Shamsuddin Moner	Kuala Lumpur
20	Damhore Hamid Tuah	Shah Alam
21	Abdul Manaf Yaakob	Temerloh
22	Che Yazid Che Seman	Cyberjaya
23	Abdul Fatah Ibrahim	Bangi
24	Sariyan Hassan	Gombak
25	Iskandar Naamandadin	Gombak
26	Ishak Hamid	Petaling Jaya

Terdapat tokoh yang tersangat penting untuk ditemubual, tetapi tokoh itu telah meninggal dunia. Contohnya, pengkaji tersangat perlu menemubual Abu Zer Ali, yang menjadi Presiden Kelab Sosialis UM pada tahun 1973/1974. Era beliau menjadi Presiden Kelab Sosialis, adalah tahun yang begitu kuat kedudukan dan pengaruh kelab di kampus UM. Oleh itu terdapat beberapa perkara yang tersangat penting untuk dicatatkan melalui beliau, sayangnya, hal itu terpaksa diperolehi dari sumber kedua, iaitu rakan-rakan Kelab Sosialis. Sudah tentu tidak setepat kalau diperolehi dari Abu Zer Ali sendiri.

Dalam konteks kajian ini, tiada pengkajian khusus tentang Kamarazaman Yacob yang telah diterbitkan atau dibukukan oleh penulis atau pengkaji sebelumnya. Jadi pengkaji, bukan saja perlu membuat kajian untuk melengkapkan fakta, malah terpaksa mengingatkan kembali perkara yang sudah begitu lama ditinggalkan. Oleh itu, pengkaji terpaksa berhati-hati dan meneliti sebelum membuat kesimpulannya terhadap sesuatu kejadian atau isu. Atas perhitungan itulah, maka pengkaji menemubual seramai mungkin kawan-kawan yang terlibat dalam kejadian atau kes-kes tertentu. Senarai nama di atas, adalah sebagai bukti akan ketelitian pengkaji dalam memenuhi kajian ini.

Walaupun pengkaji, ada menulis buku Bersama Anwar Ke Penjara (1993), yang juga menyentuh tentang perjuangan para mahasiswa Malaysia, tetapi ianya tidak meliputi semua perkara atau sangat terhad ruang lingkup yang disentuh. Buku ini ditulis, bertujuan membantu Anwar Ibrahim di dalam pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO daripada Ghafar Baba. Pengkaji ingin membantu Anwar dan cuba membersihkan dirinya yang dituduh pernah memijak bendera Malaysia, semasa berdemonstrasi. Pengkaji menafikannya, tetap imengesahkan bahawa para mahasiswa pernah memijak dan membakar bendera Amerika.

Buku Bersama Anwar Ke Penjara ini, tertumpu kepada gerakan para mahasiswa, terutama merakamkan siri demonstrasi yang turut melibatkan Anwar Ibrahim.Selain itu, pengkaji turut mencatatkan penghidupan di Kem Tahanan Perlindungan, Kamunting, Taiping, Perak. Juga, bagaimana semasa diinterogasi oleh pihak SB atau Cawangan Khas, semasa di tahan di dalam lokap selama 60 hari. Sebahagian besar dari buku ini menceritakan penghidupan pengkaji, Anwar Ibrahim, Syed Hussin Ali, Adi Satria, Ibrahim Ali, Majid Yaakob (pemimpin setinggan Tasik Utara) C.C Yong dan rakan dari CLS seperti Yeo Ban Foo, Lau Heng Neng, Lai Sing Siang dan Yong Ah Chit. Di samping itu terdapat petani miskin dari Hulu Kelantan, yang dikaitkan dengan memberi makanan kepada komunis. Antaranya, Harun, Pak Mat, Pak Soh, Jusoh dan beberapa orang lagi yang pengkaji tidak pasti namanya.

Tegasnya, buku ini adalah sebuah pengkajian yang merakamkan perjuanganmahasiswa dari kaca mata aktivis yang benar-benar terlibat secara langsung.Buku ini boleh membantu para pengkaji yang mahu mengkaji tentang perjuangan mahasiswa dari tahun 1972 hingga tahun 1974. Di samping itu, buku ini turut menyumbang kepada pengkaji yang mahu mengkaji tentang penghidupan tahanan ISA, semasa di dalam Kem Tahanan Perlindungan. Ianya boleh disebariskan dengan karya-karya Kassim Ahmad, iaitu Universiti Kedua. Syed Husin Ali dengan *Two Faces, Detention Without Trial*. Aziz Ishak dengan Tamu Istimewa. Boestaman dengan Tujuh Tahun Malam Memanjang dan lain-lain.

Kebanyakan perkara yang bersangkut paut dengan gerakan mahasiswa pada tahun 1972-1974, yang melibatkan pengkaji masih belum dikaji atau terdapat pengkajian yang kurang jelas dan kurang tepat. Justeru, pengkaji cuba menyelesaikannya dengan sebaik mungkin, melalui kajian ini. Sudah pasti penyelesaian itu berdasarkan pengalaman, pengamatan, pemerhatian dan pentafsiran pengkaji.

Pengkaji berusaha menyelesaikan kekurangan atau mengisi kelompongan bahan-bahan yang berkenaan pengaruh sosialisme dalam kegiatan mahasiswa di UM. Kajian ini dapat memaparkan tentang keberkesanan pengaruh sosialisme ke atas para mahasiswa sehingga menggugat kepimpinan negara. Atas kebimbangan itulah, barangkali Kelab Sosialis dibatalkan pendaftarannya pada September 1974dan mengakibatkan kerajaan mengikat dan merantai aktivis mahasiswa dengan AUKU 1975. Perjuangan mahasiswa tanah air telah banyak diperkatakan sebelum ini dalam berbagai sudut. Junaidi Abu Bakar, membuat kajian khusus tentang kesan AUKU 1975 terhadap aktiviti mahasiswa dan mengkaji sikap mahasiswa terhadap AUKU 1975 serta kesan terhadap mahasiswa. Raghavan mengkaji tentang perjuangan mahasiswa pada tahun 1972/73 sahaja, dengan penekanan kepada Dasar Ekonomi Baru, termasuk hal biasiswa kepada Melayu-bumiputera dan kegiatan politik mahasiswa. Meredith L. Weiss, telah membuat kajian yang begitu meluas tentang gerakan mahasiswa, sejak sebelum merdeka, selepas merdeka, selepas AUKU 1975 hinggalah ke tahun 2010.

Manakala, Muhammad Abu Bakar telah memaparkan sejarah kebangkitan para mahasiswa UM sejak tahun 60-an hingga 1972, dan memperkatakan secara terperinci tentang AUKU 1971. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa perkara yang perlu disempurnakan oleh pengkaji.

Kajian yang dibuat, atau pengkajian yang diketengahkan, lebih merupakan catatan sejarah kegiatan mahasiswa. Bagaimanapun Raghavan dan Junaidi Abu Bakar, mengetengahkan dapatan mereka dari dua bidang yang berbeza. Raghavan lebih menumpukan kepada persoalan yang menimbulkan masalah perkauman, di samping mengupas tentang penerimaan sosialisme oleh para mahasiswa UM. Manakala, Junaidi Abu Bakar, menunjukkan bagaimana kesan AUKU kepada penghidupan para mahasiswa, masyarakat kampus dan kepada persatuan mahasiswa.

Pengkaji melihat, bahawa tiada pengkajian secara khusus, terperinci dan mendalam terhadap gerakan mahasiswa kiri atau sosialisme yang telah dibuat. Sedangkan kegiatan para mahasiswa pada tahun-tahun pertengahan 60-an dan 70-an banyak dipengaruhi oleh golongan kiri, terutamanya di UM. Kemuncak gerakan mahasiswa di Malaysia adalah dari tahun 1972 hingga 1974, yang dihiasi dengan siri demonstrasi di dalam dan luar kampus. Di sebalik tindakan tersebut adalah peranan golongan sosialis melalui Kelab Sosialis, yang menguasai PMUM.Bertolak dari kesedaran inilah, pengkaji cuba mengetengahkan, malah merakamkan secara terperinci kegiatan golongan sosialis di UM. Apatah lagi, pengkaji sendiri terlibat secara langsung bersama komrad sosialis yang lain, seperti Hishamuddin Rais, Abu Zer Ali, Yunus Ali, Harris Pardi, Hamzah Kassim, Halim Latif dan ramai lagi.

Kajian yang dibuat oleh pengkaji, adalah untuk rakaman gerakan mahasiswa pada tahun 1972-1974 yang menjadi sejarah penting kepada gerakan mahasiswa Malaysia. Walaupun masa yang dikaji agak singkat, namun impaknya, bukan saja kepada para mahasiswa di masa itu, sebaliknya kepada para mahasiswa selepasnya. Kesan dari kebangkitan para mahasiswa, yang membimbangkan pihak kerajaan serta pemimpinnya, menyebabkan AUKU 1975 telah

digubal dan dilaksanakan. Pengaruh sosialisme melalui Kelab Sosialis telah memainkan peranan penting dalam kebangkitan mahasiswa menentang kerajaan. Dalam masa yang sama, terdapat gerakan berfahaman nasionalisme yang dipelopori oleh PBMUM, manakala PMIUM berjuang berlandaskan Islamisme cuba menjadi saingan kepada Kelab Sosialis.

Perkara pokok di dalam kajian ini adalah menghalusi atau memperincikan peranan dan pengaruh sosialisme dalam kegiatan mahasiswa di UM serta pengaruh Kelab Sosialis ke atas PMUM dan aktiviti-aktivitinya.

Bagaimana ketiga-tiga ideologi, iaitu Nasionalisme, Islamisme dan Sosialisme berperanan melalui tiga organisasi mahasiswa iaitu PBMUM, PMIUM dan Kelab Sosialis dalam memperkuatkan pengaruh mereka di UM. Kajian juga dibuat dalam memahami, mengapa ketiga-tiga ideologi itu melalui organisasinya, mampu bersatu dalam keadaan tertentu tetapi bertempur di waktu yang lain.

Mengapa selalunya, pengkaji berdemonstrasi bersama para mahasiswa sebagai jalan keluar di dalam menghadapi isu yang berbangkit. Siri demonstrasi terjadi yang mencangkup isu domestik, nasional dan internasional. Mengapakah, selalunya anggota Kelab Sosialis lebih radikal, di dalam tindakan mereka semasa demonstrasi kalau dibandingkan dengan kumpulan yang lain?

1.3 Persoalan Kajian

1.3.1 Sejauh mana Kelab Sosialis, mempengaruhi gerakan PMUM, para mahasiswa dalam siri demonstrasi serta rampasan kuasa kampus UM?

1.3.2 Benarkah kepimpinan Kelab Sosialis, mampu mendekatkan sosialisme kepada para mahasiswa dan orang ramai melalui siri demonstrasi isu Kelaparan Baling, setinggan Tasik Utara dan setinggan Kampung Kerinchi?

1.3.3 Adakah melalui kegiatan dan tindakan, pengkaji sebagai pemimpin PMUM, Kelab Sosialis dan anggota PSRM berjaya menyebarkan sosialisme kepada para mahasiswa dan orang ramai?

1.3.4 Sejauh manakah resistensi dan kemampuan PMUM dalam menjaga kepentingan para mahasiswa dan kepentingan rakyat?

1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Mengenal pasti bagaimana Kelab Sosialis menguasai dan memainkan peranan di dalam mempengaruhi gerakan mahasiswa PMUM dan kegiatan para mahasiswa termasuk terlibat di dalam siri demonstrasi dan rampasan kampus UM.

1.4.2 Mengkaji kepimpinan Kelab Sosialis UM, yang terlibat secara langsung terhadap kegiatan sosialisme, bukan sahaja mendekatkan sosialisme kepada mahasiswa, malah kepada orang ramai atau masyarakat, melalui siri demonstrasi kes Kelaparan Baling, setinggan Tasik Utara dan setinggan Kampung Kerinchi.

1.4.3 Menilai peranan pengkaji, sebagai pemimpin PMUM, Kelab Sosialis dan anggota PSRM, dalam menyebarkan fahaman sosialisme dalam kalangan para mahasiswa UM dan orang ramai, melalui kegiatan dan tindakannya.

1.4.4 Mengukur secara terperinci terhadap peranan PMUM dan resistensi dalam menjaga kepentingan para mahasiswa dan kepentingan rakyat.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting bagi mengisi kekosongan oleh pengkaji atau pengkaji yang terdahulu berhubung pergerakan mahasiswa tanah air. Dengan kajian yang dibuatoleh pengkaji ini, dapat membantu dalam mengkaji hal-hal berkaitan dengan pergerakan mahasiswa di Malaysia. Terutama yang melibatkan kegiatan atau kebangkitan mahasiswa di UM, kerana pengkaji terlibat aktif sebagai Presiden PMUM pada tahun 1973/74.

Pertama, bagi mengisi kelompongan atau kekosongan terhadap kajian yang pernah dibuat atau dibukukan. Juga boleh memperbetulkan kesilapan fakta atau kenyataan yang tidak tepat, malah boleh merosakkan kebenaran sejarah. Contohnya, tulisan Meredith L. Weiss, K. S. Jomo, Hassan Karim, Ahmad Shabery Cheek dan Mohd Ridhwan Alias, yang mengatakan pengkaji ditahan bersama pemimpin MTS dan diikat. Realitinya, adalah disebaliknya, yang dijelaskan oleh pengkaji melalui tajuk Rampasan Kamus Universiti Malaya. Di samping itu, menambahkan fakta yang tidak disentuh oleh pengkaji terdahulu yang boleh menimbulkan persoalan atau kekurangan.

Pengkaji cuba membuat analisis yang dirasakan paling tepat terhadap sesuatu persoalan yang masih tidak dianalisis. Mungkin pengkaji tidak bersetuju terhadap analisis yang telah dibuat, terutama berhubung dengan pengkaji, maka analisis baru perlu dilakukan. Bagi pengkaji, analisis tersangat penting terhadap sesuatu isu atau persoalan. Kesilapan fakta, misalnya perbezaan antara hari atau bulan, masih tidak merosakkan persoalan atau isu. Tetapi analisis yang salah boleh merosakkan keseluruhan isu atau persoalan.

Pengkaji memberi pandangan baru, terhadap gerakan dan kebangkitan mahasiswa tanah air, biarpun tidak segagah kebangkitan mahasiswa Indonesia, Filipina, Thailand, Korea Selatan dan Jepun yang pernah menjatuhkan rejim di negara mereka.

Pengalaman dan penglibatan pengkaji, dalam kepimpinan mahasiswa dapat membantu atau mengisi kekosongan serta kelompongan yang berkaitan kebangkitan mahasiswa. Semuanya, pengkaji ketengahkan dengan berdasarkan kebenaran dan kejujuran tanpa menokok tambah.

Dalam kajian ini, pengkaji dapat memberi beberapa panduan, iktibar, tunjuk ajar dan tindakan, sama ada oleh para mahasiswa, persatuan mahasiswa, pihak pentadbiran universiti, pihak kerajaan dan masyarakat amnya. Semuanya, adalah sebagai sumbangan yang sangat berguna.

Pertama, untuk para mahasiswa, di mana mereka boleh melihat, bahawa penglibatan di dalam persatuan mahasiswa boleh mengasah bakat kepimpinan mereka. Akhirnya boleh membantu mereka yang cenderung di dalam bidang politik, untuk lahir sebagai tokoh politik. Antaranya Anwar Ibrahim, Ahmad ZahidHamidi, Aziz Shamsuddin, Shahidan Kassim, Ibrahim Ali, Hassan Karim, tokoh sebelum AUKU 1975. Manakala, tokoh selepas AUKU 1975, antaranya Ismail Sabri Yaakob, Ahmad Shabery Cheek dan Takiyuddin hassan.

Kedua, para mahasiswa juga, dapat mengambil iktibar, bahawa sekiranya terlampau aktif berpersatuan, kadang-kadang boleh membawa kerugian, sama ada gagal di dalam peperiksaan, menangguhkan peperiksaan dan dibuang dari universiti. Antara contoh, mahasiswa yang gagal di dalam peperiksaan sehingga dibuang dari universiti ialah Ramli Sharif, bekas Naib Presiden PMUM, Majlis ke14 (1971-1972). Manakala Adi Satria, Penolong Setiausaha PMUM (1973-1974) terpaksa mengambil peperiksaan semasa di dalam Kem Tahanan ISA, Kamunting. Terdapat mahasiswa yang memohon untuk menangguhkan peperiksaannya, iaitu Hishamuddin Rais, yang kebetulannya Presiden dan Setiausaha Agung PMUM, boleh memohon kepada universiti untuk penangguhan.Hassan Karim, bekas Naib Presiden PMUPM, telah dibuang dari universiti, kesan dari demonstrasi di Tasik Utara dan isu Kelaparan Baling.

Ketiga, bagi persatuan mahasiswa, banyak iktibar yang boleh digarap dari kajian ini. Antaranya, mereka boleh melihat, bagaimana isu-isu yang menyentuh kepentingan para mahasiswa, masalah rakyat marhaen dan kepentingan Islam, boleh menyatukan seluruh tenaga mahasiswa biarpun dari ideologi yang berbeza. Kepentingan bersama, menjadi ikatan kepada penyatuan tenaga mahasiswa dari persatuan yang berbeza. Contoh yang jelas, adalah demonstrasi menentang AUKU 1971, demonstrasi Isu Setinggan Tasik Utara dan demonstrasi isu Kelaparan Baling dan demonstrasi Perang Ramadan.

Keempat, pihak pentadbiran universiti, boleh melihat bagaimana para mahasiswa dan persatuan mereka boleh bertindak secara keras, kiranya isu yang dibangkitkan tidak mendapat layanan yang sewajarnya. Sama ada, isu itu yang menyentuh kepentingan mereka di kampus atau isu di luar kampus. Tindakan paling keras yang pernah dilakukan adalah merampas kuasa Universiti Malaya, pada 21 September 1974, berhubung isu Setinggan Tasik Utara. Tindakan seperti itu, boleh diambil sebagai pengalaman kepada pihak universiti, bahawa demonstrasi oleh para mahasiswa perlu diawasi sepenuhnya, kerana sebarang kemungkinan boleh berlaku.

Kelima, pihak pentadbiran universiti, seharusnya bertolak ansur sebanyak yang mungkin terhadap para mahasiswa dan persatuan mereka, kerana mengawal lebih mudah dari mengekang bila mereka bertindak secara kekerasan dan berterusan. Tuntutan para pemimpin mahasiswa perlulah dilayan dengan penuh berhemah, perlu dielak segala bentuk konfrontasi dengan mereka, kerana sebarang kemungkinan boleh berlaku, apabila mereka memobilisasikan para mahasiswa. Memanglah payah untuk melakukannya, seperti kata pepatah, persis menarik rambut di dalam tepung.

Keenam, pihak kerajaan boleh mengambil iktibar dari kajian ini, di mana para mahasiswa dan persatuan mereka boleh bertindak keluar dari kampus tanpa peduli gangguan dari aparatus negara, seperti polis dan FRU. Mereka juga boleh mempengaruhi orang awam untuk bersama dalam melakukan tindakan seperti mana keterlibatan penduduk setinggan Kampung Kerinchi semasa merusuh di Federal Highway.

Ketujuh, kerajaan boleh mengkaji, sejauh mana keberkesanan AUKU 1971 dan AUKU 1975, dalam mengekang kegiatan mahasiswa, terutama kegiatan mahasiswa kiri yang agak lebih militan. Adakah dengan AUKU 1975 itu, kerajaan berjaya mengekang kegiatan mahasiswa kiri yang militan, atau sehingga melumpuhkan sepenuhnya kegiatan para mahasiswa dan persatuan mereka di kampus-kampus universiti? Dalam kajian ini, menunjukkan AUKU 1975, telah mengikat sepenuhnya para mahasiswa dan persatuan mereka. Maka kerajaan perlu mencari jalan keluar supaya keadaan itu dapat diatasi yang boleh membawakeuntungan kepada mahasiswa, pentadbiran universiti dan kerajaan.

Kelapan, dari kajian ini, menunjukkan bahawa tindakan kerajaan dengan menggunakan pasukan Polis Hutan dan SB mengepung kampus dan menangkap pemimpin mahasiswa serta pensyarah, merupakan tindakan yang tidak popular malah ditentang oleh para mahasiswa dan masyarakat.

Kesembilan, kerajaan telah melakukan penangkapan terhadap pemimpin mahasiswa dan pensyarah di bawah ISA. Sebahagian dari mereka terus ditahandi bawah ISA, di Kem Tahanan Perlindungan, Taiping Perak. Kerajaan perlu mengkaji, adakah langkah sekeras itu sesuai kepada mahasiswa, sedangkan tujuan asal semasa penggubalan ISA, adalah dikhaskan kepada pihak komunis. Kajian ini, membuka ruang untuk kerajaan, memikirkan cara atau kaedah lain dalam menghukum pemimpin mahasiswa atau pensyarah, agar mereka tidak teraniaya. Terdapat dalam kalangan pemimpin mahasiswa, terpaksa mengambil peperiksaan tahun akhir di dalam Kem Tahanan, seperti Adi Satria dan Ibrahim Ali, manakala Hamzah Kassim mengambil peperiksaan tahun tiga undang- undang.

Kesepuluh, kepentingan dari kajian ini, adalah memberi kesedaran kepada kerajaan, pihak universiti, persatuan dan para mahasiswa, bahawa jalan yang terbaik, adalah penyelesaian sesuatu isu melalui perundingan. Sebarang tindakankeras sama ada dari pihak kerajaan, pentadbir universiti, persatuan dan para mahasiswa, tidak dapat menyelesaikan masalah, sebaliknya boleh lebih merumitkan keadaan.

1.6 Skop Kajian Dan Pembahagian Bab

Kajian ini menumpukan kepada pergerakan atau kegiatan mahasiswa Universiti Malaya melalui Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM). Secara jelasnyaia berkisar pada kegiatan atau aktiviti pada 1972 hingga 1974. Di samping itu kajian juga disandarkan kepada penglibatan pengkaji di dalam segala pergerakan dan tindakan sebagai Presiden PMUM.

Pengalaman dan kegiatan yang masih di dalam ingatan pengkaji, sangat membantu dalam membuat kajian ini. Di mana ianya memandu pengkaji, dalam melangkah dari suatu isu kepada isu yang lain sehingga selesai dalam membuat kajian ini.

Pengkaji memilih tajuk, Resistensi Pemikiran Sosialisme Dalam Gerakan Mahasiswa Universiti Malaya (1972-1974) kerana merasakan pengaruh sosialisme sangat signifikan, di dalam kegiatan mahasiswa Universiti Malaya pada tahun-tahun tersebut. Barangkali, sekiranya pengaruh sosialisme tidak mencengkam PMUM dan tidak mampu menguasai pemikiran mahasiswa, pengkaji percaya sejarah perjuangan mahasiswa di Malaysia menjadi lebih lemah, lesu dan tidak bermaya. Barangkali, para mahasiswa tidak menyambut permasalahan rakyat marhaen, seperti kes setinggan di Tasik Utara, isu kebuluran di Baling dan isu penindasan terhadap pembukaan tanah oleh Hamid Tuah.

Dalam kata lain, bahawa tajuk tersebut sudah menggambarkan, betapa sosialisme melalui Kelab Sosialis dapat menguasai persatuan mahasiswa yang terbesar dan sangat berpengaruh di Malaysia. Apabila PMUM, dikuasai oleh para pemimpin yang begitu jelas ideologi mereka iaitu sosialisme, maka sudah pasti persatuan tersebut akan digerakkan mengikut landasan ideologi. Bertolak dari premis itulah, perjuangan PMUM, menjadi semakin jelas di dalam mempertahankan hak kebebasan para mahasiswa dan persatuan, bila mana PMUM menentang AUKU 1971 tanpa kompromi. PMUM digerakkan untuk berjuang mempertahankan hak serta tuntutan rakyat marhaen seperti kes Tasik Utara dan kebuluran

di Baling. Begitu juga, PMUM diheret untuk memperjuang dan mempertahankan hak rakyat dan negara tertindas, seperti Palestin yang dibuli oleh Israel dan Amerika.

Pengkaji melihat, kehebatan perjuangan mahasiswa Malaysia, yang lebihdicorakkan oleh PMUM itu, tidak mampu mencatat sejarah yang besar, kalau tidakdigerakkan oleh ideologi sosialisme. Justeru, kesemua kegiatan dan siri demonstrasi serta rampasan Kampus UM, juga mengikut jalur sosialisme. Rampasan kuasa Kampus UM, merupakan tindakan paling militan yang pernah berlaku di Malaysia.

Persoalan mungkin timbul, mengapa pengaruh sosialisme begitu kuat di Kampus UM, sedangkan pengaruh sosialisme, semakin merosot di dalam masyarakat? Itu kalau diukur dari kemampuan parti politik kiri atau berfahaman sosialisme, dari keputusan-keputusan pilihan raya. Memang realiti itu tidak dapat dinafikan, keranaPSRM adalah sebuah parti yang berjuang di atas garis sosialisme yang sejati. Malangnya, selepas memenangi tiga kerusi DUN pada Pilihan Raya 1969, PSRM tidak lagi memenangi sebarang kerusi pada pilihan raya selepas itu. Ianya berbeza dengan DAP, yang kononnya berpegang kepada Sosialis Demokratik, terus memenangi kerusi-kerusi DUN dan Parlimen sejak tahun 1969 dan seterusnya.

Sebenarnya, DAP bukanlah sebuah parti sosialisme yang sebenar, kerana parti tersebut lebih merupakan sebuah parti cauvinis Cina. Wajah DAP , dapat dilihat sejak ianya lahir dalam politik Malaysia pada 1969. DAP memenangi pilihan raya pada tahun tersebut dengan memainkan isu-isu perkauman, seperti mempersoalkan hak-hak keistimewaan orang Melayu, raja-raja Melayu dan perlembagaan Malaysia. Sosialisme sejati, adalah berdasarkan kelas, bukan berdasarkan kaum, apatah lagi membakarkan isu-isu perkauman seperti mana dilakukan oleh DAP. Oleh kerana DAP menyuarakan isu-isu perkauman Cina, manakala UMNO mempertahan hak-hak Orang Melayu, begitu juga dengan MCA dan MIC, maka PSRM tersepit di antara parti-parti tersebut. Sudah tentulah perjuangan kelas yang dibawa oleh PSRM menjadi tidak popular dan payahmemecahkan monopoli pengaruh parti politik berbentuk perkauman.

Jadi mengapa pengaruh sosialisme menjadi utuh di Kampus UM, sedangkan pengaruh sosialisme merosot di dalam masyarakat? Raghavan, dalam kajian tesisPhD, *A Study of The Political Attitudes Of Students From The University Of Malaya*, penumpuan pada tahun sesi 1972/73. Dapatan beliau menunjukkan mahasiswa dari semua kaum percaya, bahawa sosialisme dapat menyelesaikan masalah ketidakadilan sosial dan ekonomi. Menariknya, mahasiswa Melayu bimbang, sekiranya sosialisme berjaya, ianya mungkin menggugat hak istimewa Orang Melayu dan agama Islam. Sebaliknya, mahasiswa bukan Melayu, percaya sosialisme dapat memberi keadilan sosial dan ekonomi, tetapi diyakini tidak mampu menyelesaikan masalah perkauman.

Dapatan kajian Raghavan itu, sudah memberi jawapan mengapa sosialisme dapat berkembang di Kampus UM. Sekali gus memberi petunjuk, bahawa golongan sosialis boleh dan mudah diterima oleh para mahasiswa. Justeru, tiada masalah kepada Kelab Sosialis untuk menguasai PMUM dan menggerakkannya mengikut acuan sosialisme.

Oleh kerana sebahagian besar para mahasiswa Melayu datangnya dari kampung, malah dari keluarga miskin, menyebabkan mereka mudah sensitif terhadap isu-isu kemiskinan. Maka apa saja bentuk perjuangan yang memihak kepada orang miskin, mudah menyentuh rasa simpati mereka. Justeru, apa pun tindakan, tanpa mengira garis politik, mudah mereka turut sertai dan memberi sokongan serta dukungan. Jadi, semasa aktivis sosialis menyuarakan soal-soal marhaenismemelalui PMUM, para mahasiswa menerimanya kerana penghidupan di kampung diserkupi oleh kesusahan dan kemiskinan. Tentunya, sebahagian besar anggota masyarakat kampung mereka masih dirantai dan dibelenggu oleh kemiskinan.

Justeru, para mahasiswa menjadi sensitif terhadap isu kemiskinan, penindasan, ketidakadilan, menyalahguna kuasa, penyelewengan dan korupsi. Isu Hamid Tuah, dilihat sebagai isu penindasan oleh para mahasiswa. Bagi mereka, perjuangan Hamid Tuah bersama pengikutnya, untuk membuka tanah bagi bercucuk tanam dan penempatan, adalah suatu perjuangan mendapatkan hak sebagai rakyat sah negara ini. Sebaliknya, mereka dihalau,

ditangkap dan seluruh tanaman serta rumah-rumah mereka dimusnahkan. Sedangkan para mahasiswa tahu, bahawa pihak pemerintah telah memberi ratusan, malah ribuan ekar kepada cukong-cukong Cina untuk membuat estet.

Para mahasiswa pergi ke Tasik Utara, untuk membantu setinggan mempertahankan dan menuntut hak-hak mereka. Pemimpin BN menjanjikan lot- lot tanah kepada setinggan Tasik Utara, menjelang pilihan raya 1974, sekiranya mereka menyokong calon-calon BN. Atas mempercayai janji-janji tersebut, para setinggan telah menamakan penempatan mereka sebagai Kampung Barisan Nasional. Bukan sahaja janji untuk memberikan lot-lot itu tidak dilaksanakan,malah penempatan itu mahu dirobohkan untuk dijadikan padang golf. Para mahasiswa tidak boleh menerima bentuk penyelewengan dan penindasan terhadap rakyat marhaen tersebut. Maka, atas nama keadilan, para mahasiswa turut berdemonstrasi bersama setinggan di Tasik Utara.

Abu Zer Ali, telah dihantar ke Baling untuk melihat dan mengetahui keadaan sebenar. Beliau pulang membawa ubi gadung bersama cerita sebenarnya tentangkemiskinan rakyat di Baling dan kebangkitan rakyat di sana. Bekas pemimpin Kelab Sosialis, termasuk pengkaji, membuat keputusan untuk mengadakan demonstrasi. Akhirnya, seluruh mahasiswa tanah air, mengadakan perhimpunan dan demonstrasi di Dataran Merdeka. Itu adalah demonstrasi mahasiswa yang paling besar di negara ini dan melibatkan hampir keseluruhan institusi pengajian tinggi di Lembah Kelang. Isu ini menjurus kepada kemiskinan rakyat yang tidak terbela dan kegagalan kerajaan mengawal harga barang. Di masa yang sama kerajaan gagal dalam mengawal harga komoditi dari dimanipulasi oleh cukong- cukong Cina atau orang tengah.

Pengalaman sebagai pemimpin mahasiswa, sama ada melalui PMUM, PBMUM, PMIUM, Kelab Sosialis, CLS dan TLS itulah yang akhirnya mereka menjadi pemimpin masyarakat dan negara. Ramai tokoh-tokoh politik Malaysia dilahirkan oleh organisasi mahasiswa dari Universiti Malaya. Walaupun skop kajian ini agak sempit, tidak mampu membuat kesimpulan atau jangkaan yang tepat, namun kebanyakan pemimpin tersebut mengasah

bakat mereka semasa memegang jawatan penting di dalam persatuan-persatuan di atas. Kepimpinan mereka bermula dari sini dan inilah sebahagian dari skop kajiannya.

Antara tokoh penting politik tanah air, yang mengasah bakat di dalam persatuan dan Sudut Pidato ialah Anwar Ibrahim, Ahmad Zahid Hamidi, Aziz Shamsuddin, Shahidan Kassim, Ismail Sabri Yaakob, Shabery Cheek dan Takiyuddin Hassan. Anwar Ibrahim pernah menjadi Presiden PBMUM dan PMIUM. Ahmad Zahid Hamidi, pernah menjadi Naib Presiden PMUM. Aziz Shamsuddin pernah menjadi Presiden PBMUM. Shahidan Kassim aktif di dalam PBMUM dan PMIUM. Ismail Sabri Yaakob pernah menjadi Presiden PMUM. Ahmad Shabery Cheek, pernah menjadi Presiden PMUM. Takiyuddin Hassan, pernah menjadi Presiden PMUM.

Sebagai kesimpulannya, pengkaji memilih tajuk : berdasarkan tiga perkara atau sebab. Pertama pada tahun-tahun tersebut, pengkaji terlibat aktif di dalam PMUM dan Kelab Sosialis. Kedua, pada tahun-tahun tersebut pengaruh sosialisme melalui Kelab Sosialis menguasai PMUM. Ketiga, selepas tahun tersebut, persatuan mahasiswa telah dilumpuhkan dengan AUKU 1975. Di samping itu, PMUM telah digantung selepas rampasan Kampus Universiti Malaya pada 21 September 1974, dan Kelab Sosialis dibatalkan oleh ROS.

Bertolak dari premis di atas, maka pengkaji mengambil tajuk tersebut untuk dikaji secara ilmiah, melalui kaedah autobiografi. Lagipun, setakat ini tiada kajian dibuat tentang bagaimana, dan sejauh mana sosialisme serta peranan Kelab Sosialis dalam mempengaruhi tindak tanduk PMUM pada tahun 1972-1974. Kalau dikaji sejarah perjuangan mahasiswa di Malaysia, dapat disimpulkan bahawa pada tahun-tahun tersebut, perjuangan mahasiswa mendapat perhatian rakyat dan kerajaan.

Pengkaji mengambil tajuk ini, kerana melalui pengamatan pengkaji, bahawa pada tahun-tahun tersebut bolehlah dianggap kemuncak kepada pergerakanmahasiswa tanah air. Siri demonstrasi, sama ada berhubung isu domestik para mahasiswa, isu kepentingan rakyat atau

isu keadilan sejagat telah menghiasi gerakan mahasiswa pada masa tersebut. Para mahasiswa, sebagai sebahagian dari anggota masyarakat, telah berjuang dengan penuh jujur dan tiada kepentingan. Mereka berjuang atas rasa tanggungjawab kepada bangsa dan negara. Berjuang atas kepercayaan tanpa memerlukan pengiktirafan dan ganjaran.

Pengkaji terlibat di dalam perjuangan yang panjang tersebut. Terlibat menyusun, mengatur dan menggerakkan aktiviti serta siri demonstrasi yang melibatkan para mahasiswa Universiti Malaya, PMUM dan Kelab Sosialis. Pengkaji terlibat memegang berbagai jawatan di dalam PMUM, dari tahun 1972 hingga 1974. Pengkaji menjadi Setiausaha Penerbitan dan Penerangan PMUM (1972/73).Menjadi Presiden PMUM (1973/74). Turut memegang jawatan Ketua Penerangan Kelab Sosialis. Tegasnya, pengkaji terlibat secara langsung dan aktif kepada kedua-dua persatuan tersebut. Justeru, tidak diragui lagi, bahawa pengkaji dapat melihat dengan jelas, tepat dan berkesan akan kejadian sepanjang tempuh tersebut. Pengkaji penuh keyakinan bahawa tajuk dan skop kajian yang dibuat adalah tepat sekali.

Pengkaji penuh percaya, penjelasan penuh skop kajian ini sangat berguna kepada para mahasiswa di masa depan. Malah ianya boleh dijadikan panduan kepada pemimpin mahasiswa atau persatuan mahasiswa akan datang.

Bagi melengkapkan tesis ini, pengkaji telah membahagikan kepada tujuh bab. Di mana bab 1, 2, 3 dan 4, lebih kepada hal-hal berkaitan dengan latar belakang kajian. Manakala bab 5, 6 dan 7 adalah pengisian kepada tesis ini. Kekuatan tesis ini bersandarkan kepada bab 5 hingga 7. Pembahagian bab-bab tersebut adalah seperti berikut :

BAB 1. Bab ini adalah bab Pendahuluan. Kajian dimulakan dengan pengenalan.Kemudian diikuti dengan permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian dan soalan kajian. Akhirnya adalah skop kajian dan pembahagian bab berdasarkan keperluannya.

BAB 2. Bab ini adalah Kajian Literatur terhadap pengkajian yang lepasberhubung bidang kajian. Pengkaji membahagikan kepada dua bahagian, iaitu kajian literatur di dalam negara dan di luar negara. Pengkaji akan mengupas beberapa buah buku, pengkajian dan pembedahan sepenuhnya ialah: Pertama, Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia (2016). Kedua, Raveendran Raghavan (Rhagavan), *A Study of a Political Attitudes of Student from the University of Malaya,* Tesis PhD. Ketiga, *The Fajar Generation, pynt* Poh Soo Kai Tan Jing Quee Koh Kay Yew, (2010). Keempat, Junaidi Abu Bakar, Mahasiswa Politik Dan Undang-Undang, DBP, (2008). Kelima, Muhammad Abu Bakar, Mahasiswa Menggugat, Pustaka Antara, 1973. Di samping empat buah lagi buku yang terdapat di dalam kajian literatur ini. Teori-teori Kepimpinan berkaitan.

BAB 3. Bab ini menyentuh soal Metodologi kajian

BAB 4. Bab ini menyentuh soal Dapatan kajian.

BAB 5. Menerima Pengaruh Awal Fahaman Sosialis. Latar belakang kampung dan masyarakatnya. Zaman Persekolahan dan Kesimpulan. Gerakan Sosialisme Di Universiti Malaya. Sejarah Universiti Malaya. Aktivis Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya dan Kesimpulan.

BAB 6. Peranan PMUM Dalam Siri Demonstrasi. Menjadi Presiden PMUM. Isu Tasik Utara dan Rampasan Kampus UM, Isu Kebuluran Baling dan Kesimpulan.

BAB 7: Kesinambungan Perjuangan: Penangkapan dan Tahanan ISA, Kesan Pindaan AUKU 1975 Terhadap Mahasiswa, Tiga Ideologi Yang Berpengaruh di UM dan Kesimpulan.

BAB 8. Cadangan dan Kesimpulan

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kajian literatur merupakan hasilan terdahulu yang boleh dijadikan maklumat kepada kajian yang dibuat. Sama ada ianya adalah buku, penyelidikan (tesis), dokumen, jurnal, kertas kerja dan sebagainya. Hasilan tersebut, sama ada telah dibukukan atau sebaliknya, tetap mempunyai maklumat, data, bukti, analisa yang sangat membantu kepada pengkaji untuk sesuatu topik. Kajian literatur, dapat membantu pengkaji mengutip idea dan sekali gus membentuk kerangka kajian. Kajian literatur, juga bertujuan untuk meletakkan kajian yang dibuat berdasarkan maklumat dan pengetahuan terdahulu dengan topik yangdikaji. Justeru, kajian literatur merupakan tajuk yang penting untuk seseorang yang terlibat di dalam membuat penyelidikan atau kajian akademik.

Kajian literatur, juga dikenali sebagai kajian perpustakaan. Kajian terhadap hasilan para sarjana dan ilmuan yang mempunyai hubungan dengan topik yang dikaji. Ianya bertujuan untuk pengkaji mengutip ilmu, idea dan dapatan yang berhubung kait dengan kajian yang dibuat. Bahan-bahan tersebut mempunyai kaitan rapat dengan objektif penyelidikan, soalan kajian yang diketengahkan dan isu yang dibincangkan. Dalam bab ini, pengkaji membincangkan kajian literatur berkaitan dengan perjuangan para mahasiswa tanah air. Malah menjurus kepada perjuangan mahasiswa di Universiti Malaya, dengan menfokuskan kepada pengaruh sosialisme di dalam Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya.

Oleh kerana perjuangan para mahasiswa ini tersangat luas, iaitu meliputi perjuangan mahasiswa seluruh dunia, maka kajian literatur juga perlu meliputi perkara tersebut. Memang tidak dapat dinafikan, bahawa perjuangan mahasiswa di negara luar jauh lebih awal dari perjuangan mahasiswa di Malaysia. Malah perjuangan para mahasiswa di luar negara jauh lebih signifikan kalau dibandingkan dengan perjuangan para mahasiswa di Malaysia.

Bertolak dari premis ini, pengkaji membahagikan kajian literatur ini kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan di dalam negara dan sebaliknya.

2.2 Kajian Oleh Pengkaji Tempatan

Banyak terdapat pengkajian tentang perjuangan mahasiswa tanah air terutama di Universiti Malaya. Ini mudah difahami, kerana UM adalah universiti tertua di Malaysia. Semasa kebangkitan awal para mahasiswa pada pertengahan tahun 1960, hanya universiti Malaya sahaja yang terdapat di Malaysia. Universiti Sains Pulau Pinang ditubuhkan pada tahun 1969, manakala Universiti Kebangsaan Malaysia di tubuhkan pada tahun 1970. Pada awal tahun 70-an hanya PMUM yang mempunyai segala kemudahan dan mempunyai ahli paling ramai iaitu melebihi 8,700 orang. Biasanya PMUM mendahului dalam segala tindakan termasuk di dalam siri demonstrasi, mungkin kerana PMUM mempunyai segala kemudahan, mahasiswa yang ramai, pemimpin yang berideologi dan berada di Kuala Lumpur.

Kajian lalu tentang mahasiswa dan undang-undang amat terhad bilangannya. Terdapat cuma beberapa kajian dibuat, terutama yang menumpukan perhatian kepada politik mahasiswa di Malaysia[5].

Junaidi melalui bukunya, Mahasiswa Politik Dan Undang-Undang, mengupas secara terperinci tentang Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dalam semuaaspek. Beliau membicarakan dari sebab-sebab mengapa ianya diperkenalkanatau sejarah bagaimana ianya perlu diperkenalkan. Kemudian disentuh tentang perbahasan di parlimen semasa pembentangan RUU tersebut sebelum diluluskan. Diterangkan juga bagaimana AUKU menjejaskan bukan saja kepada aktiviti mahasiswa, malah kepada ahli akademik dan pentadbiran universiti.

Beliau juga menyentuh soal kesan AUKU kepada kegiatan penghidupan mahasiswa di

[5] Junaidi Abu Bakar, Mahasiswa Politik Dan Undang-Undang, ms.8.

kampus. Di samping itu beliau mengupas tentang kesedaran undang-undang dan sikap mahasiswa terhadap AUKU. Akhirnya analisis beliau terhadap kegiatan mahasiswa di universiti selepas AUKU.

Dalam membuat analisis politik mahasiswa, Junaidi menunjukkan bahawa kegiatan politik mahasiswa yang sangat ketara pada penghujung 60-an sebagai penyebab kepada AUKU diperkenalkan. Untuk mempertahankan pendapatnya itu beliau mengemukakan kegiatan, kebangkitan dan siri demonstrasi para mahasiswa terhadap kerajaan. Kemudian disandarkan pendapatnya itu kepada kegiatan Kelab Sosialis UM, yang dikatakan bersimpati dengan menyokong perjuangan parti pembangkang iaitu Parti Buruh dan Partai Rakyat[6].

Selanjutnya Junaidi menyatakan, bahawa selepas peristiwa 13 Mei 1969, kerajaan mahu memperkuatkan kedudukan dengan membuat pindaan perlembagaan pada 1971. Dalam konteks inilah AUKU 1971 telah digubal dan diluluskan bagi mengawal kegiatan mahasiswa dan menentukan arah pentadbiran universiti[7].

Di dalam bukunya itu, Junaidi membariskan peristiwa-peristiwa penting di dalam negara dan kegiatan mahasiswa. Beliau menyorot kes 13 Mei 1969 sebagai faktorpenyebab kepada lahirnya AUKU 1971. Ini turut dikaitkan dengan penglibatanaktif PMUM semasa kempen PRU 1969. Penglibatan mahasiswa seperti Syed Hamid Ali di dalam perarakan atas kematian pemuda anggota Parti Buruh pada 9 Mei, turut disentuh. Kemudian penentangan terhadap Tunku dikupasnya secara jelas, yang dipimpin oleh Anwar Ibrahim (PBMUM) dan Syed Hamid Ali (Kelab Sosialis).

Buku Mahasiswa Politik dan Undang-Undang, sangat berbeza dengan kebanyakan buku berhubung perjuangan mahasiswa di Malaysia. Buku ini penumpuannya terhadap AUKU secara khusus dan mengupasnya dari sudutundang-undang. Atas kelebihan itu pengkaji mengambil buku ini sebagai salah satu buku untuk memenuhi keperluan kajian literatur.

[6] Junaidi Abu Bakar, Mahasiswa Politik Dan Undang. ms. 15
[7] Ibid, ms.15

Rabeendra Raghavan, membuat kajian thesis PhD, tentang mahasiswa UM sesi pengajian 1972/73. Tajuk thesis beliau ialah, *A Study Of The Political Attitudes Of Students From The University Of Malaya.*

Biarpun kajian Raghavan nampak sempit masa waktunya, namun beliau telah membuat kajian dan laporan yang begitu luas. Beberapa perkara penting yang dikaji oleh beliau, iaitu pertumbuhan atau perkembangan pelajaran tinggi di Malaysia, dasar kerajaan terhadap pemberian biasiswa, penghidupan dan kegiatan mahasiswa serta masalah perkauman di kalangan mahasiswa. Beliau membuat penilaian berdasarkan kajian dan menganalisis bagi mendapatkan jawapannya. Dapatan itu dirumus untuk dijadikan jawapan kepada permasalahan yang dikaji oleh beliau.

Beliau pada awal pengkajiannya, menunjukkan bagaimana kesan sejarah kependudukan rakyat semasa Inggeris menjadi punca kepada tumbuhnya rasa perkauman antara bangsa di Malaysia. Perasaan tersebut tidak terhenti selepas merdeka, malah terus semarak sehingga mencetuskan peristiwa 13 Mei 1969. Selepas itu beliau mengambil peristiwa tersebut sebagai sempadan penilaiannya, iaitu menggunakan istilah sebelum dan pasca 13 Mei.

Raghavan mengupas permasalahan perkauman melalui penilaiannya kepada suasana dan keadaan menjelang, semasa kempen serta keputusan PRU. Beliau membandingkan keadaan dan keputusan PRU 1955, 1959, 1964 dan 1969. Beliau merumuskan keadaan PRU 1955 tidak menimbulkan masalah kepadaPerikatan kerana memenangi 51 kerusi Parlimen dari 52 kerusi. PRU 1959 berbeza, kerana selepas merdeka, orang Melayu mendapat hak-hak yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

Raghavan menunjukkan pertelagahan dalam pembahagian kerusi antara UMNO dan MCA menjelang PRU 1959, sebagai gambaran terdapatnya unsur-unsur perkauman antara kedua-duanya. Keputusan Perikatan merosot kerana kempen berbau perkauman oleh parti

pembangkang memberi kesan kepada Perikatan. Keadaan semakin teruk pada PRU 1969, kerana DAP, PPP dan GERAKAN turut menyerang, mempersoalkan hak-hak kepentingan orang Melayu di dalam perlembagaan. Kemuncaknya berlaku peristiwa 13 Mei 1969.

Bagi Raghavan, bibit-bibit itulah yang tumbuh membesar dan menjadi amalan kepada mahasiswa di Universiti Malaya. Beliau turut menunjukkan, bagaimana pemberian biasiswa atau dermasiswa yang banyak kepada mahasiswa Melayu, telah menimbulkan rasa tidak senang di kalangan mahasiswa bukan Melayu. Fenomena ini juga menyumbang kepada terjadinya perkauman antara mahasiswaMelayu dan bukan Melayu.

Untuk membuktikan keadaan itu, Raghavan telah membuat survei berhubungpola pemilihan ahli Majlis PMUM oleh para mahasiswa Melayu, Cina dan India. Dapatan dari surveinya jelas menunjukkan bahawa pola pengundian bagi mengisi Majlis Kepimpinan PMUM berdasarkan bangsa. Bagaimanapun satu dapatan yang menarik dari kajiannya, bahawa majoriti para mahasiswa tidak menolak sosialisme.

Dapatan beliau dalam isu sosialisme dan keyakinan mahasiswa sekiranya dasar sosialis dilaksanakan, mereka percaya keadilan sosio-ekonomi akan berlaku. Bagaimanapun, kebanyakan mahasiswa Melayu merasa bimbang sekiranya sosialisme berjaya, ia mungkin menggugat hak istimewa orang Melayu dan agama Islam. Bagi mahasiswa bukan Melayu, mereka percaya sosialisme dapat menyelesaikan masalah ketidakadilan ekonomi, tetapi diyakini tidak mampu menyelesaikan masalah perkauman.

Bagi pengkaji, kajian dan dapatan Raghavan berhubung keyakinan mahasiswa kepada kemampuan sosialisme sangat relevan untuk kajian yang dibuat oleh pengkaji. Dapatan kajian Raghavan itu telah menjawab persoalan selama ini yang kurang jelas, mengapa calon-calon dari Kelab Sosialis sentiasa menang seratus peratus setiap kali pilihanraya PMUM sejak tahun sesi 1972 hingga 1974. Rupanya momokan kerajaan terhadap keburukan, kekurangan, kelemahan sosialisme terhadap rakyat setiap kali semasa kempen PRU tidak mempengaruhi pemikiran majoriti para mahasiswa UM. Secara keseluruhannya, tesis PhD

yang dibuat oleh Raghavan ini sangat cocok dan relevan untuk diangkat menjadi salah satu untuk dibuat kajian literatur.

Buku Bersama Rakyat! Gerakan Mahasiswa 1967-74, adalah hasil pengkajian Hassan Karim dan Siti Nor Hamid Tuah. Siti Nor Hamid Tuah menulis secara terperinci tentang gerakan dan penglibatan para mahasiswa dalam memperjuangkan nasib rakyat. Beliau mengutip penglibatan para mahasiswa dalam hal setinggan Tasik Utara dan kebuluran rakyat di Baling. Walaupun tidak ada perkara yang besar dicungkilnya, namun analisisnya terhadap kesediaan para mahasiswa itu sudah cukup membantu kepada pengkaji. Sekurang-kurangnya untuk dibuat perbandingan pengkajiannya terhadap kejadian tersebut dengan ingatan yang ada di benak pengkaji.

Manakala Hassan Karim cuba membuat perbandingan pemahaman terhadap pengertian perubahan antara dua bekas tokoh mahasiswa UM. Mereka ialah, Anwar Ibrahim bekas Presiden PBMUM dan Syed Hamid Ali bekas Setiausaha Agung PMUM. Hassan Karim dengan penuh yakin, menyatakan bagi Syed Hamid Ali perubahan itu mestilah meliputi perubahan sepenuhnya termasuk struktur, dasar, sikap dan ideologi. Sebaliknya beliau membuat kesimpulan bahawa bagi Anwar, perubahan itu sudah memadai hanya dengan perubahan pucuk pimpinan tanpa merombak keseluruhannya. *Letters To Home,* sebuah buku yang dihasilkan oleh beberapa orang pengkaji. Fikri Fisal menulis dengan tajuk *Curbing The Mahasiswa, Creating The* Mahasiswa. Biar pun Fikri turut membicarakan tentang demonstrasi isu Baling, Tasik Utara, rampasan kampus, pertentangan antara PMUM dan PBMUM.

Juga tentang AUKU, kesannya kepada kegiatan mahasiswa, malah turut dibincangkan tentang penangkapan mahasiswa dan ahli akademik di bawah Operasi Mayang pada 5 Disember 1974. Fikri Fisal, menulis dengan jelas suatu dimensi yang kurang diperkatakan oleh pengkaji-pengkaji lain, iaitu tentang kebebasan berpolitik mahasiswa yang disandarkan kepada acara Debat Perdana, bermula pada tahun 1962.

Bagi beliau itu sebagai kunci kepada kebebasan berpolitik di UM. Beliau mengatakan, "*Political freedom was celebrated as seen in a UM Debating Union even in 1962, which featured leaders from the People's Action Party (PAP), the Alliance, Barisan Sosialis, and People's Progresif Party. The event drew a crowd of over 2,000. Furthermore, many students were involved with political parties of many kinds, such as UMNO, MCA, MIC and Parti Rakyat (PRM)*[8]*."* Fikri Fisal mengemaskan lagi tentang kebebasan berpolitik dan penglibatan mahasiswa di dalam parti-parti politik dengan mengambil contoh dari Parti Rakyat. Memang benar, di mana Syed Hamid Ali Setiausaha Agung PMUM, menjadi Pengerusi PRM, Ranting Pantai dan Rostam Sani pemimpin Kelab Sosialis UM menjadi AJK di situ. Manakala, Sanusi Osman Presiden PBMUM turut memegang jawatan di dalam PRM. Juga termasuk Halim Ali, yang menjadi Presiden penaja Kelab Sosialis UM, menduduki Jawatankuasa Pusat (JKP) PRM. Fikri menulis, "*Student in PRM, the opposition party, held important posts such as national treasurer, publication and information secretary, and branch chairman. Indeed, two third of the editorial board of PRM's Banting were undergraduates in 1968*[9]*."*

Penglibatan PMUM di dalam PRU 1969 juga dijadikan bukti terhadap kebebasan berpolitik mahasiswa pada masa itu. Beliau menyatakan Presiden PMUM, iaitu Khong Kim Hoong, mencadangkan supaya PMUM meletakkan calon di dalam PRU tersebut sebagai calon bebas, tetapi hasrat itu ditolak. Sebagai gantinya, PMUM hanya mengadakan rapat-rapat di bandar-bandar besar di seluruh pantai barat dengan mengedarkan Manifesto PMUM sebanyak 100,000 naskah.

"*UMSU launched a series of over a dozen rallies in cities and towns across Malaysia (Penang, Ipoh, Johor Bahru, and more). The Straits Times reported that Vice Chancellor Ungku Aziz was impressed when he attended one such rally in Petaling Jaya on April 19*[10]."

Pengkaji mengambil aspek di atas untuk dikaji bagi keperluan pengkaji, kerana kenyataan

[8] Letters To Home, pynt Ooi Kok Hin,Aish Kumar & Nik Mohamad Rashid Nik Zurin, Petaling Jaya,ms.164
[9] Letters To Home, pynt Ooi Kok Hin,Aish Kumar & Nik Mohamad Rashid Nik Zurin, Petaling Jaya,ms.165
[10] Letters To Home, pynt Ooi Kok Hin,Aish Kumar & Nik Mohamad Rashid Nik Zurin, Petaling Jaya,ms.167

dan analisis Fikri Fisal itu agak berbeza dengan hasil pengkajian- pengkajian lain. Bertolak dari premis itulah buku *Letters To Home,* dipilih untuk menjadi salah sebuah buku bagi keperluan kajian literatur kepada pengkaji. Mahasiswa Bangkit, editornya ialah Mohd Hasbie Muda. Buku ini membicarakan gerakan mahasiswa dari tahun 1960-an hingga 2013. Ianya dihasilkan oleh beberapa orang pengkaji dengan berbagai tajuk mencakupi bidang yang begitu luas. Selepas dibaca dan diamati, pengkaji hanya melihat bahawa tulisan oleh Mohamad Ridhwan lebih dekat dengan kajian yang dibuat oleh pengkaji untuk mengkaji gerakan mahasiswa UM pada 1972 hingga 1974 dan pengaruh Kelab Sosialis UM.

Mohamad Ridhwan Alias, membicarakan sejarah penubuhan UM dan sejarah perjuangan mahasiswa melalui PMUM. Beliau menyorot tentang penubuhan Sudut Pidato dan peranannya. Kemudian menyatakan tindakan mahasiswa melalui sokongan kepada perjuangan petani di bawah Hamid Tuah.

Demonstrasi Baling, rampasan kuasa UM, pergolakan dalam PMUM pada Jun 1972, pertembungan PMUM dengan PBMUM dan pertembungan antara Nasionalis, Islamisme dan Sosialisme.

Pengkaji mengambil buku ini menjadi salah satu dari kajian literatur, memandangkan terdapat pengkajian di sini yang boleh dijadikan panduan untuk menyemak sekiranya terdapat kejadian yang samar-samar kepada pengkaji. Secara jujurnya, pengkaji boleh merumuskan bahawa apa yang diperkatakan terhadap demonstrasi-demonstrasi itu sama dengan apa yang dihasilkan oleh pengkaji lain.

Tajuk "Malaysia", tulisan oleh K.S. Jomo, Hassan Abdul Karim dan Ahmad Shabery Cheek, di dalam buku *Student Political Activism, An International Reference Handbook, editornya ialah Phillip G. Altbach.* Ketiga-tiga pengkaji ini berkongsi fikiran dan diterjemahkannya melalui tajuk diatas. Mereka memulakan pengkajian dengan menyentuh gerakan berbentuk politik yang awal di Malaysia iaitu tertubuhnya KMM pada 1838. Lalu dikaitkan dengan penubuhan UM Singapura dan UM Kuala Lumpur. Seterusnya menyentuh tentang

perjuangan mahasiswa di UM Kuala Lumpur yang meliputi isu domestik, nasional dan internasional.

Mereka menyentuh sokongan mahasiswa, PMUM dan PBMUM terhadap isu petani yang diketuai oleh Hamid Tuah, sebagai reaksi mahasiswa terhadap ketidakadilan sosial. Isu demonstrasi Tasik Utara dan Baling turut disentuh yang membawa kepada penangkapan pemimpin mahasiswa dan ahli akademik. Semuanya itu ditafsirkan sebagai kesungguhan mahasiswa dalammemperjuangkan nasib malang hidup rakyat. Demonstrasi anti-Russia pada 1968, berhubung pendudukan Rusia ke atas Czechoslovakia dikatakan demonstrasi mahasiswa UM yang pertama berlaku di luar kampus.

Konflik dalaman PMUM pada Jun 1972, sehingga tumbangnya barisan EXCO Majlis Ke 14 PMUM yang dipimpin oleh Sim Kim Chew, seorang anggota Kelab Sosialis. Diikuti konflik antara PMUM dengan PBMUM dan peranan Kelab Sosialisdi dalam PMUM dan politik mahasiswa di UM. Kejadian ini menjadikan pengaruh Kelab Sosialis menjadi malap untuk sementara, sebelum kembali pulih pada penghujung 1972 dan menjadi kemuncak pada 1973 dan 1974. Fakta ini penting untuk kajian pengkaji kerana kajian yang dibuat oleh pengkaji difokuskan kepada tahun 1972 hingga 1974, dengan penumpuan pengaruh sosialisme di dalam PMUM dan UM.

> "*The influence of the Socialist Club declined in the 1972. Many of its more important members left the university after completing their studys, and at the end of 1972, the strength of the club was at is ebb. In early 1973, the club was thoroughly reorganised after a membership drive strengthened it with new and dedicated members, and it emerged once again as an important force in UM campus politics. The revival of the club was evident in the UMSU election of 1973,when many Socialist Club members were elected to the council, and HishamuddinRais became the new UMSU secretary -general*[11].

Penutupnya, mereka memperkatakan tentang kedudukan gerakan mahasiswa selepas tahun

[11] Phillip G. Altbach, Student Political Activism, An International Reference Handbook, ms.149.

1974, yang dimusnahkan oleh AUKU 1975. Akhirnya mereka menggariskan beberapa kelemahan pergerakan mahasiswa di Malaysia, antaranya masalah etnik, kurang kontak dengan orang ramai, terlalu bergantung kepada isu dan kurang sokongan dari golongan intelektual. Kesimpulan mereka ialah, kegiatan mahasiswa selama tiga dekad, selepas merdeka adalah berkisar pada tahun-tahun 1967 hingga 1974.

Pengkaji memasukkan pengkajian mereka dengan tajuk “Malaysia”, ke dalam kajian literatur kerana mereka menyentuh soal pokok yang dikaji oleh pengkaji berhubung peranan Kelab Sosialis di dalam politik mahasiswa di UM.

Aktivisme Mahasiswa Malaysia, adalah sebuah buku yang ditulis oleh Meredith L. Weiss berhubung pergerakan mahasiswa di Malaysia. Buku ini merupakan sebuah kajian yang melengkapkan segala pengkajian yang tidak menyeluruh dan tidak disentuh oleh seseorang pengkaji sebelum ini. Tegasnya, Aktivisme Mahasiswa Malaysia adalah suatu kajian yang tersangat lengkap yang pernah terhasil di negara ini berkaitan perjuangan para mahasiswa tanah air. Buku ini menjadi panduan dan sebagai tempat semakan kepada pengkaji, bila timbul keraguan terhadap sesuatu kejadian yang mahu diterangkan oleh pengkaji.

Meredith L. Weiss, berjaya mengupas secara terperinci beberapa perkara pokok berhubung perkembangan pengajian tinggi di negara ini. Beliau memulakanperbincangan dari awal kelahiran Universiti Malaya Singapura, diikuti kewujudan Universiti Malaya Kuala Lumpur dan lahirnya Universiti Sains Pulau Pinang serta Unversiti Kebangsaan Malaysia. Kemudian kajiannya menyentuh tentang perkembangan perjuangan mahasiswa sebelum merdeka, selepas merdeka, selepas tertubuhnya Malaysia hingga ke tahun 2010.

Penumpuan kajian beliau adalah kepada pergerakan mahasiswa UM, di samping menyentuh penglibatan para mahasiswa dari universiti yang lain. Meredith L. Weiss, berjaya menunjukkan dengan jelas segala kejadian atau kegiatan para mahasiswa di UM melalui persatuan sama ada PMUM, PBMUM, PMIUM, Kelab Sosialis, CLS, TLS dan lain-lain.

Meredith L. Weiss, menulis tentang kesemua siri demonstrasi yang dilakukan olehpara mahasiswa UM, sejak tahun 1960-an, 70-an hinggalah pada tahun-tahun selepas AUKU 1975. Beliau berjaya memperincikan pertembungan pengaruh antara PMUM dan PBMUM. Menyentuh krisis dalaman PMUM pada 1972, yang membawa kepada pudarnya pengaruh Kelab Sosialis untuk sementara waktu. Kemudian kembali bangkit menguasai PMUM pada 1973, sehinggalah dibubarkanoleh Pendaftar Pertubuhan pada 1974, kesan dari rampasan kuasa kampus UM pada 21 September 1974

Beliau turut membincang terhadap tiga ideologi yang terdapat di UM, iaitu ideologi nasionalisme, sosialisme dan Islamisme. Ketiga-tiga ideologi tersebut diwakili olehtiga pertubuhan mahasiswa yang berpengaruh di UM, iaitu PBMUM, Kelab Sosialis dan PMIUM. Meredith telah menunjukkan, bahawa pertembungan atau penyatuan antara ketiga-ketiga pertubuhan tersebut ditentukan oleh 'kepentingan' bersama. Contohnya di dalam isu Hamid Tuah, isu Perang Ramadan dan isu Baling. Pertembungan pula ditunjukkan contohnya, bagaimana Majlis Tertinggi Sementara (MTS) yang merampas kampus UM berhubung isu Tasik Utara, digagalkan oleh Majlis Tindakan Nasional (MTN). MTS dipimpin oleh anggota Kelab Sosialis di dalam UMSU, manakala MTN dipimpin oleh ahli PBMUM.

Meredith L. Weiss, turut menjelaskan bahawa selepas Kelab Sosialis dibubarkan pada tahun 1974, maka pengaruh sosialisme di UM mulai merosot dan akhirnya tidak kedengaran lagi tentang kegiatan sosialisme di UM. Kekosongan itu akhirnya diisi oleh ideologi nasionalisme dan Islamisme, dan organisasi yang mewakili ideologi tersebut berterusan berebut untuk menguasai MPP atau PMUM. Selepas kehilangan Kelab Sosialis di dalam arena politik mahasiswa di UM, maka tindakan berbentuk militan tidak kedengaran lagi di dalam gerakan mahasiswa di Malaysia.

Pengkaji mengambil buku, Aktivisme Mahasiswa Malaya karya Meredith L. Weiss sebagai bahan kajian literatur, ianya adalah sebuah dokumen yang lengkap tentang perjuangan mahasiswa di Malaysia. Apa yang diperlukan oleh pengkaji untuk kajian telah terhidang di

dalam Aktivisme Mahasiswa Malaya.

Mahasiswa Menggugat, hasil karya Muhammad Abu Bakar, diterbitkan pada 1973oleh Penerbitan Pustaka Antara. Yang memuatkan tentang perjuangan para mahasiswa di Universiti Malaya. Beliau menghidangkan perjuangan dan pergolakan antara persatuan di UM, misalnya di antara PMUM dengan PBMUM. Di samping itu beliau menunjukkan bagaimana kedua-dua persatuan tersebutboleh bersama dan bergabung dalam kepentingan rakyat marhaen, misalnya di dalam isu Hamid Tuah.

Muhammad Abu Bakar menggarap beberapa peristiwa penting yang berlaku dari tahun 1966 hingga tahun 1972, apabila AUKU 1971 diperkenalkan pada tahun tersebut yang cuba mengikat pergerakan para mahasiswa. Beliau membariskan beberapa tindakan para mahasiswa melalui siri demonstrasi, sama ada isu dalaman kampus, isu nasional dan internasional.

Dalam Mahasiswa Menggugat, Muhammad Abu Bakar memulakannya dengan membahaskan tentang corak aktiviti mahasiswa, yang beliau simpulkan lebih bercorak politik. Kemudian mengupas dan membandingkan penglibatan para mahasiswa antara lelaki dan wanita, antara ras serta antara kursus-kursus yang diikuti. Juga menyentuh soal sekatan-sekatan ke atas aktiviti-aktiviti para mahasiswa.

Muhammad Abu Bakar, telah menyentuh tentang demonstrasi para mahasiswa pada tahun 1966 berhubung pengeboman oleh Amerika ke atas Hanoi-Haipong. Demonstrasi atas isu pencerobohan Russia ke atas Czechoslovakia pada tahun 1968. Di samping itu dibincangkan beberapa lagi demonstrasi yang diadakan berhubung isu dalaman dan nasional, seperti demonstrasi soal papan tanda serta demonstrasi anti-Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia.

Muhammad Abu Bakar, telah membentangkan perkara-perkara atau fasal-fasal di dalam

AUKU 1971. Beliau turut mengupas, mengapa AUKU 1971 diperkenalkan dan kesannya kepada persatuan mahasiswa, para mahasiswa dan ahli akademik. Beliau membuat kesimpulan, bahawa AUKU 1971 telah menjadi senjata kepada kerajaan untuk mengikat pergerakan bebas para mahasiswa dan persatuan mahasiswa. Beliau berkeyakinan, salah satu dari sebabnya ialah keputusan PMUM melibatkan diri semasa kempen PRU 1969, dengan menjelajah beberapa bandar besar di Pantai Barat Semenanjung sambil mengedar 100,000 naskah manifesto PMUM.

Buku Mahasiswa Menggugat karya Muhammad Abu Bakar, sangat relevan kepada pengkaji di dalam mengkaji kegiatan dan kebangkitan para mahasiswa Malaysia di UM. Beliau menulis berdasarkan penglibatan dan pengamatan diri beliau dalam sebahagian dari waktu yang dibincangkannya.

Buku Bersama Anwar Ke Penjara karya pengkaji sendiri, turut dijadikan salah satudari kajian literatur ini. Di dalam buku ini, pengkaji menyentuh beberapa hal penting yang melibatkan diri pengkaji dan PMUM pada tahun-tahun 1972 hingga 1974. Antaranya tentang demonstrasi atas isu Setinggan Tasik Utara dan rampasan Kampus UM. Pengkaji turut memuatkan tentang masalah perkauman begitu jelas berlaku di antara mahasiswa di Universiti Malaya.

Pengkaji turut menghidangkan secara terperinci berhubung demonstrasi isu Baling di Padang Merdeka, Kuala Lumpur. Demonstrasi terbesar yang pernah diadakan oleh para mahasiswa Malaysia yang melibatkan hampir kesemua institusi pengajian tinggi di Malaysia. Itulah demonstrasi yang terakhir kerana selepas itu AUKU 1975 diluluskan oleh parlimen yang mengikat dan merantai kejap setiap langkah para mahasiswa serta persatuan mahasiswa di semua universiti awam di Malaysia. Demonstrasi ini berakhir dengan penangkapan ribuan para mahasiswa dan ramai pemimpin PMUM dan CLS ditahan di bawah ISA.

Mohd Jamil Mukmin, di dalam bukunya Gerakan Islam Di Malaysia, Kesinambungan, Respons dan Perubahan (1957-2000), telah menyentuh tentang perjuangan dan penglibatan

beliau di dalam Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM) dan Persatuan Mahasiswa Islam Malaysia (PKPIM). Beliau pernah menjadi Setiausaha Kehormat PMIUM pada 1967/1968 dan menjadiSetiausaha Agung PKPIM pada 1969/1970.

Di dalam bukunya itu Mohd Jamil Mukmin menyentuh tentang penubuhan PKPIM pada 21 Mac 1961, di Asrama Kolej Kedua, UM. Beliau membincangkan tentang aktiviti yang dijalankan oleh PKPIM, semasa beliau menjadi Setiausaha Agung PKPIM pada 1969/1970. Buku ini dimasukkan ke dalam kajian literatur,memandangkan ianya menyediakan pentas kepada golongan Islamik untuk bergerak menjadi saingan kepada PMUM dan Kelab Sosialis pada tahun 1972- 1974.

Sebagai rumusannya, dari kajian literatur di atas banyak perkara atau fakta yang sangat membantu kajian ini. Ada di antaranya, memperkuatkan hujah pengkaji atau sebagai bukti kepada apa yang ditulis. Terdapat di antaranya, memperjelaskan lagi sesuatu isu yang telah samar di dalam ingatan pengkaji. Dapatan kajian Raghavan, yang memperkatakan soal pengaruh sosialisme dan kepercayaan para mahasiswa, bahawa sosialisme dapat menyelesaikan masalah ketidakadilan ekonomi, sangat membantu kepada kajian ini.

Dapatan kajian Junaidy Abu Bakar, melalui kajiannya berhubung Akta Universiti dan Kolej Universiti, terhadap sikap serta penghidupan para mahasiswa, sangat membantu kepada pengkaji di dalam menyimpulkan kesan AUKU kepada mahasiswa di zamannya. Pengkaji mendapat input terhadap pergolakan persatuan mahasiswa yang dibincangkan oleh Muhammad Abu Bakar, melalui bukunya Mahasiswa Menggugat. Muhammad Abu Bakar memperincikan pertembungan dan ada masanya penyatuan antara PMUM, PBMUM dan PMIUM.

Meredith L. Weiss, membicarakan begitu luas tentang persatuan dan perjuangan mahasiswa di Malaysia, melalui bukunya Aktivisme Mahasiswa Malaysia. Beliau menerangkan dari sejak awal penubuhan Universiti Malaya, Singapura, sehingga penubuhan cawangan

Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan berpisah pada tahun 1962. Meredith L. Weiss, turut menjelaskan tentang penubuhan UMSU dan Kelab Sosialis, Universiti Malaya, Singapura. Begitu juga, beliau membicarakan tentang penubuhan UMSU, yang kemudian ditukar kepada PMUM. Di samping itu beliau menyentuh tentang penubuhan Kelab Sosialis dan pengaruhnya di dalam perjuangan mahasiswa di UM.

Kalau dibandingkan dengan pengkaji atau pengkaji lain, dalam soal perjuangan mahasiswa, nampaknya Meredith L. Weiss. lebih menyeluruh dan terperinci. Beliau menyentuh hampir semua perkara, kejadian, tindakan, pergolakan para mahasiswa UM terutamanya. Maka itu, hasil karya Meredith L.Weiss sangat membantu di segi input kepada kajian ini.

2.3 Kajian Oleh Pengkaji Luar Negara

Phillip G. Altbach sebagai editor di dalam bukunya, *Student Political Activism, An International Reference Handbook*, telah memuatkan sejarah perjuangan paramahasiswa seantero dunia. Ianya mencakupi perjuangan para mahasiswa di Afrika, Amerika Latin, Amerika Utara, Eropah dan Asia.

Di Afrika, terdapat tiga kajian yang dimuatkan di dalam buku tersebut. Iaitu mencakupi tiga negara, Afrika Selatan, Zambia dan Zimbabwe. Bagi Asia, ia meliputi China, India, Indonesia, Israel, Jepun, Malaysia, Filipina, Korea Selatan, Thailand dan Turkey. Manakala bagi Eropah, ianya merangkumi Jerman, Perancis, England, Italy, Rusia, Sweeden dan Yugoslavia. Buat Amerika Latin, mengandungi Argentina, Brazil, Chile, Cuba, Mexico, Peru dan Venezuela. Untuk Amerika Utara, termuat di dalamnya Kanada, dan Amerika Syarikat.

Oleh kerana Universiti Malaya, bermula dari Universiti Malaya, Singapura, maka pengkaji memulakan kajian literatur luar negara ini dengan mengambil buku Fajar.Ianya memuatkan pengkajian mantan para mahasiswa Universiti Malaya, Singapura yang terlibat aktif di dalam UMSU dan Kelab Sosialis. Mereka terdiridari sekumpulan mahasiswa yang aktif

di dalam pergerakan mahasiswa, sehinggamenubuhkan Kelab Sosialis. Justeru, buku Fajar sangat relevan kepada tajuk kajian ini iaitu, Resistensi Pemikiran Sosialisme dalam Gerakan Mahasiswa Universiti Malaya (1972-1974).

The Fajar Generation, adalah hasil karya pemimpin PMUM dan Kelab Sosialis di Universiti Malaya, Singapura. Mereka adalah aktivis awal para mahasiswa tanah air di universiti yang bangkit menyuarakan soal kebebasan, kemerdekaan, perpaduan kaum dan keadilan sosial. Tajuk buku ini pun mempunyai kaitan dengan perjuangan mereka. Fajar itu sendiri adalah nama akhbar Kelab Sosialis UM yang sangat berpengaruh ketika itu. Akhbar Fajar, bukan sahaja menjadi rebutan pembaca di kampus UM, malah turut terjual di luar kampus.

The Fajar Generation, dihasilkan oleh tokoh-tokoh besar mahasiswa ketika itu, antaranya Poh Soo Kai, Jeyaraj C. Rajarao, Edwin Thumboo, Agoes Salim, Ahmad Mustapha, Syed Husin Ali, Tan Jing Quee, Koh Kay Yaw dan Lim Hock Siew. Mereka bukan sahaja mewarnai politik mahasiswa, malah turut terlibat di dalam kancah politik di Malaya dan Singapura selepas keluar dari Universiti Malaya, Singapura. Antara yang menarik dan mungkin terhebat ialah Dr Poh Soo Kai, yang ditangkap melalui Operasi Cold Store pada 1962 bersama 106 orang yang lain. Beliau yang menjadi Setiausaha Agung Barisan Sosialis Singapura, terpaksa meringkuk di dalam penjara (ISD/ISA) selama 18 tahun. Rekod sebagai tahanan yang paling lama bersama Said Zahari (18 tahun), bekas pengarang Utusan Melayu dan Presiden Barisan Sosialis Singapura. Kebanyakan yang dikupas oleh mereka berkisar tentang kesedaran politik para mahasiswa dan masyarakat. Penubuhan Kelab Sosialis, peranan, sumbangan, kesan, kegiatan, bekerjasama dengan organisasi buruh dalam mempertajamkan kegiatannya. Semuanya diadun begitu menarik, meyakinkan dan mudah difahami oleh mahasiswa dan masyarakat. Malah dapat dilihat bagaimana berkesannya perjuangan mereka dan memerlukan kesinambungan oleh generasi selepasnya. Akhirnya kita dapat melihat hasil usaha mereka melahirkan Kelab Sosialis UM Singapura itu bukan sahaja diteruskan di sana, malah turut menjelma di UM Kuala Lumpur. Kelab Sosialis di UM Singapura ditubuhkan secara sahpada 1953, manakala Kelab Sosialis UM Kuala Lumpur ditubuhkan pada 1968. Kelab Sosialis UM Kuala Lumpur dibubarkan pada 1974 mengikut nasib leluhurnya iaitu Kelab Sosialis UM Singapura yang ditamatkan pada tahun 1973. Kedua-duanya menemui ajal di tangan Pendaftar Pertubuhan yang menurut perintah

kerajaan.

Dr Poh Soo Kai, memulakan *Fajar Generation*, dengan membawa pembaca melihat sejarah awal kesedaran politik di kalangan mahasiswa secara umum. Di masa yang sama beliau menerangkan secara ringkas pembentukan sekolah-sekolah yang dibina oleh Inggeris di Malaya dan Singapura. Beliau membuat kesimpulan persekolahan aliran Inggeris ialah 6-4-2, manakala di sekolah aliran Cina 6-3-3, merujuk kepada masa seseorang mahasiswa, terpaksa belajar sebelum dapat memasuki institusi pengajian tinggi. Bagi mahasiswa aliran Inggeris, 6 tahun di sekolah rendah, 4 tahun di sekolah menengah (O-Level),dan 2 tahun menengah atas (A-Level). Bagi mahasiswa aliran Cina, 6 tahun di sekolah rendah, 3 tahun di menengah rendah (Junior Middle School) dan 3 tahun di menengah atas (Senior Middle School). Beliau menyatakan kurikulum sekolah Cina berdasarkan kurikulum sekolah di negara China, walaupun dibiayai oleh penduduk tempatan. Inggeris membiarkan orang Cina dan India menjalankan sekolah vernakular melalui aktiviti masyakat Cina dan India.

Kelab Sosialis menerbitkan akhbar Fajar, dengan hanya 8 muka surat dan dicetak dengan kertas yang murah. Nama asal Fajar ialah *Origin of the Socialist Club.* Keluaran Fajar yang ketujuh pada 10 Mei 1954 dengan tajuk editornya, *"Aggresion in Asia"* membawa kepada penangkapan kesemua editornya seramai tujuh orang. Mereka ialah Poh Soo Kai, James Puthucheary, Thomas Varkey,

Kwa Boo Sun, Lam Khuan Kit, M.K. Rajakumar dan P. Arudsothy. Kesemua dituduh di bawah akta "*Sedition Ordinance, 1938".* Lee Kuan Yew menjadi peguam kepada mereka dan menang di dalam perbicaraan mahkamah.

Kesemua pengkaji di dalam buku ini menerangkan perjuangan Kelab Sosialis, di mana mereka adalah pengasas dan penggerak kepada kelab. Mereka menerangkan bagaimana kelab dapat menguasai UMSU. Jelas sekali bahawa Kelab Sosialis UM Singapura menjadi ikutan kepada kelahiran Kelab Sosialis UM Kuala Lumpur. Malah paten yang berlaku di

Kelab Sosialis UM Singapura turut menjadi ikutan oleh Kelab Sosialis UM Kuala Lumpur, misalnya dalam penguasaan terhadap PMUM. Tegasnya Kelab Sosialis UM Kuala Lumpur mengikut acuan leluhurnya di UM Singapura.

Jelas sekali bahawa buku Fajar yang ditulis oleh pengasas Kelab Sosialis UM Singapura, sangat berguna untuk mengetahui secara terperinci sejarah penubuhan dan perjuangannya. Buku ini sangat relevan untuk kajian tentang Kelab Sosialis UM Singapura dan Kelab Sosialis UM Kuala Lumpur. Pengkaji merasakan untuk mengkaji Kelab Sosialis UM Kuala Lumpur, tidak lengkap sekiranya tidak mengkaji Kelab Sosialis UM Singapura. Bertolak dari premis inilah,pengkaji mengambil buku Fajar untuk dijadikan salah sebuah buku bagi kajian literatur.

Shinil Kim, menulis tentang perjuangan para mahasiswa di Korea Selatan, dengantajuk, *Student Power : Korea Style.* Beliau memulakan tulisannya dengan ungkapan, "*An article in the New York Times on Jun 16, 1987, reported the most critical and dramatic phase of the student unrest in Korea, highlighting the massiveness of participation and the political passion. Two weeks after the news paper report, the military government of Chun Doo Hwan was forced to accept the demand for direct presidential election. Chun virtually surrendered to the series ofmassive and persistent protest by students and other citizens."*

Shinil Kim, telah menulis tentang perjuangan para mahasiswa Korea Selatan yangpanjang dan memilukan. Beliau menyorot dari perjuangan awal para mahasiswa menentang tentera penjajah, malah terpaksa menentang tentera Korea sendiri. Ribuan para mahasiswa terpenjara, tercedera dan terkorban kerana menuntut hakserta menjatuhkan diktator-diktator yang ganas lagi kejam. Semasa pendudukan Jepun dari 1910 hingga 1945, para mahasiswa bangkit untuk mendapatkan kemerdekaan. Pada 1 Mac 1919, ribuan para mahasiswa turun ke jalan raya menghadapi 'bayonet' dan senjata tentera Jepun. Biarpun ribuan mereka tercedera dan terkorban, namun mereka meneruskan perjuangan sehingga Korea mencapai kemerdekaan pada 1945.

Selepas Korea terbelah dua, iaitu Korea Utara dan Korea Selatan, perjuangan para

mahasiswa tidak terhenti di situ. Mereka terpaksa menghadapi seorangdiktator, iaitu Rhee Syngman yang diangkat oleh Amerika pada 1948. Para mahasiswa bangkit menentang penindasan, di mana pada tahun 1960, seramai 125 orang mahasiswa terbunuh di tangan polis. Akhirnya Rhae Sygnman dapat digulingkan melalui apa yang dinamakan sebagai '*April Revolution'.*

Selepas itu, para mahasiswa terpaksa lagi menghadapi seorang diktator, iaitu Park Chun Hee. Beliau telah menggulingkan kerajaan demokratik yang baru melalui rampasan kuasa. Selepas memerintah secara junta selama dua tahun, Park bersara dari tentera dan terpilih sebagai Presiden Korea Selatan. Dalam mengekalkan kuasanya, Park Chun Hee terus menekan para mahasiswa dan rakyat. Para mahasiswa terus bangkit bersama kaum pekerja pada tahun 1970-an dengan cara yang lebih militan. Kemuncak kepada gerakan yang dimulakan pada tahun 1970 itu, ialah dengan terbunuhnya Park Chun Hee pada 1979.

Shinil Kim membuat rumusan sebagai,"*It is quite certain that student movement will continue on Korean campuses with great political influence in the future as in the past."*

Chai-Anan Samudavanija, membicarakan tentang perjuangan para mahasiswa di Thailand. Perjuangan para mahasiswa di Thailand turut bersimpang siur dan menghadapi pihak berkuasa serta ketenteraan yang ganas. Biarpun peranan para mahasiswa dalam politik Thailand antara tahun 1932 hingga tahun 1968 agak minima, tapi pada Disember 1968 bermulanya kebangkitan perjuangan para mahasiswa. Tahun 1970 para mahasiswa Universiti Thammasat dan Universiti Chulalongkorn bangkit menentang pihak pentadbiran universiti, atas beberapa isu antaranya soal 'grading', penyelewengan dan korupsi.

Bila Narong Kittikachorn merampas kuasa pada 1971, dan melantik ThanomKittikachom sebagai Perdana Menteri serta menjadikan Praphat sebagai Timbalan Perdana Menteri (menantu Thanom), politik Thailand mula bergolak. Keadaan ekonomi yang gawat pada tahun 1973 dan tindakan-tindakan kerajaan yang tidak popular, menyebabkan para mahasiswa bangkit menentang Thanom Kittikachom. Pada masa ini, para mahasiswa begitu sensitif dengan kerajaan dan pentadbiran universiti. Isu pembuangan 9 mahasiswa Universiti Ramkhamhaeng oleh rektornya, membawa kepada puluhan ribu para mahasiswa

berdemonstrasi di depan Monumen Demokrasi.

Gerakan para mahasiswa begitu berpengaruh pada masa ini. Misalnya, pada 6 hingga 13 Oktober, ratusan ribu para mahasiswa dan orang awam berkumpul membantah terhadap penangkapan mahasiswa. Mereka mendesak, supaya pembebasan segera terhadap mereka yang ditangkap. Pada pagi 13 Oktober, dianggarkan 400,000 orang berkumpul di Thammasat Universiti, kemudian berarak ke Monumen Demokrasi.

Pada 14 Oktober keadaan semakin gawat, pertempuran berlaku antara para demonstran dengan pasukan Polis Rusuhan (*Riot Police*) di depan Istana dan merebak ke seluruh bahagian Bangkok. Kesannya, Raja Thailand memaksa Thanom, Praphat dan Narong mengundurkan diri, sebaliknya mereka melarikan diri ke luar negara.

Sejak tahun 1974, kesemua persatuan mahasiswa universiti di Bangkok di kuasa oleh golongan kiri dan militan. Mereka menguasai NSCT (National Students Centre of Thailand*)*. Malahan persatuan mahasiswa sekolah menengah iaitu SSSCT (Secondary School Student Centre of Thailand*)* turut dikuasai oleh golongan militan di bawah pimpinan Thongchai Vinijakun.

Colin J. Bundy telah membicarakan tentang perjuangan para mahasiswa Afrika Selatan. Beliau menyatakan sejak 1970-an gerakan mahasiswa memainkan peranan penting di dalam politik Afrika Selatan. Selepas 1976, demonstrasi dan protes para mahasiswa menjadi ciri tetap kepada situasi politik di kawasan bandar dan pinggir bandar. Para mahasiswa, mengepalai kerja-kerja agitasi dan menyemarakkan api perjuangan.

Colin J. Bundy, menggariskan beberapa keadaan mempengaruhi gerakan mahasiswa di Afrika Selatan. Pertama, dalam sejarah, aktivisme mahasiswa dibentuk oleh konteks politik, di mana kuasa, keistimewaan dan pembahagian sumber kekayaan negara secara tidak adil berdasarkan kaum. Kedua, peningkatan aktivisme para mahasiswa berkait rapat dengan fasa

mobilisasi politik dan sosial oleh '*Black South Africans'.* Ketiga, protes para mahasiswa kebiasaannya berpunca daripada ketidakadilan dalam pendidikan, namun berkembang mengikut acuan dan keperluan politik. Keempat, selepas tahun 1976,persatuan mahasiswa mula berpadu tenaga atau bersekutu dengan kesatuansekerja serta persatuan komuniti.

Sistem Aparteid, diperkenalkan kepada universiti di Afrika Selatan pada tahun 1959. Orang Afrika, berkulit hitam dilarang memasuki universiti-universiti yang menempatkan para mahasiswa berkulit putih. Biarpun universiti untuk para mahasiswa berkulit hitam (*native)* dibuka pada tahun tersebut, tetapi stafnya adalah mereka yang berpegang kepada ideologi Aparteid. Justeru, sekiranya terdapat mahasiswa yang terlibat dengan demonstrasi, akan dibuang dari universiti. Universiti juga sering ditutup atas kepentingan pemerintah Aparteid.

Pada tahun 1959, para mahasiswa bangkit menentang dasar Aparteid yang diperkenalkan di universiti. Gerakan mahasiswa berterusan kerana kepentingan mereka dan masyarakat kulit hitam, terutama bila ANC (*African National Congress)* bergerak cergas menentang Dasar Aparteid. Para mahasiswa terlibat dalam demonstrasi secara besar-besaran selepas penembakan di Sharpeville danpengharaman ANC pada 1960.

Penubuhan South African Students Organisation (SASO), yang mewakili para mahasiswa berkulit hitam sebagai tindakan terhadap diskriminasi di dalam Persidangan National Union of South African Students (NUSAS) yang dikuasai oleh mahasiswa kulit putih. SASO menjadi organisasi mahasiswa yang sangat berpengaruh dan bertindak secara radikal. Tahun 1972, SASO mengadakan demonstrasi, membawa kepada penutupan Turfloop, kolej mahasiswa berkulithitam, oleh pihak kerajaan. Pada September 1974, SASO mengadakan rapat ataskejayaan gerila Frelimo, mencapai kemenangn di Mozambique. Kesannya, pada November 1974 SASO dituduh bertindak sebagai parti politik dan ingin menjatuhkan kerajaan. Seluruh pemimpin utama SASO ditangkap dan ditubuh sebagai pengganas.

Selepas itu para mahasiswa dan organisasi mereka terus berjuang bersama kaumpekerja serta

organisasi rakyat menentang dasar Aparteid. Mereka terus berjuang biarpun ramai diantara mereka terkorban dan dipenjarakan. Mereka tidak berundur biarpun terpaksa membayar dengan nyawa dan darah untuk menghancurkan Aparteid.

Colin J. Bundy menutup pengkajiannya, "*All that can confidently be foretold is that students and their generational cohorts will help forge the future as much as they have shaped the past."*

Glaucio Ary Dillon Soares, telah menulis tentang gerakan mahasiswa di Brazil. Beliau menunjukkan yang mahasiswa di Brazil telah memainkan peranan mereka sejak penghujung tahun 1880. Para mahasiswa terlibat bersama gerakan rakyat menentang sistem perhambaan. Perjuangan mereka bersama rakyat itu berhasil pada tahun 1888, bila perhambaan ditamatkan. Selepas itu, pada tahun 1889, mereka berjaya menubuhkan kerajaan Republik Brazil.

Bila Brazil di bawah pemerintahan diktator, termasuk diktator Getulio Vargas yang mendapat kuasa pada 1930, peranan mahasiswa di dalam arus politik sangat ketara. Para mahasiswa bersatu dengan kaum pekerja dalam menyuarakan kehendak rakyat dan menentang perkara yang tidak digemari rakyat. Bermula pada 1937, perjuangan mahasiswa mendapat pengiktirafan oleh pemimpin negara, dengan membenarkan penubuhan persatuan mahasiswa peringkat nasional, iaitu Uniao Nacional dos Estudantes (UNE) (National Students Union).

Penglibatan para mahasiswa begitu ampuh di dalam kempen berbentuk nasionalis dan anti-imperialis. Antara tokoh mahasiswa ialah J. Kubi Tschek, yangberjaya mempengaruhi orang ramai di dalam kempen-kempennya. Di masa itu hubungan rapat para mahasiswa dengan kesatuan sekerja dan rakyat untuk mencapai matlamat perjuangan. Justeru, pihak konservatif cuba mendapatkansokongan para mahasiswa, tapi mereka lebih condong kepada golongan

liberal. Mereka turut terlibat di dalam isu internasional, seperti kejadian ‘Bay of Pigs’, iaitu percubaan Amerika untuk menjatuhkan Fidel Castro di Cuba. Juga mereka menentang sekatan ekonomi oleh Amerika terhadap Cuba.

Goulart, yang memimpin Brazil, selepas kehilangan sokongan dari golongan kiri dan kaum pekerja, cuba mengalih mendapatkan sokongan dari para mahasiswa. Justeru, para mahasiswa berhaluan kiri memberi sokongan kepada Goulart, kerana menyokong reformasi yang dibuat. Bagaimanapun pengaruh penjaga mereka dari kalangan konservatif, akhirnya berjaya meletakkan para mahasiswa di dalam dilema, iaitu antara menentang atau berkecuali terhadap Goulart. Bila Kudeta berlaku ke atas Goulart, para mahasiswa kembali menentang rampasan kuasa tersebut.

Perjuangan para mahasiswa Brazil berterusan dalam apa pun situasi dan kondisi politik negara. Maka pada tahun 1964, Persatuan Mahasiswa Metropolitan, Persatuan Mahasiswa Sekolah Menengah Brazil dan Persatuan Mahasiswa Negeri, dan semua persatuan mahasiswa telah diharamkan. Ramai pemimpin mahasiswa ditahan. Universiti ditawan oleh askar. UNE dikuasai oleh tentera, digeledah kemudian dibakar. Semuanya berlaku sehari selepas rampasan kuasa oleh tentera.

Kemuncak kepada pertembungan dengan junta, adalah pada Mac 1968, berhubung penamatan subsidi di kafeteria mahasiswa. Pada 26 Mac 1968, Polis Tentera (*military police)* telah menembak para demonstrasi dengan *machine guns.*Seorang mahasiswa sekolah menengah berusia 16 tahun telah terbunuh. Esoknya ratusan ribu, hadir semasa pengebumian dan diikuti perarakan ke *Legislative Assembly.* Bagaimanapun perarakan itu dapat disuraikan oleh Polis Tentera. Pada 4 April, 30,000 orang menghadiri upacara agama di gereja atas kematian mahasiswa tersebut. Semasa meninggalkan gereja, mereka diserang oleh Polis Tentera berkuda. Menyebabkan ramai yang tercedera, 28 terbunuh dan 1000 orang di tangkap.

Selepas peristiwa tersebut dan tekanan semakin keras dan ganas, menyebabkan ramai di

kalangan mahasiswa mengangkat senjata menentang junta. Bagaimanapun gerakan mereka gagal, menyebabkan ramai ditahan, didera, dibunuh, melarikan diri dan dipaksa melarikan diri. Glaucio Ary Dillon Soares, memberi penghargaan kepada perjuangan mahasiswa Brazil sebagai, "*Thus, not with standing moment of ideological sectarianism, of occasional excesses and accusations of poor judgment, the contribution of student politics to Brazil can been seen as highly positive."*

Pengkaji melihat Fajar, merupakan asas yang kukuh untuk mengenal tentang perjuangan awal mahasiswa universiti di negara ini. Buku ini yang terhasil oleh sekumpulan aktivis mahasiswa di Universiti Malaya, Singapura, telah memuatkan sejarah penubuhan UMSU dan Kelab Sosialis. Mereka melukiskan begitu jelas tentang peristiwa, pergolakan dan perjuangan para mahasiswa di zaman mereka. Fajar sangat membantu untuk kajian ini, apatah lagi bila aktivis mahasiswa ini adalah terdiri dari mereka yang berfahaman sosialis.
Student Political Activism, An International Reference Handbook, edited, Phillip G. Altbach, memuatkan pengkajian tentang perjuangan para mahasiswa di seluruh dunia. Perjuangan mahasiswa di Afrika Selatan, Korea Selatan, Thailand dan Brazil dipilih untuk kajian literatur. Pengkajian-pengkajian tersebut memuatkan sejarah perjuangan mahasiswa, penubuhan persatuan di peringkat universiti dan melahirkan persatuan di peringkat nasional. Kemudian memuatkan tentang perjuangan para mahasiswa untuk menuntut hak, kepentingan dan pengiktirafan terhadap perjuangan mereka. Dalam memenuhi keperluan, kadang-kadang mereka terpaksa bertelagah dengan pihak pentadbiran universiti.

Para mahasiswa, kadang-kadang dipergunakan oleh pemerintah, untuk mencapai kepentingan mereka, contohnya mahasiswa Thailand. Chai-Anan Samudavanija menjelaskan di dalam tulisannya, Thailand, bagaimana para mahasiswa di Universiti Chulalongkorn dan Thammasat diperalatkan oleh Kerajaan Phibun pada Oktober 1940, berdemonstrasi menyokong kerajaan mendapatkan 'kawasan' milik Thai asalnya, yang terletak di bawah Perancis (Indochina). Shinin Kim menulis tentang perjuangan mahasiswa Korea Selatan, secara begitu terperinci. Bermula dengan perjuangan para mahasiswa menentang Pendudukan Jepun dari 1910- 1945, di mana pada 1 Mac 1919 ribuan para mahasiswa tercedera dan terbunuh. Selepas itu ditunjukkan bagaimana para mahasiswa mampu mencabar dan menjatuhkan diktator-diktator tentera.

Glaucio Ary Dillon Soares menulis tentang perjuangan para mahasiswa Brazil. Manakala Colin J. Bundy, menulis tentang perjuangan para mahasiswa di Afrika Selatan. Mereka telah menunjukkan perjuangan militan para mahasiswa di sana, di dalam menentang kuasa pemerintah. Para mahasiswa di Afrika Selatan bangkit bersama kaum pekerja dan rakyat mencabar dasar Aparteid yang sangat menindas. Ramai yang tertangkap, terbunuh, melarikan diri dan mengangkat senjata. Begitu juga dengan para mahasiswa Brazil bangkit bersama kaum pekerja dan rakyat, mencabar junta tentera. Ramai yang tertangkap, tercederadan terbunuh. Fenomena yang sama turut berlaku di Korea Selatan dan Thailand.

Biarpun, kajian literatur luar negara ini tidak membantu secara langsung kepada tajuk yang dikaji, namun ianya membuka ruang untuk memperbandingkan dengan perjuangan mahasiswa di Malaysia. Perjuangan mahasiswa di Malaysia jauh ketinggalan di belakang, kalau dibandingkan dengan kemampuan mahasiswa di negara-negara tersebut yang mampu menjatuhkan kerajaan.

2.4 Teori Kepimpinan

2.4.1 Pengenalan

Pengkaji cuba membincang teori kepimpinan, kerana ianya berkaitan dengankajian yang dibuat iaitu perjuangan mahasiswa UM pada 1972 hingga 1974.Membicarakan perjuangan mahasiswa, sudah tentu berkaitan dengan kepimpinanpara mahasiswa. Kebangkitan dan perjuangan mahasiswa sudah pasti dipelopori oleh kepimpinan mereka. Bagaimana boleh lahir tokoh-tokoh kepimpinan di kalangan mereka? Bertolak dari premis inilah pengkaji mahu melihat, mengkaji dan menggali secara mendalam teori tentang kepimpinan.

Konsep kepimpinan mempunyai pengertian yang luas dan tidak terbatas kepada aspek-aspek tertentu. Dan kepimpinan itu sendiri meliputi berbagai lapangan, bidang atau jurusan yang

melibatkan kedudukan, status dan bidang kuasa. Ianya mencakupi berbagai peranan, sama ada pengurus, perancang, pemegang kuasa atau hanya pemegang keyakinan. Kepimpinan merupakan suatu konsep yang begitu sukar difahami, yang melibatkan arahan, tunjuk ajar dan tidak meletakkan kejayaan sebagai tanda aras kepimpinan, begitu pun matlamatnya mahukan kepada perubahan ke arah keberhasilan.

Pemimpin sejak dari dahulu lagi didapati berjaya mencipta perubahan dalam pelbagai cara dengan tujuan bagi mempengaruhi orang lain dan melaksana sesuatu. Kepimpinan merangkumi segala bentuk aktiviti yang bertujuan mempengaruhi pengetahuan , amalan dan motivasi[12]. Joseph Rost (1993), menulis buku bertajuk, *Leadership for the Twenty-First Century, menyatakan* pada tahun 1990'an, konsep kepimpinan masih belum sempurna kerana para sarjana dan pengamal kepimpinan tidak mempunyai definisi kepimpinan untuk dipegang[13]. Ramai sarjana telah mengkaji pemimpin dan kepimpinan bertahun- tahun tetapi masih belum ada idea yang jelas mengenai kepimpinan dan siapa pemimpin[14].

2.4.2 Definisi Kepimpinan

Kamus Dewan, mendefinisikan kepimpinan yang membawa maksud keupayaan memimpin. Antaranya ialah melalui teladan. Pernah suatu ketika, kerajaan Malaysia mempopularkan konsep, "Kepimpinan Melalui Teladan". Barangkali konsep ini dipadankan dari definisi kepimpinan yang diertikan oleh Kamus Dewan.Sememangnya pengikut kepada mana-mana organisasi, kelompok dan masyarakat melihat kepada perlakuan personaliti pemimpin yang mahu dijadikan teladan.

Di dalam Quran terdapat definisi kepimpinan secara umum yang diberikan oleh Allah untuk terus ditafsirkan oleh manusia mengikut keperluan mereka. Firman Allah melalui ayat ke 59, surah al Nisaa, "Hai orang-orang yang beriman! Taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasul dan taatlah kepada orang-orang yang berkuasa dari antara kamu. Maka

[12] Rani Mutalib, Kepimpinan , https://www. academia.edu/.
[13] Ibid.
[14] Rani Mutalib, Kepimpinan, https://www.academia.edu/

sekiranya kamu berbantahan di satu perkara, hendaklah kamu kembalikan dia kepada Allah dan Rasul, jika adalah kamu beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu sebaik-baik dan sebagus-bagus takwil."(Al Nisaa': 59)[15]. Ayat di atas secara khusus ditujukan kepada orang-orang Islam, bila Allah menyeru kepada 'orang beriman'.

Ramai tokoh penyelidik mengemukakan definisi mereka berhubung soal kepimpinan, antaranya Tennenbaum (1961), Lipham (1964), Fiedler (1967), Gribben (1972), Stodgill (1974), Burn (1978), Hollander (1978), Gordan (1995), Dessler (1998), Hemphill & Coons (1957), Katz & Kahn (1978), Rauch & Behling (1984), Hosking (1988), Jacobs & Jaques (1990), Schein (1992), Drath & Palus (1994) dan Daft (2004)[16]. Masing-masing memberi definisi tersendiri, dan tiada kesefahaman atau persetujuan bersama di dalam mentakrifkannya.

Gary Yuki, dalam Leadership in Organizations merumuskan, *Leadership has been defined in terms of traits, behaviour, influence, interaction patterns, role relationships, and occupation of an administrative position. Followingare some representative definitions that have been presented during the last 50 years :*

2.4.2.1 Leadership is "the behaviour of an individual….directing the activities of a group toward a shared goal" (Hemphill & Coons, 1957, p. 7)

2.4.2.2 Leadership is "the influential increment over and above mechanical compliance with the routine directives of the organization" (Katz & Kahn,1978, p. 528)

2.4.2.3 Leadership is "the process of influencing the activities of an organized group toward goal achievement" (Rauch & Behling, 1984, p. 46)

2.4.2.4 Leaders are those who consistently make effective contributions to social order and who are expected and perceived to do so (Hosking1988, p. 153).

2.4.2.5 Leadership is a process of giving purpose (meaningful direction) to

[15] Al Furqan (Tafsir), Oleh A.Hassan, Pustakan Aman Press, Kota Bharu, 1971.
[16] Lihat Mustapha Ahmad, Kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah dalam politik Kelantan, MS 3-4.

collective effort, and causing willing effort to be expended to achieve purpose (Jacobs & Jaques, 1990, p. 281)

2.4.2.6 *Leadership…is the ability to step outside the culture… to start evolutionary change processes that are more adaptive (Schein, 1992, p. 2)*

2.4.2.7 *Leadership is the process of making sence of what people are doing together so that people will understand and be committed (Drath & Palus, 1994, p. 4).*

2.4.2.8 *Leadership is about articulating visions, embodying values, and creating theenvironment within which things can be accomplished (Richards & Eagle, 1986. P. 206)*[17].

Menurut Stodgill (1948), dalam bukunya bertajuk, *Handbook of Leadership,* didapati hampir 5,000 makna kepimpinan didefinisikan dalam pelbagai bentuk (Abdul Ghani Abdullah, Abd Rahman Abd Aziz & Mohamad Zohir Ahmad, 2010)[18].Mengikut Amitai Etzioni, mentakrifkan kepimpinan sebagai kuasa berasakan terutamanya kepada ciri-ciri peribadi, biasanya bercorak normative[19]. Campbell pula menyatakan, bahawa kepimpinan sebagai satu proses bagi seseorang ketua mendapatkan kerjasama orang bawah ke arah penyempurnaan matlamat tertentu[20].

Penjelasan Stodgill, di atas menggambarkan betapa luasnya pengertian kepimpinan itu yang menyebabkan ditakrifkan dalam berbagai-bagai takrifan. Bagaimanapun, seseorang pemimpin itu perlulah mempunyai kelebihan terhadap subordinatnya, sama ada kuasa yang membolehkan beliau mendapat kerjasama daripada subordinat'

Menurut Hollander, *In general, the term, "leader", refers to an individual with the status*

[17] Gary Yuki, Leadership in Organization,Prentice Hall, New Jersey,1998, ms.2
[18] Rani Mutalib, Kepimpinan, http://www.academia.edu
[19] Robiah Sidin, Asas Pentadbiran, Petaling Jaya, Cipta Sdn Bhd,1998, Rani Mutalib, Kepimpinan.
[20] Azman Che Omar, Pengurusan di Malaysia dari Perspektif Islam, DBP , Kuala Lumpur. Rani Mutalib, Kepimpinan.

that permits him to exercise influence over other individuals[21].

Schneider menyatakan, "*leaders as a product of a time and leadership as a function of circumstances of the moment"*[22].

Manakala Gibb, mendefinisikan kepimpinan sebagai, "…*a concept applied to the structure of a group to describe the situation when some personalities are so placed in the group that their will, feeling, and insight are perceived to direct and control others in the pursuit of common ends. Leaders in the group are those persons who perceived most frequently to perform those roles or functions which initiate and control behaviour of others toward the achievement of group goals or sub-goals"*[23].

Kepimpinan melibatkan pengaruh ke atas subordinat melalui kebolehan yang ada untuk menjadikan pendirian, keyakinan, tindakan mereka sama ada melakukan perubahan kepada diri, pemikiran atau sikap. Sudah tentu taktik dan strategi perlu digunakan oleh seorang pemimpin untuk menggunakan tenaga dan kekuatan subordinat mencapai tujuan atau matlamat.

Robbins (2005), mendefinisikan kepimpinan sebagai kemampuan seseorang mempengaruhi pasukan kerja ke arah pencapaian matlamat sesebuah organisasi. Ini membawa maksud bahawa seseorang pemimpin itu mempunyai kebolehan dalam mencaturkan subordinatnya.

Kesimpulannya, bahawa definisi kepimpinan ialah seseorang yang mendapat kedudukan kepimpinan melalui kebolehan peribadi yang meyakinkan pengikut, pendukung, subordinat dan simpatetik.

---

[21] Entessar Tahmineh, Revolution And Leadership: A Study Of Four Countries,Ph D,1983. ms. 1, Edwin Hollander, Leaders, Groups, and Influence (New York, Oxford University Press, 1964). Ms.16

[22] John Schneider, " Social Class, Historical Circumstances, an Fame, " American Journal of Socciology 43 (1973) : 37-56. Entessar Tahmineh, 1983, MS.5.

[23] Cecil Gibb, "An International View of the Emergence of Leadership," Australian Journal of Psychologr 10 (1958), MS 101-110. Entessar Tahmineh, 1983, Ms 5

2.4.3 Elemen Kepimpinan

Elemen asas kepimpinan mestilah terdapatnya pengikut. Tidak terjadi kepimpinan kalau tidak terdapat pengikut. Dalam apa bentuk kepimpinan sekalipun, pengikut adalah kriteria utama untuk menjadikan diri seseorang itu sebagai pemimpin. Jumlah pengikut bukanlah ukuran untuk melayakkan seseorang itu menjadi pemimpin, pokoknya dia mesti ada pengikut.

Kemahiran pemimpin membuat keputusan dan diyakini oleh pengikut menjadiasas penting kepada kekuatan pemimpin. Di samping itu, pemimpin mesti mampumembentuk kesetiaan orang-orang di bawahnya, untuk mematuhi suruhan, arahannya dalam apa-apa situasi dan kondisi. Sekiranya, seseorang itu tidak berjaya mendapatkan kerjasama atau sokongan dari subordinatnya, maka nilai kepimpinannya bukan saja terjejas, tercabar malah beliau tidak mampu lagi menjadi seorang pemimpin. Contoh yang baik dalam mendapatkan kepercayaan pengikut adalah Khalid Al Walid. Semasa beliau bersama Pasukan Quraish, tewas pertempuran awal di dalam Peperangan Uhud, beliau masih bersedia nencari kesempatan untuk mempengaruhi dan meyakinkan pengikutnya. Peluang diperolehi, bila beliau melihat pasukan pemanah Islam meninggalkan posisi diatas Bukit Uhud, Khalid Al Walid berjaya meyakinkan pengikutnya untuk kembali menyerang dan akhirnya menang.

Pemimpin mesti berkebolehan menerangkan, mempengaruhi pemikiran terhadap pengikutnya supaya misinya diyakini oleh mereka. Maka itu visi perjuangan dapat diyakini dan dilaksanakan oleh subordinat. Contoh yang baik dapat dilihat dari kepimpinan Nabi Muhammad dan Mao Zedong. Nabi Muhammad meyakinkan pengikutnya bahawa perpindahan dari Mekah ke Madinah boleh mendatangkan kemudahan dalam mengamalkan agama Islam dan memudahkan penghidupan. Manakala Mao Zedong dapat meyakinkan pengikutnya untuk meneruskan ‘*Long March”* biarpun menghadapi rintangan yang sukar dan kematian. Hasil dari motivasi Mao Zedong itulah menyebabkan pengikutnya terus melakukan perjalanan dan perjuangan yang membawa kejayaan mengalahkan Kuomintang serta membentuk Republik Rakyat China dengan ideologi komunis.

2.5 Ciri Kepimpinan.

Terdapat pengkaji membicarakan soal ciri-ciri kepimpinan seseorang pemimpin. Antaranya Timm & Peterson (2000), Daft (2004), Hermann (1977), Shariati (1979) dan Kouzes & Porsner (2002). Timm & Peterson (2002) dan Daft (2004) menegaskan terdapat enam ciri yang membezakan antara pemimpin dan pengikutnya iaitu:

2.5.1 Pemimpin mempunyai cita-cita yang tinggi berbanding pengikutnya. Pemimpin bersedia untuk memikul tanggungjawab sesebuah organisasi berkemampuan untuk mengetuai, dan memberi motivasi kepada pengikutnya.

2.5.2 Pemimpin mempunyai kejujuran, dan integriti, iaitu mereka adalah seseorang yang boleh dipercayai, dan pengikut mempunyai kepercayaan, dan kesanggupan menerima arahan.

2.5.3 Pemimpin mempunyai keyakinan diri yang tinggi dalam membuat sesuatu keputusan, dan dapat juga meyakinkan orang lain.

2.5.4 Pemimpin menentukan mekanisme yang sesuai untuk mencapai matlamat organisasinya, dan membuat keputusan yang terbaik bagi kecemerlangan organisasi. Seseorang pemimpin mempunyai daya kognitif, kebijaksaan yang tinggi dalam mengetuai organisasinya.

2.5.5 Pemimpin mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam bidang ditugaskan. Sesorang pemimpin faham dalam matlamat organisasi dan mampu membuat keputusan dalam mencapai matlamat organisasi. (Timm & Peterson 2000, Daft 2004)[24].

Dalam soal ini, Kouzes & Posner (2002) menyentuh soal kredibiliti, efikasi kendiri (self-

[24] Mustapha Ahmad, Kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah Dalam Politik Kelantan, Disertasi MA, UKM, MS .3

efficacy) dalam berusaha menentukan keberkesanan kepimpinannya bagi organisasi, masyarakat atau negara. Manakala dalam membincangkan efikasikendiri (self-efficacy), Bandara (1995) menyatakan sebagai kepercayaan kepada keupayaan seseorang untuk organisasi dan melaksanakan sesiri aksi yang dikehendaki untuk menangani pelbagai situasi. Prinsip asas teori efikasi kendiri ialah pencapaian dan motivasi individu ditentukan oleh kepercayaan terhadap diri sendiri (Bandura 1982).

Daripada 20 kualiti yang disenaraikan dalam penyelidikan Kouzes & Posner (2002), empat kualiti yang paling kerap berada dalam susunan tertinggi adalah kejujuran, integriti, berpandangan ke hadapan, inspirasi dan kompeten. Kompetenmengikut Kouzes & Posner (2002) adalah merujuk kepada kompetensi pengetahuan dan kemahiran menjalankan tugas. Oleh kerana sejak kebelakangan ini penyelidikan tentang keberkesanan kepimpinan juga dipengaruhi oleh kecerdasan emosi, dan juga efikasi kendiri, maka gabungan komponen kompeten, kecerdasan emosi dan dedikasi kendiri merupakan faktor penting dalam melahirkan pemimpin yang mempunyai kredibiliti[25].

Sebagai kesimpulannya, pengkaji turut merumuskan soal ciri-ciri kepimpinan sebagai:

1. Kepimpinan wujud dalam semua aktiviti yang disusun, dibentuk atau dirangka dengan rapi lagi sempurna.

2. Kepimpinan mempunyai ikatan dengan kuasa. Dengan kuasa itulah sesorang dapat menguasai atau mengawal subordinatnya.

3. Kepimpinan adalah suatu proses mempengaruhi dan mendapatkan keyakinan pengikut. Pengaruh merupakan asas kepada kedudukan kepimpinan, kerana sekiranya tiada pengaruh, maka secara automatikseseorang itu sudah gagal sebagai seorang pemimpin.
4. Kepimpinan mesti mampu menyelesaikan segala permasalahan dan krisis walau dalam apapun situasi dan kondisi.

[25] Ibid. ms.4

5. Kepimpinan mampu mewujudkan kerangka kerja yang mengandungi segala bentuk tugas, hala tuju dan perlaksanaannya bagi mencapai matlamat.

6. Kepimpinan yang berkesan mampu memberikan keyakinan, kepercayaan, keselesaan dan keseronokan kepada subordinatnya untuk berusaha sepenuh keyakinan dalam mencapai kejayaan.

2.6 Dimensi Kepimpinan

Menjadi kepercayaan umum bahawa seseorang itu telah dilahirkan semula jadi sebagai pemimpin. Kemampuan untuk menjadi pemimpin telah dapat dilihat dari awal dengan bakat serta kebolehan semula jadi. Malah tidak meyakini bahawa seseorang boleh dibentuk melalui latihan, asuhan serta tunjuk ajar untuk menjadi pemimpin. Suatu ungkapan Inggeris yang popular tentang perkara ini ialah,'*Leaders are born not made'.*

Di samping itu, mereka juga menganggap faktor keturunanlah yang secara semula jadi membentuk seseorang menjadi pemimpin. Bagaimanapun pendapat ini kurang tepat, kerana hanya dengan bakat semula jadi semata-mata seseorang itu belum pasti boleh lahir sebagai pemimpin. Bakat yang ada perlu dipupuk, dilatih malah perlu diisi dengan ilmu pengetahuan. Kepimpinan adalah ilmu dan kemahiran yang dapat dicari serta dipelajari untuk mempertingkat kemampuan diri secara berterusan. Diyakini bahawa seseorang itu dapat menjadi pemimpin sekiranya meyakini kemampuan diri dan bersedia membentuk diri menjadi pemimpin.

2.7 Kepentingan Kepimpinan

Kejayaan sesebuah organisasi, pasukan atau kumpulan bergantung rapat dengankepimpinan. Sekiranya seorang pemimpin yang lemah dan tidak berkeyakinan, maka sudah pasti ianya tidak mampu menguasai subordinatnya. Seorang pemimpin mesti berkemampuan mempengaruhi, meyakinkan, menyelia dan mengarahkan subordinatnya untuk berusaha

sepenuhnya bagi mencapai matlamat. Pemimpin juga mesti mampu merancang, merangka malah mampu mengubah perancangan mengikut situasi dan kondisi bagi mencapai kejayaan.

Di dalam kepimpinan politik, Aminuddin (1989) dan Husin @ Ibrahim (2007) menekankan kepada empat elemen yang penting. Pertama, iaitu perhubungan antara pemimpin dengan pengikut dan pengaruh pemimpin terhadap pengikutnya.Biarpun perhubungan itu bertimbal-balik, atau saling memerlukan, namun penguasaan pemimpin terhadap pengikutnya sangat ketara, sama ada melalui kuasa autoriti atau cengkaman pengaruhnya.

Elemen kedua, adalah kewujudan perhubungan peribadi di antara pemimpin dengan pendukung, pengikut di dalam organisasinya. Kemesraan antara pemimpin dengan pengikutnya, bukan sahaja merapatkan perhubungan untuk memudahkan urusan kerja organisasi, sebaliknya membolehkan pemimpin mendapatkan input-input yang penting kepada organisasi. Malah kemesraan serta interaksi yang baik antara pemimpin dengan subordinatnya, boleh membantu *survival* politiknya atau untuk meningkat naik di dalam organisasi politiknya.

Ketiga, adalah kehadiran kuasa dan penggunaan kuasa dalam proses kepimpinan. Kuasa adalah alat atau autoriti yang dimiliki oleh seseorang pemimpin dalam proses untuk menguasai atau menggenggam pengikutnya. Mengikut Weber (dlm Aminuddin 1989), kuasa diperolehi secara sah melalui perundangan, kerana melalui kuasa yang sah sahaja seorang pemimpin mempunyai kuasa autoriti. Dengan kuasa yang ada seseorang pemimpin itu boleh ‘mengokestretkan’ atau ‘mencaturkan’ subordinatnya untuk mencapai tujuan politiknya.

Keempat, adalah di dalam proses kepimpinan wujudnya tujuan atau matlamat kelompok. Segala kerangka gerakan atau kerja di dalam organisasi politik adalah bertujuan mencapai kejayaan atau kemenangan. Di dalam politik tiada kawan yangberkekalan dan tiada musuh

selamanya. Ianya ditentukan oleh ‘kepentingan’ dan ikatan di dalam politik hanya ditentukan oleh ‘kepentingan’. Selagi adanya ‘kepentingan bersama’ maka ianya adalah kawan, dan bila ‘berbeza kepentingan’ maka ianya adalah musuh. Bagi Wan Hashim (1993), jatuh bangunnya sesebuah bangsa dan seluruh negara banyak bergantung kepada pemimpin.

Wilnet (1983), mengatakan seorang pemimpin itu adalah manusia ternama yang mencipta sejarahnya dan masyarakatnya dengan idea-idea bernas dan berupaya menyelesaikan masalah zamannya. Mereka merupakan individu-individu istimewayang selalu mempunyai fikiran-fikiran yang baik dan lebih ke depan dan mempunyai kuasa eksekutif untuk membuat keputusan bagi masyarakatnya[26].

2.8 Fungsi Kepimpinan

Secara mudah, fungsi kepimpinan dapat dirumuskan kepada tiga iaitu, pertama menentukah hala tuju, iaitu membentuk visi masa depan kepada organisasi. Juga membentuk strategi bagi mengubah subordinat supaya mampu mencapai visi. Dalam konteks ini, kita boleh melihat bagaimana Tun Abdul Razak berjaya memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru dalam usaha menyusun kembali sosio- politik-ekonomi negara. Beliau telah menggunakan subordinatnya dan aparatus negara bagi mencapai misi dan visinya.

Melalui DEB, beliau berjaya merubah masyarakat hasil peninggalan penjajah yang dilihat tidak membantu di dalam mencapai cita-cita Malaysia untuk melahirkan masyarakat yang harmoni dan melahirkan perpaduan nasional.

Melalui DEB, Tun Abdul Razak berjaya merombak masyarakat di mana aktiviti ekonomi dikaitkan dengan sesuatu bangsa. Beliau berjaya melahirkan kelas menengah Melayu

[26] Mustapha Ahmad, Kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah Dalam Politik Kelantan, ms.14. Juga lihat dari ms.13-14.

dengan membuka peluang yang banyak kepada paramahasiswa Melayu dan bumiputera di universiti-universiti tempatan dan luar negara.

Kedua, pemimpin berkebolehan menyampaikan arahan melalui kata-kata dan perbuatan kepada ahli pasukannya untuk mencapai visi organisasi. Kejayaan Tun Abdul Razak dalam membentuk pakatan parti-parti politik yang dinamakan Barisan Nasional adalah suatu tanda kejayaan beliau dalam menyampaikan arahan dan menggunakan kuasa politik yang ada di tangannya. Beliau berjaya menyampaikan arahan dan meyakinkan subordinatnya untuk menarik parti-parti pembangkang untuk bersatu di bawah suatu lambang iaitu Barisan Nasional. Hasil usahanya itu, Barisan Nasional memenangi PRU 1974 dengan begitu cemerlang, biarpun pada PRU 1969 parti yang diwakilinya iaitu Perikatan mengalami kekalahan yang agak teruk.

Ketiga, memberi motivasi dan inspirasi kepada pasukan untuk mengatasi segala halangan dan rintangan dalam melaksanakan tugas. Sekali lagi, kejayaan Tun Abdul Razak dalam membebaskan Malaysia dari cengkaman kuasa penjajah Inggeris-Amerika dapat dijadikan contoh kepada fungsi yang ketiga ini. Beliau telah terlibat aktif di dalam pergerakan *Non-Aligned Movement* (NAM)[27] dan mewujudkan *Zon of Peace, Freedom and Neutrality* (ZOPFAN)[28] pada 1971.Beliau berjaya mengatasi segala halangan dan rintangan untuk membebaskan Malaysia dari blok US-Inggeris bagi mengadakan hubungan dengan blok USSR. Dan akhirnya mengadakan lawatan dan hubungan dua hala dengan Republik Rakyat China pada tahun 1974, mendahului negara-negara lain di Asia Tenggara.

2.9 Gaya Kepimpinan Dan Bentuk Kepimpinan.

Secara mudah, gaya kepimpinan boleh dibahagikan kepada empat iaitu mengarah, melatih, menyokong dan mewakilkan kuasa. Manakala di dalam politik gaya atau bentuk kepimpinan

[27] Non- Aligned Movement (NAM), pertubuhan/forum kepada 120 negara membangun yang tidak terikat kepada mana blok.Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Ditubuhkan oleh Sukarno, Jawaharlal Nehru, Josip Broz Tito, Gamal Abdel Nasser dan Kwame Nkrumah.

[28] Zon of Peace, Freedom and Neutrality (ZOPFAN) , merupakan pengistiharan yang ditandatangani di Kuala Lumpur oleh Menteri Luar Negara ASEAN, iaitu Indonesia , Filipina, Thailand, Singapura dan Malaysia pada 1971.

lebih diperhalusi dengan melihat kepada personaliti pemimpin. Weber (1964) membahagikan bentuk kepimpinan kepada tiga iaitu kepimpinan karismatik, tradisional dan rasional. Manakala Burns (1978) dan Bass (1960) membahagikan bentuk kepimpinan kepada kepimpinan karismatik, transaksional dan transformasional.

Gaya kepimpinan yang empat iaitu mengarah, ialah di mana pemimpin memberikan arahan yang spesifik dan menyelia kejayaan atau pencapaian sesuatu tugas yang diberikan. Manakala dalam hal melatih pula, di mana pemimpin memberi arahan secara berterusan dan menyelia pencapaian hasil ataumatlamat, juga menerangkan keputusan, memberi cadangan dan menyokong apa-apa kemajuan. Dalam gaya kepimpinan menyokong, seseorang pemimpin itu memudahkan dan menyokong usaha subordinat untuk mencapai kejayaan dan berkongsi tanggungjawab dalam membuat keputusan bersama. Dalam hal gaya kepimpinan mewakilkan kuasa pula, seseorang pemimpin itu akan menurunkan kuasa atau tanggungjawab untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah kepada subordinatnya. Inilah gaya kepimpinan secara umumnya yang biasa dirumuskan oleh pengkaji.

Weber (1964), Burns (1978) Bass (1960), telah memberikan bentuk-bentuk kepimpinan seperti di atas tadi iaitu, gaya karismatik, tradisonal, rasional, transaksional dan transformasional Manakala Entessar Tahmineh pula cuba menunjukkan bahawa personaliti pemimpin itu terbentuk oleh lapan faktor, iaitu:

2.9.1 Socioeconomic status refers to the family background of the leader during his childhood as well as the leaders own status in his adulthood.

2.9.2 Education includes the type of formal education that the leader received and the degree of his intellectual superiority over his peers.

2.9.3 Intelligence is closely related to education.

2.9.4 Self-confidence and initiative influence the leader willingness to accept

responsibility.

2.9.5 Charrisma and popularity are of particular significance in winning the support of the masses.

2.9.6 Integrity helps to develop trust ; it also indicates the character of the leader.

2.9.7 Originality refers to the quality of being creative and having original ideasand methods in doing things.

2.9.8 Persistence is particularly valuable in carrying out revolutionary goals whenfaced with difficulties[29].

Biarpun Weber (1964), Burns (1978) dan Bas (1960) telah menyentuh beberapa bentuk gaya kepimpinan, tetapi pengkaji hanya ingin menumpukan kepada gaya kepimpinan karismatik. Pengkaji berkeyakinan bahawa kepimpinan para mahasiswa lebih mendekati gaya kepimpinan karismatik. Maka pengkaji tidak membincangkan gaya kepimpinan yang lain secara mendalam, sebaliknya menyentuh secara ringkas.

Weber (1968) menyatakan bahawa seseorang pemimpin karismatik mempunyai daya tarikan (aura) tersendiri. Kaliber istimewa yang dinamik itu boleh berupa sifat-sifat fizikal seperti badan yang tegap, tampan, dan penampilan mempesonakan yang menyebabkan orang percaya terhadap kemampuannya atau suaranya yang lantang yang menjadikan lunak didengar. Kepimpinan karismatik kerap muncul dalam situasi krisis dan jika mereka berjaya makakepimpinan karismatik akan menjadi sesuatu transformasional yang radikal, tetapi adakala membawa akibat yang negatif atau memudaratkan (Weber 1964)[30].

Menurut Bass (1990), kepimpinan karismatik yang berasaskan daya kepimpinan semula jadi telah mengikat dan mengurangkan ajakan kuat emosi pengikut melampaui aras kendiri yang biasa, kasih sayang, kekaguman, kepercayaan, kreatif, kecerdasan, menganggap dirinya

[29] Entessar, Tahmineh, Revolution And Leadership, A Study Of Four Countries .1984 , ms.14
[30] Musthapha Ahmad .Kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah Dalam Politik Kelantan, ms.19.

berkuasa dalam segenap bidang, memiliki kuasa luar biasa yang mampu membangkitkan kesetiaan pengikut dan sanggup berkorban. Pemimpin karismatik adalah pemimpin hero (*heroic leadership),* yang mampu memenuhi jiwa, dan rohani (psychic) para pengikutnya, mempunyai personaliti dan pengaruh peribadi. Idola, pembebas, serta penyelamat atau wira daripada bencana, dan mempunyai dogma pemikiran sentiasa bersedia berkhidmat dan membawa kemajuan untuk rakyat[31].

Schiffer (1973), mentafsirkan kepimpinan karismatik sebagai kualiti semula jadi tanpa sebarang dorongan kebendaan atau paksaan yang ada pada personaliti. Kualiti yang dimiliki itu mampu menarik keyakinan, kesanggupan , sokongan, simpati malah dikagumi oleh orang ramai. Sifat-sifat yang ada kepada seorang pemimpin karismatik, seperti radikal, tidak konvensional, berani mengambil risiko, sifat kendiri yang tinggi, mempunyai sifat dominasi, berjaya menonjolkan keyakinan diri dan bersedia melawan, merupakan senjata yang ada kepada pemimpin karismatik.

Bennis dan Nanus (1985), menyatakan pemimpin-pemimpin berkarismatik mempunyai empat ciri berikut. Pertama, berwawasan jelas dan menarik atau ada naluri bagi mencapai sesuatu tujuan perjuangan (*sense of purpose*); kedua, boleh berkomunikasi tentang wawasan mereka kepada pengikut; ketiga, menunjukkan konsisten dan penumpuan; dan keempat, mengenai kekuatan kepimpinan dengan sepenuhnya[32].

Kepimpinan Transaksional didefinisikan oleh Nidzam (2002) sebagai tindakan dan perlakuan yang tidak mengikut peraturan dengan mementingkan pergerakan pergerakan yang bersifat pragmatik dan bertentangan dengan peraturan dan norma yang sepatutnya dipatuhi oleh pemimpin-pemimpin politik. Barangkali Tun Mahathir boleh dijadikan contoh yang tergolong di dalam Kepimpinan Transaksional ini, dengan melihat tindakan beliau yang mahu menghapuskan *team* B di bawah Tengku Razaleigh Hamzah semasa pemilihan kepimpinan UMNO pada 24 April 1987. Beliau melalui peguamnya Gopal Sri Ram membiarkan saja Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengisytiharkan UMNO sebagai

[31] Mustapha Ahmad, Kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah Dalam Politik Kelatan, ms.17.
[32] Ibid, ms.19

pertubuhan haram pada 4 Februari 1988[33].

Bagi Burn (1978), Kepimpinan Transaksional adalah kemampuan seorang pemimpin mendekati dan menguasai pengikutnya dengan mengubah sesuatukeadaan menjadi keadaan yang lain. Beliau menunjukan bagaimana seseorang pemimpin transaksional itu berkemampuan membimbing, memandu pengikutnya dengan cara, kaedah serta tugas masing-masing dalam mencapai matlamat perjuangan. Mengikutnya lagi, kepimpinan transaksional didasarkan kepada autoriti, birokrasi dan legitimasi di dalam organisasi. Beliau juga cenderung mengatakan bentuk kepimpinan ini hanya berminat dengan menulis memo dan tidak bersedia untuk berhadapan dengan pengikut bagi mewujudkan komunikasi bersemuka (*face to face*). Pendapat Burn (1978) berbeza dengan Hunsaker (1986), mengatakan kepimpinan transaksional adalah kepimpinan yang diamalkan melalui perhubungan secara bersemuka dengan pengikutnya.

Kepimpinan Transformational, dilihat oleh ramai para sarjana sebagai konsep terbaik dalam menghuraikan kelebihan atau kedudukan seseorang pemimpin.Zaidatol Akmaliah (2003) mendefinisikan sebagai proses membentuk, menyusun, mengorganisirkan pasukan atau pengikut supaya terikat dengan keperluan organisasi, bukan sahaja untuk membawa perubahan yang besar kepada organisasi, sebaliknya mencapai kejayaan yang maksima. Manakala Yuki (1981), memberi tafsiran sebagai suatu proses membawa perubahan besar sikap ahli sesuai dengan situasi dan kondisi organisasi dalam usaha mencapai strategi, objektif dan visi organisasi.

Seterusnya Bass (1960), pula mendefinisikan kepimpinan transaksional sebagai kepimpinan yang menunjukan kecemerlangan yang luar biasa kerana mereka berjaya meluaskan dan mengembangkan minat subordinat dalam membangun kesedaran dan penerimaan terhadap tujuan dan misi kumpulan. Pemimpin ini juga bukan hanya mempunyai kebolehan membangunkan minat subordinat, tetapi minat yang dibangunkan melangkaui minat

[33] Pemilihan kepimpinan UMNO pada 24 April 1987, iaitu antara Team A di bawah Tun Mahathir memenangi Jawatan Presiden dengan 43 undi. Terdapat sekumpulan anggota Team B (11 orang) yang tidak berpuas hati dengan keputusan itu telah membawa atau mencabar kes tersebut ke mahkamah.

peribadi subordinat itu sendiri[34].

Pengkaji percaya, bahawa kebanyakan para pemimpin mahasiswa di universiti memiliki sifat kepimpinan karismatik. Melalui sifat atau bentuk kepimpinan karismatik itulah mereka muncul sebagai pemimpin di tengah-tengah politik para mahasiswa. Hanya berbekalkan sifat pemimpin karismatik itulah mereka mendapat kepercayaan, sokongan, dukungan untuk mencapai cita-cita perjuangan para mahasiswa.

Pengkaji berkeyakinan, bahawa pengkaji sendiri tergolong ke dalam tiga gaya kepimpinan iaitu: kepimpinan karismatik, transnasional dan transformasional. Ketiga-tiga gaya kepimpinan ini bergaul di dalam kepimpinan pengkaji dan terpakai mengikut keperluan semasa. Walaupun pengkaji dapat melaksanakan gaya kepimpinan tersebut dalam memimpin pergerakan mahasiswa, namun kejayaan pengkaji turut dibantu oleh rakan-rakan yang diikat oleh ideologi perjuangan. Pengkaji dengan bantuan komrad, memudahkan lagi bagi pengkaji menganyamkan ketiga-tiga gaya tersebut untuk memandu para mahasiswa mencapai matlamat perjuangan mahasiswa Universiti Malaya dan seluruh mahasiswa tanah air, mengubah sikap, tingkah laku, perangai dan pemikiran seseorang adalah kemampuan seorang pemimpin.

Kepimpinan tidak dapat lari dari konsep pemimpin dan pengikut. Tanpa pengikut tidak mungkin terhasil seorang pemimpin. Kepimpinan hanya terjadi apabila ada pengikut tanpa mengira jumlahnya. Seseorang pemimpin akan terdapat pengikut yang mempercayai, mematuhi dan memberi taat setia kepadanya. Kejayaan organisasi bergantung sepenuhnya kepada seorang pemimpin.

Dalam hal kepimpinan dan besarnya tanggungjawab seorang pemimpin itu telah Allah wahyukan di dalam Quran, “Kami telah menawarkan amanah kepada langit, bumi dan gunung-ganang. Semuanya enggan memikulnya dan khuatir, akan mengkhianatinya, dan

[34] Mustapha Amad, Kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah Dalam Politik Kelanta, ms.26

dipikullah amanah itu oleh manusia. Sesungguhnya manusia amat zalim dan amat jahil." (Al-Ahzab : 72).

Kepimpinan memikul tanggungjawab kepada organisasi dan pengikutnya. Kejayaan dan kegagalan organisasi bergantung kepada kemampuan seorangpemimpin dalam mengikat keyakinan subordinatnya untuk berjuang bersama-sama bagi mencapai matlamat. Manakala seorang pemimpin mukmin, bukan sahaja beliau bertanggungjawab ke atas pengikutnya, malah beliau juga bertanggungjawab dengan Allah Azzawajalla. Bagaimanapun, ianya terhasil secara ilmiah, tidak bias dan disokong oleh sumber premier dan sekunder.

Pengkaji memilih beberapa buah buku dan sebuah tesis PhD untuk dijadikan sebahagian dari kajian literatur ini. Buku-buku dan tesis tersebut sangat membantu pengkaji di dalam membandingkan kejadian, fakta dengan apa yang ada di dalam ingatan pengkaji. Kesemua buku dan tesis yang dikemukakan untuk mengisi keperluan kajian literatur ini, mewakili semua waktu yang dimulakan dengan Fajar yang menyentuh perjuangan mahasiswa sebelum merdeka, manakala Aktivisme Mahasiswa Malaysia mengupas pergerakan mahasiswa sehingga tahun 2010.

Kajian literatur, berhubung pengkajian atau kajian di luar negara, mempunyai kesamaan dengan perjuangan para mahasiswa di Malaysia. Mereka berjuanguntuk mempertahankan hak kepentingan para mahasiswa. Di samping itu mereka turut bergabung dengan kaum pekerja dan anggota masyarakat dalam usaha mencapai matlamat perjuangan. Mereka berjaya mengumpul ratusan ribu semasamengadakan demonstrasi merangkumi tenaga para mahasiswa dan orang awam. Kemampuan ini, jauh mengatasi kemampuan yang boleh dilakukan olehorganisasi mahasiswa di Malaysia. Inilah kekurangan yang terdapat kepada persatuan mahasiswa di tanah air.

Justeru, kemampuan mengorganisasi tenaga mahasiswa dan tenaga rakyat yang begitu ramai, membolehkan mereka menjatuhkan rejim diktator di negara mereka. Phillip G. Altbach, *Student Political Activism, An International Reference Handbook, "Student have*

been instrumental in overthrowing goverments in many natioins in the Third World."

Bertolak dari kajian-kajian literatur di atas, maka pengkaji merasakan perlu mengambil kajian tersebut untuk diperbincangkan bagi memenuhi keperluan tajuk yang dikaji. Biarpun, ianya tidak dapat menyokong tajuk kajian secara khusus, tetapi setidak-tidaknya ia tergolong ke dalam bidang yang dikaji oleh pengkaji.Iaitu membicarakan perjuangan para mahasiswa.

2.10 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, tidak terdapat kajian yang telah dibuat, dilakukan dan menghasilkan secara khusus tentang tajuk yang dipilih iaitu "Resistensi Pemikiran Sosialisme dalam Gerakan Mahasiswa Universiti Malaya (1972-1974). Kebanyakan buku-buku dan sumber rujukan oleh pengkaji, hanyalah menyentuh tentang perjuangan para mahasiswa di Malaysia secara umum. Lebih bersifat laporan atau penceritaan, tanpa membuat analisis yang mendalam, terutama tentang terdapatnya tiga ideologi di Universiti Malaya iaitu sosialisme, nasionalisme dan Islamisme.

Justeru, kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah berbeza dengan kajian terdahulu, kerana aspek kajian pengkaji lebih menjurus kepada peranansosialisme di Universiti Malaya. Cuma pengkaji sampaikan kepada pembaca dalam kaedah autobiografi, kerana pengkaji sendiri terlibat di dalam kajian ini.

Pengkaji memilih beberapa buah buku dan sebuah tesis PhD untuk dijadikan sebahagian dari kajian literatur ini. Buku-buku dan tesis tersebut sangat membantu pengkaji di dalam membandingkan kejadian, fakta dengan apa yang ada di dalam ingatan pengkaji. Kesemua buku dan tesis yang dikemukakan untuk mengisi keperluan kajian literatur ini, mewakili semua waktu yang dimulakan dengan Fajar yang menyentuh perjuangan pelajar sebelum merdeka, manakala Aktivisme Mahasiswa Malaysia mengupas pergerakan mahasiswa

sehingga tahun 2010.

Kajian literatur, berhubung pengkajian atau kajian di luar negara, mempunyai kesamaan dengan pejuangan para pelajar di Malaysia. Mereka berjuang untuk mempertahankan hak kepentingan para pelajar. Dismping itu mereka turut bergabung dengan kaum pekerja dan anggota masyarakat dalam usaha mencapai matlamat perjuangan. Mereka berjaya mengumpul ratusan ribu semasa mengadakan demonstrasi merangkumi tenaga para pelajar dan orang awam. Kemampuan ini, jauh mengatasi kemampuan yang boleh dilakukan oleh organisasi pelajar di Malaysia. Inilah kekurangan yang terdapat kepada persatuan pelajar di tanah air.

Justeru, kemampuan mengorganisir tenaga pelajar dan tenaga rakyat yang begitu ramai, membolehkan mereka menjatuhkan rejim diktator di negara mereka. Phillip G. Altbach, *Student Political Activism, An International Reference Handbook, "Student have been instrumental in overthrowing goverments in many natioins in the Third World.*"

Bertolak dari kajian-kajian literatur di atas, maka pengkaji merasakan perlu mengambil kajian tersebut untuk diperbincangkan bagi memenuhi keperluan tajuk yang dikaji. Biarpun, ianya tidak dapat menyokong tajuk kajian secara khusus, tetapi setidak-tidaknya ia tergolong ke dalam bidang yang dikaji oleh pengkaji. Iaitu membicarakan perjuangan para pelajar.

Kepimpinan adalah proses di mana seseorang individu dapat meyakinkan serta mempengaruhi orang lain sama ada perseorangan atau berkumpulan. Tujuannya adalah untuk mencapai matlamat dirinya atau matlamat kumpulannya atau matlamat organisasi. Semuanya itu berkait rapat dengan pengaruh seseorang yang mampu mempengaruhi orang di bawahnya atau subordinat. Pemimpin juga berkebolehan membetulkan, mengubah serta memajukan sikap seseorang di bawahnya. Keupayaan mengolah segala taktik dan strategi dalam usaha mengubah sikap, tingkah laku, perangai dan pemikiran seseorang adalah kemampuan seorang pemimpin.

Kepimpinan tidak dapat lari dari konsep pemimpin dan pengikut. Tanpa pengikut tidak mungkin terhasil seorang pemimpin. Kepimpinan hanya terjadi apabila ada pengikut tanpa mengira jumlahnya. Seseorang pemimpin akan terdapat pengikut yang mempercayai, mematuhi dan memberi taat setia kepadanya. Kejayaan organisasi bergantung sepenuhnya kepada seorang pemimpin.

Dalam hal kepimpinan dan besarnya tanggungjawab seorang pemimpin itu telah Allah wahyukan di dalam Quran, “Kami telah menawarkan amanah kepada langit, bumi dan gunung-ganang. Semuanya enggan memikulnya dan khuatir, akan mengkhianatinya, dan dipikullah amanah itu oleh manusia. Sesungguhnya manusia amat zalim dan amat jahil.” (Al-Ahzab : 72).

Kepimpinan memikul tanggungjawab kepada organisasi dan pengikutnya. Kejayaan dan kegagalan organisasi bergantung kepada kemampuan seorangpemimpin dalam mengikat keyakinan subordinatnya untuk berjuang bersama-sama bagi mencapai matlamat. Manakala seorang pemimpin mukmin, bukan sahaja beliau bertanggungjawab ke atas pengikutnya, malah beliau jugabertanggungjawab dengan Allah Azzawajalla.

BAB III

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1. Pengenalan

Untuk melakukan penyelidikan terhadap sesuatu kajian, maka sudah tentu kaedah atau cara diperlukan bagi menjayakan penyelidikan tersebut. Kejayaan, kesempurnaan atau kejituan terhadap hasil penyelidikan tentu sekali bergantung kepada kaedah atau cara yang digunakan, biarpun kerangkanya telah disediakan. Kaedah, cara atau petunjuk inilah yang dinamakan metodologi. Maka itu metodologi menjadi pemandu arah yang terpenting dalam kajian penyelidikan. Sebelum menentukan metodologi mana yang perlu digunakan untuk mencapai kejayaan di dalam penyelidikan ini, maka itu pengertian atau definisi metodologi perlu difahami sejelas-jelasnya, sebelum menentukan cara mana perlu digunakan.

Metodologi ialah strategi penyelidikan umum yang menggariskan cara penyelidikan yang mahu digunakan di dalam sesuatu kajian. Di samping itu wajib mengenal pasti kaedah yang akan digunakan untuk menjawab, menyatakan atau menyelesaikan persoalan di dalam kerangka kajian. Metodologi tidak menetapkan kaedah atau cara tertentu semata-mata, sebaliknya pengkaji boleh menyesuaikan dengan mana-mana prosedur bagi mencapai matlamatnya.

Mengikut Dew (2007, hal. 433), metodologi merujuk kepada ‘prinsip-prinsip yang mendasari pendekatan penyelidikan tertentu, berbeza daripada “kaedah”, yang merupakan

cara pengumpul data. Dew juga menegaskan bahawa kaedah yang dipilih oleh penyelidik dan apa yang diharapkan mereka dihasilkan oleh kaedah tersebut kuat dibentuk oleh "kedudukan metodologi" mereka.. Metodologi menentukan satu kaedah bagi penyelidikan untuk menghasilkan data untukdianalisis (Carter & Little 2008). Adalah penting bahawa penyelidikan kualitatif harus ditempatkan dalam sebuah kerangka metodologi[35].

Mengikut Avis (2003, hal 1003), penyelidik perlu memberikan 'justifikasi metodologi' mereka dengan membincangkan sebab kenapa mereka memilih sesuatu kaedah dalam penyelidikan mereka. Penyelidik sering dengan mudah mencadangkan penggunaan suatu kaedah khusus, misalnya temu bual mendalam atau kumpulan fokus, tanpa memberikan konteks teori atau kerangka metodologi (Avis, 2003; Carter & Little, 2008)[36].

Pemilihan kerangka metodologi penambah kepada kekuatan reka bentuk penyelidikan. Ia memberikan suatu asas kukuh bagi keputusan pemilihan sesuatukaedah dan membenarkan hubung kait dibuat antara tujuan penyelidikan, pilihan kaedah, dan pendekatan kepada analisis data (Carpenter & Suto 2008)[37].

Dalam kajian ini, pengkaji memilih kaedah penyelidikan kualitatif dan bukan kuantitatif. Penyelidikan kualitatif telah diamalkan secara meluas dalam sainssosial, terutamanya dalam antropologi dan sosiologi. Penyelidikan kualitatif berakar umbi daripada sosiologi dan antropologi awal Amerika, tapi ia dikaitkan dengan tradisi Inggeris dan Perancis (Bogdan & Biklen 2007)[38]. Untuk memenuhi kajian yang dibuat oleh pengkaji, maka kaedah kualitatif diguna pakai termasuk kaedah pengumpulan data, analisis data, temubual dan pemerhatian terhadap objek yang diperolehi. Tentang kualitatif ini, Anselm Strauss dan Juliet Corbin (1990, hal. 19), telah menulis:

"Penyelidikan kualitatif boleh digunakan untuk mencungkil dan memahami apa yang tersembunyi di sebalik mana-mana fenomena yang sedikit diketahui tentangnya. Ia boleh

[35] Pranee Liamputtong,Kaedah Penyelidikan Kualitatif,UPM Press,2014, ms.4
[36] Ibid, ms.4
[37] Ibid, ms.38
[38] Op. Cit,Ms.5

digunakan untuk mendapat kecondongan baharu dan segar terhadap benda-benda yang telah pun diketahui sedikittentangnya. Juga kaedah kualitatif boleh memberikan butir-butir yang terperinci tentang fenomena yang sukar disampaikan dengan kaedah kuantitatif[39].

Penyelidikan kualitatif dikenali sebagai 'sains perkataan' (Denzin 2008, hal. 321). Ia sangat bergantung pada 'perkataan' atau cerita yang disampaikan oleh orang kepada kita sebagai penyelidik. Penyelidikan kualitatif ialah kajian yang meletakkan fokus kepada dunia sosial dan bukan dunia semula jadi. Pada asasnya, menyelidiki kehidupan sosial berbeza daripada menyelidiki fenomena semula jadi. Dalam dunia sosial, kita berdepan dengan pengalaman subjektif manusia , dan 'kefahaman kita tentang realiti boleh bertukar mengikut masa dan dalam konteks sosial berbeza (Dew 2007, hal. 434)[40].

Terdapat beberapa teori metodologi dalam penyelidikan kualitatif, antaranya Etnografi, Fenomenologi, Interaksime Simbolik, Hermeneutik, Metodologi Feminis dan Pascamodenisme. Etnografi adalah kajian budaya dalam antropologi. Secara teori dan metodologi, budaya ialah asas etnografi. Kajian awal antropologi menumpukan kepada budaya 'dunia primitif' yang eksotik. Kemudian budaya telahdilihat sebagai 'tempatan, kurang berjauhan, dan lebih terkini' (Daly 2007, hal. 85}.Manakala Fenomenologi, adalah hasil ahli falsafah Jerman, iaitu Edmund Husserl, beliau mengkaji tentang bagaimana seseorang itu berfikir tentang pengalaman diri dan kesedaran. Baginya, kesedaran selalu diniatkan, iaitu ia diarahkan kepada sesuatu fenomena. Teori metodologi Fenomenologi sering digunakan dalam penyelidikan kualitatif.

Fenomenologi ialah suatu perpektif teori yang cuba menjana pengetahuan tentang bagaimana individu mengalami sesuatu hal (Hesse Biber & Leavy 2005). Sebuah kajian fenomenologi bertujuan untuk meneliti 'pengalaman hidup'seseorang atau beberapa orang dalam hubungan dengan sesuatu konsep atau fenomena yang dikaji (Cresswell 2007, Daly 2007, hal. 97). Tujuan penyelidikan fenomenologi ialah untuk 'memahami dan menghuraikan pengalaman- pengalaman peserta tentang dunia kehidupan harian mereka seperti yang merekalihat (Daly 2007, hal. 98; lihat juga Wilis 2007; Carpenter & Suto 2008;

[39] Pranee Liam, Kaedah Penyelidikan Kualitatif,UPM Press,2014,MS.4
[40] Ibid, ms. XV

Padgett 2008)[41].

Manakala Interaksime Simbolik pula memberi perhatian terhadap ‘makna subjektif yang dikaitkan oleh individu kepada kegiatan dan persekitarannya (Flick 2006,hal. 66). Pendekatan ini berlandaskan premis bahawa individu-individu membentuk tanggapan dan makna mereka hasil daripada interaksi mereka dengan orang lain. Beberapa ahli sosiologi terkemuka seperti Anselm Strauss, Barney Glaser, Norman Denzin, Howard Becker, dan ramai lagi yang lain menggunakan interaksime simbolik dalam penyelidikan mereka. Mengikut Willis (2007, hal. 177), ahli interaksime simbolik menghujahkan bahawa:

Pengkajian manusia bukan pengkajian ‘benar’ atau kejadian konkrit dalam dunia luar. Penyelidikan interaksi simbolik mengkaji interaksi manusia dan menekankan perlunya ditetapkan dalam hati bahawa interaksi manusiabukan saja berdasarkan cara dunia luar ‘sebenarnya’. Sebaliknya interaksi tersebut berdasarkan kepada bagaimana manusia mentafsirkan dunia mereka. Justeru, ia adalah makna simbolik bukannya makna konkrit yang terpenting dalam kajian-kajian interaksi simbolik[42].

Friedrich Schleiermacher adalah orang pertama memperkenalkan atau sebagai ahli teori pertama yang membentuk hermeneutik sebagai sebuah disiplin kajian. Wilhelm Dilthey (1923/1988, hal. 27), seorang ahli falsafah dan sejarawan falsafah, menganggap Schleiermacher sebagai ‘bapa kepada sains hermeneutik’. Hermenuetik menawarkan ‘kerangka metodologi untuk pemahaman penafsiran, atau makna, dengan perhatian khusus kepada konteks atau tujuan asal (Patton 2002, hal. 114). Teori ini mengingatkan kita bahawa ‘makna sesuatu bergantung dalam konteks di mana ia kemudiannya ditafsirkan’ (Patton, hal. 113). Pada asalnya istilah hermeneutik digunakan kepada kajian teks suci seperti Talmud dan Injil (Willis 2007, hal. 104). Hermeneutik juga di kenali dengan fenomenologi hermeneutik dan fenemenologi pentafsiran (Rapport 2005). Ia (merupakan ‘sains mentafsirkan teks, di mana bahasa, dalam bentuk tulisan atau pertuturan, diteliti untuk

[41] Pranee Liamputtong, Kaedah Penyelidikan Kualitatif, MS.8
[42] Ibid, ms. 9

mendedahkan makna dalam fenomena'(hal. 125)[43].

Dalam Metodologi Feminis, wanita dan kebimbangannya adalah faktor pengkajian. Satu tujuan penyelidikan feminis ialah untuk menjalankan kajian yang berguna kepada wanita, bukan saja tentang wanita. Matlamat akhir penyelidikan feminis ialah untuk 'menangkap pengetahuan wanita dengan cara hormat yang mengesahkan suara-suara wanita sebagai sumber pengetahuan' (Campbell & Wasco 2000, hal. 783; Angrosino 2007). Penyelidikan feminis memperjuangkan refleksiviti. Dihujahkan bahawa refleksiviti memberikan kilasan dan penelitian rapi proses penyelidikan (Fonow & Cook 1991). Penyelidikan feminis gemar untuk menyatakan tanpa rasa malu bahawa proses yang mereka buat mengubah mereka daripada beberapa segi. Ahli metodologi feminis mendukung pendapat bahawa pertuturan penyelidik tentang diri mesti diketahui umum (lihat juga Campbell 2002; Spalek 2005)[44].

Penyelidik kualitatif yang dipengaruhi pascamodenisme menolak pendapatbahawa terdapat realiti tunggal atau kebenaran (Angrosino 2007). Sebaliknya terdapat banyak realiti dan banyak kebenaran. Tegasnya, teori-teori di atas adalah hasil pemikir-pemikir yang menemukan persoalan-persoalan tentang apa yang tergolong di dalam teori metodologi. Maka para penyelidik atau pengkaji perlu menyesuaikan untuk kajian mereka. Mereka boleh menyandarkan kajian mereka dengan teori-teori metodologi di atas, bergantung kepada kesesuaiannya.

Bagi pengkaji, penyelidikan kualitatif di sini ditafsirkan sebagai penyelidikan untuk mendapatkan input sama ada melalui temubual, pembacaan, pengamatan dan analisis terhadap sesuatu isu. Pemikiran, ingatan dan pengalaman peribadi pengkaji terhadap kajian yang dibuat adalah sumber utama yang terpenting. Juga melakukan temu bual pada kawan-kawan seperjuangan yang terlibat di dalam bidang kajian. Termasuk juga temu bual saudara-mara terdekat kepada rakan yang sudah meninggal dunia. Disamping temu bual terhadap

[43] Pranee Liamputtong, Kaedah Penyelidikan Kualitatif, MS.11.
[44] Ibid, MS.15

tokoh-tokoh yang sememangnya terlibat di dalam kejadian yang dikaji oleh pengkaji. Mengikut Corti & Thomssom (2004, hal. 336), pada asasnya, penyelidikan kualitatif bertujuan ‘memerangkap pengalaman hidup dunia sosial dan makna yang diberikan orang kepada pengalaman tersebut daripada perspektif mereka sendiri.

Dalam soal kepentingan penyelidikan kualitatif ini, Miles dan Huberman menulis:

> Dengan data kualitatif seseorang boleh mengekalkan aliran kronologi, melihat secara tepat kejadian mana membawa akibat mana dan mewujudkan penjelasan yang berhasil. Selepas itu, juga, data kualitatifyang baik berkemungkinan membawa ke arah penemuan *serendipity* dan kepada penyatupaduan baharu; mereka menolong penyelidik menelusuri batasan konsepsi awal dan untuk menjana atau menyemak kerangka kosepsi. Akhirnya, penemuan daripada kajian kualitatif mempunyai sebuahkualiti yang ‘tidak boleh disangkal[45].

Pengkaji memilih kaedah pengkajian autobiografi untuk kajian ini, kerana pengkaji terlibat langsung dalam kejadian-kejadian yang mahu dikaji. Pengkaji adalah pelaku utama di dalam kegiatan mahasiswa di UM pada tahun 1972 hingga tahun1974. Maka pengkajian berbentuk autobiografi menjadi metod kepada kajian ini. Selain menulis secara jujur dan benar terhadap segala kegiatan, pengkaji juga menjadikan temu bual dengan rakan-rakan yang terlibat sebagai sumber utama yang penting. Cara yang diguna pakai ini hampir sama dengan apa yang dilakukan oleh Abdul Latif Abu Bakar yang membuat kajian ilmiah dalam menghasilkan Biografi Kajai. Beliau menulis, ”Banyak sumber yang diperolehi untuk mengenali Kajai. Antaranya bahan-bahan yang berguna ialah sumber lisan, iaitu berdasarkan wawancara dengan sahabat handal Kajai yang masih hidup, sumber-sumber bertulis semasa dan rencana-rencana yang ditulis oleh sahabat-sahabat Kajai setelah Kajai meninggal dunia dan kajian-kajian mengenai Kajai sebagai wartawan dan sasterawan”[46].

Mengikut Abdul Latif Abu Bakar, “saya mula meneroka bidang pengkajian biografi ilmiah dengan mengkaji terhadap ketokohan Ishak Haji Mohammad sebagai pengkaji dan ahli

[45] Pranee Liamputtong, Kaedah Penyelidikan Kualitatif, MS. XXI
[46] Abdul Latif Abu Bakar, Penerbitan Biografi di Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, MS.69.

politik Malaysia." Beliau juga menyatakan, "Pengalaman menulis biografi ilmiah peringkat sarjana muda dan sarjana di Universiti Malaysia sehingga diterbitkan oleh Penerbit Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka"[47]. Beliau menjelaskan, untuk menjadikan sesebuah pengkajian biografi itu sebagai biografi ilmiah, maka pengkajian mestilah disandarkan kepada fakta-fakta yang jelas. Sama ada dari sumber lisan, sumber-sumber bertulis semasa, rencana, rekod-rekod rasmi kerajaan dan buku-buku. Memang pengkaji, yang menghasilkan tesis ini menyiapkannya dengan bersandarkan kepada kaedah yang digunapakai oleh Abdul Latif Abu Bakar, untuk menjadikan ianya sebagai autobiografi ilmiah. Pengkaji banyak mendapatkan fakta-fakta dan membuat semakan terhadap sesuatu kes atau kejadian daripada kawan-kawan, sepertimana dilakukan oleh Abdul Latif Abu Bakar.

Pengkaji menghasilkan tesis ini, dalam bentuk mirip kepada autobiografi, kerana biografi dan autobiografi itu mempunyai persamaan yang kental. Dalamhal ini, Hasrom Haron menulis, "Begitulah pula saya telah putuskan untuk menerangkan ciri atau sifat sesebuah karya biografi dan atau autobiografi. Dalam bab ini saya akan sebut biografi dengan maksud meliputi autobiografi. Tetapi adalah jelas autobiografi dan biografi adalah dua kategori yang berlainan. Autobiografi adalah riwayat seseorang yang ditulis oleh tokoh itu sendiri, manakala biografi adalah riwayat seseorang yang ditulis oleh bukan tokoh itu sendiri, ditulis oleh seorang lain. Oleh itu, tampaknya isi dan ciri biografi dan autobiografi itu mempunyai persamaan yang kental, sebab perbezaan yang besar hanyalah terletak kepada pengarang karya itu"[48].

Hasrom Harom, dalam memberi takrif biografi dan autobiografi, beliau memetik Rosihan Anwar yang menulis dalam autobiografi. Buku ini autobiografi, riwayat hidup seorang Indonesia yang ditulis sendiri, berkisah tidak menurut urutan waktu dan tanggal secara kronologis, akan tetapi secara tematis berupa fakta komentas dan percikan-percikan permenungan (Rosihan 1983,11). Beliau juga memetik kenyataan Rosihan Anwar, yang menyatakan bahawa tujuan pengkajian autobiografinya ialah, autobiografi (sk) ini yang oleh pengkaji diharapkan akan menjadi tulisan yang seperti halnya dalam dunia jurnalistik dapat

[47] Ibid, MS.67 & 73.
[48] Hasrom Harom, Penerbitan Biografi di Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia. MS.75 & 76.

bersifat memberitahukan, mengandung pelajaran dan memberi hibuan (Rosihan Anwar 1983, 12)". Kenyataan Rosihan Anwar itu membawa maksud, bahawa sesebuah autobiografi perlu memberi pengajaran dan penyataan/memberitahukan kepada pembaca. Di dalam pengkajian autobiografi ilmiah ini, pengkaji telah memuatkan ciri-ciri tersebut.

Dalam membicarakan pengkajian biografi atau autobiografi, Hasnom Haron memberikan beberapa ciri, yang pertama beliau menyatakan, "ciri pertama yang hendak saya sebut ialah sesebuah biografi itu mengisahkan peristiwa sekitar tokoh yang diriwayatkan. Riwayat itu mungkin sahaja bermula dari sejak belum dilahirkan hinggalah ke saat terakhir karya itu dihasilkan." Maka itu, autobiografi ilmiah yang digarap oleh pengkaji berkisar tentang perjuangan pengkaji semasa memimpin para mahasiswa UM memenuhi ciri tersebut. Pengkaji yang pernah menjadi Presiden PMUM, memimpin para mahasiswa dalam siri demonstrasi, malah merampas kampus UM, tidak janggal kalau dikategorikan sebagai tokoh mahasiswa yang mencapai keperluan yang perkaitan oleh Hasnom Harom. Beliau turut mengingatkan, "untuk menjadi sebuah karya biografi yang menarik dan 'terbaca' oleh para pembaca, maka riwayat itu mestilah disulam atau disira dengan peristiwa besar dan bermakna kepada masyarakat, bangsa, negara atau sesuatu komuniti. Ciri kedua yang disentuh oleh Hasnom Harom, ialah ciri tokoh yang mahu diketengahkan di dalam sesuatu biografi, tentunya termasuk autobiografi. Bagi beliau seseorang tokoh itu, hendaklah mempunyai kedudukan tertentu di dalam negaranya, dalam bangsanya, dalam bidang kejayaannya atau dalam kampungnya. Bertolak dari pengertian ciri tersebut, maka pengkaji sudah memenuhi kategori yang dimaksudkan. Justeru pengkajian ilmiah autobiografi pengkaji sudah melepasi keperluan dalam memenuhi ciri tersebut.

Kajian juga disandarkan kepada kajian-kajian yang terdahulu, pengkajian-pengkajian yang khusus atau sebaliknya, sama ada buku, majalah, tesis, akhbar, kertas kerja, lapuran kerajaan, minit mesyuarat dan journal. Semuanya menjadi bahan penting kepada kajian yang dibuat oleh pengkaji, untuk menjadikannya sebagai sebuah autobiografi ilmiah. Nik Anuar Nik Mahmud menulis, "Pengkajian biografi atau autobiografi akan menjadi lebih menarik dan mantap apabila pengkajian itu disandarkan kepada sumber rasmi yang di simpan di arkid negara sama ada di dalam atau di luar negara."[49]

[49] Nik Anuar Nik Mahmud, Penerbitan Biografi di Malaysia, ms.207

Oleh kerana bidang kajian yang dibuat melibatkan diri pengkaji, maka pemikiran, ingatan dan analisis pengkaji secara jujur itu merupakan sumber utama yang tersangat penting. Sumbangan pengkaji di sini bukan sahaja memuntahkan segala yang ada di benak, sebaliknya mengamati kekurangan, kesilapan dan kelemahan yang pernah dihasilkan dalam kajian-kajian atau karya terdahulu. Di samping itu terdapat juga kejadian, isu dan perlakuan yang memerlukan analisis tetapi tidak dibuat oleh pengkaji terdahulu, maka pengkaji terpaksa melakukannya. Juga terdapat perkara yang dianalisis oleh pengkaji, tetapi hasil analisis itu mengikut kaca mata mereka yang berbeza dengan pemikiran pengkaji, jadi pengkaji perlu menganalisis mengikut pemikiran pengkaji.

Pengkaji mendapati ada fakta yang bersangkut-paut dengan diri pengkaji telah dilaporkan secara tidak tepat malah salah sama sekali. Dari pembacaan pengkaji, kesilapan fakta itu telah terdapat di dalam beberapa buah buku. Sekiranya kesilapan seperti itu tidak diperbetulkan dari awal, maka terdapat fakta yang salah di dalam sejarah perjuangan mahasiswa tanah air. Ianya, sama sekali tidak tergolong di dalam ciri 'mempertahankan diri', seperti mana pengkajian Hasrom Haron, "Ciri mempertahankan diri ini juga mungkin memasuki ciri menegakkan diri, menegakkan benang basah, membela diri, membesar-besarkan diri atau menegakkan kebenaran."[50] Justeru, pengkaji mengambil kaedah yang dinyatakan oleh Hasnom Haron,'ciri mempertahankan diri' itu sebagai suatu kaedah bagi autobiografi ini.

Pengkaji di dalam kajian ini terpaksa memperbetulkan kesilapan fakta itu, supaya kesilapan yang lampau itu terhenti di sini. Antaranya, ialah berhubung dengan tindakan pengkaji merampas kuasa kampus UM pada 21 September 1974, lanjutan dari kes setinggan Tasik Utara. Beberapa orang pengkaji buku, menyatakan bahawa pengkaji 'diculik' dan diikat bersama beberapa orang pemimpin PMUM. Sedangkan realitinya, pengkaji tidak diculik, tidak diikat dan hanya berseorangan di bilik Presiden PMUM.

[50] Hasnom Harom, Penerbitan Biografi di Malaysia, MS. 80.

Beberapa demonstrasi tidak ditulis secara jelas oleh pengkaji ilmiah atau pengkaji buku tentang gerakan mahasiswa pada tahun 1972 hingga 1974. Bertolak dari premis itulah menjadi tanggungjawab kepada pengkaji merakamkan secara terperinci kejadian-kejadian semasa para mahasiswa berdemonstrasi. Antaranya, kejadian para mahasiswa UM berdemonstrasi, mengamuk dan merusuh bersama setinggan Kampung Kerinchi di Federal Highway, tidak ditulis secara terperinci. Perkara ini penting dalam membuktikan bahawa terdapat juga tindakan yang begitu radikal dilakukan oleh para mahasiswa UM, walaupun tidak seradikal para mahasiswa Thailand, Korea Selatan dan Jepun.

Biarpun Meredith L. Weiss, telah membincangkan secara terperinci perkembangan Universiti Malaya dan PMUM, namun masih terdapat lompong yang perlu diisi. Antaranya, beliau tidak menjelaskan secara jitu, siapakah yang menghalang trak FRU dan membebaskan pemimpin mahasiswa serta Anwar yang telah ditahan di Masjid Negara. Di sini sekali lagi pengkaji perlu mengisi lompong yang juga penting untuk dijadikan sebahagian dari rakaman sejarah perjuangan mahasiswa.

Semua contoh-contoh yang diketengahkan di atas dapat dibuat, kerana pengkaji terlibat dan ianya menjadi sumber utama yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapapun. Untuk mempertahankan kenyataan atau pengkajian di dalam biografi ini, pengkaji telah mendapatkan pengakuan dari rakan-rakan seperjuangan, misalnya Hishamuddin Rais, Ahmad Zahid Hamidi, Harris Pardi, Adi Satria, Hassan Karim dan lain-lain.

Pengkaji bernasib baik, kerana masih ramai kawan seangkatan atau seperjuangan masih hidup, biarpun perkara yang dikaji telah lebih empat puluh lima tahun. Kesemua yang ditemu bual masih mampu memberi jawapan yang tepat dan tidak lupa akan peristiwa yang berlaku. Kerjasama yang diberikan itu sangat membantu kepada pengkaji untuk memperkuatkan apa yang diperkatakan di dalam kajian ini. Menariknya, terdapat di kalangan mereka sudah mencapai usia 80 tahun seperti Syed Husin Ali, Sanusi Osman dan Halim Ali. Terdapat juga yang hampir mencapai usia 80 tahun seperti Syed Hamid Ali dan Salleh Yusof. Kesemua mereka masih sihat, pemikiran masih cerdas dan mampu mengingati

kebanyakan kejadian-kejadian pada tahun-tahun 1972 hingga 1974.

Antara tokoh negara yang telah bersedia ditemu bual ialah Anwar Ibrahim. Beliau adalah seorang kawan yang terlibat di dalam siri demonstrasi mahasiswa pada tahun 1973 hingga 1974 bersama pengkaji. Malah beliau turut ditangkap bersama pengkaji kerana siri demonstrasi dan ditahan di bawah ISA, di Kamunting, Taiping Perak selama hampir dua tahun. Hasil temu bual bersamanya telah dapat membetulkan kesilapan fakta yang selama ini telah tertulis di beberapa buah buku. Ianya, adalah berhubung isu RUU AUKU pindaan terhadap AUKU 1975 (AUKU 75). Kebanyakannya, ditulis bahawa RUU AUKU pindaan yang mahu dilakukan oleh Anwar semasa menjadi Menteri Pendidikan itu pada tahun 1986, iaitu RUU AUKU 1986. Sebaliknya, Anwar menyatakan bahawa beliau telah menyediakan RUU AUKU pindaan itu pada 1989, bukan tahun 1986. RUU AUKU 89 itu tidak dibentangkan oleh penggantinya kerana beliau bertukar ke Kementerian Kewangan.

Terdapat kes di mana pengkaji terpaksa menemu bual isteri, anak dan adikberadik kepada kawan yang telah meninggal dunia. Mereka dapat membantu pengkaji untuk memperkuat dan mengesahkan apa yang dikaji. Antaranya pengesahan oleh isteri dan anaknya, terhadap seorang bekas gerila Barisan Revolusi Nasional Pattani (BRN),iaitu Naamanduddin @ Lokman yang mati ditembak di Satun, Selatan Thailand. Ada juga informasi yang diperolehi dari adik beradik aruah yang menjadi kawan seperjuangan seperti dari adik kepada Abu Zer Ali, iaitu Kamariah Ali . Abu Zer Ali, bekas Presiden Kelab Sosialis UM, telah menyertai PKM dan meninggal dunia di sempadan Malaysia-Thailand. Sumber kedua seperti ini cukup membantu, apabila penama/individu tidak dapat ditemui, tidak pernah diceritakan atau tidak mendapat pengesahan secara jelas tentang kesnya.

Kaedah pengamatan, turut membantu kepada pengkaji di dalam kajian ini. Misalnya, sikap Ungku Aziz sebagai Naib Canselor UM, yang adakalanya beliau memihak kepada kepimpinan PBMUM dan ada masanya menyokong PMUM.Pengamatan dan pemerhatian ini sedikit sebanyak memudahkan pengkaji membuat kesimpulan terhadap orang-orang tertentu yang terlibat di dalam kajian ini. Dalam konteks Ungku Aziz, pengkaji membuat

kesimpulan bahawa beliau seorang Naib Canselor yang agak neutral.

Selain kaedah di atas, pengkaji juga bergantung penuh pada sumber-sumber pengkajian di dalam setiap *'genre'* atau bidang. Ianya dari semua jenis bahan bacaan seperti artikel, buku, akhbar, tesis, laporan kerajaan, hasad dan lain-lain.

Bagaimanapun pengkaji meneliti sekiranya terdapat kekurangan atau keraguan akan kebenarannya. Ini dapat dilakukan dengan lebih teliti, kerana pengkaji terlibat langsung dengan subjek yang dikaji. Kaedah yang diguna pakai ini samalah dengan kaedah yang dilakukan oleh Rozeman Abu Hassan, dalam menulis Biografi Aminuddin Baki. Beliau menyatakan, ”pengkaji cuba mengemukakan seberapa banyak fakta dan bahan dokumen yang diperolehi daripada hasil penyelidikan yang telah dijalankan selama setahun. Matlamat sebenar pengkaji dalam mengemukakan fakta dari bahan-bahan dokumen yang lengkap supaya hasil pengkajian biografi ini tidak akan dipersoalkan dari segi integritinya dan ketepatan maklumat tentang tokoh yang ditulis.”

Walaupun ianya bukan sumber utama, tetapi kebanyakan informasi dan fakta banyak dikutip dari sumber ini. Malah sumber-sumber ini dapat memperjelaskan antara satu sama lain kepada pengkaji, sekiranya fakta pertama yang diperolehi itu samar-samar atau diragui. Sumber ini juga turut menjadi panduan terhadap fakta yang tidak begitu jelas di dalam ingatan pengkaji. Di samping itu, sumber ini dapat memperbetulkan sekiranya pengkaji tersilap di segi fakta. Oleh itu hasil karya atau sewaktu dengannya sangat membantu pengkaji dalam menyiapkan kajian ini. Bagaimanapun, pengkaji perlu juga menyatakan, bahawa metodologi kajian ini turut terikat dengan konsep, iaitu mereka bentuk kajian, cara pengumpulan data, sumber data, instrumen data, prosedur memungut data dan analisis serta interpretasi data. Untuk itu, pengkaji akan membincangkannya secara ringkas apa yang diperkatakan berhubung perkara tersebut.

3.1.1. Reka Bentuk Kajian.

Reka bentuk kajian, adalah merupakan kerangka kajian yang akan digunapakai untuk penyelidikan bagi kajian ini. Ianya mendahului segala perkara yang diperlukan bagi menjayakan penyelidikan, atau di dalam bahasa yang mudah iannya adalah landasan untuk dikuti oleh perkara yang berikutnya. Melalui persediaan ini, iaitu reka bentuk kajian, maka pengkaji akan dapat melakukan penyelidikan secara lebih tepat, jitu, teratur dan sempurna.

Hasil kajian, sangat bergantung kepada reka bentuk kajian, kaedah dan pelaksanaannya. Justeru, reka bentuk kajian adalah tersangat penting di dalam penghasilan sesuatu penyelidikan. Tanpa reka bentuk kajian, boleh menjadikan penyelidikan berjalan di landasan yang kurang tepat, malah menimbulkan permasalahan kepada kajian. Bertolak dari premis itulah, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian secara kepustakaan dan lapangan. Atau turut dikenali sebagai penyelidikan kualitatif yang menggabungkan kepustakaan dan lapangan.

Kaedah lapangan, memerlukan penyelidik mengenal pasti responden yang boleh memberi input, membuat analisis atau pernyataan kepada aspek kajian penyelidikan. Mereka boleh menjadi sebagai sumber primer dan sumber sekunder kepada kajian. Manakala, kajian kepustakaan turut diperlukan kerana kajian lapangan sahaja tidak akan mencukupi, malah tidak kesemuanya dapat diselesaikan oleh kajian lapangan. Justeru, kedua-dua kajian iaitu kajian lapangandan kajian kepustakaan mestilah dilaksanakan untuk penghasilan kajian yanglebih sempurna

Pranee Liamputtong (2009, hal. 3), menyatakan, “ dua isu pokok dalam penyelidikan kualitatif : kerangka teori dan strategi pensampelan. Sebaik sahaja para penyelidik memutuskan persoalan penyelidikan yang ingin mereka kaji atau mendapatkan jawapannya, adalah penting bagi mereka memikirkan dengan cermat kerangka metodologi kajian mereka kerana ini akan mempengaruhi pemilihan kaedah atau kaedah-kaedah yang akan mereka gunakan.”

3.1.2. Pengumpulan Data

Metod pengumpulan data,adalah teknik atau kaedah yang digunapakai oleh pengkaji untuk melakukan pengumpulan data di lapangan. Pengumpulan data, boleh juga ditakrifkan sebagai proses penyelidikan dengan menggunakan kaedah atau teknik yang saintifik dalam mendapatkan data bagi memenuhi keperluan kajian. Pengumpulan data secara saintifik dan sistematik sangat penting, kerana ianya akan membantu untuk menghasilkan ketepatan kajian. Penyelidikan kualitatif, mestilah berpandukan pengumpulan data secara atau kaedah kualitatif. Ianya boleh jadi dilakukan secara pertanyaan atau soal selidik (*questionaire*), pemerhatian, teknik wawancara, perbincangan kumpulan fokus (FGD) dan dokumen.

Pengumpulan data, bermula dengan mengumpulkan informasi terhadap perkara yang berhubung kait dengan penyelidikan atau kajian. Informasi boleh didapatidari literatur atau pembacaan, selain dari orang perseorangan, perkumpulan atau orang yang pakar di bidang tersebut. Ianya bertujuan untuk menggeledah segala informasi dari literatur dan orang-orang berkenaan sebagai persediaan sebelum terjun ke lapangan. Selepas itu, pengkaji perlu mengenali, memahami cara berfikir, penggunaan bahasa, kemampuan berinteraksi, wataknya, kelapangan masa, norma setempat dan lain-lain. Sebelum melakukan kajian di lapangan, instrumen untuk digunakan perlu dipastikan efisien.

Teknik soal selidik, adalah mengajukan persoalan atau pertanyaan kepada responden, secara bertulis yang perlu dijawab oleh pihak responden. Teknik wawancara, di mana penyelidik bertanya secara bersemuka dengan pihak responden meliputi pertanyaan-pertanyaan yang telah disediakan, bagi mendapatkan sepenuhnya input yang diperlukan. Kaedah pemerhatian, ialah pengkaji melalui pemerhatian dan pengamatan dalam melakukan pengumpulan data. Manakala teknik dokumen, adalah teknik pengumpulan data yang tidak melibatkan individu secara zahir, sebaliknya merupakan hasil manusia seperti dokumen dan lain-lain. Perbincangan kumpulan Fokus (FGD), merupakan pengumpulan individu yang terpilih di suatu tempat untuk memberi pendapatberhubung topik kajian. Mereka memilih fasilitator untuk mengemudikan perbincangan tersebut supaya berada di landasan yang betul untuk mencapai input yang diperlukan.

Bagi keperluan pengumpulan data untuk pengkaji, ianya disandarkan kepadakedua-dua kaedah atau cara iaitu di lapangan dan kepustakaan. Di samping itu,data yang dipilih sama ada data primer atau data sekunder, dipergunakan kedua- duanya untuk keperluan kajian ini. Data primer adalah data yang diperolehi daripada sumber pertama iaitu individu atau perseorangan yang terhasil dari pertanyaan oleh pengkaji. Jelasnya sumber primer atau sumber utama itu diperolehi secara langsung oleh pengkaji dari sumber data itu sendiri. Manakala, sumber sekunder, ialah sumber yang tidak langsung mendatangkan data kepada pengkaji, sama ada melalui orang ketiga atau dari dokumen.

Antara kaedah penyelidikan kualitatif, temu bual mendalam paling dikenali dan digunakan oleh penyelidik kualitatif (Kvale 2007, Barbour 2008, Bryman 2008). Dinyatakan bahawa perbualan adalah suatu cara asas dalam hubungan individu dalam masyarakat. Melalui perbualan, mengikut Kvale (2007), individu-individu mempunyai peluang mengenali orang lain, mempelajari tentang perasaan mereka, pengalaman, dan dunia di mana mereka hidup (Pranee Liamputtong 2009, hal. 69). Temu bual ialah suatu perbualan khusus di mana ilmu dihasilkan melalui interaksi antara seorang penemu bual dan seorang yang diselidiki (Kvale 2007, hal. xvii)

Temu bual mendalam bertujuan untuk menerangkan maklumat kaya daripada perspektif individu tertentu dan tentang topik terpilih yang dikaji (Pranee Liamputtong 2009, hal. 70). Tujuan temu bual mendalam, mengikut Taylor (2005, hal. 39), ‘ialah untuk meneroka “perspektif orang dalam.” Untuk menangkap, dalam kata-kata peserta sendiri, pemikiran mereka, tanggapan, perasaan dan pengalaman.’ Daly (2007, hal.139) menyatakan bahawa temu bual adalah ‘perbualan dengan suatu agenda’. Penyelidik membuka dan mengarahkan perbualan itu dengan menanyakan soalan-soalan dan peserta memberikan jawapan. Daly menunjukkan bahawa secara tradisinya temu bual mendalam dilihat sebagai ‘Model Jaringtarik’ di mana penekanan ialah kepada yang dikatakan oleh peserta penyelidikan, dan ini dilihat sebagai ‘suatu pemaparan realiti mereka di luar temu bual itu (Pranee Liamputtong 2009, hal. 71).

Temu bual kumpulan focus menurut Khan dan Manderson (1992, hal. 57), adalahsuatu kaedah kualitatif ‘dengan tujuan utamanya menghuraikan dan memahami tanggapan, pentafsiran, dan kepercayaan populasi terpilih untuk memahami isu tertentu daripada perspektif kumpulan peserta kumpulan itu.’ Mengikut Pranee Liamputtong (2009, hal. 105), ‘Biasanya, temu bual kumpulan fokus melibatkan 6- 10 orang dari latar belakang sosial budaya atau yang mempunyai pengalaman atau perhatian yang sama. Mereka berkumpul bersama untuk membincangkan suatu isu khusus dengan bantuan pemudah cara dalam suatu persekitaran di mana peserta merasa cukup selesa untuk berbicara secara dinamik selama satu atau dua jam. Satu temu bual kumpulan fokus adalah satu alat penyelidikan yang berguna apabila penyelidik tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai peserta kajian (Pranee Liamputtong 2009, hal. 108).

Sebagai penjelasan terhadap kerja-kerja pengumpulan data ini, ianya dibuat selepas pengkaji telah menentukan tajuk kajian, hasil dari perbincangan dengan penyelia. Kajian autobiografi ilmiah ini dicadangkan, mengikut rentetan bab ke bab seterusnya. Justeru pengumpulan data juga turut bergerak mengikut aliran yang sama. Bagaimanapun kadang-kadang, semasa pertemuan dengan responden, ianya menghasilkan input yang lebih luas, dan tidak terikat mengikut bab.

3.1.3 Sumber Data.

Penyelidikan kualitatif dikenali sebagai ‘sains perkataan’ (Denzin 2008, hal.321).Ia sangat bergantung pada ‘perkataan’ atau cerita yang disampaikan oleh orang kepada kita sebagai penyelidik. Penyelidikan kualitatif ialah kajian yang meletakkan fokus kepada dunia sosial dan bukan dunia semula jadi (Pranee Liamputtong 2009, hal. Xv). Mengikut Dew (2007, hal.434), ‘kefahaman kita tentang realiti boleh bertukar mengikut masa dan konteks sosial berbeza’.

Bertolak dari premis di atas, maka pengkaji terpaksa membuat penelitian dalam mendapatkan sumber data. Memang terdapat ramai yang boleh dijadikan punca sumber data,

dari mereka yang boleh dijadikan responden. Tetapi pengkaji terpaksa membuat penilaian secara lebih teliti, kerana semasa menjadi mahasiswa dahulu, mereka adalah pesaing kepada pengkaji. Bagaimanapun, masih terdapat pesaing yang memahami tujuan menjadikan mereka sebagai responden.

Pengkaji perlu membuat penyenaraian maklumat dan latar belakang secara ringkas para responden yang dipilih. Selepas diputuskan para responden yang mahu ditemui, pengkaji mengatur tempat, masa untuk bertemu. Peralatan digunakan semasa pertemuan, untuk memastikan supaya input-input yang diberikan tidak hilang. Ini adalah kerja-kerja di lapangan, yang merupakan sebahagian dari kaedah penyelidikan kualitatif.

Dalam mendapatkan sumber data lain, pengkaji mendapatkan senarai buku-buku yang berkaitan, tesis, jurnal, artikel, dokumen, akhbar, malah apa sahaja yang berkaitan dengan topik kajian. Semuanya digarap oleh pengkaji untuk memenuhi keperluan kajian, mengikut kaedah kualitatif.

3.1.4 Instrumen Kajian.

Kamarul Azmi Jasmi[51], menyatakan bahawa, ciri utama bagi menentukan kesesuaian dan kebolehgunaan sesuatu instrumen ialah kesahan dan kebolehpercayaan, Kesahan digunakan untuk mengukur ketepatan sesuatu ukuran yang digunakan dalam kajian. Kesahan bertujuan bagi memastikan sama ada ukuran atau indikator yang digunakan itu mengandungi semua ciri atau gagasan baru adalah dalam konsep yang diukur itu. Tujuan kesahan instrumen juga ialah bagi menjamin kesahan item agar bersifat:

Dapat dipertahankan (Defensibility), kerana hasilnya tepat dan berguna(Keefe & Ferrell, 1990)

[51] Kamarul Azmi Jasmi, Kursus Penyelidikan Kualitatif, siri 1 2012 pada 28-29 Mc 2012 di Puteri Resort Melaka anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggung Ibrahim Johor Bahru.

(1) Ketepatan (Accuracy), iaitu dalam menjawab kajian persoalan (Amstrong,1976)

(2) Kesuaian (Appropriatetness), iaitu relevan dengan tujuan kajian.

(3) Bererti (Meaningfulness), iaitu memberi makna terhadap data melalui skor (Noble, 1963)

(4) Kebolehgunaan (Usefulness), iaitu mampu membuat keputusan berhubung dengan apa yang cuba dicari atau dihasilkan kerana keputusan dari penilaian tersebut boleh menyediakan maklumat yang bermakna mengenai tajuk dan pemboleh ubah yang hendak diukur untuk menginferenkan data kajian (Shrivastava, 1987, Baker, 2006, Tseng & Nutley 2014)

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan peralatan yang sesuai dengan keperluan seperti kamera, telefon bimbit, komputer riba, buku catatan, pena, buku rujukan dan gunting. Semua keperluan itu digunakan semasa menjalankan penyelidikan dilapangan dan di kepustakaan.

Sebagai rumusannya, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif sebagai model kajian ini. Ianya meliputi, teori berhubung hal-hal metodologi dan persediaan untuk mendapatkan data yang diperlukan dalam kajian ini. Tidak terdapat sebarang masalah, malah memudahkan pengkaji menyelesaikan kerangka kajian melalui kaedah ini.

3.1.5 Analisis Dan Interpretasi Data

Di bahagian ini, pengkaji melakukan pemprosesan data-data secara deskriptif, iaitu suatu kaedah yang digunakan dalam pengolahan data. Sama ada data itu diperolehi secara lapangan dan perpustakaan, supaya maklumat yang diperolehi dapat dianalisis secara jelas lagi jitu bagi keperluan kajian. Data hasil penelitian akan dianalisis menggunakan model analisis deskriptif kualitatif. Sememangnya analisis deskriptif diaplikasikan sepanjang pengumpulan data dan penelitian berhubung kajian.

Dalam soal ini, Kouzes & Posner (2002) menyentuh soal kredibiliti, efikasi kendiri (self-efficacy) dalam berusaha menentukan keberkesanan kepimpinannya bagi organisasi,

masyarakat atau negara. Manakala dalam membincangkan efikasikendiri (self-efficacy), Bandara (1995) menyatakan sebagai kepercayaan kepada keupayaan seseorang untuk organisasi dan melaksanakan sesiri aksi yang dikehendaki untuk menangani pelbagai situasi. Prinsip asas teori efikasi kendiri ialah pencapaian dan motivasi individu ditentukan oleh kepercayaan terhadap diri sendiri (Bandura 1982).

Daripada 20 kualiti yang disenaraikan dalam penyelidikan Kouzes & Posner (2002), empat kualiti yang paling kerap berada dalam susunan tertinggi adalah kejujuran, integriti, berpandangan ke hadapan, inspirasi dan kompeten. Kompeten mengikut Kouzes & Posner (2002) adalah merujuk kepada kopentensi pengetahuan dan kemahiran menjalankan tugas. Oleh kerana sejak kebelakangan ini penyelidikan tentang keberkesanan kepimpinan juga dipengaruhi oleh kecerdasan emosi, dan juga efikasi kendiri, maka gabungan komponen kompeten, kecerdasan emosi dan dedikasi kendiri merupakan faktor penting dalam melahirkan pemimpin yang mempunyai kredibiliti[52].

Sebagai kesimpulannya, pengkaji turut merumuskan soal ciri-ciri kepimpinan sebagai:

1. Kepimpinan wujud dalam semua aktiviti yang disusun, dibentuk atau dirangka dengan rapi lagi sempurna.
2. Kepimpinan mempunyai ikatan dengan kuasa. Dengan kuasa itulah sesorang dapat menguasai atau mengawal subordinatnya.
3. Kepimpinan adalah suatu proses mempengaruhi dan mendapatkan keyakinan pengikut. Pengaruh merupakan asas kepada kedudukan kepimpinan, kerana sekiranya tiada pengaruh, maka secara automatikseseorang itu sudah gagal sebagai seorang pemimpin.
4. Kepimpinan mesti mampu menyelesaikan segala permasalahan dan krisis walau dalam apapun situasi dan kondisi.
5. Kepimpinan mampu mewujudkan kerangka kerja yang mengandungi segala bentuk tugas, hala tuju dan perlaksanaannya bagi mencapai matlamat.
6. Kepimpinan yang berkesan mampu memberikan keyakinan, kepercayaan, keselesaan dan keseronokan kepada subordinatnya untuk berusaha sepenuh

[52] 42. Ibid.MS.4

keyakinan dalam mencapai kejayaan bukan hanya mempunyai kebolehan membangunkan minat subordinat, tetapi minat yang dibangunkan melangkaui minat peribadi subordinat itu sendiri[53].

Pengkaji percaya, bahawa kebanyakan para pemimpin mahasiswa di universiti memiliki sifat kepimpinan karismatik. Melalui sifat atau bentuk kepimpinan karismatik itulah mereka muncul sebagai pemimpin di tengah-tengah politik para mahasiswa. Hanya berbekalkan sifat pemimpin karismatik itulah mereka mendapat kepercayaan, sokongan, dukungan untuk mencapai cita-citaperjuangan para mahasiswa.

Pengkaji berkeyakinan, bahawa pengkaji sendiri tergolong ke dalam tiga gaya kepimpinan iaitu: kepimpinan karismatik, transnasional dan transformasional. Ketiga-tiga gaya kepimpinan ini bergaul di dalam kepimpinan pengkaji dan terpakai mengikut keperluan semasa. Walaupun pengkaji dapat melaksanakan gaya kepimpinan tersebut dalam memimpin pergerakan mahasiswa, namun kejayaan pengkaji turut dibantu oleh rakan-rakan yang diikat oleh ideologi perjuangan. Pengkaji dengan bantuan komrad, memudahkan lagi bagi pengkaji menganyamkan ketiga-tiga gaya tersebut untuk memandu para mahasiswa mencapai matlamat perjuangan mahasiswa Universiti Malaya dan seluruh mahasiswa tanah air.

3.1.6 Kesimpulan

Pengkaji penuh yakin, bahawa metodologi kajian tersangat penting dalam kajian deskriptif kualitatif. Metodologi kajian adalah merujuk kepada ilmu yang mengkaji secara teratur serta teliti berhubung perkara yang penting di dalam sesuatu kajian.Kajian yang dibuat oleh pengkaji boleh mencapai matlamat melalui metodologi yang diaplikasikan.

[53] 51. Mustapha Amad, Kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah Dalam Politik Kelanta, MS.26

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menunjukkan hasil kajian sama ada yang diperolehi melalui kajian lapangan atau kepustakaan. Semuanya adalah pengumpulan yang dilakukan sepanjang penyelidikan ini. Seperti mana yang telahdisentuh, di dalam bab-bab sebelumnya, bahawa kebanyakan dapatan di lapangan itu, adalah dari responden yang turut terlibat bersama pengkaji.

Secara mudah, dapatlah dirumuskan, bahawa Universiti Malaya yang mempunyai kuasa autonomi pada mulanya, telah memberi sumbangan besar kepada ahli akademik dan para mahasiswa. Kebebasan para akademik dan para mahasiswa, telah memenuhi keperluan pembentukan sebuah universiti. Di mana universiti bukan hanya sebagai sebuah kilang yang hanya mampu mengeluarkan graduan untuk keperluan pasaran kerja. Sama ada memenuhi atau mengisi kekosongan yang diperlukan oleh kerajaan atau pihak swasta. Sebaliknya graduan lepasan Universiti Malaya, keluar dengan banyak kelebihan, termasuk bakat kepimpinan, keyakinan diri, keterbukaan fikiran, berdikari dan lain-lain. Bagaimanapun, ianya terkesan dan mulai terhakis bila AUKU 1971 dan AUKU 1975.

4.2 Hasil Dapatan Kajian

Berdasarkan kajian ini, sebelum AUKU 1975, Universiti Malaya telah menyediakan kemudahan yang mencukupi kepada ahli akademik dan para mahasiswa. Universiti menyediakan bilik-bilik kuliah yang mencukupi di samping pensyarah dan tutor yang mampu membimbing para mahasiswa menyediakan diriuntuk menghadapi peperiksaan. Perpustakaan yang lengkap, bukan hanya menyediakan buku-buku untuk kepentingan akademik semata-mata, malah menjadi pusat mencari idea kepada para aktivis dan

pemimpin mahasiswa. Mereka dapat membaca dan memahami perjuangan tokoh-tokoh besar dunia, seperti Sukarno, Ho Chi Minh, Mao Tzedong, Game Abdul Nasser, Nkrumah, Joseph B.Tito dan lain-lain. Universiti Malaya turut menyumbang kepada para mahasiswa dalam soal mengasah bakat di bidang pidato. Bila aktivis mahasiswa membina Sudut Pidato, pihak universiti tidak menghalang atau memusnahkannya. Pihak universiti membiarkan Sudut Pidato kekal, biarpun kebanyakan demonstrasi sama ada menentang kerajaan atau menentang pentadbiran universiti bermula dari situ. Itulah sumbangan besar Universiti Malaya, secara tidak langsung dalam melahirkan tokoh mahasiswa dan tokoh politik negara. Para pemimpin mahasiswa inilah yang akan bergiat aktif memenuhi keperluan penghidupan kampus dan bagi para mahasiswa di luar kampus. Mereka telah terlibat mengisi kepimpinan di semua bidang keperluan, seperti penghidupan di asrama, penghidupan di luar asrama, memimpin di bidang sukan, malah memimpin berbagai persatuan.

Sumbangan Universiti Malaya yang terbesar terhadap para mahasiswa ialah dengan membenarkan penubuhan Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya. Di samping itu turut membenarkan penubuhan Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya dan Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya. Juga membenarkan penubuhan Kelab Sosialis Universiti Malaya, yang membenarkan pendaftarannya dengan ROS. Akhirnya, keempat-empat persatuan inilah yang mencorakkan politik mahasiswa di UM, sama ada sebelum atau selepas AUKU 1971.

Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM), telah memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para mahasiswa. Ianya, termasuk menguruskan hal-hal penempatan mahasiswa di luar kampus. Membentuk JCRC di kolej-kolej, dengan menurunkan kuasa kepada JCRC, untuk memilih kepimpinan melalui pemilihan secara demokratik. Pihak Pengetua Kolej tidak dibenarkan sama sekali mencampuri di dalam pemilihan kepimpinan JCRC. Ini bermakna, seluruh perjalanan penghidupan di kolej ditentukan oleh JCRC. Ianya meliputi hal-hal kebajikan, aktiviti sukan dan lain-lain. Hubungan antara kepimpinan JCRC dengan PMUM sangat rapat sekali.

PMUM, adalah persatuan yang terbesar dan terkaya di tanah air. Malah antara persatuan mahasiswa yang terkaya di Asia pada masa tersebut. PMUM mempunyai empat buah bas, dua bas besar dan dua bas mini dengan empat supir sepenuh masa. Mempunyai mesej cetak yang lengkap dengan dua pekerja penuh masa. Sekretariat PMUM mempunyai lima orang staf. Mempunyai kafeteriadan mini hotel bagi kepentingan para mahasiswa.

Sememangnya PMUM, telah berjaya memberi sumbangan yang besar kepada para mahasiswa di dalam semua bidang. Di bidang seni, misalnya melalui Kesatuan Seni Universiti Malaya (KESUMA), di mana pejabatnya terletak di sekatariat PMUM. Para mahasiswa yang berminat di bidang seni mengatur aktiviti mereka mengikut keperluan. KESUMA lebih menumpukan kepada bidang tarian, drama, puisi dan nyanyian. KESUMA mempunyai peralatan yang lengkap untuk memenuhi bidang-bidang yang dinyatakan. Sebuah kumpulan muzik yang lengkap dimiliki oleh KESUMA. Badan ini telah melahirkan tokoh, antaranya Sudirman Haji Arshad di bidang nyanyian. Manakala Shamsuddin Osman atau Dinsman, di bidang drama dan puisi.

Pengkaji, semasa menjadi Setiausaha Penerbitan dan Penerangan PMUM, telah terlibat di dalam mengendalikan Kursus Kewartawanan PMUM. Di mana membuka peluang kepada para mahasiswa yang berminat di bidang tersebut, untuk mengikuti kursus asas menjadi wartawan. Melalui kursus tersebut, ramai para mahasiswa yang akhirnya menjadi penyumbang kepada akhbar PMUM, iaitu Mahasiswa Negara. Ada di antara mereka, bila keluar universiti berkhidmat di bidang surat khabar dan pengkajian. Antaranya, Halim Latif dengan Utusan Malaysia, Ahmad Nazri Abdullah dengan Berita Harian. PMUM, turut menggalakkan para mahasiswa aktif di dalam sukan dengan memberi kemudahan kepada Persatuan Sukan Universiti Malaya. Terdapat antara mahasiswa yang menyertai pasukan negara. Antaranya Abdullah Ali, menjadi pemain bola sepak pasukan kebangsaan dan Krishnan Tan menjadi pasukan ragbi Cobra, pasukan ragbi terkuat di Malaysia pada masa itu.

Sumbangan paling utama PMUM terhadap para mahasiswa, adalah menimbulkan kesedaran para mahasiswa terhadap penghidupan rakyat marhaen. Di samping ituialah kepentingan para mahasiswa yang perlu ditunaikan oleh pihak universiti. Kejayaan memupuk para mahasiswa di bidang tersebutlah yang menjadikan mereka begitu sensitif bila merasakan keperluan rakyat atau keperluan mereka diabaikan. Biasanya, mereka mencabar pihak penguasa negara atau universiti dengan demonstrasi. Akhirnya, demonstrasi menjadi model perjuangan mereka dalam menuntut hak bagi pihak rakyat atau keperluan mereka sendiri. Siri demonstrasi yang dilakukan, turut memberi kesedaran kepada rakyat, bahawa kesengsaraan mereka mendapat perhatian para mahasiswa. Secara tidak langsung, tindakan para mahasiswa itu menyumbang ke arah kesedaran politik kepada rakyat. Lebih jelas lagi, bila para mahasiswa turut memperjuangkan nasib Hamid Tuah bersama pengikutnya, nasib setinggan di Tasik Utara dan isu kelaparan rakyat di Baling.

PMUM mengasuh para mahasiswa menghayati sistem demokrasi, melalui pilihan raya kampus dan kolej dalam memilih kepimpinan mereka. Pilihan raya itu dijalankan oleh para mahasiswa di bawah PMUM, dengan tidak dicampuri oleh pihak canselori. PMUM mengamalkan dua cabang demokrasi, iaitu legislatif dan eksekutif. Legislatif adalah terdiri dari ahli-ahli majlis yang dipilih. Manakala eksekutif, adalah terdiri dari barisan EXCO, yang dipilih diantara ahli-ahli majlis PMUM. Di sini, bukan sahaja para mahasiswa didedahkan kepada proses pemilihan ahli majlis, melalui kempen-kempen dan pengundian. Malah ahli-ahli majlis turut berpolitik, seperti lobi melobi dalam membentuk barisan eksekutif mereka iaitu EXCO PMUM. Selain itu, para mahasiswa didekatkan lagi kepada dunia politik di luar kampus, melalui pengendalian forum-forum politik, dengan menjemput tokoh-tokoh politik sama ada dari pihak kerajaan atau pembangkang. Selain anjuran PMUM, terdapat juga forum atau ceramah yang dianjurkan oleh PBMUM, PMIUM dan Kelab Sosialis. Semuanya itu merimbunkan lagi wajah- wajah politik mahasiswa di kampus UM.

Sumbangan PMUM yang tidak kurang pentingnya kepada para mahasiswa, adalah mempertahankan autonomi universiti, hak kebebasan para mahasiswa dan para ahli akademik. Perjuangan itu telah diterjemahkan oleh kepimpinan PMUM, dengan menimbulkan kesedaran para mahasiswa terhadap cengkaman AUKU 1971. Para *freshie* didedahkan kepada keburukan AUKU 1971, melalui ceramah-ceramah di kolej dan rapat di

Dewan Tuanku Canselor semasa Minggu Orientasi. Malah para *freshie* dibawa berarak mengiringi kampus, dengan membawa sepanduk menolak AUKU 1971. Kemuncak kepada perjuangan PMUM mempertahankan hak para mahasiswa adalah dengan mengadakan siri demonstrasi menentang AUKU 1971. Ini termasuk demonstrasi besar-besaran mengepung kereta menteri semasa dia berada di Fakulti Sastera.

Dapatan dari kajian ini, menunjukan bagaimana pengaruh Kelab Sosialis terhadapperjalanan PMUM dan para mahasiswa di UM pada tahun 1973 hingga 1974. Ianya sangat jelas, dari tindakan-tindakan yang dilakukan oleh PMUM yang di pimpin oleh anggota Kelab Sosialis. Di mana pemimpin utama, iaitu Presiden dan Setiausaha Agung terdiri dari aktivis Kelab Sosialis. Malah lebih separuh dari ahli EXCO terdiri dari anggota Kelab Sosialis. Dengan itu, sudah pasti perjalanan PMUM pada era tersebut ditentukan oleh Kelab Sosialis. Oleh itu siri demonstrasi di masa tersebut digerakkan mengikut keperluan dan perencanaan Kelab Sosialis. Contoh yang jelas, adalah Demonstrasi Perang Ramadan atau Perang Yom Kippur di depan Kedutaan Amerika di Jalan Ampang dan di depan Lincoln Centre,dekat Padang Merdeka.

Demonstrasi tersebut yang bermula di depan Kedutaan Amerika, di jalan Ampang, akhirnya diheret ke Lincoln Centre. Para mahasiswa tidak mengetahui langsung, bahawa mereka akan didorong ke depan Lincoln Centre. Malah pemimpin mahasiswa dari pusat pengajian tinggi yang lain, sama ada dari UKM, ITM, ITK, malah Presiden ABIM pun tidak tahu rencana yang telah disusun oleh Kelab Sosialis. Anwar tidak tahu yang dia didukung oleh Albert Foo anggota Kelab Sosialis, untuk menarik para mahasiswa yang memuja Anwar supaya menuju ke Lincoln Centre. Ini termasuk pemimpin-pemimpin PBMUM dan PMIUM yang akhirnya turut mengikut para demonstran menghala ke Lincoln Centre. Bagi pihak Kelab Sosialis, selain demonstrasi tersebut sebagai menunjukkan solidariti bersama Dunia Arab, adalah bertujuan mengajak para mahasiswa merusuh dengan memusnahkan Lincoln Centre, pusat kebudayaan Inggeris. Bagaimanapun, matlamat Kelab Sosialis tidak tercapai sepenuhnya, biarpun berjaya memecahkan sebahagian dari dinding kaca Lincoln Centre. Ianya terhalang kerana mahasiswa berhaluan kanan memagari dinding kaca bangunan Lincoln Centre.

Sebenarnya, semua siri demonstrasi semasa pengkaji menjadi Presiden dan Hishamuddin menjadi Setiausaha Agong, adalah mengikut acuan keperluan Kelab Sosialis. Sebelum berlakunya demonstrasi, biasanya sehari sebelum itu Kelab Sosialis telah mengadakan rapat di Sudut Pidato. Lalu disambut oleh PMUM pada esoknya, rapat bersama dengan Kelab Sosialis di Sudut Pidato dan disudahi dengan demonstrasi. Dalam isu setinggan Tasik Utara, Kelab Sosialis memainkan peranan utama. Selepas itu disambut oleh PMUM. Bagaimanapun, kemudahan PMUM dipergunakan bagi menjayakan sokongan terhadap para setinggan Tasik Utara. Dua demonstrasi di depan Pejabat Perdana Menteri, yang berakhir dengan tembakan gas oleh FRU, juga disusun mengikut rencana Kelab Sosialis. Begitu juga dengan rampasan kuasa Kampus UM pada 21 September 1974, yang pengkaji isytiharkan, mendapat sokongan padu dari anggota Kelab Sosialis. Kesemua anggota Kelab Sosialis terlibat di dalam pembentukan jawatankuasa dan pergi menemui pemimpin JCRC di kolej-kolej menerangkan tentang hal ini.

Selepas pengkaji melakukan rampasan kuasa kampus, dan menggerakkan anggota Kelab Sosialis turun ke kolej-kolej untuk mendapatkan sokongan dari JCRC, maka tindakan pengkaji ini dijadikan senjata oleh kumpulan yang menentang rampasan. Mereka yang dipimpin oleh pemimpin PBMUM, telah menyebarkan berita di kampus, kononnya rampasan kuasa kampus didalangi olehPSRM dan DAP. Jelas bila dikaitkan dengan PSRM, tentulah wakil di kampusialah Kelab Sosialis. Manakala DAP, dikaitkan dengan PBTUM. Selepas itu dikaitkan pula dengan isu-isu perkauman dan komunis untuk mendapatkan sokongan dari mahasiswa Melayu aliran fikiran kanan dan simpatetik mereka. Akhirnya, persatuan Silat Gayung UM, lambang seni pertahanan Melayu menjadi pendukung kuat kepada PBMUM, untuk melakukan kontra rampasan yang disokong oleh aparatus kerajaan.

Rampasan kampus itu, bukan sahaja berakhir dengan penyerahan kembali kampus kepada pihak Canselori, sebaliknya PMUM telah digantung dan Kelab Sosialis ditamatkan pendaftarannya. Begitu pun pengaruh Kelab Sosialis masih kukuh dikalangan mahasiswa UM, malah masih diterima oleh persatuanmahasiswa institusi lain, bahawa kepimpinan UM, masih berada di tangan pengkaji, Hishamuddin Rais dan anggota kelab yang lain. Hal ini dapat dibuktikan, melalui demonstrasi isu kelaparan di Baling yang diadakan pada 3

Disember 1974, iaitu selepas PMUM digantung dan Kelab Sosialis sudah ditarik pendaftarannya. Bila berita tentang kelaparan dan demonstrasi rakyat di Baling disampaikan oleh Syed Husin Ali kepada Kelab Sosialis, maka pihak kelab terus bertindak. Kelab Sosialis menghantar Abu Zer Ali ke Baling dan dia pulang ke kampus dengan membawa ubi gadung dan berita tentang perjuangan rakyatBaling.

Kelab Sosialis mengadakan rapat di Sudut Pidato untuk menerangkan kejadian kelaparan dan demonstrasi rakyat di Baling. Bila mendapat sambutan oleh para mahasiswa lantas pengkaji dan Hishamuddin mengadakan pertemuan dengan pemimpin mahasiswa di pusat pengajian tinggi yang lain. Keputusan diambil, bahawa demonstrasi perlu diadakan pada 3 Disember 1974. Kelab Sosialis memainkan peranan utama di kampus UM, dengan mendapatkan tenaga para mahasiswa untuk mengadakan persiapan dan peralatan untuk berdemonstrasi. Tenaga anggota kelab dan para mahasiswa berkumpul di padang, depan sekretariat PMUM dalam menyiapkan kain rentang dan menulis di kertas manila. Pada pagi 3 Disember 1974, Kelab Sosialis mengadakan suatu rapat di Sudut Pidato, sebelum membawa ribuan para mahasiswa berdemonstrasi di Padang Merdeka, Kuala Lumpur.

Selepas demonstrasi di Dataran Merdeka, kampus telah dikepung oleh FRU, untuk memutuskan hubungan antara kampus dan pemimpin mahasiswa. Bagaimanapun, pengkaji bersama Abu Zer Ali berjaya membawa para mahasiswa berdemonstrasi di depan Federal Highway, dekat setinggan Kampung Kerinchi yang berakhir dengan tembakan gas pemidah mata ke arah Kampung Kerinchi. Tembakan dan gas pemedih mata itu, menimbulkan kemarahan setinggan di situ. Akhirnya, pengkaji dan Abu Zer berjaya membawa anggota setinggan Kampung Kerinchi, berdemonstrasi dan merusuh di Federal Highway. Dapatan ini menunjukkan dengan jelas, bagaimana kuatnya pengaruh dan penguasaan Kelab Sosialis terhadap para mahasiswa di UM.

Pengaruh Kelab Sosialis ke atas para mahasiswa UM tidak dapat dinafikan. Bukan sahaja melalui rapat-rapat di Sudut Pidato dan siri demonstrasi, sebaliknya telah dibuktikan melalui kajian tesis PhD yang dilakukan oleh Rabeendra Raghavan. Raghavan telah membuat tesis PhD, tentang mahasiswa UM, sesi pengajian 1972/73. Tajuk tesis beliau ialah, *A Study of*

The Political Attitudes Of Student From The University Malaya. Biarpun kajian Raghavan agak sempit masa waktunya, namun beliau telah membuat kajian dan laporan yang begitu luas. Beberapa perkara penting yang dikaji oleh beliau, iaitu pertumbuhan dan perkembangan pengajian tinggi di Malaysia, dasar kerajaan terhadappembahagian biasiswa, penghidupan dan kegiatan mahasiswa serta masalah perkauman dalam kalangan mahasiswa. Beliau membuat penilaian berdasarkan kajian dan menganalisis bagi mendapatkan jawapannya. Dapatan itu dirumus untukdijadikan jawapan kepada permasalahan yang dikaji oleh beliau.

Dapatan Raghavan, jelas menunjukan pengaruh sosialisme terhadap pemikiran para mahasiswa di UM. Sosialisme bukan sahaja berjaya mempengaruhi para mahasiswa bukan Melayu, sebaliknya turut mempengaruhi cara berfikir para mahasiswa Melayu. Raghavan merumuskan bahawa para mahasiswa yakin, sekiranya dasar sosialisme dilaksanakan, mereka percaya keadilan sosio-ekonomi akan berlaku. Bagaimanapun, kebanyakan mahasiswa Melayu merasa bimbang sekiranya sosialisme berjaya, ia mungkin menggugat hak keistimewaan orang Melayu dan agama Islam. Bagi mahasiswa bukan Melayu, mereka percaya melalui sosialisme dapat menyelesaikan masalah ketidakadilan ekonomi, tetapi tidak mampu menyelesaikan masalah perkauman. Dapatan kajian Raghavan ini, telah menjawab persoalan selama ini yang kurang jelas, mengapa calon-calon dari Kelab Sosialis sentiasa menang seratus peratus, setiap kali pilihan raya PMUM, sejak tahun 1972 hingga 1974. Dapatan Raghavan itu, jelas membuktikanbahawa sosialisme yang didukung oleh anggota Kelab Sosialis, berjaya menyemai benih-benih sosialisme ke tunjang pemikiran para mahasiswa UM. Sebenarnya, siri demonstrasi yang dilakukan oleh para mahasiswa berhubung kemiskinan rakyat atas isu setinggan Tasik Utara, isu kelaparan di Baling dan isu peneroka tanah Hamid Tuah, sudah cukup membuktikan bahawa mereka telah menjiwai fahaman soisalis. Perjuangan untuk membela rakyat marhaen itu, sama ada secara sedar atau tidak, menunjukan mereka telah berjuang atas landasan sosialisme.

Pengkaji sebagai pemimpin PMUM, Kelab Sosialis dan anggota PSRM, telah berusaha memberi kesedaran kepada para mahasiswa dan orang ramai terhadap kesedaran kelas. Iaitu kelas penindas dan kelas ditindas, atau kelas berada dan kelas tiada, atau golongan marhaen dan golongan *borjuis*. Fahaman dan kesedaran ini sering disuarakan oleh pengkaji semasa

rapat-rapat di depan para mahasiswa atau orang ramai. Selain dilakukan semasa rapat, pengkaji juga menyatakan semasa ceramah atau forum yang diadakan di UM, sama ada anjuran PMUM, Kelab Sosialis atau persatuan lain. Kalau tidak dapat disentuh secara *direct*, pengkaji cuba kaitkan secara *indirect* tentang perjuangan kelas. Sejauh mana keberkesanan sumbangan pemikiran sosialisme oleh pengkaji kepada para mahasiswa, tidaklah dapat diukur secara jelas, tetapi kesanggupan para mahasiswa menyertai siri demonstrasi atau kepentingan rakyat marhaen, sudah cukup sebagai bukti kejayaan tersebut. Pengkaji percaya, dapatan kajian Raghavan, tentang penerimaan para mahasiswa UM terhadap sosialisme, sedikit sebanyak adalah dari hasil perjuangan pengkaji bersama anggota Kelab Sosialis UM.

Sebagai anggota PSRM, pengkaji terlibat aktif berceramah kepada orang ramai, terutama di Temerloh. Pengkaji bersama dengan Suhaimi Said, seorang anggota Jawatan Kuasa Pusat (JKP) dan Sattar Dahan, Setiausaha Agung PSRM, kedua- duanya dari Temerloh, sering memberi ceramah ke kampung-kampung di sekitar Temerloh. Malah pengkaji terlibat sepenuh masa, berkempen membantu calon- calon PSRM di dalam PRU 1974, di bawah kepimpinan Hasnul Hadi yang menjadiPengerusi PSRM Negeri Melaka. Biarpun kesemua calon-calon PSRM di Melaka tewas di dalam PRU tersebut, tetapi mereka mendapat jumlah undi yang agak besar. Bagaimanapun, tidaklah boleh dikatakan bahawa jumlah undi yang besar diperolehi oleh calon-calon PSRM itu hasil sumbangan pengkaji, tetapi setidak-tidaknya pengkaji turut menyumbang ke arah kejayaan tersebut.

Melalui kajian di lapangan dan kepustakaan, terdapat beberapa perkara yang tidak jelas sebelum ini, dapat diperjelaskan oleh pengkaji. Begitu juga terdapat kesilapan di segi fakta yang melibatkan pengkaji, banyak diperkatakan oleh pengkaji-pengkaji di dalam pengkajian mereka, sama ada di dalam buku terbitan tempatan atau di luar negara. Misalnya, peristiwa di malam rampasan kuasa kampus UM dan berlaku di sektariat PMUM. Kebanyakan tulisan, menyatakan berlaku ‘penculikan’ terhadap pengkaji bersama pemimpin yang lain dan diikat sebelum diseret ke DTC. Antaranya, Mohamad Ridhwan Alias (2014), Mahasiswa Bangkit, Weiss, M.L (2016), Aktivisme mahasiswa Malaysia, kegemilangan dan kesuraman dan Jomo K.S, Hassan Abdul Karim, dan Ahmad Shabery Cheek (1989), ‘Malaysia’ , Dalam P.G. Altbach (Ed), Student Political Activism.

Meredith L. Weiss, menulis, “Majlis Tindakan Nasionalis menyerbu rumah kelab UMSU, menculik dan mengikat Kamarazaman dan lain-lain pemimpin Majlis Sementara. Mereka ..mengheret Kamarazaman ke Dewan Tunku Canselor (DTC),”[54] Tulisan Meredith L. Weiss ini, agak tersasar dari kejadian sebenarnya. Menurut Kamarazaman Yacob, Presiden PMUM sesi 1973/74, MTN bertindak ganas dengan mengugut dan ‘menculik’ beliau dan ahli Majlis PMUM di rumah persatuan sebelum dibawa ke DTC[55].

Sumber diperolehi oleh Meredith L. Weiss dan Mohamad Ridhwan Alias ini kurangtepat, kerana tidak ada mahasiswa lain di Rumah Persatuan PMUM melainkan pengkaji berseorangan. Begitu juga dengan tulisan K.S Jomo, Hassan Karim dan Ahmad Shabery Cheek, yang merakamkan sebagai;

> *“Members of the MTS were physically forced to leave the UMSU secretariatby MTN personnel using iron rods, bicycle chains, and nailed sticks. The UMSU president and several other MTS members were forcibly taken to Dewan Tunku Chansellor, the university’s great hall.”*[56]

Perkara yang tidak jelas diperkatakan oleh ramai pengkaji tentang demonstrasi isu Baling di Padang Merdeka, yang berakhir di Masjid Negara dan berlaku penangkapan terhadap pemimpin mahasiswa di situ. Kebanyakan pengkajian mereka, hanya terhenti bila menyatakan ramai antara pemimpin mahasiswa ditangkap di pekarangan dan di dalam Masjid Negara. Sebenarnya, para pemimpin mahasiswa, termasuk Anwar Ibrahim dan Ibrahim Ali telah dibebaskan dari trak FRU, oleh pengkaji bersama Harris Pardi dan para mahasiswa di depan stesen kereta api Kuala Lumpur.

Dalam soal melakukan rampasan (*hijack*) trak FRU ini, Harris Pardi masih jelas di

[54] Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms.200
[55] Mohamad Ridhwan Alias, Mahasiswa Bangkit, Megamind Leadership Consultancy, November 2014. Kuala Lumpur, ms.24
[56] K.S. Jomo, Hassan Karim, and Ahmad Shabery Cheek, Malaysia, Student Political Activism,Phillip. G Altbach,ms. 152

pemikirannya, bagaimana beliau, pengkaji dan para mahasiswa melakukannya. Semasa temu bual, Harris Pardi menyatakan, “Aku tengok kamu melompat ke tangga lori sambil membuka pintu. Kemudian terjun dan mengajak aku bersama beberapa mahasiswa mengikut kamu. Kamu menuju trak FRU yang tersekat. Kamu meminta para mahasiswa di dalam trak terjun turun. Kami turut berbuat begitu. Aku Nampak Anwar Ibrahim, Ibrahim Ali terjun awal.”[57]

Berhubung kejadian di sekretariat PMUM, pada malam rampasan tersebut, sebenarnya hanya pengkaji bersendirian selepas kawan-kawan menurut cadangan pengkaji supaya melarikan diri. Pengkaji tidak diculik dan diikat bersama pemimpin lain serta diseret ke DTC, seperti mana ditulis oleh kebanyakan pengkaji. Dalam hal ini Harris Pardi menjelaskan semasa temubual bersamanya, “Lee How Seng, Ahmad Zahid dan kawan-kawan lain telah meninggalkan pejabat PMUM. Mereka menurut arahan kamu, supaya meninggalkan pejabat. Kamu kata, lebih mudah kamu berseorangan berdepan dengan kumpulan musuh. Aku cuba pujuk kamu, supaya turut meninggalkanpejabat. Tapi kamu berkeras dengan pendirian kamu. Kamu kata, kamu yang melakukan rampasan, biar kamu hadapi. Bila aku terdengar, suara jeritan dan takbir semakin kuat. Terdengar seperti mereka menaiki tangga. Segera aku keluardari tingkap sambil berfikir, matilah Zaman nanti. Aku bergayut pada bingkaitingkap. Bergayut pada saluran sambil melentingkan badan ke bawah. Lama aku duduk di dalam gelap. Macam-macam fikiran aku, tentang keselamatan kamu...sebelum aku pergi.”

Kenyataan Harris Pardi, semasa temubual tersebut telah menjawab kesilapanfakta yang telah ditulis oleh kebanyakan pengkaji sebelum ini. Tulisan Meredith L.Weiss dan Mohamad Ridhwan Alias, adalah merupakan pengkajian buku yang diterbitkan di Malaysia. Manakala tulisan Jomo K.S, Hassan Abdul Karim dan Ahmad Shabery Cheek di dalam buku yang diterbitkan di New York, Amerika Syarikat. Dapatan kajian ini sangat penting, kerana peristiwa rampasan kuasa kampus UM adalah tindakan yang agak militan pernah berlaku di institusi pengajian tinggi di negara ini. Mungkin rampasan kampus UM itu merupakan yang pertama dan terakhir bagi semua kampus di Malaysia.

[57] Temubual Bersama Haris Pardi, 15 April , 2019,PJ

Dalam kes pembebasan pemimpin mahasiswa dan Anwar Ibrahim, dari trak FRU di depan stesen kereta api Kuala Lumpur tidak pernah disentuh. Kebanyakan pengkaji, termasuk Meredith L. Weiss, hanya menyatakan bahawa pemimpin mahasiswa dan ribuan para mahasiswa di tangkap di pekarangan serta di dalam Masjid Negara. Pengkaji-pengkaji tidak mengetahui bahawa dua buah trak FRU yang sarat dengan pemimpin pelajar dan para mahasiswa telah dirampas atau *hijack* oleh pengkaji, Harris Pardi bersama mahasiswa. Semasa Harris Pardi ditemubual berhubung soal ini, beliau masih segar dengan kejadian tersebut dan menerangkannya dengan panjang lebar. “Kamu, aku, Abu Zer dan para mahasiswa memerhati ke arah FRU yang telah berkumpul di depan Masjid Negara. Lepas itu kamu menyuruh Abu Zer pergi ke Masjid Negara. Selepas sampai ke Masjid Negara, Abu Zer mengepalai para mahasiswa menyorak dan membuat provokasi. Kemudian berlaku pergelutan antara Abu Zer dan para mahasiswa dengan FRU. Kemudian kamu mengajak aku dan para mahasiswa menuju ke stesen kereta api. Kita menunggu di depan stesen kereta api. FRU telah menyerbu ke dalam pekarangan dan ke dalam Masjid Negara. Tidak lama selepas itu, ternampak FRU memaksa para mahasiswa memasuki trak FRU. Dua buah trak FRU penuh dengan para mahasiswa. Kamu memerhati ke arah trak FRU yang mula bergerak mengambil bulatan dan menghala ke stesen keretapi. Kamu mengajak aku dan para mahasiswa berlari ke lampu isyarat di hujung stesen kereta api, di seberang Hotel Majestic. Kita menunggu sehingga lampu isyarat menjadi merah. Kamu mengajak para mahasiswa memenuhi di depan lampu isyarat. Aku nampak kamu melompat ke lori di depan sekali sambil membuka pintu lori itu. Selepas itu kamu mengajak aku ke arah trak FRU, sambil memberi tahu dan menunjukkan kunci lori di tangan kamu. Semua kereta tidak dapat bergerak. Jalan jam. Sesampai ke trak FRU, kamu dan aku mengajak para mahasiswa terjun dari trak. Anwar orang pertama yang terjun, dikuti oleh Ibrahim Ali dan lain-lain mahasiswa. Sesudah kedua-dua trak FRU kosong, kamu kembali berlari menuju lori tadi. Kamu beri tahu apek lori itu diam, masa kamu serahkan kunci.”

Kenyataan Harris Pardi, berhubung rampasan trak FRU di depan stesen kereta apiKuala Lumpur itu, menjadi catatan penting berhubung demonstrasi isu Balingyang bermula di Padang Merdeka dan berakhir di Masjid Negara. Barangkali,kalau tidak berlaku rampasan trak FRU itu, pasti ramai di kalangan pemimpin mahasiswa telah ditangkap dan dituduh di bawah ISA. Anwar Ibrahim di tangkap pada lewat petang itu di Balai Polis Jalan Traves, semasa beliau pergi untuk menjamin para mahasiswa yang ditangkap. Penangkapan

Anwar pada lewat petang itulah yang membawa kepada beliau ditahan di bawah ISA, selama dua tahun di Kem Tahanan Perlindungan, Kamunting, Taiping Perak.

Berdasarkan kajian pengkaji, bahawa pertembungan dan perebutan pengaruh antara Kelab Sosialis, PBMUM dan PMIUM di UM, tidak terhenti di kampus semata-semata. Sebaliknya, turut dipengaruhi oleh parti-parti politik di dalam negara, yang berebut mendapatkan pengaruh di kalangan rakyat bagi mendapatkan kuasa. Jelas, persatuan-persatuan tersebut sama ada Kelab Sosialis, PBMUM dan PMIUM bertunjangkan kepada ideologi seperti mana parti- parti yang mempengaruhi mereka. Kelab Sosialis, berpegang kepada sosialisme yang didukung oleh PSRM. Manakala PBMUM berpegang kepada nasionalisme seperti mana pegangan UMNO. Manakala PMIUM berpegang kepada fahaman Islam, yang menjadi asas perjuangan PAS. Berdasarkan pegangan ideologi yang berbeza itulah, menjadikan perebutan pengaruh antara ketiga-tiga persatuan ini menghidupkan politik kampus UM. Kekadang mereka bertembung, bila berbeza kepentingan. Sebaliknya mereka berjuang bersama, di atas kepentingan bersama, contohnya demonstrasi Perang Yom Kippur dan isu kelaparan Baling. Bagaimanapun, pengaruh Kelab Sosialis ke atas para mahasiswa mengatasi kedua-dua persatuan tersebut. Atas pengaruh itulah menjadikan PMUM di bawah penguasaan Kelab Sosialis terutama dari tahun 1972-1974, yang menjadi tajuk kajian ini.

Biarpun, Kelab Sosialis menguasai PMUM dan mengadakan siri demonstrasi di dalam serta di luar kampus. Para mahasiswa berdepan dengan FRU dan menghadapi tembakan gas pemedih mata. Tetapi perjuangan para mahasiswa di bawah Kelab Sosialis melalui PMUM, tidaklah seradikal seperti mahasiswa di luar negara. Tidak berlaku pertempuran antara para mahasiswa Malaysia denganFRU, polis dan askar seperti para mahasiswa di Thailand, Korea Selatan, Jepun, Afrika Selatan dan lain-lain. Pertempuran para mahasiswa di luar negara dengan askar melibatkan kematian para mahasiswa bukan sahaja puluhan, malah ratusan mahasiswa yang terkorban. Barangkali, tindakan merampas kampus UM dan merusuh di Federal Highway itulah tindakan yang paling radikal yang telah dilakukan oleh mahasiswa di Malaysia.

Dari kajian yang dibuat, pengkaji mendapati bahawa AUKU 1971 dan AUKU 1975 sangat mempengaruhi cara hidup malah cara pergerakan mahasiswa serta persatuan mereka. Kajian kepustakaan yang telah dibuat memberi gambaransangat jelas, bagaimana kesan AUKU terhadap penghidupan para mahasiswa. Dr Junaidi Abu Bakar (2008) di dalam bukunya, Mahasiswa Politik Dan Undang- Undang, pada bab 4 dengan tajuk, "Kesan Akta Universiti Dan Kolej Universiti Terhadap Kehidupan Mahasiswa Di Institusi Pengajian Tinggi". Beliau mengupas secara terperinci kesannya terhadap penghidupan dan terhadap kegiatan akademik para mahasiswa.

Manakala, Muhamad Abu Bakar (1973) di dalam bukunya, Mahasiswa Menggugat, menyentuh tentang AUKU 1971. Beliau menjelaskan bagaimana AUKU 1971 cuba menyekat kebebasan mahasiswa dan ahli akademik. Beliauturut menunjukan bahawa mahasiswa tidak begitu patuh kepada larangan- larangan yang terdapat di dalam akta tersebut. Sememangnya AUKU 1971, tidak mampu mengikat dan mendiamkan para pemimpin dan mahasiswa dari terus menyatakan penentangan terhadap AUKU 1971. Malah para mahasiswa terus digembleng tenaga mereka oleh kepimpinan untuk menentang kerajaan. Pemimpin-pemimpin mahasiswa berjaya membawa para mahasiswa turun ke jalan raya di luar kampus dalam menuntut hak-hak mereka dan juga atas kepentingan rakyat. Tegasnya, kepimpinan dan para mahasiswa terus mencabar kerajaan tanpa takut dan tunduk kepada AUKU 1971. Barangkali atas kesedaran itulah Dr Mahathir Mohamad, yang menjadi Menteri Pelajaran telah melakukan pindaan kepada AUKU 71 itu pada 1975. Akta baru yang mengikatdan mematikan pergerakan persatuan mahasiswa ini dikenali sebagai AUKU Pindaan 1975.

Melalui AUKU 1975, bukan sahaja mahasiswa dirantai, malah para ahli akademik turut diikat kebebasan mereka. Kampus-kampus hilang kuasa autonomi, persatuan mahasiswa diturunkan darjatnya, dari persatuan mahasiswa kepada majlis perwakilan pelajar. Para mahasiswa sudah hilang semangat berpersatuan, malah mereka sudah tidak berminat mengikuti perkembangan politikkampus dan politik negara. Mereka menjadi seperti nafsi-nafsi, tidak begitu ghairah untuk bekerja di dalam kelompok yang besar, sangat berbeza dengan masyarakat mahasiswa sebelum adanya AUKU 1975.

4.3 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, pengkaji mendapati bahawa pengaruh sosialisme keatas pemikiran para mahasiswa semangnya kukuh, seperti mana dapatan kajian ilmiah yang dilakukan oleh Raghavan dalam memenuhi tesis PhD beliau. Pengkaji telah menjelaskan di atas, bagaimana Raghavan membuat kesimpulan bahawa para mahasiswa Melayu dan bukan Melayu yakin sosialisme dapat menyelesaikan ketidakadilan sosio-ekonomi di Malaysia. Kajian Raghavan di UM pada sesi 1972/73 adalah berpadanan kajian yang di buat oleh pengkaji iaitu dari tahun 1972 hingga 1974.

Tajuk kajian yang dilakukan oleh pengkaji, iaitu pengaruh sosialisme dalam persatuan mahasiswa Universiti Malaya (1972-1974). Pengkaji telah mampu membuktikan bahawa sebenarnya sosialisme telah berjaya mempengaruhi PMUM, melalui pembuktian di mana kepimpinan penting iaitu Presiden PMUMdan Setiausaha Agung dikuasai oleh anggota Kelab Sosialis. Malah majoriti ahli eksekutif atau EXCO dikuasai oleh anggota Kelab Sosialis. Maka secara automatik menunjukan bahawa Kelab Sosialislah yang mencorak warnakan perjalanan PMUM. Atas pengaruh sosialisme terhadap pemikiran para mahasiswa UM, menjadikan semua calon-calon dari Kelab Sosialis memenangi pilihan raya PMUM pada sesi 1972-1974.

Biarpun siri demonstrasi dilaksanakan oleh PMUM, tetapi perjalanan atau matlamatnya lebih ditentukan oleh Kelab Sosialis. Bukti yang jelas adalah demonstrasi Yom Kippur, yang pada mulanya dilakukan di depan Kedutaan Amerika, di Jalan Ampang, tetapi berakhir di depan Lincoln Centre atas keperluan Kelab Sosialis. Para mahasiswa hanya menuruti pola pergerakan yang telah direncanakan oleh Kelab Sosialis dalam mencapai matlamat iaitu memecahkan dinding-dinding kaca Lincoln Centre, sebagai pusat penyebaran agenda Inggeris. Demonstrasi isu setinggan Tasik Utara dan demonstrasi isu kelaparan Baling, adalah sebagai manifestasi sokongan Kelab Sosialis melalui PMUM terhadap kebangkitan rakyat menentang pihak berkuasa. Tanpa para mahasiswa sedari, bahawa Kelab Sosialis telah mengajak mereka berjuang di atas kepentingan kelas. Kelab Sosialis telah mengasah pemikiran para mahasiswa untuk berpihak kepada rakyat marhaen yang dirantai oleh kemiskinan dan ditindas oleh pihak berkuasa.

BAB V

PENGARUH AWAL FAHAMAN SOSIALISME DAN GERAKAN SOSIALISME DI UNIVERSITI MALAYA

5.1 Latar Belakang

Pengkaji menjadi pemimpin mahasiswa selama tiga tahun di Universiti Malaya, kemuncaknya menjadi Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM) pada sesi 1973/74. Kebangkitan mahasiswa di Malaysia era tersebut, selari dengan kebangkitan para mahasiswa di seluruh dunia, sama ada di Eropah, Amerika Utara, Amerika Selatan, Afrika dan Asia. Tahun-tahun 60-an dan 70-an, merupakan tahun kebangkitan para mahasiswa, yang kebanyakannya menentang kerajaan dalam menuntut keadilan sosial. Gerakan mahasiswa menjadi radikal pada masa itu kesan dari pengaruh sosialisme-komunisme.

Negara Ketiga terutamanya, terpengaruh dengan sosialisme-komunisme dalam perjuangan mendapatkan kemerdekaan dari kuasa penjajah. Pengaruh ini berterusan selepas merdeka, sama ada golongan ini menguasai kerajaan atau sebaliknya. Manakala pengaruh sosialisme-komunisme juga berkembang di Negara Membangun, kesan penindasan kaum kapitalis dan penentangan terhadap ketidakadilan sosial. Pergolakan ini sangat mempengaruhi perjuangan dan kebangkitan para mahasiswa di negara-negara tersebut.

Pengkaji turut terpengaruh dengan ideologi sosialis, kerana melihat kepada ketidakadilan sosial yang sangat ketara ketika itu. Penghidupan rakyat marhaen terbelenggu oleh rantai kemiskinan dan berterusan ditindas. Bertolak dari kesedaran itulah, pengkaji melibatkan diri di dalam gerakan dan kebangkitanmahasiswa Malaysia. Kemudian pengkaji terlibat aktif dalam memberi kesedaran kepada para mahasiswa terhadap pentingnya ideologi sosialis. Kesannya, pengkaji telah ditahan di bawah ISA kerana membela dan memperjuangkan nasib rakyat marhaen. Selepas keluar penjara, perjuangan sosialisme diteruskan oleh pengkaji

dengan terlibat aktif di dalam Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM). Bagaimanapun, akhirnya pengkaji meninggalkan PSRM bersama Kassim Ahmad dan menyertai UMNO, yang berjuang atas landasan nasionalisme. Kemudian pengkaji terlibat bersama Kassim Ahmad dalam membentuk Jemaah Al Quran, iaitu untuk menempa jalan hidup yang bersandarkan kepada Al Quran dan kritikalterhadap hadis.

Pengkaji dilahirkan di kampung Dewan, Beta, Kota Bharu Kelantan pada 10 Julai 1949. Pekerjaan bapa ialah seorang guru. Dia menjadi guru di sekolah swasta yang dibuka olehnya. Di masa itu di Kampung Dewan dan sekitarnya tiada sekolah[58]. Bapa bersekolah di sekolah Kampung Bangau, Temerloh sehingga darjah enam. Dia mendapat tawaran memasuki Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjung Malim Perak. Tetapi nenek tidak membenarkannya. Ini disebabkan bapa satu-satunya anak lelaki dari tujuh orang anak nenek. Akhirnya bapa mengalah dengan ibu yang dikasihinya.

Sekolah itu dibuka pada awal tahun 1949, semasa bapa lari ke Kampung Dewan, kampung ibunya iaitu Aminah bt Ali. Beliau meninggalkan Kampung Lubok Kawah, Temerloh Pahang apabila kerajaan Inggeris mengisytiharkan darurat pada 1 Jun 1948. Bapa membesar dan dewasa di Kampung Lubok Kawah. Datuk,Abdul Rahman b Awang Hitam membantu sepupunya Hj. Abd Rahman yang membuka pondok[59] di Kampung Lubok Kawah[60]. Hj. Abdul Rahman lebih dikenali sebagai Hj. Che Man. Tuan Guru Hj. Che Man yang berasal dari Salor Kelantan, peneroka awal Lubok Kawah bersama Hj. Ismail, orang tempatan. Haji Ismail seorang yang mempunyai kesedaran awal terhadap perjuangan kemerdekaan sebab itu beliau dan keluarganya dalam apa keadaan pun tetap menyokong gerakan API[61]. Datuk mengajar murid-murid pondok membaca atau mengaji Quran. Bapa belajar mengaji Quran dengan datuk. Beliau sangat bagus membaca Quran terutama di segi bacaan dan tajwid.

[58] Temubual Dr Abdul Fattah Ibrahim di rumahnya, Bangi pada Jan 30,2019, Bangi,beliau pernah menjadi guru pembantu.
[59] Lihat Ibrahim Chik, Memoir Ibrahim Chik, Dari Api ke Regimen ke 10,ms.22.
[60] Ibid,ms.23-37.
[61] Ibid,ms.29

Mengikut nenek, dia membawa bapa berpindah ke Kampung Lubok Kawah semasa umur bapa lebih kurang dua tahun. Bila besar, bapa bersekolah, di Sekolah Kampung Bangau. Kampung Bangau bersebelahan dengan Kampung Lubok Kawah.

Selain bersekolah di sekolah Bangau, bapa turut belajar di pondok Lubok Kawah. Dia membesar dan dewasa bersama murid-murid pondok. Ramai kawan-kawannya, bukan sahaja anak-anak sekampung, malah murid-murid pondok yang datang dari seluruh negeri Pahang. Kebanyakan murid pondok Lubuk Kawah datangnya dari Kuala Lipis. Malah ibu saudara, Che Yah bt Abd Rahman hampir berkahwin dengan seorang murid pondok yang berasal dari Kampung Merapuh, Kuala Lipis[62].

Setelah dewasa bapa pulang ke Kelantan, tempat lahirnya iaitu Kampung Salor.. Akhirnya mengahwini ibu, Wan Jah bt Wan Mamat, gadis Kampung Lemal, Pasir Mas Kelantan. Bapa menjalankan perniagaan pengangkutan iaitu perkhidmatan bas. Perniagaannya sangat maju kerana tiada persaingan semasa beliau memulakan perniagaan tersebut[63]. Dari sebuah bas bertambah kepada dua buah 'bas lorong'. Dinamakan 'bas lorong' kerana pangkin duduknya berdepan dan terdapat lorong masuk di tengahnya[64]. Basnya berulang-alik antara Kampung Salor ke Kota Bharu.

Malang menimpa nasib bapa bila Jepun menduduki Tanah Melayu pada tahun 1941 sehingga 1945. Tentera Jepun telah merampas bas miliknya. Dirampas tanpa membayar sebarang pampasan. Beliau dan ibu hidup di Kampung Salor dalam kesusahan kerana terpaksa membuat pekerjaan yang tidak menentu.

Mereka terpaksa berhempas-pulas untuk menyara empat orang anak iaitu Muhammad, Abdul Manaf, Naimah dan Abdul Halim.

[62] Temubual bersama Abdul Manaf Yaakob (abang pengkaji), Februari 6,2019,Temerloh.
[63] Temubual Bersama Abdul Manaf Yaakob, Februari 6,2019,Temerloh, Pahang.
[64] Ibid.

Bila Jepun menyerah kalah pada tahun 1945, bapa kembali ke Kampung Lubok Kawah. Dia terpaksa menoreh getah milik bapanya untuk menampung keperluan keluarganya. Hasil yang diperolehi dihantar kepada ibu yang masih menetap di Kampung Salor. Dia terpaksa berulang-alik ke Kelantan untuk menjenguk ibu dan anak-anaknya. Bagaimanapun kebanyakan masanya adalah di Kampung Lubok Kawah untuk mencari nafkah. Lagipun, Lubok Kawah adalah tempat dirinya membesar dan kawan-kawan sebayanya sedang bersemangat menerima percikan api kemerdekaan.

5.2 Gerakan Nasionalisme Di Lubok Kawah

Kampung Lubok Kawah terletak di pinggir Sungai Pahang. Jaraknya dari Bandar Temerloh lebih kurang enam kilometer. Hanya perahu dan *motobot* adalahpengangkutan utama yang menghubungkan penduduk-kampung di pinggir Sungai Pahang dengan Bandar Temerloh. Bagaimanapun, jalan kecil atau denai yang menghubungkan Kampung Lubok Kawah dengan Bandar Temerloh telah ada,iaitu dengan melewati Kampung Bangau, Kampung Bangau Tanjung dan Tanjung Keramat.

Bila mengambil iktibar sejarah nasionalisme Malaya atau sejarah perjuangan kiri Melayu di Malaya, bukan saja seseorang itu akan disogokkan nama-nama seperti Boestamam, Pak Sako, Dr Burhanuddin el-Helmy, Kamarulzaman Teh, Abdullah C.D, Rashid Maidin, Shamsiah Fakeh, Ibrahim Chik, tetap nama Lubok Kawah terselit juga. Hampir semua memoir yang ditulis oleh nama-nama di atas menyentuh atau setidak-tidaknya menyebut perkataan Kampung Lubuk Kawah.

Kampung Lubok Kawah disentuh atau dicatatkan oleh pejuang-pejuang di atas di dalam memoir mereka sebagai tempat yang datangi untuk mempertajamkan ideologi sosialisme. Juga sebagai tempat mereka untuk berlatih taktikdan strategi dalam menghadapi penjajah Inggeris. Turut menghargai sumbangan Kampung Lubok Kawah ke atas perjuangan kemerdekaan adalah dari Ibrahim Chik, pejuang dari Kampung Sungai Dingin, Mentakab,

Temerloh[65]. Beliau akhirnya berkahwin dengan seorang gadis Lubok Kawah iaitu Siti Zamiah, semasa kedua-duanya masih mengangkat senjata sebagai gerila di dalam hutan.

Kampung Lubok Kawah banyak merakam dan menyimpan sejarah perjuangan anak bangsa dalam membebaskan Malaya dari cengkaman penjajah Inggeris. Rakaman sumbangan Kampung Lubok Kawah kepada gerakan kiri tetap dikenang oleh pejuang-pejuang kemerdekaan Malaya. Semasa pengisytiharan darurat berlaku, pejuang-pejuang kiri sedang berkursus di Kem Se-Malaya, di Kampung Lubok Kawah[66].

Kampung Lubok Kawah dipilih oleh golongan kiri Melayu sebagai tempat belajar ideologi sosialisme. Ianya dikenali sebagai Kem Se-Malaya yang mengumpulkan seluruh pejuang kiri Melayu untuk mempertajamkan pegangan ideologi dan latihan bersenjata. Di bawah keadaan yang semakin genting, Jabatan Kerja Melayu PKM telah menghimpunkan kader-kadernya untuk menghadiri kursus di Kem Se-Malaya yang diadakan pada akhir Mei hingga 13 Jun 1948 di kawasan hutan Lubok Kawah, Temerloh, Pahang[67]. Setelah tamat Sekolah Parti yang terkenal dengan nama Kem Se-Malaya, kader-kader telah dihantar ke pos masing-masing[68].

Maka ramailah anak-anak muda Kampung Lubok Kawah yang turut terlibat belajar di situ. Malah terdapat murid pondok Lubok Kawah yang terpengaruh dengan gerakan kiri dan melibatkan diri dalam perjuangan kemerdekaan. Sebelum terdirinya Kem Se-Malaya, memang ramai pemuda-pemudi Lubok Kawah yang terlibat dengan perjuangan kiri. Sama ada menyertai PKMM, API, AWAS, BATAS dan PETA. Di Kampung Lubok Kawah seluruh pemuda dan orang dewasa menganggotai PKMM yang diketuai oleh Osman Kadi Ahmad[69].

[65] Ibrahim Chik, Memoir Ibrahim Chik, Dari API ke Rejimen ke 10,ms.2
[66] Ibid, ms.60-61
[67] Mohamed Salleh Lamrey, Gerakan Kiri Melayu: Dalam Perjuangan Kemerdekaan, penerbit UKM, ms.95
[68] Ibrahim Chik, Memoir Ibrahim Chik: Dari API ke Regimen ke 10, ms.59.Lihat The Memoirs of Shamsiah Fakeh, From AWAS to 10th Regement,SIRD, PJ,2009,MS.38.
[69] Ibid, ms 24.

Mengikut bapa, beliau seorang simpatetik malah sangat rapat dan membantu rakan-rakannya di dalam API. Antara rakannya yang terlibat aktif di dalam API ialah Said Hj. Ismail, Abdul Rahman Mohd Nor[70], Zulkifli Mohd Amin@ Abu Samah[71], Ibrahim Abdul Rahman[72], dan Uda Mohd Amin. Uda Mohd Amin kawan sebaya dan rapat dengan ayah, yang terbunuh di hutan Lubok Kawah sebagai pejuang kemerdekaan. Mengikut bapa, kadang-kadang secara mencuri dia terlibat di dalam aktiviti API di Lubok Kawah. Kegiatannya sentiasa dihalang oleh ibunya kerana tidak mahu beliau melibatkan diri sebagai anggota gerakan kiri. Ibunya takut beliau ditangkap oleh Inggeris kerana melawan kerajaan Inggeris.

Ibu, Wan Jah bt Wan Mamat pernah menempelak bapa perihal tentang nama pengkaji; Kamarazaman. Suatu petang, menjelang PRU ke 6 pada tahun 1978; pengkaji dipanggil oleh ibu dan bapa. Pengkaji telah dihebohkan di Temerloh sebagai bakal calon PSRM bagi Parlimen Temerloh untuk menentang Tan Sri Hamzah Abu Samah[73]. Pengkaji sememangnya telah bersedia untuk bertangingdi kerusi Parlimen Temerloh pada Pilihan Raya Umum (PRU) tersebut. Malah sudah banyak berceramah di kampung-kampung di dalam Parlimen Temerloh bersama Suhaimi Said[74] dan Sattar Dahan[75] sebagai persediaan sebagai calon PSRM.

Bapa menyatakan yang beliau bersama ibu telah mendengar khabar yang pengkaji akan bertanding parlimen Temerloh atas tiket PSRM. Dia meminta supaya tidak bertanding kerana dia menyewa kedai kepunyaan Lembaga Kemajuan Negeri Pahang (LKNP), milik kerajaan UMNO Negeri Pahang. Dia memberitahu kebimbangannya kalau pengkaji tetap bertanding, berkemungkinan penyewaannya dengan LKNP akan ditamatkan. Tentulah sangat menyusahkandiri mereka. “Kamu tak pernah nak dengar nasihat mak dan cek. Cek dan mak minta kamu dengarlah kali ni. Minta sekali aje,”

[70] Abdul Rahman Mohd Nor, semasa mengangkat senjata beliau berpangkat kaptan.Berkahwin dengan ibu saudara Suhaimi Said. Memegang kepimpinan PSRM, Cabang Temerloh.
[71] Zulkifli Mohd Amin @ Abu Samah, mengangkat senjata. Kemudian memegang kepimpinan PSRM Pahang. Menjadi Pengerusi PSRM beberapa penggal. Menjadi calon PSRM bagi DUN Semantan sebanyak 4 kali tetapi tewas. Beliau adalah sepupu Suhaimi Said tokoh PSRM Pahang.
[72] Ibrahim Abdul Rahman Iaah anak Tuan Guru Hj.Che Man, Guru Pondok Lubuk Kawah.Masuk hutan dan menyerah diri. Pernah ditahan di Tanjung Beruas, Melaka.
[73] Tan Sri Hamzah. Ipar kepada Tun Abd.Razak.Menteri Undang -Undang dan MP Temerloh 1974-1982.
[74] Suhaimi Said.Jawatankuasa Pusat PSRM. Bekas calon PSRM Parlimen Maran pd PRU 1974.Kemudian ahli dan calon PAS Parlimen Temerloh pada PRU 1986.Calon PKR,DUN Jenderak (P.Kuala Krau) pd PRU 12 dan PRU 13.
[75] Sattar Dahan. Menjadi Setiausaha Agung PSRM.

“Itulah puja sangat Kamarulzaman komunis,” bentak ibu.

Pengkaji hanya tersenyum dengan gelagat ibu. Dia marah dalam gurauan seorang isteri yang setia kepada suaminya. Pengkaji memberi pengakuan akan memenuhi permintaan mereka kali ini. Selepas pengakuan itu, jalar fikir bersimpg-siur kerana memikirkan kawan-kawan PSRM Temerloh dan kepimpinan pusat. Wajah mereka bersilih ganti menguasai benak pengkaji dalam keresahan yang memanjang.

Memang bapa dan ibu telah memberitahu mengapa pengkaji dinamakan Kamarazaman. Bapa sangat terpesona, memuja kehebatan dan ketokohan Kamarulzaman Teh[76]. Tokoh API Temerloh yang hebat membakar semangat pemuda-pemudi melalui pidato-pidatonya. Mengikut bapa, pemidato yang digemarinya selain Sukarno, Boestaman, Mohd Asri, Zulkifli Muhamad ialah Kamarulzaman Teh. Kamarulzaman Teh adalah seorang tokoh kiri Melayu yang terkenal di Pahang. Malah dia sebenarnya pernah memainkan dua peranan secara serentak, iaitu sebagai Ketua Api Pahang secara terbuka, dan bergerak “dibawah tanah” sebagai pemimpin Jabatan Kerja Melayu PKM bahagian Pantai Timur, merangkap Setiausaha Jabatan Kerja Melayu bagi negeri Pahang[77].

Jika kita menggunakan klasifikasi Khoo Kay Kim (1982) tentang kelompok- kelompok nasionalis kiri, tidak syak lagi Kamarulzaman adalah termasuk dalam kelompok ‘kiri pelampau’. Kamarulzaman telah menyertai MPAJA dan PKM pada tahun 1943[78]. Antara enam orang badan pimpinan Jabatan Kerja Melayu ini, kamibertiga (saya, Rashid Maidin dan Kamarulzaman Teh) telah pun diisytiharkan sebagai wakil PKM bahagian Melayu secara terbuka[79].

[76] Kamaruzaman Hj The.Orang pertama ditangkap pd pagi 20 Jun 1948 di kedai no 1 Temerloh. Selepas Darurat diistiharkan. Lihat juga Memoir Ibrahim Chik Dari Api Ke Regimen Ke 10, ms.80.
[77] Mohamed Salleh Lamry, Gerakan dan Tokoh Kiri, Kamarulzaman Teh dalam Kancah Perjuangan Kemerdekaan, ms.15.Lihat The Memoirs of Shamsiah Fakeh , From AWAS to 10th Regiment , ISRD, PJ ms.35.
[78] Ibid , ms.25
[79] Memoir Abdullah C.D (Bahagian Pertama), Zaman Pergerakan Sehingga 1948,ms.165.

Bila darurat diisytiharkan pada 18 Jun 1948, semua pejuang kiri Melayu berada di dalam keadaan yang tidak menentu. Mereka belum bersedia menghadapi keadaan yang di luar jangkaan itu. Kebanyakan kawan-kawan bapa termasuk Said Ismail, Abdul Rahman Mohd Nor, Uda Mohd Amin, Zulkifli Mohd Amin, Ibrahim Hj Abdul Rahman (Che Man) masuk ke hutan. Mengikut bapa, ibunya memaksa beliau lari ke Kampung Dewan, kampung ibunya, di Kelantan. Tujuan ibunya berbuat begitu supaya bapa tidak terpengaruh dengan kawan-kawannya untuk masuk ke hutan dan akhirnya mengangkat senjata.

Tidak lama selepas bapa lari ke Kelantan, Kampung Lubok Kawah dibakar oleh aparatus penjajah. Semua pondok-pondok para murid dan rumah-rumah orang kampung turut dibakar. Yang tidak dibakar hanyalah masjid dan dua buah rumah milik Hj Che Man. Kemudian Kampung Lubok Kawah diisytiharkan di bawah Kawasan hitam[80]. Itu salah satu kaedah penjajah Inggeris untuk mengatasi masalah semasa darurat yang akhirnya memakan korban jiwa dan menggugat kewangan Malaya.

> *"Within the first few years of the struggle, the government mobilised nearly 100 battalions and spent hundreds of million of ringgit on military expenses. It is estimated that from June 1948 to January 1954, the CPM army engaged in more than 19,100 large and small battles as well as other formsmilitary action, killing and injuring more than 26,000 soldiers and police[81]*."

Datuk dan nenek berpindah jauh ke pinggir hutan. Kawasan itu dikenali sebagai Darat Lulai, di dalam Mukim Sanggang, Temerloh. Suatu kawasan yang sangat terpencil dan jauh dari perkampungan. Mengikut datuk, mereka bercucuk tanam dan menanam padi sebagai aktiviti utama. Mereka membuat sawah yang sangat luas dan melebihi keperluan mereka. Juga bertanam ubi kayu, ubi keledek, pokokpisang, betik dan sayur-sayuran dengan banyaknya.

Pengkaji sangat rapat dengan datuk dan berminat terhadap hobinya iaitu mencari ikan. Sama ada mencari ikan di paya atau sungai dengan segala peralatan. Hobi yang sama turut dikongsi

[80] Kawasan Hitam adalah perkampungan /penempatan atau Kawasan yang dianggap di dalam pengaruh komunis atau terdapat komunis dalam jumlah yang ramai. Sebaliknya Kawasan yang bebas daripada komunis di kenali sebagai Kawasan Putih. Melaka adalah negeri pertama menerima Kawasan Putih.

[81] Richard Crisp, Life as The River Flows, Women in the Malayan Anti-Colonial Struggle, ms.308

oleh bapa. Barangkali kerana datuk suka mencari ikan, maka dia tersangat mahir membuat pengilau, lukah dan tangguk. Hasil buatannya tersangat halus yang penuh dengan seni. Kalau ada pertandingan hasil kerja tangan di sekolah, peringkat mukim atau daerah, hasilnya itu akan memasuki pertandingan tersebut. Anak cucunya akan mengambil hasil tangannya untuk menyertainya. Selalunya tangguk dan pengilau buatannya mendapat tempat di dalam pertandingan tersebut. Begitulah hebatnya hasil tangan datuk.

Datuk membuat tangguk dan pengilau dari bemban, rotan dan kayu. Untuk mendapatkan bahan tersebut dia terpaksa memasuki hutan. Hutan yang dimasuki tentunya Bukit Napi, tempat yang pernah dijadikan tapak Kem Se Malaya. Tempatyang pernah mempengaruhi anak-anak muda Kampung Lubuk Kawah mengenali ideologi sosialis. Tempat yang mengajar dan mengasuh pemuda-pemudi Kampung Lubok Kawah untuk memahami apa itu imperialisme. Tapak yang menyediakan diri mereka untuk perjuangan dengan bersenjata bagi menghalau penjajah. Di antara anak-anak muda itu, tentunya termasuk anak murid datuk di Pondok Lubok Kawah.

Pernah suatu waktu semasa mencari rotan dan bemban bersamanya, pengkaji bertanya, mengapa beliau memilih Darat Lulai, sebagai tempat pelariannya. Mengapa beliau tidak memilih Kampung Berhala Gantang atau Paya Jejawi, sebagai penempatannya selepas berundur dari Lubok Kawah. Mulanya dia cuba mengelak untuk menjawab persoalan itu. Bila terus didesak, akhirnya dia menjawab diikuti ketawanya yang meninggi. Rupa-rupanya, dia menyediakan makanan untuk murid-muridnya dan pemuda Lubok Kawah yang telah berundur ke dalam hutan.

Kenyataan datuk ini sama dengan apa yang di jelaskan oleh Musa Ahmad[82], semasa pengkaji bertanya padanya.

Mengikut Musa Ahmad, pada awalnya mereka bukanlah ingin menjadi gerilakomunis. Keadaan yang memaksa mereka bergabung dengan PKM, bila telah lari jauh ke dalam hutan.

[82] Musa Ahmad, Bekas Pengerusi PKM yang Kembali ke Malaysia.Pengkaji menemubual beliau di MATIC kerana skrip docudrama pengkaji untuk Tingkatan 5 berjudul Parti Kominis Malaya.

Pada mulanya, menyorok di hujung kampung pada siang hari, dan kembali mendapatkan makanan pada waktu malam. Bila diketahui oleh ejen polis, mereka lari ke pinggir hutan. Kemudian semakin jauh ke dalam hutan dan terpaksa mendapatkan senjata dari pihak PKM. Akhirnya mereka terpaksa bergabung dengan PKM, dan membentuk Rejimen Kesepuluh.

Lama juga datuk tinggal terpencil di pinggir hutan itu dalam merealisasikan hasratnya. Iaitu membekalkan makanan kepada anak muda dan muridnya yang revolusioner. Akhirnya Rancangan Briggs[83] diperkenalkan pada 1951 dalam usaha memutuskan sumber makanan antara pasukan PKM dengan simpatatiknya.

5.3 Masa Darurat Di Kampung Paya Jejawi

Datuk dan nenek dipaksa berpindah ke Kampung Paya Jejawi, Temerloh. Sebuah kampung yang sudah dipagari oleh kawat duri. Kawat duri sembilan lapis setinggi sembilan kaki mengepung kampung ini. Hasil pemikiran *Briggs* untuk memisahkan orang awam dari pejuang gerila atau PKM. Penghuninya terpaksa berkurung di dalam pagar duri dari malam sampai ke pagi. Aktiviti ekonomi hanya dilakukan di waktu hari siang. Itu pun dalam kadar yang sangat terbatas dan terhad.

Tidak lama selepas datuk dan nenek tinggal di Kampung Paya Jejawi, bapa membawa pengkaji sekeluarga berpindah ke kampung yang sama. Penghijrahan pengkaji bersama keluarga terjadi pada tahun 1951. Bapa membawa kekecewaannya pulang ke Pahang. Ianya berpunca dari hal sekolah yang didirikannya di Kampung Dewan, Kota Bharu, Kelantan. Sekolah yang dibangunkan di atas keringat dan kesedarannya. Tentulah sebagai cita-citanya ingin berbakti kepada masyarakat setempat iaitu kampung ibunya.

[83] Rancangan Briggs.Rancangan yang diilhamkan oleh Harold Rowdon Briggs, Pengarah operasi menentang gerila komunis.Dilancarkan oleh Henry Gurney iaitu Pesuruhjaya Tinggi Inggeris di Malaya pada 1950. Bertujuan untuk memisahkan simpatais dan penyokong PKM dari membantu pasukan gerilla PKM mendapatkan makanan, perubatan dan maklumat melalui Min Yuen. Mereka dikumpulkan ke dalam Kampung- kampung Baru.Menjelang 1954, lebih kurang 500,000 menghuni 550 kampung baru dengan 86% adalah orang Cina,Melayu 9% dan India 4%, lihat Chin Peng, My Side of History, Media Masters Publishing , September 2003,ms.263-86.

Mengikut bapa, sekolahnya sangat cepat maju dan membesar. Ini adalah hasil dari kerja kerasnya dan keyakinan orang ramai padanya. Dia menemui saudara mara dan orang kampung di sekitar supaya menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Dia tidak mementingkan bayaran atau sumbangan. Yang penting baginya adalah anak-anak kampung dapat belajar. Dia menerima apa saja sumbangan ibu bapa para mahasiswa. Sama ada duit tentulah dalam jumlah yangsangat sedikit. Barangan termasuk beras, padi, pisang, ubi dan lain-lain.

Dalam masa yang singkat, sekolah rakyat Kampung Dewan telah dikenali ramai. Muridnya lebih seratus orang dalam masa dua tahun. Akhirnya, pihak pendidikan atau pelajaran negeri Kelantan, mahu mengambil sekolah bapa untuk diletakkan di bawah kerajaan. Bapa menerima rancangan tersebut demikepentingan para mahasiswa. Malangnya, beliau tidak mendapatkan gambaran yang jelas tentang penyerahan tersebut. Bila persetujuan dan penyerahan dibuat. Bapa diberitahu, yang beliau tidak boleh menjadi Guru Besar. Pihak pejabatpelajaran telah menyediakan seorang guru lain untuk menjadi Guru Besar.

Bapa merasa tertipu dan tercabar dengan keputusan yang tindak dibincangkanitu. Beliau merasakan pihak kerajaan tidak menjaga maruahnya dan tidak menghargai pengorbanannya. Dengan rasa marah dan sedih, beliau meninggalkan sekolah yang dibina melalui titik peluhnya. Bagaimanapun beliau telah berjasa kepada masyarakat kampung ibunya. Antara bekas anak murid kumpulan pertamanya yang berjaya ialah Dato Ariffin Said[84].

Mengikutnya, beliau dipujuk oleh penggawa, saudara mara, sahabat handai dan pihak pejabat pelajaran. Namun beliau telah nekad mahu meninggalkannya. Beliau tinggalkan sekolahnya dengan seribu kenangan.

Pengkaji tidak tahu, mengapa bapa begitu keras hatinya. Adakah kerana darah keturunannya.

[84] Dato Ariffin Said.Pernah menjadi pegawai Kerajaan dan menjadi Timbalan Menteri Besar Kelantan

Difahamkan, ibunya berketurunan Turki. Manakala ayahnyaberdarah India. Pengkaji masih ingat nenek yang bertubuh tinggi lampai dan kulitnya putih kemerahan. Dia lebih tinggi dari datuk. Bila datuk meninggal pada tahun 1965, nenek terus tinggal bersama anak lelaki yang disayanginya. Nenek tidak pernah tinggal bersama anak-anak perempuannya seramai lima orang. Beliau ditatang oleh ayah dan ibu sehingga meninggal pada tahun 1972.

Ibu, Wan Jah Bt Wan Mamat seorang ibu yang sangat pengasih. Bapanya Wan Mamat bin Wan Sulong[85] berketurunan Patani, Selatan Thailand. Manakala ibunya, Saadiah adalah orang Lemal, Pasir Mas Kelantan. Ibu sangat taat kepada suaminya. Sepanjang ingatan, tidak pernah pengkaji mendengar ibu bapa bergaduh atau bermasam muka. Barangkali romantis penghidupan mereka di masa muda. Hingga sampai ke tua mereka sentiasa mesra biarpun di dalam kesusahan semasa membesarkan anak-anak.

Semasa hidup di dalam kampung berpagar duri, Kampung Paya Jejawi, pengkaji masih seorang kanak-kanak. Namun telah dapat mengingatkan beberapa kejadian yang berlaku semasa membesar di kampung ini. Antaranya, suatu malam terjadi beberapa tembakan dari luar pagar duri. Bapa yang bersenapang bersama ibu membawa anak-anak mereka ke kubu yang telah disediakan. Semua terpaksa terjun ke dalam kubu itu untuk menyelamatkan diri. Setiap kubu dikongsi oleh dua atau tiga keluarga. Semuanya merasa begitu takut semasa menyorok di dalamnya. Keluarga Ah Seng dan Ah Chat yang menjadi jiran, turut berlindung ke dalam kubu yang sama. Selepas itu, bapa pergi ke markasnya. Tidak lama selepas tembakan henti, beliau kembali dan menyuruh semua keluar dari kubu. Di rumah, beliau memberitahu yang tembakan tadi dari *homeguard*[86]. Ianya sebagai latihan kalau diserang oleh gerila atau komunis.

Pengkaji membesar di sini bersama kawan-kawan sebaya. Penghidupan agak susah kerana aktiviti ekonomi penghuni pagar duri begitu terhad. Mereka menoreh getah dan menanam padi di paya yang berdekatan dengan kampung.

[85] Wan Mamat.Keluarganya berasal dari Kampung Kerisik , Pattani , Thailand . Terkenal dengan masjid Kerisik atau Masjid Krue Se .Pengkaji Bersama Ismail Sabri telah menziarahi keluarga di sini pada tahun 2004.
[86] Homeguard, Pasukan yang ditubuhkan oleh penjajah untuk mengawal keselamatan kampung yang berpagar duri. Sepanjang darurat seramai 200,000 orang menganggotai Homeguard.

5.4 Mula Mengenali Fahaman Sosialisme

Bila Kampung Lubok Kawah diisytiharkan putih pada awal tahun 1956, bapa,datuk dan saudara mara kembali berpindah ke Kampung Lubuk Kawah. Mereka kembali membina kampung yang pernah dibakar oleh penjajah. Kampung yang banyak menyimpan sejarah keberanian anak muda dalam menentang penjajah Inggeris.

Kawan-kawan bapa yang masuk ke hutan menjadi gerila, akhirnya turut kembalike kampung asal mereka, iaitu Kampung Lubok Kawah. Kebanyakan mereka ditangkap atau menyerah diri, lalu ditahan di Tanjung Beruas, Melaka sebelum dibenarkan pulang ke kampung masing-masing. Ada juga yang ditahan di penjara dan dihukum gantung seperti Omar Mohd Amin. Malah ada yang tidak balik ke kampung dan tinggal di Thailand.

Mengikut bapa, kawannya yang terbunuh di hutan Lubok Kawah adalah UdaMohd Amin. Antara wanita Lubok Kawah yang kembali ke kampung ialah Aminah bt Teh Bakar@ Mak Ngah Minah. Anak dara suntinya, Siti Zamiah[87] turut masuk ke hutan mengangkat senjata bersamanya. Tidak lama selepas perjanjian perdamaian[88], Siti Zamiah kembali ke Kampung Lubok Kawah bersama suaminya Ibrahim Chik[89]. Tetapi kerana pertikaian hal tanah ibunya, menyebabkan Siti Zamiah kembali ke Kampung Perdamaian 4[90] Selatan Thailand.

Sebenarnya Kampung Lubok Kawah banyak menyimpan sejarah pejuang kemerdekaan anak watannya. Malah bila membicarakan tentang perjuangan kemerdekaan dan gerakan kiri Melayu, tentu sekali nama Kampung Lubok Kawah disentuh. Salah sebuah kampung yang penduduknya paling awal melibatkan diri dengan PKMM ialah Lubok Kawah yang terletak di pinggir Sungai Pahang, kira- kira 6 km di utara Bandar Temerloh[91]. AWAS mempunyai

[87] Siti Zamiah .Memoir Ibrahim Chik Dari Api ke Rejimen Ke 10.
[88] Perjanjian Damai antara tiga pihak iaitu PKM, Malaysia dan Thai ditanda tangani pada 2 Desember 1989 di Haatyai , Thailand.
[89] Ibrahim Chik, menulis Memoir Ibrahim Chik Dari Api ke Rejimen Ke 10.
[90] Terdapat 4 kampung Perdamaian, Sukrin atau Chulaporn Village No 12 adalah untuk bekas gerilla PKM Melayu.Lihat , Richard Crisp, Life as The River Flows , Women in the Malayan Anti-Colonial Struggle ,ms 3-4.
[91] Mohamed Salleh Lamry, Gerakan dan Tokoh Kiri, Kamarulzaman The dalam Perjuangan Kemerdekaan, ms.44.

ahli yang ramai dan mempunyai kedudukan yang kuat di dua buah kampung yang juga mempunyai selPKMM dan API yang kuat, iaitu Lubok Kawah dan Buntut Pulau, kerana hampir semua pemimpin penting AWAS adalah berasal dari dua buah kampung tersebut: Maimunah Salleh dan Rahmah Jaafar dari kampung Buntut Pulau, sementara Aminah Teh Bakar dan Rahmah Kadi Ahmad dari kampung Lubok Kawah[92].

Penduduk Kampung Lubok Kawah ramai dari bekas gerila dan bekas tahanan politik. Bekas-bekas pejuang kemerdekaan ini mempunyai ideologi yang jelas. Mereka dilatih dengan disiplin gerila dan pengasahan ideologi semasa di Kem Se-Malaya. Mungkin juga semasa mengangkat senjata di dalam hutan atau semasa mereka ditahan di bawah akta darurat. Kebanyakannya di Tanjung Beruas, Tanjung Keling, Melaka[93]. Rashid Maidin pernah ditahan di sini sebelum dapat meloloskan diri dan menyertai kembali PKM. Bila kembali ke masyarakat, mereka meneruskan perjuangan melalui parti politik. Hampir kesemuanya menyertai Parti Rakyat Malaya yang berideologi sosialis. Turut menyertai PSRM bila PRM bertukar kepada Parti Sosialis Rakyat Malaya (PSRM).

Keluarga Suhaimi Said, adalah terdiri dari kalangan orang-orang yang revolusioner. Hampir kesemua lelaki dan wanita keluarganya terlibat di dalam gerakan kemerdekaan. Mereka bukan sekadar menyertai API, AWAS dan PKMM, malah turut mengangkat senjata menentang Inggeris. Ada di antara mereka yang terkorban semasa pertempuran dan digantung selepas ditangkap. Kebanyakannya menyerah diri dan ditahan di bawah undang-undang darurat.Selepas bebas dan kembali ke Kampung Lubok Kawah, mereka meneruskan perjuangan melalui politik kiri iaitu PRM. Pegangan mereka kepada ideologi sosialis sangat tebal dan tidak mudah lekang walaupun diasak oleh ideologi lain. Begitulah kukuhnya keyakinan keluarga Suhaimi Said terhadap sosialisme.

Ramai dalam kalangan keluarga Suhaimi Said berjuang di dalam parti kiri terutama di dalam PRM atau PSRM dan memegang jawatan penting di peringkat ranting, cabang, negeri dan

[92] Mohamed Salleh Lamry, Gerakan dan Tokoh Kiri, Kamarulzaman Teh dalam Kancah Perjuangan Kemerdekaan.Ms 45.Lihat , The Memoirs of Shamsiah Fakeh, From AWAS to 10th Regimment , SIRD ,PJ ,ms 39.
[93] Lihat Memoir Rashid Maidin, Daripada Perjuangan Bersenjata Kepada Perdamaian,SIRD Dis 2005. Memoir Abdullah, C.D, Zaman Pergerakan Sehingga 1948, SIRD,2005.Ishak Saat, Politik Suara Rakyat, Penerbit USM.

nasional. Suhaimi Said dan Zulkifli Mohd Amin menjadi anggota Jawatankuasa Pusat (JKP) PSRM untuk beberapa penggal. Biarpun, Suhaimi Said berpindah dari parti ke parti tetapi garis politiknya masih kekal iaitu sosialisme. Suhaimi Said pernah bertanding atas tiket PSRM bagi kerusi ParlimenMaran pada PRU 1974, bertanding kerusi Parlimen Temerloh atas tiket PAS pada PRU 1986 dan atas tiket PKR untuk DUN Jenderak pada PRU 2008 serta 2013, tetapi semuanya tewas.

Perbezaan ideologi dan kepartian tidak memisahkan penduduk Kampung Lubok Kawah. Mereka sangat akrab antara satu sama lain. Orang-orang yang datangdari Kelantan dan menetap di sini menghormati penduduk tempatan. Pada awalnya, mereka menoreh getah-getah kepunyaan orang tempatan. Keadaan ini menjadikan asimilasi sangat berkesan. Di samping itu perkahwinan antara orang pendatang dan penduduk tempatan semakin merapatkan kekeluargaan antara orang Kelantan dengan orang Pahang.

Kehadiran orang Kelantan, yang kebanyakannya dari Kampung Salor, akhirnya mengatasi penduduk tempatan. Haji Che Man dan datuk berasal dari Kampung Salor, Kota Bharu, Kelantan. Beliau adalah pengasas dan pengendali Pondok Lubok Kawah, yang sangat dikenali ketika itu. Manakala datuk kepada pengkaji, adalah sebagai pembantu, yang mengajar Quran kepada murid-murid pondok.

Selepas darurat, bila Kampung Lubok Kawah kembali boleh diduduki, semakin ramailah orang-orang dari Kampung Salor turut berhijrah ke sini. Pada mulanya mereka bekerja sebagai penoreh getah kepada tuan-tuan tanah orang tempatan. Akhirnya mereka membuka kebun getah sendiri di bawah pimpinan Haji Mohd Saman[94]. Hj. Mohd Saman, semasa mudanya beliau seorang yang anti kepada gerakan kiri di Kampung Lubok Kawah. Ibrahim Chik, dalam memoirnya menulis, “Kemudian secara beransur-ansur dia mulai menentang gerakan kiri, PETA. Dengan menggunakan agama dia memburuk-burukkan niat mencapai kemerdekaan. Pernah satu kali dia membaca khutbah Jumaat yang sepatutnya khatib yang

[94] Hj Mohd Saman reaksionir, Buku Memoir Ibrahim Chik, Dari API ke Rejimen ke 10.Lihat Memoir Rasih Maidin, 2005.

dilantik membacanya. Dia telah menggunakan agama untuk menyalahkan tuntutan kemerdekaan[95]".

Bila orang dari Kelantan semakin ramai, maka mereka meletakan kepimpinan kepada Haji Mohd Saman dan ayah pengkaji. Malah orang-orang tempatan juga menerima Hj. Mohd Saman sebagai kepimpinan masyarakat. Beliau bukan sahaja anak Hj. Che Man, malah mengajar agama dan menjadi imam di masjid Kampung Lubok Kawah. Selepas negara mencapai kemerdekaan, Mohd Saman sudah tidaklagi anti kepada golongan dan parti kiri. Mungkin kerana dia sudah berumur atau dapat menerima hakikat, bahawa golongan kiri turut menyumbang kepada kemerdekaan tanah air. Atau mungkin juga beliau melihat bahawa parti kiri iaitu PRM tidak mampu menggugat UMNO yang beliau dokongi.

Yang menariknya, seperti terjadi pembahagian di antara penduduk di Kampung Lubok Kawah di dalam memilih kepartian. Orang-orang Kelantan menganggotai Parti UMNO. Manakala kebanyakan orang Pahang menjadi ahli PRM. Bapa dan Hj. Mohd Saman bergilir memegang jawatan Ketua Cawangan atau Setiausaha Cawangan UMNO Lubok Kawah. Ianya berterusan sehinggalah kepimpinannya berpindah kepada abang pengkaji, Mohamad dan Abd. Aziz Mustapha iaitu cucu Hj. Mohd Saman. Bila di musim pilihan raya umum, Kampung Lubok Kawah berwarna warni dengan lambang parti. PRM[96] dengan warna merah berlambang kepala banting. Manakala Perikatan[97] berwarna biru dengan lambang kapal layar. Di samping itu terdapat logo UMNO dengan lambang keris tanpa sarung.

Sebenarnya, bapa pengkaji lebih berperanan dari Mohd Saman di dalam menggerakkan parti UMNO di Kampung Lubok Kawah. Haji Mohd Saman di masa itu lebih menumpukan kepada mengajar agama dari urusan politik. Beliau memegang jawatan, hanya kerana disuruh oleh bapa pengkaji, memandangkan Haji Mohd Saman sebagai guru agama yang dihormati oleh orang kampung. Semua kerja parti dilaksanakan oleh bapa pengkaji. Lagipun,

[95] Ibrahim Chik, Memoir Ibrahim Chik, Dari API ke Rejimen ke 10, ms 32-33.
[96] Parti Rakyat Malaya, ditubuhkan pada 11 November 1955 oleh Boestaman. Kemudian ditukar kepada Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) pada 1965 oleh Kassim Ahmad. Manakala Syed Husin Ali menukar kembali kepada nama asal iaitu Parti Rakyat Malaysia pada 1986.
[97] Perikatan adalah gabungan tiga buah parti iaitu UMNO, MCA dan MIC. Perikatan pada awalnya antara UMNO dan MCA sebelum Pilihan Raya Umum 1955.

bapa yang berniaga kedai runcit sentiasa berurusan dengan orang ramai, turut memudahkan kerja- kerja politiknya.

Pengkaji masih ingat, setiap kali menjelang pilihan raya, bapa menjadi tempat tumpuan orang-orang kampung yang menyokong UMNO. Bapa dengan pertolongan Muhammad, Abd. Aziz Mustapha dan pemuda-pemuda menyiapkan urusan poster, kain rentang serta bilik gerakan, termasuk juga menguruskan *motobot* untuk pergi mengundi ke Sekolah Kebangsaan Kampung Sanggang.

Bapa seorang yang sangat liberal orangnya, biarpun dia menjadi ketua cawangan UMNO, tetapi dia menghormati terhadap kepimpinan mana-mana parti. Pengkaji masih ingat, semasa musim PRU 1964, bapa bukan saja menerima kedatangan pemimpin parti-parti pembangkang, malah turut memberi kemudahan untuk berkempen. Bapa menyediakan kerusi meja di sebelah kedai runcitnya dan mengerahkan orang kampung untuk datang mendengar ceramah politik parti pembangkang. Beliau bukan sahaja menyediakan makanan untuk tokoh-tokoh tersebut, malah turut menyediakan minuman kepada pendengarnya. Antara tokoh pembangkang yang dibantunya ialah rombongan PRM iaitu Hussin Yaakob, Zulkifli Mohd Amin bersama Pak Sako dan Dato Abu Samah[98] iaitu Pesuruhjaya PAS Pahang.

Pengkaji menjadi hairan dengan sikap bapa yang begitu terbuka, malah begitu menghormati kepada tokoh-tokoh pembangkang. Bila ditanya berhubungsikapnya itu, beliau memberi jawapan, “Kita mesti menghormati setiap orang. Apatah lagi kepada orang pandai dan orang yang berilmu. Kita perlu belajar dari kebolehan dan kepandaiannya. Parti itu alat bagi mereka.” Kata-kata bapa itu tersemat di dada pengkaji sampai bila-bila. Tidak hairanlah mengapa bapa dihormati oleh seluruh penduduk kampungnya, malah oleh rakan dan kenalannya.Rupa-rupanya, dia berpegang kepada prinsip yang mulia.

[98] Dato Abu Samah, adalah bapa kepada Tan Sri Hamzah, yang pernah menjadi Menteri Kabinet di zaman Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Di masa pilihan raya, keadaan di Kampung Lubok Kawah sangat meriah. Kedua- kedua pihak berjamu semasa kehadiran pemimpin parti. Setiap acara itu dihadiri oleh anggota kedua-dua parti dengan penuh mesra. Mereka berbeza di segi keyakinan di dalam perjuangan, tetapi mesra sebagai anggota masyarakat setempat. Selalunya semasa mendengar keputusan pilihan raya, mereka berkumpul di kedai runcit milik bapa. Biasanya, bapa dan ibu menyediakan makanan ringan seperti kuih dan biskut. Minuman teh atau kopi O panas turut disediakan sehingga habis pengumuman keputusannya. Bila keluar sahaja keputusan, mereka sesama bersorak, tanpa mengira parti mana yang menang. Meriah dan mesra perhubungan di antara mereka tanpa dirosakkan oleh garis politik.

Keadaan ini sangat mempengaruhi diri pengkaji. Kehadiran lambang-lambang parti ini turut mempengaruhi minat pengkaji kepada parti-parti politik. Sejak kecil sudah terdedah kepada hidup berparti dengan fahaman yang berbeza. Daripada bapa hingga kepada abang yang terlibat aktif memimpin parti UMNO di Kampung Lubok Kawah. Di samping itu pengkaji juga dapat mendekati bekas-bekas pejuangkemerdekaan yang aktif di dalam PRM. Malah dapat melihat dan mengenali ideologi kiri secara sedikit demi sedikit. Pengkaji dapat mengenali dan cuba memahami apa itu marhaenisme. Apa itu feudalisme dan apa itu anti-penjajah. Apa itu perjuangan rakyat dan apa itu merdeka. Walaupun tersangat kabur tetapi sudah menguasai jalar fikir pengkaji .

Semakin pengkaji membesar dan dewasa, semakin dekat dengan jiwa marhaenisme[99]. Kesempitan dan kepayahan semasa belajar di sekolah menengah, sangat mempengaruhi pemikiran pengkaji. Duduk di rakit Kuala Semantan dan kampung setinggan Kuala Semantan, semakin menyuburkan pemberontakan diri terhadap ketidakadilan sosial. Semuanya menjadi anak benih yang tumbuh menyubur sebagai ideologi sosialisme ke dalam dada pengkaji. Dari sinilah jalar fikir pengkaji sering menerawang untuk terus menajamkan keyakinan kepada sosialisme.

Pengkaji sangat berterima kasih kepada masyarakat Lubok Kawah yang menjadi tapak

[99] Marhaenisme adalah ideologi sosialis yang digunakan oleh Sukarno daripada ‘proletariat’ Russia. Kemudian digunakan oleh Ahmed Boestaman yang menjadikannya sebagai ideologi Partai Rakyat Malaya (PRM).

semaian untuk membentuk diri pengkaji ke arah kiri. Menjadikan dada lebih terbuka serta fikiran yang menerima segala bentuk ideologi yang ditemui . Memberi keyakinan diri untuk menjadi seorang sosialis biarpun sangat terbatas.

Ibrahim Ali di dalam bukunya , Perjuangan Tanpa Noktah menyatakan, “Walaupunbeliau berfahaman sosialis namun perbezaan ideologi itu sama sekali tidak menghalang persahabatan kami. Kamarazaman juga pernah ditahan di bawah ISA[100].”

5.5 Zaman Persekolahan

Pengkaji menyambut kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada tanggal 31hb Ogos 1957, semasa pengkaji di dalam darjah satu. Pengkaji memasuki Sekolah Bangau, yang terletak di Kampung Bangau. Sekolah di mana bapa pengkaji memulakan zaman persekolahannya. Bezanya di zaman pengkaji, cikgu sudah memakai seluar panjang dan kemeja. Mengikut bapa pengkaji, di eranya masih terdapat guru yang memakai kain pelekat dan berbaju Melayu. Said Ismail, murid nakal di kelasnya pernah mengikat bucu kain guru dengan tali ke tiangmeja. Bila guru bangun, hampir kainnya terlondeh. Menjerit guru kerana panik. Guru sudah tahu bahawa kerja nakal begitu adalah perbuatan Said Ismail[101]. Said Ismail didenda ketuk ketampi seratus kali.

Itu adalah dunia persekolahan di zaman bapa pengkaji. Tentunya terdapat sedikit perbezaan di era persekolahan pengkaji dengan bapa. Yang ada persamaan ialahberkebun sayur dan mencabut kemuncup. Menebas di kawasan sekolah dan mencuci bilik darjah. Kekadang minum air telaga selepas bersukan bila terasa dahaga. Kekadang bila balik dari berkebun di sekolah pengkaji dan kawan-kawan menebang pokok bayas untuk dimakan umbutnya. Dua generasi masih meneruskan perkara yang hampir sama semasa bersekolah rendah. Ini disebabkan kemajuan yang begitu lambat dan persekitaran yang hampir sama. Begitulah lambatnya perubahan persekitaran perkampungan di masa sebelum merdeka dan di awal

[100] Ibrahim Ali, Perjuangan Tanpa Noktah, Berita Publishing Sdn Bhd , 2016,ms.180
[101] Said Ismail , adalah ayah kepada Suhaimi Said seorang peguam yang menjadi tokoh politik dari Kampung Lubok Kawah.

kemerdekaan.

Pengkaji membesar dalam semangat yang sentiasa positif. Itu adalah asuhan dari bapa pengkaji. Beliau sentiasa positif dalam segala perkara yang dihadapi atau dilakukannya. Beliau menggalakkan pengkaji supaya sentiasa mahu menang atau berjaya di dalam apa saja yang dilakukan oleh pengkaji. Beliau sangat marah, sekiranya terdapat anak-anaknya mengadu kerana takutkan seseorang. Atau takutkan sesuatu yang belum pasti sepenuhnya akan perkara tersebut . Pantang baginya jika takutkan seseorang. Beliau sering berkata, “kalau sesama makan nasi,jangan takut. Kecuali dia makan besi.”

Semasa di sekolah, pengkaji sentiasa berlumba dengan kawan-kawan untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru. Begitu juga sekiranya guru mahu murid ke hadapan, pengkaji cepat-cepat ke hadapan kekadang belum pasti tujuannya. Pokoknya, pengkaji mesti mendahului kawan-kawan sedarjah. Begitu juga di dalam pelajaran, di mana pengkaji mahu mengatasi semua orang di dalam semua mata pelajaran. Selalunya pengkaji berjaya, dan sentiasa mendapat nombor satu dalam kelas dan darjah. Ada dua kelas semasa pengkaji di dalam darjah satu hingga darjah enam di Sekolah Bangau.

Di dalam aktiviti kokurikulum dan bersukan, pengkaji juga mahu jadi jaguh. Di masaitu, hanya ada pasukan pengakap dan pengkaji menjadi Ketua Pengakap semasa darjah enam. Semasa bersukan atau berolahraga pengkaji sentiasa terpilih mewakili rumah dan menjadi ketua rumah tersebut. Dalam olahraga, biasanya pengkaji memenangi lari 110, 220 dan 440 ela. Begitu juga dengan lompat jauh dan lompat kijang, pengkaji juga sebagai pemenangnya. Malah pengkaji juga pemain bola bagi pasukan Sekolah Bangau dan menjadi kapten pasukan. Pengkaji seorang pemain yang lincah, dan sering menjadi penjaring semasa berlawan dengan pasukan sekolah lain. Pengkaji sering diberi hadiah seringgit oleh penyokong bagi setiap jaringan. Penyokong sekolah, biasanya terdiri dari ibu bapa murid yang menonton pada setiap perlawanan. Menang atau kalah tetap diberi hadiah kepada setiap jaringan. Semuanya ini menjadi asas dan motivasi bila pengkaji memasuki sekolah menengah.

Oleh kerana sejak kecil, pengkaji sering melihat ayah dan abang bersyarah kepada orang, maka keinginan untuk bersyarah menjadi menjadi benih dan menyubur di dalam diri pengkaji. Maka pengkaji sering bersyarah bersendirian dengan cara tersendiri tanpa mengira betul atau salah. Bakat yang ada dan disertai minat yang mendalam akhirnya telah dipupuk oleh bapa, bila beliau membimbing pengkaji dengan bersyarah di sepannya. Akhirnya, pengkaji boleh bersyarah dengan betul sejak di darjah empat.

Semasa di darjah empat, pengkaji telah memenangi pertandingan bersyarah di Sekolah Kebangsaan Bangau, semasa menyambut ‘Bulan Bahasa Kebangsaan’.

Pengkaji telah dapat mengalahkan peserta-peserta dari darjah lima dan darjah enam. Kemenangan itu, mungkin kerana peserta lain kurang pandai atau tidak bersedia sepenuhnya. Selepas itu, setiap tahun pengkaji menjadi juara pertandingan syarahan di sekolah bila menyambut ‘Bulan Bahasa Kebangsaan’. Kemenangan itu menjadi pasak keyakinan kepada kebolehan diri sendiri di bidangsyarahan. Kemenangan itu menjadi bekal dan khazanah diri kepada pengkaji untuk dibawa ke sekolah menengah.

Semangat ingin menang ini meliputi semua perkara di dalam hidup. Termasuk mencari ikan di paya atau di Sungai Pahang. Ini pengkaji warisi dari ayah. Dan kemahiran menahan peralatan menangkap ikan sungai dan paya juga dipelajari dari ayah dan datuk. Ayah akan menahan tajur, aran (sejenis pancing dipacak di tengah sungai), pengilau atau lukah dengan jumlah yang banyak. Beliau menahan peralatan jauh lebih banyak dari pesaing-pesaingnya. Jadi, beliau akan mendapat ikan lebih banyak dari pesaing-pesaingnya. Semuanya ini menjadi ikutan kepada pengkaji bila ingin bersaing dengan lawan. Pengkaji membesar dan mendewasa bersama cara yang ditunjukan oleh bapa. Iaitu bila membuat sesuatu, mesti bersungguh-sungguh.

5.5.1 Memasuki Sekolah Menengah Abu Bakar

Pengkaji memasuki Sekolah Menengah Abu Bakar, Temerloh pada tahun 1963. Abang Halim, sudah berada di tingkatan tiga semasa pengkaji di tingkatan satu. Pada mulanya pengkaji dan abang Halim, berulang alik dari Kampung Lubok Kawah ke sekolah menaiki motobot. Bagi orang Temerloh, motobot ini lebih dikenali sebagai motor disel kerana enjinnya menggunakan minyak disel. Perahunya lebih besar kalau dibandingkan dengan perahu enjin sangkut yang menggunakan minyak petrol.

Semasa di tingkatan satu, pengkaji bersekolah di waktu petang. Abang Halim bersekolah di waktu pagi. Biasanya pengkaji sempat menolong ibu, menoreh getah di waktu pagi sebelum pengkaji bergegas balik ke rumah. Mandi di Sungai Pahang dan makan ala kadar sebelum menunggu motor disel mengambil para mahasiswa. Biasanya pergi ke sekolah jam 11.30 pagi, balik dan sampai ke rumah hampir jam 7 petang. Bayaran sewa motor diesel hanyalah RM15 sebulan.

Pengkaji mula belajar menoreh getah sejak berumur sepuluh tahun. Mulanya pengkaji bersama kawan-kawan mengambil pisau getah ibu-bapa pengkaji untuk belajar. Pengkaji bersama mereka, menggunakannya untuk menoreh pokok getahyang tumbuh meliar di tebing Sungai Pahang. Hasilnya dijual untuk membeli minuman atau makanan. Akhirnya pengkaji dan kawan-kawan, pandai menoreh dan boleh menolong ibu bapa masing-masing.

Biasanya semasa menoreh, pengkaji bersyarah sendirian. Apa saja tajuk yang dirasakan sesuai, itulah yang disyarahkan. Ibu membiarkan sahaja, kerana dia tahu telatah dan minat pengkaji. Dia memang tahu, pengkaji suka bersyarah dan bapa sebagai pelatihnya. Beliau tahu, itu adalah minat pengkaji yang tidak perlu beliau halang.

Masuk tingkatan dua, pengkaji bersama abang Halim menyewa rumah rakit di Kuala Sungai Semantan. Sewanya ialah RM 25 sebulan. Di tebingnya terdapat perkampungan setinggan

yang dinamakan Kampung Kuala Semantan[102].

Di sini banyak mengajar pengkaji tentang penghidupan dan kesusahan. Menambahkan lagi khazanah erti kepahitan dan penderitaan dan kepada diri pengkaji. Sejak tinggal di rumah rakit, pengkaji bercampur dengan berbagai jenis orang. Dari peniaga kecil, penangkap ikan hinggalah kepada ulat tiket wayang gambar. Semuanya itu, akhirnya menjadi sumber pendapatan kepada pengkaji.

Hujung minggu, pada hari Sabtu pengkaji menolong penjual ikan atau penjual buah-buahan sehingga petang. Biasanya dibayar RM 2.00 sehari. Pada hari Ahad pengkaji dan abang Halim, menolong Kak Limah menjual sate di waktu pagi. Jualan tamat biasanya sebelum jam 2 petang. Upahnya hanyalah RM 1.50 untuk pengkaji sebagai pembasuh pinggan. Manakala abang Halim menerima RM3.00, sebagai pembakar sate. Itu sudah cukup baik bagi pengkaji dan abang Halim. Harga sepinggan nasi campur, ikan, sayur hanyalah RM 0.60. Nasi campur ayam atau daging hanya RM 0.70 sepinggan. Makan tengah hari ditanggung oleh majikan. Masa itu pengkaji merasakan sangat bernasib baik kerana mempunyai punca pendapatan.

Pengkaji sangat simpati malah kesian kepada kedua ibu bapa. Mereka menoreh getah orang, di mana pendapatan dibahagi dua dengan tuan kebun getah. Mereka menanggung tiga orang adik, iaitu Zamri, Norehan dan Ismail Sabri serta kakak Naimah. Juga terpaksa menanggung persekolahan abang Abdul Manaf di Maahad Muhammadi, Kota Bharu Kelantan.

Atas perhitungan itulah, seberapa boleh pengkaji cuba mencari rezeki sendiri semasa tinggal di rumah rakit Kuala Sungai Semantan. Pengkaji juga belajar menjadi ulat tiket wayang gambar. Pengkaji belajar dari Mustapha, yang berasal dari Kedah. Dia berkahwin dengan ibu sepupu bernama Zabidah bt Awang. Dia mengajar pengkaji, bagaimana untuk masuk

[102] Kampung Kuala Semantan digambarkan secara detail di dalam novel Meranduk Arus, karya Kamarazaman Yacob.Kuala Semantan sinonim dengan Perjuangan Dato Bahaman menentang Imperialis Inggeris bermula Disember 1890 hingga Jun 1894, apabila Dato Bahaman , Tok Gajah dan Mat Kilau berundur ke Kelantan.

dari sisi dinding supaya sampai ke lubang jualan tiket. Atau memanjat dinding dengan kaki berpanca kepada kayu di atas lubang tiket. Wang kertas di gigit sambil menghulurkan wang ke lubang tiket. Setiap kali hanya boleh membeli 5 keping tiket wayang sahaja. Panggung wayangSeri Semantan dibuat dari papan dan bukan lagi rumah batu.

Di masa itu panggung wayang hanya membuka tiket 20 hingga 30 minit sebelum tayangan. Jadi pembeli tiket berebut-rebut untuk membeli tiket supaya dapatmenonton pada sesi tersebut. Di sinilah, ulat-ulat tiket mengepung lubang tiketdari pembeli-pembeli tiket yang lain. Ramai di antara penonton tidak mahu berebut untuk membeli tiket yang tentunya akan berpeluh, sedangkan belum pasti berjaya. Jadi inilah mangsa kepada ulat-ulat tiket untuk mendatangkan rezeki kepada mereka. Di masa itu, tiket berharga RM 0.45 dijual RM 0.60. Manakala tiket RM 0.60 dijual RM 1.00 dan tiket RM 1.00 dijual RM 1.50.

Masa itu wayang cerita Hindustan, cerita P. Ramlee dan filem-filem Indonesia sangat diminati. Selama dua tahun penghidupan di Kuala Sungai Semantan ditampung oleh hasil tiket *black market*. Filem Hindustan, Gumnam; pengkaji mendapat untung begitu banyak. Lalu pengkaji membeli dua helai baju sekolah. Sehelai untuk abang Halim dan sehelai untuk diri pengkaji. Hasilnya cukup sebulan perbelanjaan pengkaji bersama abang Halim.

Untuk mengurangkan perbelanjaan, pengkaji gunakan kemampuan dalam bersukan dan olahraga. Di musim bersukan di Sekolah Menengah Abu Bakar, pengkaji sentiasa terpilih mewakili rumah Freedy dalam lari 400, 800 dan 1500 meter. Juga di dalam lompat jauh dan lompat kijang. Bila waktu balik sekolah, pengkaji dibenarkan mandi di asrama. Makan tengah hari disediakan oleh guru rumah Freedy. Kekadang guru itu memberi pengkaji seringgit untuk berbelanja dan tambang bas. Biasanya, pengkaji balik berjalan kaki. Duit yang diberi itu, pengkaji simpan untuk keperluan lain. Begitulah pengkaji menggunakan kebolehan untuk kepentingan diri sendiri dan mengurangkan perbelanjaan harian. Abang Halim juga seorang ahli sukan dan olahraga. Dia handal di dalam lompat tinggi, lompat jauh dan 100 meter. Juga beliau handal bermain bola dan menjadi pasukan bola sekolah.

Pengkaji sejak kecil memanglah seorang kanak-kanak yang nakal. Kenakalan itu menemani watak pengkaji hingga ke sekolah menengah. Di tebing sungai, depan rumah rakit pengkaji, selalu terdapat orang Cina sembahyang. Selalunya, mereka meletakkan buah limau, pisang dan kuih apam. Bila menjelang malam, pengkaji pergi pungut semua buah-buahan. Semua penghuni di rumah rakit pengkaji, menjadi hantu yang memakan 'sembahan' itu. Pengkaji langsung tidak merasa bersalah, malah merasa seronok melakukannya demi untuk perut.

Dua tahun pengkaji bersekolah dengan tidak mengharapkan bantuan ibu bapa. Pengkaji percaya dengan kemampuan diri untuk mengharungi penghidupan. Bagaimanapun, mereka ada menghulurkan bantuan perbelanjaan melalui abang Halim. Bagi pengkaji, hidup tetap boleh diteruskan dengan usaha sendiri. Atas keyakinan itulah pengkaji akan lakukan apa saja untuk dijadikan punca rezeki. Biasanya bila waktu lapang semasa di rumah rakit, pengkaji akan memancing ikan. Umpannya roti atau tepung yang sudah dikepal hingga keras. Selalunya dapatlah anak lampam, sejenis 'terboi' dan lain-lain untuk jadikan lauk. Suatu petang, pengkaji memancing hingga hampir maghrib tanpa memperolehi seekor pun anak ikan. Akhirnya, abang Halim tidak boleh lagi menunggu dan beliau mengambil kepala ikan bilis lalu ditumisnya. Itu saja yang ada dan beliau membuat keputusan yang betul. Pengkaji dan abang Halim makan nasi berlaukkan tumis kepala ikan bilis pada malam itu. Tentunya kuah semata-mata kerana kepala ikan bilis hilang dan hancur oleh air yang menjadi kuah.

Pengkaji seorang mahasiswa yang aktif di dalam sukan dan olahraga. Aktif semasa Bulan Bahasa Kebangsaan, di mana pengkaji sentiasa mengambil bahagian di dalam acara berpidato dan berpuisi. Manakala di dalam pelajaran, pengkaji sentiasa menduduki, sebagai sepuluh mahasiswa terbaik sejak di tingkatan satu hingga tingkatan tiga. Di samping itu pengkaji juga menjadi ketua kelas semasa di tingkatan satu dan tingkatan tiga. Namun, pengkaji tidak pernah menerima biasiswa, sama ada dari kerajaan negeri atau kerajaan persekutuan. Pengkaji tidak tahu, mengapa pengkaji tidak layak menerima sebarang biasiswa. Perasaan marah pengkaji semakin menebal, bila melihat mereka yang menerima biasiswa mempunyai prestasi lebih rendah dari pengkaji. Kebencian bersambut pemberontakan kepada keadaan dan sistem mulai berakar di dada pengkaji.

5.5.2 Memasuki Sekolah Alam Shah

Bila keputusan SRP untuk tahun 1965 keluar, pengkaji menjadi mahasiswa terbaik untuk negeri Pahang. Semua mahasiswa yang mendapat keputusan cemerlang, dapat melanjutkan pelajaran ke Sekolah Alam Shah. Tidak sampai sepuluh orang mahasiswa dari Pahang yang berjaya ke situ. Pengkaji adalah di antara yang berjaya ke sekolah tersebut.

Pengkaji tidak pernah sampai ke Kuala Lumpur. Bagaimanapun, bapa yakin dengan keberanian dan kebolehan pengkaji. Maka dilepaskannya pengkaji berseorangan menaiki kereta api di stesen Mentakab jam 8.30 malam. Kemudian sampai ke stesen Kuala Lumpur jam 8.30 pagi selepas bertukar kereta api di stesen Gemas.

Di Alam Shah, semua mahasiswa dipaksa mengambil jurusan sains. Pengkaji kurang berminat kepada sains dan lebih berminat kepada aliran sastera. Mata pelajaran yang paling tidak digemari ialah mata pelajaran fizik, kimia dan matematik tambahan. Jadi pengkaji meneruskan pelajaran semacam terpaksa kerana tidak ada pilihan.

Kebolehan di bidang sukan dan olahraga diteruskan oleh pengkaji semasa di Sekolah Alam Shah. Sejak di tingkatan empat lagi, pengkaji memenangi acara 800, 1500, lompat jauh dan lompat kijang. Manakala di tingkatan lima, pengkaji memenangi acara 400, 800, 1500, lompat jauh, lompat kijang dan merentas desa[103]. Sejak di tingkatan empat, pengkaji sudah mewakili Sekolah Alam Shah di dalam acara 4x100 dan 4x400. Begitulah juga semasa di tingkatan lima pengkaji masih menjadi wakil sekolah di dalam acara tersebut .

Di Sekolah Alam Shah, pengkaji tidak lagi memikirkan soal perbelanjaan harian seperti semasa di Sekolah Abu Bakar. Makan minum sudah terjamin kerana disediakan secara

[103] Temubual Bersama Khalid Ahmad, pada Julai 10, 2019 di Kuala Selangor.

percuma di asrama. Biasiswa turut diperolehi biarpun jumlah kecil iaitu RM 25 setiap bulan. Biarpun begitu, wang tersebut diberikan kepada mahasiswa menjelang cuti penggal persekolahan. Oleh itu, penghidupan pengkaji di sini langsung tidak menyusahkan keluarga yang tinggal di kampung. Yang menjadi masalah kepada pengkaji, ialah bidang pelajaran yang kurang diminati. Pengkaji belajar tanpa minat dan di dalam keadaan yang terpaksa. Bagaimanapun, hati pengkaji rasa terhibur, bila boleh berpuisi dan berpidato dalam acara yang diadakan oleh pihak sekolah. Malah pengkaji berkesempatan berlatih drama, di bawah kelolaan Cikgu Adibah Amin dan Usman Awang.

Bakat kepimpinan pada pengkaji masih tidak pudar semasa belajar di Sekolah Alam Shah, biarpun tidak cemerlang di bidang pelajaran. Barangkali atas bakat yang ada itulah pengkaji menjadi ketua kelas semasa di tingkatan empat dan tingkatan lima[104]. Biarpun tidak cemerlang di bidang pelajaran, namun pengkaji masih dikenali sebagai ahli sukan.

Selepas keputusan SPM untuk peperiksaan tahun 1967 keluar, pengkaji hanya mendapat pangkat tiga. Dan tidak cukup ‘agregat’ untuk diterima masuk ke tingkatan enam. Biarpun semasa mengambil keputusan di sekolah, pengkaji cuba merayu kepada guru besar iaitu Ariffin Suhaimi, namun rayuan pengkaji tidak dipenuhinya.

5.5.3 Mengenali Sistem Orang Tengah

Selepas tidak dapat menyambung pelajaran ke tingkatan 6, pengkaji tidak mencari kerja di bandar. Sebaliknya, pengkaji terus tinggal di kampung dan cuba memimpin pemuda dan anggota masyarakatnya. Pengkaji merasa perlu mencurahkan bakti seberapa yang boleh kepada semuanya. Biarpun pengkaji dankeluarga merasa kecewa, kerana pengkaji tidak dapat meneruskan persekolahan, namun kekecewaan itu dapat di atasi sedikit demi sedikit. Jadi untuk melupakannya dan menyenangkan hati ibu bapa, pengkaji cuba menyemai bakti kepada anggota masyarakat di kampung.

[104] Temualbual Bersama Khalid Ahmad , pada Julai 10,2019 di Kuala Selangor . Beliau adalah kawan sekelas semasa di tingkatan 4 dan 5 di sekolah Alam Shah.

Dua tahun pengkaji menjadi pemuda kampung sebagai penoreh getah. Semua hasilnya pengkaji serahkan kepada ibu. Malah apa sahaja hasil kewangan yang diperolehi oleh pengkaji, semuanya diserahkan kepada ibu. Pengkaji merasakan, itulah caranya untuk mengubat luka hati ibu, kerana kegagalan pengkaji di dalam pelajaran.

Pengkaji melihat orang kampung menoreh getah bersendirian dan menjualnya ke Temerloh juga bersendirian. Semasa menjual getah mereka kepada orang tengah, mereka tidak ada kuasa tawar menawar disegi harga. Malah mereka menerima apa saja jumlah timbangan yang diberitahu oleh orang tengah kepada mereka. Jadi apa saja yang diperkatakan oleh orang tengah terpaksalah mereka terima biarpun dengan hati yang berat. Begitulah nasib petani kampung yang sentiasa ditindas oleh orang tengah sepanjang hidup mereka. Itulah antara sebab rantai-rantai kemiskinan menjerut penghidupan mereka sepanjang hayat. Kemiskinan itulah yang dipusakakan kepada anak mereka untuk diteruskan.

Pengkaji, abang sulung iaitu Muhammad dan Aziz Mustapha cuba menambahkan pendapatan penoreh-penoreh getah di Kampung Bukit Tingkat dengan mengatasi masalah mereka berhadapan dengan orang tengah. Akhirnya, jalan keluar ditemui dan usaha dirancang untuk dilaksanakan bagi mencapai tujuan tersebut.

Nama asal Kampung Bukit Tingkat, ialah Kampung Baru Lubok Kawah. Penduduknya berasal dari Kampung Lubok Kawah dan berpindah ke situ. Bila mereka tinggal di Kampung Bukit Tingkat, maka lebih dekatlah mereka dengan kebun getah yang diusahakan. Hutan rimba yang menyimpan seribu rahsia perjuangan gerila Melayu di hutan Bukit Napi, telah ditukar menjadi kebun-kebun getah. Mereka dengan semangat yang tinggi, telah berjaya meruntuhkan hutan rimba hanya dengan menggunakan kapak dan beliung. Mereka hanya berbekalkan tenaga empat kerat dan berbekalkan nasi dengan ikan kering, serta disulami dengan keyakinan yang mendalam. Mereka berusaha dengan gigih untuk menukarkan hidup, dari menjadi seorang penoreh getah orang lain kepada getah sendiri. Dengan kejayaan tersebut, mereka dapat menukarkan taraf diri dan menghapuskan gelaran sebagai kuli.

Pengkaji bersama abang Muhamad dan Aziz Mustapha, mengajak orang-orang kampung mendirikan rumah asap getah, untuk mengasap getah supaya dapat menambahkan mutu dan nilainya. Idea yang baik itu mendapat sambutan dan sokongan seluruh penoreh getah di Kampung Bukit Tingkat. Rumah asap dibina secara bergotong royong oleh orang ramai. Getah-getah yang telah siap diasap akan dijual serentak kepada orang tengah dari Temerloh. Tauke-tauke Cina berebut-rebut mahu membeli getah orang Kampung Bukit Tingkat yang berkualiti itu. Getah tersebut di dalam jumlah yang besar iaitu berpuluh pikul sekalijualan. Dengan itu abang Muhamad dan Aziz Mustapha boleh melakukan tawar menawar di segi harga. Di samping itu, jumlah potongan kering basah getah juga dapat dikawal.

Orang kampung begitu seronok dengan hasil inisiatif pengkaji, abang Muhamad dan Aziz Mustapha . Pengkaji dan Aziz menjalankan kerja-kerja mengasap getah tanpa disertai abang Muhamad, kerana dia mahu menjadi penoreh getah[105]. Upahuntuk sepikul getah ialah RM 1.80 sahaja. Upah itu dikira sudah cukup memadai, sebab keutamaannya ialah untuk menambahkan pendapatan penoreh-penoreh getah.

Pengkaji juga sepanjang tinggal di Kampung Bukit Tingkat, berjaya mengumpul tenaga pemuda untuk berbakti kepada masyarakat kampung. Tenaga-tenaga pemuda digunakan membuat kerja-kerja kebajikan dengan bergotong-royong. Antaranya menggali telaga, ketika kampung dilanda musim kemarau yang panjang. Di samping itu, pengkaji berjaya mengajak pemuda-pemuda kampung untuk mencangkul jalan bagi melebarkannya. Kerja-kerja mencangkul jalan itu dilaksanakan setiap pagi Jumaat, kerana pada hari tersebut semuanya tidak menoreh. Penoreh getah bimbang tidak sempat bersembahyang Jumaat, sekiranya mereka lambat siap memesin getah. Usaha murni itu pada mulanya dilakukan oleh pemuda-pemuda sahaja, akhirnya orang- orang kampung juga turut serta menjayakannya. Hasilnya jalan di dalam Kampung Bukit Tingkat bukan sahaja lebar, sebaliknya begitu cantik sekali.

[105] Lihat cara mengasap getah yang terperinci dilukis oleh pengkaji di dalam novel, Meranduk Arus, karya Kamarazaman Yacob, ms. 453-459.

5.5.4 Memasuki Maktab Kadir Adabi

Di penghujung tahun 1969, bapa meminta pengkaji meneruskan pelajaran yang terkandas. Dia telah meminta abang Halim yang bekerja di Syarikat A. Rahman Furniture, Wakaf Che Yeh mendaftarkan pengkaji di Maktab Kadir Adabi, Kota Bharu. Pengkaji menerima dengan senang hati cadangan bapa yang baik itu. Pengkaji baru tersedar, yang pengkaji telah hanyut selama dua tahun sebagai pemuda kampung, yang terkepung dengan cara penghidupan tradisional.Bagaimanapun pengkaji telah berjaya berbakti kepada masyarakat kampung sepanjang bersama mereka.

Pengkaji memasuki tingkatan enam rendah di Maktab Kadir Adabi, pada tahun 1970 dan tingkatan enam atas pada tahun 1971. Dua tahun pengkaji menjadi ketua kelas, semasa di tingkatan enam bawah dan enam atas. Dua tahun juga pengkaji aktif di dalam berbagai persatuan. Pengkaji menjadi presiden kelab ekonomi, kelab bahasa Melayu dan menjadi presiden bagi persatuan mahasiswa- mahasiswa dari luar Kelantan. Dua tahun menjadi pengawas bersama Ibrahim Ali.Malah di tahun enam atas pengkaji menjadi Setiausaha Pengawas dan Ibrahim Ali[106] menjadi Ketua Pengawas. Di samping itu selama dua tahun, pengkaji bersama Ibrahim Ali turut menjadi ahli pasukan bahasa Maktab Kadir Adabi, dengan pengkaji menjadi ketuanya[107].

Pengkaji memasuki peperiksaan STP dengan penuh bersedia. Selama dua tahun berada di tingkatan enam bawah dan enam atas, pengkaji sentiasa menduduki tempat pertama di dalam peperiksaan. Memang pengkaji mahu menebus kelemahan semasa menghadapi peperiksaan SPM semasa bersekolah di Alam Shah. Pengkaji mahu supaya ibu dan bapa tidak lagi merasa kecewa dengan keputusan STP kali ini. Malah pengkaji mahu, ibu dan bapa bergembira dengan keputusan peperiksaan yang perolehi pengkaji dan berjaya memasuki universiti.

[106] Ibrahim Ali adalah seorang ahli politik.Pernah menjadi ahli parlimen Pasir Mas dan Timbalan Menteri,
[107] Temubual bersama Ibrahim Ali, pada 2 Mac 2019, di Kuala Lumpur.

Alhamdulillah, bila keputusan STP diumumkan, pengkaji memperolehi 4 prinsipal. Iaitu pelajaran sejarah A, ekonomi B, Bahasa Melayu C dan geografi D. Dengan keputusan itu, melayakkan pengkaji memasuki universiti di Malaysia. Pengkaji memilih Universiti Malaya berdasarkan beberapa perkara. Pertama, kerana pengkaji memang bercita-cita untuk memasuki dan belajar di Universiti Malaya. Kedua, kerana Universiti Malaya adalah universiti yang tertua dan berprestij di negara ini. Ketiga, pengkaji percaya setiap mahasiswa yang mendapat keputusan yang terbaik akan memilih untuk memasuki Universiti Malaya. Keempat, pengkaji berkeyakinan yang keputusan diperolehi tergolong di dalam kelompok yang terbaik pada masa itu. Kelima, kerana kehebatan nama Naib Canselornya, iaitu Ungku Aziz, yang menjadi pujaan orang ramai kerana dianggap seorang intelektual yang terbilang.

Bertolak dari keyakinan di atas pengkaji memohon untuk memasuki tahun satu di Universiti Malaya. Harapan yang menggunung itu telah berhasil, bila Universiti Malaya menawarkan tempat kepada pengkaji di Fakulti Sastera untuk sesi pengajian tahun 1972/1973.

5.6 Sejarah Universiti Malaya

Universiti Malaya telah ditubuhkan di Singapura pada Oktober 1949, berasaskan laporan Suruhanjaya Carr-Saunders mengenai "University Education in Malaya", yang dikeluarkan pada 1948.

> *"The University of Malaya would provide for the first time a common centre where varieties of race, religion and economic interest could mingle in joint endeavour ... For a University of Malaya must inevitably realise that it is a university for Malaya*[108]*."*

Tujuan penubuhan institusi pengajian tinggi ini adalah bagi memenuhi keperluan Kolonial Inggeris di Malaya, Singapura dan Borneo Utara.

[108] https://www.um.edu.my/about-um/our-history

This institution was to serve the higher educational needs of the British colonies of Malaya, Singapore and Borneo Territories. Before long it was evident that this university alone was inadequate to serve and cope with the rapidly increased demand for higher education in the territories under discussion[109].

Sebelum penubuhan badan ini, keperluan terhadap pengajian tinggi danpenubuhan universiti telah disuarakan.

Akhirnya sebuah universiti, yang dinamakan Universiti Malaya telah ditubuhkan di Singapura, bersempena pemerintahan Inggeris di Malaya. Universiti Malaya tertubuh melalui penggabungan dua buah pusat pengajian tinggi di Singapura iaitu King Edward VII Referendum dengan Raffles College King Edward VII Referendum ditubuhkan pada 1905, menjalankan kursus perubatan, manakala Raffles Referendum yang ditubuh pada 1928, menjalankan kursus sastera dan sains.

Pada tahun 1957, sebuah suruhanjaya di bawah R.S. Aitken menghidupkan semula pelan lama untuk mewujudkan sebuah kampus UM di Semenanjung. Lapuran Carr-Saunders yang lebih awal, mengusulkan penubuhan sebuah univeriti di Malaya, yang pada mula mencadangkannya di Johor Bharu, di hujung selatan semenanjung[110].

After Malaya became independent in 1957, political considerations, as well as the need for a national educational policy, made it imperative to have a separate university in the federation itself and, as a step in this direction, arrangement were made to set up a division of the university in Kuala Lumpur. Thus the University of Malaya was set up in Kuala Lumpur in 1959and together with the University of Singapore each had a Principal, a Divisional Senate and a Council. The University of Malaya as a whole , wasadministered by the Vice-Chansellor and a Central Councill[111].

[109] Raghavan , A Study Of The Political Attitude Of Student From The University Of Malaya, Tesis PhD, 1975,ms. 139.
[110] Meredith L, Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia,ms.118.
[111] Raghavan, A Study Of The Political Attitude Of Student From The University Of Malaya, Tesis PhD, The State

Jawatankuasa Bersama Kerajaan Singapura dan Persekutuan memutuskan pada Mac 1954 untuk mengabaikan tapak yang telah dibeli di Johor Bahru[112]. Mereka sebaliknya melancarkan universiti di Singapura, kemudian memperoleh tapak kedua di Petaling Jaya, di pinggir Kuala Lumpur[113].

> *The total area of the campus is about 650 acres, and it is a self-contained unit, with two main entrance, one leading towards the capital and the other to Petaling Jaya. It appear to be a small community and is indeed amicrocosm of academic, social and political activity[114].*

Universiti Malaya, Kuala Lumpur mula beroperasi pada tahun 1957, sebagai cawangan kepada Universiti Malaya di Singapura. Pihak berkuasa memutuskan dua bahagian besar yang otonomus, divisi yang setaraf, menawarkan kursus pelengkap dan di bawah Naib Canselor tunggal, tetapi masing-masing dengan prinsipal sendiri[115].

Walaupun UM Kuala Lumpur telah beroperasi pada tahun 1957, tetapi terdapat masalah tentang kemudahan di kampus baru ini. Akhirnya mahasiswa jurusan sastera tahun pertama di UMKL terpaksa meninggalkan kampus dan kembali ke UM Singapura. Kesatuan mahasiswa mengecam pihak berkuasa universiti yang merendahkan martabat mahasiswa tahun pertama fakulti sastera yang "dalam keadaan teruk"; mahasiswa tersebut kemudiannya pulang ke Singapura pada tahun 1958[116]. Kampus dimulakan semula dengan hanya fakulti Kejuruteraan[117].

Selepas penyusunan semula kemudahan-kemudahan di kampus UM Kuala Lumpur, maka kampus ini terus berkembang pesat. Dari jumlah mahasiswa yang kecil akhirnya berkembang maju.

University of New Jersey, 1975, ms.139.

[112] 110. Alexander Oppenheim .Meredith L.Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia,ms.118- 119.

[113] R.S Aitken et al, Report of the Commission of Enquiry on the University of Malaya,1957"(Singapura:Government Printing Office,

[114] 112. Raghavan,A Study Of The Political Attitude Of Student From The University Of Malaya, Tesis PhD, 1975, ms.144.

[115] 113. Meredth L.Weiss ,Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms.119.

[116] 114. Meredth L.Weiss ,Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms.119.

[117] 115. "UMSU .Disapproves Conditions in KL."Malayan Undergrad, Mac 15,1958,ms 1, What Price Glory?''Malayan Undergrad ,April 3,1958,ms.1.Meredith L.Weiss
,Aktivisme Mahasiswa Malaysia,ms.119.

The total enrollment of student in the university has increased from 323 in 1959 to about 8319 in 1973, the greatest increase being in the Arts Faculty.While in 1960 there were a mere 33 graduates from this university, the figure rose to 1,909 in 1970[118].

Meredith L. Weiss memberi angka yang sama pada 323 orang ahli ketika diasaskan pada tahun 1959 kepada 7,777 orang ahli pada 1970[119]. Angka yang diberikan oleh Raghavan dengan angka yang diberikan oleh Meredith L. Weiss agak besar perbezaannya, iaitu sebanyak 542 orang. Ini menunjukkan pertambahan mahasiswa UM begitu pesat, di mana tiga tahun, antara 1970 hingga 1973 telah bertambah seramai 542 orang.

Pertambahan yang pesat itu berkemungkinan kerana Dasar Ekonomi Baru (DEB),dan kerana AUKU yang membuka peluang kemasukan mahasiswa Melayu serta bumiputera yang menerima biasiswa, token biasiswa juga pinjaman.

"A student shall not be admitted to the university to a course of sturdy for a degree unless he shall have satisfied such requirement as may be prescribed by Act. Proveded that, except with the agreement of the Minister, students who have been awarded. Federal or State scholarship, loans, or other similar financial assistance from public fund for university degree courses, shall not be refused admission if they satisfy such requirements[120]*."*

Untuk memudahkan kemasukan para mahasiswa Melayu dan bumiputra yang menerima biasiswa, token biasiswa atau pinjaman, maka diturunkan kelulusan minima sebagai syaratnya.

Candidates must have passed at one and the same examination the HigherSchool

[118] 116. Report of the Committee Appointed by the National Operations Council to Study Campus Life of Students of the University of Malaya (Kuala Lumpur, Gonernment Printers ,1970),pg.5-11. Raghavan, A Study Of The Political Attitude Of Student From The University Of Malaya, Tesis PhD, ms 144.
[119] 117. Meredith L.Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms.122.
[120] 118. Raghavan, A Study Of The Political Attitude Of Student From The University of Malaya, Tesis PhD, ms.152.

Certificate (which must be taken not earlier than two years after the School Certificate) in either two subjects at principle level and two subjects at subsidiary level[121].

Kemasukan mahasiswa Melayu dan bumiputera ke UM dengan pesat selepas DEB diperkenalkan pada 1971, adalah kejayaan seorang nasionalis tulin iaitu TunAbdul Razak. Beliau telah berjaya memperkenalkan DEB yang bertujuan untuk menyusun semula masyarakat, dan di dalam masa yang sama cuba mengatasi kemiskinan rakyat. Bila mengkaji NEP (DEB) Tun Abdul Razak, jelas beliau lebih berjaya kalau dibandingkan dengan NEP yang diperkenalkan oleh Vladimir Lenin di Russia pada tahun 1920-1924. Tun Razak telah menterbalikkan dasar NEP Lenin, yang cuba membantu peniaga untuk meningkatkan kedudukan mereka. Manakala Tun Razak cuba membantu seluruh masyarakat dengan merombak struktur masyarakat melalui aktiviti ekonomi, pendidikan dan sosial dengan penumpuan kepada Melayu-bumiputera.

Vladimir Lenin akhirnya melahirkan kelas baru di dalam masyarakat Russia kesan dari NEP tersebut yang dikenali sebagai NEPmen. Manakala Tun Razak berjaya mencapai matlamatnya, sekurang-kurang di eranya, sebelum diterbalikkan oleh Tun Mahathir melalui dasar pengkorporatan dan penswastaan. Dasar itu, sangat jelas bertentangan dengan DEB, di mana peluang ekonomi dibuka seluas-luasnyakepada golongan kapitalis dan kapitalis komprador[122].

Pada tahun 1961, Akta Universiti dan Perlembagaan Universiti, telah membuka pemisahan antara Universiti Malaya Kuala Lumpur dan Universiti Malaya Singapura. Kedua-dua universiti ini berpisah sepenuhnya pada 1962, ketika Malaya dan Singapura dalam proses membentuk Malaysia. Tunku Abdul Rahman menjadi Canselor Universiti Malaya Kuala Lumpur yang pertama. Manakala Alexander Oppenheim menjadi Naib Canselor yang pertama dari 1962-1965. Sebelum itu Alexander Oppenheim telah menjadi Naib Canselor di Universiti Malaya Singapura dari Januari 1957-1961.

[121] Ibid, ms.152.
[122] Kapitalis komprador adalah kapitalis tempatan yang bekerjasama dengan kapitalis luar negara.

5.7 Sejarah Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM)

Semasa Universiti Malaya cawangan Kuala Lumpur ditubuh pada 1957, persatuan mahasiswa turut ditubuhkan atas nama University of Malaya Student's Union (UMSU). Penubuhan persatuan UMSU yang baru di KL dan bebas dari UMSU di Singapura mendapat tentangan dari kepimpinan UMSU Singapura. Merekamerasakan pihak universiti sengaja mahu memecahbelahkan para mahasiswa Universiti Malaya Kuala Lumpur dengan para mahasiswa Universiti Malaya Singapura. Jawatankuasa Bersama mengambil keputusan (kecuali minoriti yang menentang) untuk menolak cadangan UMSU, dengan majlis universiti, Senat, danpersatuan graduan juga bersetuju, dan sebaliknya tunduk kepada kehendak kerajaan persekutuan yang mahukan dua kesatuan mahasiswa yangberasingan[123]. Keputusan itu dihentam sebagai "satu ancaman kepada perpaduan mahasiswa" yang "menyerang terus kepada teras status hak demokrasi mahasiswa Universiti untuk bebas mengatur dan mentadbir diri mereka sendiri[124]".

Majlis Perundangan Persekutuan secara rasmi memisahkan kesatuan itu pada bulan Oktober 1958, dengan Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman (a.k.a "tunku") mengisytiharkan struktur tersebut sebagai kurang "rumit"[125]. Presiden UMSU, Anthony Lazarus mengkritik Tunku dengan menganggap Perdana Menterimenginjak-injak nilai demokrasi dan autonomi universiti, bila Tunku membangkitkan soal bantuan kewangan universiti dari pihak kerajaan. Pertelagahan antara UMSU dengan pihak kerajaan agak berlarutan hingga kepada penolakan penubuhan Kesatuan Mahasiswa Kebangsaan (National Union of Student)

Apabila Akta Universiti tahun 1961 diluluskan, maka dengan secara automatik UMSU yang terbentuk di UM KL telah terbubar. Perlembagaan baru UM, terus mengekalkan struktur UMSU seperti mana yang terdapat sebelum ini. Setiap mahasiswa secara automatik menjadi ahli UMSU dengan yuran keahlian dan berhak terlibat di dalam proses pilihan raya. Sama ada mereka mahu menjadi calon untuk menjadi ahli majlis atau hanya sebagai pengundi.

[123] Meredith L.Weiss , Aktivisme Mahasiswa Malaysia,ms.120
[124] S.Kumarapathy,"The Clarion Call"(editorial), Malayan Undergrad,Julai 1958,ms.4.dan "UMSU May be Split Blow to student Unity,"Malayan Undergrad .Ogos 1958, ms 1; Meredith L.Weiss, 2016,SIRD, ms 120.
[125] "Tengku Replies to Protest from Union"Straits Times, November 22,1958.Meredith L.Weiss, 2016, SIRD , ms .120

Pada tahun 1962 UM KL terpisah sepenuhnya dari UM Singapura. UM KL mengekalkan namanya sebagai Universiti Malaya (UM), manakala UM Singapura menamakannya sebagai Universiti Singapura (SU, kemudian menjadi National University of Singapore, *(*NUS).

Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya mengekalkan nama UMSU, manakala persatuan mahasiswa di Universiti Singapura menamakan University of Singapore Student Union (USSU). Kemudian pada tahun 1965, UMSU telah ditukarkan kepada PMUM dan kekal sehingga ditamatkan pada 1975 melalui AUKU 1975.

Pilihan Raya PMUM diadakan setiap tahun. Setiap mahasiswa mempunyai hak untuk dipilih dan sebagai pemilih. Kerusi majlis terbahagi kepada dua, iaitu kerusi umum dan kerusi fakulti serta kolej. Setiap fakulti dan kolej diwakili oleh dua orang ahli majlis. Selepas ahli majlis dipilih, maka barulah dibentuk Jawatankuasa Kerja (JKK/EXCO). Ianya terdiri dari Presiden, Naib Presiden, Setiausaha Agung (SUA), Penolong SUA, Setiausaha Kebajikan, Setiausaha Kewangan, Setiausaha Penerbitan dan Penerangan, Setiausaha Perhubungan luar dan Setiausaha Sosial.

Di bawah PMUM juga terdapat, Jawatankuasa Pilihan Raya, Lembaga Disiplin, Lembaga Kebajikan Mahasiswa, Ahli Majlis bukan JKK, Jawatankuasa- jawatankuasa Tetap, Jawatankuasa-jawatankuasa Khas, Pengerusi Majlis, Setiausaha Majlis, Penolong Setiausaha Kewangan dan Penolong Setiausaha Kebajikan.

PMUM mempunyai bangunan tersendiri di tengah kampus dan tidak jauh dari Canselori. Di bangunannya terdapat kantin, bilik gunting dan kedai koperasi. Terdapat perniagaan percetakan dengan peralatan yang lengkap. Rumah Tumpangan dengan bilik yang lengkap dengan katil untuk kegunaan mahasiswa tempatan atau luar negara. Di samping itu PMUM memiliki empat buah bas, dua buah bas besar dan dua lagi bas mini. Mempunyai akaun di

bank dengan jumlah tunai sentiasa melebihi ringgit dua ratus lima puluh ribu[126]. Di tingkat satu terdapat sekretariat PMUM, Bilik khas untuk Kesatuan Seni Universiti (KESUMA) dan bilik khas untuk Mahasiswa Negara (akhbar PMUM). PMUM memberi perkhidmatan sepenuhnya kepada mahasiswa seperti membantu mendapatkan rumah sewa, memberi pinjaman kecemasan, membantu urusan-urusan rasmi mahasiswa dengan pihak universiti atau kerajaan. Ringkasnya PMUM menjaga kepentingan mahasiswa tanpa mengira kaum dan kelas.

PMUM terdapat lebih tiga puluh persatuan bergabung di bawahnya. Yang tidak terikat dan bebas daripada PMUM ialah Kelab Sosialis, Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya, Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya dan Persatuan Sukan Universiti Malaya.

5.8 Mengenali Pemimpin Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya

Pengkaji diterima memasuki Universiti Malaya pada tahun 1972, dalam jurusan sastera (Fakulti Sastera). Kemudian pengkaji memilih pengkhususan di bidang sejarah.

Pengkaji turut terpilih untuk menduduki Kolej Kelima. Akhirnya seluruh penghidupan di universiti selama tiga tahun hanya tinggal di kolej ini. Penghuni Kolej Kelima yang lebih dikenali sebagai ‘Fifian’’. Di zaman itu, kolej ini agak terkenal sebagai tempat mahasiswa yang anti-*establishment.* Di samping itu, terdapat ramai pemimpin mahasiswa yang tinggal di sini antaranya Hishamuddin Rais[127].

Dua minggu pengkaji diperkenalkan kepada suatu budaya baru iaitu Minggu Orientasi. Dua minggu dipenuhi dengan berbagai ragam dan gaya. Suatu penghidupan baru yang sangat meletihkan. Disogokkan dengan nyanyian universiti, nyanyian kolej dan nyanyian blok. Sebagai penghuni di blok D, bukan hanya terpaksa menghafal lagu blok, malah terpaksa

[126] Temubual Bersama Hishamuddin Rais, 5 Mac 2019, Kuala Lumpur.
[127] Hishamuddin Rais, bekas pelajar Melayu, Kuala Kangsar.Menjadi Setiausaha Agung PKPM, tapi tersingkir selepas krisis dalaman PMUM, di mana Majlis ke 14, yang dipimpin oleh Sim Kim Chew dan Lee Chee Kiong runtuh melalui undi tidak percaya pada Februari 1972. Hishamuddin Rais yang menjadi ahli Kelab Sosialis menerima tempiasnya ,kerana Sim Kim Chew dan Lee Chee Kiong adalah kepimpinan Sosialis Kelab UM.

menghafal lagu-lagu lucah. Semua lagu-lagu tersebut dinyanyikan di dalam bahasa Inggeris. Sukar benar untuk pengkaji menghafalnya bila tidak berminat terhadap lagu-lagu lucah tersebut. Yang paling berat, bila para *senior* lelaki memaksa menyanyikan lagu lucah kepada *senior* wanita. Terpaksa juga pengkaji menyanyikannya, dalam jeritan amarah para *senior* wanita. Bila tamat, semua para *senior* lelaki dan wanitaketawa meninggi. Biasanya, akan di 'ragging*'* pula oleh para *senior* wanita selepas itu. Apa pun keadaan, ianya terpaksa diterima dengan fikiran yang positif. Sekurang-kurangnya dapat berkenalan dengan para *senior* lelaki dan wanita.Begitulah, nasib seorang *freshie* di Kolej Kelima.

Kemuncak kepada acara orientasi ialah perbarisan mengelilingi kampus yangdiuruskan oleh PMUM. Berarak sambil menyanyikan lagu, "Inilah Barisan Kita". Kemudian memasuki Dewan Tunku Canselor di mana pemimpin-pemimpin mahasiswa sudah bersedia di pentas dewan. Para *junior* berdiri menyanyikan lagu-lagu yang ditentukan. Termasuk lagu, Inilah Barisan Kita, yang akan dinyanyikan oleh *freshie* pada setiap majlis rasmi.

Pengerusi Minggu Orientasi berucap sebagai memberi kata-kata aluan. Diikuti oleh Setiausaha Agung PMUM[128] dan Presiden PMUM berucap kepada 'freshie'. Kedua-kedua wakil PMUM tersebut mengutuk AUKU[129] sekeras-kerasnya. Bila *senior* bertepuk lalu semua freshie terpaksa bertepuk. Semua bertepuk sekuat mampu hingga menggamatkan Dewan Tunku Canselor.

Pengkaji mula mengenali PMUM melalui pidato-pidato pemimpin PMUM. Di samping itu, cuba memahami AUKU yang dibelasah oleh pemimpin-pemimpin PMUM. Hati kecil pengkaji mulai tertarik kepada pemimpin-pemimpin yang begitu berani semasa berucap. Mereka berucap tanpa rasa gentar dan takut.

Di Kolej, pengkaji mula didekati oleh ramai *senior*. Kebanyakan mereka menyuruhuntuk

[128] PMUM.Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya tertubuh di Univ.Malaya Singapura kemudian di Univ.Malaya, Kuala Lumpur pada 1962 selepas pemisahan cawangan Kuala Lumpur dan UM Singapura.
[129] AUKU.Akta Universiti Kolej Universiti diluluskan oleh Parlimen pada 1971 dan pindaan 1975 yang menarik otonomi university dan menyekat kebebasan para mahasiswa.

berpidato. Ada yang memberi nota tentang AUKU untuk dijadikan bahan pidato. Semasa berpidato, biasanya terdapat *freshie* yang ditangkap untuk duduk di depan sebagai penonton. Mereka dipaksa untuk bertepuk bagi menghidupkan suasana. Begitulah dunia *ragging, n*ampak seperti 'tolol', tapi ada hikmah di sebaliknya. Memulakan 'persaudaraan kolej' dan menanam rasa kecintaan terhadap kolej.

Selepas minggu orientasi, ahli jawatankuasa kepimpinan orientasi Kolej Kelima membantu *freshie* mendaftarkan diri di fakulti masing-masing. Satelah mendaftarkan diri di Fakulti Sastera, jurusan sejarah. pengkaji telah menjadi mahasiswa secara sah. Juga secara sah diiktiraf sebagai seorang dewasa dan bebas dari kawalan ibu bapa.

Sebagai seorang mahasiswa, pengkaji terikat dengan peraturan mahasiswa. Di mana ianya mewakili masyarakat mahasiswa itu sendiri. Mahasiswa seperti yang digunakan di sini mewakili identiti kolektif, identiti kolektif dalam erti kata sosiologi yang lebih mewakili suatu proses mewujudkan pelaku sosial daripada sekadar nilai yang dimiliki para pelaku sosial tersebut[130].

Selepas minggu orientasi, pengkaji didatangi oleh Hishamuddin Rais. Senior yang terpaksa mengulang tahun satu kerana terlalu aktif di dalam kegiatan mahasiswa. Dia bersama Mustapha yang lebih dikenali sebagai Papa Mus, bertukar fikiran dengan pengkaji. Dia memberitahu untuk membawa pengkaji bertemu dengan Presiden dan Setiausaha Agung PMUM.

Pengkaji ditemukan dengan mantan Presiden PMUM, iaitu Sim Kim Chew dan Salleh Yusof sebagai mantan Setiausaha Agung PMUM oleh Hishamuddin Rais. Turut bersama di dalam pertemuan itu ialah Lee Che Keong, seorang anggota Kelab Sosialis dan di masa yang sama menjadi Setiausaha Penerbitan dan Penerangan PMUM.

[130] Meredith L.Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia Kegemilan Dan Kesuraman.ms.4.

Selepas itu, Hishamuddin Rais terus mendekati dan menjadi rapat dengan pengkaji. Dia mula memperkenalkan seorang demi seorang ahli Kelab Sosialis[131]. Dalam masa yang sama dia mulai memperkenalkan ideologi sosialis secara lebih jelas kepada pengkaji. Bagaimanapun ideologi tersebut bukanlah sesuatu yang asing bagi pengkaji telah lama mendengarnya semasa di kampung. Bekas gerila serta tahanan politik di kampung, sudah berbicara soal ini dan telah mempengaruhi jiwa pengkaji. Sesungguhnya pengkaji memang meminatinya sejak di kampung lagi, kerana bekas-bekas tahanan itu mengatakan sosialisme dapat menyelesaikan masalah kemiskinan rakyat. Kehadiran kumpulan sosialis di Universiti Malaya menjadikan pengkaji seperti orang mengantuk disorongkan bantal.

Rupanya, Sim Kim Chew, Salleh Yusof, Hishamuddin Rais, Lee Che Keong yang pernah memegang jawatan penting PMUM dan PKPM[132] adalah ahli Kelab Sosialis. Selain itu terdapat Cikgu Bakar, Hamzah Ibrahim, Maria (isteri Hamzah Ibrahim) adalah ahli Kelab Sosialis di dalam PMUM. Terdapat juga ahli Kelab Sosialis yang tidak berada di dalam majlis kepimpinan PMUM, seperti Cikgu Shamsul dan Saidina Omar.

Pengkaji mengikuti beberapa program dan siri mengasah ketajaman ideologi sosialis. Akhirnya, pengkaji diterima sebagai kader dan ahli Kelab Sosialis. Turut diterima menjadi ahli ialah Hamzah Kassim dan Lim Heng Seng. Selepas diterima menjadi ahli Kelab Sosialis, pengkaji, Hamzah Kassin dan Lim Heng Seng dipersediakan untuk bertanding di dalam pilihan raya PMUM.

Pengkaji sangat teruja untuk memasuki pilihan raya PMUM, kerana merasakan itusuatu penghormatan. Ianya sesuatu yang tidak terfikir semasa mula mendaftar menjadi mahasiswa dan menjadi penghuni Kolej Kelima. Sebagai mahasiswa tahun satu dan hanya beberapa bulan sebagai mahasiswa, sudah ditawarkan untuk bertanding di dalam pilihan raya PMUM. Di samping itu, pengkaji baru beberapa bulan saja menjadi ahli PMUM dan masih kabur

[131] Kelab Sosialis Universiti Malaya menerima pendaftarannya dari ROS pada 1968.
[132] PKPM atau Pertubuhan Kebanagsaan Mahasiswa-mahasiswa Malaya ditubuhkan pd 1957, awalnya antara UMSU dengan GPMS. Juga terdapat PKPM di Malaysia.

tentang peranan sebagai Ahli Majlis PMUM. Juga masih mentah sebagai ahli Kelab Sosialis Universiti Malaya.

Sejarah perjuangan Kelab Sosialis Universiti Malaya agak panjang. Penuh berliku dan menghadapi tekanan serta penangkapan. Ianya bermula sebelum kemerdekaan Malaya dan Singapura. Idea penubuhannya dicetuskan oleh para mahasiswa progresif di Universiti Malaya, Singapura ketika itu.

Kelab Sosialis Universiti Malaya merupakan kelab pertama yang dibentuk, diluluskan pada penghujung tahun 1952, yang terbentuk daripada kumpulan perbincangan yang berkumpul di bilik asrama James Puthucheary[133]. Dalam buku The Fajar Generation, menjelaskan tentang penubuhan Kelab Sosialis sebagai,

> *"In October 1952, the two groups of students- medical and arts- met in the lounge of the Dunearn Road Hostel. The meeting started in James's room but with the growing number of participants the group adjoured to the lounge. According to James's account of that meeting, those who took part included himself, Wang Gangwu, Philomen Oorjithnam, Syedny Woodhull, M.K. Rajakumar, Poh Soo Koi, Lim Hock Siew, Jamit Singh, Jarry Goh and Francis Yeo[134]."*

Penubuhannya, berdasarkan "idealisme anti kolonial" dan bercita-cita ke arah kemerdekaan negara sosialis Malaya, kelab baru ini menyasarkan matlamat yang agak intelektual dengan berideologi sederhana, terutamanya dalam suasana penangkapan mahasiswa radikal yang terkait dengan jurnal Orchid[135] dan ABL[136] [137].

[133] Aktivisme Makasiswa Malaysia, Meredith L Weiss ms.60.
[134] The Fajar Generatoin .ms.14.
[135] Ibid .ms.18, Malayan Orchid Publication produced in the late 1940s,leading to their arrests and detention in January 1951.
[136] ABL. Anti-British League, Gerakan menentang Imperialis Inggeris yang berpengaruh komunis.
[137] Aktivisme Mahasiswa Malaysia, Meredith L.Weiss.ms.60.

Penubuhan Kelab Sosialis secara sah pada 22hb Februari 1953,

> *"an inaugural meeting of the proposed club was held on the 22 February 1953 at the Bukit Timah campus. ...Among those present included Wang Gangwu, James Puthucheary, Sydney Woodhull, Jamit Singh, Lim Hock Siew, Poh Soo Kai, M.K. Rajakumar, Philomen Oorjitham, Gurmuk Singh, Yeoh Kean Hong, James Loh dan Hashim Sultan*[138]".

Mesyuarat ini memilih Presiden UMSU, Wang Gungwu sebagai Presiden Universiti Sosialist Club (USC) yang pertama. Oorjitham sebagai Setiausaha Agung. Woodhull sebagai Ketua Penerangan. Poh Soo Kai sebagai Bendahari.

Manakala ahli Jawatan Kuasa terdiri daripada Lee Ah Chai, Rajakumar dan Hashim Sultan. Yang lain seperti James Puthucheary, Dollah Majid, James Loh Ching Yew, Gurmukh Singh dan Yoh Kean Hong hanya sebagai ahli biasa[139].

Tujuan penubuhan dan garis perjuangan USC, dijelaskan sebagai:

1. *to stimulate student political discussion and activity;*
2. *to propagate socialist thougt;*
3. *to support the Universiti of Malaya Student Union in demands forstudents rights.*
4. *to study the means for unity in Malaya*[140].

Sebagai Ketua Penerangan, Woodhull menerbitkan Organ of the Socialist Club di mana artikel turut disumbangkan oleh rakan-rakannya. Hashim Yeop Sani menyumbangkan

[138] The Fajar Generation, ms.15.
[139] Ibid,ms.15
[140] Ibid, ms.16

karton. Kemudian pada Februari 1954, dalam mesyuarat sidang pengarang menamakannya FAJAR[141].

> *"Fajar for the magazine (fajar means 'dawn' in Arabic). It was Hedwig Aroozoo, now known as Hedwig Anwar, who proposed the name Fajar to James Puthucheary, who then conveyed the suggestion to the board[142]."*

Fajar menjadi bahan bacaan yang berpengaruh. Akhirnya pembacanya mengatasiMalayan Orchid. Kekuatan pengkajian anti kolonialismenya menarik perhatianpemain politik. Malah menjadi persis suara gerakan kiri tanah air. Kemuncak kepada pengaruh dan agitasi Fajar terhadap para mahasiswa dan pembaca ialah penangkapan terhadap sidang pengarangnya. Pada 28 Februari 1954, seramai 7 orang ditangkap diwaktu pagi. Seorang ditangkap pada malamnya. Mereka ialah Poh Soo Kai, James Puthucheary, Thomas Varkey, Kwa Boo Sun, Lam Khuan Kit, M.K.Rajakumar, P.Arudsothy dan Edwin Thumboo. Mereka dituduh di bawahSedition Ordinance 1938[143].

> "*The law of sedition was introduced by the colonial government into local law by the enactment of the Sedition Ordinance,1938[144]*."

Semasa Universiti Sosialis Club, Singapura; Fajar memainkan peranan tersangat penting di dalam gerakan mahasiswa tanah air. Gerakan dan suara itulah yang disambung oleh Kelab Sosialis Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kelab Sosialis (KS) turut menerbitkan Berita Sosialis. Bagaimana pun tidak dapat menyaingi peranan dan pengaruh Fajar. Mungkin Fajar lahir pada waktu dan ketika yang mengizinkannya tegak mencipta sejarah tersendiri di Malaya dan Singapura.

> *"Fajar therefore became closely identified with the entire history of the development of the USC and became arguably the most recognised name in the radical left- wing*

[141] Lihat juga Meredith L.Weiss m.s 60.
[142] The Fajar Generation m.s 19.
[143] The Fajar Generation m.s 119-146.
[144] Ibid m.s 122.

publication in the country to date, even though the publication was banned in February 1963[145]*."*

Peranan yang telah dimainkan oleh USC di Singapura, cuba dibawa ke dalam PMUM. Penguasaan USC terhadap UMSU, turut cuba dipraktikan oleh Kelab Sosialis, Universiti Malaya Kuala Lumpur terhadap PMUM. Kaedah yang sama cuba diterapkan di dalam politik Kampus Universiti Malaya. Penguasaan Kelab Sosialis terhadap PMUM begitu lama, biarpun sesekali dilanda masalah dan mengurangkan cengkamannya. Kemuncaknya adalah pada tahun-tahun penghujung 1960an dan 1970an sebelum terpukul oleh AUKU pindaan 1975.

Pengkaji, Hishamuddin Rais, Hamzah Kassim, Hassan Karim, Abu Zer Ali, Yunus Ali, Harris Pardi, Albert Foo, Bashkaran, Halim Latif, Hanim Ali, Chia Peng Koi danbeberapa ahli Kelab Sosialis memikul tanggungjawab untuk meletakan KelabSosialis sebagai kelab politik mahasiswa yang paling berpengaruh di Malaysia.

5.9 Kelab Sosialis Universiti Malaya

Beberapa percubaan awal telah dilakukan oleh golongan progresif untuk menubuhkan persatuan berbau politik di Universiti Malaya. Di masa itu cita-cita umum adalah keadilan sosial dalam bentuk sosialis. Lembaga Kebajikan Mahasiswa telah menolak Forum Pantai empat tahun lebih awal, usaha yangsama pada tahun 1965 (Kelab Progresif) dan 1966 (Forum Mahasiswa) juga gagal[146]. Percubaan kumpulan progresif ini bolehlah dianggap sebagai proto Kelab Sosialis, kerana cita-cita sosialisnya yang umum. Syed Husin Ali terlibat secara langsung dalam usaha menubuhkan Kelab Sosialis Universiti Malaya. Pada mulanya beliau berjaya membentuk jawatankuasa penaja yang di ketuai oleh Nathan dan cuba mendapatkan kelulusan dari Lembaga Kebajikan Mahasiswa tetapi ditolak[147].

[145] Ibid m.s 19
[146] Meredith L.Weiss , Aktivisme Mahasiswa Malaysia, Kegemilangan Dan Kesuraman , ms.181.
[147] Temubual Bersama Syed Husin Ali, 16 Oktober 2019, Petaling Jaya .

Usaha penubuhan Kelab Sosialis dimulakan sejak 1965 lagi, tetapi hanya pada 1967 dibuat permohonan kepada Pendaftar Pertubuhan untuk mendapatkan kelulusannya. Hanya pada tahun 1969 baru mendapat kelulusan[148]. Kelewatan ini berkemungkinan kerana kesan-kesan Konfrontasi Malaysia-Indonesia[149] yang dikaitkan dengan PKI[150]. Ianya juga menimbulkan kesulitan dalam mendapatkan sokongan dan dukungan daripada mahasiswa kerana prasangka ideologi.

Mengikut Syed Hamid Ali, beliau bersama Khong Kim Hoong telah memberi tekanan kepada pihak Canselori untuk menerima kewujudan Kelab Sosialis di Universiti Malaya. Beliau yang menjadi Setiausaha Agung PMUM, dan Khong Kim Hoong sebagai Presiden PMUM, telah menggunakan kedudukan masing-masing mempengaruhi dan menekan pihak Canselori menerima idea mereka. Akhirnya Hasrat mereka diterima oleh pihak Canselori[151]. Selepas itu Syed Husin Ali dapat meyakinkan Raja Mukhtaruddin, supaya menubuhkan sebuah pertubuhan yang progresif di Universiti Malaya.

Semasa Halim Ali berusaha menubuhkan Kelab Sosialis, terdapat juga gerakan menubuhkan persatuan politik liberal. Inisiatifnya datang dari Majid Nabi Bakh danStephen Chong[152]. Semasa Jawatankuasa penaja dibentuk, Halim Ali terpilih sebagai Presiden Kelab Sosialis. Yoon Suan sebagai Setiausaha Agungnya. Manakala Ismail Ahmad (AJIKIK) dan Shahrom Mohd Dom antara Ahli Jawatankuasa[153]. Dengan ramainya mahasiswa Melayu terlibat di dalam pembentukan ini, ianya menggambarkan bahawa mahasiswa Melayu bersedia menerima ideologi sosialisme. Bermakna, momokan tentang hal-hal negatif berhubung ideologi sosialis oleh pihak kerajaan tidak dapat mempengaruhi pemikiran para mahasiswa. Raghavan, dalam thesis PhD[154], telah membuat survei berhubung penerimaan mahasiswa Melayu terhadap sosialisme. Dapatannya menunjukkan bahawa mahasiswa Melayu

[148] Temubual Bersama Halim Ali, pada 25 Disember 2018.
[149] Konfrontasi Malaysia – Indonesia berpunca dari pembentukan Malaysia pada 1963.Presiden Indonesia , Sukarno menentangnya sehingga beliau duglingkan pada 1965.
[150] PKI adalah Partai Komunis Indonesia yang berada di dalam Kerajaan Sukarno.
[151] Temubual Bersama Syed Hamid Ali, pada 20 Februari 2019, Kuala Lumpur.
[152] Majid Nabi Bakh dan Stephen Chong menjadi pengikut Ara semasa mereka melanjutkan mahasiswaan di London.
[153] Temubual Bersama Halim Ali,pada 25 Disember 2018.
[154] Raghavan , A Study Of The Political Attitudes Of Students From University Of Malaya.

berkeyakinan yang sosialisme boleh menyelesaikan masalah kemiskinan. Oleh itu tidak hairanlah mengapa begitu ramai mahasiswa Melayu terlibat di dalam penubuhan Kelab Sosialis di UM Kuala Lumpur.

Halim Ali merupakan presiden pertama[155]. Bagaimanapun Halim Ali mengatakan Presiden Pertama Kelab Sosialis ialah Cheah Boon Kheng[156]. Selepas penubuhannya, Kelab Sosialis memainkan peranan penting di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Seperti leluhurnya di Singapura, kelab yang dicadangkan bertujuan menggalakkan perbincangan dan aktiviti politik; mengkaji isu-isu sosial, ekonomi dan politik tempatan dan antarabangsa dan menghasilkan penerbitan[157]. Kalau di Universiti Malaya Singapura, Universiti Socialist Club menguasai UMSU. Begitulah juga di Malaysia. Kelab Sosialis sentiasa bangkit menguasai PMUM biarpun sering menghadapi gelora penentangan dari pesaing-pesaingnya. Jatuh bangun dalam penguasaan PMUM terjadi kerana pertembungan pengaruh dengan Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) dan Persatuan Islam Universiti Malaya (PMIUM). Pengaruh ideologi juga terkadang menjadi halangan kepada Kelab Sosialis untuk menguasai PMUM secara mudah dan aman. Di samping itu mudah dimanipulasikan oleh kerajaan dengan lemparan berbagai tuduhan termasuk mengaitkan dengan Parti Komunis Malaya . Ini jelas dalam beberapa kes demonstrasi yang dianjurkan oleh Kelab Sosialis dan PMUM.Terutama semasa kejadian rampasan kampus Universiti Malaya pada September 1974 oleh pengkaji atas nama PMUM. Tapi dikaitkan dengan Kelab Sosialis, Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) dan Democratic Action Party (DAP).

Kelab Sosialis satu-satunya persatuan berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan. Kelab Sosialis bebas dan tidak bersekutu dengan PMUM. Bagaimanapun terdapatlebih tiga puluh persatuan terletak di bawah PMUM. Antaranya Persatuan Bahasa China (CLS), Persatuan Bahasa Tamil (TLS), Persatuan Sejarah, Peratuan Geografi dan lain-lain. Selain dari Kelab Sosialis, kebanyakan persatuan- persatuan itu berasaskan kaum, bahasa, agama dan pengajian. Contohnya, PBMUM, CLS, TLS berasaskan kaum. Manakala PMIUM berasakan agama. Persatuan Sejarah berasaskan pengajian. PBMUM turut tidak bersekutu dengan

[155] Meredith L.Weiss .Aktivitisme Mahasiswa Malaysia , Kegemilangan Dan Kesuraman,ms.182.
[156] Cheah Boon Kheng mendapat MA di UM. Dapat Phd dar Australian National Universiti (ANU). Menjadi Profesor di USM. Beliau antara sejarawan yang yang dikumpul oleh ANU untuk dialog dengan Chin Peng.
[157] Meredith L.Weiss , Aktivitisme Mahasiswa Malaysia, Kegemilangan Dan Kesuraman , ms.183

PMUM, termasuk juga PMIUM.

Kelab Sosialis sebenarnya non-komunal sejati, mengambil isu-isu nasional dan internasional. Prihatin terhadap kepentingan rakyat marhaen yang sentiasa ditinggalkan. Berjuang untuk kepentingan mahasiswa tanpa kompromi. Namun keanggotaannya tidak pernah dibesarkan sewenang-wenangnya. Malah keahliannya begitu ketat melalui proses perkaderan sebelum diterima menjadi anggota kelab.

Semasa pengkaji menjadi ahli Kelab Sosialis pada tahun 1972, ahli yang adapada masa itu hanyalah beberapa orang. Antaranya Sim Kim Chew, Lee Chee Keong, Salleh Hj. Yusof, Hamzah Ibrahim, Maria, Cikgu Abu Bakar, Cikgu Shamsul, Saidina Omar dan Hishamuddin Rais.

Di masa ini Hishamuddin Rais mengambil alih kerja-kerja merekrut ahli-ahli baru kerana yang lain berada di tahun akhir. Pada mulanya pengkaji, Hamzah Kassim dan Lim Heng Seng diterima menjadi ahli Kelab Sosialis. Selepas memenangi pilihan raya PMUM dan terpilih sebagai Setiausaha Penerangan PMUM, pengkaji turut membantu Hishamuddin.

Pengambilan kader dan keahlian bertambah dengan pesat. Hishamuddin mengatur perbincangan-perbincangan ideologi. Kekadang menjemput pensyarah yang kebanyakannya terdiri dari anggota PSRM. Pengkaji sendiri mendapatkan buku-buku tentang ideologi sosialis dari perpustakaan dan kawan-kawan. Bagaimanapun kefahaman pengkaji dan kawan-kawan tentang sosialisme tidaklah begitu mendalam. Tetapi sudah cukup untuk meyakinkan anggota kelab terhadap perjuangan sosialisme.

Usaha gigih Hishamuddin Rais sangat berjaya dalam pertambahan ahli. Ahli kelab bertambah dengan pesatnya, hasil kerja kuat beliau. Antara ahli baru ialah Yunus Ali, Hassan Karim, Halim Latif, Hanim Ali, Ismail Shaari, Bashkaran, Albert Foo, Tan Bong Eng, Chia Peng Koi, Teo Sai Choo, Ding Chu Tek dan Muhammad Salleh.

Tahun berikutnya pada 1973, selepas minggu orientasi kepimpinan kelab menyambar para mahasiswa yang berpotensi untuk dijadikan kader dan ahli.Antara ahli baru adalah Harris Pardi, Abu Zer Ali, Baharudden Ali, Soshee Kumar, Mahadi dan Tan Kok Liang.

Bila ahli begitu ramai, kepimpinan kelab bersedia untuk mengambil alih sepenuhnya kepimpinan PMUM. Juga untuk menguasai akhbar milik PMUM iaitu Mahasiswa Negara yang boleh dijadikan alat propaganda kepada kelab. Lalu keputusan dibuat, sesiapa yang memegang jawatan di dalam PMUM tidak boleh memegang sebarang jawatan penting di dalam Kelab Sosialis.

Pilihan raya PMUM pada 1973/1974, Kelab Sosialis menurunkan begitu ramai sekali calon-calon dengan bersimbolkan '*Student Power'* berwarna merah. Malam selepas penamaan calon, seluruh kampus UM ditawan oleh simbol '*Student Power"*. Hishamuddin Rais, yang banyak pengalaman mengatur siri kempen di kolej-kolej. Kebanyakan kepimpinan kolej memberi kerjasama sepenuhnya terhadap kempen-kempen yang dijalankan oleh kelab.

Keputusan Pilihan Raya PMUM, semua calon-calon Kelab Sosialis memenangi kerusi yang dipertandingkan, sama ada kerusi umum, kolej atau fakulti. Mereka ialah, Hishamuddin Rais, pengkaji, Hamzah Kassim, Hanim Ali, Teo Sai Choo, Chia Peng Koi, Lim Heng Seng, Baharudeen Abu Bakar, Soshee Kumar dan Muhammad Salleh. Simpatatik Kelab Sosialis, iaitu Adi Sasteria turut memenangi pilihan raya PMUM dengan menggunakan simbol yang digunakan oleh Kelab Sosialis[158].

Kelab Sosialis menguasai PMUM sepenuhnya pada sesi 1973/1974 atau PMUM ke 16. Pengkaji menjadi Presiden dan Hishamuddin Rais menjadi Setiausaha Agung. Manakala Hamzah Kassim menjadi Setiausaha Penerbitan dan Chia PengKoi menjadi Setiausaha Kebajikan. Muhammad Salleh menjadi Setiausaha Sosial dan Adi Sastria bekas pemimpin

[158] 156. Temubual Bersama Adi Sastria , Mac 18, 2019, Kuala Lumpur.

Kolej Kelima yang begitu rapat dengan Kelab Sosialis turut dilantik Penolong Setiausaha Agung. Begitu juga simpatatik Kelab Sosialis iaitu Lim Hwee Seng dilantik sebagai Penolong Setiausaha Kewangan[159].

Dalam masa yang sama Halim Latif dilantik menjadi Ketua Pengarang MahasiswaNegara. Manakala Bashkaran menjadi Penolong Ketua Pengarang Mahasiswa Negara[160]. Bersama Halim Latif dan Bashkaran ialah Hanim Ali, Harris Pardi dan Mahadi. Juga dimasukkan sebagai editor Mahasiswa Negara, ialah Ahmad Zahid Hamidi, kawan sebilik dengan pengkaji di Kolej Kelima.

Manakala Abu Zer Ali menjadi Presiden Kelab Sosialis. Turut serta memimpin Kelab Sosialis ialah Yunus Ali, Ismail Shaari, Hanim Ali, Harris Pardi, Albert Foo Suan Pooi, Tan Kok Liang , Teo Sai Choo dan Ding Chu Tek[161].

Pilihan raya PMUM pada 1974/1975 sekali lagi Kelab Sosialis menguasai PMUM. Semua calon-calon dari Kelab Sosialis menang dengan bergaya sama ada untuk kerusi umum, kolej dan fakulti. Hishamuddin Rais meminta supaya pengkaji terus memegang jawatan Presiden PMUM. Pengkaji menolak kerana mahu menumpukan sepenuhnya kepada pelajaran. Pengkaji bercita-cita untuk menjadi pensyarah di UM, apatah lagi keputusan peperiksaan di tahun kedua begitu baik dan melayakkan pengkaji mendapat Kelas Kedua Tinggi. Sekiranya cita-cita pengkaji itu berjaya, bermakna selamanya pengkaji boleh mendekati Kelab Sosialis. Lalu pengkaji mencadangkan dirinya memegang jawatan presiden.Hishamuddin bersetuju dan beliau menjadi Presiden PMUM pada sesi 1974/1975 atau PMUM ke 17[162].

Suatu hal yang menarik tentang gerakan para mahasiswa kiri di masa ini terjadi seperti tiada keseimbangan. Di Universiti Malaya gerakan mahasiswa kiri begitu kuat sekali, terutama pada tahun 1973 hingga 1974. Sehingga apa saja yang dilakukan oleh PMUM dikaitkan

[159] Temubual Bersama Lim Hwee Seng, 17 Mac 2019, Kuala Lumpur.
[160] Temubual Bersama Bashkaran,3 Mac ,2019, Bangsar , Kuala Lumpur.
[161] Temubual Bersama Harris Pardi, 15 April 2019, Petaling Jaya.
[162] Temubual Bersama Hishamuddin Rias, 5 Mac 2019, Kuala Lumpur.

dengan Kelab Sosialis. Begitu juga yang terjadi dengan Persatuan Mahasiswa Universiti Sains, Pulau Pinang. Golongan kiri menguasai kepimpinannya bermula dari Fatimah Sham Hamid Tuah dan diikuti oleh Selamat Ahmad Kamal. Tetapi hal ini tidak terjadi pada Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia di Universiti Kebangsaan Malaysia. Mahasiswa kiri di sini tersangat lesu malah seperti tiada langsung peranan mereka di dalam PMUKM.

Sepatutnya UKM dapat melahirkan dan membentuk mahasiswa kiri yang kuat. Ini diasaskan kepada konsentrasi pensyarah berhaluan kiri di situ. Antaranya, Halim Ali, Sanusi Osman, Ishak Shaari, Abd. Rahman Embong, Rostam Sani Boestaman, Muhammad Hj. Salleh, Abdul Hamid Abdullah dan H.M. Dahalan. Di masa yang sama Halim Ali, Sanusi Osman, Rostam Sani dan Muhammad Hj. Salleh adalah anggota PSRM. Sekurang-kurangnya mereka merekrut para mahasiswa menjadi ahli PSRM[163] dan bergiat aktif untuk menguasai PMUKM.

Pensyarah kiri di UM ialah Syed Husin Ali, Shahrom Dom, Fadhil Osman dan Cheah Boon Kheng. Manakala di USM ialah Hashim Hussin Yaakob. Jelas sekali, bahawa begitu ramai pensyarah kiri di Universiti Kebangsaan Malaysia kalau dibandingkan dengan pensyarah di Universiti Malaya dan Universiti Sains, Pulau Pinang.

Berkemungkinan terjadinya kekuatan gerakan mahasiswa kiri di UM kerana sejarah perjuangannya yang bermula dari Kelab Sosialis di UM Singapura. Kesinambungannya terjadi apabila Kelab Sosialis wujud pula di UM Kuala Lumpur. Kemudian, kebangkitan para mahasiswa di seluruh dunia pada tahun 60an dan 70an turut mempengaruhi kegiatan mahasiswa di UM. Jadi tradisi perjuangan ini berterusan apabila pemimpin-pemimpin Kelab Sosialis menguasai PMUM. Selepas itu begitu sukar untuk kumpulan lain menyingkirkan pengaruh kelab dan sosialisme di dalam PMUM.

[163] Temubual Bersama Halim Ali pada 25 Disember 2018, Kuala Lumpur.

Manakala lahirnya gerakan mahasiswa kiri di USM, berkemungkinan kerana Fatimah Sham Hamid Tuah yang belajar di situ. Beliau meneruskan semangat perjuangan bapanya, Hamid Tuah yang bangkit menentang ketidakadilan sosial. Fatimah mendapat sokongan dan dukungan oleh Selamat Ahmad Kamal yang merupakan anggota aktif PSRM. Selepas Fatimah Sham Hamid Tuah meninggalkan USM, kepimpinan Persatuan Mahasiswa Universiti Sains Malaysia (PMUSM) berpindah kepada Selamat Ahmad Kamal.

Biarpun Kelab Sosialis UM dapat menguasai pemikiran para pelajar untuk terlibat di dalam siri demonstrasi, namun mereka bukanlah berideologi sosialis dan menjadi anggota Kelab Sosialis. Kebanyakan mereka menyertai demonstrasi hanya kerana isu yang dekat kepada diri mereka. Misalnya, mereka menyertai demonstrasi anti Amerika-Israel semasa Demonstrasi Perang Ramadan atau Yom Kippur pada Oktober 1973, kebanyakannya kerana keagamaan. Berbeza dengan para pelajar sosialis yang berdemonstrasi kerana ideologi iaitu anti imperialis Amerika dan Israel. Begitu juga dalam isu kelaparan yang melibatkan Demonstrasi Baling, di mana kebanyakan mereka berdemonstrasi untuk menarik perhatian orang ramai terhadap isu tersebut. Sebaliknya bagi anggota Kelab Sosialis, demonstrasi tersebut untuk membangkitkan kesedaran majoriti rakyat terhadap ketidakadilan sosial serta ketidaksungguhan kerajaan membela rakyat dari penindasan orang tengah. Tujuan terakhir untuk mengagitasi rakyat supaya bangkit menjatuhkan kerajaan.

Memang Kelab Sosialis berupaya mendekatkan ideologi sosialis kepada para pelajar di UM, sehingga mereka meyakini melalui sosialisme dapat menyelesikan masalah rakyat. Raveendra Raghavan melalui tesis PhD, *A Study Of The Political Attitudes Of Students From The University Of Malaya (1972-1973)*, membuat kesimpulan bahawa para pelajar begitu menyakini pemerintahan sosialis boleh menyelesaikan permasalahan rakyat dan mengatasi masalah perkauman. Cuma terdapat kebimbangan kepada sesetengah pelajar Melayu, sekiranya Malaysia diperintah oleh golongan sosialis, mungkin timbul masalah kepada Raja-Raja Melayu dan hak keistimewaan Melayu. Tetapi perkara ini tidak timbul kepada para pelajar bukan Melayu.

Walaupun calon-calon Kelab Sosialis sentiasa memenangi pilihan raya kampus, terutama keputusan Pilihan Raya pada tahun 1973/74, di mana kesemua calon dari Kelab Sosialis menang. Malah Kelab Sosialis menguasai sepenuhnya Majlis Ke15 termasuk kerusi EXCO. Kemenangan yang begitu cemerlang menjadikan PMUM sepenuhnya dikuasai oleh anggota kelab dan aktiviti-aktiviti PMUM ditentukan oleh Kelab Sosialis. Keadaan ini menyebabkan para pelajar kadang-kadang terkeliru, sama ada aktiviti di Sudut Pidato dianjurkan oleh Kelab Sosialis atau PMUM, kerana pemidatonya adalah orang yang sama.

Sungguhpun anggota Kelab Sosialis menguasai pilihan raya Kampus UM dan mendapat sokongan para pelajar terhadap siri demonstrasi yang dianjurkan, namun begitu resistensi terhadap pemikiran sosialis tetap terjadi di Kampus UM. Pengkaji mendapati tiga faktor utama, mengapa masih terdapat resistensi terhadap pemikiran sosialis di UM. Kalau diasaskan kepada kajian Rabeendra Raghavan bahawa para pelajar semua kaum boleh menerima pemikiran sosialis untuk menyelesaikan masalah ketidakadilan sosial dan ekonomi. Sekiranya, negara ini diperintah oleh parti berideologi sosialis. Namun, terdapat sesetengah dari pelajar Melayu, menaruh kebimbangan mereka terhadap kedudukan agama dan hak keistimewaan Melayu. Begitupun, para pelajar bukan Melayu percaya biarpun masalah ketidakadilan ekonomi dan sosial dapat diatasi namun isu perkauman tidak mungkin diatasi. Oleh itu, atas kebimbangan para pelajar Melayu inilah dijadikan senjata oleh pihak yang menentang pemikiran sosialis.

Tiga faktor utama yang dimaksudkan oleh pengkaji ialah peranan yang dimainkan oleh pesaing kepada Kelab Sosialis UM iaitu PBMUM dan PMIUM. Kedua ialah pihak Canselori dan ketiga adalah dari kerajaan sendiri. Kadang-kadang peranan itu dilakukan bersendirian, tetapi ada kalanya dilakukan berdua, misalnya oleh PBMUM, PMIUM dan Canselori. Ada masanya dilakukan bersama iaitu PBMUM, PMIUM, Canselori dan kerajaan (aparatus). Antara tokoh PBMUM yang berusaha menimbulkan resistensi pemikiran sosialis di dalam PPMUM adalah Abd Aziz Shamsudin, yang menjadi Setiausaha Politik kepada Dr Mahathir Mohamad selepas tamat dari UM.

Sekiranya Kelab Sosialis melakukan agitasi terhadap para pelajar untuk turun berdemonstrasi, maka sering PBMUM cuba mengagitasi para pelajar dalam mensabotaj aktiviti tersebut. Oleh kerana kebanyakan pemimpin PBMUM lebih condong kepada UMNO dan menyokong kerajaan, maka apa sahaja tindakan yang dilakukan oleh Kelab Sosialis serta PMUM yang dianggap merugikan kerajaan akan cuba disabotaj. Contoh yang terbaik kerjasama antara PBMUM, PMIUM dengan pihak Canselori dalam menentang tindakan Kelab Sosialis dan PMUM ialah semasa Rampasan Kampus UM. Selepas PBMUM, Persatuan Silat UM bertindak yang boleh menumpahkan darah para pelajar di DTC, sehingga pengkaji terpaksa menarik balik rampasan kampus demi mahu menyelamatkan nyawa para pelajar. Kemudian Naib Canselor iaitu Ungku Aziz, muncul dengan diiringi oleh pemimpin PBMUM untuk naik ke pentas DTC. Ungku Aziz memuji pemimpin PBMUM, Pasukan Silat sambil menimbulkan isu-isu perkauman yang dikaitkan dengan sosialisme.

Pihak Canselori turut menimbulkan resistensi terhadap pertumbuhan pemikiran sosialis di UM. Mungkin bagi Naib Canselor bahawa semakin ramai pengikut sosialis di UM, semakin militan tindakan para pelajar. Beliau sering menghadapi tuntutan-tuntutan dari PMUM yang dikuasai oleh golongan sosialis, terhadap kepentingan para pelajar begitu keras dan tidak berganjak. Atas perhitungan itulah barangkali beliau sering menggunakan isu perkauman untuk menarik sokongan dari pemimpin PBMUM, bagi mendapatkan dokongan terhadap tindakannya dalam menghadapi PMUM atau Kelab Sosialis.

Pihak ketiga yang menimbulkan resistensi terhadap pemikiran sosialis di UM adalah dari kerajaan melalui aparatusnya. Tentu sekali kerajaan ingin menyekat pengaruh sosialis di universiti-universiti kerana siswazah-siswazah ini akan dapat melebarkan pengaruh mereka bila bertugas nanti. Atau selepas tamat dan bekerja para pelajar ini akan melibatkan diri dengan parti-parti politik berhaluan kiri seperti PSRM. Semakin ramai lepasan universiti berhaluan kiri menceburkan diri ke dalam politik, tentulah akan menjadi saingan kepada parti kerajaan iaitu BN. Untuk menakutkan majoriti para pelajar menyertai kumpulan sosialis, aparatus kerajaan sering mengaitkan kumpulan sosialis dengan kegiatan subversif. Contoh terbaik adalah kesan dari demonstrasi Yom Kippur atau Perang Ramadan, di mana

dinding kaca Lincoln Centre retak dan pecah, kesan dari lontaran batu oleh anggota Kelab Sosialis. Kerajaan telah menuduh para pelajar telah diperalatkan oleh anasir subversif. Sehari selepas itu berlaku letupan bom di Bangunan Lincoln Centre, lantas dikaitkan dengan kegiatan subversif dan komunis.

Kadang-kadang tiga pihak ini bersatu dalam menimbulkan resistensi terhadap pemikiran sosialis di UM. Misalnya dalam kes Rampasan Kampus UM pada 21 September 1974, di mana PBMUM, Canselori dan aparatus kerajaan bekerja sama. Selepas Naib Canselor mendapatkan kembali Kampus UM melalui PBMUM dan Pasukan Silat, maka Menteri Pelajaran iaitu Dr Mahathir Muhammad telah mengisytiharkan penutupan Kampus UM, tetapi selepas itu serta merta ditarik balik. Begitupun, pendaftaran Kelab Sosialis UM telah ditarik balik oleh ROS.

Antara isu yang sering dimainkan oleh penentang pemikiran sosialis di UM ialah sosialis menolak agama. Anggota Kelab Sosialis terlibat dengan gerakan komunis dan subversif. Menjadi alat kepada PSRM dan DAP, lalu dikaitkan dengan isu-isu perkauman. Isu ini sering dipergunakan oleh pesaing di UM iaitu PBMUM dan PMIUM. Malah isu ini turut digunakan oleh pihak Canselori dan Kerajaan BN dalam menyekat pengaruh pemikiran sosialis di UM.

Biarpun Kelab Sosialis sangat berpengaruh di UM dan menguasai pemikiran pelajar dalam setiap tindakan, tetapi kebanyakan mereka adalah simpatatis kepada pemikiran sosialis. Polisi tertutup atau kaedah yang ketat dalam membentuk kader serta penerimaan anggota, turut merugikan Kelab Sosialis UM. Anggota Kelab Sosialis yang sedikit, biarpun simpatatis agak ramai, tetapi ianya tidak mampu mengekalkan pemikiran sosialis di UM. Selepas AUKU 1971 dipinda pada 1975, maka kumpulan sosialis mulai menyepi, hilang dan lenyap dari politik Kampus UM. Resistensi terhadap pemikiran sosialis semakin kuat dan gagah.

5.10 Aktivis Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya

Hishamuddin Rais membawa Hamzah Kassim, Lim Heng Seng dan pengkaji berjumpa Salleh Haji Yusof, Sim Kim Chew serta Lee Chee Keong di kantin, dekat Sekretariat PMUM. Mereka memutuskan supaya ketiga-tiganya bertanding Pilihan Raya PMUM untuk sesi 1972-1973. Semuanya mesti bertanding untuk kerusi umum dan tidak untuk mewakili Kolej atau Fakulti.

Hishamuddin Rais mengepalai kempen dan penampalan poster. Pengkaji memasuki Dewan Kuliah, asrama-asrama dan turut berpidato di Sudut Pidato untuk memperkenalkan diri dan merayu undi. Akhirnya ketiga-tiga terpilih menjadi Ahli Majlis PMUM sesi 1972-1973.

Selepas terpilih, pengkaji dipanggil ke Sekretariat PMUM oleh Salleh Haji Yusof dan Anis Ahmad untuk terlibat dalam pembentukan EXCO PMUM. Anis Ahmad seorang mahasiswa Fakulti Perubatan di tahun akhir yang memenangi undi terbanyak dalam Pilihan Raya kawasan Umum kampus UM.

Anis Ahmad dan Salleh Haji Yusof telah mempunyai senarai nama untuk dimasukkan ke dalam barisan EXCO PMUM. Pengkaji antara nama yang tersenarai. Mereka mencadangkan pengkaji sebagai Naib Presiden. Mengikut mereka pengkaji ada kebolehan dan mampu memimpin mahasiswa UM[164]. Mereka mahu menjadikannya sebagai persediaan untuk pengkaji menjadi Presiden bagi sesi akan datang.

Pengkaji menolak atas beberapa alasan. Pertama, pengkaji tersangat baru keranadi tahun satu pengajian. Masih tiada pengalaman di dalam politik kampus. Kedua, PMUM baru lepas bergolak pada tahun sebelumnya, akan menyukarkan pengkaji semasa memangku jawatan presiden apabila Anis meninggalkan PMUM. Di samping itu, pengkaji tidak fasih berbahasa Inggeris kerana pengkaji dari aliran Melayu. Sekiranya pengkaji menjadi Pemangku

[164] Temuramah Salleh Haji Yusof di Bangi ,12 Januari 2019.Mengikut Salleh, berdasarkan pada pidato ketrampilan ,buah fikiran dan cara pengkaji bertukar fikiran dengannya.

Presiden selepas Anis Ahmad tamat pengajiannya, belum tentu pengkaji telah bersedia. Sekiranya pengkaji gagal menjalankan tugas sebagai Pemangku Presiden tentu sekali akan mencalarkan imej diri dan PMUM. Apatah lagi kalau berlaku undi tidak percaya kepada seluruh EXCO di bawah pimpinan pengkaji seperti mana dihadapi oleh Sim Kim Chew yang memimpin sesi 1971-1972.

Mereka menerima alasan pengkaji untuk menolak jawatan Naib Presiden. Lalu mencadangkan pengkaji memegang portfolio EXCO Penerangan dan Penerbitan[165]. Mereka meminta pengkaji mengawal akhbar Mahasiswa Negara yang dimiliki oleh PMUM. Akhbar Mahasiswa Negara dijual kepada umum selaindi dalam kampus. Mahasiswa Negara antara akhbar yang berpengaruh di masaitu kerana rakyat mahu membaca berita yang tidak memihak kepada kerajaan. Pembaca menyukainya kerana ianya bebas, kritikal dan tidak menjadi suara kerajaan. Sebaliknya Mahasiswa Negara menjadi saluran untuk menyuarakan keluhan dan penderitaan rakyat.

Selepas menjadi EXCO Penerangan, pengkaji mendekati Ketua Pengarang, pengarang dan seluruh redaksi Mahasiswa Negara. Dari situ pengkaji dapat mengawal berita sebelum dihantar ke percetakan kerana Ketua Pengarang akan menunjukan isi kandungannya terlebih dahulu. Sepanjang pengkaji menjadi EXCO Penerangan, Mahasiswa Negara menjadi suara kepada kepimpinan PMUM di masa itu. Tidak lagi terdapat serangan-serangan dari Mahasiswa Negara kepada kepimpinan seperti di era Sim Kim Chew. Bukan saja serangan malah berlaku *Extra Ordinary General Meeting* (EGM) untuk menggulingkan barisan EXCO Sim Kim Chew[166].

Pengkaji bersama sidang pengarang Mahasiswa Negara memperkenalkanakhbar ini kepada mahasiswa-mahasiswa sekolah menengah dengan mengadakan forum di sekolah-sekolah menengah[167]. Di masa pertemuan atau selepas forum, akhbar diberikan kepada mereka kerana terdapat Mahasiswa Negara yang tidak terjual. Pengkaji bersama sidang pengarang

[165] Temubual Bersama Salleh Haji Yusof, di Bangi Selangor pada 12 Januari 2019.
[166] Temubual Bersama Lee Che Keong di KL pada 12 Mac 2019.
[167] Temubual Bersama Bashkaran di Bangsar pada 3 Mac 2019.

menjelajah ke seluruh negara semasa cuti penggal yang panjang. Antaranya bandar Arau yang turut disertai oleh Shahidan Kassim[168].

Semasa PMUM di bawah Anis Ahmad tidak banyak aktiviti yang dijalankan. Tidak terdapat demonstrasi yang dianjurkan oleh PMUM. Kampus agak tenang. Pergolakan politik mahasiswa di UM tidak terjadi di masa itu[169].

Anis Ahmad sebagai Presiden PMUM hanya meneruskan aktiviti yang telah diputuskan di mesyuarat agong seperti acara-acara tahunan. Antaranya Pesta Ria[170], Lawatan Sambil Belajar ke luar negara, Bakti Siswa[171], Majlis Dansa Tahunan[172] dan Majlis Makan Malam PMUM.

5.11 Memimpin Rombongan UM Ke Universiti-Universiti Di Indonesia

Semasa menjadi EXCO penerangan, pengkaji mengepalai lawatan ke universiti- universiti di Indonesia. Segala perbelanjaan untuk lawatan tersebut tidak disediakan oleh PMUM. Semuanya dari usaha anggota rombongan mendapatkan sumbangan. Antaranya yang pengkaji masih ingat ialah Universiti Indonesia (Jakarta), Universiti Gadjah Mada (Jogjakarta), Institut Teknologi Bandung dan Universiti Padjadjaran (Bandung), Universiti Udhayana (Bali) dan Universiti Airlangga (Surabaya).

[168] Temubual Bersama Shahidan Kassim di Parlimen.Shahidan adalah Ahli Dewan Rakyat, Parlimen ke 14. Menjadi Ahli Parlimen Arau pada PRU 1986, PRU 1990, PRU 2018 dan pernah menjadi Menteri Besar Perlis daripada 1995 sehingga 2008. Pernah menjadi Pengerusi FAMA , Pengerusi Yayasan MARA, Pengarah MARA dan Pengerusi Kelab Penokong Kerajaan.

[169] Temubual Bersama Salleh Hj Yusof di Bangi pada 12 Januari 2019.

[170] Pesta Ria ialah acara tahunan selama seminggu semasa konvokesyen.Gerai-gerai menjual berbagai jenis barangan,makanan dan permainan termasuk berbentuk perjudian.Semuanya diusahakan oleh mahasiswa/wi.

[171] Bakti Siswa adalah program di mana para mahasiswa/wi yang terpilih akan dihantar ke desa-desa yang dipilih oleh PMUM. Mereka tinggal selama dua minggu Bersama keluarga angkat, Memmahasiswai cara hidup setempat.

[172] Majlis Dansa Tahunan atau Annual Ball di adakan di Dewan Tunku Canselor. Ianya terbuka kepada mahasiswa/wi yang berminat Sahaja. Tidak ada paksaan untuk menyertainya. Majlis tari menari sentiasa terdapat di kolej kolej UM.

Rombongan terdiri dari sepuluh atau dua belas orang mahasiswa. Antaranya Ainon Muhammad[173], Lau Ai Bee, Ramlah Yusof, Ahmad Yusof, Nasir, pengkaji, seorang lagi mahasiswa Melayu dan India. Di Jakarta, rombongan disambut oleh mahasiswa Malaysia yang belajar di sana. Antaranya Syed Muhammad Syed Hassan[174] dan beberapa orang mahasiswa lagi.

Dari Jakarta, rombongan menaiki bas yang disewa ke universiti-universiti yang telah diaturkan. Rombongan bertemu dengan pemimpin-pemimpin mahasiswa di universiti-universiti tersebut. Selepas berucap sebagai pemimpin rombongan, biasanya semasa minum dan bertukar-tukar fikiran pengkaji mengagitasi pemimpin-pemimpin mahasiswa Indonesia untuk bangkit. Pengkaji timbulkan yang para mahasiswa Indonesia telah dipergunakan oleh CIA untuk berdemonstrasi menggulingkan Sukarno. Pengkaji timbulkan, bagaimana para mahasiswa Indonesia mempunyai pakaian seragam semasa berdemonstrasi. Pengkaji turut timbulkan kesedaran mereka bahawa Amerika Syarikat memang mahu menjatuhkan Sukarno demi kepentingannya di Asia Tenggara dan Asia. Pengkaji katakan di masa itu Perang Vietnam[175] mulai meledak panas. Sedangkan Sukarno sedang membangkitkan kesedaran bagi sesetengah pemimpin Dunia Ketiga supaya bebas dari rantai-rantai Imperialis. Malah Sukarno berusaha menjayakan GANEPO[176], sebagai menunjukkan penentangannya terhadap kuasa barat.

Pengkaji juga menimbulkan yang Malaysia juga lahir atas kepentingan kuasa barat bukan bagi kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak. Pengkaji nyatakan bahawa Inggeris sengaja

[173] Ainon Muhammad pernah bekerja di Dewan Bahsa.Kini adalah seorang pengkaji buku motivasi dan memperkenalkan pemikiran Edward deBono.
[174] Pernah mengajar di Jaya Akademi.Terlibat aktif dengan Parti Pas dan bertugas di Ibu Pejabat PAS. Dia dikenali sebagai Pak Syed.
[175] Perang Vietnam di pimpin oleh Ho Chin Min. Tentera Vietkong dari Vietnam Utara akhirnya dapat membebaskan Vietnam Selatan dari boneka Amerika pada tahun 1975.Amerika terhalau dari bumi Vietnam dengan penuh malu.
[176] GANEPO ialah Games of New Power.Sukarno berusaha menjayakan pesta sukan dari Negara Ketiga untuk menyaingi pesta sukan Olimpik.

ingin menyerahkan Sabah[177], Sarawak[178], Singapura[179] dan Brunei[180] kerana ingin menyekat kebangkitan rakyat di negeri-negeri tersebut. Selain itu bimbang kepada pengaruh Sukarno yang mungkin mampu menguasai Sabah dan Sarawak.

Selalunya majlis menjadi panas. Para pemimpin mahasiswa Indonesia mati- matian mempertahankan kegiatan mahasiswa pada tahun-tahun 1964-1965. Mereka menyalahkan Sukarno yang kononnya dikuasai oleh komunis iaitu PKI[181]. Ini menimbulkan kes pembunuhan di Lubang Buaya[182]. Mereka menganggap Suharto sebagai hero penyelamat negara dan Bangsa Indonesia.

Pengkaji sering diingatkan oleh kawan-kawan ahli rombongan supaya menghentikan mengagitasi para pemimpin mahasiswa universiti yang dilawati. Mereka merasa tidak selesa dan mengatakan cara pengkaji itu adalah salah. Pengkaji faham sebagai tuan rumah tentulah tidak selera bila tetamu mengkritik tentang rumahnya. Bagi pengkaji, perbincangan itu adalah selepas urusan rasmi. Maka tiada salahnya jika pengkaji menimbulkan perkara yang ada kaitan dengan perjuangan mahasiswa.

Pengkaji faham bahawa anggota rombongan tidak mempunyai agenda politik. Mereka hanyalah seperti pelancong yang berjalan untuk melihat tempat orang. Mereka tidak faham,

[177] Sabah bimbang dengan Filipina kerana Sabah dahulunya kepunyaan Kesultanan Sulu.Pada 2 Januari 1878 Perjanjian Overback Sulu antara Alfred Dent dan Baron von Overback dgn Sultan Sulu, ‘ menyewakan selamanya’Borneo Utara kepada British dengan 5,000.00 dollar Mexican.Kemudian Protokol Madrid ditandatangani pada 1885 antara Sepanyol- British disaksikan German, di mana Borneo Utara diserahakan kepada British dan Sepanyol menguasai seluruh Kepulauan Filipina. Pada 1888 menjadi negara naungan British.Pada 15 Julai 1946 Borneo Utara diletak bawah Tanah Jajahan Mahkota British.

[178] Kebangkitan rakyat melalui perang gerilla iaitu PARAKU (Pasukan Rakyat Kalimantan Utara). Sayap bersenjata Parti Komunis Kalimantan Utara (NKCP 30 Mac 1971). Pemberontakan NKCP (1062 – 1990).

[179] Singapura di mana golongan Komunis dan Sosialis sangat berpengaruh pada masa itu.Pilihan Raya Singapura di bawah Lee Kuan Yew boleh tewas pada tahun 1962 sekiranya pemimpin komunis tidak belok kepada Lee Kuan Yew.

[180] Brunei pada masa itu di bawah pengaruh Partai Rakyat Brunei yang di pimpin oleh Syed Zahari dan Zaini.Itu jelas terbukti bila pilihan raya diadakan pada tahun 1962, Partai Rakyat memenangi 51 daripada 52 kerusi. Bagaimana pun Inggeris telah mensabotajnya dengan mengadakan pemberontakan rakyat yang diaturnya.

[181] PKI ialah Parti Komunis Indonesia. Ditubuhkan oleh Henk Sneevlient pada Mei 1914. Henti pada 12 Mac 1966.

[182] Peristiwa Lubang Buaya. Iaitu kejadian pembunuhan General-General yang dikaitkan dengan kegiatan PKI. Tetapi terdapat pandangan yang lain iaitu kegiatan yang dikaitkan dengan kegiatan PKI. Tetapi terdapat pandangan yang lain iaitu kegiatan yang didalangi oleh CIA untuk menimbulkan kemarahan rakyat terhadap PKI dan sekali gus kepada Soekarno.

mengapa pengkaji melakukan provokasi-provokasi tersebut. Tujuannya untuk menimbulkan kesedaran antara para pemimpin mahasiswa, supaya mengimbau kembali terhadap kejadian Gerakan 30 September 1965 yang juga dikenali sebagai G30S. Pengkaji mahu ada di antara mereka yang tidak melihat Suharto sebagai penyelamat sebaliknya sebagai boneka Amerika. Malah melihat Suharto[183] sebagai pengkhianat kepada Sukarno yang berjuang untuk kepentingan Negara Ketiga.

Kesan dari tindakan ini telah menimbulkan masalah kepada salah seorang ahli rombongan PMUM pada tahun berikutnya. Seorang mahasiswa sejarah sekelas dengan pengkaji, iaitu Kamaruzaman Abdul ditahan di Lapangan Terbang Hatta, Jakarta serta disoal begitu lama sebelum dilepaskan. Mengikut beliau, ini terjadi gara-gara namanya mirip nama pengkaji. Rupanya, apa yang pengkaji lakukan telah disampaikan kepada pihak pemerintah. Maknanya, apa yang pengkaji lakukan itu mendapat perhatian para pemimpin mahasiswa universiti-universiti yang dilawati.

5.12 Kesimpulan

Pengkaji membesar dalam keluarga petani di Kampung Lubok Kawah yang kaya dengan sejarah perjuangan kemerdekaan Malaya. Sejarah perjuangan menentang penjajah Inggeris yang panjang itu turut melibatkan datuk pengkaji, melalui membekalkan makanan kepada anak muridnya yang revolusioner.Pengkaji sejak kecil terdedah kepada keluarga yang aktif di dalam parti politik iaituUMNO. Di samping itu pengkaji juga dapat mengenali ideologi dan parti lain iaitu PRM/PSRM. Biarpun terdapat pendukung dua parti yang berbeza ideologi di Kampung Lubok Kawah, namun masyarakatnya tidak terpisah oleh parti dan ideologinya. Masyarakat Lubok Kawah cukup harmoni, biarpun parti itu didukung oleh dua keturunan yang berbeza. Pendukung PRM/PSRM adalah anak tempatan, manakala pendukung UMNO adalah pendatang iaitu dari Kelantan. Anak Pahang lebih jelas tentang ideologi dan perjuangan mereka, malah kebanyakannya adalah bekas gerila yang revolusioner.

[183] Suharto adalah Presiden Indonesia yang mengenalkan Order Baru. Beliau menjadi Presiden Indonesia kedua menggantikan Sukarno, memegang kuasa selama 31tahun, dari tahun 1967 hingga 1998. Meninggal pada 27 Januari 2008. Pada tahun 1990-an, autoritarianisme Order Baru,korupsi,krisis ekonomi Asian 1997-1998 menjadi punca kebangkitan rakyat sehingga beliau meletak jawatan pada 1998.

Bila pengkaji membesar dan terdedah kepada ideologi sosialisme, serta bermesradengan bekas pejuang revolusioner, maka bibit-bibit kesedaran marhaenisme mula membenih di dada pengkaji. Kemudian perasaan memberontak terhadap ketidakadilan sosio-ekonomi mula bercambah segar, bila pengkaji bersama abangHalim menyewa rakit di Kuala Sungai Semantan semasa belajar di Sekolah Menengah Abu Bakar. Pengkaji turut terlibat dalam kepayahan hidup bersama setinggan di Kampung Kuala Semantan, yang kebanyakan bekerja sebagai buruh kasar, peniaga kecil, peraih dan nelayan sungai. Pengkaji sangat rapat dengan setinggan ini kerana turut membantu menjual sate, buah-buahan dan ikan bagi mendapatkan upah untuk hidup serta belanja persekolahan. Bermula dari kepahitan hidup dan pemberontakan terhadap ketidakadilan sosio-ekonomi ini, pengkaji mulai tidak berminat dengan perjuangan UMNO, malah merasakan perjuangan sosialisme lebih dekat dengan penghidupan rakyat marhaen.

Semasa belajar di Sek. Men. Abu Bakar, Sek. Alam Shah dan Maktab Kadir Adabi, pengkaji dapat mengasah bakat yang ada, sama ada di bidang sukan atau kepimpinan. Semasa di Sek. Men. Abu Bakar, bersukan lebih kepada tujuan untuk mendapatkan makan-minum, bagaimanapun semasa di Sek. Alam Shah, bersukan hanyalah untuk memenuhi ko-kurikulum dan hobi semata-mata,

Apa yang penting, semasa belajar di ketiga-ketiga sekolah tersebut, pengkaji dapat mengasah bakat kepimpinan yang ada. Pengkaji menjadi ketua kelas dari tingkatan satu di Sek. Men. Abu Bakar, di tingkatan 4 dan 5 di Sek. Alam Shah dan di tingkatan 6 di Maktab Kadir Adabi. Semasa di Maktab Kadir Adabi, pengkaji menjadi presiden kepada beberapa kelab, seperti Kelab Ekonomi, menjadi setiausaha badan pengawas. Sebenarnya pengkaji telah menjadi ketua kelas sejak darjah satu hingga darjah enam di Sek. Keb. Bangau. Barangkali bakat kepimpinan itu terbentuk oleh persekitaran keluarga.

Pengkaji dapat mengasah bakat berpidato dan kebolehan berbahas sejak di sekolah rendah lagi. Kebolehan semula jadi ini terus dipupuk semasa di sekolah menengah rendah dan menengah atas. Akhirnya menjadi modal kepada pengkaji bila terlibat aktif di dalam PMUM

di Universiti Malaya.

Kesedaran ideologi dan benih-benih sosialisme telah tumbuh bercambah di dada pengkaji sejak kecil kerana keadaan sekeliling, sama ada di Kampung Lubok Kawah dan Kampung Setinggan Kuala Semantan. Kemudian menyubur segar dan berkembang rendang bila menemui sarang sosialisme iaitu Kelab Sosialis Universiti Malaya.

Akhirnya, pengkaji turut menjadi penyumbang utama terhadap perkembangan sosialisme di Universiti Malaya. Bersama anggota Kelab Sosialis, pengkaji dapat menyemai bibit-bibit sosialisme ke pemikiran para mahasiswa. Cara mendekatkan para mahasiswa terhadap permasalahan rakyat marhaen, akhirnya mendapat sambutan dan sokongan dari para mahasiswa. Di mana mereka bersedia mendukung perjuangan Kelab Sosialis, melalui siri demonstrasi yang telah dilakukan. Kemuncaknya, para mahasiswa menyerahkan bungkusan kekuasaan PMUM kepada pemimpin-pemimpin Kelab Sosialis. Mereka menterjemahkannya melalui kemenangan seratus peratus calon-calon dari Kelab Sosialis di dalam Pilihan Raya PMUM pada tahun 1973/74 dan 1974/75.

Pengkaji mendekatkan diri dengan perjuangan Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM) yang dimulakan di Universiti Malaya Singapura dengan nama University of Malaya Student's Union (UMSU). Universiti Malaya Singapura terbentuk hasil gabungan antara King Edward VII College dengan Raffles College. King Edward VII College ditubuhkan pada 1905, menjalankan kursus perubatan, manakala Raffles College ditubuhkan pada 1928, menjalankan kursus sasteradan sains.

Pada 1961, Akta Universiti dan Perlembagaan Universiti, telah membuka pemisahan antara Universiti Malaya Kuala Lumpur dan Universiti Malaya Singapura. Kedua-duanya berpisah sepenuhnya pada tahun 1962, tetapi persatuan mahasiswa di Universiti Malaya Kuala Lumpur masih mengekalkan nama UMSU. Hanya pada tahun 1965, barulah UMSU ditukarkan kepada PMUM dan kekal sehingga ditamatkan pada 1975 oleh AUKU 1975.

Pengkaji dapat menunjukkan bakat kepimpinan dan kebolehan berpidato semasa minggu orientasi. Bertolak dari premis inilah, pengkaji mula didekati oleh kepimpinan PMUM dan Kelab Sosialis. Akhirnya pengkaji mendapat kepercayaan mereka bukan sahaja sebagai anggota Kelab Sosialis, malah diberi kepercayaan untuk bertanding di dalam Pilihan Raya PMUM mewakili Kelab Sosialis. Bukan sahaja pengkaji memenangi Pilihan Raya PMUM untuk sesi 1972/73, malah ditawarkan jawatan Naib Presiden PMUM, bagaimanapun pengkaji memilih menjadi Setiausaha Penerangan PMUM.

Pengkaji dapat mendalamkan ideologi sosialisme melalui Kelab Sosialis UM, yangmana benihnya mulai tumbuh semasa kecil dan bersekolah menengah. Sejarah perjuangan Kelab Sosialis UM, bermula sejak UM Singapura lagi. Ianya ditubuhkan oleh para mahasiswa progresif yang mempunyai kesedaran tentang perjuangan kemerdekaan dan penentangan terhadap penjajah Inggeris. Percubaan menubuhkan Kelab Sosialis di UM didahului dengan beberapa pertubuhan progresif seperti Forum Pantai, Kelab Progresif dan Forum Mahasiswa. Usaha menubuhkan Kelab Sosialis bermula pada tahun 1965 lagi, tetapi pada 1967 baru dibuat permohonan kepada Pendaftar Pertubuhan dan mendapat kelulusan pada 1969.

Pengkaji bersama Hishamuddin Rais dan anggota Kelab Sosialis terpaksa bekerjakeras untuk memulihkan imej dan keyakinan para mahasiswa selepas pimpinan kelab di dalam PMUM digulingkan dari PMUM sesi 1971/72. Bagaimanapun kerja keras di dalam menyusun aktiviti dan merekrut anggota baru membuahkan hasilnya. Akhirnya, Kelab Sosialis kembali bangkit dan menjadi kuasa yang sangat berpengaruh dan menguasai PMUM sepenuhnya. Sejak itu calon-calondari Kelab Sosialis memenangi 100% Pilihan Raya PMUM hinggalah dibatalkan pendaftarannya pada September 1974.

Sebagai pemimpin mahasiswa berideologi sosialis, pengkaji mengambil kesempatan dari lawatan ke Indonesia, semasa menemui para pemimpin mahasiswa di sana. Sengaja pengkaji

menimbulkan soal demonstrasi oleh KAMI yang didalangi oleh CIA untuk menjatuhkan Sukarno. Tujuannya, supaya pemimpin mahasiswa di sana menyedari bahawa persatuan mereka telah disusupi oleh CIA. Malah persatuan dan pemimpin mereka telah dijadikan alatoleh CIA dalam menjatuhkan Sukarno, bagi kepentingan perang Amerika di Vietnam.

BAB VI

PERANAN PMUM DALAM SIRI DEMONSTRASI

6.1 Pengenalan: Dipilih Sebagai Presiden PMUM

Kelab Sosialis memutuskan untuk meletakkan seramai mungkin ahli bertanding pilihan raya PMUM pada sesi 1973-1974. Diputuskan supaya pengkaji, Hishamuddin Rais, Hamzah Kassim, Hanim Ali, Chia Peng Koi, Teo Sai Chu[184], Baharudden Ali, Muhammad Salleh, Shose Kumar, Lim Heng Seng dan Adi Satriayang sudah seolah-olah ahli Kelab Sosialis turut bertanding.

Sebelah malam selepas penamaan calon, kampus UM dan kolej-kolej telah dipenuhi oleh poster bersimbol tangan berwarna merah yang merupakan lambang*Student Power*. Tindakan itu dibuat bagi mencuri perhatian para mahasiswa. Itu antara *psy-war* atau perang psikologi yang boleh meyakinkan mereka bahawa calon-calon bersimbol tangan mempunyai ramai penyokong. Juga menunjukan bahawa calon-calon dari Kelab Sosialis adalah antara calon berkumpulan yang serius. Membuktikan yang calon dari kelab mampu mentadbir PMUM sekiranya diberi kepercayaan.

Pengkaji dan Hishamuddin menggerakkan kempen untuk memenangkan calon- calon dari Kelab Sosialis. Senarai calon disampaikan kepada simpatatik untuk diedarkan di fakulti dan kolej-kolej. Sambutan terhadap calon di kolej-kolej semasa memperkenalkan mereka

[184] Teo Sai Chu memperolehi undi tertinggi bagi Kawasan umum. Dia turut ditahan bawah ISA selepas demonstrasi isu Baling. Selepas ditahan selama dua tahun dia dibebaskan. Kemudian dia meninggalkan Malaysia dan tinggal di German.

sangat memberangsangkan. Hishamuddin Raisdan pengkaji, turut berucap memperkenalkan barisan calon di Sudut Pidato.

Keputusannya memang seperti dijangkakan, kesemua calon-calon dari kelab memenangi Kawasan Umum. Kemenangan itu memberi peluang sepenuhnya kepada kelab menguasai barisan EXCO PMUM. Di mana pengkaji menjadi Presiden dan Hishamuddin Rais menjadi Setiausaha Agung. Hamzah Kassim menjadi EXCO Penerangan dan Penerbitan. Chia Peng Koi menjadi EXCO Kebajikan. Muhammad Salleh menjadi EXCO Perhubungan Luar, manakala Adi Satria menjadi Penolong Setiausaha Agung. Lim Peng Soon menjadi EXCO Sosial dan Mohd Zain Mohd Daud menjadi Naib Presiden.

Kelab Sosialis bukan saja menguasai PMUM, malah menguasai sepenuhnyabarisan editor Mahasiswa Negara. Ini bermakna apa saja yang kelab mahu lakukan akan mendapat sokongan dari akhbar Mahasiswa Negara yang sangat berpengaruh pada waktu itu. Apa saja yang dilakukan oleh PMUM dan Kelab Sosialis mendapat liputan yang positif. Dengan itu kelab dapat menggenggam Majlis PMUM sepenuhnya dan bertindak mengikut jalur kepentingan Kelab Sosialis.

Atas keyakinan kekuatan kelab, maka pendirian PMUM sentiasa bertentangan dengan selera pihak Canselori, malah kelab sanggup berkonfrontasi dengan pihak Canselori demi kepentingan mahasiswa. PMUM tidak akan mengalah dalam apa- apa tuntutan kepada pihak Canselori. Pengkaji menjadikan pendirian PMUM keras bukan saja terhadap Canselori, malah terhadap musuh-musuh politik di kampus UM[185].

Bersama Hishamuddin Rais dan barisan EXCO PMUM, pengkaji dapat menjalankan tugas

[185] Hishamuddin Rais memberitahu Ismail Sabri Yaakob semasa pertemuan di rumah Ismail Sabri, di Damansara.Hishamuddin Rais memberitahu Ismail Sabri bahawa mahasiswa tersalah anggap yang dia berpendirian keras. Beliau berkata " sebenarnya yang berpendirian keras adalah Kamarazaman. Antaranya meneruskan Annual Ball biar pun mendapat tentangan dari PBMUM dan PMIUM dengan demontrasi.Alasan untuk tidak mengendahkan tentangan dari PBMUM dan PMIUM adalah, "itu acara tahunan dan diputuskan dalam AGM".

dengan lancar dan berkesan. Saingan kelab di dalam kampus UM tidak dapat mengganggu-gugat kekuatan Kelab Sosialis, kerana mereka hanya mampu mengadakan rapat di Sudut Pidato semata-mata, dan tidak lebih dari itu. Sepanjang pengkaji bersama Hishamuddin Rais menguasai PMUM tidak pernah terdapatnya demonstrasi sehingga ke Rumah Persatuan PMUM oleh pihak musuh. Mereka hanya mampu bersuara di Sudut Pidato dengan sokongan yang sangat sedikit. Sokongan yang lemah itu menyebabkan mereka tidak konfiden mengadakan demonstrasi di depan Rumah Persatuan PMUM.

Persatuan yang cuba menyaingi PMUM ialah PBMUM dan PMIUM. Bagaimanapun sukar untuk mereka menggerakkan para mahasiswa menentang PMUM. Mereka sedar biarpun PMUM dikuasai oleh Kelab Sosialis, tetapi isu tersebut tidak dapat mempengaruhi para mahasiswa untuk menentang PMUM. Lagipun, kelab sentiasa berjuang untuk kepentingan para mahasiswa dan kelab sentiasa menjalankan aktiviti yang memberi manfaat kepada para mahasiswa.

Hishamuddin Rais dan pengkaji sentiasa menjaga kepentingan para mahasiswa, biarpun terpaksa berkonfrontasi dengan pihak Canselori. Perkhidmatan bas secara percuma kepada para mahasiswa di kolej-kolej sentiasa berjalan lancar. Empat orang pemandu disediakan bagi mempastikan kesemua empat buah bas bergerak mengikut jadual. Kursus Kewartawanan menjadi aktiviti tahunan, supaya sidang pengarang akhbar Mahasiswa Negara dapat mengekalkan akhbar tersebutmenjadi kesukaan pembaca. Halim Latif yang menjadi Ketua Pengarang, bila meninggalkan UM, telah menyertai Utusan Melayu. Bidang sukan juga turut diberi perhatian dengan segala kemudahan disediakan. Antara pemain bola pasukanUM yang dikenali adalah Abdullah Ali, di mana beliau menyertai pasukan Olimpik Malaysia pada tahun 1980.

Satu percubaan telah dibuat oleh kepimpinan PBMUM untuk membangkitkankemarahan para mahasiswa terhadap kelab. Ianya berhubung dengan Pilihan Raya Umum ke empat

Malaysia pada 8hb Ogos-24hb Ogos untuk Semenanjung Malaysia[186].

6.2 Berkempen Untuk PSRM Di Melaka

Bila Tun Abd. Razak membubarkan Parlimen ketiga Malaysia pada 31hb Julai 1974 dan dikuti pembubaran Dewan-Dewan Undangan Negeri, maka Kelab Sosialis mengambil keputusan untuk terlibat di dalam kempen-kempen pilihan raya. Kelab Sosialis memutuskan untuk berkempen ke seluruh negara dengan menggunakan kemudahan PMUM. Iaitu dengan menggunakan bas milik PMUM bagi menjelajah ke seluruh bandar-bandar besar. Penglibatan kepimpinan PMUM dalam PRU telah terjadi pada PRU 1969. Selain PMUM Syed Hamid Ali turut terlibat secara aktif semasa kempen PRU ini[187].

Pengkaji ke Temerloh bertemu dengan OCPD Temerloh bagi mendapatkan kebenaran tempat untuk mengadakan rapat umum. Pelbagai alasan pengkaji berikan, termasuk mengatakan PMUM tidak memihak kepada mana-mana parti politik. Mahasiswa hanya ingin mengingatkan kepada pengundi supaya menggunakan undi mereka sebaik mungkin dan tidak mengundi sesuka hati. OCPD tetap dengan pendiriannya menolak sebarang bentuk kebenaran kepada mahasiswa. Pengkaji pulang ke kampus UM dengan rasa hampa.

Akhirnya Kelab Sosialis memutuskan untuk menjelajah ke seluruh negara dengan menggunakan kemudahan PMUM. Pengkaji sebagai anggota PSRM mengambil keputusan untuk membantu calon-calon PSRM Melaka di bawah kepimpinanHasnul Abdul Hadi[188].

[186] PRU ke 4 Malaysia pada 8 Ogos -24 Ogos bagi Semenanjung Malaysia. Pilihan Raya pertama bagi Parti Barisan Nasional (BN) yang dibentuk oleh Tun Abd Razak pada 1971, melibatkan sepuluh parti politik termasuk PAS.Antara parti di Semenanjung yang turut menyertai PRU ini ialah Parti Sosialis Rakyat Malaya (PSRM). Parti Tindakan Demokratik (DAP) , Parti Progresif Rakyat (PPP),Parti Keadilan Masyarakat Malaysia (PEKEMAS) , Parti Kesatuan Insaf Tanah (KITA). Selepas penamaan calon ditutup, BN telah memenangi 90 kerusi tanpa bertanding. Memenangi 47 kerusi Parlimen dan 43 kerusi DUN. Manakala PM iaitu Tun Abd.Razak dan TPM iaitu Tun Hussein Onn serta 8 Menteri Kerajaan Pusat menang tanpa bertanding.

[187] Temubual Bersama Syed Hamid Ali pada 20 Februari 2019, KL.

[188] Hasnul Hadi adalah Ahli Jawatankuasa Pusat PSRM dan Pengerusi PSRM Melaka. Beliau pernah menjadi Dato Bandar Melaka bila PSRM memenangi Pilihan Raya Majlis Perbandaran Melaka. Beliau juga pernah ditahan di bawah ISA pada 1964 dikaitkan dengan Sukarno.

Hishamuddin Rais membawa anggota Kelab Sosialis dan simpatatik menjelajah ke seluruh negara[189]. Kelab Sosialis mengambil kesempatan ini kerana berkebetulan UM mulai bercuti penggal.

Bersama pengkaji membantu Hasnul Abdul Hadi ialah Halim Latif, Harris Pardi dan dua tiga orang mahasiswa lagi. Sepanjang musim berkempen pengkaji bersama rakan-rakan tinggal di rumah Hasnul Abdul Hadi.

Rombongan pengkaji sampai ke Melaka awal petang. Kemudian pengkaji menyertai Hasnul Abdul Hadi berkempen pada malam tersebut di Kampung Sungai Duyung. Pengkaji sebagai pemidato ketiga, sempat berucap selama lebih kurang lima belas minit sebelum diberhentikan oleh polis. Mereka memberhentikan, kerana nama pengkaji tiada di dalam senarai pemidato pada malam tersebut. Polis mengambil keterangan ringkas dan meminta pengkaji datang ke balai polis pada esoknya. Pengkaji lakukan seperti mana yang diminta oleh pihak polis.

Akhirnya dijadikan kes, kerana pengkaji didapati melanggar peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya. Di mana setiap orang yang mahu berucap di dalam rapat umum, namanya mestilah disenaraikan semasa membuat permohonan di balai polis. Pengkaji terpaksa menghadapi perbicaraan kes ini, semasa ditahan di bawah ISA, di Kamunting, Taiping Perak. Dari Taiping, pengkaji terpaksa menaiki kereta api menuju Bandar Melaka. Abdul Razak Ahmad, Jawatan Kuasa Pusat PSRM, telah menjadi peguam, yang akhirnya ke sini ditolak kerana pihak polis tidak dapat membuktikan pengkaji ada berucap pada malam tersebut. Abdul Razak Ahmad, meminta polis membuktikan pengkaji ada berucap dengan mengemukakan *tape* ucapan pengkaji. Pihak polis telah gagal mengemukakan bukti, menyebabkan majistret menolak kes ini.

Siang malam pengkaji memenuhi jemputan berkempen selain menolong Hasnul Abdul Hadi.

[189] Temubual Hishamuddin Rais dan Adi Sastria pada 6 Februari 2019.

Beliau bertanding kerusi Parlimen Melaka menentang Chong Hon Nyan dan kerusi DUN iaitu Hashim Pit. Pengkaji melihat keputusan di tv bersama Hasnul Abdul Hadi dan rakan-rakan, di mana semua calon-calon PSRM tewas di seluruh negara. Tiga kerusi terakhir yang dimenangi oleh PSRM adalah pada PRU 1969[190].

Selepas pilihan raya, pengkaji pulang ke kampus meneruskan tugasan di Rumah Persatuan PMUM. Bila pengajian kembali bermula, terdapat suara-suara yang menuduh Kelab Sosialis dan PSRM menyalahgunakan harta PMUM. Kemuncaknya PBMUM mengadakan rapat di Sudut Pidato dan mengajak mahasiswa menentang kepimpinan PMUM. Oleh kerana kekurangan para mahasiswa untuk diteruskan dengan demonstrasi ke Rumah Persatuan PMUM, mereka menyeru supaya diadakan pertemuan pada esoknya. Mereka menjanjikan untuk mengadakan demonstrasi pada esoknya ke Rumah Persatuan PMUM.

Pengkaji bersama EXCO PMUM bermesyuarat berhubung perkembangan tersebut. Berbagai cadangan dikemukakan termasuk untuk menyediakan kertas- kertas penyewaan bas PMUM. Pengkaji menolaknya dengan memutuskan untuk mengadakan rapat di Sudut Pidato pada esoknya biar pun terpaksa bertembung dengan kepimpinan PBMUM. Pada mulanya ada di kalangan EXCO yang menentang cadangan itu. Namun pengkaji tetap berkeras dan akhirnya cadangan itu diterima. Petang tersebut PMUM membuat pengumuman di semua kolej tentang rapat di Sudut Pidato.

Rapat yang dihadiri ramai para mahasiswa di Sudut Pidato sangat meyakinkan PMUM tentang sokongan mereka terhadap barisan EXCO yang ada. Bila PMUM menguasai Sudut Pidato, maka pihak PBMUM terpaksa membatalkan hasrat mereka. Mereka tidak berani

[190] Tiga kerusi dimenengi oleh PSRM pada PRU 1969 sebagai kemenangan terakhir. Selepas itu PSRM tidak lagi memengi sebarang kerusi biar pun menyertai PRU selepasnya. Pada PRU 1969 PSRM memenangi dua kerusi DUN di Pahang mwlalui Mohd Ramly Ismail @ Zulkifli Ismail bagi kerusi N12 iaitu Ulu Kuantan. Manakala Sivasubramaniam Sivasumbandan memenangi kerusi N9 iaitu Tanah Puteh. Kedua dua kerusi tersebut di dalam Parlimen Kuantan. Di Puala Pinang, PSRM memenangi kerusi N14 iaitu Balik Pulau melalui Abdul Rahman Yunus. Mohd Ramly yang lebih dikensli debagai Cikgu Zul telah ditahan di bawah ISA selepas kemenangan tersebut.

berdepan, agaknya takut kepada penyokong dan simpatatik PMUM. Hamzah Kassim, Hishamuddin Rais dan pengkaji berucapmenjawab tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh pesaing PMUM. Pengkaji menjelaskan yang pengkaji sebagai anggota PSRM terlibat menyokong Hasnul Abdul Hadi calon PSRM di Melaka.

Pemergian kumpulan pengkaji ke Melaka tidak melibatkan kemudahan PMUM. Pengkaji tidak terlibat dengan penjelajahan kumpulan di bawah kepimpinan Hishamuddin Rais ke seluruh negara. Juga pengkaji mengingatkan paramahasiswa, bahawa apa salahnya kalau PMUM terlibat dalam kempen pilihan raya, kerana sepanjang masa aktivis mahasiswa melakukan aktiviti politik. Pengkaji mengajak para mahasiswa menolak pemimpin mahasiswa yang sangat oportunis yang telah tewas di dalam pilihan raya PMUM.

Manakala Hishamuddin Rais menjelaskan yang beliau tidak terlibat dengan mana-mana parti politik. Rombongannya meninjau perjalanan proses demokrasi di negara ini. Beliau turut mengingatkan para mahasiswa bahawa menjadi tanggungjawab bersama untuk menyuburkan demokrasi di negara ini. Malah beliau turut menyerang sifat oportunis para pemimpin mahasiswa yang mempersoalkan tindakan PMUM yang prihatin terhadap demokrasi. PMUM terselamat dari cubaan saingan yang mungkin akan mengadakan EGM sekiranya mendapat sokongan.

Sepanjang pengkaji terlibat di dalam PMUM dan Kelab Sosialis sejak tahun 1972 hingga 1974, lima demonstrasi besar yang tidak dapat dilupakan. Pertama, demonstrasi Perang Ramadan atau Perang Yom Kippur pada Oktober 1973 di depan Kedutaan Amerika *dan* Lincoln Centre. Kedua, pada November 1973 demonstrasi besar-besaran menentang AUKU di dalam kampus UM melibatkan ribuan para mahasiswa. Ketiga, demonstrasi setinggan Tasik Utara, Johor Bharu dan rampasan kampus UM. Keempat, demonstrasi isu kelaparan di Baling dan penangkapan ribuan para mahasiswa. Kelima, demonstrasi serta rusuhan di sepanjang Lebuhraya Persekutuan berhampiran Kampung Kerinchi hingga di hadapan bangunan KWSP. Demonstrasi serta rusuhan ini turut melibatkan setinggan Kampung Kerinci dari siang hingga ke malam yang menyebabkan pondok polis di tepi jalan turut

musnah.

Akhirnya kelima-lima demonstrasi tersebut menyumbang kepada penahanan pengkaji di bawah ISA. Kelima-lima demonstrasi tersebut menjadi tuduhan di dalam pertuduhan yang dikenakan kepada diri pengkaji[191].

6.3 Perang Ramadan Atau Perang Yom Kippur

Perang ini berlaku dari 6hb hingga 26hb Oktober 1973. Perang antara Arab-Israel ini berlaku pada bulan Ramadan dan jatuh pada hari Yom Kippur[192] bagi penganut Yahudi. Perang ini juga dikenali sebagai Perang Oktober, Perang Ramadan dan Perang Yom Kippur.

Pakatan Arab ini diketuai oleh Mesir dan Syria. Antara negara-negara Arab yang turut membantu ialah Jordan, Iraq, Saudi Arabia, Libya, Tunisia, Algeria, Morocco,termasuk Cuba dan USSR. Negara-negara Arab membantu dalam ketenteraan dan kewangan. Manakala Cuba dan USSR membantu di bidang persenjataan dankeperluan teknikal. Mesir melakukan serangan ini bagi mendapatkan kembali Semenanjung Sinai yang ditawan oleh Israel sewaktu Peperangan 6 Hari[193]. Anwar Sadat mempunyai strateginya sendiri dalam mendapatkan kembali bumi Mesir yang terlepas di dalam peperangan antara Mesir-Israel pada tahun 1967dan sekali gus cuba menebus kembali maruah bangsanya[194].

Pakatan Arab melakukan serangan mengejut di bawah pengaruh Mesir dan Syria.Presiden Mesir pada masa ini ialah Anwar Sadat[195]. Pertempuran tertumpu di Semenanjung Sinai dan

[191] STATEMENT UNDER SECTION : KAMARAZAMAN BIN 11(2)(b) INTERNAL.SECURITY ACT, 1960. NAME OF DETAINEE : KAMARAZAMAN BIN YACOB. NRIC NO:0268764(Blue)
[192] Yom Kippur adalah hari tersuci/mulia bagi orang-orang Yahudi.
[193] Perang Enam Hari ialah peperangan antara Mesir-Israel. Di mana Israel menyerang secara mengejut dan melumpuhkan kekuatan tentera udara Mesir.
[194] James Bean and Craig Girad, Anwar al Sadat's grand strategy in the Yom Kippur war (PDF), 2001, National WarCollage, http://m.facebook.com>post.
[195] Anwar Sadat atau nama penuhnya Muhammad Anwar el-Sadat mwrupakan ahli politik Mesir dan presiden ketiga

Golan Height. Pada peringkat awal Mesir dan Syria berjaya menewaskan Israel, tapi gagal mempertahankannya bila menerima serang balas dari Israel. Malah tentera Israel mendapat bantuan kemudahan dari USA untuk menyerang jauh ke dalam Mesir dan Syria. Kesan dari kekalahan ini menyebabkan Mesir tiada pilihan melainkan mencari jalan damai untuk jangka masa yang panjang. Akhirnya Anwar Sadat memilih untuk jalan perdamaian melalui Perjanjian Camp David 1978[196].

Berita tentang peperangan antara Mesir, Syria dan Israel ini, menyebabkan kepimpinan PMUM mengambil sikap menyokong Mesir dan Syria. PMUM secara resmi telah mengeluarkan kenyataan mengutuk tindakan Israel terhadap peperangan tersebut pada 9 Oktober 1973. Juga memutuskan untuk membantah sokongan Amerika terhadap Israel yang memberi kelebihan kepada Israel. PMUMmenghebohkan untuk mengadakan rapat di Sudut Pidato dan mengadakan demonstrasi di depan Kedutaan Amerika di Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Dalam masa yang sama PMUM menyediakan keperluan untuk berdemo pada 12 Oktober1973.

Pagi 12 Oktober 1973, satu rapat diadakan di Sudut Pidato sebelum menuju ke Kuala Lumpur dan sasarannya ialah Kedutaan Amerika. Para mahasiswa datang dari berbagai sudut, antaranya dari laluan dekat Jalan Campbell, laluan di depan Bangunan *Capital Insurance*, Jalan Ampang. Mereka berarak dengan membawa berbagai sepanduk yang mengutuk Israel dan Amerika menuju ke Bangunan AIA, Jalan Ampang. Kedutaan Amerika menyewa di bangunan tersebut. Perarakan para mahasiswa itu turut disertai orang ramai yang simpati kepada rakyat Mesir dan Syria, di samping anti-Israel serta Amerika. Ombak kemarahan para mahasiswa sudah tidak terkawal lagi bila mereka mulai mengganggu kereta

Mesir dari 1970 sehingga 1981. Beliau memulakan tugas sebagai presiden pada 15 Oktober 1970 selepas kematian mengejut Gamal Abdel Nasser. Beliau dibunuh pada 6 oktober 1981 akibat serangan pegawai tentera yang fundamentalis. Hasil perjanjian damaiMesir-Israel melalui Kem David 1987, beliau telah menerima Anugerah Keamanan Nobel dan menyebabkan beliau tidak popular di kalangan negara Arab.

[196] Perjanjian Camp David, di mana Jimmy Carter (Presiden Amerika) menjadi orang Tengah di antara Anwar Sadat dan Menchem Begin (Presiden Israel) menjayakan perjanjian damai ini. Ini merupakan perjanjian damai pertama antara negara Arab dengan Israel. Perjanjian ini dianggap penamat kepada perang Arab-Israel 1948. Inti perjajian ini termasuklah Israel keluar dari Semenanjung Sinai, pembebasan Terusan Suez, mengiktiraf Selat Tiran dan Teluk Aqabah sebagai laluan air antarabangsa. November 1977, Anwar Sadat melawat Israel and Knesset (Parlimen Israel). Kesannya Mesir digantung dari Liga Arab sehingga 1989.Kemuncaknya Anwar Sadat dibunuh oleh olongan Islamist pada 6hb Oktober 1981 kesan daripada perjanjian Kem David.

yang lalu lalang di depan Bangunan AIA. Akhirnya, demonstran yang seramai 1000 orang itu terpaksa bersurai bila pasukan FRU melepaskan tembakan gas pemedih mata. Para mahasiswa berundur dengan rasa penuh marah kerana tindakan pihak FRU.

Rapat diadakan di Sudut Pidato pada pagi 13 Oktober 1973[197] bagi meneruskan demonstrasi kerana demonstrasi semalam berakhir dengan tembakan gas pemedih mata oleh FRU. Perasaan marah para mahasiswa terhadap FRU masih membuak-buak yang menjadikan sambutan hari ini sangat menggalakkan dari semua bangsa dari berbagai fakulti. Keperluan peralatan berdemonstrasi diagih- agihkan kepada para mahasiswa untuk dibawa ke tempat berdemonstrasi. Lebih seribu para mahasiswa bersedia untuk berdemo dan mereka bergerak ke depan Kedutaan Amerika, Jalan Ampang. Para mahasiswa berkumpul di depan Bangunan AIA yang kemudiannya disertai oleh mahasiswa dari PMUKM dan KSITM.

Macam biasa Hishamuddin Rais, pengkaji berucap di depan Kedutaan Amerika sambil menunggu kesampaian para mahasiswa. Hishamuddin Rais dan pengkaji berjaya meniupkan kemarahan mahasiswa yang akhirnya membakar patung Moshe Dayan, Menteri Pertahanan Israel yang memakai baju bendera Amerika. Anggota Kelab dan simpatetik telah memukul pintu besi City Bank yang telah ditutup. Para mahasiswa menjadi agresif dan menahan semua kereta yang cuba melintasi mereka. Mana-mana pemandu atau penumpang yang berupa seperti orang Eropah, akan dijeritkan slogan anti-Amerika. Malah para mahasiswa akan memukul atau menendang kereta, sekiranya cuba berjalan agak laju yang boleh membahayakan para demonstran. Keadaan semakin tidak terkawal dan tindakan mahasiswa semakin agresif. Orang ramai turut mendekati para mahasiswa dan menyertai gelombang para mahasiswa.

FRU tiba disambut dengan sorakan dan lontaran batu, kayu dan botol air. Selepasdiberi amaran untuk bersurai oleh A. Selvaraj, Hakim Mahkamah Rendah, yang tidak dipedulikan

[197] Temubual dengan Hishamuddin Rais pada 13 Mac 2019, di Jalan Kelang, Kuala Lumpur.

oleh para mahasiswa, maka loceng dibunyikan dan bersambut tembakan gas pemedih mata. Mahasiswa wanita diarah berundur dan masuk ke dalam pusuan orang ramai di kaki lima kedai-kedai berdekatan. Tembakan awalitu disambut dengan sorakan dan para mahasiswa mengambil kelongsong berasap itu sambil dibalingkan kembali ke arah FRU.

Bila mahasiswa masih berdegil, maka FRU menembak seperti bertih digoreng tanpa henti. Gas pemedih mata yang asapnya berwarna hitam sangat memedihkan dan membuatkan kulit merasa gatal. Maka para mahasiswa mengalah dan bertempiaran lari menyelamatkan diri ke kedai berdekatan atau berlindung di lorong-lorong antara deretan kedai. Peserta demonstrasi bersurai secara automatik dan balik ke kampus dengan perasaan marah kepada FRU.

Kepimpinan PMUM tidak berpuas hati dengan hasil demonstrasi hari tersebut dengan hujanan gas pemedih mata. Lantas menghubungi semua kepimpinan mahasiswa iaitu UKM, KSITM, KSITK dan PMUPM. Esoknya satu mesyuarat diadakan dan mengambil keputusan untuk mengadakan demonstrasi secara besar-besaran pada 16hb Oktober 1973[198]. PMUM telah menghebohkan tentang satu demonstrasi akan dibuat pada 16hb Oktober dan meminta para mahasiswa berkumpul di Sudut Pidato. Pada malamnya Rumah Persatuan didatangi ramai mahasiswa untuk membantu menyediakan manila kad dan sepanduk.

Pada sebelah malam 15 Oktober, Kelab Sosialis telah mengadakan perbincangan untuk mengatur strategi. Rancangan yang dibuat ialah, untuk melakukan sesuatu yang tidak diketahui oleh para mahasiswa UM dan juga pemimpin mahasiswa dari universiti lain. Kelab Sosialis mahu membuat sesuatu yang diluar jangkaan pemimpin-peminpin dari institusi pengajian yang lain. Satu tindakan yang boleh memerangkapkan semua mahasiswa kepada suatu tindakan yang di luar jangkaan mereka.

[198] Temubual Bersama Hishamuddin Rais pada 13 Mac 2019, di Jalan Kelang, Kuala Lumpur.

Pagi 16 Oktober, para mahasiswa telah memenuhi kawasan di Sudut Pidato. Penuh sesak mereka yang terdiri dari berbagai kaum dan dari semua fakulti. Seperti biasa, Hishamuddin Rais dan pengkaji membakar semangat para mahasiswa. Kemudian memberi arahan, sambil EXCO PMUM mengagihkan manila kad dan sepanduk yang siap ditulis kepada mereka. Beberapa helai sepanduk untuk kegunaan khas semasa demonstrasi dipegang oleh Abu Zer Ali, Yunus Ali, Albert Foo dan Bashkaran.

Pengkaji dan Hishamuddin Rais mengarahkan para mahasiswa bergerak ke arah Kuala Lumpur dan menjadikan Kedutaan Amerika sebagai sasaran. Mereka bercempera menuju kenderaan masing-masing. Hishamuddin Rais membonceng motosikal pengkaji. Ramai juga yang menaiki tiga buah bas PMUM yang disediakan. Ribuan para mahasiswa dari kampus Universiti Malaya menuju destinasi yang sama iaitu Bangunan AIA, Jalan Ampang.

Bila pengkaji bersama Hishamuddin Rais sampai di depan Bangunan AIA, mahasiswa sudah tepu di situ. Mereka menjeritkan slogan anti- Amerika. Pengkaji lihat Abu Zer Ali, Yunus Ali, Harris Pardi, Chia Peng Koi, Bashakaran, Albert Foo, Ahmad Zahid Hamidi dan anggota Kelab Sosialis sedang mengepalai menjeritkan slogan tersebut. Pengkaji meminta pembesar suara dari Abu Zer Ali selepas memanjat naik ke atas tiang batu di tepi jalan. Kemudian mengepalai para mahasiswa menyanyikan lagu Inilah Barisan Kita[199]. Tapi seni katanya telah diubah sedikit dari seni kata asal menjadikan lagu itu seolah-olah lagu milik para mahasiswa. Memang lagu berentak *'march'* itu dapat menaikkan semangat para mahasiswa. Lagu ini dinyanyikan semasa perbarisan *'freshie'* mengelilingi kampus. Setiap *'freshie'* diwajibkan menghafal lagu ini.

Selepas yakin dengan bukan semangat para mahasiswa, pengkaji memulakan pidato menyerang Israel dan Amerika. Semasa pengkaji sedang berucap, beberapa buah trak FRU

[199] Lagu Inilah Barisan Kita juga dikenali sebagai Perajurit Tanah Air. Komposernya ialah Saiful Bahri dan seni katanya juga dibuat oleh beliau. Lagu ini dihasilkan pada tahun 1964 semasa konfrontasi antara Malaysia-Indonesia yang terjadi pada 1963-1965 berpunca dari pembentuk Malaysia pada 16hb September 1963.

mulai sampai. Mereka keluar dan berbaris di depan trak dan memerhati ke arah ribuan mahasiswa. Kemudian Hishamuddin Rais mengambil tempat pengkaji mengutuk Amerika-Israel. Selepas itu ternampak Anwar Ibrahim, pemimpin ABIM dijulang oleh mahasiswa. Hishamuddin Rais menghentikan ucapannya untuk memberi laluan kepada Anwar memberikan ucapannya.

Usman Awang turut berucap ringkas menyokong tindakan para mahasiswa. Kemuncaknya mahasiswa mengangkat Abu Yaakob, wakil Al-Fateh di Malaysia untuk berucap. Dia mengucapkan terima kasih terhadap sokongan mahasiswa kepada perjuangan rakyat Timur Tengah. Kemudian ucapannya berapi-api mengutuk keganasan Israel dan campur Amerika di Timur Tengah. Antara perkataan keramatnya ialah,

"Your struggle is my struggle. Our struggle cannot be surrendered,"

Bila Abu Yaakob menamatkan ucapannya, pemimpin mahasiswa dari semua pusat pengajian tinggi termasuk Anwar Ibrahim mulai berkumpul. Mereka memutuskan untuk berjumpa dengan Duta Amerika atau wakilnya. Bila dibenarkan oleh pihak keselamatan pejabat Kedutaan Amerika, kesemua pemimpin mahasiswa mewakili persatuan masing-masing termasuk Hishamuddin Rais memasuki bangunan AIA. Pengkaji menyusup dalam pusuan para mahasiswa mencari Abu Zer Ali, Yunus Ali, Bashkaran untuk mengatur seperti apa yang dirancangkan.

Pengkaji sempat berpaling ke arah jeritan dan sorakan para mahasiswa. Mereka mendongak sambil memerhati ke atas Bangunan AIA. Ternampak seorang mahasiswa menurunkan bendera Amerika dari tiangnya. Kemudian mahasiswa itumencampakan bendera tersebut dengan disambut sorakan dan tempikan para mahasiswa. Belum pun sempat bendera itu mencecah tanah, ianya telah disambar oleh mahasiswa. Kemudian bendera itu dipijak-pijak sebelum dibakar.

Pihak FRU hanya memerhati gelagat mahasiswa tanpa boleh berbuat apa-apa. Mereka tetap berdiri tapi tidak bertindak seperti demonstrasi sebelumnya. Senapang mereka tidak memuntahkan gas pemedih mata biarpun mahasiswa turut bertindak seperti demonstrasi pada 13 Oktober lalu.

6.4 Menggempur *Lincoln Centre*

Pengkaji bersama Abu Zer Ali, Yunus Ali, Bashkaran telah siap mengatur sepertimana yang dirancangkan. Sepanduk-sepanduk di tangan mereka telahdiregangkan. Bila para pemimpin mahasiswa turun dari bangunan AIA, segera mereka diserbu oleh para mahasiswa. Seperti yang dirancangkan, Albert Foo terus menyambar dan mendukung Anwar Ibrahim. Anwar mengumumkan tentang pertemuan rombongannya bersama wakil Kedutaan Amerika.

Semasa Anwar masih berucap, pengkaji bersama Abu Zer Ali, Yunus Ali, Harris Pardi, Bashkaran, Ahmad Zahid Hamidi dan anggota Kelab Sosialis yang lain menjerit sambil mengajak mahasiswa menuju ke arah Lincoln Centre[200]198. Mereka terpengaruh bila melihat sepanduk bergerak di hadapan menuju Lincoln Centre. Albert Foo yang mendukung Anwar sengaja bergerak cepat supaya penyokong Anwar terperangkap dengan Rancangan Kelab Sosialis. Kesemua para mahasiswa seperti air yang mengalir menuju Lincoln Centre.

Akhirnya para mahasiswa memenuhi perkarangan di depan *Lincoln Centre*. Hishamuddin Rais dan pengkaji berucap ringkas memberitahu mengapa membawa mereka ke depan *Lincoln Centre*. Selepas itu Hishamuddin Rais dan pengkaji mengaruk ke belakang sambil mengarahkan anggota kelab bertindak ganas. Seperti dirancang, anggota kelab melontarkan batu-batu yang telah disediakan di dalam bag masing-masing. Bila batu yang dibaling

[200] Lincoln Centre ialah sebagai Pusat Imformasi bagi Ameruka yang menjadi tempat penyebaran, penerangan dan propaganda untuk imperialis Amerika. Bagaimanapun di dalamnya terdapat perpustakan dengan buku-buku yang banyak untuk pembaca.

tertampan ke dinding kaca *Lincoln Centre*, maka dinding tersebut retak atau pecah. Batu-batu berterbangan menuju dinding kaca tanpa henti.

Akhirnya, bukan hanya dilakukan oleh anggota Kelab Sosialis, malah para mahasiswa mengutip batu-batu di gigi jalan dan tebing sungai untuk dilontar ke dinding kaca Lincoln Centre. Harris Pardi menyatakan, "aku, Bashkaran, Mahadi, Hwee Seng, ramai lagi yang marah dengan mahasiswa yang cuba menghalang. Aku suruh dibaling rendah untuk takutkan mahasiswa-mahasiswa tersebut. Gila, mereka pula nak selamatkan dinding Lincoln Centre. Kami baling serentak. Akhirnya mereka lari dari dinding kaca Lincoln Centre[201]".

Terdapat sekumpulan mahasiswa yang berbaris di depan dinding sambil menjerit supaya menghentikan balingan batu. Jeritan itu disambut dengan balingan batu yang semakin lebat. Dinding kaca Lincoln Centre banyak yang pecah. Keadaan itu menjadi semakin kelam kabut dan mahasiswa yang cuba menyelamatkan dinding Lincoln Centre terpaksa menyelamatkan diri mereka.

FRU hanya memerhati dari jauh. Manakala anggota polis yang diketuai oleh ASP Yahaya cuba mengawal keadaan tetapi tidak berhasil. Tidak lama selepas itu Anwar kembali didukung oleh mahasiswa. Albert Foo kembali bersama anggota Kelab Sosialis selepas menyelesaikan tugasnya seperti yang dirancangkan.

Anwar berpidato ringkas sambil melihat batu-batu yang berterbangan. Kemudian beliau seperti berjenaka dengan menyebut dan mengulangi berkali-kali iaitu, '*Lincoln* Lingkup. *Lincoln* Tutup. Tutup *Lincoln*. Lingkup *Lincoln.*" Ramai para mahasiswa mengikut perkataan yang disebut oleh Anwar itu dalam nada yang sama.

[201] Temubual Bersama Haris Pardi, 15 April 2019, Petaling Jaya.

Tidak lama selepas itu sampai Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Dalam Negeri Malaysia menaiki kenderaan tanpa bumbung. Segera ASP Yahaya mendekati kereta yang dinaiki oleh Tan Sri Ghazali Shafie sambil menyerahkan sebuah pembesar suara. Anwar masih di atas dukungan mahasiswa dan menyatakan tujuan para mahasiswa berdemonstrasi.

Di masa ini anggota Kelab Sosialis telah kehabisan batu untuk dilontar ke arah dinding Lincoln Centre. Pengkaji bersama Hishamuddin bersandar ke dinding bangunan di seberang jalan sambil memerhati ke arah pusuan mahasiswa yang mengilingi kereta Tan Sri Ghazali Shafie. Kemudian Hishamuddin berlalu untuk membeli minuman dan meninggalkan pengkaji memerhati gelagat para mahasiswa.

Tan Sri Ghazali berjaya memainkan sentimen agama kepada para mahasiswa Islam. Kemuncaknya beliau berjaya mempengaruhi para mahasiswa Islam untuk pergi bersamanya menunaikan fardhu Zohor. Anwar pun turut bersama paramahasiswa mengekori Tan Sri Ghazali menuju Masjid Negara.

Pengkaji bersama anggota Kelab Sosialis dan simpatatik cuba menghalang para mahasiswa dari terpengaruh dengan kata-kata Tan Sri Ghazali. Anggota kelab menjerit untuk memberitahu yang dinding kaca Lincoln Centre belum terbarai. Juga mengatakan kepada mereka bahawa tugas sebenarnya belum selesai. Bila Hishamuddin Rais kembali bersama minumannya, dia terperanjat bila mendapati hampir kesemua mahasiswa sudah tiada[202]. Pengkaji terangkan kepadanya apa yang telah berlaku.

[202] Hasil temubual dengan Hishamuddin Rais tentang demonstrasi Perang Ramadhan pada 10hb April 2019 di Le Chateau. Baca Kamarazaman Yacob, BERSAMA ANWAR KE PENJARA, PJ 1994, ms93-107, Kamarazaman Yacob, MERANDUK ARUS, KL 1996, ms

Kami pulang ke kampus dengan perasaan hampa kerana dinding Lincoln Centre tidak pecah semuanya dan terbarai. Tidak mencapai matlamat seperti mana yang dirancangkan oleh Kelab Sosialis yang sudah cukup kemas dan teliti. Lebih mengecewakan bila hampir keseluruhan para mahasiswa boleh terpengaruh dengan kata-kata Tan Sri Ghazali. Bagaimanapun, pengkaji boleh menerima kekeliruan para mahasiswa tersebut sebab mereka turun berdemonstrasi hanya kerana marahkan Israel dan Amerika. Mereka menyokong negara Arab, tidak lebih dari itulah tujuan mereka berdemonstrasi.

Beberapa hari kemudian pada 22 haribulan, surat khabar dan TV mengeluarkan berita, kedai Robinson di sebelah Lincoln Centre telah dibom oleh anggota *subversif*. Turut musnah dinding Lincoln Centre, yang rosak semasa demonstrasi. Mereka turut mengaitkan bahawa para mahasiswa diperalatkan oleh golongan *subversif*.

Demonstrasi Perang Ramadan ini menjadi tuduhan pertama terhadap penahanan pengkaji di bawah ISA,

> *"That you, in Oct 1973 in pursuance of your objectives of creating social unrest and violence had exploited the alleged American intervention in the Middle East war to organise illegal anti-American demonstration at the American International Assurance (AIA) Building, Jalan Ampang, Kuala Lumpur*[203]*."*

6.5 Menentang Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971

> *"That you, in Nov 1973 in your pursuance of your unconstitutional approach had organised a student demonstration against the implementation of the Universities*

[203] Lihat pertuduhan terhadap prnahanan Kamarazaman Yacob dibawah ISA. STATEMENT UNDER SECTION 11(2)(b), INTERNAL SECURITY ACT, 1960, Name of Detainer: Kamarazaman Yacob. NRIC No: 0268764(Blue).

and University Colleges Act in the campus of the University of Malaya[204]*."*

Itu adalah pertuduhan kedua ke atas diri pengkaji di bawah ISA. Tuduhan terhadap penentangan pengkaji, malah penolakan para mahasiswa UM kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang diperkenalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional pada 1971.

Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)[205], menamakan Dato Dr. Hj.Abdul Majid bin Ismail untuk mengetuai satu jawatankuasa bagi mengkaji kehidupan kampus di UM, terutamanya kemudahan sosial dan budaya bagi menggalakkan perpaduan kaum[206]. Jawatankuasa yang kehilangan satu-satunya wakil dari UM apabila Ungku Aziz meletakkan jawatan (atas sebab-sebab yang tidak dinyatakan) dan gagal untuk berunding dengan PMUM secara langsung-skeptikal bahawa UM yang "terlalu besar dan impersonal" mampu menggalas tugas memupukperpaduan yang sebenar[207].

Penemuan Jawatankuasa Majid menjadi asas kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), yang dicadangkan oleh Menteri Pelajaran Dato Hussein Onn tidak lama selepas parlimen dipulihkan semula pada tahun 1971, dan lulus (dengan perbahasan awam atau konsultasi yang minimum) pada hari berikutnya[208].

Semasa pembentangan Rang Undang-Undang AUKU di parlimen, Hussein Onn menjelaskan; "tidak bermakna kita kurang menyayangi mahasiswa tetapi kita lebih

[204] Ibid

[205] Majlis Gerakan Negara (MAGERAN), Tunku Abdul Rahman mengumumkan tentang penubuhan Majlis Gerakan Negara 16 Mei 1969 dan Tun Abdul Razak sebagai Pengarah Tindakan majlis tersebut.

[206] Aktivisme Mahasiswa Malaysia, m.s 171, Abdul Majid, Report. Dapatan jawatankuasa ini diterbitkan secara meluas and dibahaskan dalam media tempatan. Lihat, sebagai contoh: "Pemimpin, Penuntut Gagal Ujudkan Sefahaman Kaum,' Utusan Malaysia, Mei 26, 1971, ms1,12.

[207] Meredith L.Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, m.s 171-172.

[208] Ibid, m.s 173, Lihat Junaidi, Mahasiswa, Politik, m.s 15-16, Hassan Karim dan Siti Nor, pynt, With the People! The Malaysian Student Movement 1967-74 (Petaling Jaya, Institute for Social Analysis (INSAN), 1984, m.s 6-7, dan Mahasiswa Negara, Mei 24,1971("New Act Weakens Student Body,"m.s1,7; "Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971,"m.s10)

menyayangi institusi. Kita tidak akan memusnahkan institusi yang telah begitu susah payah kita bina untuk melahirkan warganegara yang berdedikasi pada masahadapan. Kita tidak mahu para mahasiswa untuk menjadi batu api dalam masyarakat[209].”

AUKU 1971 cuba menjadikan persatuan mahasiswa universiti-universiti sebagai persatuan di sekolah menengah. PKPM mengkritiknya, “Pada hakikatnya, ini merendahkan MPP menjadi seolah-olah Lembaga Pengawas di Sekolah Menengah[210],” Ini adalah kesan dari AUKU yang akan membubarkan PMUM dan digantikan Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPP), selaras dengan idea Laporan Suffian mengenai Universiti Pulau Pinang. “Penolakan perkataan ‘union ’(kesatuan) adalah pengakuan jelas bahawa ia membawa konotasi tidak selesa[211]. Saiz dan tanggungjawab jawatankuasa eksekutif sembilan anggota UMSU akan dirombak kembali. MPP pada dasarnya sebuah badan kebajikan dan pembantu kepada Naib Canselor, dengan semua aktiviti tertakluk kepada kelulusan beliaudan Majlis Universiti[212].

6.5.2 Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (AUKU 1971)

Muhammad Abu Bakar di dalam bukunya, Mahasiswa Menggugat; cuba mengupas secara jelas fasal-fasal di dalam AUKU yang ditolak oleh para mahasiswa. Beliau mengambil bahagian tersebut untuk diperhatikan kesannya terhadap gerakan mahasiswa dan para mahasiswa keseluruhannya.

6.5.2.1 Bahagian 111 Fasal 15 yang menyatakan bahawa, ‘Tiada sesuatu Majlis Mahasiswa, Pertubuhan Mahasiswa atau mana-mana kumpulan Mahasiswa bagi sesuatu universiti boleh mengadakan apa-apa pergabungan dengan, atau

[209] Velayudhan, “ The Universities and University College Act, “ m.s 53. Aktivitisme Mahasiswa Malaysia, m.s 174.
[210] Ibid, m.s 29-30
[211] Ibid, m.s 25. Lihat Muhammad Abu Bakar, Mahasiswa Menggugat, m.s138, Suffian mengetuai jawatankuasa mengkaji Perlembagaan Universiti Kebangsaan.
[212] “New Act Weakens Student Body,” Mahasiswa Negara, Mei 24,1971, m.s 1,7. Lihat Meredith L.Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, m.s 174.

melakukan sesuatu yang boleh ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan, simpati atau bangkangan terhadap mana- mana parti politik atau kesatuan kerja yang ditubuh atau didaftarkan di bawah undang-undang berhubungan dengan pendaftaran pertubuhan- pertubuhan atau kesatuan kerja atau terhadap mana-mana kumpulan atau badan orang perseorangan yang menyalahi undang-undang."

6.5.2.2 Bahagian 111 Fasal 16 yang menyatakan "Jika mana-mana pertubuhan mahasiswa, fakulti atau mana-mana majlis mahasiswa atau badan mahasiswa bagi sesuatu universiti menjalankan urusannya secara yang difikirkan oleh Majlis Universiti sebagai boleh merusak atau memudaratkan kesentosaan sesuatu universiti, atau melanggar mana- mana peruntukan Akta ini atau kaedah atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya maka Majlis Universiti boleh menggantung atau membubarkan pertubuhan Majlis atau badan itu,"

6.5.2.3 Bahagian V Seksyen V! Fasal 48 yang cuba menentukan struktur persatuan mahasiswa; bahawa mahasiswa hanya dibenarkan membentuk Majlis Perwakilan Mahasiswa yang mana hendaklah dikendalikan oleh 4 orang ahli jawatan kuasa kerja.

6.5.2.4 Bahagian V Seksyen V! Fasal 50 yang menetapkan bahawa badan mahasiswa universiti tidak dibenarkan bergabung dengan mana-mana partipolitik atau kesatuan kerja atau pertubuhan lain yang didaftarkan di bawah undang-undang.

6.5.2.5 Bahagian V Seksyen V! Fasal 51 yang menentukan kuasa Majlis Universiti untuk bertindak terhadap mahasiswa atau mahasiswa atau badan-badan mahasiswa kiranya melampaui hak kuasa Perlembagaan persatuan atau

mana-mana peraturan akta tersebut[213].

Berdasarkan kepada ketetapan-ketetapan di atas ini ternyata bahawa pihak kerajaan begitu serius dalam mengawal dan mengawasi aktiviti-aktiviti politik mahasiswa. Hal ini sudah tentu berpunca dari pengalaman-pengalaman yang lalu di mana pihak pemerintah seringkali berkonfrantasi dengan para mahasiswa, manakala demonstrasi-demonstrasi yang diadakan oleh mahasiswa seringkali menimbulkan kegelisahan di kalangan ahli-ahli politik parti pemerintah[214].

Para mahasiswa dan persatuan-persatuan seperti PMUM, PBMUM, PMIUM dan Kelab Sosialis bukan saja berdemonstrasi di dalam kampus UM. Malah mereka telah bersedia berdemonstrasi dan berpiket di luar kampus pada pertengahan tahun 1960an dan 1970 sebelum AUKU[215] diperkenalkan. Antaranya, "Pada 21 Julai sekumpulan mahasiswa-mahasiswa telah mengadakan demonstrasi di hadapan kedutaan Amerika di Kuala Lumpur[216]."

Isu Hamid Tuah, iaitu sekumpulan para petani di bawah kepimpianan Hamid Tuahtelah meneroka dan membuka tanah di Teluk Gong, Selangor. Kesannya Hamid Tuah dan pengikut-pengikutnya telah ditangkap oleh kerajaan. Mengikut Damhore Hamid Tuah, bahawa seluruh kawasan penempatan mereka dikepung oleh FRU dan polis. Semua penghuni dipaksa turun dan meninggalkan rumah masing- masing untuk diroboh.

Mana-mana yang 'degil' akan ditarik turun sama ada kanak-kanak, wanita mahupun orang tua-tua Selepas mereka turun, rumah-rumah tersebut dirobohkan dan tanaman dimusnahkan. Damhore[217] turut ditangkap kerana cuba mempertahankan penghuni-penghuni yang dipaksa

[213] Muhammad Abu Bakar. Mahasiswa Menggugat, Pustaka Antara, KL, 1973, m.s 136- 137.
[214] Ibid, m.s 137.
[215] AUKU diluluskan di Dewan Rakyat pada 18hb Mac 1971 dengan sedikit pindaan, ibid, m.s 140.
[216] Muhammad Abu Bakar. Mahasiswa Menggugat, Pustaka Antara, KL, 1973, m.s 47.
[217] Damhore Hamid Tuah terlibat Bersama ayahnya meneroka tanah di Teluk Gong. Semasa ditangkap, beliau baru

turun dari rumah-rumah mereka[218]. Pada Oktober 1967, para mahasiswa UM bangkit memberi sokongan kepada Hamid Tuah dan pengikutnya. PMUM dan PBMUM turut bergabung memberi sokongan dan simpati terhadap perjuangan Hamid Tuah.

Pada 14 haribulan Oktober, mahasiswa-mahasiswa telah mengadakan upacara di Sudut Pidato di mana mereka membidas dan menghentam pihak kerajaan Selangor atas tindakannya menangkap Hamid Tuah dan pengikut-pengikutnya. Kemudian mahasiswa-mahasiswa dengan membawa sepanduk-sepanduk "Bebaskan Hamid Tuah", "Mahasiswa Mahu Keadilan" dan sebagainya telah mengadakan satu perarakan sebagai membantah tindakan kerajaan Selangor terhadap petani-petani yang tidak bertanah itu, dan selepas itu diikuti dengan upacara berpiket di hadapan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, di Kuala Lumpur[219].

Dalam bulan Ogos, 1968, dunia telah menjadi gempar akibat dari pelanggaran yang dilakukan oleh anggota-anggota Pakatan Warsaw yang diketuai oleh Russia ke atas Czechoslovakia. Pada 24 haribulan, seramai lebih kurang 150 mahasiswa-mahasiswa Universiti Malaya telah berarak dan mengadakan demonstrasi di hadapan bangunan Kedutaan Russia di Kuala Lumpur[220]. Pada 27 haribulan, lebih kurang 1000 orang mahasiswa telah mengadakan tunjuk perasaan di hadapan Kementerian Dalam Negeri (Kuala Lumpur)[221]. Demonstrasi tersebut diadakan kerana marahkan pihak polis menembak gas pemedih mata kepada para mahasiswa yang berdemonstrasi pada 24 haribulan 1968.

Kemuncak kepada kegiatan politik kampus, adalah keputusan PMUM melibatkan diri secara aktif di dalam Pilihan Raya Umum pada April dan Mei 1969. PMUM telah mengeluarkan manifesto pilihan raya sendiri pada 19 April dan disebarkan semasa rapat-rapat yang diadakan. Tokoh-tokoh penting yang telah bekerja keras dalam kempen-kempen tersebut

berusia 24 tahun. Beliau bergiat aktif di dalam PSRM/PRM and PKR. Berniaga membuat batu nisan.
[218] Temubual Bersama Damhore Hamid Tuah, Ogos 25, 2019, Shah Alam.
[219] Muhammad Abu Bakar, Mahasiswa Menggugat, Putaka Antara, 1973, m.s 60.
[220] Muhammad Abu Bakar, Mahasiswa Menggugat m.s 71.
[221] Ibid, m.s 71

termasuklah pemimpin PMUM yang radikal dan berjiwa sosialis seperti Syed Hamid Ali, Khong Kim Hoong dan Yoong Suan. Sebanyak 13 rapat umum telah diadakan dengan dihadiri oleh lebih kurang 100,000 pendengar. Kawasan-kawasan yang diteroka oleh PMUM termasuklah Petaling Jaya, Kuala Lumpur, Ipoh, Taiping, Batu Pahat, Telok Anson, Kuala Pilah dan Kelang. Lebih kurang 100,000 naskah manifesto pilihan raya telah dibahagikan kepada umum[222].

Penglibatan PMUM dan para mahasiswa ini bukan saja membimbangkan pihak kerajaan sehingga mewujudkan AUKU pada 1971. Malah Naib Canselor UMUngku Aziz, yang lazimnya bersikap tenang, cemas dalam suatu majlis graduasi 1971, "Saya takut kita mungkin tidak lama lagi mendengar ada yang membakar bangunan, menggunakan bom, atau pembunuhan pensyarah dan mahasiswa seperti yang berlaku di negara-negara lain pada tahun lepas[223]."

Kerangka institusi baru dan, khususnya, penguatkuasaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), pertama kali diperkenalkan secara tentatif pada tahun 1971, membenarkan perkembangan pesat pendidikan tinggi, mengubah mekanisme pengurusan dan kawalan kampus, dan mengeviserat mahasiswa kiri[224].

Kalau sekiranya salah satu matlamat AUKU adalah untuk melemahkan mahasiswa kiri, rasanya matlamat itu tersasar jauh. Malah dengan adanya AUKU itu telah memberi ruang yang luas untuk dieksploitasi oleh golongan kiri di UM. Semasa menjadi Presiden PMUM pada tahun 1973/1974, pengkaji telah menjadikan AUKU sebagai bebola api untuk menaikkan penentangan mahasiswa terhadap AUKU. Minggu Orientasi pada 1973 dengan tema Mahasiswa Menggugat telah digunakan untuk menyerang AUKU.

[222] Ibid, m.s 81. Temubual Bersama Syed Hamid Ali, Febuari 20, 2019, Kuala Lumpur.
[223] Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, m.s 163, Malay Mail, Jun 25, 1971; Straits Times, Jun 29, 1971.
[224] Meredith L. Weiss, A Aktivisme Mahasiswa Malaysia, m.s 166.

Perhimpunan *freshie* di Dewan Tunku Canselor digunakan sepenuhnya untuk mengganyang AUKU. Selain itu PMUM juga turut mengadakan ceramah khas di kolej-kolej dalam menentang AUKU. Bukan sahaja untuk menimbulkan rasa benci para mahasiswa terhadapnya tetapi di dalam masa yang sama untuk memberanikan para mahasiswa melanggar segala sekatan yang termaktub di dalam AUKU. Juga bertujuan mengasuh para mahasiswa untuk tidak mempedulikan terhadap AUKU dalam membuat keputusan dan tindakan. Usaha PMUM itu sangat berhasil kerana para mahasiswa berani bangkit dan bersedia bertindak dalam apa saja isu yang diperjuangkan oleh PMUM dan Kelab Sosialis.

Rapat-rapat yang diadakan di Sudut Pidato sentiasa mendapat sambutan. Ratusan malah ribuan mahasiswa membanjirinya bergantung kepada isu yang dibangkitkan. Biasanya rapat diikuti dengan demonstrasi sama ada di dalam atau di luar kampus.

6.5.2 Mengepung Kereta Menteri Di Fakulti Sastera

PMUM dan Kelab Sosialis telah merancang rapat besar-besaran anti AUKU pada November 1973 semasa lawatan Aishah Ghani, Menteri Hal-Ehwal Wanita Malaysia ke Fakulti Sastera Universiti Malaya[225]. Ketibaan Menteri ini disambut dengan demonstrasi yang melibatkan ribuan para mahasiswa. Kereta Menteri terkepung dalam ombak para mahasiswa biar pun pihak pengawal keselamatan mengiringi kereta tersebut. Seluruh tenaga pengawal keselamatan dikerahkan untuk menjaga keselamatan rombongan menteri. Selepas ketua pengawal keselamatan meminta pengkaji membantu untuk melepaskan kereta resmi kerajaan Malaysia itu, maka barulah pengkaji bersama pemimpin PMUM dan Kelab Sosialis mengarahkan para mahasiswa memberi laluan.

Para mahasiswa membenarkan menteri memasuki bangunan tempat majlis rasmi yang diadakan. Mereka menunggu sehingga majlis selesai dengan menyanyi lagu barisan

[225] Temubual Bersama Hishamuddin Rais, Harris Pardi dan Adi Sastria, 11 Julai 2019, Kuala Lumpur.

mahasiswa. Pengawal keselamatan terus mengawal keadaan yang tegang itu. Tetapi mereka tidak mampu menghalang mahasiswa militan yang mencabut bendera di hadapan kereta menteri.

Bila menteri keluar diiringi pengawal keselamatan, sekali lagi gamat suara para mahasiswa menjeritkan berbagai slogan dan mengutuk AUKU. Kereta menteri terkepung oleh para mahasiswa yang menyekatnya. Akhirnya, sekali lagi ketua pengawal keselamatan merayu kepada mahasiswa untuk membenarkan kereta Menteri keluar meninggalkan Fakulti Sastera. Kehendak ketua pengawal itu dipenuhi oleh pengkaji demi menjaga air mukanya.

Pengkaji sendiri tidak terfikir bahawa demonstrasi tersebut akhirnya membawa padah yang begitu besar kepada pengkaji. Ianya menjadi senjata kepada pihak Cawangan Khas (SB) untuk menjadikan ianya sebagai salah satu pertuduhan untuk mencampak pengkaji ke Kem Tahanan, Kamunting di bawah ISA.

Semasa interogasi (soal siasat) dalam kes ini, pengkaji tidak melihat ianya sesuatu yang serius kalau dibandingkan dengan tindakan-tindakan yang lain seperti merampas kampus UM. Mungkin juga ianya dijadikan salah satu pertuduhan kerana AUKU adalah senjata yang ditempa untuk mengawal kegiatan para mahasiswa. Sebaliknya pengkaji bersama para mahasiswa memperlekehkan akta tersebut, malah mempersendakannya melalui kejadian mengepung kereta menteri dan rombongannya di Fakulti Sastera.

Kejadian yang hampir sama berlaku ke atas Menteri Pendidikan, Haji Mohamed Yaacob semasa melawat USM, Pulau Pinang pada bulan November 1973. Mahasiswa, "membuat ucapan militan dan membakar kepingan kertas yang mengandungi perkataan 'UUCA' (AUKU) dan 'Akta' di hadapan beliau[226]."

[226] "Militant Student of Universiti Sains Struggle for Their Democratic Right to be Political." New Malayan Youth 2, 7-8 (Julai – Ogos 1973):12, Lihat Meredith L.Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 178.

Sebenarnya para mahasiswa dan pemimpin mereka di masa itu boleh mengabaikan AUKU, berdasarkan perjuangan pemimpin-pemimpin serta para mahasiswa sebelumnya dalam menentang RRU AUKU dan Akta tersebut bila diluluskan. PKPM dan UMSU terus menyuarakan bantahan terhadap akta tersebut dengan kerasnya pada 1971. Selepas menerima resolusi sebulat suara menolak fasal-fasal yang dianggap kritikal kepada perjuangan mahasiswa iaitu, Perkara 15 , 16 dan Seksyen 48 hingga 51; lantas PKPM mengadakan kempen tanda tangan menentangnya. Dan di masa yang sama Presiden PKPM Sidek Nontak memimpin delegasi menemui Menteri Dalam Negeri, Menteri Penerangan dan Menteri Pendidikan dalam menyampaikan hasrat para mahasiswa. Mereka diberi jaminan bahawa pihak kerajaan akan mempertimbangkan memo PKPM. Naib Canselor UM Ungku Aziz turut memberi sokongan, bagi pihak universiti[227]. UMSU akhirnya dibenarkan mengekalkan nama dan struktur[228], dan badan-badan mahasiswa telah dibenarkan bergabung melangkaui institusi[229]. UKM dan Universiti Pulau Pinang tidak diberi pengecualian yang sama, dan perkataan "ditafsirkan" dalam Seksyen 15 kekal[230].

Jadi pengkaji bersama para mahasiswa mewarisi AUKU yang sudah tercabar dan longgar cengkamannya. Para mahasiswa tidak lagi melihat AUKU sebagai hantu yang menunggu di tanah perkuburan di waktu malam. Suatu fobia kepada sesiapayang tidak pernah berjalan di tanah perkuburan dalam malam gelap gelita. Lebih setahun AUKU diluluskan, lebih tiga suku daripada mahasiswa yang ditinjau menafikan mereka terjejas akibat AUKU, walaupun majoriti menentang sekurang- kurangnya beberapa bahagian dan 85 peratus berpendapat kerajaan takut akan mahasiswa[231].

[227] Twenty-two Unions Oppose Act , " Mahsiswa Negara, November 22, 1971, ms.1,5.Ibid, "Siswa Tak Patut Dibendung", Desember 3, 1971 ms.2. Ibid, Akta Universiti Perlu Dikaji Semula', December 13, 1971, ms. 8. Muhammad, Mahasiswa Menggugat, ms. 138-144.
[228] Mahasiswa Negara, Desember 3, 1971, ms.1. Velayudhan, "The Universities and University Cillege Act," ms25. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 175.
[229] Straits Times, Mac 19, 1971, Aktivisme Malaysia, ms. 175.
[230] Meredith L. Welss, Aktivisme Malaysia, ms. 175.
[231] Velayudhan, "The Universities and University College Act, " ms. 70-80. Aktivisme Malaysia, ms. 166-179.

Sejak pengkaji terlibat dalam kepimpinan PMUM pada 1972 sebagai Setiausaha Penerbitan, tidak pernah terfikir di dalam benak bahawa AUKU adalah penghalang kepada gerakan mahasiswa. Bertolak dari premis itulah pengkaji terus memimpin para mahasiswa dari demonstrasi ke demonstrasi. Siri demonstrasi yang panjang membantu kaum pekerja, setinggan, para petani, nelayan dalam usaha memutuskan rantai-rantai penindasan yang mencengkam mereka.

6.5.3 Kepentingan AUKU Terhadap Dasar Ekonomi Baru

Sebagai pemimpin mahasiswa, pengkaji hanya melihat AUKU di sudut kepentingan mahasiswa semata-mata. Pengkaji, pemimpin mahasiswa dan para mahasiswa tidak cuba mengimbau kebaikan yang terselit di sebalik 'cengkaman' ke atas gerakan para mahasiswa. Rupa-rupanya, di sebalik 'kejahatan' tersebut tersembunyi kebaikannya kepada kepentingan Melayu dan bumiputera kerana dia terhasil semasa lahirnya Dasar Ekonomi Baru (DEB). Gagasan dan dasar yang terhasil oleh seorang nasionalis tulen[232] iaitu Tun Abdul Razak. Dasar yang dikenali sebagai serampang dua mata dalam menyelesaikan masalah ekonomi rakyat, menyusun kembali masyarakat dan mengejar perpaduan negara.

Dasar Ekonomi Baru, dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975. DEB yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan, menyamakan peluang pekerjaan, dan menyusun semula masyarakat untuk menamatkan pengkhususan ekonomi mengikut garis etnik, menyasarkan pengagihan sumber dan peluang daripada pertumbuhan untuk membetulkan ketidakseimbangan ekonomi. Meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi, terutama melalui sistem kuota istimewa orang Melayu luar bandar, merupakan salah satu teras program tersebut. Kerajaan menubuhkan Unit Pusat Universiti (UPU) dalam Kementerian Pendidikan untuk mempastikan pematuhan dengan matlamat DEB, menghakis tradisi lama kemasukan berasaskan merit, dan juga mendirikan sekolah sains berasrama dan

[232] Kenyataan Syed Hussein All kepada pengkaji semasa menerima berita kematian Tun Abdul Razak Hussein Ketika berada di dalam kem tahanan ISA di kamunting, Taiping Perak pada Januari 1976.

kursus asas pra universiti baru, terutamanya untuk membantu mempersediakan mahasiswa Melayu ke universiti[233]. Secara keseluruhan, kesan gabungan AUKU dan DEB mengukuhkan manipulasi negara terhadap skop dan hala tuju pengajian tinggi[234].

DEB dan AUKU merencana hala tuju pendidikan negara. Peluang anak Melayu dan bumiputera dari rakyat marhaen mulai terbuka luas. Mereka berkesempatan menduduki sekolah-sekolah berasrama, kemudian diasah di kursus asas pra universiti sebelum dapat memasuki universiti-universiti tempatan atau ke seberang laut. Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan 1957 memperuntukkan sebahagian daripada biasiswa untuk orang Melayu tanpa mengira kelas dan perlembagaan UM menjamin kemasukan penerima biasiswa, walaupun hanya mendapat 'biasiswa *token*' dari negeri-negeri. Ratusan mahasiswa dari Kelantan yang mendapat 'biasiswa *token*' dari Kerajaan PAS Kelantan mendapat tempat di UM[235]. Dengan pelancaran UKM dan USM, pada awal tahun 1970-an ramai mahasiswa menerima biasiswa persekutuan dan negerimelebihi jumlah yang boleh ditempatkan[236].

Hasil dari pemikiran Tun Abdul Razak melalui DEB dan AUKU itu telah berjaya merombak masyarakat Malaysia. Sebelum tahun 1969, para mahasiswa Cina menguasai kira-kira 70 peratus daripada populasi pra siswazah Malaysia, manakala mahasiswa Melayu terdiri kurang daripada 30 peratus, menjelang pertengahan 1970-an, nisbah tersebut telah hampir diterbalikkan[237]. Menjelang 1978, mahasiswa Melayu merupakan dua pertiga daripada mahasiswa di lima buah universiti, khususnya dalam bidang sains tabii (dan pengajian Islam)[238]. Perubahan ini membantu membangunkan kelas menengah Melayu yang baru, tetapi jurang antara golongan elit dan massa Melayu kekal luas[239].

[233] Selvaratnam, Ethnicity, Inequality, and Higher Education, ms.16-17. Aktivisme Malaysia, ms. 177-179.
[234] Meredith L. Welss, Aktivisme Malaysia, ms. 179.
[235] Kamarazaman Yacob, sebagai bekas mahasiswa Maktab Kadir Adabi, Kota Bharu, Kelantan and lahir di Kelantanturut menerima " token" bantuan rm500 dari kerajaan Kelantan. Kemudian meneriman Dermasiswa Siswa sebanyak rm1800 setahun selama tiga tahun.
[236] Meredith L. Welss, Aktivisme Malaysia, ms. 177.
[237] Meredith L. Welss, Aktivisme Malaysia, ms. 25.
[238] Meredith L. Welss, Aktivisme Malaysia, ms. 178.
[239] Selvaratnam, Ethnicity, Inequality, and Higher Education, ms. 15, 18-20.

Sebagai pemimpin mahasiswa di masa itu, pengkaji hanya memperhitungkan kepentingan para mahasiswa. Menentang apa saja undang-undang atau peraturan yang dikira menyekat, menghalang apatah lagi cuba mencabar kekuasaan mahasiswa. Biarpun para mahasiswa sebahagian daripada masyarakat, sensitif dengan masyarakat sekeliling, tetapi keutamaan mereka adalah warga mahasiswa. Bagaimanapun, para mahasiswa tidak membiarkan golongan marhaen diinjak-injak oleh kaum penindas, termasuk undang-undang kerajaan yang menekan mereka. Para mahasiswa bangkit bersama mereka untuk melawan, biarpun terpaksa membayar dengan gas pemedih mata, jeriji lokap dan penjara.

Maka itu, para mahasiswa hanya melihat AUKU 1971 dari kaca mata kepentingan mahasiswa. Di mana para mahasiswa tidak melihat DEB dan AUKU dalam prospektif yang lebih luas serta lebih jelas. Pastinya AUKU 1971 tidak sama dengan AUKU Pindaan 1975 yang menguburkan gerakan mahasiswa tanah air selama empat dekad.

6.5.4 Tasik Utara Dan Rampasan Kampus UM

Donald Emmerson, menyimpulkan bahawa "aspirasi yang mengatasi peluang dilihat menyumbang terhadap pergolakan mahasiswa hanya apabila pemboleh ubah lain bergerak ke arah yang sama[240]".

Manakala Meredith L. Weiss membuat kesimpulan, bahawa para mahasiswa bukan secara fitrahnya radikal malah biasanya tidak aktif, namun demikian ciri-ciri tertentu peranan dan persekitaran mereka sangat kondusif untuk mobilisasi pantas dan berkesan[241]. Kita boleh bersetuju dengan kesimpulan Meredith L. Weiss yang menyatakan keradikalan itu terhasil oleh ciri-ciri tertentu dan persekitaran. Pendapatnya juga selaras dengan penemuan sains sosial bahawa manusia dibentuk oleh alam sekeliling.

[240] Donald Emmerson, "Conclusion" dalam Students and Politics in Developing Nations, pynt. Donald Emmerson (New YoLirk:Praeger, 1968), ms 392-406. Meredith L. Welss, Aktivisme Malaysia, ms. 13.
[241] Meredith L. Welss, Aktivisme Malaysia, ms. 13.

Biarpun pada tahun-tahun 60-an dan 70-an perhubungan tidak sepantassekarang, tetapi maklumat atau berita tetap sampai. Maklumat dan berita-berita tentang pergolakan mahasiswa di seluruh dunia diterima oleh para mahasiswa tanah air. Tindak-tanduk dan kaedah perjuangan mahasiswa tersebut turut mempengaruhi serta menjadi model ikutan kepada perjuangan mahasiswa Malaysia. Perhatian akademik terhadap aktivisme mahasiswa memuncak pada lewat tahun 60-an sehingga 70-an, apabila para sarjana mencari punca cetusan "pemberontakan mahasiswa" yang sedang berlangsung pada waktu itu[242]".

6.5.5 Terpengaruh Dengan Radikalisme Mahasiswa Asia.

Pengkaji sendiri telah mewarisi PMUM (UMSU) dan kampus UM yang sarat menyimpan sejarah perjuangan mahasiswanya. Mereka berjuang menentang pentadbiran UM atas kepentingan mahasiswa. Mereka berjuang menentang kerajaan demi untuk kepentingan golongan tertindas dan rakyat marhaen. Para mahasiswa terpaksa mengharungi gas pemedih mata dalam menyatakanpendirian mereka. Mereka bukan sahaja dipukul oleh FRU malah ada dikalangan mereka ditangkap dan disumbat ke lokap serta penjara. Terdapat juga diantara mereka diheret ke mahkamah, dibicarakan dan dihukum. Antara tokoh-tokoh yang mencatat sejarah sebagai pemimpin mahasiswa yang radikal, ialah Syed Hamid Ali, Sanusi Osman, Khong Kim Hong, Choong Lai Huat, Anwar Ibrahim danNordin Razak.

Melalui pembacaan dan berita-berita yang diperolehi tentang gerakan mahasiswa di seluruh dunia membuatkan diri pengkaji terasa sangat kecil. Pengkaji merasakan semua tindakan yang dibuat, jauh lebih lembut dan kurang berkesan kalau dibandingkan dengan tindakan dan kejayaan para mahasiswa di luar negara.

[242] Ibid, ms17.

Di Eropah misalnya, para mahasiswa Perancis berjaya menjatuhkan Presiden de Gaulle pada 1968 melalui demonstrasi dan tekanan. Begitu juga dengan gerakan militan para mahasiswa di Jerman yang dikuasai oleh mahasiswa golongan kiri.

> "*The year 1968 was exceptional around the world. In Italy it has been calledthe Year of the Student. It is clear, however, that sessantotto had infact started long before. As a student revolt, it had its climax in Italy during the winter of 1967*[243]*".*

Manakala para mahasiswa di Amerika Syarikat bangkit pada tahun 60-an menentang penglibatan Amerika dalam perang di Vietnam, menyebabkan Lyndon Johnson tidak bertanding sebagai Presiden untuk penggal kedua. Di Asia, perjuangan mahasiswa di Jepun, Filipina, Thailand, Indonesia sangat militan dan berkesan. Gerakan-gerakan mahasiswa Amerika Latin seperti di Argentina, Chile, Brazil, Cuba, Mexico, Peru dan Venezuela sangat mengagumkan. Tidak kurang juga kekuatan para mahasiswa di Afrika seperti South Afrika, Zambia dan Zimbabwe mencorakwarnakan politik negara mereka. *" For instance, rioting students in Dakar, Senegal, precipitated a crisis that was controlled only by military force in1968 and 1969, student protests in the Sudan contributed to the fall of its government in 1964*[244]". Ianya sebagai gambaran kejayaan mahasiswa diAfrika dalam gerakan mereka.

Sejarah perjuangan para mahasiswa di Korea sangat panjang dan memilukan. Bukan saja terpaksa bertempur dengan tentera penjajah malah tentera Korea sendiri. Ribuan terpenjara, tercedera dan terkorban kerana menuntut hak dan menjatuhkan diktator-diktator yang ganas dan kejam. Semasa pendudukan Jepun dari 1910 hingga 1945, para mahasiswa bangkit untuk mendapatkan kemerdekaan. Pada 1 Mac, 1919 ribuan para mahasiswa turun ke jalan raya menghadapi 'bayonet' dan senjata tentera Jepun. Biarpun ribuan mereka tercedera dan terkorban, namun mereka meneruskan perjuangan hingga Korea mencapai kemerdekaan pada 1945.

---

[243] Marco Todeschini, Italy, dalam Student Political Activism, An International Reference Handbook, pynt Phillip G. Altbach, ms 257.

[244] Ngoni Chideya, Zimbabwe, dalam Student Political Activism, An International Reference Handbook, pynt Phillip G. Altbach, ms 56.

Selepas Korea dibahagikan kepada Korea Utara dan Korea Selatan, di mana Amerika membantu Rhee Syngman mendapatkan kuasa pada 1948. Rhee memerintah secara diktator dan menekan semua kumpulan oposisi atas nama Anti-Komunis. Para mahasiswa terus bangkit melawan penindasan dan akhirnya pada April 1960 seramai 125 orang mahasiswa terkorban di tangan polis. Pengorbanan para mahasiswa itu mendapat sokongan rakyat yang meluas dan akhirnya Rhee Syngman dapat digulingkan melalui apa yang dikenali sebagai 'April Revolution'

Perjuangan para mahasiswa Korea tidak terhenti di situ sahaja. Mereka terpaksa menghadapi seorang lagi diktator Korea Selatan, iaitu Park Chun Hee yang menggulingkan kerajaan demokratik yang baru melalui rampasan kuasa. Selepas dua tahun memerintah secara junta, Park bersara dari tentera dan terpilih sebagai Presiden Korea Selatan. Park terus menekan rakyat dan gerakan mahasiswa dengan mengenakan,*" Garrison Law and issued this emergency decree of 1971*[245]*".*

Pada tahun 1970-an para mahasiswa bersatu dengan kaum pekerja yang tertindas untuk meneruskan tentangan yang semakin membesar serta militant. Kemuncak kepada gerakan yang dimulakan pada 1970 itu ialah terbunuhnya Park Chung Hee pada Oktober 1979. Itulah antara sumbangan besar para mahasiswa Korea Selatan terhadap bangsanya.

Perjuangan para mahasiswa di Thailand turut bersimpang siur dan menghadapi pertarungan dengan pihak berkuasa serta ketenteraan yang ganas. Biarpun peranan para mahasiswa dalam politik Thailand antara tahun 1932[246] hingga 1968 agak minima. Budaya berdemonstrasi di kalangan para mahasiswa Universiti Chulalongkorn dan Universiti Thammasat dianjurkan pada Oktober 1940 oleh kerajaan Phibun semasa mendapatkan wilayah Thai di bawah penguasaan Perancis. Kemudian antara tahun 1952 dan 1957 beberapa aktivis mahasiswa terutama dari Universiti Thammasat ditangkap kerana terlibat

[245] Shinil Kim, South Korea, dalam Student Political Activism, pynt Phillip G. Altbach, ms 177.
[246] Tahun 1932 adalah pertama kali berlaku rampasan kuasa tentera di Thailand dalam menamatkan Sistem Raja Mutlak tapi terus mengekalkan kerajaan berajanya. Ramapasan kuasa tentera tidak menukar Thailand menjadi Republik Thailand.

dalam ‘Santiphab Rebellion’[247].

Keterlibatan serius para mahasiswa Thailand dalam politik adalah pada Disember1968, apabila lima belas universiti dan kolej menubuhkan ‘Student Volunteer Group’ dalam mengawasi pilihan raya Thailand. Tahun 1970 mahasiswa Universiti Thammasat dan Universiti Chulalongkorn bangkit menentang pihak pentadbiran universiti atas beberapa isu antaranya soal ‘grading’, penyelewengan dan korupsi.Selepas berlaku kudeta pada 1971 dan pihak junta tentera mengeluarkan ‘Decree No 299’ untuk mengawal kehakiman, maka para mahasiswa berdemonstrasi sepanjang malam di Universiti Chulalongkorn dan disokong oleh Persatuan Peguam Thailand. Mereka berjaya bila pihak junta menarik balik cadangannya.

Kegawatan politik para mahasiswa Thailand bermula bila Narong Kittikachorn merampas kuasa pada 1971 dengan Thanom Kittikachorn sebagai Perdana Menteri dan Praphat sebagai Timbalan Perdana Menteri (menantu Thanom). Keadaan ekonomi yang gawat pada tahun 1973 dan tindakan-tindakan kerajaan yang tidak popular menyebabkan para mahasiswa bangkit menentang Kittikachorn. Para mahasiswa menjadi sensitive, misalnya puluhan ribu berdemonstrasi di depan Monumen Demokrasi[248] menentang pembuangan 9 pemimpin mahasiswa Universiti Ramkhamhaeng oleh rektornya.

> *“From October 6 through October 13, hundreds of thousands of students and others gathered to support the cause of the jailed student. Most were from Bangkok, but supporters arrived from all over the country to participatein massive demonstrations against the government. The protestors’ principal demand was for immediate release of the detainees. On the morning of October 13, approximately 400,000 people gathered in the area around Thammasat University and then marched to the Democracy Monument, carrying the national flag and potraits of the king and*

[247] Chai-Anan Samudavanija, Thailand, dalam Student Political Activism, pynt Phillip G. Altbach, ms 183. *The peace movement opposed Thailand’s involvement in the new South East Asia Treaty Oganisation. It was lead by charoon Sebsaeng, an elected member of Parliament from South Thailand. A small group of progressive writers and journalists comprised the core of the groups, which attracted the interest of few university students.*

[248] Monumen Demokrasi di Bangkok didirikan sebagai mengingati rampasan kuasa tentera dalam menamatkan Sistem Beraja Mutlak bagi Thailand pada 1932.

thequeen[249]*''*

Pada 14 Oktober keadaan semakin gawat, pertempuran berlaku antara demonstran dengan pasukan Polis Rusuhan (Riot Police) di depan Istana dan merebak ke seluruh bahagian Bangkok. Kesannya, Raja Thailand memaksa Thanom, Praphat dan Narong mengundur yang *menyebabkan* mereka melarikan diri.

> "*By 1974, a small group of revolutionary student was in control of the NSCT (National Students Centre of Thailand) structure, and by 1975, every student union in the Bangkok universities was under the control of radical student leaders. Similarly, the Secondary School Student Centre of Thailand (SSSCT) came under the control of a radical group of student led by Thongchai Vinijakun*[250]*''*.

Pengkaji tidak memandang tinggi terhadap perjuangan para mahasiswa Indonesiasemasa menentang Presiden Sukarno pada tahun 1965. Pengkaji dan ahli Kelab Sosialis UM, merumuskan bahawa para mahasiswa Indonesia telah diperalatkan oleh Amerika. Bagaimanapun di sudut perjuangan mahasiswa, kebangkitan mereka yang begitu tersusun dan penuh keyakinan menentang pihak berkuasa bolehlah dianggap suatu kejayaan perjuangan mahasiswa. Gerakan mahasiswa yang akhirnya mendapat sokongan dan dukungan rakyat serta tentera berjaya menjatuhkan Sukarno. Presiden Sukarno mahu dijatuhkan, kerana Amerika sedang menghadapi Perang Vietnam yang mulai memuncak. Apa yang menarik perhatian pengkaji, adalah keberanian para mahasiswa di Jepun, Korea Selatan dan Thailand yang sanggup mati kerana kepercayaan mereka.

Biarpun pengkaji terlibat dalam gerakan membantu kaum pekerja yang ditindas, pengkaji turut mengatur dan menyusun gerak kerja bagi menjayakan segala bentuk demonstrasi. Namun pengkaji merasakan kerja-kerja dan usaha pengkaji tersangat kecil kalau dibandingkan dengan kejayaan para mahasiswa di Jepun, Korea Selatan dan Thailand. Oleh itu pengkaji sentiasa mengintai peluang untuk membuat sesuatu agar pengkaji dapat

[249] Chai-Anan Samudavanija, Thailand, dalam Student Political Activism, pynt Phillip G. Altbach, ms 189.
[250] Chai-Anan Samudavanija, Thailand, dalam Student Political Activism, pynt Phillip G. Altbach, ms 191.

menghasilkan sesuatu yang lebih besar dan lebih bermakna.

Akhirnya pengkaji mendapat peluang untuk mencipta sesuatu dalam perjuangan. Pengkaji percaya akan dapat mencipta sejarah dalam perjuangan mahasiswa tanah air dan merakam sejarah untuk diri sendiri. Ianya datang melalui kes Setinggan Tasik Utara. Pengkaji mengambil kesempatan dari kes ini, selepas dua hari berdemonstrasi di depan Pejabat Perdana Menteri, Jalan Dato Onn, Kuala Lumpur. Pengkaji akhirnya terpaksa merampas kuasa kampus Universiti Malaya.

6.5.6 Isu Setinggan Tasik Utara

Kampung Setinggan Tasik Utara, terletak di pinggir Johor Bharu. Kebanyakan penghuninya adalah orang Melayu dari 134 keluarga sebagai peneroka tanah milik kerajaan. Semasa hangat kempen Pilihan Raya Umum (PRU) 1974 (8-24 Ogos), pemimpin-pemimpin Barisan Nasional memberi jaminan bahawa penempatan mereka akan dikekalkan. Atas kepercayaan jaminan tersebut penduduk di Tasik Utara telah menamakan kampung mereka sebagai Kampung Barisan Nasional. Malangnya, selepas PRU, penghuni telah menerima notis pengusiran dari Pejabat Tanah. Lebih mendukacitakan penduduk apabila mendapat tahu bahawa tapak penempatan mereka mahu dijadikan padang golf.

Pada 8 September pihak berkuasa mula merobohkan sebahagian dari rumah tersebut. Mulanya penduduk berkompromi dengan meminta jaminan tempat alternatif. Bila kehendak mereka tidak dilayan maka mereka cuba bertahan dan meminta bantuan termasuk menghantar telegram kepada PMUM. Selepas mendapat berita tersebut, pengkaji, Hishamuddin Rais dan ahli-ahli Kelab Sosialisberbincang dan mengambil keputusan untuk membantu setinggan.

Keputusan dibuat, supaya Hishamuddin Rais dan Yunus Ali turun ke Johor Bharu pada malam itu juga. Pagi esoknya, di Sudut Pidato, pengkaji menerangkantentang kes perobohan kampung setinggan di Tasik Utara dan kezaliman yang dilakukan oleh kerajaan Barisan

Nasional. Selepas itu, Harris Pardi, Bashkaran, Adi Sastria Albert Foo, Khoo Soo Wan bersama para mahasiswa menaiki dua buah bas besar PMUM yang boleh memuatkan 84 orang penumpang turun ke Johor . Ramai lagi mahasiswa UM pergi bersendirian ke Tasik Utara, menyertai penentangan oleh setinggan terhadap kekejaman kerajaan Osman Saat, MB Johor.

Pasukan Hishamuddin sampai pada 15 September yang berkebetulan pasukan perobohan dibantu oleh FRU bersedia untuk bertindak. Mahasiswa dari Universiti Singapura (USSU) turut bergabung dengan mahasiswa UM dalam menghalang dan mempertahankan rumah-rumah setinggan. Pengkaji difahamkan mahasiswa USSU di bawah Presidennya iaitu Juliet Chin[251] lebih awal sampai dari Hishamuddin Rais dan Yunus Ali. Malah Juliet Chin memimpin 70 orang pelajaar Universiti Singapura berdemonstrasi di pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Singapura dan menyerahkan memorandum.

Pihak berkuasa tidak endah terhadap bantahan pihak setinggan, sebaliknya sembilan orang ditangkap termasuk Syed Hamid Ali (Setiausaha Agung PSRM) dan selebihnya adalah pemimpin setinggan. Setinggan kembali membina rumah- rumah mereka yang diroboh. Malang sekali kerana pada hari berikutnya rumah- rumah mereka kembali diroboh oleh aparatus kerajaan. Reaksi kepada tindakan tersebut menyebabkan lebih kurang enam puluh keluarga berkhemah dan berpiket di depan Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor.

Hishamuddin Rais balik ke kampus pada 16 September dan mengadakan mesyuarat EXCO

[251] Juliet Chin merupakan mahasiswa wanita pertama menjadi Presiden USSU ke 28, melalui EGM pada 3 Januari, 1974 semasa nerusia 22 tahun. Beliau bekas mahasiswa Johor Bahru English college (Maktab Sultan Abu Bakar) sebelum melanjutkan mahasiswaannya ke Universiti Singapura di bidang Seni Bena pada tahun 1970, semasa berusia 19 tahun. Beliau juga menyokong demonstrasi Baling, menyokong pekerja yang dibuang oleh Marin Amerika dan Retrenchment Research Centre di USSU. Usaha ini menyebabkan beliau dibuang dari Singapura pada 11 Disember 1974, kemudian di tahan di bawah ISA, Kamunting, Perak selama setahun. Selepas dibebaskan Juliet menyertai MNLF dan dijadikan oleh PKM Regimen ke 10 sebagai peralihan aktivis mahasiswa kepada gerila. Kemudian menyertai Suara Revolusi Malaya (Voice of the Malayan Revolution) yang disiarkan dari Selatan China.Selepas ditamatkan penyiarannya pada 1981(1978-1981), Juliet mendapatkan suaka politik di Perancis pada 1982. Lihat: “The poor will always be among us.” An Interview with Juliet Chin by Fadiah Nadwa Fikri,https://www.google.com/amp/s/malaysiamuda.wordpress.com/2018/12/19/the-poor- will -be-amoang-us-am-interview-with-juliet-chin/amp/

PMUM serta meluluskan bantuan derma kepada setinggan Tasik Utara sebanyak RM 200.00. Selepas rapat itu Hishamuddin Rais membawamahasiswa yang memenuhi sebuah bas besar PMUM menuju ke Johor Bahru.Rapat juga diadakan di Sudut Pidato dan berjaya mengutip sebanyak RM75.00[252].

Pada 17 September, mahasiswa bersama setinggan telah membena penempatan sementara di depan Pejabat Menteri Besar Johor. Seramai 300 penduduk serta mahasiswa mengadakan demonstrasi dan menghantar wakil mereka iaitu Yatim Tahir untuk bertemu Menteri Besar tetapi gagal. Pada 18 September PMUM di bawah pimpinan Hishamuddin Rais mengadakan ceramah penerangan kepada rakyat yang datang dan tinggal berhampiran Bukit Timbalan, di mana berjaya mengutip derma sebanyak RM 2000.00 dan barangan makanan[253].

Sebelum subuh 19 September polis menahan lima orang termasuk dua pemimpin Kelab Sosialis iaitu Hishamuddin Rais dan Yunus Ali. Di samping mereka terdapat sepuluh orang lagi mahasiswa ditahan tetapi dibebaskan tidak lama kemudian. Berkhemah dan berpiket diteruskan sehinggalah FRU mengepung, menyerbu danmenangkap seramai empat puluh satu setinggan dan tujuh mahasiswa pada hari ketiga. Yang terselamat meneruskan protes di hadapan bangunan mahkamah negeri di mana penangkapan diteruskan. Tiga mahasiswa ditahan dalam penangkapan di depan bangunan mahkamah. Natijahnya, seramai empat puluh lapan orang dihadapkan ke mahkamah termasuk lima mahasiswa UM dan dua orang dari US atas tuduhan menduduki tanah kerajaan Johor secara haram.Manakala dua orang lagi mahasiswa UM[254] dan seorang mahasiswa UPM[255] didakwa mengadakan perarakan haram. Begitulah seriusnya para mahasiswamembela nasib setinggan di Tasik Utara[256].

[252] Tembual Hishamuddin Rais dan Adi Sastria pada 10 Julai 2019.
[253] Ibid.
[254] Tembual Adi Sastria pada 10 Julai 2019 – dua mahasiswa UM yang ditangkap ialah Adi Sastria dan Koo Soo Wan.manakala mahasiswa UPM adalah Hassan Abdul Karim.
[255] Mahasiswa UPM yang ditahan ialah Hassan Abdul Karim, yang menjadi Naib Presiden UPM (1974-1975). Beliau pernah menjadi Pengetua Jaya Akademi (1982-1985). Menjadi seorang peguam. Aktif politik (PRM 1978-2009) dan menjadi Persiden PRM 17 April 2005 – 17 November 2009. Bertanding PRU, 1982 di Skudai, 1986 di Pasir Gudang, 1999 di Terbau, 2004 di Pontian (PKR), 2008 di Johor Bahru. 5 Mei 2018 di Parlimen Pasir Gudang, beliau menang dan menjadi Ahli Parlimen PKR. Hassan Abdul Karim menjadi Pengerusi PKR Negeri Johor dari 2014-2019.
[256] Perjuangan setinggan Tasik Utara, sila lihat Kamarazaman, Bersaman Anwar ke Penjana, ms. 111-118. Hassan dan Siti Nor, pynt, With the People, ms. 11-13,27-44. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 198 - 201. Stothard, “Hishamuddin Rais,” ms. 32. Temubual Hishamuddin Rais, Harris Pardi, Bashkaran, Adi Sastri,

Berita penangkapan Hishamuddin, Yunus, Majid Yaakob[257] bersama pemimpinsetinggan menyebabkan pengkaji mengambil keputusan mengadakan demonstrasi ke Pejabat Perdana Menteri. Pada pagi 20 September, selepas berpidato di SudutPidato, pengkaji memimpin para mahasiswa UM lebih 2,500 menuju ke distinasi. Para mahasiswa turut disertai oleh pensyarah, intelektual dan simpatatik semasa di depan Pejabat Perdana Menteri, di Kuala Lumpur. Seperti biasa, para mahasiswa terpaksa menghadapi FRU. Selepas digempur oleh FRU dengan gas pemedih mata, para mahasiswa terpaksa bersurai. Pengkaji terpaksa berundur bersama para mahasiswa dan memberitahu untuk meneruskan pada hari esoknya.

Pada pagi 21 September para mahasiswa kembali berkumpul di Sudut Pidato. Selepas memberi pidato dan taklimat ringkas, kembali pengkaji memimpin lebih kurang 2,000 orang para mahasiswa menuju ke depan Pejabat Perdana Menteri. Hasrat untuk bertemu Perdana Menteri bagi menuntut pembebasan pemimpin mahasiswa dan pemimpin setinggan yang ditahan tidak kesampaian kerana tidak dilayan. Nasib para mahasiswa lebih buruk kerana diburu oleh FRU dengan gas pemedih mata. Para mahasiswa terpaksa mengalah, bersurai dan kembali ke kampus. Sepanjang perjalanan pulang ke kampus para mahasiswa terus diganggu oleh FRU dengan tembakan gas pemedih mata.

6.6 Rampasan Kampus Universiti Malaya

Sepanjang perjalanan pulang ke kampus UM, pengkaji terus berfikir dan mencari jalan untuk membebaskan Hishamuddin, Yunus, Syed Hamid dan pemimpin setinggan. Pengkaji tidak yakin lagi dengan membawa para mahasiswa ke Pejabat Perdana Menteri boleh menyelesaikan masalah. Akhirnya pengkaji mengambil keputusan untuk merampas kuasa

Julai 10,2019.

[257] Majid Yaakob seorang anggota PSRM, adalah salah seorang pemimpin setinggan Tasik Utara. Beliau turut ditahan di bawah ISA pada tahun 1975 berhubung perjuangannya sebagai setinggan Tasik Utara. Beliau turut ditahan bersama pengkaji di Kawasan Tujuh, Kem Tahanan Kamunting, Taiping Perak. Mengikutnya, beliau pernah mengikuti latihan ketenteraan ke sebuah pulau di Indonesia menjelang konfrontasi antara Malaysia- Indonesia. Selepas tamat, beliau dan pasukannya dihantar ke Johor. Malangnya, bila sampai ke pantai Johor beliau dan pasukannya dikepung dan ditangkap. Beliau percaya penangkapan di bawah ISA pada tahun 1975 kerana latarbelakang penangkapannya di bawah ISA pada tahun 1964.

kampus Universiti Malaya. Sesampai ke pintu pagar kampus UM, yang kebetulan begitu ramai para mahasiswa sedang menunggu kawan-kawan mereka. Pengkaji dengan pembesar suara di tangan memanggil semua para mahasiswa supaya berkumpul.
Pengkaji mengumumkan: Rampas kampus, rampas pejabat sekuriti dan rampas pejabat Canselori. Tiga kali pengkaji mengulangi gesaan tersebut.

Pengumuman disambut dengan sorakan dan tempikan para mahasiswa. Segera mereka menghalau pengawal keselamatan dari pondok yang menghadap Jalan Pantai. Pengkaji juga memberitahu tentang pertemuan dengan semua kepimpinandi bawah PMUM pada petang itu. Selepas itu para mahasiswa berkejaran untuk menguasai pejabat pengawal keselamatan, pondok pengawal di pintu masuk Petaling Jaya dan Pejabat Canselori[258].

Pengkaji memimpin mesyuarat tergempar pada petang Sabtu, 21 September dengan jayanya. Kesemua organisasi UM terlibat di dalam mesyuarat ini kecuali wakil dari PBMUM dan Persatuan Silat UM. Pengkaji mencadang dan menubuhkan Majlis Tertinggi Sementara (MTS) sebagai jawatankuasa untuk menjayakan rampasan kuasa tersebut. Bertujuan untuk menguasai kampus sepenuhnya dan menjadikan sebagai 'kuasa tawar-menawar' (*bargaining powe*r) bagi menuntut pembebasan mahasiswa dan setinggan yang ditahan. MTS mengistiharkan semua kelas digantung, pejabat Naib Canselor mesti diduduki sepenuhnya, membentuk jawatankuasa mengendalikan semua keperluan mahasiswa di kampus UM. Antaranya, hal-hal makanan, pengangkutan, keselamatan, perubatan, komunikasi dan publisiti.

Sememangnya pengkaji bercadang untuk menguasai kampus dalam waktu yang panjang sehingga pihak UM dan kerajaan bersedia menerima tuntutan kami. Pengkaji mahu meletakkan Canselor UM iaitu Tuanku Bahiyah[259] di dalam dilema sekiranya kampus terus

[258] Baharom Lajim, mahasiswa tahun satu kursus kejuruteraan telah menduduki kerusi Timbalan Naib Canselor. Mahasiswa dari Temerloh ini akhirnya gagal di dalam pepereksaan tahun satunya pada tahun 1974/75. Kemudian menyambung mahasiswaannya di bidang perakaunan di ITM, Shah Alam pada tahun berikutnya. Beliau berjaya menamatkan mahasiswaannya di ITM.
[259] Tuanku Hajah Bahiyah binti Almarhun Tuanku Abdul Rahman adalah Raja Permaisuri Agong ke 5 pada 23 September 1970, isteri kepada Yang diPertuan Agong ke 5 , iaitu Sultan Abdul Halim, Kedah. Tuanku Bahiyah

dikuasai oleh mahasiswa. Selepas kampus dikuasai oleh MTS, Pemangku Naib Canselor, Prof. Ahmad Ibrahim dan Pengerusi MajlisUniversiti, Syed Alwi Syed al Hadi telah datang untuk berbincang, tapi kami tegaskan bahawa rampasan tetap diteruskan[260].

Pada lewat petang pengkaji diberitahu terdapat kumpulan mahasiswa Melayu di Fakulti Sastera sedang menyebarkan berita, kononnya rampasan kampus didalangi oleh PSRM dan DAP. Pengkaji sebagai anggota PSRM dan membawa mahasiswa ke Melaka berkempen untuk PSRM semasa PRU turut dijadikan isu. Juga diberitahu isu perkauman sedang dicanang dan dikaitkan dengan hal-hal 13 Mei. Abu Zer Ali menasihati pengkaji supaya dihantar wakil ke Fakulti Sastera untuk mengawasi tindak-tanduk musuh. Sebaliknya pengkaji meyakinkan Abu Zer Ali bahawa PMUM dan Kelab Sosialis tidak dapat digugat oleh sesiapapun.

Laporan bertali arus datang kepada pengkaji tentang kegawatan di Fakulti Sastera. Bagaimanapun pengkaji memandang remeh sahaja terhadap laporan- laporan yang disampaikan. Malah pengkaji begitu yakin dapat menerangkan kepada para mahasiswa tujuan sebenar kenapa rampasan kuasa perlu dilakukan.

Pengkaji begitu pasti sokongan majoriti mahasiswa dalam isu membela rakyat marhaen tertindas akan mengatasi sentimen kaum yang cuba ditiup dan disebarkan. Keyakinan itu disandarkan kepada kegagalan percubaan-percubaan oleh pesaing dalam isu-isu sebelumnya. Rapat PMUM yang akan diadakan pada jam 8.30 malam di DTC mampu menangkis tohmahan, malah pengkaji begitu yakin dapat menaikkan sokongan para mahasiswa terhadap tindakan yang telah diambil.

Semasa pengkaji di Rumah Persatuan PMUM bersama Ahmad Zahid Hamidi, Hamzah

memperoleh ijazah di bidang Sains Sosial dari Universiti Nottingham, England. Beliau dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan oleh Universiti Malaya dan dilantik menjadi Canselor UM pada 1972 hingga 1986.

[260] Mingguan Malaysia, 22 September 1974.

Kassim, Harris Pardi, Chia Peng Koi dan beberapa orang lagi penyokong sedang bersiap sedia menantikan waktu yang sesuai untuk ke DTC, tiba-tiba sampai Lim Hwee Seng. Beliau tercungap-cungap keletihan lantas memberitahu terdapat ramai mahasiswa sedang berarak dari Fakulti Sastera ke arah Rumah Persatuan PMUM. Lim Hwee Seng juga memberitahu para mahasiswa tersebut siap dengan senjata sama ada keris, parang, rantai besi, tongkat dan kayu yang berpaku.

Mendengar hal tersebut, pengkaji menyuruh semua yang ada meninggalkan Rumah Persatuan PMUM. Juga pengkaji memberitahu, akan menghadapi mereka secara bersendirian. Mula-mula mereka memujuk, supaya pengkaji turut lari kerana bimbangkan tentang keselamatan. Bila mulai terdengar laungan dan jeritan dari kejauhan, sekali lagi pengkaji memaksa mereka pergi meninggalkan Sekretariat PMUM. Pengkaji memberitahu, apapun yang terjadi akan hadapi oleh pengkaji, kerana rampasan kuasa kampus adalah idea pengkaji. Harris Pardi, adalah anggota Kelab Sosialis yang terakhir meninggalkan pengkaji. Sebelum menyelinap keluar melalui tingkap, Harris Pardi masih memujuk pengkaji untuk lari bersama. Bila pengkaji menolak pelawaannya, beliau pun pergi. Merekameninggalkan sekretariat dalam fikiran yang berbelah bagi, pastinya tentang keselamatan pengkaji. Pengkaji yakini itulah yang bersarang di benak mereka.

Semasa ditemu bual soal ini, Harris Pardi mampu menyatakan dengan jelas apa yang berlaku di sektariat PMUM pada malam tersebut. Harris Pardi menyatakan, “Lee How Seng, Ahmad Zahid dan kawan-kawan lain telah meninggalkan pejabat PMUM. Mereka menurut arahan kamu, supaya meninggalkan pejabat. Kamu kata,lebih mudah kamu berseorangan berdepan dengan kumpulan musuh. Aku cuba pujuk kamu, supaya turut meninggalkan pejabat. Tapi kamu berkeras dengan pendirian kamu. Kamu kata, kamu yang melakukan rampasan, biar kamu hadapi. Bila aku terdengar, suara jeritan dan takbir semakin kuat. Terdengar seperti mereka menaiki tangga. Segera aku keluar dari tingkap sambil berfikir, matilahZaman nanti. Aku bergayut pada bingkai tingkap. Bergayut pada saluran sambil melentingkan badan ke bawah. Lama aku duduk di dalam gelap. Macam-macam fikiran aku, tentang keselamatan kamu, sebelum aku pergi.”

Tidak lama pengkaji menunggu, maka sampailah para mahasiswa yang siapbersenjata ke Rumah Persatuan PMUM. Pintu bilik Presiden PMUM, terbuka luas untuk dimasuki. Pengkaji menunggu di kerusi Presiden PMUM tanpa gentar menghadapi mereka. Mereka menyerbu ke bilik pengkaji dengan seribu wajah amarah dan geram. Mereka membuat bising dan bertanya tentang pemimpin- pemimpin yang lain. Pengkaji menjawab dengan tegas, bahawa pengkajilah pemimpin kepada semua ahli majlis PMUM. Pengkaji mengajak berurusan saja dengan pengkaji dalam hal rampasan ini. Pengkaji memberitahu bahawa rampasan kuasa universiti dilakukan oleh pengkaji dan bukan idea orang lain. Kemudian pengkaji cadangkan supaya bersama-sama pergi ke DTC, kerana para mahasiswa sedang menunggu. Di masa ini pengkaji masih yakin akan dapat menguasai para mahasiswa di DTC.

Pengkaji akan menuntut supaya diadakan referendum semasa di depan para mahasiswa nanti. Selepas mereka bersetuju dengan cadangan pengkaji, lalu sama-sama beriringan menuju ke DTC. Bila hampir sampai ke DTC, tiba-tiba dua orang berbadan besar, memegang kedua-dua tangan pengkaji ke belakang seolah-olah pengkaji ditawan. Pengkaji percaya kedua-dua orang tersebut bukan mahasiswa UM, sebaliknya adalah SB (Pegawai *Cawangan* Khas). Oleh kerana perlakuan dua orang itulah, kebanyakan tulisan tentang rampasan kuasa kampus UM menggunakan perkataan 'diculik' dalam menggambarkan kehadiran pengkaji ke DTC. Meredith L. Weiss, menulis, "Majlis Tindakan Nasionalis menyerbu rumah kelab UMSU, menculik dan mengikat Kamarazaman dan lain-lain pemimpin Majlis Sementara. Mereka mengheret Kamarazaman ke Dewan Tunku Canselor (DTC)[261]," Tulisan Meredith L. Weiss ini, agak tersasar dari kejadian sebenarnya. Menurut Kamarazaman Yacob, Presiden PMUM sesi 1973/74, MTN bertindak ganas dengan mengugut dan 'menculik' beliau dan ahli Majlis PMUM di rumah persatuan sebelum dibawa ke DTC[262].

Sumber diperolehi oleh Meredith L. Weiss dan Mohamad Ridhwan Alias ini kurangtepat, kerana tidak ada mahasiswa lain di Rumah Persatuan PMUM melainkan pengkaji

[261] Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 200.
[262] Mohamad Ridhwan Alias, Mahasiswa Bangkit, Megamind Leadership Consultancy, November 2014, Kuala Lumpur, ms.24.

berseorangan. Begitu juga dengan tulisan K.S Jomo, Hassan Karim dan Ahmad Shabery Cheek, yang merakamkan sebagai;

> *"Members of the MTS were physically forced to leave the UMSU secretariatby MTN personnel using iron rods, bicycle chains, and nailed sticks. The UMSU president and several other MTS members were forcibly taken to Dewan Tunku Chansellor, the university's great hall*[263]*."*

Di DTC, sudah ramai para mahasiswa sedang menunggu. Pengkaji beriringan dengan ahli silat menuju pentas yang diikuti oleh pemimpin PBMUM. Para mahasiswa sudah memenuhi dewan, bairpun masih ramai yang datang. Mereka menjadi keliru, kerana selain pengkaji terdapat pemimpin PBMUM di atas pentas. Kumpulan pesilat mempamirkan senjata di tangan serta menunjukan kesediaan mereka untuk bertindak. Pengkaji mencadangkan, supaya diadakan referendum berhubung keputusan rampasan kuasa yang telah dibuat. Hanim Ali, seorang ahli Kelab Sosialis dan juga ahli Majlis PMUM turut berada di pentas. Beliau turut menyokong idea pengkaji supaya diadakan referendum dalam menetukan sama ada keputusan merampas kampus UM disokong oleh mahasiswa atau sebaliknya. Aziz Shamsuddin, Abdul Fattah Abdullah dan Ahmad Latif menolak cadangan pengkaji[264].

Keadaan di dalam DTC semakin gawat dan mula tidak terkawal. Pihak penyokongPMUM dan Kelab Sosialis telah menyambut provokasi dari pasukan silat. Suasana begitu gamat dan mulai berlaku tunjuk menunjuk di antara kedua pihak. Jeritan dan 'boo' menguasai DTC. Pengkaji menjadi cemas melihat keadaan yang semakin tidak terkawal. Lebih-lebih lagi penyokong pengkaji tidak bersenjata,sedangkan pasukan silat dengan berbagai alat

[263] K. S. Jomo, Hassan Karim, and Ahmad Shabery Cheek, Malaysia, Student Political Activism, Phillip.G Altbach, ms. 152.

[264] Aziz Shamsuddin adalah Presiden PBMUM pada sesi 1973/74. Selepas keluar UM beliau menjadi pegawai khas kepada Menteri Mahasiswaan iaitu Mahathir Muhammad. Kemudian menjadi Setiusaha Politik kepada Perdana Menteri, Tun Mahathir. Pernah menjadi Menteri Kemajuan Luar Bandar. Abdul Fattah Abdullah adalah Ahli Jawatankuasa PBMUM sesi 1973/74. Selepas keluar UM beliau bertugas sebagai guru kemudian menjadi Setiusaha Politik kepada Tun Abdullah Ahmad Badawi yang menjadi Timbalan Perdana Menteri. Ahmad Latif tidak memegang apa-apa jawatan di dalam PMUM, tetapi diberikan tugas menjaga bas PMUM. Beliau pernah menjadi Setiausaha Politik kepada Dato Aziz Shamsuddin semasa menjadi Menteri Kemajuan Luar Bandar.

senjata.

Pengkaji menjadi bimbang, sekiranya berlaku pertempuran diantara dua penyokong, berkemungkinan ada yang mati selain yang tercedera. Payah untuk pengkaji membuat keputusan, antara mempertahankan tindakan merampas kuasa atau membiarkan pertempuran yang belum tahu natijahnya. Menarik balik rampasan kuasa, pastinya mengecewakan penyokong-penyokong yang bersusah-payah menjayakannya. Membiarkan pertempuran sehingga ada dikalangan penyokong mati, tentulah sangat memilukan dan ianya terjadi hanya kerana kedegilan pengkaji. Maka, pengkaji terpaksa membuat keputusan secepat mungkin sebelum terlambat. Pengkaji tidak mahu menyesal seumur hidup, bila terdapat penyokong mati kerana tindakan merampas kampus UM.

Akhirnya, pengkaji bersetuju menyerahkan kembali kampus kepada pasukan Aziz Shamsuddin, yang menamakan kumpulannya sebagai Majlis Tindakan Nasional (MTN). Rampasan kuasa hanya bertahan selama 12 jam setelah digagalkan oleh MTN[265]. Di mana Ahmad Latif yang tidak dikenali dalam politik kampus UM, tiba- tiba menjadi jaguh kepada pihak kerajaan, bila dia menjadi pemimpin MTN. Pengkaji sendiri hairan, bagaimana seorang yang hanya menjaga bas PMUM boleh melonjak begitu cepat di tengah politik mahasiswa Melayu di Fakulti Sastera.

Tidak lama selepas pengkaji menyerahkan rampasan kampus, Ungku Aziz muncul diarak oleh pihak MTN ke atas pentas DTC. Beliau melepaskan geramnya kepada kumpulan pengkaji, dengan mengaitkan sebagai sekumpulan pemandu bas yang berfikir, bahawa mereka boleh menerbangkan kapal terbang. Di samping itu, beliau juga memberi amaran bahawa tindakan keras akan diambil olehnya. Dengan sokongan daripada Naib Canselor, Majlis Tindakan Nasional mengenakan perintah berkurung, mengeluarkan pas untuk mengawal tindakan di kampus, dan mendakwa pengkritik, memainkan sentimen perkauman dan Islam[266]. Selain melepas geram, Ungku Aziz juga bertindak untuk kepentingan kerajaan

[265] Kamarazaman Yacob, “”Rampasan Kampus Universiti Malaya”, Mingguan Waktu, 11 Ogos 1991.
[266] Meredith L. Weiss, Aktivisme MahasiswaMalaysia, ms. 200.

apabila dia menyokong MTN. Bukti yang menyokong dakwaan bahawa pihak berkuasa memihak kepada Majlis Tindakan Nasional, apabila FRU kembali bertindak keras terhadap setinggan dan mahasiswa di Johor Bahru hanya sembilan jam selepas kemenangan Majlis[267].

Sememangnya Ungku Aziz mengambil tindakan keras iaitu dengan menggantungkan PMUM dan Kelab Sosialis[268] pada 25 September 1974 di bawah Seksyen 16 Akta 30 (AUKU 1971)[269]. Menteri Pendidikan Mahathir menutup UM pada 23 September, kemudian menarik keputusannya beberapa jam kemudian, meskipun masih dengan amaran[270]. Pada 28 September, PMUM menghantar memorandum agar keputusan Majlis Universiti ditarik balik. Kamarazaman Yacob menyatakan keputusan itu tidak sah kerana menyalahi Perkara 6 Ceraian 51, Perlembagaan Universiti[271].

Rumah Persatuan PMUM telah ditutup selepas pelbagai material penting milik PMUM dimusnahkan. Keputusan Ungku Aziz itu telah mendapat riaksi yang keras dari para mahasiswa. Mahasiswa Fakulti Sains mengambil keputusan untuk memboikot selama dua minggu. Fakulti Undang-undang, kejuruteraan, pertanian, pergigian turut mengambil keputusan yang sama. Ungku Aziz membiarkan pihak MTN mengawal rumah persatuan, biarpun mendapat tentangan dari majoriti mahasiswa UM. Oleh kerana tidak mampu menghadapi tekanan dan merasakan peranan mereka sudah tiada, maka pihak MTN meninggalkan Rumah Persatuan PMUM. Biarpun PMUM telah digantung, tetapi majoriti mahasiswa UM masih melihat pengkaji, Hishamuddin Rais dan pemimpin Kelab Sosialis sebagai pemimpin mereka.

Semasa MTN masih diberi kuasa oleh Ungku Aziz, beberapa persatuan di UMdan kumpulan mahasiswa mengeluarkan kenyataan bersama mengutuk MTN. Presiden Kolej Kelima, Salehuddin Hashim dengan AJK Kolej Kelima bukan saja tidak menerima

[267] Hassan dan Siti Nor, pynt, With the People! ms.39.
[268] Kelab Sosialis yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan telah dibatalkan pendaftarannya pada tahun 1974
[269] Utusan Malaysia, 26 September 1974.
[270] Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 201.
[271] Utusan Malaysia, 29 September. Lihat https://mahasiswamenggugat.blogspot.com/2006/11/gerakan-mahasiswa-di-universiti- malaya_13.html

kedatangan mereka, malah pemimpin MTN disorak dan terhalau dari Koleh Kelima[272]. Selain itu Persatuan Kakitangan Akademik UM, persatuan mahasiswa di Malaysia, mahasiswa di luar negara dan orang ramai menyatakan sokongan terhadap PMUM. Selepas berunding dengan pihak universiti, akhirnya pengkaji, Hishamuddin Rais dan semua anggota EXCO PMUM mendapat kebenaran untuk mengambil harta peribadi di rumah persatuan. Sebahagian besar barangan peribadi EXCO PMUM dan harta PMUM telah dijarah, mungkin oleh kepimpinan dan ahli MTN.

Macam biasa, pemimpin mahasiswa dituduh oleh pihak kerajaan sebagai alat kepada parti politik pembangkang. *New Straits Times*, pada September 23, 1974 telah memuatkan kenyataan Menteri Pendidikan Malaysia, Mahathir Muhammad dengan tajuk, "Partai Rakyat *Using the Student*." Tan Sri Ghazali Shafei sebagai Menteri Dalam Negeri mengumumkan bahawa pengambilalihan oleh Majlis Sementara jelas melanggar undang-undang dan mengaitkannya dengan PSRM. Bagaimanapun tuduhan tersebut telah dinafikan oleh PSRM[273].

Pengkaji difahamkan semasa rampasan kampus UM, perkara yang sama juga terjadi di kampus ITM, Shah Alam. Presiden KSITM, Ibrahim Ali turut merampas kampus ITM[274]. Tentunya atas isu setinggan Tasik Utara sebab beliau bersama mahasiswa ITM turut terlibat dalam demonstrasi pada 21 September. Tetapi beritarampasan kampus ITM tenggelam oleh berita MTS dan MTN di UM. Kes Tasik Utara juga menyebabkan lima orang mahasiswa Malaysia di Universiti Singapura yang aktif di dalam persatuan mahasiswa (USSU) turut di usir dari Singapura. Mereka diusir kerana dua orang terlibat di Tasik Utara dan tiga orang lagi mengetuai protes di Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia[275].

[272] Kamarazaman Yacob, BERSAMA ANWAR KE PENJARA, ms. 118. Temubual bersama Salehuddin Hashim, 30 Julai, 2019, Petaling Jaya.
[273] Temubual bersama Halim Ali, 18 Ogos, 2019, Petaling Jaya.
[274] Temubual bersama Ibrahim Ali, 20 Mei, 2019, Kuala Lumpur.
[275] Antara mahasiswa Malaysia sebagai aktivis USSU yang di usir dari Singapura ialah Juliet Chin, Chia Yong Tai, Bong Hong Min, Choo Foo Yong dan Chuah Chong Lai. Juliet Chin (selepas bebas dari ISA), Chia Yong Tai dan Choo Foo Yong kemudian menyertai Suara Revolusi Malaya (Voice of the Malayan Revolution) di bawah PKM yang disiarkan dari Selatan China(1978-81). Selepas Suara Revolusi Malaya diberhentikan penyiarannya, mereka mendapatkan suaka politk. Juliet Chin dan Chia Yong Tai mendapat suaka politik di Peranchis.

Kes setinggan Tasik Utara dan rampasan kampus Universiti Malaya, membawa padah pada diri pengkaji. Biarpun pengkaji dapat mencipta sejarah melalui rampasan itu, tetapi ianya terpaksa dibayar dengan harga yang mahal oleh pengkaji. Satu satu pertuduhan yang dikenakan untuk menghalalkan penahanan pengkaji di bawah ISA ialah merampas kampus Universiti Malaya.

> *"That you, in late SEP 1974, in pursuance of your militant approach had leda group of students to seize control of the administration of the campus of the Universiti of Malaya*[276]*."*

6.7 Demokrasi Telah Mati

Pengkaji sering bertanya kepada diri, mengapa rampasan kuasa kampus UMyang dilakukan akhirnya menemui kegagalan? Adakah kerana kedegilan pengkaji,yang langsung tidak mahu mendengar pandangan dari rakan-rakan yang memberitahu tentang persediaan '*counter coup*' di Fakulti Sastera? Adakah kerana pengkaji tidak turut melarikan diri, bila mendapat berita tentang gerombolan silat UM sedang menuju ke rumah persatuan? Berkemungkinan kalaupengkaji turut lari, pada esoknya pengkaji boleh mengumpulkan seluruh penyokong UMSU dan Kelab Sosialis untuk berdepan dengan musuh-musuh PMUM. Bagaimanapun, pengkaji merasakan kedua-dua keputusan yang diambil tidak silap sama sekali. Iaitu pertama, merampas kuasa kampus UM untuk dijadikan 'kuasa tawar-menawar'. Kedua keputusan menyerahkan kembali rampasan kuasa demi mengelak dari pertumpahan darah yang mungkinmembawa kepada kematian para mahasiswa.

Biarpun gagal dalam rampasan kuasa kampus UM, setidak-tidaknya pengkaji telah mencipta satu rekod di dalam sejarah perjuangan mahasiswa tanah air.

[276] Lihat pertuduhan penahanan Kamarazaman Yacob, STATEMENT UNDER SECTION 11(2) (b) INTERNAL SECURITY ACT 1960. Name of Detainee: Kamarazaman Yacob. NRIC No: 0268764.

Seperti mana-mana rampasan kuasa oleh tentera atau rakyat, di waktu itu semua ciri-ciri demokrasi telah mati. Rampasan kuasa atau kontra rampasan semuanya melalui kekerasan tanpa memperhitungkan soal demokrasi. Begitulah ertinya 'Rampasan Kuasa atau Kudeta', dan kontra rampasan kuasa, bukan sahaja soal demokrasi terhenti, malah kadang-kadang nilai kemanusiaan turut terkubur. Tiada lagi keperluan pilihan raya atau referendum menjadi agenda. Semuanya dijalankan melalui kekerasan dan senjata sebelum kembali aman dan terkawal.

Di sinilah kesilapan pengkaji dalam membaca keperluan semasa merampas kampus UM. Pemikiran pengkaji tentang referendum , sama sekali tidak termasuk di dalam amalan rampasan kuasa. Begitulah berakhirnya, niat baik pengkaji untuk perjuangan rakyat marhaen, akhirnya tersungkur di tangan pasukan silat UM yangbersenjata. Mereka bersedia melakukan sesuatu yang menjadi amalan di dalam dunia kudeta, iaitu menggunakan kekerasan bersenjata. Akhirnya, pengkaji terperangkap di dalam sangkar demokrasi dan kemanusiaan, serta tidak dapat mengukur situasi dan kondisi semasa. Barangkali, itulah kali pertama dan terakhir kampus universiti Malaya atau universiti-universiti di Malaysia dirampas oleh mahasiswa. Atau pengkaji mendahului Ibrahim Ali dalam merampas kampus universiti, kerana di masa itu ITM masih belum bertaraf universiti.

Peristiwa kontra rampasan kuasa kampus oleh MTN ini, bolehlah dianggap kemuncak kepada pertembungan kumpulan ideologi yang dianuti mahasiswa di UM. MTS yang menguasai PMUM, kebanyakannya dari anggota Kelab Sosialis UM, yang tentunya berideologi sosialisme. Manakala MTS, terbentuk dari kepimpinan PBMUM, yang ideologi mereka adalah nasionalisme. Ideologi mereka satu jalur dengan parti pemerintah iaitu UMNO yang juga berideologi nasionalisme biarpun tidak begitu jelas kerana lebih kepada pragmatism[277].

[277] Pragmatisme adalah suatu aliran falsafah yang lahir di Amerika Syarikat pada lewat 1880-an. Salah satu ciri utamanya, aliran pragmatism menekankan bahawa keberhasilan, kepenggunaan, kepraktikalan adalah komponen utama untuk kebenaran. Pragmatisme, meletakan kepercayaan baahawa kebenaran atau nilai sesuatu ajaran bergantung pada penerapannya bagi kepentingan manusia. Ianya fahaman yang menyatakan bahawa segala sesuatu

Kalau dilihat kepada mana-mana pertubuhan mahasiswa di luar negara sekalipun sering terdapat pertembungan para mahasiswa yang ditentukan oleh garis ideologi mereka. Selalunya pertembungan antara garis kanan dan kiri, atau antara sosialisme dengan nasionalisme. Hal ini jelas kalau dilihat kepada perjuangan mahasiswa di Indonesia, Thailand, Korea Selatan, Jepun, malah di Afrika, Amerika Latin dan Eropah. Mereka bertembung bukan sahaja dalam menguasai kepimpinan kampus, malah dalam menguasai persatuan mahasiswa di peringkat nasional.

Secara mudah, perjuangan mahasiswa dapat disimpulkan kepada empat kategori, iaitu pertama, menentang atau menyokong kerajaan yang sedang memerintah. Kedua, berjuang untuk membela rakyat yang ditindas oleh pemerintah, majikan, tuan tanah atau dipinggirkan. Ketiga, perjuangan untuk menjaga kepentingan paramahasiswa di peringkat universiti atau di peringkat nasional. Keempat, perjuangan menuntut keadilan atau kepentingan sejagat seperti menentang penyalahgunaan nuklear, campur tangan kuasa besar terhadap negara lemah seperti Negara Ketiga. Di Malaysia, perjuangan mahasiswa meliputi kesemua kategori yang dinyatakan.

Politik mahasiswa Malaysia, tidak dapat lari dari rangka Nusantara, biarpun geopolitiknya terpisah oleh sempadan negara Malaysia-Indonesia. Tetapi dunia kebudayaan tiada sempadan yang membentuk tembuknya. Kita rujuk kuasa kebudayaan itu terdapat tiga garis iaitu Islamisme, nasionalisme dan sosialisme. Ketiga-tiga garis ini pada mulanya bercambah di Indonesia, kemudian melewati Selat Melaka dan hidup subur dalam taman politik Malaysia. Akhirnya ketiga-tiga garis ini bukan hanya berada di pentas parti politik malah menjalar segar ke dalampolitik para mahasiswa.

Gerakan mahasiswa berpaksikan nasionalisme bermula di SITC, yang dipimpin oleh Ibrahim Yaakob. Kemuncak kepada gerakan mereka yang diasakan kepada nasionalisme ini

tidak tetap, melainkan tumbuh dan berubah. Pragmatisme mementingkan hasil dari soal nilai masyarakat.

ialah dengan tertubuhnya Kesatuan Melayu Muda (KMM). Bagaimanapun sebahagian kepimpinan KMM ini akhirnya cenderung ke arah kiri dengan menubuhkan PKMM, kerana pengaruh gerakan di Indonesia. Manakala garis Islamisme menjadi model kepada para mahasiswa sekolah-sekolah pondok seperti di Gunung Semanggol, biarpun tidak lahir organisasi mahasiswa seperti KMM. Garis sosialisme di kalangan para mahasiswa dapat dilihat dengan jelas bila tertubuhnya Kelab Sosialis UM, di Singapura. Sejak itu ketiga-tiga ideologi ini berkembang dan bertembung di universiti-universiti Malaysia. Pertembungan yangjelas terjadi di Universiti Malaya kerana ketiga-tiga ideologi ini terdapat pendokongnya melalui persatuan Kelab Sosialis, PBMUM dan PMIUM.

Siri pertembungan terjadi semasa Syed Hamid Ali dan Khong memimpin Kelab Sosialis, dan di masa yang sama menguasai PMUM. Mereka terpaksa menghadapi Anwar Ibrahim yang memimpin PBMUM, misalnya di dalam isu perjuangan menentang Tengku Abdul Rahman. Semasa Tengku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia, menuduh Syed Hamid Ali terlibat mendapatkan permit perarakan mayat pemuda Cina yang mati ditembak oleh polis di Kepong pada 9 Mei, sebelum PRU 1969[278]. Mahasiswa-mahasiswa dari aliran nasionalisme memberi sokongan kepada Tengku dengan cuba menakut-nakutkan Syed Hamid. Sebuah lukisan menunjukkan sebilah kapak dan potret Syed Hamid telah kelihatan terpapar di Kawasan Sudut Pidato[279].

Pada 6 Jun, 1972, Majlis PMUM ke 14 di bawah Sim Kim Chew terpaksa menyingkir sidang pengarang Mahasiswa Negara kerana mengkhianati perjuangan PMUM. Ianya berpunca dari artikel, "*Does UMSU Rag too*" yangmenuduh PMUM menganiaya dan mempersoalkan kebebasan *freshie*. Pergolakan ini membawa kepada undi tidak percaya kepada Sim Kim Chew dan menyebabkan terbubarnya Majlis PMUM ke 14. Pergolakan ini berpunca dari ideologi progresif Sim Kim Chew di samping Salleh Haji Yusof (Setiausaha Agung) dan Lee Chee Keong (Setiausaha Penerangan) adalah anggota Kelab Sosialis. Yang menjatuhkan mereka adalah dari golongan nasionalis yang berada di dalam EXCO ke 14, iaitu Ahmad Sebi Abu Bakar (Penolong Setiausaha Agung), Ramli Sharif (Timbalan Presiden), Ishak

[278] Muhmmad Abu Bakar, Mahasiswa Menggugat, ms.91.
[279] Ibid, ms. 92.

Abdul Hamid (Setiausaha Kewangan) dan Azman Alias (Setiausaha Sosial). Perpecahan awal pada PMUM berlaku pada April 1950, berhubung isu *ragging* yang dipersetujui oleh PMUM. Menghadapi usul tidak percaya (keraguan perlembagaan) yang diketuai oleh mahasiswa perubatan K.Kanagaratnam, Leembruggem dan James Puthucheary meninggalkan mesyuarat beramai-ramai. Ini membawa kepada perpecahan pertama Majlis Mahasiswa UMSU[280].

Berhubung pergolakan Majlis PMUM ke 14, pada 6 Jun 1972, Ishak Abdul Hamid (Setiausaha Kewangan Majlis ke 14) menyatakan, "Isu sebenar yang mencetuskan undi tidak percaya itu, tidak terbatas kepada apa yang berlaku di dalam Mahasiswa Negara sahaja. Saya perhatikan pemimpin PMUM Ketika itu, cuba membawa PMUM ke arah yang berlawanan dengan arus kebangsaan. Padahal PMUM adalah badan induk pada pertubuhan mahasiswa di Universiti Malaya dan perlu memainkan perkara mempelopori semangat kebangsaan sejajar dengan aspirasi nasional. Apa yang berlaku di Mahasiswa Negara itu hanyalah gejala (*symptoms*) yang dapat dikesan mengenai pergerakan dan arus yang dibawa oleh pemimpin bukan Melayu pada ketika itu. Mereka menjurus kepada mempersoalkan apa saja yang dilakukan oleh Kerajaan. Gejala sedemikian dapat dihidu berasakan cakap-cakap di sebalik tabir dan ucapan yang kekadang terkeluar dalam perbincangan informal tanpa sengaja oleh mahasiswa-mahasiswayang cenderung pada pemikiran sosialisme[281]."

Pertembungan yang banyak berlaku adalah pada PMUM ke 16 semasa pengkaji dan Hishamuddin memimpin PMUM. Biarpun kadang-kadang penentangan itu tidak secara terbuka, tetapi arus bawah sentiasa berlaku untuk menjadi gelombang memukul PMUM. Percubaan mengadakan undi tidak percaya terhadap pengkaji dan Hishamuddin Rais, selepas rapat di Sudut Pidato oleh PBMUM dan PMIUM, berhubung isu Hishamuddin Rais menggunakan bas PMUM semasa PRU 1974. Bagaimanapun percubaan tersebut dapat di atasi kerana PMUM berjaya meyakinkan para mahasiswa. Di samping itu pengaruh Kelab Sosialis begitu kuat mencengkam PMUM dan para mahasiswa sehingga menyebabkan golongan nasionalisme dan Islamisme kurang berani berdepandengan PMUM.

[280] Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 104. Yeo Kim Wah. "Student Politics in University of Malaya, 1949-51," Journal of Southeast Asian Studies 23,2 (1992), 356-57.
[281] Temubual bersamaIshak Abdul Hamid, 20 Oktober, 2020, Petaling Jaya.

Oleh kerana Kelab Sosialis dan simpatatiknya menguasai majoriti kerusi pilihan raya PMUM pada Majlis ke 16 dan ke 17, menyebabkan golongan nasionalis dan Islamis kurang berminat untuk bertembung secara terbuka dengan golongan sosialis. Beberapa kegagalan mereka dalam percubaan untuk mensabotaj dan undi tidak percaya kepada PMUM yang dikuasai Kelab Sosialis, menyebabkan mereka memendam rasa dan menunggu peluang yang terbaik. Percubaan golongan nasionalis dan Islamis untuk menggagalkan majlis tari menari tahunan sesi 1973/1974 pun tidak berhasil. Akhirnya peluang yang mereka tunggu menjelma, apabila akhirnya dapat menguasai pemikiran pesilat UM. Mereka tidakmampu berhadapan dengan referendum , lalu membawa pasukan silat yang bersenjata untuk menindih perjalanan demokrasi melalui referendum sama ada para mahasiswa menyokong rampasan kuasa atau sebaliknya.

Selepas Kelab Sosialis dibatalkan pendaftarannya dan ketiadaan kepimpinan pentingnya seperti Abu Zer Ali, Hishamuddin Rais, Yunus Ali, Halim Latif, Bashkaran, Albert Foo, Chia Peng Koi, Hanim Ali, Teo Sai Chu termasuk pengkaji,menjadikan pengaruh sosialis menjadi malap. Selain menghilangkan diri seperti Abu Zer Ali, Hishamuddin Rais dan Yunus Ali, manakala pengkaji pula ditahan di bawah ISA. Selebihnya telah menamatkan pengajian mereka di UM. Kekosongan yang terjadi ini akhirnya diisi oleh para mahasiswa dari ideologi nasionalisme dan Islamisme.

Bila Harris Pardi, Baharudeen Ali, Soshee Kumar, Mahadi dan Tan Kok Liang turut menamatkan pengajian mereka, akhirnya mahasiswa berideologi sosialis boleh dikatakan pupus sama sekali. Ini menjadikan ruang terbuka untuk para mahasiswa berideologi nasionalis dan Islamis menguasai kampus UM sepenuhnya. Yang akhirnya mereka turut terdedah kepada parti politik di luar kampus iaitu UMNO dan PAS dalam menyemai suburkan ideologi mereka kepada para mahasiswa untuk dijadikan kader-kader parti.

6.8 Isu Kebuluran Baling

Baling telah mencuri perhatian rakyat Malaya, apabila Tunku Abdul Rahman telah memilih Baling sebagai tempat pertemuannya dengan Chin Peng pada tahun 1955. Hampir dua puluh tahun kemudian, sekali lagi Baling mencuri perhatian, malah menggemparkan masyarakat Malaysia, kerana isu kebuluran dan kematian yang dikaitkan dengan ubi gadung. Isu ini telah membangkitkan kemarahan rakyatdi Baling dengan demonstrasi secara besar-besaran. Demonstrasi rakyat marhaen di Baling telah disambut oleh para mahasiswa di seluruh universiti di Malaysia.

Kemuncaknya ribuan para mahasiswa ditangkap, semasa mereka berdemo di Padang Merdeka dan lari ke Masjid Negara. Penangkapan itu tidak terhenti di situ, sebaliknya mereka dihadapkan ke mahkamah. Bagaimanapun, para mahasiswa telah memenangi perbicaraan yang memakan waktu yang panjang. Selepas itu diikuti dengan penggeledahan di kampus-kampus seluruh universiti di Malaysia. Semasa penggeledahan di kampus-kampus, ramai pemimpin mahasiswa ditahan di bawah ISA.

Biarpun sebahagian besar pemimpin mahasiswa yang ditahan di bawah ISA, dibebaskan dalam masa 60 hari, tetapi ramai juga yang dihantar ke Kem Tahanan, Kamunting, Taiping Perak. Dengan penangkapan pemimpin mahasiswa itu, serta menahan mereka di bawah ISA, jelas sekali bahawa kerajaan begitu serius mahu melumpuhkan pergerakan mahasiswa di Malaysia. Ianya sangatketara bila AUKU 1975 diperkenalkan pada tahun 1975.

Akhirnya ‘kuasa pelajar’ dimatikan dengan pindaan AUKU 1975. Orang yang bertanggungjawab dalam membunuh kegiatan para mahasiswa, mengikat ahli akademik dan memusnahkan kuasa autonomi universiti adalah Mahathir Mohamad, Menteri Pelajaran Malaysia.

6.8.1 Baling Mencipta Sejarah

Pada tahun 1970-an, Baling sudah menjadi salah sebuah daerah di dalam negeri Kedah. Pekan Baling sudah ada dan menjadi tempat tumpuan bagi petani di sekitarnya bagi menjual hasilan mereka, seperti getah, buah-buahan, sayur-sayuran dan beras. Pekan Baling menjadi pusat aktiviti ekonomi bagi penduduk setempat. Baling menjadi daerah kedua terbesar selepas Daerah Sik. Di dalam Daerah Baling terdapat tujuh mukim, iaitu Bakai, Bandar Baling, Kupang, Pulai, Siong, Tawar dan Teloi Kanan.

Baling dipercayai berasal daripada peristiwa Raja Bersiong yang tercatat di dalam Hikayat Merong Mahawangsa. Rajanya bernama Ong Maha Perita Daria ataulebih dikenali sebagai Raja Bersiong, merupakan raja keempat dari keturunan Merong Mahawangsa.

Pada tahun 1970-an, penghidupan massa petani di Baling masih bergantung sepenuhnya kepada pertanian. Mereka menjalankan aktiviti penaman padi, buah- buahan, sayuran, getah dan mencari hasil hutan seperti rotan dan rebung. Baling di masa ini masih dianggap kawasan pedalaman kerana perhubungan dengan dunia luar masih terhad.

Baling bersempadan dengan Perak dan Betong, Selatan Thailand. Barangkali, kerana Baling terletak bersempadan dengan Betong dan di kelilingi hutan tebal, maka Tunku Abdul Rahman dan Chin Peng bersetuju menjadikan Pekan Baling sebagai tempat pertemuan bagi merundingkan soal perletakkan senjata dan menyerah diri. Peristiwa Rundingan Baling berlaku pada tahun 1955 antara TunkuAbdul Rahman mewakili kerajaan Malaya dengan Chin Peng mewakili Parti Komunis Malaya, berakhir dengan kegagalan.

Peristiwa Rundingan Baling itu biarpun menemui kegagalan, tetapi ianya menjadi cacatan penting bagi sejarah kemerdekaan Tanah Melayu atau Malaya. Kegagalan rundingan itu tidak mencacatkan nama Baling, sebaliknya Baling menjadi terkenal kerana peristiwa tersebut. Baling menjadi sinonim dengan Rundingan Baling antara Tunku dan Chin Peng.

Hampir dua puluh tahun kemudian, iaitu pada tahun 1974, Baling sekali lagi menggemparkan masyarakat Malaysia dengan isu kebuluran dan kematian kerana ubi gadung. Isu ini meletup ketika negara dilanda krisis kewangan yang teruk, manakala harga komoditi milik petani seperti getah harganya jatuh merudum. Sebaliknya harga barangan keperluan naik melambung dan penghidupan rakyat marhaen begitu terhimpit dan tersepit. Bila isu kebuluran serta kematian kerana ubi gadung dan warga Baling berdemonstrasi meletup, maka rakyat seluruh negara dan para mahasiswa mengambil isu ini secara serius. Para mahasiswa bersedia untuk berdemonstrasi demi menyokong perjuangan rakyat marhaen di Baling menuntut keadilan sosial.

Pada 3 Disember, dua hari selepas orang ramai berkumpul di Baling, kira-kira limaribu mahasiswa berhimpun di Kuala Lumpur[282].

> *When it became clear that the government was not going to act positivelyon the demands before the ten day deadline, 30,000 people demonstrated in Baling on December 1, 1974*[283].

Bagi para mahasiswa sejarah dan pengkaji sejarah, nama Baling bukanlah suatu tempat yang begitu asing kepada mereka. Belajar tentang perjuangan kemerdekaan atau nasionalisme Malaya, kemudiannya Malaysia, pasti menemui peristiwa Pertemuan Baling. Ianya menjadi tempat yang begitu penting dalam sejarah Malaya kerana di situlah terjadinya pertemuan antara pihak kerajaandengan pemimpin PKM. Pertemuan tersebut terjadi pada tahun 1955, antara Tunku Abd.Rahman mewakili kerajaan dan Chin Peng mewakili Parti Komunis Malaya. Tunku sebagai Ketua Menteri Malaya, David Marshall sebagai Ketua Menteri

[282] Merredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 203. Berkenaan protes ini, lihat: Kamarazaman Yacob, Bersama Anwar ke Penjara, ms. 156-61; Hassan, "The Student Movement in Malaysia," ms.14-15; Syed Hussin, The Two Faces, ms. 3-12, Zainah, Islamic Revivalism, ms 22-23, Silverstein, "Students in Southeast Asian Politics," ms.201. New Straits Times, Disember 5-6 dan 14. Fikri Faizal, Letters to Home, pynt, Ooi Kok Hin, Aish Kumar, Nik Mohamed Rashid, ms. 183-185.

[283] K.S. Jomo, Hassan Abdul Karim, Ahmad Shabery Cheek, Student Political Activism, Philip G. Altbach, ms. 153. Temubual bersama Saeden B. Wateh pada 14 Ogos 2019 di Kuala Lumpur, beliau bekas 'office boy' di Pejabat Daerah Sik semasa Zainal Abidin sebagai Pegawai Daerah Sik. Memberitahu demonstrasi terbesar yang melibatkan lebih 30,000 itu berlaku di pekan Sik bukan di Baling

Singapura dan Dato Tan Cheng Lock mewakili masyarakat Cina sebagai pemimpin MCA. Manakala Chin Peng sebagai Setiausaha Agung PKM ditemani Rashid Maidin dan Chen Tian.

Pertemuan selama dua hari itu berakhir dengan kegagalan kerana mereka bermula dari premis yang berbeza di dalam melihat isu yang dibangkitkan. Antara isu yang dibangkitkan ialah berhubung kemerdekaan yang bebas sepenuhnyadari penjajah Inggeris seperti soal dasar luar dan hal keselamatan dalam negeri. Chin Peng bersedia meletakkan senjata sekiranya anggota komunis menerima status yang sama dengan rakyat biasa. Dia juga mahu semua anggota yang telah dan akan meletakkan senjata mesti tidak disoal siasat, tidak dihukum, tidak ditahan serta tidak ada sekatan. Disampng itu mesti menerima PKM sebagai parti politik yang sah, boleh terlibat dalam pilihan raya dan bebas memperjuangkan reformasi melalui perlembagaan.

Tunku dan David Marshall menolak semua hasrat Chin Peng yang dianggap bertentangan dengan keperluan negara.

> "*The communist party would not be recognised. There was no way of avoiding detention and investigation of CPM members. The government of Malaya and Singapore would be willing to assist all Party followers who opted to be exiled to either China or India. Only those who chose to remain in Malaya would be subjected to investigation*[284]*."*

Chin Peng mengatakan,

> "*We will never allow ourselves to be forced by others to give up ourideology, but wish to put our ideology to the people to decide, if that is possible*[285]*." "If the CPM is recognised, if members of the CPM are not subject to detention and investigation, they can throw down their arms at once. The question of weapons can be solved easily*[286]*."*

[284] Chin Peng, My Side of History, ms. 383.
[285] Ibid, ms. 380.
[286] Chin Peng, My Side of History, ms. 385.

Tunku merumuskan,

> "*If you want to have peace in this country, one side must give in- either we give in to you, or you give in to us. The two ideologies, yours and ours, can never work side by side*[287]*."*

Pertemuan di Baling berakhir dengan kegagalan dan Chin Peng menyatakandengan jelas bahawa perjuangan bersenjata PKM tetap diteruskan,

> *"If you demand our surrender, we would prefer to fight to the last man*[288]*."*

Pada tahun ini penghidupan rakyat marhaen begitu menderita kesan dari kenaikan harga barang dan kejatuhan harga komoditi terutama getah. Penduduk kampung kebanyakannya bergantung pada hasil getah selain sedikit dari hasil buah-buahan. Getah telah jatuh merudum harganya sehingga sekati getah berharga 30 sen. Itu bergantung pula kepada jauh dekatnya dengan bandar di mana terdapatnya pembeli getah. Semakin jauh dari bandar, semakin banyak bayaran pengangkutan yang terpaksa ditanggung oleh para penoreh untuk memasarkan hasil mereka. Harga barangan keperluan mereka seperti gula ialah 60 sen sekati, tepung gandum berharga 50 sen sekati dan beras hancur berharga $1.80 sen segantang[289].

Kesengsaraan hidup ini menimbulkan keluh kesah di kalangan rakyat marhaen. Namun begitu mereka tidak mampu bangkit bersendirian untuk melawan, melainkan mendapat sokongan, dorongan dan disusun untuk bertindak. Perkaraini terjadi di Baling, di mana rakyat marhaen menerima agitasi, sokongan, dorongan dan penyusunan oleh PAPERI[290]. Hasil dari penyusunan oleh PAPERI itulah menjadikan rakyat marhaen Baling bersedia

[287] Ibid, ms 385.
[288] Ibid, ms. 386.
[289] K.S Jomo, Hassan Abdul Karim, Ahmad Shabery Cheek, Student Political Activism, Philip G Altbach, ms.152.
[290] PAPERI telah ditubuh pada 10 Zulhijah 1384H bersamaan 20 April 1965. Ianya ditubuhkan oleh Abdullah C.D kerana kemajuan mahasiswa Islam di beberapa pusatPengajian Islam di tanah air. Lihat Memoir Abdullah C.D, Zaman Pergerakan Sehingga 1948, ms.254. Lihat Memoir Rashid Maidin, Daripada Perjuangan Bersenjata Kepada Perdamaian.

berdemonstrasi dengan begitu agresif dan revolusioner. Menjadikan Baling sekali lagi mencipta sejarah di negaraini selepas peristiwa Rundingan Baling pada 1955.

Kebangkitan kaum tani dengan puluhan ribu yang menuntut keadilan selepas kemerdekaan merupakan suatu kejadian yang sangat luar biasa.. Suatu kebangkitan rakyat di pedalaman yang mungkin tidak pernah diramal oleh kerajaan. Satu letupan bom jangka yang memeranjatkan seluruh negara. Kejadianyang pada awalnya cuba ditutup oleh kerajaan dengan mengawal berita dari dimuatkan ke dalam akhbar, akhirnya terpecah juga. Berita itu dikendong dan dijaja oleh mahasiswa-mahasiswa dari Kedah apabila mereka kembali semula ke kampus selepas cuti penggal. Tentunya berita tentang kelaparan, kebuluran dan kematian kerana memakan ubi gadung yang dibawa oleh para mahasiswa dari Baling, Sik atau sekitarnya mendapat respons dari masyarakat kampus.

Syed Husin Ali di dalam bukunya, *Two Faces, Detention Without Trial,* menyatakan;

> *"One day, an undergraduate from Kedah came to inform me about it. I related the matter to a few student leaders from the University of Malaya (UM). They went to confirm the story, and after doing so decided to hold a demonstration in support of the peasants and also to draw public attentionto their plight*[291]*".*

Selepas Hishamudin Rais, Yunus Ali dan Abu Zer Ali mendapat berita daripada Syed Hussin Ali, kami kepimpinan Kelab Sosialis mengadakan perbincangan di bawah pohon buluh di depan Rumah Persatuan PMUM[292]. Masa ini Kelab Sosialisbergerak secara 'bawah tanah' kerana Kelab Sosialis telah diharamkan dan PMUM telah digantung. Bagaimanapun para mahasiswa UM masih mengiktiraf bekas pemimpin PMUM dan Kelab Sosialis sebagai pemimpin mereka. Di masa yang sama pemimpin-pemimpin mahasiswa dari universiti atau pengajian tinggi di negara ini masih menerima Hishamuddin Rais dan pengkaji mewakili UM. Setiap pertemuan atau mesyuarat tertentu Hishamuddin Rais dan pengkaji dijemput

[291] Syed Hussin Ali, Two Faces, Detention Without Trial, ms.1
[292] Temubual bersama Hishamuddin Rais, Julai 30, 2019

sebagai wakil UM.

Perbincangan petang itu memutuskan supaya Abu Zer Ali pergi ke Baling untuk mendapatkan pengesahan sebelum tindakan dibuat. Berita yang diperolehi bahawa lebih kurang seribu orang petani Baling telah mengadakan demonstrasi pada 19 November. Mereka mengadakan demonstrasi selepas tuntutan mereka supaya kerajaan campur tangan dalam mengawal harga barang dan komoditi tidak dilayan. Kami juga difahamkan pada 21 November, seramai lebih 12,000 orang dari sekitar Baling telah turun berdemonstrasi ke bandar itu[293]. Orang kampung dari Weng, Bangsar, Lanai, Pulai, Kupang, Tawar, Parit Panjang, Kuala Pegang, Siong dan Sungai Lalang turut membanjiri pekan Baling dalam menyatakan bantahan terhadap kegagalan kerajaan[294].

Sebelum Abu Zer kembali ke UM, Kelab Sosialis telah mengeluarkan risalahberhubung penindasan oleh kaum kapitalis ke atas rakyat marhaen. Juga turut mengkritik kegagalan kerajaan dalam mengawal harga barangan dan harga komoditi milik rakyat miskin. Apa yang lebih tragis semasa rakyat Baling menuntut keadilan, Ahli-ahli Parlimen telah menaikkan elaun mereka,

> *"it so happened, when the peasant were holding their marches, Parliament had just been convened and had decided to increase the monthly allowance of its members from RM 1000 to RM 1500. This was like pouring petrol over the anger of the students[295]."*

Abu Zer kembali ke kampus UM dengan membawa ubi gadung. Dia memberi tahutentang sekatan polis dan polis hutan sepanjang perjalanannya ke Baling. Polis akan memeriksa mana-mana individu yang dicurigai sebagai orang luar dari Baling. Untuk mengelak dari ditahan oleh polis beliau terpaksa turun dari bas semasa sekatan dan meredah belukar untuk

[293] Lihat, K.S Jomo, Hassan Abdul Karim, Ahmad Shabery Cheek, Student Political Activism, Philip G. Altbach, ms 152-53.
[294] Temubual bersama Saeden Wateh, 14 Ogos 2019, Kuala Lumpur.
[295] Syed Hussin Ali, Two Faces, Detention Without Trial, ms. 2.

meneruskan perjalanan hingga sampai ke Baling. Beliau mengesahkan tentang berlakunya kematian kerana memakan ubi gadung[296] yang tidak dihilangkan getahnya.

Rapat diadakan di Sudut Pidato yang diikuti dengan demonstrasi. Demonstrasi juga turut berlaku di ITM, UKM di Kuala Lumpur, USM di Pulau Pinang dan Politeknik Ungku Omar di Ipoh. Demonstrasi tersebut sebagai pernyataan awalpara mahasiswa terhadap kerajaan supaya menangani permasalahan rakyat. Di samping itu sebagai signal kepada kerajaan terhadap keprihatinan para mahasiswa kepada rakyat miskin yang sedang berdemonstrasi di Baling. Bagaimanapun kerajaan tidak mempedulikannya, mungkin kerana Barisan Nasional telah memenangi pilihan raya 1974 dengan begitu cemerlang[297]. Parti pembangkang iaitu PSRM dan DAP tidak mampu menggugat kerajaan kerana pembangkang hanya memenangi 19 kerusi sedangkan BN memenangi 135 kerusi.

Selepas mendengar berita tentang puluhan ribu orang di Baling dan Sik mengadakan demonstrasi, maka Kelab Sosialis memutuskan untuk mengadakan demonstrasi di Kuala Lumpur pada 3 Disember, 1974. Padang Kelab Selangor dipilih kerana ianya terletak di tengah Bandar Kuala Lumpur. Kepimpinan kelab berkeyakinan bahawa dengan adanya demonstrasi tersebut akan dapat menarik perhatian orang ramai terhadap isu kesengsaraan rakyat di Baling. Rapat diadakan pada pagi 2 Disember,1974, untuk menarik perhatian para mahasiswa dan memberitahu tentang demonstrasi yang akan diadakan pada 3 Disember.

Pengkaji dan Hishamuddin Rais menyeru para mahasiswa untuk turut membantu menyiapkan banner, kertas manila kerana PMUM sudah tiada. Juga menuntut supaya para mahasiswa menghubungi rakan-rakan mereka di institusi pengajian

[296] Ubi gadung adalah sejenis ubi yang tumbuh liar di belukar yang biasanya di tanah yang lembab. Untuk membuang getahnya yang beracun, maka ubi itu perlu dikupas dan dipotong nipis-nipis. Kemudian ianya hendaklah direndam ke dalam air yang mengalir supaya getahnya turut hanyut. Mesti ditunggu sehingga hilang semua tanda yang ianya masih bergetah, biasanya dua hingga tiga hari. Ubi gadung sedap dimakan jika ditanak dengan pulut.

[297] Keputusan PRU 1974, BN memenangi 135 kerusi Parlimen merupakan 87.7% kerusi Dewan Rakyat. Manakala pemangkang hanya mendapat 19 kerusi merupakan 12.3% kerusi Dewan Rakyat. Undi popular sebanyak 60.7%, iaitu meningkat sebanyak 23.1% dibandingkan dengan PRU 1969. BN juga menguasai semua kerajaan negeri termasuk Kelantan kerana PAS adalah komponen BN.

tinggi lain tentang demonstrasi tersebut. Halaman sekretariat PMUM, dipilih sebagai tempat menyiapkan peralatan untuk berdemonstrasi. Sokongan dari para mahasiswa sangat menggalakkan biarpun PMUM telah digantung.

Pagi 3 Disember, para mahasiswa telah memenuhi Kawasan Sudut Pidato. Pengkaji dan Hishamuddin Rais memberi penerangan ringkas dan menggesa para mahasiswa bergerak ke Padang Kelab Selangor di Kuala Lumpur. Apabila sampai di destinasi, sudah ramai para mahasiswa berada di situ. Dalam masa yang singkat sahaja, ribuan mahasiswa telah memenuhi Padang Kelab Selangor. Berbagai tulisan di *banne*r dan kertas manila menghiasi padang tersebut. Para mahasiswa datang dari UM, UKM, UPM, ITM dan ITK untuk bersama menyokong perjuangan rakyat Baling. Pemimpin mahasiswa yang berucap menyentuh tentang kesusahan rakyat kesan dari kenaikan harga barang, kejatuhan harga getah dan korupsi yang membelit pemimpin negara. Para mahasiswa masih berpusu-pusu datang ke arah tengah padang yang dianggarkan sudah melebihi 5,000 orang, bila polis cuba menyuraikannya.

Para mahasiswa tidak mempedulikannya dan rapat diteruskan. Tiba-tiba FRU bertindak dengan menembak gas pemedih mata ke arah para mahasiswa. Bercempera para mahasiswa melarikan diri ke segenap arah yang tidak dirancang. Ramai di antara mahasiswa lari ke dalam kawasan Masjid Negara. Pengkaji bersama Abu Zer Ali sempat merentak dua helai banner untuk dibawa lari. Abu Zer Ali, Harris Pardi dan pengkaji mengajak para mahasiswa lari menghala ke Bangunan UMBC. Para mahasiswa menutupi jalan dari dua arah bulatan UMBC. Sebuah kereta Mercedes Benz terkepung tetapi masih mencuba untuk melepasi kepungan para mahasiswa yang membuka sedikit laluan. Tiba- tiba tingkap belakang terbuka dan terjengul Abdullah Ahmad sambil mengacukan pistolnya kepada mahasiswa. Secara spontan pengkaji mencabut kasut dan membaling ke arahnya. Abdullah Ahmad cepat-cepat menurunkan tingkap di sisinya biarpun kasut tidak mengena sasaran[298].

[298] Abdullah Ahmad adalah Setiausaha Politik Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Kedua Malaysia.

Selepas kembali memakai kasut, pengkaji menyuruh para mahasiswa membuka laluan untuk kereta yang di naiki oleh Abdullah Ahmad. Di samping itu pengkaji, Harris Pardi dan Abu Zer Ali membawa mahasiswa berjalan ke jejambat di depan Masjid Negara. Kemudian pengkaji meminta Abu Zer Ali bergabung dengan para mahasiswa yang berkumpul di depan pintu pagar Masjid Negara. Pengkaji dan Harris Pardi masih berada di jejambat dan mengawasi apa saja yang berlaku di Masjid Negara. Tidak lama selepas itu pengkaji nampak Abu Zer Ali bergelut dengan FRU di depan Masjid Negara. Selepas kepalanya, dipukul oleh FRU, Abu Zer Ali dengan kumpulannya berundur masuk ke dalam kawasan masjid. Abu Zer Ali dibawa ke klinik oleh Hishamudin Rais dan menerima lapan jahitan di kepalanya[299].

Tidak lama selepas itu pengkaji melihat FRU menyerbu ke dalam kawasan masjid.Mereka mengejar dan menangkap para mahasiswa hingga ke dalam masjid tanpamenanggalkan kasut. Menariknya, Imam Masjid Negara hanya menyalahkan para mahasiswa, sedangkan FRU yang berkasut masuk ke dalam masjid tidak ditegur. Tidak lama selepas itu pengkaji nampak trak-trak FRU memasuki kawasan Masjid Negara. Pengkaji dapat membaca tujuannya, lalu pengkaji mengajak Harris Pardi dan beberapa orang mahasiswa menuju ke stesen kereta api Kuala Lumpur.

Apabila sampai di stesen kereta api, pengkaji cuba memerhati ke arah mana trak FRU menghala. Bila trak FRU mengambil bulatan di hadapan Masjid Negara yang akan melalui stesen kereta api Kuala Lumpur, segera pengkaji mengajak Harris dan mahasiswa berlari ke arah lampu isyarat di depan Hotel Majestic. Pengkaji, Harris Pardi berdiri bersama mahasiswa di sisi lampu isyarat dan membiarkan beberapa biji kereta melintasinya. Pengkaji memberi tahu mereka mengapa perlunya berada di situ dan apa tindakan perlu dibuat.

Secara kebetulan sebuah lori sampai di depan lampu isyarat dan berhenti kerana lampu isyarat berwarna merah. Spontan pengkaji dengan diikuti Harris Pardi, para mahasiswa menyerbu ke arah pemandu lori sambil memenuhi jalan di depan lampu isyarat. Pengkaji melompat ke tangga lori sambil membuka pintunya. Pengkaji mematikan enjin, mencabut

[299] Temubual bersama Hishamuddin Rais, Julai 30, 2019, KL.

dan mengambil kunci lori tanpa dihalang oleh apek pemandu lori tersebut yang masih terpinga-pinga. Semuanya berlaku begitu pantas, tanpa terfikir oleh apek lori apa yang akan berlaku ke atas dirinya.

Lori yang bungkam itu, telah menutup jalan menyebabkan semua kereta terhenti. Pengkaji, Harris Pardi bersama mahasiswa berkejar ke trak FRU yang membawa para mahasiswa yang ditangkap di Masjid Negara. Pengkaji, Harris Pardi dan para mahasiswa tanpa diarah membuka pintu belakang trak FRU untuk membebaskanmereka yang telah ditahan.. Antara yang dibebaskan ialah Anwar Ibrahim[300], Ibrahim Ali dan beberapa pemimpin mahasiswa yang lain[301]. Kesemua mahasiswa dalam ketiga-tiga trak FRU dapat kami bebaskan. Bagaimanapun FRU berjaya menangkap seramai 1,128 mahasiswa di Masjid Negara[302].

Selepas semua dibebaskan, pengkaji kembali berkejar menuju lori yang terbungkam di depan lampu isyarat. Bunyi hon dari kereta yang terperangkap begitu bising sekali. Pengkaji melompat naik tangga lori, membuka pintu sambil menyerahkan kunci kepada apek yang masih tidak mengerti apa yang berlaku agaknya. Pengkaji sempat melihat apek menggelengkan kepalanya sebelum pengkaji terjun dari lori itu.

Dalam soal melakukan rampasan (*hijack*) trak FRU ini, Harris Pardi masih jelas di pemikirannya, bagaimana beliau, pengkaji dan para mahasiswa melakukannya. Semasa temu bual, Harris Pardi menyatakan, "Aku tengok kamu melompat ke tangga lori sambil membuka pintu. Kemudian terjun dan mengajak aku bersama beberapa mahasiswa mengikut kamu. Kamu menuju trak FRU yang tersekat.

Kamu meminta para mahasiswa terjun turun. Kami turut berbuat begitu. Aku Nampak

[300] Pada lewat petang 3 Disember,1974, Anwar Ibrahim ditahan di Balai Polis Jalan Travers semasa datang ingin menjamin para mahasiswa yang ditahan di balai itu. Selepas ditahan selama 60 hari, Anwar Ibrahim ditahan di bawah ISA, di Kem Kamunting, Taiping, Perak selama 2 tahun

[301] Semasa pengkaji disoal siasat, Pegawai Penyiasat menunjukkan gambar pengkaji yang berlilit kepala dengan tuala kecil berwarna putih. Mereka memperli, membuli sambil memukul di bahagian rusuk dan belakang pengkaji.

[302] Lihat, K. S. Jomo, Hassan Abdul Karim, Ahmad Shabery Cheek, Student Political Activism, Philip G. Altbach, ms.153. Meredith L Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 203. Semua mahasiswa tersebut dibebaskan oleh hakim selepas beberapa kali kes ini ditangguh yang memakan masa lebih setahun.

Anwar Ibrahim, Ibrahim Ali terjun awal[303].”

Setelah para mahasiswa kembali ke kampus, pada petang itu FRU telah menutup laluan ke UM dan UKM. Pergerakan mahasiswa keluar masuk ke kampus mulai terhad. FRU memeriksa setiap mahasiswa yang ingin memasuki kampus UM. Tindakan FRU itu menimbulkan kemarahan para mahasiswa. Pada 4 Disember, para mahasiswa meneruskan demonstrasi di dalam kampus dan membuat provokasi kepada FRU.

Seperti biasa FRU menjawab provokasi mahasiswa dengan tembakan gas pemedih mata ke arah para mahasiswa. Tindakan FRU itu dijawab dengan botol, batu, kayu dan lastik yang menyebabkan hujanan gas pemedih mata semakin lebat. Keadaan ini berterusan dan menjadi semakin tegang bila sekatan FRU semakin keras terhadap mahasiswa di luar kampus. Bagaimanapun ianya menjadipesta kepada mahasiswa bila setiap gas pemedih mata yang jatuh dikutip kelongsongnya untuk dijadikan cenderahati.

Pada tengah hari 5 Disember, pengkaji bersama Abu Zer Ali mengatur dan membawa sepasukan mahasiswa keluar dari kampus melalui Hospital Universiti Malaya. Pengkaji mengajak mereka melakukan demonstrasi berhampiran Kampung Kerinchi untuk menarik perhatian FRU. Para mahasiswa telah berjaya melakukan provokasi dengan baik. FRU telah terpengaruh dan menembak gas pemedih mata ke arah demonstran. Tindakan itu, menyebabkan penghuni rumah setinggan di Kampung Kerinchi turut menerima balanya. Kanak-kanak menangis kepedihan, kesakitan dan ada yang tercedera. Orang dewasa juga menghadapi kesukaran bernafas dan kepedihan kerana asap gas pemedih mata.

Tindakan FRU itu menimbulkan kemarahan penduduk Kampung Kerinchi. Mereka mula bergabung dengan para demonstransi dalam menghadapi FRU. Para mahasiswa berjaya mengumpan FRU hingga menembak sepanjang jalan dari Kampung Kerinchi ke Federal Highway. Semasa melarikan diri sempat juga para mahasiswa menyelerakkan bahan-bahan

[303] Temubual bersama Haris Pardi, 15 April, 2019, PJ.

binaan jalan raya yang terdapat di tepi jalan. Sebelum pulang pengkaji sempat berpesan kepada setinggan Kampung Kerinchi untuk meneruskannya pada malam nanti. Kemarahan mereka tidak terhenti di sini malah diteruskan pada malamnya.

Pada awal malam 5 Disember, pengkaji dan Abu Zer Ali memimpin para mahasiswa serta bergabung dengan penduduk Kampung Kerinci yang masihmarah dengan kejadian pada petang itu. Pengkaji bersama mereka menyelerakkan bahan-bahan binaan jalan raya di Federal Highway. Kemudian semakin mengganas, seperti mengamuk apabila kami memecahkan lampu isyarat, pondok polis di tepi jalan Federal Highway[304]. Para mahasiswa terus mengganas dengan mencampakkan besi-besi, simen, bata dan batu yang terdapat dekat bulatan di depan Bangunan EPF, Jalan Gasing. Kebetulannya, bahan-bahan tersebut mahu digunakan oleh kontraktor untuk melebarkan jalan raya.

Selepas melakukan segala apa yang terlintas di benak dalam amukan membalas dendam terhadap FRU, para demonstran pulang. Sepanjang jalan dari Kampung Kerinchi hingga ke depan Bangunan EPF, Jalan Gasing, tidak boleh digunakan oleh sebarang kenderaan kerana jalan tertutup oleh sampah yang berselerak. Setinggan Kampung Kerinchi pulang, tentunya dengan rasa puas kerana dendam mereka sudah terbayar.

6.8.2 Penangkapan Operasi Mayang

Pada awal pagi 6 Disember, selepas rusuhan dan amukan itu, Syed Husin Ali, Tengku Shamsul, Gurdial Singh dan Lim Mah Hui telah ditangkap. Syed Husin Ali sebagai Setiausaha Agung, manakala Tengku Shamsul Bahrin sebagai Presiden kepada Persatuan Ahli Akademik UM. Syed Husin Ali percaya, penangkapan beliau, Tengku Shamsul Bahrin dan Gurdial Singh ada hubungan dengan rapatisu Baling di DTC, anjuran PMUM pada malam-malam sebelum demonstrasi[305]. Gurdial Singh, seorang pensyarah di Fakulti

[304] Lihat, Syed Husin Ali. Two Faces, Detention Without Trial, ms. 3, 7. Meredith L Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 203.
[305] Temubual bersama Syed Husin Ali, 16 Oktober, 2019, Petaling Jaya.

Undang-Undang dan Lim Mah Hui, seorang pensyarah di Jabatan Sosiologi dan Antropologi. Manakala pada 6 Disember, anggota FRU telah ditarik dan diganti dengan Polis Hutan bagi mengawal kedua-dua pintu masuk ke UM. Begitu juga yang terjadi di UKM dimana laluannya turut dikawal.

Pada 6 Disember, seramai 4000 orang mahasiswa berkumpul di DTC untuk mendesak Majlis Senat Universiti menangguhkan peperiksaan yang akan bermula pada 13 Januari hingga 8 Februari 1975. Namun kerajaan mengarahkan peperiksaan diteruskan seperti jadual dan semua kulliah berjalan seperti biasa[306].

Pengkaji turut menerima padah dari amukan malam itu, apabila pertuduhan kelima penahanan ISA terhadap pengkaji disandarkan kepada kejadian tersebut,

> *That you in DEC 1974, in pursuance of your objective of creating violence,had led another illegal demonstration along the* Federal Highway *near Kampung Kerinchi[307].*

Kawalan di bawah Polis Hutan sangat ketat. Pekerja-pekerja UM yang kebanyakannya tinggal di luar kampus diperiksa begitu teliti untuk masuk dan keluar kampus. Apatah lagi pemeriksaan terhadap para mahasiswa UM yang tinggal di luar kampus yang sentiasa dicurigai mereka. Biarpun kehadiran para mahasiswa masih ramai di pintu masuk UM menghadapi Jalan Pantai, namun mereka tidak lagi berani melakukan provokasi kepada pasukan Polis Hutan. Mereka merasa cuak kerana pasukan Polis Hutan memakai senapang M16, bukan lagi akan memuntahkan gas pemedih mata, sebaliknya peluru hidup yang boleh membawa kematian. Untuk sementara waktu, ketegangan agak reda dan akhirnya segala bentuk provokasi terhenti sama sekali.

Kampus nampak agak tenang, tetapi para mahasiswa masih mengawasi dan berkumpul dekat

[306] Utusan Malaysia, 8 Disember 1974. Seramai 75.5% mahasiswa daripada 4431 mahasiswa mahu pepereksaan ditangguhkan dan hanya 18% mahu meneruskan pepereksaan.
[307] STATEMENT UNDER SECTION 11 (2) (b) INTERNAL SECURITY ACT, DETAINER: KAMARAZAMAN YACOB.

pintu masuk kampus UM. Penangkapan beberapa orang pensyarah menjadi isu perbincangan masyarakat kampus UM dan spekulasi kemungkinan pemimpin mahasiswa ditangkap menjadi semakin popular. Pada 8 Disember, suasana tiba-tiba berubah apabila anggota Polis Hutan menjadi baik dan mulai bermesra dengan para mahasiswa. Mereka tidak lagi begitu ketatmengawal kemasukan pekerja UM dan para mahasiswa. Perubahan itu sangat di rasai dan luar biasa bagi para mahasiswa kalau dibandingkan semasa dikawal oleh FRU dan Polis Hutan sejak 6 Disember.

Pada petangnya, pengkaji bersama Hishamuddin Rais memanggil anggota Kelab Sosialis bertemu di dalam kebun getah, Fakulti Pertanian. Perbincanganmemutuskan semua anggota kelab mesti berwaspada serta bersedia bertindak sekiranya terjadi sesuatu yang tidak diingini. Mesti tahu memboloskan diri sekiranya terdapat usaha untuk menangkap anggota kelab. Lewat petang anggotakelab bersurai dan pulang.

Tengah malam, lebih kurang jam 11 malam Hishamuddin Rais datang mencari pengkaji di blok D, Kolej Kelima. Hishamuddin Rais masih membincangkan atas isu yang sama iaitu tentang keselamatan. Beliau merasakan, pengkaji, dia dan Abu Zer Ali adalah sasaran utama jika terjadinya penangkapan terhadap pemimpin mahasiswa UM. Keputusan diambil, sekiranya dapat memboloskan diri dari penangkapan , semuanya perlu mencari jalan untuk pergi berlindung ke rumah Abu Yaakob, wakil PLO di Malaysia. Mesti menunggu di situ hingga pengkaji, dia, Abu Zer Ali dan Yunus Ali turut bersama. Hampir jam satu, Hishamuddin Rais beredar dari blok D, Kolej Kelima menaiki motorsikalnya mengharungi kegelapan malam menuju ke Kolej Ketujuh. Dia ingin menumpang tidur di bilik Adi Satria yang tinggal di Kolej Ketujuh.

Perasaan pengkaji kurang sedap selepas berbincang dengan Hishamuddin Rais, mengaitkan dengan perlakuan anggota Polis Hutan yang sangat luar biasa pada petang tadi. Lantas pengkaji menuju ke bilik Ahmad Zahid Hamidi, bekas kawan sekamar, yang tinggal di aras yang sama. Selepas diterangkan tujuannya, beliau bersetuju untuk bertukar kamar. Mata pengkaji masih segar dan fikiran masih rancak mencipta segala kemungkinan dan memberi

segala jawapan kepada permasalahan yang ditimbulkan. Sekiranya Polis Hutan menyerbu Kolej Kelima, pengkaji menyediakan jalan untuk menyelamatkan diri.

Jika SB menyerbu dan mencari, pengkaji tahu bagaimana untuk mengelakkandari penangkapan. Pengkaji menjadi yakin dengan segala perancangan, kerana pengkaji tahu semua jalan keluar dari Kolej Kelima dan kampus UM. Pengkaji dan anggota Kelab Sosialis telah menggeledah hutan di belakang kolej Kelima dan Kolej Ketujuh, kebun getah di Fakulti Pertanian yang boleh dijadikan laluan menuju ke Damansara.

Semasa pengkaji masih hanyut dengan fikiran tentang penangkapan dan pencerobohan anggota Polis Hutan serta SB, tiba-tiba terdengar bunyi jeritan. Pengkaji menjenguk melalui tingkap ke blok B, blok yang dihuni oleh mahasiswa wanita. Jelas sekali jeritan itu datangnya dari blok B. Suasana menjadi hingar bingar dengan jeritan dan makian oleh mahasiswa wanita, mungkin kerana terperanjat atau marah dengan gangguan tersebut. Pengkaji nampak cahaya '*sportlight*' yang sangat terang menyuluhi kegelapan malam berkisar antara blok D dengan blok B. Kolej Kelima telah dikepung oleh Polis Hutan. Segera pengkaji melompat meninggalkan kamar tersebut dan berlari untuk membangunkan Ahmad Zahid Hamidi. Beliau terpinga-pinga bangun dan selepas diberitahu keadaan yang berlaku, segera dia menolong menyorokkan dokumen dan buku-buku kiri ke atas siling di bilik mandi.

Dalam masa yang singkat, dapat dihabiskan kerja itu dengan bantuan beliau. Nasib baik kerana kamar seorang yang dihuni pengkaji terletak bersebelahan dengan bilik mandi dan terpisah dari bilik-bilik yang lain. Jelasnya ia terasing dari bilik-bilik biasa yang diduduki oleh para mahasiswa di blok D. Seperti mana yang direncanakan sebelum itu, dapatlah dilakukan semuanya dengan segera.

Pengkaji mencukur misai dan janggut hingga licin di depan cermin di bilik mandi. Kemudian minyak rambut yang pekat digunakan untuk membolehkan rambut disikat ke belakang. Bila memerhati ke arah cermin, wajah pengkaji sudah berubah kerana tidak lagi bermisai dan berjanggut serta rambut tidak lagi berbelah tepi. Segera pengkaji ke bilik untuk menukar

pakaian dan memakai kasut sukan. Dengan menyarung jeket, pengkaji menunggu keadaan yang sesuai untuk melarikan diri dari blok D. Suasana sangat gamat dengan jeritan dan maki hamun oleh para mahasiswa. Kemudian terdengar laungan yang kuat dari pembesar suara meminta semua mahasiswa turun dan berkumpul di '*quadrangle'* berhampiran pejabat Kolej Kelima.

Pengkaji turut menyelit dalam kumpulan mahasiswa yang menuruni tangga menuju ke tempat yang diumumkan. Kebanyakan mahasiswa tidak dapat mengenali pengkaji semasa berjalan ke distinasi. Bila sampai ke depan dewan makan, pengkaji tidak turun ke '*quadrangle',* sebaliknya menuju ke bilik rehat tukang masak Kolej Kelima. Pengkaji masuk dan meminta '*uniform'* tukang masak untuk dipakai. Salah seorang dari tukang masak, memberi sehelai kepada pengkaji untuk dipakai. Mereka memberi kerjasama sepenuhnya kerana hubungan pengkaji dengan tukang masak, tukang sapu, tukang kebun dan staf kolej sentiasa sangat mesra. Selepas memakainya, pengkaji mengajak pekerja lelaki pergi ke depan bangunan menghadap '*quadrangle*' Pengetua Kolej Kelima iaitu Tengku Mohd Azzman Shariffadeen Tengku Ibrahim, turut berada di situ.

Para mahasiswa telah dikumpulkan di *'quadrangle'* antara blok A dan blok B. Mereka terus membuat bising dan menjeritkan yang kampus mempunyai autonomi. Mereka terhenti seketika bila pihak SB cuba membuat pengumuman.Bila nama pengkaji dipanggil, para mahasiswa 'mengboo' sambil menjerit 'baliklah' dan menghamburkan makian. Pengkaji selamba sahaja duduk di antara tukang masak memerhati ke arah para mahasiswa Kolej Kelima. Selepas itu, setiap nama yang disebut diikuti dengan 'boo' dan sorakan. Malangnya, Presiden Persatuan Anak Kedah UM, iaitu Zainuddin Abdul Rashid telah bangun dan menuju ke depan bila namanya dipanggil.

Kemudian sekali lagi nama pengkaji dipanggil, yang dijawab oleh mahasiswa dengan 'boo' dan makian. Selepas gagal mendapatkan pengkaji, pihak SB menghentikannya. Mereka memanggil wakil blok D dan memaksa menemani mereka mencari bilik pengkaji. Wakil blok D tidak memberi kerjasama dan mengagalkan usaha SB. Akhirnya SB mengalah dan

melupakan hasratnya untuk menangkap pengkaji. Selepas bersurai, Presiden Persatuan Anak Kedah dibawa bersama dan ditangkap. Bila selesai, pengkaji bersalam dengan Pengetua Kolej yang tersenyum lebar seperti tanda bersyukur. Lepas itu pengkaji beriringan dengan tukang masak menuju bilik rehat mereka. Pengkaji keletihan, mengantuk, akhirnya tertidur.

Lewat tengah hari pengkaji terbangun dari tidur. Salah seorang tukang masak memberitahu makanan telah disediakan di atas meja di sudut bilik. Perut memang lapar, lalu pengkaji segera ke sinki untuk membasuh muka dan berkumur. Pengkaji makan dengan penuh selera hingga tidak bersisa. Kemudian Mat , seorang tukang kebun di Kolej Kelima memberitahu mahasiswa marah kepada pihak universiti kerana membiarkan polis hutan menceroboh universiti. Dia turut memberitahu yang mahasiswa akan mengadakan demonstrasi pada pagi esok di Sudut Pidato. Beliau juga memberitahu yang Adi Satria dan Hamzah Kassim, kedua-duanya bekas penghuni Kolej Kelima, tertangkap di Kolej Ketujuh. Berita yang disampaikan oleh Mat itu disahkan oleh tukang masak yang mendengar dari percakapan para mahasiswa.

Pengkaji berdoa, semoga hanya Hamzah Kassim sahaja anggota kelab yang ditangkap. Pengkaji meminta supaya Mat dan tukang masak memasang telinga untuk mendapatkan berita. Kemudian pengkaji keluar untuk meninjau keadaan. Terdapat ramai mahasiswa duduk berkumpulan di lobi Kolej Kelima. Pengkaji percaya mereka berbincang tentang kejadian awal pagi tadi. Selepas itu pengkaji menggamit ke arah Mat dan meminta beliau mencari Salehuddin Hashim, Presiden JCRC Kolej Kelima. Tidak lama selepas itu Salehuddin Hashim muncul bersama Mat. Dia begitu gembira kerana pengkaji dapat melepaskan diri dari tangkapan. Salehuddin Hashim adalah simpatatik Kelab Sosialis dan agak rapat dengan Hishamuddin Rais kerana mereka sama-sama dari Kolej Melayu, Kuala Kangsar.

Pengkaji sempat berbincang dengan Salehuddin Hashim tentang tindakan yang perlu diambil oleh beliau dan para mahasiswa. Beliau memberitahu, yang dia bersama rakan-rakannya akan mengadakan rapat di Sudut Pidato pada pagiesok. Pengkaji meminta beliau menghubungi semua kepimpinan JCRC di setiap kolej supaya rapat tersebut mendapat sambutan. Pengkaji minta Salehuddin Hashim mencari Ahmad Zahid Hamidi kerana ada

urusan dengannya. Menjelang waktu Maghrib, Ahmad Zahid Hamidi muncul dengan membawa berita tentang penangkapan Hamzah Kassim dan Adi Satria. Pengkaji bertanyakan nasib Hishamuddin Rais, Abu Zer Ali, Yunus Ali dan ahli kelab yang lain.

Pengkaji meminta beliau turut bersama Salehuddin Hashim mengadakan rapat di Sudut Pidato dan demonstrasi sekiranya perlu. Pengkaji berjanji akan turut terlibat bila keadaan mulai reda dan terjamin. Ahmad Zahid Hamidi menunjukkan senarai nama mahasiswa yang mahu ditangkap. Pengkaji ketawa bersamanya, kerana pengkaji di nombor satu, diikuti oleh Hishamuddin Rais, Abu Zer Ali dan lapan teratas adalah anggota Kelab Sosialis UM. Pengkaji minta Ahmad Zahid Hamidi mengesan tempat berlindung Hishamudin Rais, Abu Zer Ali dan Yunus Ali.Ahmad Zahid Hamidi minta permisi untuk balik ke biliknya.

Kemudian Kak Kamisah dan suaminya masuk membawa makanan malam untuk pengkaji. Pengkaji kenal Kak Kamisah dan suaminya sebagai tukang masak sejakpengkaji belajar di Sekolah Alam Shah. Bila masuk ke Kolej Kelima, sekali lagi pengkaji menemui Kak Kamisah bersama suaminya sebagai tukang masak di sini.Hubungan kami semakin mesra. Selepas itu Kak Kamisah, suaminya dan semua tukang masak meninggalkan bilik rehat mereka untuk pulang.

Pengkaji makan sendirian tanpa teman tapi fikiran menerawang jauh dan membiarkan jalar fikir melalui lorong-lorong ciptaannya. Tentunya tentang komrad Kelab Sosialis yang menjadi *target* penangkapan oleh kerajaan. Juga tentang kemungkinan SB atau '*undercover'* yang sedang menyusup ke dalam mahasiswadan sedang menjejaki mangsanya. Selesai makan, pengkaji berehat sambil berbaring di atas katil dan kembali membiarkan jalar fikir dengan ciptaannya.

Pengkaji memerhati jam di tangan sudah menunjukkan 11.30 malam. Lalu bergegas ke bilik mandi untuk membersihkan diri kerana seharian tidak mandi. Selepas itu pengkaji ke luar bilik untuk meninjau keadaan. Pengkaji berjalansambil meninjau keadaan sekeliling di

semua blok sambil mengelak dari terserempak dengan mahasiswa. Kemudian pengkaji kembali ke tempat rehat di lobi.

Bila mata rasa mengantuk, fikiran berbelah bagi antara mahu tidur di bilik tukang masak atau di dalam dewan makan. Tiba-tiba pengkaji menjadi cuak bila mengingatkan Syed Husin Ali ditangkap pada jam 2 pagi. Begitu juga dengan cerita-cerita tentang penangkapan yang dilakukan oleh SB terhadap ahli-ahli politik. Kebimbangan semakin mendalam, akhirnya keputusan dibuat untuk tidur di dewan makan. Pengkaji mengambil sebiji kusyen dan menaiki tangga menuju dewan makan. Pengkaji turut memeriksa di bahagian dapur, termasuk membuka kawah tempat memasak nasi dan gulai. Ianya cukup besar dan mampu memuatkan diri pengkaji, sekiranya masuk ke dalam kawah itu. Pengkaji terfikir itulah cara terakhir sekiranya terdapat SB masuk ke dewan makan mencari mangsanya.

Pengkaji mendapat ilham ini dari filem Ali Baba Bujang Lapok[308] arahan P. Ramlee, di mana 40 penyamun menyorok di dalam tong drum. Pengkaji tidur di atas meja makan dengan berbantalkan kusyen. Susah untuk melelapkan mata biarpun terasa sangat mengantuk. Pengkaji tidak tahu jam berapa baru dapat tidur, tiba-tiba pengkaji digerak oleh salah seorang tukang masak. Bergegas pengkaji meninggalkan dewan makan menuju bilik rehat tukang masak untuk tidur kembali.

Pengkaji dibangunkan oleh Harris Pardi dan Halim Latif, yang menerima berita dariAhmad Zahid Hamidi yang pengkaji menyorok di sini. Pengkaji sangat gembira, bila mereka mengesahkan yang Hishamuddin Rais dapat memboloskan diri, biarpun dia menumpang tidur di bilik Adi Satria. Juga mereka mendapat khabar yang belum sahih bahawa Hishamuddin Rais dapat melarikan diri melalui hutan dibelakang Kolej Ketujuh menuju Damansara. Menurut mereka kononnya dari Damansara, Hishamuddin Rais berjaya sampai

[308] Filem Ali Baba Bujang Lapok, arahan P. Ramlee, terbitan Malay Filem Production Ltd, Singapura. Pengedar Shaw Brothers Ltd. Mula ditayangkan pada 31 Januari 1961. Panjang masa tayangannya ialah 122 minit. Penuis skrip ialah P. Ramlee. Ianya dibintangi oleh P. Ramlee, Aziz Satar, S. Shamsuddin, Ibrahim Pendek, Normadiah, Zaiton dan Sarimah. Disunting oleh H. R. Narayana. Sinematografi oleh Abu Bakar Ali dan Mustafa Yassin. Muzik oleh Kassim Masdor dan P. Ramlee.

ke rumah Abu Yaakob, di Jalan Maarof[309], Bangsar. Bagaimanapun berita itu masih belum sahih dan mereka akan ke rumah Abu Yaakob untuk memastikannya.

Mereka turut menyatakan bahawa SB telah berjaya menangkap seramai 11 orangpemimpin mahasiswa. Antaranya, Idris Jusi (PKPM), Abdul Rahman Rukhaini (PMUKM), Hasanuddin Yeop (PMUKM), Basroh Hassan (PMUKM), Ibrahim Ali (KSITM), Mohamad Hassan (KSITM), Hamzah Kassim (PMUM), Adi Satria (PMUM) dan Presiden Persatuan Anak Kedah UM.

Harris Pardi dan Halim Latif memberitahu bahawa rapat dan demonstrasi di Sudut Pidato dihadiri ribuan para mahasiswa. Salehuddin Hashim, Ahmad Zahid Hamidi,mereka dan ramai lagi pemimpin-pemimpin mahasiswa berucap mengutuk tindakan Polis Hutan serta SB. Malah ramai yang berucap mengutuk Naib Canselor kerana membenarkan pihak Polis Hutan dan SB menggeledah kampus yang sekaligus menafikan autonomi universiti. Mereka juga memberitahu, rapat dan demonstrasi akan dibuat di dalam kampus termasuk di kolej-kolej akan diteruskan. Kemudian mereka berlalu pergi dan berjanji akan datang pada tengah hari esok.

Pengkaji terus berehat di bilik tukang masak. Kak Kamisah membawakan makanan tengah hari, mempelawa makan dan berlalu. Pengkaji hanya mengangguk dan menuju meja makan. Selepas makan, pengkaji kembali ke katil kerana mata masih mengantuk. Esok pengkaji mahu memboloskan diri darikampus, kerana kalau terlalu lama mungkin dapat dihidu oleh *'undercover'*. Pengkaji perlu menggunakan 'jalan tikus' yang dijangkakan betul-betul

[309] Jalan Maarof, sempena seorang nasionalis Melayu bernama Maarof Zakaria. Beliau seorang peguam kelahiran Seri Menanti, Negeri Sembilan dan pernah menjadi pegawai daerah di Perak. Beliau adalah pengasas Malay National Bank (Bank Kebangsaan Melayu) pada awal tahun 1947. Bank ini terletak di Klang Street, Kuala Lumpur. Beliau berjaya menubuhkan bank dengan modal hanya 2 juta terbitan saham kepada orang Melayu sahaja dan 27 ekar tanah. Di masa ini hanya terdapat 2 buah bank iaitu The Chartered Bank (milik Inggeris) dan Overseas Chinese Banking Corporation (OCBC) yang tidak memberi pinjaman kepada orang Melayu. Maarof pernah cuba dibunuh oleh sekumpulan lelaki bersenjata api semasa berpindah ke rumah baru di Taman Seputih, Jalan Klang Lama. Maarof hilang dalam perjalanan ke Kampung Baru, Kuala Lumpur dari rumahnya pada khamis, 4 Disember 1947. Pada Sabtu, 7 Disember 1947, mayat beliau ditemui tergantung pada pokok di hutan berhampiran Batu 13, Jalan Kuala Lumpur-Bentong, Pahang. Beliau meninggal pada usia muda iaitu 43 tahun, Anaknya Mustafa Maarof masih belajar di Maktab Melayu Kuala Kangsar semasa kematiannya dan Mustafa akhirnya menjadi seorang bintang filem yang terkenal melalui filem-filem keluaran Cathay- Keris Film Production. Lihat The Straits Times, dan The Sunday Times pada 7 Disember 1947, Berita Harian 22 Disember 2014, Berita Harian 6 April 2015.

selamat. Kejayaan menangkap pengkaji, Hishamuddin Rais dan Abu Zer Ali tentulah dirayakan oleh SB kerana ketiga-tiganya berada di nombor teratas dari seratus lebih di dalam senarai mahasiswa untuk ditangkap. Pengkaji melayan jalar fikir hingga terlena.

Pengkaji terjaga dan jam sudah menunjukan 7.20 malam. Segera pengkaji ke bilikmandi untuk membersihkan badan. Selepas mandi dan mengenakan pakaian, pengkaji ke meja makan untuk makan malam yang telah tersedia di situ. Tidak lama kemudian, Ahmad Zahid Hamidi sampai dengan membawa pakaian pengkaji. Segera pengkaji menukar pakaian kerana pakaian di badan telah begitu kotor. Ahmad Zahid Hamidi menceritakan tentang rapat di Sudut Pidato dandemonstrasi pagi tadi. Pengkaji minta dia bantu untuk keluar dari kampus tengah hari esok. Kemudian pengkaji bersama Ahmad Zahid Hamidi keluar dari bilik tukang masak. Dia menuju dewan makan, manakala pengkaji menuju tempat rehat. Mahasiswa yang berada di tempat rehat secara automatik bersorak melihat diri pengkaji. Bila duduk segera mereka mengerumuni dan bertanyakan tentangdiri pengkaji.

Semakin lama, semakin ramai mahasiswa-mahasiswa bersama pengkaji malah sudah seperti suatu perhimpunan. Kemudian sorakan bersambut sorakan dan jeritan ‘UMSU! UMSU! Hidup UMSU!’ bergema menguasai ruang rehat bangunan pejabat Kolej Kelima. Tiba-tiba semangat pengkaji kembali menebal kerana sokongan yang ditunjukkan oleh rakan-rakan Kolej Kelima. Hampir jam 10 malam barulah mahasiswa mulai menipis kerana pulang ke blok dan bilik masing-masing.

Bila mahasiswa sudah tiada, pengkaji bersama Ahmad Zahid Hamidi, Salehuddin Hashim dan beberapa kepimpinan JCRC Kolej Kelima serta simpatatik Kelab Sosialis berbincang soal demonstrasi yang perlu diteruskan. Juga menggesa supaya pemboikotan terhadap kuliah berlaku di semua fakulti dan berpanjangan. Selepas jam 12, mereka pulang ke bilik masing-masing. Pengkaji memberitahu Ahmad Zahid Hamidi, yang pengkaji akan tidur di bilik sendiri.

Pengkaji masih berehat dan memadamkan semua lampu sambil memerhati ke luar untuk

mengawasi keadaan. Hampir sejam di dalam gelap, lalu keluar dan berjalan menuju blok D. Sepanjang perjalanan pengkaji meninjau keadaan sekeliling sekiranya terdapat orang atau kelompok orang yang dicurigai. Kemudian pengkaji menuju blok D dan memasuki bilik. Pengkaji tahu, sekiranya SB datang untuk menangkap, mereka tidak akan berjaya kerana akan dihalang oleh para mahasiswa. Pengkaji boleh menyuruh mahasiswa membuat perisai badan di tangga untuk menghalang SB dari membawa pengkaji. Akhirnya, pengkaji tertidur ditemani keyakinan yang mendalam terhadap sokongan para mahasiswa.

Hampir jam 11 pagi pengkaji terbangun. Suasana di blok D agak aman dan sesekali kedengaran suara para mahasiswa. Selepas pergi mandi, pengkaji mengisikan pakaian ke dalam beg sandang untuk di bawa pergi keluar dari kampus. Bila Ahmad Zahid Hamidi sampai, pengkaji bersama beliau pergi ke dewan makan. Kemudian pengkaji bersama Ahmad Zahid Hamidi kembali ke blok D. Dia menunggu di atas motosikalnya, manakala pengkaji pergi mengambil bag sandang di bilik. Dari Kolej Kelima, pengkaji membonceng motosikal Ahmad Zahid Hamidi menuju Fakulti Kejuruteraan. Sebelum masuk ke belukar di sudut bangunan, pengkaji memberitahu supaya beliau menunggu di sini tepat jam 3 petang pada hari lusa. Juga meminta beliau berbincang dengan kawan-kawan untuk mengadakan rapat di DTC pada hari berikutnya.

Pengkaji meredah belukar di belakang Fakulti Kejuruteraan hingga sampai ke bangunan Hospital Universiti Malaya. Jalan yang sama, pengkaji dan Abu Zer Ali membawa para mahasiswa memboloskan diri untuk berdemonstrasi ke Kampung Kerinchi pada 6 Disember yang lepas. Ini antara ‘lorong tikus’ yang Kelab Sosialis telah temui, selain lorong-lorong di belakang Kolej Ketujuh, Kolej Kelima dan kebun getah Fakulti Pertanian yang boleh tembus ke Damansara. Semuanya adalah sebagai persediaan untuk meloloskan diri dari kepungan sama ada oleh SB, polis atau askar. Selepas melalui beberapa lorong di bangunan itu, pengkaji sampai ke deretan teksi yang sedang menunggu. Pengkaji masuk ke dalam teksi, memberitahu mahu ke Kampung Tunku dan bertanyakan harga tambang serta membayarnya.

Sepanjang perjalanan, pengkaji diam dan pura-pura tidur. Bila sampai, cepat- cepat turun dan menuju ke rumah Abdul Fattah Ibrahim, yang lebih dikenalisebagai Harun di kalangan keluarga. Pengkaji memanggilnya abang Harun. Pintu diketuk, tidak lama kemudian, dia pun membuka dan menyuruh masuk. Dia faham pengkaji datang untuk menyorok di rumahnya. Bila duduk dikerusi, segera dia bertanya bagaimana pengkaji dapat memboloskan diri dari tangkapan. Pengkaji ceritakan sepenuhnya kepada beliau termasuk tidur di dewan makan. Pengkaji turut ketawa bersamanya.

Pada sebelah malam, siaran berita TV, Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Dalam Negeri menyatakan kerajaan terpaksa mengadakan Operasi Mayang untuk memisahkan 'batu api' dari menghasut para mahasiswa untuk menentang kerajaan. Beliau mengatakan kumpulan batu api ini adalah anasir subversif yang telah diperalatkan oleh komunis.

Menteri Dalam Negeri, Ghazali Shafie, menjelaskan di televisyen beberapa malam kemudian bahawa mahasiswa telah berlatih dengan senjata untuk menentang kerajaan. Beliau menunjukkan senapang mainan yang digunakan sebagai prop dalam drama CLS sebagai "bukti"[310]. Sambil melahirkan rasa kesal, beliau menjustifikasikan pencerobohan itu sebagai tindakan yang bertujuan untuk mengusir sekali gus unsur-unsur tidak baik dalam universiti supaya mahasiswa lain boleh meneruskan pengajian mereka[311]." Pengkaji ketawa sendirian, bila Tan Sri Ghazali Shafie menunjukan senapang kayu yang digunakan oleh CLS dalam persembahan kebudayaannya di DTC. Bersungguh-sungguh dia cuba meyakinkan orang ramai terhadap kelengtongnya itu.

Dua hari pengkaji menyorok di rumah abang Harun di Kampung Tunku. Seperti dijanjikan, pengkaji pergi mendapatkan Ahmad Zahid Hamidi di Fakulti Kejuruteraan. Dari Kampung Tunku, pengkaji menaiki teksi ke Hospital Universiti Malaya. Melalui Lorong-lorong di bangunan hospital itu sebelum menyelinap ke Fakulti Kejuruteraan. Pengkaji sampai sedikit

[310] Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 204.
[311] Dipetik dalam Munro-kua, Authoritarian Populism, ms. 82, lihat Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 204.

awal dari waktu yang dijanjikan. Sangat sedikit mahasiswa yang ada kerana mereka memboikot kelas. Tidak lama kemudian Ahmad Zahid Hamidi pun sampai. Pengkaji membonceng motosikalnya menuju ke blok D, Kolej Kelima. Beliau memberitahu tentang persediaan rapat pada hari esok, semasa pengkaji berada di biliknya. Juga memberitahu bahawa rapat dan demonstrasi dilakukan tiap-tiap hari di Sudut Pidato. Semasa rapat pagi tadi turut diumumkan yang pengkaji akan hadir ke rapat di DTC pada pagi esok.

Kemudian pengkaji mengajak beliau mengambil buku-buku dan risalah yang pengkaji sorok bersamanya di atas siling bilik mandi semasa kampus dicerobohi oleh SB dan Polis Hutan. Ahmad Zahid Hamidi turut memberitahu yang HalimLatif dan Harris Pardi telah menemui Hishamuddin Rais, Abu Zer Ali dan Yunus Ali di rumah Abu Yaakob. Keinginan mendadak datang di hati pengkaji untuk bersama mereka di sana. Kembali pengkaji membonceng motosikalnya menuju Fakulti Kejuruteraan. Pengkaji memberitahu beliau supaya datang ke sini jam 9.30pagi esok. Pengkaji balik ke rumah abang Harun di Kampung Tunku.

Pengkaji sampai ke Fakulti Kejuruteraan sedikit lewat. Ahmad Zahid Hamidi dengan beberapa orang mahasiswa dan lima buah motosikal sudah menunggu. Segera pengkaji membonceng motosikalnya menuju DTC. Bila pengkaji sampai ke pintu masuk DTC, sudah ramai para mahasiswa menunggu termasuk pengawal keselamatan kampus. Para mahasiswa menjeritkan nama pengkaji dan UMSU semasa menuju ke pentas DTC. Pengkaji membiarkan pemidato meneruskan ucapannya kerana mahu berehat seketika. Bila dia berhenti dan pengerusi menjemput untuk berucap, segera pengkaji ke corong suara. Pengkaji meminta para mahasiswa menutup pintu dan menangkap SB sekiranya disyaki berada di dalam dewan. Mereka menyambutnya dengan jeritan dan makian terhadap SB.

Pengkaji berucap hampir sejam untuk menaikkan semangat juang mereka melawan kerajaan dan pihak pentadbiran universiti. Pengkaji mengheret mereka menyusuri sejarah perjuangan PMUM yang panjang. Bermula dari UMSU di Singapura berjuang menentang imperialis Inggeris. Perjuangan membela rakyat marhaen seperti penindasan terhadap Hamid Tuah. Perjuangan membantu setinggan di Tasik Utara dan rampasan kampus yang digagalkan oleh

barua kerajaan. Disebabkan kontra rampasan kampus itulah yang menyebabkan PMUM digantung dan Kelab Sosialis dibubarkan. Sedangkan kedua-kedua organisasi ini telah menempa sejarah sejak Universiti Malaya di Singapura hinggalah UM di Kuala Lumpur.

Pengkaji berjaya membakar semangat para mahasiswa, yang menyambut ucapandengan jeritan dan makian terhadap kumpulan kontra rampasan kampus. Pengkaji menyeru supaya mereka meneruskan boikot kelas, sebagai tanda sokongan para mahasiswa terhadap penderitaan rakyat marhaen di Baling tidak akan padam. Pengkaji juga menyeru agar mereka meneruskan tekanan terhadap Canselori supaya menangguhkan perperiksaan akhir tahun. Pengkaji dapat rasakan didih amarah mereka terhadap kerajaan dan Canselori begitu tinggi.

Ucapan ditamatkan dengan, "Perjuangan mahasiswa untuk rakyat marhaen tidak akan *surrender!* Hidup PMUM! Hidup PMUM!*"* Ramai mahasiswa yang berdiri sambil bertepuk dan menjeritkan hidup PMUM. Dewan gamat seketika dengan tepukan dan jeritan. Bila turun dari pentas, pengkaji diserbu oleh para mahasiswa.

Mereka bersalam sambil bertanya tentang keselamatan dan diikuti berbagai pertanyaan. Pengkaji menjawab mana yang perlu dan dikira tidak membahayakandiri kerana mungkin di antara mereka adalah '*undercover'* dan SB. Pengkaji minta diri, lalu disambut dengan tepukan dan jeritan.

Pengkaji membonceng motosikal Ahmad Zahid Hamidi dengan diiringi puluhan motosikal menuju ke Fakulti Kejuruteraan. Pengkaji mahu segera meninggalkan kampus untuk bersama rakan-rakan di rumah Abu Yaakob. Demonstrasi berterusan walaupun berlaku tindakan keras. Sebagai contoh selang beberapahari tangkapan, lebih seribu mahasiswa menghadiri "perhimpunan solidariti" di Sudut Pidato, kemudian berarak di seluruh kampus, polis menghalang mereka daripada meninggalkan Kawasan UM[312]. Pelbagai persatuan kakitangan mengeluarkan cadangan bersama untuk mengembalikan situasi normal, yang menggesa kerajaan untuk melepaskan tanpa syarat semua mahasiswa dan kakitangan

[312] New Straits Times, Disember 11, 1974. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms.205.

ditahan, keluarkan polis dari kampus, biarkan Majlis Universiti dan Senat menjalankan tugas biasa mereka, dan mengaku bahawa "rakyat mempunyai hak untuk tidak bersetuju dan perbezaan pendapat[313]."

6.8.3 Percubaan Melarikan Diri Dari Malaysia

Sampai di rumah Abu Yaakob, Hishamuddin Rais, Abu Zer Ali dan Yunus Ali telahsedia menunggu. Mereka menceritakan, bagaimana mereka berjaya memboloskan diri dari kampus. Pengkaji turut menceritakan cara pengkaji menyelamatkan diri dan akhirnya berlindung di rumah saudara pengkaji di Kampung Tunku. Lewat petang, Abu Yaakob dan isterinya Rohana[314] Ariffin pulang.

Selepas makan malam, Abu Yaakob memberitahu informasi tentang diri pengkaji dan kawan-kawan yang masih dicari. Katanya, sekiranya pengkaji dan Hishamuddin Rais ditahan di bawah ISA tidak melebihi 4 tahun. Manakala AbuZer Ali dan Yunus Ali tidak melebihi 2 tahun. Bagaimanapun dia tidak pasti sama ada informasi itu tepat atau sebaliknya. Dia menyuruh pengkaji dan kawan-kawan berfikir, berbincang dan mengambil keputusan dalam soal ini. Dia turut mengingatkan bahawa pengkaji dan kawan-kawan tidak perlu terburu-buru dalam membuat keputusan.

Selepas tiga hari pengkaji bersama kawan-kawan tinggal di rumah Abu Yaakob, Rohana Ariffin memindahkan pengkaji dan kawan-kawan ke rumah Tariq[315], di Setapak, Kuala Lumpur. Beliau berbuat demikian, kerana terpaksa menemani suaminya keluar dari Kuala Lumpur selama tiga hari. Hari keempat di rumah Tariq, Rohana datang menjemput pengkaji dan kawan-kawan untuk pulang ke rumahnya. Memang itu yang ditunggu kerana mahu berbincang dengan suaminya tentang masa depan pengkaji dan kawan-kawan. Atau setidak-tidaknya mendapatkan panduan darinya untuk tindakan selanjutnya. Sampai ke rumah

[313] New Straits Times, Disember 13, 1974. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 205.
[314] Dr Rohana Ariffin bekas pensyarah UTM dan USM. Beliau terlibat aktif di dalam politik dan NGO selepas bersara sebagai pensyarah di universiti. Pernah bertanding sebagai calon Parti KeADILan di Parlimen Balik Pulau pada PRU 2004, tetapi tewas kepada calon BN. Beliau menjadi Presiden Parti Rakyat Malaysia pada 2009 menggntikan Hassan Abdul Karim.
[315] Tariq adalah Setiausaha II, Kedutaan Iraq di Malaysia.

Rohana Ariffin, suaminya sudah menunggu bersama Lokman[316] seorang anggota Barisan Revolusi Nasional Pattani (BRN)[317].

Pengkaji bersama kawan-kawan sudah mengenali Lokman kerana sudah beberapa kali bertemu beliau di rumah ini. Selepas minum petang Abu Yaakob bertanyakan tentang pendirian dan hala tuju pengkaji. Hishamuddin Rais memberitahu yang beliau dan kawan-kawan telah mengambil keputusan untuk laridari Malaysia. Keputusan itu telah difikirkan semasak-masaknya dan bersedia menghadapi risiko semasa melarikan diri. Juga telah bersedia menghadapi segala liku hidup sebagai pelarian di mana-mana saja.

Abu Yaakob berpuas hati dengan penjelasan dan jaminan dari Hishamuddin Rais.Begitupun dia masih bertanya kepada setiap orang yang telah memberi kesanggupan. Dia berpuas hati dengan jawapan yang diberikan kepadanya. Lalu dia bertanya kepada Lokman sama ada bersedia untuk menjadi orang tengah bagi membawa pengkaji dan kawan-kawani menyeberangi Sungai Golok memasuki Thailand. Lokman menyatakan kesediaannya untuk membawa masuk ke Thailand, malah bersedia mengadakan pasport Thailand. Keputusan diambil, untuk keluar dari Kuala Lumpur pada hari esok.

Dua kumpulan dibentuk iaitu Hishamuddin Rais bersama Yunus Ali, manakalaAbu Zer Ali bersama pengkaji. Hishamuddin Rais dan Yunus Ali menuju ke Kota Bharu melalui selatan, berlepas dua hari lebih awal. Abu Zer Ali dan pengkaji berlepas dari Kuala Lumpur melalui Pahang, Terengganu menuju ke Kota Bharu, Kelantan. Pada malam yang ditetapkan,

[316] Temubual Sariyan Hassan (isteri Lokman), Mohd Iskandar Zakaria (anak) pada 12 Ogos 2019. Nama Lokman sebenarnya Naamandadin bin Daud. Lahir 29 Mac 1949, Simpang Empat, Perlis. Bersekolah di Sek.Men. Derma, Kangar dan ITM. Tahun 1973 mengajar di Thamawithaya Mulniti, Setul, Thailand. Menyertai Barisan Revolusi Nasional Melayu Pattani (BRN) semasa mengajar di Thamawithaya. Pernah ditahan di bawah ISA pada tahun 1977 dan 1992-1994 (bebas melalui Habeas Corpus, Karpal Singh sebagai peguamnya) . Meninggal pada 16 Ogos 2001, di Pattani. Menulis novel berjodol GERILA.

[317] Barisan Revolusi Nasional adalah singkatan dari Barisan Revolusi Nasional Melayu Pattani (BRN) ditubuhkan pada 13 Mac 1963 oleh Haji Abdul Karim bin Hassan. Gerakan ini berhaluan kiri pada awalnya sehinggalah berpecah pada tahun 1984. Mengikut Hj. Abdul Karim, semasa Tun Abdul Razak, pernah Hj Abdul Karim bersama rakan-rakan seperjuangan mendapat latihan di Libya dengan bantuan Tun Abdul Razak. Semua perbelanjaan untuk sebuah penerbangan pergi balik dan urusan-urusan lain ditanggung oleh Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia (1971-1976).

tepat jam 8 malam, pengkaji perlu melihat ke arah Lokman yang berdiri sambil menggalas beg sandang. Beliau berdiri memerhati ke arah *Now Showing* selama dua tiga minit sebelum menuju ke*Next Change* di Panggung Lido, tidak jauh dari stesen bas Kota Bharu.

HIshamuddin Rais dan Yunus Ali telah pergi meninggalkan rumah Abu Yaakobdua hari yang lepas. Lokman juga turut meninggalkan rumah Abu Yaakob untuk mengatur persediaan dan kemudahan semuanya semasa di Kota Bharu. Mereka dalam perjalanan menuju ke Kota Bharu dari arah yang berbeza. Pengkaji bersama Abu Zer Ali tidak tahu apa yang terjadi kepada mereka kerana tiada apa-apa berita yang diterima. Pengkaji membawa sebuah bag galas berisi pakaian yang diambil dari bilik di Kolej Kelima tengah hari tadi. Abu Zer Ali juga membawa sebuah bag galas, tentunya berisi pakaiannya.

Selepas bersalaman dengan Abu Yaakob dan Rohana Ariffin, pengkaji serta Abu Zer Ali menaiki kereta yang telah disediakan. Di Setapak pengkaji dipindahkan ke kereta lain yang telah diatur oleh Suhaimi Said, seorang aktivis PSRM. Selepas diperkenalkan kepada pemandu dan temannya, pengkaji dan Abu Zer Ali terus berlepas ke Kuantan. Tidak banyak perbualan di dalam perjalanan, hanya sesekali pemandu bertanya tentang kampung halaman pengkaji dan Abu Zer Ali. Pengkaji dan Abu Zer pun tidak banyak berbual, melainkan membiarkan jalar fikir menerawang dengan ciptaannya.

Pengkaji terjaga bila dibangunkan oleh pemandu. Terpinga-pinga kerana tidak tahu ke rumah siapa pengkaji ditumpangkan. Teman pemandu segera turun dari kereta dan mengetuk pintu rumah. Terjengul Mohd Ramly Ismail yang lebih popular sebagai Cikgu Zul, bekas wakil rakyat PSRM di DUN Ulu Kuantan, yang menang pada PRU 1969. Pengkaji mengenalinya sebagai Cikgu Zul kerana sama-sama anggota PSRM dan pernah berceramah bersamanya. Dia menjemput pengkaji masuk ke rumahnya. Pengkaji berpelukan dengannya, begitu juga dengan Abu Zer Ali. Kami minum air yang disediakan oleh isterinya sambil berborak tentang perjuangan mahasiswa. Kemudian pemandu bersama temannya meminta diri untuk kembali ke Kuala Lumpur.

Selepas minum pagi bersama Cikgu Zul dan isterinya, pengkaji dan Abu Zer Ali menaiki teksi yang telah disediakannya. Cikgu Zul membisikkan ke telinga pengkaji supaya jangan risau bahawa pemandu teksi tersebut adalah anggota aktif PSRM cabang Kuantan. Beliau juga memberitahu bahawa pengkaji boleh meminta pemandu itu menghantar ke manapun di Kota Bharu nanti dan tambangnya sudah dibayar. Bila pemandu bertanya kepada pengkaji menggunakan perkataan 'bung', pengkaji sudah pasti bahawa pemandu ini seorang anggota PSRM. Beliau juga memberitahu yang beliau pernah mendengarceramah pengkaji di dalam majlis PSRM di Kuantan. Pengkaji semakin lebih yakinkepadanya.

Sebelum melepasi Bandar Kuala Terengganu, terdapat sekatan jalan raya yang dilakukan oleh polis. Kereta berbaris agak panjang. Bila sampai ke tempat sekatan, pemandu menurunkan semua tingkap sambil menjengulkan kepalanya dan berkata, "Di dalam ni ada perompak." Diikuti ketawa yang meninggi di hujung kelakarnya. Polis tersenyum lebar dan memberi isyarat tangan melepaskan teksi dari sekatan.

Sampai di Kota Bharu, pengkaji meminta pemandu supaya pergi ke Kampung Salor, kampung asal bapa pengkaji. Di Salor, pengkaji menuju rumah Subki Ibrahim, tempat duduk semasa belajar di tingkatan enam Maktab Kadir Adabi, Kota Bharu. Pengkaji menggelarnya abang Subki, kerana dia sebaya dengan abang Abdul Manaf, dan sememangnya dia saudara mara kepada pengkaji. Malah, bapa dan ibu sangat rapat dengan ayah dan ibu abang Subki. Pengkaji mempelawa pemandu untuk turun bersama, tetapi dia meminta maaf kerana mahu segera ke Kota Bharu mencari pelanggan untuk balik ke Kuantan.

Selepas pintu rumah abang Subki diketuk, Kak Mah isterinya, terjengul di pintudan segera mempelawa masuk. Dia turut memberitahu suaminya tentang kedatangan pengkaji. Abu Zer Ali turut masuk ke rumah abang Subki. Abang Subki duduk di sebelah pengkaji dan bertanya tujuan datang ke rumahnya. Pengkaji perkenalkan Abu Zer Ali dan memberitahu yang kami datang untukmenyorok sehari dua di rumahnya. Lepas itu dia lebih berminat bertanyakan hal- hal demonstrasi dan bagaimana pengkaji dapat memboloskan diri dari tangkapan. Pengkaji perhatikan abang Subki dan Kak Mah seronok mendengarnya, kadang- kadang bersambut ketawa yang meninggi. Selepas makan malam, pengkaji dan Abu

Zer Ali, tidur di bilik yang pernah pengkaji gunakan semasa belajar di Maktab Kadir Adabi dahulu.

Subki Ibrahim menyatakan, "Langsung tidak merasa cemas. Polis nak tangkap Me (pengkaji). Kalau polis tanya, Abang Ki beritahu polis, Me yang datang. Takkantak terima. Sebab tu, esoknya ajak Me pergi menembak[318]."

Selepas sarapan, abang Subki mengajak pengkaji dan Abu Zer Ali pergi menembak burung di sawah padi Kampung Salor. Memang pengkaji selalu menemaninya semasa tinggal di rumahnya sebelum masuk UM. Kami bersetuju pergi bersamanya sambil membawa peralatan, selain dia membawa senapang belaras dua miliknya. Selepas beberapa jam, kami memperolehi puluhan ekor burung, antaranya ayam-ayam, kedidi, ruak-ruak, pucong dan 'ruwek'. Cukupberselera pengkaji dan Abu Zer Ali makan tengah hari berlaukkan burung gulai dan goreng. Lewat petang, pengkaji beritahu untuk bertemu kawan di Kota Bharu. Abang Subki mahu menghantar,te tapi pengkaji menolaknya dengan alasan sengaja mahu naik 'kereta sapu'.

Pengkaji menunggu seketika, hampir jam 7 malam, pengkaji dapat menaiki kereta sapu menuju Kota Bharu. Abu Zer Ali dan pengkaji sampai ke stesen bas Kota Bharu sepuluh minit sebelum jam 8. Abu Zer Ali dan pengkaji, bergegas menuju ke bangunan yang bertentangan dengan Panggung Lido. Abu Zer Ali dan pengkaji, memerhati keadaan sekeliling sambil berperang dengan nyamuk. Tepat jam lapan, ternampak seseorang berjalan pantas menuju ke *Now Showing.* Dia pura-pura memerhati dan meneliti sebentar sebelum bergerak ke *Next Change.* Dia mendongak dan memerhati lebih kurang empat lima minit, kemudian bergerakperlahan-lahan ke seberang jalan.

Abu Zer Ali dan pengkaji mengejarnya di dalam kesamaran malam yang diterangi lampu jalan. Bila hampir dengannya, pengkaji menegur dan dijawabnya sambil terus berjalan

[318] Temubual bersama Subki Ibrahim, 20 November, 2019, Salor, Kota Bharu Kelantan.

diikuti oleh pengkaji dan Abu Zer Ali. Pengkaji tahu, Lokman sedang menuju ke arah Sungai Kelantan, tidak jauh dari gerai-gerai makan di Taman Sekebun Bunga. Pengkaji biasa dengan tempat ini semasa belajar di Maktab Kadir Adabi.

Abu Zer Ali dan pengkaji, terus mengekori Lokman hingga ke sebuah kilangpapan di tepi Sungai Kelantan. Bila sampai di pintu masuk kilang papan, Lokman menyalakan *lighter* di hadapan muka pengkaji dan muka Abu Zer Ali. Segera Hishamuddin Rais dan Yunus Ali menyergah dalam kegelapan malam. Kemudian lampu dinyalakan, kami berpelukan kerana seronok bahawa sebahagian dari rancangan telah selesai.

Yunus Ali dan Hishamuddn Rais mengajak ke dalam pejabat yang terdapat kerusi dan sofa. Selepas bercerita pengalaman di dalam perjalanan masing-masing, Lokman memberitahu yang dia mendapat arahan dari Abu Yaakob untuk Hishamuddin Rais menghubunginya. Yunus Ali cuba bertanya dengan Lokman tentang arahan itu, tetapi diberitahu yang dia pun tidak tahu maksudnya.

Hishamuddin Rais menggunakan telefon di pejabat itu menghubungi Abu Yaakob. Semuanya memerhati dengan penuh tanda tanya. Hishamuddin Rais menyatakan yang semuanya akan bergerak melintasi sempadan untuk memasuki Thailand. Beliau berkeras dengan pendiriannya yang mewakili kawan-kawannya. Semuanyadapat mengimbau dari percakapan Hishamuddin Rais, tentang larangan untuklari dari Malaysia. Lepas itu dia memberitahu Abu Yaakob, yang dia ingin berbincang dengan kawan-kawan dan menyerahkan gagang telefon kepada Lokman.

Lokman bertanya beberapa perkara dengan Abu Yaakob. Hishamuddin Rais menerangkan dengan jelas bahawa Abu Yaakob memerintahkan supaya membatalkan hasrat untuk melewati sempadan Malaysia-Thailand. Itu adalah arahannya dan mesti segera balik ke Kuala Lumpur. Semuanya memutuskan supaya Hishamuddin Rais cuba merayu sekali lagi. Kalau masih gagal, maka semuanya mesti mematuhi arahan Abu Yaakob. Semuanya sedar, bahawa segala urusan untuk lari meninggalkan Malaysia adalah dengan bantuan Abu

Yaakob. Oleh itu semuanya mesti menghormati usaha dan keputusannya.

Hishamuddin Rais kembali bercakap dengan Abu Yaakob. Seketika dia berhenti dan nampak sangat kecewa. Semuanya kecewa dengan keputusan Abu Yaakob yang di luar jangkaan sama sekali. Lokman turut bersimpati dan menyatakan yang Abu Yaakob tidak memberikan sebarang-sebab. Tapi dia percaya, ada sesuatu informasi yang sangat serius di perolehi Abu Yaakob tetapi tidak boleh diberitahu melalui telefon. Apa pun alasan yang diberikan masih tidak mampu menurunkan suhu kemarahan dan kekecewaan .

Kekecewaan yang sangat mendalam dirasakan oleh semuanya, selepas bersusahpayah untuk sampai ke Kota Bharu. Selepas berbincang, semuanya memutuskan untuk kembali pagi esoknya dengan menaiki kereta api Tanah Melayu dari stesen Wakaf Baru, Kota Bharu. Kemudian semuanya melayan kekecewaan masing- masing hingga tertidur. Lokman turut tidur berhimpit-himpit dengan kawan-kawan seperjuangannya di pejabat kilang papan.

Selepas bangun dan membasuh muka, semuanyai berkejar mendapatkan teksi untuk ke stesen kereta api Wakaf Baru. Lokman meminta diri untuk kembali ke Pattani sebagai gerila BRN. Sampai ke stesen kereta api segera Yunus Alii membeli tiket untuk kembali ke Kuala Lumpur. Semuanya menunggu, bertemankan rasa cuak kerana tidak tahu siapa yang ramai di setesen itu. Tiba- tiba Abu Zer Ali ternampak Abdullah Ahmad yang diiringi oleh juak-juaknya memasuki stesen kereta api yang tidak besar ini. Hishamuddin Rais, Yunus Ali, Abu Zer Ali dan pengkaji berpandangan seketika. Spontan semuanya memberi isyarat dengan mata untuk meninggalkan stesen ini.

Kemudian, semuanya berkejar ke teksi yang sedang menunggu di luar stesen. Selepas masuk, Yunus Ali meminta supaya dihantar ke Kuala Lumpur. Selepas memberitahu harganya, pemandu terus memandu pergi. Dia cuba bertanya mengapa kami tidak menaiki kereta api, kerana hujan yang lebat mungkin terjadi banjir di dalam perjalanan nanti. Yunus memberitahu yang beliau tidak mahu terperangkap di dalam kereta api sekira jalannya

dinaiki air. Yunus di sebelah pemandu sering mengheret pemandu ke topik hujan dan banjir bila dia cuba bertanya hal-hal lain. Sesekali pengkaji mencantas pertanyaan pemandu dengan hal-hal penghidupan pemandu teksi di Kelantan. Sengaja membiarkan dia hanjut dengan penceritaannya.

Sampai di Jertih, kereta berderet di jalan raya. Pemandu memberitahu yangJambatan Jertih tidak boleh dilalui oleh semua jenis kenderaan. Selepas membayar tambang yang dipersetujui semuanya bergegas menuju perahu penambang untuk menyeberangi Sungai Jertih. Sampai di tebing sebelah sana, bersigai beberapa orang polis. Hishamuddin Rais dan semuanya teragak-agak juga melewati polis yang sedang bertugas itu. Yunus mendapatkan teksi yang sanggup pergi ke Kuala Lumpur. Kembali Yunus duduk di sebelah pemandu teksi.Buat seketka Yunus melayan pemandu berbual soal hujan dan banjir. Hishamuddin Rais dan Abu Zer Ali telah nyenyak dibuai mimpi ngeri. Yunus juga sudah tertidur dan pengkaji turut memejamkan mata yang mulai mengantuk.

Pemandu membangunkan Yunus Ali bila sampai ke simpang Setapak dari Jalan Gombak. Yunus meminta pemandu menghantar ke Jalan Bangsar. Dia menolak kerana tidak tahu tempat tersebut dan bimbang sesat untuk ke stesen teksi di Jalan Melaka. Yunus meminta supaya diturunkan di tempat menunggu teksi.Selepas membayar tambang, semuanya keluar dan tidak lama kemudian Yunus mendapatkan teksi menuju ke Bangsar. Bila sampai ke rumah Abu Yaakob, segera kami masuk ke dalam rumahnya[319].

Abu Yaakob sememangnya sedang menunggu dalam waktu yang panjang kerana tidak tahu bila pengkaji dan kawan-kawan akan sampai. Selepas meletakkan beg galas masing-masing ke bilik yang biasa digunakan, segera semuanya mendekati Abu Yaakob. Beliau memberitahu yang beliau terpaksamembatalkan rancangan itu demi keselamatan dan nyawa semuanya. Mengikut informasi yang diperolehinya, bahawa rahsia tersebut iaitu untuk menyeberangi sempadan Malaysia-Thailand telah diketahui oleh kerajaan. Sepasukan Polis

[319] Lihat Kamarazaman Yacob, BERSAMA ANWAR KE PENJARA, ms. 68-77. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 204.

Hutan telah digerakkan ke sempadan untuk mengepung semua laluan ke Thailand. Mengikutnya lagi, pengkaji dan kawan-kawan mesti disekat dan perlu ditahan sama ada hidup atau mati.

Pengkaji menarik nafas panjang bila mendengar penjelasan Abu Yaakob tentang pembatalannya terhadap rancangan yang telah diatur itu. Semuanya dapat menerima penjelasannya biarpun merasa sangat kecewa. Sebelum tidur, sama- sama berbincang untuk tindakan selanjutnya. Hishamuddin dan Yunus mahu meneruskan hasrat untuk meninggalkan negara. Abu Zer Ali mahu melihat keadaan sebelum membuat keputusan. Pengkaji juga menyetujui keputusan Abu Zer Ali.

6.8.4 Membawa Haluan Berbeza

Pengkaji membuat keputusan untuk balik buat sementara waktu ke Kolej Kelima. Hishamuddin Rais, Yunus Ali dan Abu Zer Ali memilih untuk pergi ke rumah Usman Awang[320] di Kampung Tunku. Selepas dua hari di kolej, pengkaji kembali ke rumah abang Harun. Sejak itu pengkaji berulang-alik dari rumah abang Harun ke UM untuk mendapatkan nota atau '*essay'* dari kawan-kawan sebagai persediaan untuk menghadapi peperiksaan akhir bagi mendapatkan ijazah.

Pengkaji sentiasa yakin dengan apa yang mahu dilakukan, sama ada disegi pekerjaan, perbuatan atau tindakan. Bertolak dari premis inilah pengkaji dengan penuh keyakinan yang mendalam bersedia menghadapi peperiksaan tahun akhir.Biarpun pengkaji di dalam pelarian dari penangkapan oleh pihak berkuasa, namunpengkaji tetap akan menduduki semua kertas peperiksaan di DTC. Sepanjang peperiksaan, pengkaji masih berulang-alik dari Kampung

[320] Usman Awang (Dato') ialah seorang Sasterawan Negara. Terkenal dengan nama penanya Tongkat Waran. Beliau seorang penyair yang sangat terkenal dan pengkaji skrip drama. Pernah bertugas di Utusan Utusan Melayu dan berhenti kerana terlibat dalam mogok pada 1961. Kemudian bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau menghasilkan lebih 200 puisi dan drama. Menjadi Sasterwan Negara pada 1983, SEA Write Award 1982 dan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan Universiti Malaya pada 1983 serta Zamalah Sastera 1985. Dianugerah Darjah Kebesaran Dato Paduka oleh Sultan Perak pada tahun 1991, yang membawa gelaran Dato'. Menghasilkan sebuah novel iaitu Tulang-Tulang Berserakan selain antologi puisi.

Tunku ke kampus UM. Akhirnya pengkaji mendapat berita semasa di lokap, yang pengkaji mendapat kelulusan Sarjana Muda Kelas Kedua Atas.

Akhirnya sejarah merakamkan bahawa pengkaji dan kawan-kawan terpaksa berpisah kerana mengikut percaturan masing-masing. Hishamuddin Rais dan Yunus Ali melarikan diri dari Malaysia dalam waktu yang berbeza. Yunus Ali melarikan diri dari Hong Kong ke Bangkok selepas menghadiri persidangan mahasiswa *Asian Student Association* (ASA) di Tokyo. Wakil MPP UM ialah HarrisPardi, Sukumaran, Yunus Ali dan Jamaluddin Marzuki, yang ditaja oleh ASA[321]. Semasa singgah di Hong Kong, dalam perjalanan balik dari Tokyo, Yunus membuat keputusan untuk melarikan diri dari Malaysia[322]. Hishamuddin melarikan diri dari Malaysia melalui pintu belakang, kemudian menuju Jordan sebelum ke Australia. Manakala Abu Zer Ali menyertai Parti Komunis Malaya (PKM), Rejimen ke 10 di sempadan Malaysia-Thailand. Beliau memilih jalan yang dirintis oleh Abdullah C.D pada tahun 1948. Abu Zer Ali datangmenemui pengkaji di Kampung Melayu, Old PJ, selepas tiga minggu pengkaji dibebaskan dari tahanan ISA. Beliau menceritakan secara terperinci, bagaimana dia dibawa oleh Min Yuan kepada gerila PKM.

Hishamuddin Rais dan Yunus Ali lari dari Malaysia tanpa ada perancangan yang jelas. Mereka terpaksa mengembara untuk menyesuaikan dengan keadaan. Yunus Ali akhirnya menyertai PLO dan menjadi pengawal peribadi kepada YasserArafat sebelum berpindah ke kota London. Hishamuddin Rais mengembara dari beberapa buah negara sebelum mendapat suaka politik di Belgium. Nampaknya, Abu Zer Ali lebih jelas apa yang beliau mahu lakukan dalam mengejar keyakinannya. Beliau lebih fokus dan lebih tahu peranan yang mahu diteruskan. Keberaniannya mengheret beliau menyertai PKM, suatu keputusan yang tidak mudah dilakukan oleh seorang mahasiswa.

Akhirnya pengkaji memilih jalan yang pernah dilalui oleh Boestaman, Dr Burhanuddin el-Helmi, Pak Sako, Samad Ismail, Aziz Ishak, Dr. Rajakumar dan lain-lain, selepas gagal

[321] Temubual bersama Harris Pardi, April 15, 2019, PJ.
[322] Ibid.

dalam percubaan pertama bersama Hishamuddin Rais, Abu Zer Ali dan Yunus Ali. Memilih untuk tidak terus melarikan diri dan bersedia masuk penjara di bawah tahanan ISA. Manakala Hishamuddin Rais dan Yunus Alimemilih jalan yang pernah ditempa oleh Ibrahim Yaakob (IBHY) iaitu melarikandiri dari tanah air. Pengasas dan aktivis KMM iaitu Ibrahim Yaakob, Boestaman, Pak Sako, Dr Burhanuddin el-Hilmy dan Onn Jaafar turut bersama di dalam KMM demi perjuangan kemerdekaan Malaya. Abdullah C.D bersama Mokhtaruddin Lasso, Dr Buhanuddin el-Helmy, Boestaman, Dahari Ali, Ghafar Baba ramai lagi menubuhkan PKMM pada 16-17 Oktober 1945[323]. Kebanyakkan ahli KMM menyertai PKMM selepas Ibrahim Yaakob telah meninggalkan Malaya pada 19 Ogos 1945.

Mereka memilih haluan yang berbeza akhirnya, dalam meneruskan keyakinan dan perjuangan. Ibrahim Yaakob melarikan diri ke Indonesia, mencipta nama di sana sebagai tokoh politik dan perbankan. Beliau meninggal dunia pada 8 Mac 1979 dan disemadikan di Taman Makam Pahlawan Kalibata, Jakarta. Abdullah C.D memilih mengangkat senjata menentang penjajah dengan menyertai Parti Komunis Malaya, juga meninggalkan tanah air menetap di Thailand. Ibrahim Yaakob juga mengangkat senjata di Indonesia bersama revolusioner di sana menghalau penjajah.

Ibrahim Yaakob dan Abdullah C.D sama-sama mengangkat senjata dalam wilayah Nusantara, tetapi di tempat yang berbeza. Manakala Boestaman, Pak Sako dan Samad Ismail terpaksa meringkuk dari penjara ke penjara di tanah airnya kerana ideologi dan perjuangan. Mereka membilang lokap dan penjara sejak zamanpenjajahan Inggeris hinggalah zaman merdeka. Dr Burhanuddin el-Helmymeninggal dunia pada 25 Oktober 1969, diikuti oleh Boestaman pada 19 Januari 1983 dan Pak Sako pada 7 November 1991.

Persis seluang menujah sungai, menentang arus dan dilambung ombak akhirnya kembali ke gigi sungai. Begitulah dengan Hishamuddin Rais dan Yunus Ali, setelah lebih sepuluh tahun menjadi musafir, akhirnya Yunus Ali kembali ke Malaysia pada tahun 1985. Hishamuddin Rais meneruskan hidupnya sebagai seorang suaka politik dan kembali ke tanah air pada

[323] Abdullah C.D, Memoir Abdullah C.D, Zaman Pergerakan Sehingga 1948,SIRD, PJ, ms. 92-99.

1995.

Semasa di UM, mereka tidak sempat menamatkan pengajian, namun mereka pulang ke Malaysia bersama segulung ijazah dalam bidang yang berlainan. Ibrahim Yaakob tidak pulang ke tanah airnya, tetapi mencipta nama di perantauan iaitu Indonesia. Mungkin Ibrahim Yaakob berjaya di perantauan kerana dia mempunyai matlamat yang jelas semasa melarikan diri dari Malaya. Sedangkan Hishamuddin Rais dan Yunus Ali tidak mempunyai tujuan yang jelas kerana terpaksa bermusafir dari negara ke negara sebelum Hishamuddin terdampar ke Belgium dan Yunus Ali di kota London.

Bagaimanapun, Yunus Ali dapat juga mencipta sejarah sebagai anak Melayu pertama dan terakhir menjadi pengawal peribadi kepada Yassir Arafat, pemimpin PLO. Hishamuddin Rais dan Yunus Ali pulang, sarat membawa pengalaman dan ilmu yang dikutip sepanjang perjalanan yang mungkin berguna untuk bangsa, sekiranya dapat diterjemahkan ke dalam tindakan dan perjuangan. Biarpun mereka seperti hanyut dan berkelana menyusur liku-liku hidup di perantauanseperti tiada tujuan. Namun, Hishamuddin Rais dan Yunus Ali tidaklah seperti Buddha yang berkelana mencari Nirwana sepanjang hidupnya.

6.9 Kesimpulan

Selepas dipilih sebagai Presiden PMUM pada sesi 1973/74, dan Hishamuddin Rais sebagai Setiausaha Agong, pengkaji bersama rakan Kelab Sosialismenguasai sepenuhnya PMUM dan badan-badan di bawahnya. Akhbar PMUM iaitu Mahasiswa Negara telah digunakan untuk perjuangan Kelab Sosialis melalui pengkajian atau rencana bagi menimbulkan kesedaran tentang marhaenisme di kalangan para mahasiswa. Juga untuk meniupkan semangat para mahasiswa supaya menjadi berani menentang pihak universiti dan kerajaan, sekiranya sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak universiti dan kerajaan menyusah dan merugikan para mahasiswa dan rakyat marhaen.

Atas keyakinan menguasai sepenuhnya ke atas PMUM dan dapat menguasai pemikiran para mahasiswa, maka pengkaji dan Kelab Sosialis mengatur aktiviti dan menganjurkan siri demonstrasi. Pihak Kelab Sosialis melalui PMUM berkeyakinan dapat mengekang suara-suara penentangan dari golongan nasionalis melalui PBMUM dan Islamis melalui PMIUM. Malah pengkaji sendiri secara terbuka terlibat dalam membantu kempen PSRM di Melaka pada PRU1974 bersama anggota Kelab Sosialis. Manakala Hishamuddin Rais memimpin beberapa orang mahasiswa menjelajah dengan bas PMUM ke seluruh negara membantu parti pembangkang.

Pengkaji turut terpengaruh dengan radikalisme para mahasiswa di seluruh dunia pada masa itu. Maka, pengkaji mengasuh dan mengajak para mahasiswa bertindak secara yang agak agresif dan militan. Dalam menterjemahkannya, pengkaji mengajak para mahasiswa bertindak lebih agresif dan militan semasa berdemonstrasi. Beberapa tindakan yang agresif seperti mengepung kereta Menteri di Fakulti Sastera, bertempur dengan FRU di Masjid Negara, membaling untuk memecahkan dinding Lincoln Centre dan termasuklah merusuh di Federal Highway, dekat Kampung Kerinchi.

Semuanya itu adalah tindakan berbentuk militan yang mirip kepada tindakanradikalisme yang dilakukan oleh mahasiswa di luar negara. Tindakan pengkaji merampas kampus UM pada 21 September 1974, adalah kemuncak kepadatindakan militan yang dilakukan oleh penulis. Malangnya, selepas rampasan kampus tersebut PMUM telah digantung dan Kelab Sosialis dibatalkan pendaftarannya. Tindakan militan ini terpaksa dibayar dengan harga yang terlalu mahal, walaupun akhirnya semua persatuan mahasiswa di Malaysia dibunuh melalui AUKU 1975.

Siri demonstrasi, seperti Demonstrasi Perang Ramadan, Demonstrasi Isu Tasik Utara dan Demonstrasi Isu Baling, adalah tindakan-tindakan yang digemari oleh Kelab Sosialis. Tindakan-tindakan seperti itu dapat mempengaruhi kesedaranrakyat, supaya berani bangkit mencabar kerajaan, sekiranya tuntutan secara lembut tidak dilayan oleh kerajaan. Demonstrasi Isu Baling berakhir dengan penangkapan ribuan para demonstran dari

berbagai universiti di Kuala Lumpurdan Pulau Pinang. Kemuncaknya adalah Operasi Mayang pada 8 Disember 1974,yang menangkap beberapa orang pemimpin mahasiswa. Akhirnya beberapa orang pemimpin mahasiswa termasuk pengkaji ditahan di bawah ISA, di Kem Perlindungan, Kamunting, Perak.

Selepas Operasi Mayang, pengkaji, Hishamuddin Rais, Abu Zer Ali dan Yunus Ali yang dapat memboloskan diri semasa Operasi Mayang, cuba melarikan diri dari Malaysia. Tetapi percubaan ini gagal, kerana dihalang oleh Abu Yaakob dari meneruskan perjalanan tersebut kerana hal keselamatan nyawa pengkaji bersama rakan-rakan. Akhirnya, terpaksa memilih haluan sendiri untuk meneruskan perjuangan masing-masing. Abu Zer Ali memilih laluan yang dimulakan oleh Rashid Maidin iaitu menjadi gerila dan membentuk Rejimen Kesepuluh PKM. Abu Zer Ali dengan penuh berani menyertai Rejimen Kesepuluhdi bawah pimpinan Rashid Maidin.

Hishamuddin Rais dan Yunus Ali, memilih cara yang dilakukan oleh Ibrahim Haji Yaakob, iaitu melarikan diri dari Malaysia. Mereka meloloskan diri dari Malaysia bersendirian dan akhirnya bertemu di Kota London, selepas berpindah dari satu negara ke negara lain. Manakala pengkaji, memilih untuk meneruskan perjuangandi tanah air selepas percubaan melarikan diri telah gagal. Memilih untuk berjuang di tanah air ini, akhirnya pengkaji terpaksa melalui apa yang ditanggung oleh Boestaman, Pak Sako, Dr Burhanuddin el-Helmi dan lain-lain iaitu meringkuk di penjara.

BAB VII

KESINAMBUNGAN PERJUANGAN

7.1 Penangkapan Dan Tahanan ISA

Dua hari selepas tamat peperiksaan, pengkaji kembali ke Temerloh menaiki bas terakhir jam 6 petang. Perjalanan dari stesen bas Jalan Melaka, Kuala Lumpur ke Temerloh memakan masa selama empat jam. Bas berhenti di Karak untuk rehat dan makan minum selama 30 minit, sebelum meneruskan kembali perjalanannya ke Temerloh.

Pengkaji sampai ke Temerloh lewat jam 10 malam dan terus ke rumah sewa bapa, di tingkat atas kedainya. Kebetulan malam itu bapa tidak pulang ke rumahnya di Kampung Bukit Tingkat. Beliau dan ibu terperanjat bila pengkaji terjengul di pintu rumah sewanya. Segera pengkaji peluk memeluk ibu dan bersalam dengan bapa. Kegembiraan mereka terpancar dari wajah dan percakapan mereka. Malam itu, pengkaji bercerita disulami pertanyaan oleh ibu dan bapa. Semuanya berkisar tentang penangkapan para mahasiswa dan peperiksaan. Lama berborak sampai jam satu pagi barulah semuanya tidur.

Pengkaji bangun agak lewat kerana kepenatan. Tiada siapa pun lagi bersama pengkaji. Selepas mandi, berpakaian, pengkaji turun ke bawah menemui ibu dan bapa di kedai mereka. Kemudian pergi sarapan ke restoran ibu kepada Asmarani yang berselang beberapa pintu kedai dari kedai bapa. Baru pengkaji duduk di kerusi dan masih belum membuat pesanan, tiba-tiba pengkaji didatangi oleh dua orang lelaki. Mereka memperkenalkan diri sebagai pegawai polis dari cawangan khas atau SB.

Seorang darinya pengkaji kenal, kerana dia sekelas dengan abang Halim semasa di Sekolah Menengah Abu Bakar, Temerloh. Pengkaji pun tahu namanya iaitu Zainal, dan lebih dikenali sebagai 'Elvis Temerloh' kerana semasa keramaian termasuk pementasan Bulan Bahasa Kebangsaan beliau akan menyanyikan lagu Elvis Presley. Beliau memberitahu ingin membawa pengkaji ke balai polis hanya sekejap. Pengkaji beritahu beliau yang pengkaji mahu memberitahu bapa tentang penangkapan itu. Beliau bersetuju sambil mengekori pengkaji bersama kawan sepasukannya.

Ibu dan bapa seperti tergamam bila diberitahu yang pengkaji telah ditangkap. Kemudian Inspektor Zainal mengajak bapa turut bersama ke rumah bapa di Kampung Bukit Tingkat. Katanya, dia ingin mencari kalau-kalau terdapatbarangan kepunyaan pengkaji di sana. Bapa dan ibu meninggalkan kedainya kepada pekerja. Mereka menaiki kereta ke Kampung Bukit Tingkat mengekori kereta polis.

Di rumah bapa pengkaji, mereka menggeledah bilik yang pernah diduduki oleh pengkaji semasa balik kampung. Mereka menemui beberapa naskah buku kiri danrisalah-risalah keluaran Kelab Sosialis UM dan FUEMSO[324]. Risalah FUEMSO itu dikirim oleh Suhaimi Said semasa beliau belajar undang-undang di sebuah universiti di London. Inspektor Zainal meminta pengkaji menanda tangani pada sekeping kertas yang disediakannya, sebagai mengesahkan bahawa buku-buku dan risalah tersebut adalah milik pengkaji. Semasa Inspektor Zainal dan kawannya menggeledah bilik, pengkaji mengambil sehelai dua pakaian. Semua keperluan pengkaji isikan ke dalam sebuah beg sandang sebagai persediaan untuk ke lokap, seterusnya ke Kamunting.

Dari Kampung Bukit Tingkat, pengkaji dibawa ke Balai Polis Mentakab. Pengkaji dibawa oleh Inspektor Zainal menemui seorang pegawai SB. Dia bertanya nama pengkaji, kursus semasa di UM dan berapa lama pengkaji memimpin mahasiswa.

[324] FUEMSO ialah Federation of United Kingdom & Eire Malaysia and Singapore Organisation, sebuah pertubuhan mahasiswa-mahasiswa kiri di England dan Ireland

Pengkaji menjawab bersahaja semua soalannya yang dikira tidak begitu penting. Selepas itu Inspektor Zainal ditemani kawannya mengajak pengkaji menaiki kereta polis untuk ke Kuala Lumpur. Pengkaji menurut perintahnya, dan kereta polis bergerak menghala ke Kuala Lumpur. Sampai di Kuala Kaung, Lanchang, enjin kereta berasap dan rosak teruk. Semuanya terpaksa menunggu kereta polis yang lain untuk meneruskan perjalanan. Lewat petang baru kereta polis sampai, dan Inspektor Zainal memutuskan untuk balik ke Mentakab. Sampai di Balai Polis Mentakab, pengkaji dimasukkan ke lokap berseorangan.

Selepas sarapan pagi, pengkaji dibawa oleh Inspektor Zainal ke Kuala Lumpur. DiKuala Lumpur, pengkaji dibawa ke Balai Polis *Campbel*l, kononnya tiada lokap kosong di *High Street*. Tiga malam pengkaji makan tidur di dalam lokap ini. Hari keempat pengkaji dipindahkan dari lokap *Campbell* ke lokap *High Street*. Petang itu pengkaji terus disoal siasat oleh enam orang pegawai SB. Empat orang Melayu, seorang Cina dan seorang India. Mereka membentuk dua kumpulan, di mana tiga orang bersikap keras dan ganas, manakala kumpulan yang satu lagi berlagak lembut dan baik.

Pengkaji dapat membaca cara mereka dalam mencungkil rahsia perjuangan Kelab Sosialis UM dan hal-hal yang dianggap sensitif. Bila kumpulan yang bersikap lembut gagal mendapatkan sesuatu yang dikehendaki mereka, lalu ditinggalnya pengkaji berseorangan. Tidak lama selepas itu kumpulan yang keras akan datang menyoal, menggertak, mengugut dan melakukan kekerasan fizikal. Akhirnya, pengkaji faham benar taktik mereka dalam mendapatkan maklumat ataurahsia.

Sudah menjadi rutin di dalam lokap, iaitu selepas sarapan, selepas makan tengah hari dan selepas makan malam, pengkaji akan diambil untuk disoal siasat. Sarapan pagi ialah sekeping roti, sebiji pisang embun sederhana besarnya dan segelas plastik air kopi cair. Makan tengah hari ialah sebungkus nasi yang sudah bercampur kuah kari, berlauk ikan lelayur dan kacang bendi yang keras[325]. Makanmalam pun sama juga dengan makan tengah hari, kecuali Sabtu malam diberi makan mi goreng. Bila menerima mi goreng, betapalah

[325] Lihat, Kamarazaman Yacob, BERSAMA ANWAR KE PENJARA, ms. 3.

seronok dan nikmatnya pemberian tersebut. Pengkaji difahamkan, peruntukan untuk makanan seorang yang duduk di lokap ialah RM 3.50 sehari. Jadi bolehlah dibayangkan jenis makanan yang dibekalkan kepada warga lokap.

Duduk di dalam lokap, yang lampunya sentiasa terpasang menyebabkan kita tidaktahu, hari apa dan sudah berapa lama di dalam lokap. Untuk mengetahui jumlah hari di dalam lokap, pengkaji mengumpul sehelai getah gelang pengikat nasi bungkus setiap hari. Kadang-kadang pengkaji terlupa tentang hari, hanya Sabtu dan Ahad jelas kerana Sabtu malam mendapat mi goreng. Keadaan di dalam lokap sangat teruk, kerana terlalu panas. Malam terlampau sejuk kerana tidur di atas simen seperti katil (bongkah pangkin). Pakaian tengah hari yang sesuai di dalam lokap, hanyalah berseluar dalam kerana terlampau panas. Seluar dan baju hanya dipakai bila dipanggil untuk disoal siasat.

Semua barangan yang dibawa terpaksa diserahkan kepada pihak polis, tidak ada yang terkecuali. Setiap malam dibekalkan dengan selimut yang kecil dan kotor[326]. Pengkaji tidak pernah menggunakannya kerana selimut itu sentiasa beredar dari seorang ke seorang yang lain di dalam lokap. Baunya yang hapak sangat mencucuk hidung terutama di waktu malam. Pengkaji terpaksa tidur berbantalkan lengan sepanjang 68 hari di dalam lokap.

Tempat mandi dan tempat melepas jauh dari lokap, iaitu di luar. Keadaannya sangat kotor, berlendir, lembab dan sentiasa basah. Baunya sentiasa memualkan dan sentiasa berbau hancing. Untuk mandi terpaksa bergilir-gilir antara seseorangtahanan lokap, barangkali tidak mahu 'pesalah' berkenalan dan berbincang. Keadaan yang paling menyeksakan ialah bila mahu melepas, sama ada mahu membuang air besar atau kecil di waktu malam. Terpaksa memanggil polis untuk membuka pintu lokap supaya dapat pergi ke bilik air. Kadang-kadang terpaksa menggegarkan pintu lokap supaya didengari oleh polis yang mengawal lokap. Walaupun mungkin mengganggu penghuni lokap yang lain, tetapi terpaksa dilakukan sebelum ianya terbarai di dalam bilik sendiri[327]

[326] Syed Husin Ali, TWO FACES, DETENTION WITHOUT TRIAL, ms. 10-15.
[327] Lihat Syed Husin Ali, Two Faces, Detention Without Trial, ms. 12-22.

Bila ditangkap dan ditahan di dalam lokap, pengkaji teringat pesanan Usman Awang kepada pengkaji dan kawan-kawan anggota Kelab Sosialis. Beliau mengingatkan, supaya mengawal diri menjadi rotan dan jangan menjadi besi. Beliau memberitahu, supaya dapat menjadi rotan yang sentiasa boleh berpusing- pusing dan anjal yang pastinya tidak patah. Sekiranya menjadi besi, yang sentiasa menunjukkan keras dan tidak fleksibel itu akhirnya akan patah. Bila patah, semuanya akan musnah dan tidak berguna lagi.

Usman Awang memberikan contoh kawannya, iaitu Said Zahari[328], yang dilihat lembut dan baik. Bila berlaku penangkapan ke atas beliau oleh Lee Kuan Yew, melalui operasi yang dikenali sebagai 'Cold Store'[329] pada tahun 1963, ramai yangmenjangkakan Said Zahari adalah orang pertama yang akan menyerah kalah.Tapi akhirnya terbukti dengan sikap yang nampaknya lemah-lembut itu menjadikan Said Zahari antara yang paling lama ditahan iaitu selama 17 tahun seperti kawannya Dr Poh Soo Kai.

Pengkaji telah menyediakan diri, seperti mana yang diingatkan oleh Usman Awang, iaitu nampak seperti lemah dan fleksibel. Mana-mana perkara yang dirasakan tidak penting, pengkaji menjadikan sebuah karangan yang cukup panjang. Tujuannya supaya SB menjadi *confuse* atau bercelaru dalam memahami orang tahanannya. Pengkaji menampakkan diri,

[328] Said Zahari seorang aktivis politik dan wartawan. Berkhidmat dengan surat kabar Utusan Melayu sejak 50an dan 60an di Kuala Lumpur. Beliau memimpin mogok pekerja Utusan Melayu pada 1961 selama 93 hari kerana membantah penguasaan UMNO ke atas Utusan Melayu. Kesannya, Tunku Abdul Rahman menghalau dan mengharamkan beliau memasuki Malaysia. Semasa di Singapura, beliau terlibat dengan gerakan kiri dan menjadi Ketua Umum Parti Rakyat Singapura pada 1 Februari 1963. Beliau ditangkap oleh Lee Kuan Yew melalui Operasi Cold Store pada 2 Februari 1963. Ditahan selama 17 tahun tanpa bicara sebelum dibebaskan pada tahun 1979. Selepas dibebaskan, beliau menjadi editor di Asia Research Bulletin di Singapura (1980-86), eksekutif editor Xenia Editorial Services di Singapura (1992-1994). Tahun 1989 berhijrah ke Malaysia. Menjadi Karyawan Tamu di Jabatan Komunikasi UKM (1996-19990. Menghasilkan karya-Irian Barat: Duri Dalam Daging (1962), Puisi Dari Penjara (1973), Meniti Lautan Gelora: Sebuah Memoir Politik (2001), Dalam Ribuan Mimpi Gelisah: Memoir Said Zahari (2006).

[329] Cold Store atau Operasi Cold Store dilakukan oleh Lee Kuan Yew pada 2 Februari 1963. The Sunday Times, Singapura, 3 Februari, dengan tajuk, 107 HELD IN SINGAPORE DAWN DRIVE oleh Lim Kit Siang dan Jackie Sam. Lihat, The Fajar Generation, pynt , Poh Soo Kai, Tan Jin Quee, Koh Kay Yew, SIRD, 2010 ms. 155-220Dengan Kelulusan Internal Security Council (ICS) pada 1 Februari, maka Operasi Cold Store dilaksanakan pada awal pagi berikutnya, " Operation started at 02.15 hours. For security reasons arrest parties were assembled 30 miles inside Johore with cooperation of the Federation police. Arrest party crossed causeway at about 03.15 hours. By 09.10 hours, 97 persons had been arrested including nearly all the leading figures. Police hope that by midday, total of arrest will be between 110 and 120. This in considered satisfactory, more will be picked up later", ms. 190. Antara yang ditangkap ialah Said Zahari, Dr Poh Soo Kai, Lim Chin Siong, S. Woodhull, Lim Hok Siew,Chan Chiaw Thor, tegasnya adalah kepimpinan Barisan Sosialis Singapura.

seolah-olah sangat bekerjasama dengan mereka di dalam semua hal. Pun begitu, sesekali pengkaji terperangkap juga dengan kemampuan mereka mengimbau tentang kepura-puraan pengkaji.

Dalam kes mereka mahu pengkaji kaitkan Abu Yaakob, wakil Al Fattah, wakil Iraq dan wakil Libya dengan Kelab Sosialis, pengkaji cuba berbohong. Pengkaji katakan, bahawa pengkaji tidak mampu berbincang dengan Abu Yaakob dan yang lain sebab pengkaji tidak fasih berbicara di dalam bahasa Inggeris. Mereka terus mendesak, menggesa malah menggertak dengan suara yang tinggi. Pengkaji terus menafikannya dengan mengatakan, sekiranya dipukul mati sekalipun pengkaji tidak dapat memenuhi kehendak mereka. Pegawai berbangsa India menumbuk rusuk kiri pengkaji, barangkali tidak dapat menahan kemarahannya. Pengkaji bergulung menahan kesakitan kesan dari tumbukannya. Melihat kesakitan pengkaji, kawannya meminta dia meninggalkan tempat soal siasat.

Pada waktu yang lain, pengkaji juga menerima beberapa tumbukan selepas mereka menunjukkan gambar pengkaji membebaskan Anwar, Ibrahim Ali dan beberapa pemimpin mahasiswa dari trak FRU. Macam-macam mereka memperli pengkaji, bila berseorangan dan tidak ditolong oleh sesiapa pun. Mereka juga cuba mencungkil dan meminta, dikaitkan bahawa Kelab Sosialis ada hubungan dengan komunis. Bagaimanapun mereka mendesak, pengkaji tetap menafikannya. Mereka mengatakan, yang Hamzah Kassim telah mengaku dan telah menjelaskan secara terperinci bagaimana hubungan antara Kelab Sosialis dengan komunis. Pengkaji menafikannya dan pengkaji tahu mereka berbohong kerana sememangnya Kelab Sosialis tidak ada hubungan dengan gerakan komunis.

Mereka juga sangat marah, bila menyentuh kes pengkaji membawa para mahasiswa dan setinggan Kampung Kerinchi mengamuk di Federal Highway hingga merosakkan lampu isyarat dan pondok polis. SB berbangsa India menjerit kepada pengkaji dengan mengatakan tindakan itu seperti pengganas komunis. Pengkaji mendiamkan diri dan menunggu kiranya penumbuknya sampai ke badan. Dia menghantukkan kepala pengkaji ke meja, melepaskan geramnya terhadap keganasan yang telah berlaku. Pengkaji bersabar atas ingatan Usman Awang.

Berbagai ikhtiar SB cuba mencungkil rahsia dari pengkaji. Selepas geng ganas melakukan kekasaran, maka geng baik, cuba memujuk. Akhirnya mereka memujuk pengkaji untuk keluar di dalam siaran TV dan menyatakan penyesalan terhadap segala perbuatan serta tindakan semasa menjadi pemimpin mahasiswa. Mereka menjanjikan, sekiranya pengkaji bersedia membuat rakaman TV, pengkajiakan dibebaskan dengan segera. Pengkaji ketawa di dalam hati, kerana memang telah bersedia untuk bersama kawan-kawan di Kamunting.

Pengkaji disoal siasat selama lebih 21 hari, mungkin kerana pengkaji selalu menulis karangan panjang menyebabkan banyak waktu soal siasat terbuang.Sepanjang waktu soal siasat, pengkaji sangat lemah dan mengantuk. Biasanya jam 8.30 pagi, pengkaji sudah di ambil untuk disoal siasat. Kemudian lebih kurang jam 1.30 atau 2, pengkaji dikembalikan ke lokap untuk makan tengah hari. Lepas itu jam 3.30 atau 4, pengkaji dibawa lagi ke tempat soal siasat. Selepas makan malam, biasanya jam 8, sekali lagi pengkaji diambil untuk disoal siasat. Penyeksaan ini diteruskan selama 14 hari, kerana sepanjang waktu itu tiada siapapun boleh melawat atau bertemu.

Hari ke 15, ST.Gamany datang menemui pengkaji dan menyatakan beliau sebagai peguam. Manakala hari ke 16, Asmarani Dahalan, *girlfriend* datang membawa makanan. Dr Chari yang bertugas sebagai doktor di Klinik UM datang menziarah pada hari ke 17. Dia menjeritkan nama pengkaji, dan bergegas memeluk sambil menangis. Beliau melihat pengkaji terhoyong-hayang semasa berjalan disebabkan letih dan mengantuk. Suhaimi Said turut menziarah sebagai kawan dan sebagai peguam. Ibu, abang Muhammad, abang Abdul Manaf turut melawat ketika badan pengkaji semakin pulih. Selepas habis disoal siasat, pengkaji menunggu untuk dihantar ke Kem Tahanan, Kamunting, Perak. Pengkaji merasakan waktu berjalan begitu perlahan semasa menunggu berita untuk dihantar ke Kem Tahanan.

Pengkaji terpaksa menjadi penghuni lokap selama 68 hari sebelum dihantar ke Kamunting, sebagai tahanan politik di bawah ISA. Pagi hari yang ke 68, pengkaji dipanggil ke pejabat untuk bertemu dengan seorang pegawai SB bernama Syed Abdul Rahman. Beliau memberitahu, bahawa pengkaji akan di hantar ke Kamunting kerana di tahan di bawah ISA. Pengkaji menerima pertuduhan dari beliau dan menandatangani surat pengesahan yang pengkaji menerima kertas pertuduhan tersebut. Apabila dibaca kertas pertuduhan, semuanya melibatkan siri demonstrasi yang pengkaji lakukan. Selepas itu pengkaji diiringi kembali ke lokap,sementara menunggu kenderaan yang akan ke Kamunting, Taiping.

Di lokap pengkaji meneliti dan membaca semua pertuduhan yang dikenakansebagai hasil soal siiasat. Pengkaji menerimanya dengan senyuman kerana apa yang dilakukan adalah untuk kepentingan rakyat marhaen. Pengkaji tahu, ibu, bapa, abang, kakak dan adik tentunya merasa sedih bila menerima berita yang pengkaji ditahan di bawah ISA.

STATEMENT UNDER SECTION 11 (2) (b)
INTERNAL SECURITY ACT, 1960.

NAME OF DETAINEE: KAMARAZAMAN BIN YACOB.
NRIC NO:0268764 (Blue).

GROUND OF WHICH A DETENTION ORDER IS MADE

That you, Kamarazaman bin Yacob, since 1973, have acted in a manner prejudicial to the security of Malaysia in that you have actively, knowingly, and willingly manipulated various issues to incite social unrest and violence with the view of undermining the legitimate Government of Malaysia by unconstitutional means.

ALLEGATIONS OF FACT

1. *That you, on Oct 1973 in pursuance of your objective of creating of social unrest and violence had exploited the alleged American intervention in the Middle East War to organise illegal anti American demonstrations at the American International Assurance (AIA) Building, Jalan Ampang, KualaLumpur.*
2. *That you, in Nov 1973, in pursuance of your unconstitutional approach had organised a student demonstration against the implementation of the Universities and University Colleges Act in the campus of the University of Malaya.*
3. *That you, in Sept 1974, in pursuance of your militant approach had led a group of students to seize control of the administration of the University of Malaya.*
4. *That you, late Nov 1974 in pursuance of your objective of creating social unrest had instigated and organised the illegal mass student demonstration at the Selangor Club Padang.*
5. *That you, in Dec 1974, in pursuance of your objective creating violence, had led another illegal demonstration along the Federal Highway nearKampung Kerinchi.*

M. GHAZALI BIN
SHAFIEMENTERI HAL EHWAL DALAM
NEGERI
MALAYSIA.

7.2 Kesan Pindaan AUKU 1975 Terhadap Mahasiswa

Pindaan AUKU 1975 (Akta A 295), yang dibentangkan di Parlimen oleh Dr. Mahathir Mohamad, sebagai Menteri Pendidikan Malaysia adalah semata-mata untuk mengawal, mengikat dan menekan gerakan mahasiswa Malaysia. Melalui pindaan ini, seorang mahasiswa, persatuan mahasiswa sudah tidak dapat bergerak, malahkedudukan persatuan mahasiswa sudah diturunkan tarafnya menjadi persatuan mahasiswa.

Kalau dahulunya adalah Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM), selepas pindaan ini ianya bertukar menjadi Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPP) yang secara psikologinya meletakkan persatuan itu seperti persatuan mahasiswa sekolah menengah. Semua persatuan mahasiswa dibubarkan, bermula dengan yang berada di UM pada bulan September 1975[330]. Walaupun Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPP) dibentuk, tetapi kepimpinan dan mahasiswa merasakan ianya langsung tiada kuasa, dan mengharapkan UMSU dapat dipulihkan[331]. Percubaan untuk mengembalikan PMUM atau setidak-tidaknya menyerupai PMUM dalam kebebasan menjalankan aktiviti tidak pernah berhasil kerana sekatan oleh pihak HEP (Hal Ehwal Mahasiswa)[332] Pindaan terhadap Seksyen 15A, 15B, 15C, 15D, 16A, 16B,16C yang jelas bertentangan dengan prinsip keadilan undang-undang.

Pindaan yang menghalang dan mengekang mahasiswa serta persatuan ini dibuat kesan dari pengaruh mahasiswa terhadap kesedaran rakyat dan masyarakat. Sejarah perjuangan mahasiswa dan persatuan mahasiswa sejak tahun-tahun 60- an dan awal 70-an telah mendapat perhatian rakyat bila mana mereka membawa isu-isu rakyat dalam siri demonstrasi mereka. Para mahasiswa tanah air telah melewati isu domestik atau isu di dalam kampus, malah telah menyuarakan isu nasional dan internasional. Isu-isu seperti, petani kelaparan tanah yang dipimpin oleh Hamid Tuah, isu setinggan di Tasik Utara dan isu kelaparan di Baling. Semuaisu-isu nasional itu telah mendekatkan mahasiswa kepada rakyat yang tertindas.

[330] Mredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 247.
[331] Temubual bersama Haris Pardi, 15 April 2019, Petaling Jaya. Beliau adalah Penolong Setiausaha MPP yang pertama di UM.
[332] Temubual bersama Ismail Sabri Yaakob, 14 Februari 2019, Petaling Jaya bekas Presiden MPP 1983-1984.

Tindakan mereka telah mempengaruhi rakyat untuk melihat bahawa mahasiswa dan persatuan mahasiswa adalah mata, telinga dan lidah rakyat. Kemuncaknya, mahasiswa bukan hanya menjadi jurubicara kepada rakyat, malah bersedia bertindak lebih tegas dan keras. Mereka mencetuskan siri demonstrasi dan bersedia untuk bertempur dengan FRU serta polis. Biarpun pertembungan dan pertempuran para mahasiswa atau mahasiswa Malaysia tidak sehebat atau sekeras para mahasiswa Korea Selatan, Thailand serta Jepun, tetapi bibit-bibit kearah itu mulai dirasai oleh pemerintah.

Demonstrasi para mahasiswa UM dan setinggan Kampung Kerinchi yang bertukarmenjadi rusuhan serta amukan di Federal Highway, adalah petanda tindakan mahasiswa menuju militan. Barangkali, bertolak dari premis inilah pihak kerajaanmahu mengekang mahasiswa sehingga pindaan AUKU 1975 (A 295) diadakan, biarpun bercanggah dengan prinsip keadilan undang-undang. Mungkin juga pindaan yang begitu keras dibuat, memandangkan AUKU 1971 yang diperkenalkan selepas Peristiwa 13 Mei dan DEB tidak cukup mencengkam mahasiswa serta persatuan Mahasiswa.

Gerakan mahasiswa sebagai kumpulan pendesak yang radikal sebelum AUKU telah bertukar menjadi lembab dan kegiatan mereka cuma tertumpu di kampus sahaja. Di samping itu, wujud perpecahan di kalangan mahasiswa dan antara persatuan mahasiswa[333]. Soalnya adakah wajar membuat undang-undang yang melanggar hak kebebasan yang dijaminkan oleh Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan. Artikel ini menggariskan bahawa hak kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan adalah hak kepada mana-mana individu yang sah sebagai warganegara Malaysia.

Seksyen 15, adalah larangan kepada mahasiswa, kumpulan mahasiswa, persatuan mahasiswa atau sebarang organisasi mahasiswa melainkan diperuntukkan oleh Perlembagaan Universiti atau dibenarkan oleh Naib Canselor.

[333] Junaidi Abu Bakar, Mahasiswa, Politik Dan Undang-Undang, ms.52.

Dalam konteks ini Naib Canselor mempunyai kuasa begitu kuat dan boleh membuat keputusan mengikut seleranya bersandarkan Seksyen 15. NaibCanselor boleh mentafsirkan sama ada mahasiswa atau persatuan mahasiswa itu memberi sokongan, simpati atau bangkangan terhadap parti politik, organisasi atau kesatuan sekerja. Tafsiran terletak di tangannya dan kebenaran juga terletak kepada beliau, yang membawa maksud Naib Canselorlah orang yang paling berkuasa di Universiti melalui peruntukan tersebut. Perhatikan peruntukan Seksyen 15 yang telah disentuh,

> 15. *Prohibition on a student or a students' organisation, body or group associating with societies, etc, except as provided under the Constitution orapproved by the Vice-Chancellor.*
>
> *(1) No person, while he is a student of the university, shall be a member of, or shall in any manner associate with, any society, political party, trade union or any other organisation, body or group of person whatsoever,whether oe not it is established under any law, whether it is in the Universityor outside University, and whether it is in Malaysia or outside Malaysia, except as may be provided by or under the Constitution, or except as may be approved in advance in writing by the Vice-Chancellor.*
>
> *(2) No organisation, body or group of students of the university, whether established by , under or in accordance with the Constitution, or otherwise, shall have any affiliation, association or other dealing whatsoever with any society, political party, trade union or any other organisation, body or group of persons whatsoever, whether or not it is established under any law, whether it is in the University or outside the University , and whether it is in Malaysia or outside Malaysia, except as may be provided by or under the Contitution, or except as may be approved in advance in writing by the Vice-Chancellor.*
>
> *(3) No person, while he is a student of the university, shall express or do anything which may be construed as expressing support, sympathy oropposition to any political party or trade union or as expressing support or sympathy with any unlawful organisation, body or group of persons.*
>
> *(4) No organisation, body or group of students of the University which established by, under or in accordance with the Constitution, or any other organisation, body or*

group of students of the University, shall express or do anything which may be construed as expressing support, sympathy or opposition to any political party or trade union or as expressing support or sympathy with any unlawful organisation, body or group of persons.

(5) *Any person who contravenes or fail to comply with the provisions of subsection* (1), (2), (3) *or* (4) *shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or both* such fine and imprisonment.

Peruntukan di atas, Seksyen 15, bukan sahaja memberi kuasa yang tersangatluas kepada Naib Canselor, malah sangat bertentangan dengan Perkara 10 (1) di dalam Perlembagaan Persekutuan. Perkara 10 (1) itu jelas memperuntukkan kepada setiap warganegara Malaysia untuk berpersatuan. Begitu juga memberi kebebasan kepada setiap warganegara untuk menyatakan pandangan selagi mana tidak menyentuh soal-soal sensitiviti yang termaktub dalam struktur asas Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan tersebut bukan saja bertentangan dengan Perkara 10 (1) Perlembagaan Persekutuan, malah bertentangan dengan Artikel 19 dan 20 *Universal Declaration of Human Rights*, Pertubuhan Bangsa- Bangsa Bersatu (PBB), pada 10 Disember 1948.

Seksyen, ini telah mengikat ketat mahasiswa dan pertubuhan mahasiswa yang sebelum ini bebas menunjukan pendirian mereka terhadap parti politik. Malah turut terlibat di dalam kempen pilihan raya. Syed Hamid Ali, Khong Kim Hong bersama rombongan, mereka menjelajah seluruh negara sambil mengadakanrapat politik di beberapa buah bandar besar semasa Pilihan Raya Umum 1969. Beberapa tokoh penting Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM) yang radikal seperti Syed Hamid Ali, Khong Kim Hoong dan Koon Suan turut berucap dengan berani dalam rapat umum. Mereka dikatakan menganut fahaman sosialis dan menyokong perjuangan kiri[334]. Syed Hamid Ali mengesahkan tentang rapat tersebut[335].

[334] Muhammad Abu Bakar, Mahasiswa Menggugat, ms. 81. Junaidi Abu Bakar, Mahasiswa Politik Dan Undang-Undang, DBP, 2008, ms. 17.
[335] Temubual bersama Syed Hamid Ali, Febuari 20, 2019, Kuala Lumpur.

Pengkaji sendiri sebagai anggota PSRM turut terlibat membawa beberapa orang anggota Kelab Sosialis UM berkempen untuk Hasnul Abdul Hadi dan calon-calon PSRM di Melaka pada PRU 1974. Manakala Hishamuddin Rais membawa rombongan ahli dan simpatetik Kelab Sosialis menjelajah seluruh negara dengan bas PMUM, menyokong calon PSRM pada PRU 1974[336]. Tindakan ini menyebabkan pihak kerajaan merasa bimbang dan menganggap bahawa kegiatan mahasiswa seumpama itu perlu segera dikawal. Namun pihak kerajaan tidak mempunyai satu undang-undang khusus untuk mengawal politik mahasiswa,terutama yang melarang mereka menyokong parti politik[337].

Dengan terdapatnya Seksyen 15, maka bukan saja mahasiswa tidak boleh terlibatdalam aktiviti berparti politik malah disekat untuk menentukan sikap kepada mana-mana parti politik, kesatuan sekerja atau sebarang organisasi. Ianya bukan saja mengikat atau mengunci mulut mahasiswa Malaysia malah menjadikan mereka sebagai robot yang bergerak mengikut keperluan tuannya. Begitulah kejamnya Seksyen 15 yang menjadi asas kepada sekatan-sekatan yang berikutnya. Oleh kerana persatuan mahasiswa boleh bergerak lancar dengan memiliki sumberkewangan sendiri, sama ada melalui kutipan sewa, penjualan atau mengutip derma. Jadi untuk menutup sumber kewangan dan mengikat pergerakan mahasiswa, maka peruntukan Seksyen 15A (1) memenuhi kehendak kerajaan, "Mahasiswa dilarang memungut wang sama ada di dalam atau di luar kampus. Jika mereka didapati bersalah, mereka boleh didenda sehingga RM1000 ataupun penjara 6 bulan"[338].

Seksyen 15B, (1), (2), (3), adalah berhubung jenayah EXCO organisasi, pertubuhan atau kumpulan mahasiswa. Pihak kepimpinan dikira bersalahwalaupun tidak terlibat melakukan sesuatu kesalahan selagi mana mereka tidak dapat membuktikan yang mereka telah berusaha mencegahnya. Ini suatu bentuk peras ugut oleh pihak berkuasa terhadap kepimpinan mahasiswa, kerana mereka dipertanggungjawabkan kesalahan pihak lain ke atas kepala mereka. Peruntukan sebegini jelas bertentangan dengan prinsip keadilan, di mana orang yang didapati bersalah sahaja yang menerima hukuman. Ketidakadilannya tersangat jelas

[336] Temubual bersama Hishamuddin Rais, 11 Julai, 2019, KL
[337] Junaidi Abu Bakar, Mahasiswa, Politik Dan Undang-Undang, ms. 17-18.
[338] Ibid, ms. 58.

kerana mereka yang tidak terlibat melakukan kesalahan turut didakwa.

Seksyen 15 B (2),

> *Any office-bearer off, or any person managing or assisting in the management of, any organisation, body or group as referred to in subsection* (1), *shall be liable to be prosecuted under section, not with standing that he may not have taken part in the commission of the offence.*

Seksyen 15 C, Tanggapan (*Presumption*)

> (a) *It shall not be necessary for the prosecution to prove that an organisation, body, or group of persons possesses a name or that it has been constituted or is usually known under a particular name.*
>
> (c) *Where any books, accounts, writings, lists of members, seals, banners or insignia of, any organisation, body or group of persons are found in possession, custody or under the control of any person, it shall be presumed, until the contrary is proved, that such person assist in themanagement of such organisation, body or group.*

Di dalam peruntukan ini terdapat keterbalikan dalam pembuktian terhadap sesuatu pertuduhan. Sepatutnya pembuktian terpikul kepada pihak yang menuduh. Bukan sebaliknya seperti mana yang di peruntukan di dalam Seksyen 15 C ini. Inilah percanggahan yang begitu ketara dengan semangat perundangan di zaman moden. Perundangan yang memperuntukkan pihak kena tuduh membuktikan mereka tidak bersalah ini terpakai di zaman Feudal di China.

> Seksyen 15 D. *Suspension and expulsion of a student charged with a criminal offence or against whom a criminal offence is proved.*
>
> (1) *Where a student of the university is charged with a criminal offence he shall*

immediately thereupon be suspended from being a student of the university and shall not, during the pendency of the criminal proceedings, remain in or enter the Campus of that or any other University.

(4) *A student of the University who is suspended from being a student of the University under the provisions of subsection* (1) *shall not, while he is on suspended, be admitted as a student of any other University in Malaysiawithout the written approval of the Minister, and if the Minister grants such approval, the Minister may impose such conditions as he may, in his absolute discretion, deen fit to impose.*

Seksyen 15 D, ini sangat bercanggah dengan disiplin ilmu undang-undang. Prinsip dasar di dalam undang-undang menyatakan seseorang atau individu itu tidak akan bersalah sehinggalah dia dibuktikan bersalah (*a man is innocent until he is proven guilty*). Menjatuhkan hukuman pra-penghakiman oleh pihak Universiti ke atas seseorang mahasiswa adalah bertentangan dengan prinsip di atas.

Adalah menjadi suatu penganiayaan terhadap mahasiswa berkenaan kerana penghukuman itu menyebabkan dia terhenti dari pembelajarannya. Seseorang mahasiswa itu telah terhukum di mana pengajiannya dihentikan, sedangkan kesalahannya belum dibuktikan. Dia terpaksa menunggu kesnya hingga selesai yang tidak ada jaminan waktu oleh pihak mahkamah. Sudah menjadi kelaziman bahawa kes di mahkamah Malaysia boleh memakan waktu yang lama sebelum ianya diselesaikan. Bermakna sepanjang beliau menunggu kesnya diselesaikan, seseorang mahasiswa itu terpaksa menjauhkan dirinya dari pelajaran dan kampus. Jadi peruntukan ini bukan sahaja bertentangan dengan disiplin ilmu undang-undang malah terbukti ianya suatu bentuk penindasan, penganiayaan, kekejaman dan tersangat tidak adil.

Seksyen 16 B. *Disciplinary authority in respect of student of the University.*

(1) The disciplinary authority of the University in respect of every student of the University shall be the Vice-Chancellor.

(2) The Vice-Chancellor who is the disciplinary authority under subsection (1), *shall have the power to take such disciplinary action and impose such disciplinary punishment as may be provided for under any disciplinary rules that may be made by the Board under section 16 C.*

(3) The Vice-Chancellor who in the disciplinary authority under subsection (1), *may delegate any of his disciplinary function, powers or duties to any ofthe Deputy Vice-Chancellor, any member of the staff, any officer or any employee of the University, or to any board of members of the staff, officersor employees of the University, in respect of any particular student, or any class or category of the students of the University, and the Deputy Vice- Chancellor, member of the staff, officer or employee of the board delegated with such function, powers or duties shall carry out, exercise or discharge them under the direction and control of such Vice-Chancellor, who shall have the power to review, rescind or vary any decision or finding of such Deputy Vice-Chancellor, member of the staff, officer or employee of such board. Function:*

Provided that no delegation shall be made under this subsection to the Chancellor or the Pro-Chancellor.

AUKU menjadi kerangka; setiap universiti kemudian mengembangkan peraturan tertentu (tetapi serupa) dalam kerangka yang sama. Sebagai contoh UM menggubal Peraturan Universiti Malaya (Tatatertib Mahasiswa) dan Peraturan Universiti Malaya (Tatatertib Kakitangan)[339]. Memang menjadi amalan kepada semua IPTA di negara ini, bidang kuasa berkenaan tatatertib mahasiswa adalah diwakilkan oleh Naib Canselor kepada Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Mahasiswa (HEP). Timbalan Naib Canselor HEP akan membentuk Jawatankuasa Tatatertib Universiti. Bersandarkan peruntukan AUKU dan Kaedah Tatatertib Universiti (Tatatertib Mahasiswa), badan ini mempunyai bidang kuasa yang sangat luas. Ianya meliputi kuasa menyiasat, menjalankan pendakwaan, mendengar kes tatatertib dan menghakimi kes tersebut, membuat keputusan sertamenjatuhkan hukuman sekiranya mahasiswa yang dituduh itu didapati bersalah.

[339] Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 247.

Seksyen 16 (B), AUKU memberi kuasa kepada Naib Canselor sebagai pihak berkuasa terhadap tatatertib mahasiswa, termasuk membicara dan menghukum mahasiswa yang terlibat dengan kes disiplin. Disiplin mahasiswa dapat dikategorikan kepada dua. Pertamanya, disiplin pasif iaitu disiplin yang merangkumi sikap, kelakuan dan perbuatan seseorang mahasiswa menurut syarat, norma atau kebiasaan yang dibentuk untuk kepentingan dirinya sendiri dan tidak ada peraturan bertulis yang menentukannya. Komponen kedua ialah disiplin yang merangkumi sikap, kelakuan atau perbuatan menurut peraturan bertulis yang digubal oleh pihak berkuasa untuk mengawal kesejahteraan sesebuah institusi pengajian tinggi dan komponen ini diistilahkan sebagai disiplin aktif[340].

Adalah meragukan apabila tribunal yang menghakimi perbicaraan mempunyai hubungi dengan pihak pendakwa iaitu HEP. Apatah lagi bila terdapat ahli di dalam tribunal itu dilantik sendiri oleh pihak HEP sendiri. Sudah tentu tidak ada jaminan kepada mahasiswa yang tertuduh untuk mendapat perbicaraan yang adil kerana komposisi Jawatankuasa Tatatertib adalah terdiri dari orang yang sama yang mahu menguatkuasakan bidang kuasa yang diperuntukkan oleh AUKU 1975. Akhirnya mahkamah seperti ini boleh dipersoalkan akan 'kesuciannya' kalaupun tidak boleh dianggap sebagai 'Kangaroo Court'. Tersangat sukar untuk mendapat perbicaraan dan penghakiman yang adil mengikut prinsip keadilan sejati[341].

Antara yang menjadi mangsa kepada Seksyen 16B, adalah bekas pemimpin mahasiswa Universiti Pertanian Serdang iaitu Hassan Abdul Karim. Semasa peristiwa kes Tasik Utara, Hassan Abdul Karim, adalah Naib Presiden PMUPM. Sebagai anak Johor, beliau turut terpanggil untuk membela nasib golongan marhaen yang ditindas di Tasik Utara. Beliau turut ditangkap di depan mahkamah Johor Bahru semasa setinggan dan pemimpin mahasiswa mahu dibawa ke mahkamah. Selain itu beliau juga terlibat semasa demonstrasi isu Baling di Padang Kelab Selangor. Pada mulanya beliau tidak dibenarkan menduduki peperiksaan, tetapi atas perjuangan PMUPM, pihak Canselori mengalah dan membenarkannya. Selepas menghadapi peperiksaan beliau pulang ke kampung dan menerima surat dia dibuang dari Universiti Pertanian Malaysia[342].

[340] Junaidi Abu Bakar, Mahasiswa Politik Dan Undang-Undang, ms. 39.
[341] Temubual bersama Harris Pardi, April 15, 2019, Petaling Jaya.
[342] Temubual bersama Hassan Abdul Karim, September 5,2019, Kuala Lumpur.

Seksyen 45, Bahagian V Tatatertib Mahasiswa, hukuman-hukuman itu ialah:

(a) Amaran

(b) Denda tidak lebih daripada dua ratus ringgit.

(c) Penggantungan daripada mana-mana atau kesemua kemudahan-kemudahan universiti selama tempoh yang ditentukan;

(d) "*Exclusion"* daripada mana-mana bahagian universiti selama tempuhyang ditentukan.

(e) Penyingkiran daripada universiti.

Junaidi Abu Bakar, telah menganalisis terhadap perlaksanaan dan penghukuman tatatertib terhadap mahasiswa di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau membuat kesimpulan bahawa keputusan penghukuman di antara UM dengan UKM terdapat perbezaan. Beliau menyandarkan kesimpulannya berdasarkan data-data yang diperolehi dari UM (1985-1988) dan UKM (1986- 1989). Di mana penghukuman oleh UKM lebih berat seperti penggantungan pengajian dan pemberhentian pengajian. Hal ini menunjukkan tribunal Universiti Malaya yang tidak dikendalikan sepenuhnya oleh kakitangan Hal- Ehwal Mahasiswa lebih bersifat berhati-hati semasa menghukum mahasiswa. Keadaan ini berbeza dengan tribunal di Universiti Kebangsaan Malaysia yang terletak di bawah kawalan timbalan naib canselor (Hal- Ehwal Mahasiswa) dan kakitangan universiti sepenuhnya[343].

Pindaan AUKU 1975 ini yang benar-benar membunuh pergerakan mahasiswa adalah berhubung dengan kewangan persatuan. Mahasiswa dan pertubuhan mereka diharamkan daripada mengutip wang atau derma lain, sama ada di dalam kampus atau di luar[344]. Pengkaji mengakui bahawa kekuatan PMUM di masanya kerana mempunyai jumlah wang yang banyak. Bukan sahaja dari yuran tahunan setiap mahasiswa malah dari sewa dan pesta ria PMUM. Atas kekuatan kewangan inilah menjadikan PMUM sebagai organisasi mahasiswa

[343] Junaidi Abu Bakar, Mahasiswa Politik Dan Undang-Undang, ms. 50
[344] Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 246.

antara yang terkaya di Asia[345].

Justeru, dengan pindaan AUKU 1975, bukan sahaja dapat melumpuhkan kekuatan persatuan mahasiswa seperti PMUM, malah dapat membunuh gerakan mahasiswa Kiri di Malaysia. Paling ketara, mahasiswa Kiri telah dihancurkan, Kelab Sosialis diharamkan dan pemimpinnya ditangkap atau terpaksa melarikan diri ke luar negara, meninggalkan "nasionalis Melayu" pro kerajaan dan aktivis Islam anti-*establishment*, kedua-duanya tertumpu kepada isu-isu peringkat kampus, saling bersaing untuk mendapatkan dominasi[346].

Selepas Kelab Sosialis diharamkan dan PMUM digantikan dengan MPP, para mahasiswa seperti tidak berminat melibatkan diri di dalam gerakan mahasiswa. Pemilihan pertama MPP di UM pada 1975 tidak mendapat sambutan malah sangat dingin kalau dibandingkan dengan pilihan raya PMUM. Bukan sahaja disegi jumlah yang keluar mengundi, malah jumlah calon yang menawarkan diripun sangat kurang[347]. Pemilihan MPP pertama UM pada tahun 1975, misalnya, menarik hanya 27 calon untuk 24 jawatan dan jumlah keluar mengundi di bawah 20 peratus[348].

Kemudian minat mahasiswa mulai meningkat, tetapi pola mengundi mengikutkaum menjadi begitu ketara dan merosakkan budaya politik kampus UM. Di samping itu jari jemari luar dari parti politik pemerintah dan parti pembangkang seperti PAS mulai mempengaruhi kepimpinan mahasiswa. Akhirnya pemilihan untuk mengisi kepimpinan MPP di UM dikuasai oleh kedua-dua parti tersebut[349]. Jadinya sebahagian tujuan pindaan AUKU 1975 telah mencapai kejayaan, kerana selepas ini kebanyakan kepimpinan kampus dikuasai oleh proksi parti pemerintah[350]. Di seluruh kampus, mahasiswa cenderung ke arah sama ada pro kerajaan atau kumpulan Islamis yang anti-*establishment* selepas 1975[351].

[345] Temubual bersama Hishamuddin Rais, Julai 11, 2019, Kuala Lumpur.
[346] Jomo K.S, Hassan Abdul Karim, dan Ahmad Shabery Cheek, "Malaysia", dalam Student Political Activism: An International Reference Handbook, Phillip G. Althbach, ms 154. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia ,ms 247-248.
[347] Temubual bersama Haris Pardi, April 15,2019, Petaling Jaya.
[348] New Straits Times, Jun 27 dan Julai 2, 1975. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia,ms. 261.
[349] Temubual bersama Haris Pardi, April 15, 2019, Petaling Jaya.
[350] Temubual bersama Haris Pardi, April 15, 2019, PJ.
[351] Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms 261.

Pada pemilihan MPP UM tahun 1979, Barisan Mahasiswa yang dipengaruhi oleh ABIM dan bekerjasama dengan bukan Melayu telah memenanginya, dengan mengalahkan Gabungan Mahasiswa yang disokong oleh BN. Mahathir Mohamad, Menteri Pelajaran Malaysia telah datang ke Kolej Zaaba seperti berkempen untuk calon parti Gabungan Mahasiswa, termasuk juga pegawainya seperti Aziz Shamsuddin dan Ahmad Latif[352]. Oleh kerana perbezaan kerusi yang sedikit, pihak Gabungan Mahasiswa memboikot peringkat awal untuk pembentukan EXCO. Selepas Ungku Aziz memberi tempuh seminggu untuk menyelesaikannya,kalau gagal, pemilihan baru terpaksa diadakan, barulah pihak Gabungan Mahasiswa beralah[353]. Yazid Othman dari Barisan Mahasiswa menjadi Presiden MPP sesi 1979-1980, manakala jawatan Setiausaha Agung dipegang oleh wakil Gabungan Mahasiswa[354].

Tahun berikutnya, Gabungan Mahasiswa memenangi pemilihan, sebahagiannya disebabkan oleh trend menolak kumpulan Islam "pelampau" hampir di semua kampus, dan sebahagiannya hasil tajaan kerajaan kepada calon pencabar bukan Islam[355]. Kesan dari pemilihan berbentuk parti ini telah menimbulkan ketegangan, maka pihak Canselori telah mengharamkannya pada 1981.

Gabungan secara longgar berterusan, misalnya Ahmad Shabery Cheek membentuk "Kumpulan Dinamik" terdiri dari berbilang kaum berjaya mengalahkan Gabungan Mahasiswa, yang pro kerajaan. Ismail Sabri Yaakob, Razif dan Charles Hector membentuk pakatan berbilang kaum memasuki pemilihan MPP 1982, dengan memenangi tanpa bertanding[356]. Kemenangan tersebut membolehkanIsmail Sabri Yaakob menjadi Presiden MPP sesi 1982-83. Sekali lagi pihak kerajaan gagal dalam memenangkan calon-calon proksinya. Bagaimanapun suara penentangan para mahasiswa terhadap Canselori dan kerajaan jarang kedengaran. Sebaliknya, cengkaman AUKU 1975 terhadap gerakan mahasiswa sangat berkesan kerana tidak ada sebarang demonstrasi menentang kerajaan,

[352] Temubual bersama Yazid Osman, September 9, 2019, KL.
[353] Temubual bersama Yazid Osman, September 9, 2019, KL.
[354] Ibid.
[355] Malay Mail, Julai 18, 1980. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 261.
[356] Temubual bersama Ismail Sabri Yaakob, Februari 14, 2019, Petaling Jaya.

biarpun gagal menguasai MPP. Pada pemilihan sesi tahun 1987-88, Parti Nadi yang cenderung kepada PAS memenanginya dengan mengalahkan Barisan Mahasiswa Bersatu.

Syed Hussein Alattas, yang menjadi Naib Canselor UM pada 1988, telah membenarkan kembali sistem berparti, membenarkan penggunaan simbol, membenarkan penggantungan *banner*, mengadakan perhimpunan yang benar- benar demokratik[357]. Shamsuddin Moner, bekas aktivis PMI (Persatuan Mahasiswa Islam) telah menyertai parti Barisan Mahasiswa Bersatu (BMB) yang berbilang kaum mirip BN memenangi pemilihan sesi 1988-89 mengalahkan Nadi.

Tahun berikutnya, sekutu Cina di dalam BMB menarik diri kerana tidak berpuas hati tentang pembahagian kerusi EXCO. Mereka hanya diberikan kerusi Bendahari, sedangkan mereka mahukan Naib Presiden dan sebuah kerusi yang lain[358]. Sekutu China di dalam BMB menarik diri, membentuk parti mencontohi DAP majoriti Cina Angkatan Mahasiswa Adil, AMA). AMA mengatasi BMB tahun itu, namun kumpulan Islam, Nadi memenangi pilihan raya (kononnya selepas perjanjian rahsia dengan AMA)[359]. Selepas ini parti-parti yang pro kerajaan danpro PAS bersilih ganti memenangi pilihan raya MPP.

Biarpun nampaknya seolah-olah para mahasiswa mempunyai kebebasan di dalam politik mahasiswa, tetapi pada hakikatnya mereka terikat oleh AUKU 1975. Sebagai contoh beberapa mahasiswa Islam, kebanyakannya dari Kelantan, masuk ke kampung pada tahun 1981 berkempen untuk PAS dengan berselindungdi sebalik menjaja kain dan ayat-ayat al-Quran. Mereka berdepan tangkapan[360]. Tentunya penangkapan ini berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 15, yang melarang mahasiswa menyatakan sokongan terhadap parti politik. Kalau secara berselindung pun mahasiswa masih ditangkap, maka sudah tentu mereka tidak berani untuk menunjukkan penentangan secara terbuka terhadap kerajaan. Fenomena in berbeza dengan situasi sebelum AUKU 1975. Mahasiswa tidak bebas

[357] Temubual bersama Shamsuddin Moner, September 5, 2019, Kuala Lumpur.
[358] Temubual bersama Shamsuddin Moner, September 5, 2019, Kuala Lumpur.
[359] Malay Mail, Disember 15, 1990; New Straits Times, Disember 19 dan 21, 1990. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 263.
[360] "Mahasiswa Islam Masuk Kampung Kempen PAS", Utusan Malaysia, September 21, 1981. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 260.

menjalankan aktiviti mereka kerana setiap program atau projek yang mahu dijalankan atau dilaksanakan mestilah mendapat kelulusan dari HEP. Begitu juga tantang peruntukan yang dikawal ketat oleh pihak HEP.

AUKU 1971 (Akta 80), diikuti pindaan AUKU 1975 (Akta A 295) yang mengikat mahasiswa dan persatuan mahasiswa. Beberapa dekad para mahasiswa hilang kebebasan mereka untuk mengasah bakat secara bebas sebagai persediaanmenjadi pemimpin parti politik. Anwar Ibrahim, semasa menjadi Menteri Pendidikan Malaysia, pernah menggubal Rang Undang-Undang (RRU) Pendidikan yang baru pada tahun 1986, yang bertujuan menghapuskan AUKU. Malangnya RUU ini tidak pernah dibentangkan di Parlimen dan lenyap selepas beliau berpindah ke kementerian yang lain. Pindaan AUKU 1983 (Akta A 550), Pindaan AUKU 1996 (Akta A 496) dan Pindaan AUKU 2012 masih tidak membebaskan sepenuhnya rantai ikatan ke atas mahasiswa dan persatuan mahasiswa.

Apa yang jelas, AUKU 1975 telah berjaya menamatkan gerakan mahasiswa kiri di Malaysia terutama di Universiti Malaya. Selepas Kelab Sosialis UM diharamkan pada 1974, maka selepas itu tidak muncul lagi sebarang usaha untuk menubuhkannya. Suara-suara mahasiswa sosialis yang dahulunya kedengaran di UM, USM, UPM mulai hilang dan lenyap sama sekali.

Kekosongan ini telah membuka ruang yang besar kepada mahasiswa golongan nasionalis dan Islamis untuk menguasai kampus, terutamanya UM. Perebutan pengaruh antara mahasiswa nasionalis dan Islamis yang dimonopoli oleh mahasiswa-mahasiswa Melayu ini diambil kesempatan oleh parti-parti politik nasional. Golongan nasionalis lebih cenderung kepada parti pemerintah iaitu Barisan Nasional. Manakala golongan Islamis mendekati parti PAS atau ABIM, sebuah pertubuhan yang begitu rapat dengan Anwar Ibrahim. Maka itu, perebutandi dalam pemilihan MPP UM sudah seperti perang proksi antara PAS dan BN. Bagaimanapun sudah menjadi lumrah bahawa golongan para mahasiswa adalah anti-*establishment,* jadi kemenangan selalunya kepada lawan proksi kerajaan.

Ramai yang berpendapat, bahawa AUKU 1975 , begitu keras dalam percubaan untuk mengawal para mahasiswa. Akhirnya membawa kerosakan kepada persediaan mereka untuk terjun ke dalam masyarakat.

> *While their current concerns have meant that the government does not see them as a major problem anymore, overkill in controlling student activism in grudgingly recognized by some educational authorities, who point to the adverse implications in terms of student alienation, inexperience, and lackof leadership abilities*[361].

Selepas mendapat pandangan, gesaan, desakan, bantahan malah protes oleh para pelajar, persatuan pelajar, persatuan akademik, aktivis masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan parti politik terhadap kesan-kesan negatif dari AUKU 1971 pindaan AUKU 1975, maka pihak kerajaan telah mempertimbangkannya. Lantas kajian telah dibuat secara menyeluruh yang membawa kepada keputusan pihak kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi mengambil langkah-langkah perlu untuk mengatasi kesan negatif kepada para pelajar dan persatuan mereka dari AUKU 1975 (Pindaan). Akhirnya beberapa RUU (rang undang-undang) dibawa, dibahas dan diluluskan di parlimen melalui beberapa sidang parlimen bagi memotong, membuang atau memansuhkan seksyen-seksyen yang tidak memberi manfaat kepada mahasiswa dan persatuan mereka. Akhirnya, pindaan terhadap AUKU 1971, termasuk AUKU 1975, terjadi pada 1983, 1996, 2008, 2012 dan terakhir 2019.

Dalam AUKU 1971 ini terdapat 44 seksyen, hanya dua seksyen sahaja yang khusus menyentuh serta mengikat para mahasiswa dan persatuan mereka, iaitu Seksyen 15 dan Seksyen 16. Seksyen 15 adalah tentang- Aktiviti pelajar atau persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar.

Seksyen 15. (1) Tertakluk kepada seksyen (2). Sesorang pelajar universiti boleh menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, termasuk mana-mana parti politik.

[361] K. S. Jomo, Hassan Abdul Karim, Ahmad Shabery Cheek, “Malaysia” dalam Student Polical Activism, ms. 155.

(2). Seseorang pelajar Universiti tidak boleh-

(a) Menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia.
(b) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, yang bukannya suatu parti politik, yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu; atau
(c) terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus.

Manakala Seksyen 16. Kuasa Naib Canselor untuk menggantung atau membubarkan mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar.

16. (1) Jika mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti menjalankan urusannya dengan cara yang pada pendapat Naib Canselor, boleh merosakkan atau mendatangkan mudarat kepada kepentingan atau kesentosaan Universiti, atau kepada kepentingan atau kesentosaan mana-mana daripada pelajar atau pekerja Universiti, atau kepada ketenteraman atau keselamatan awam, atau jika mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan itu melanggar mana-mana undang-undang bertulis, Naib Canselor boleh, selepas memberikan pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti itu suatu peluang untuk membuat representasi bertulis, menggantung atau membubarkan pertubuhan, badan atau kumpulan itu.

Dalam seksyen 15, terdapat Seksyen !5A, 15B, 15C dan 15D, manakala Seksyen 16, terdapat Seksyen 16A, 16B,16C dan 16D. Pada pindaan AUKU 2008 (Akta 1342), telah dipotong Seksyen 15C, 16A dan 16D. Kedua-dua Seksyen 15 dan Seksyen 16 telah melalui beberapa perubahan, iaitu sebanyak tujuh kali di mana akhirnya hanya tinggal tujuh dari sepuluh seksyen asal.

Yang paling signifikan kepada para pelajar dan persatuan mereka terhadap pindaan AUKU 1971, adalah RUU yang dibawa ke sidang parlimen pada 10 Disember 2018. RUU tersebut ialah Rang Undang-Undang (RUU) Universiti dan Kolej Universiti 2018, yang dibentangkan oleh YB Dr Maszlee Malik, yang bertujuan memansuhkan peruntukan, Seksyen 15 (2) (C), yang menghalang pelajar universiti terlibat di dalam parti politik dalam kampus, telah mendapat sokongan sebulat suara.

Berkuatkuasa pada 15 Mac 2019, maka Seksyen 15 (2) (C), yang tidak membenarkan para pelajar berpolitik di dalam kampus telah terhapus, terpotong atau dimansuhkan. Natijahnya, para pelajar atau persatuan pelajar boleh terlibat di dalam politik sama ada di dalam atau di luar kampus.

Selaras dengan pemansuhan Seksyen 15 (2) (C), pihak kerajaan telah membawa Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan), Perkara 119 (1) (a), menurunkan kelayakan mengundi, menjadi calon dan Kaedah Pendaftaran Secara Automatik. Rang Undang-Undang ini telah diluluskan sebulat suara oleh ahli Dewan Rakyat yang bersidang pada 16 Julai 2019. Dengan kelulusan ini, menjadikan warganegara berumur 18 tahun ke atas layak menjadi pengundi malah menjadi calon dalam pilihan raya.

Dengan pindaan AUKU 2019, serta kelayakan umur mengundi diturunkan kepada 18 tahun, maka tiada sebab atau alasan bagi para pelajar untuk tidak terlibat aktif di dalam persatuan yang memperjuangkan kepentingan warga kampus dan rakyat marhaen. Sekiranya pengkaji mencipta sejarah sebagai perampas kampus pertama di negara ini, maka tentulah warganegara menunggu, siapakah di antara para pelajar yang akan menjadi orang pertama sebagai calon, sama ada di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri?

7.3 Tiga Ideologi Yang Berpengaruh Di Universiti Malaya

Budaya politik Nusantara menerima ketiga-tiga ideologi sebagai kuasa penyatu untuk perjuangan kemerdekaan. Ketiga-tiga ideologi itu ialah Nasionalisme, Islamisme dan Sosialisme. Telah menjadi realiti sejarah, bahawa apa yang berlaku di Indonesia, akan turut

menjadi model kepada perjuangan rakyat diMalaya sebelum merdeka. Sumpah Pemuda[362] di Indonesia pada 1928 yangmencetuskan suara awal tentang Negara Indonesia, Bangsa Indonesia dan Bahasa Indonesia telah menjadi pemangkin kepada kesedaran politik dan cita-citakemerdekaan. Percikan bunga api kemerdekaan dari Indonesia itu akhirnya menyalakan semangat juang anak muda Malaya, bermula dengan Ibrahim Yaakob menubuhkan Kesatuan Melayu Malaya pada 1938.

Perjuangan kemerdekaan Indonesia sangat mempengaruhi kebangkitan nasionalisme di Malaya. Cita-cita menghalau penjajah Belanda oleh pejuang Indonesia, sangat mempengaruhi semangat anak muda Malaya pada tahun-tahun1930-an. Apatah lagi dengan kedatangan tokoh-tokoh kiri Indonesia, malah yang berideologi sosialisme-komunisme ke Malaya semakin membakar semangat kemerdekaan pemuda Malaya. Antara mereka ialah, Tan Melaka, Sutan Djenain, Alimin dan Mokhtaruddin Lasso[363]. Malah terdapat seorang revolusioner dari Indonesia Pak Inu, yang menetap di Kuala Kangsar turut menyertai KMM pada 1939. Pak Inu bukan penoreh getah biasa. Beliau seorang pejuang revolusi dari seberang Selat Melaka dan terlibat dalam revolusi menentang Belanda untuk kemerdekaan Indonesia pada tahun 1926, tetapi revolusi itu gagal[364].

Ibrahim Yaakob (IBHY) pada 1938 memulakan gerakan berunsur politik yang pertama, dengan menubuhkan Kesatuan Melayu Muda (KMM). Dua tokoh pentingdalam kepimpinan organisasi ini sejak penubuhannya ialah Ibrahim Yaakob, bekas guru di sekolah Melayu yang kemudiannya menjadi wartawan dan Ishak Haji Muhammad, bekas pegawai pentadbir yang juga kemudiannya menjadi wartawan[365].

Melalui KMM, Ibrahim Yaakob kemudiannya berjaya menyatukan tokoh-tokoh besar pemain politik Malaya tanpa mengira ideologi. Boestaman. Abdullah C.D mewakili golongan kiri menyertai KMM. Boestaman terlibat semasa penubuhan KMM, manakala

[362] Sumpah Pemuda adalah hasil Kongres Pemuda Kedua pada 27-28 Oktober 1928, di Jakarta. Ianya ditulis oleh Muhammad Yamin dan dibacakan oleh Sugondo. Cita-cita untuk mengadakan Tanah air Indonesia, Bangsa Indonesia dan Bahasa Indonesia.
[363] Abdullah C.D, Memaoir Abdullah C.D, Zaman Pergerakan Sehingga 1948, ms. 18.
[364] Abdullah C. D, Memoir Abdullah C.D, Zaman Pergerakan Sehingga 1948, ms. 17.
[365] Rustam A. Sani, Golongan Kiri Melayu, ms. 17.

Abdullah C.D menyertai KMM pada 1939. Pupukan awal inilah yang telah mengobarkan semangat saya untuk menceburkan diri ke dalam perjuangan anti- British dengan memasuki Kesatuan Melayu Muda pada 1939[366]. Manakala Dr. Burhanuddin el-Helmy yang merayakan ketiga-tiga ideologi, Islamis-sosialis-nasionalis menyertai KMM pada 1939, melalui Mustapha Hussin Naib Presiden KMM di Singapura[367].

Onn Jaafar seorang yang berideologi nasionalis turut menyertai KMM pada 1942. Kejayaan Ibrahim Yaakob ini menjadi tapak semaian perjuangan kemerdekaan yang penting bagi Malaya, kerana di dalam usaha mencapai perjuangan kemerdekaan, ideologi tidak boleh menjadi halangan. Ternyata semangat ini telah diterjemahkan oleh aktivis politik Malaya, apabila mereka menubuhkan parti politikpertama iaitu Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada 17 Oktober 1945 di Ipoh.

Sekali lagi sejarah kemerdekaan Malaya mencatatkan bahawa semua pemain politik dari berbagai ideologi berjaya menubuhkan PKMM. Kemudian, parti politik baru yang meneruskan pendirian radikal KMM dan kepimpinannya sebahagian besarnya dari KMM dirasmikan di Ipoh pada September 1945. Parti ini dinamakanParti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan kongres pertamanya telah diadakan di Ipoh pada November 1945[368].

Atas kepentingan bangsa dan tanah air, PKMM telah menyatukan pemain-pemain politik Malaya dari ketiga- tiga ideologi, malah menerima tokoh dari Indonesia iaitu Moktaruddin Lasso. Moktaruddin Lasso, adalah seorang berfahaman sosialis-komunis yang terlibat secara langsung menubuhkan PKMM, malah menjadi periden pertama PKMM. Manakala, Dr. Burhanuddin sebagai Naib Presiden tetapikemudiannya diambil alih oleh Dr. Burhanuddin al- Helmy apabila Muktaruddin Lasso menghilangkan diri tanpa dikesan[369]. Abdullah C.D, membariskan kepimpinan PKMM ialah, Moktaruddin Lasso (Ketua Umum), Dr. Baharuddin Al- Helmy (Naib Ketua 1), Baharuddin Tahir @ Taharuddin (Naib Ketua 2), Dahari Ali (Setiausaha), Zulkifli Auni (Naib Setiausaha), Ahmad Boestaman (Ketua

[366] Abdullah C. D, Memoir Abdullah C.D Zaman Peregrakan Sehingga 1948, ms. 16.
[367] Ismail Said, Dr. Burhanuddin Al- Helmy, Pejuang Melayu Sejati, ms. 14.
[368] Rostam A. Sani, Golongan Kiri Melayu, ms. 29. Lihat Ahmad Boestaman, Merintis Jalan ke Punchak
[369] Ismail Said, Dr Burhanuddin Al Helmy, Pejuang Melayu Sejati, ms. 16.

Pemuda),Khatijah Ali (Ketua Wanita) Arshad Ashaari (Bendahari) dan Salleh (Ketua Agama). Anggota Pusat Jawatankuasa ialah, Hamzah, Musa Ahmad, Ghafar Baba, Sardon Jubir, Haji Latif, Awang dan Hashim[370].

Apa yang menarik, di dalam barisan kepimpinan PKMM itu terdapat aktivis dari ketiga-tiga cabang ideologi pada masa itu. Atas kepentingan bersama, iaitu perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan, mereka boleh bersatu di dalam sebuah organisasi politik. PKMM di bawah Dr. Burhanuddin al-Helmy juga menyuarakan kepentingan Melayu. Ariffin Omar menyatakan, "*Thus, the PKMM was very vocal in its crusade to restore Malay rights. Its slogan was 'Merdeka Hak dan Keadilan Putera Melayu' (Protect the Rights of and (Obtain) Justice for the Malay)*[371].

Ariffin Omar juga menyatakan bahawa PKMM di bawah Dr. Burhanuddin al-Helmy menggariskan asas perjuangan PKMM, menyerupai Panca Sila yang diilhamkan oleh Sukarno semasa mesyuarat persiapan kemerdekaan Indonesia. Mengikut beliau, PKMM telah menetapkan lima prinsip pada 17 Oktober iaitu:

1. Believe in God (ketuhanan yang maha esa).
2. Nationalism (kebangsaan).
3. Sovereign of the people (kedaulatan rakyat).
4. Universal brotherhood (persaudaraan sejagat).
6. Social justice (keadilan masyarakat)[372].

Manakala Panca Sila yang dihasilkan oleh Sukarno di dalam mesyuarat Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia pada 18 Ogos di Jakarta menggariskan 5 prinsip:

1. *Belief in an all-embracing God* (ketuhanan yang maha esa).
2. *Righteous and moral humanity* (kemanusiaan yang adil dan beradab).
3. *The unity of Indonesian* (persatuan Indnesia).
4. *Democracy wisely guided and led by close contact with the people*

[370] Abdullah C.D, Memoir Abdullah C.D, Zaman Pergerakan Sehingga 1948, ms. 93.
[371] Ariffin Omar, BANGSA MELAY,Malay Concepts Of Democracy And Community, 1945-1950, SIRD,ms.50.
[372] Ariffin Omar, Bangsa Melayu, ms. 51.

through consultation (keadilan sosial bagi seluruh rakyat Indonesia)

5. Social Justice for the entire Indonesia People (keadilan sosial bagiseluruh rakyat Indonesia)[373]

Ternyata perjuangan kemerdekaan dan penyatuan pemimpin dari berbagai ideologi di Indonesia turut mempengaruhi corak perjuangan di Malaya ketika itu.

Sukarno menggabungkan ketiga-tiga ideologi di atas sebagai teras perjuangannyasemasa menuntut kemerdekaan. Beliau mampu bergabung tenaga dengan semua golongan, sama ada nasionalis, Islamis dan sosialis-komunis. Semasa menjadi Presiden Indonesia, Sukarno menggaulkan ideologi tersebut untuk memantap pengaruhnya dengan menamakannya sebagai NASASOS, iaitu Nasional, Agama dan Sosialis. Sebelum itu gabungan ideologi di dalam pentadbirannya di kenali sebagai NASAKOM iaitu Nasionalis-Agama dan komunis.

Idea Sukarno itu turut diterima pakai oleh PKMM yang di tubuhkan pada 1945 dengan menggabungkan tokoh-tokoh dari ketiga ideologi tersebut. Antara tokoh kiri ialah Boestaman, Mukhtariddin Lasso, tokoh Islam ialah Dr Burhanuddin el Helmy, Taharuddin Taha dan nasionalis ialah Ghaffar Baba serta Sardon Jubir. Apabila percubaan Inggeris ingin membentuk Malayan Union pada 1 April 1946, maka bermulalah bibit-bibit garis politik memisahkan antara pimpinan yang berlainan ideologi. Hampir keseluruhan persatuan berbentuk Melayu menentang penubuhan Malayan Union, manakala PKMM bertindak sebaliknya, kerana mereka lebih cenderung kepada Melayu Raya[374].

Semasa Kongres Melayu Se-Malaya yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman pada 1-4 Mac PKMM turut menghantar wakilnya. Wakil PKMM di dalam kongres inimasih bercakap

[373] Ibid, ms. 51-52.

[374] Melayu Raya menjadi cita-cita kepada perjuangan PKMM yang mahu menjadikan Malaya bergabung dengan Indonesia. Idea yang sama dianuti oleh Sukarno semasa pendudukan Jepun di Indonesia dan Malaya. Dr. Burhanuddin golongan kiri Melayu pada masa itu memperjuangkan Melayu Raya.

tentang perlunya penggabungan antara Malaya dan Indonesia. Ariffin Omar menyatakan, "*The PKMM which took part in the meeting that led to the founding of the UMNO in Mac 1946, believed in the union of Malaya with Indonesia Raya as both the Malays and the various ethnic groups in Indonesia were from the same bangsa*[375]*"*.

Semasa percubaan menubuhkan UMNO, jelas pemimpin dari ketiga-tiga ideologi tersebut masih boleh duduk bersama, tentunya dalam usaha memperjuangkan kemerdekaan. UMNO akhirnya mampu menjadi tempat berkumpulnya sebahagianpemain politik negara, apabila PKMM dan Hisbul Muslimin diharamkan pada 1948berpunca dari pengisytiharan darurat pada Jun 1948. Antara tokoh PKMM yang menyertai UMNO ialah Ghafar Baba, Sardon Jubir dan Aishah Ghani, yang kemudiannya menjadi tokoh penting di dalam UMNO. Menariknya, UMNO secara tidak langsung telah melahirkan PAS[376], yang akhirnya menjadi saingan kepada UMNO itu sendiri. PAS lahir dari tokoh-tokoh agama yang berada di dalam UMNO, yang dipimpin oleh Ahmad Fuad Hassan.

Ketiga-tiga ideologi ini berterusan menjadi pegangan kepada perjuangan parti- parti politik selepas merdeka. Secara mudahnya, UMNO menjadi parti mewakili ideologi Nasionalisme. Manakala PAS menjadi parti yang berpegang kepada Islamisme dan PRM/PSRM berpegang kepada Sosialisme. Menjelang kemerdekaan dan selepas merdeka ketiga-tiga parti tersebut terus bertempurdalam mendapatkan pengaruh dan memenangi pilihan raya. UMNO dan PAS bolehlah dianggap sebagai dua buah parti Melayu yang mendapat pengaruh di kalangan orang-orang Melayu. Manakala PSRM adalah parti berbagai kaum tetapi teras kepimpinannya adalah Melayu[377]. Biarpun teras kepimpinan PRM/PSRM adalah Melayu, tetapi parti ini gagal menembusi pengaruh UMNO dan PAS di kalangan orang Melayu.

[375] Ariffin Omar, Bangsa Melayu, Malay Concept Of Democracy and Community, 1945- 1950,ms.110.

[376] PAS lahir selepas Muktamar Ulamak ke 3, di Bangunan Kelab UMNO Bagan, Butterworth, dipimpin oleh Ahmad Fuad Hassan.Usaha Otman Hamzah telah berjaya melahirkan Persatuan Islam Se-Malaya (PAS) menggantikan Pertubuhan Ulamak Se- Malaya. Parti Islam Se-Malaya, dtubuhkan pada 25 November 1951, tetapi pendaftaranya diluluskan pada 31 Mei 1955.

[377] PRM atau PSRM sejak awal penubuhannya dipimpin oleh orang Melayu. Mulanya di pimpin oleh Boestaman semasa PRM. Kemudian dipimpin oleh Kassim Ahmad dan menukarkan namanya kepada PSRM. Apabila Syed Husin Ali memimpin selepas Kassim Ahmad, beliau kembali menukarnya kepada PRM. Selepas itu di pimpin oleh Hassan Abdul Karim dan diikuti oleh Rohana Ariffin.

Kejayaan pembentukan Parti Barisan Nasional (BN), semasa UMNO di bawahTun Abdul Razak, sekali lagi berlaku gabungan antara ketiga-tiga ideologi dinegara ini. PAS, parti yang berideologikan Islamisme menjadi komponen yang besar di dalam Barisan Nasional. Manakala, SUPP, PPP dan GERAKAN yang mewakili parti kiri turut menyertai BN. Dua buah parti sosialis, iaitu PSRM yang mewakili sosialisme saintifik dan DAP yang mewakili sosialis demokratik, tidak menyertai BN.

Dalam masa mempengaruhi rakyat ketiga-tiga parti tersebut turut menyusup ke kampus untuk mendapatkan pengaruh dan sokongan dari kalangan para mahasiswa. Hal ini berlaku pada tahun-tahun 70an, 80an, 90an juga tahun-tahun 2000. Peranan yang dimainkan oleh parti UMNO, PAS, DAP dan PSRM itu adalah untuk mendapatkan tokoh muda bagi persediaan sebagai pelapis kepada parti. Jadi atas kepentingan tersebut, kesemua parti cuba mempengaruhi para mahasiswa dan memperkuatkan cengkamannya. Selepas AUKU 1975, peranan kerajaan dalam usaha menguasai para mahasiswa dan persatuan mahasiswa sangat ketara. Pihak kerajaan terutama UMNO, MCA dan MIC mempunyai kelebihan kerana terdapatnya AUKU 1975.

Semasa UM di Singapura, perebutan pengaruh antara mahasiswa nasionalis dengan sosialis tidak begitu meruncing. Menurut Wang Gangwu, mahasiswa berpendidikan Inggeris cenderung untuk memahami "nasionalisme" sebagai merujuk kepada sebuah negara bangsa, manakala mereka yang berpendidikan Cina mengaitkan konsep yang sama dengan negara bangsa Cina (*Chinese nation)* anti-imperialis[378]. Akibat tidak mempunyai definisi yang jelas, konsep nasionalisme tidak pernah terlalu mengujakan di Malaya berbanding, misalnya di Indonesia atau Burma[379]. Malah mahasiswa nasionalis terang-terangan tidak semestinya anti-British atau anti-elit[380].

Mahasiswa-mahasiswa sosialis jelas pegangan ideologi mereka dan anti-kolonial biarpun

[378] Meredith L.Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms 110.
[379] Ibid, ms.111.
[380] Ibid, ms.111.

dari Pendidikan Inggeris. Suara atau pemikiran mereka diterjemahkan melalui surat khabar FAJAR. Kepimpinan Kelab Sosialis menguasai kepimpinan UMSU. Kepimpinan Kelab Sosialis dan UMSU kebanyakannya saling bertindih[381]. Keadaan ini terjadi kerana di masa itu tujuan utama pergerakan mahasiswa adalah untuk mencapai kemerdekaan.

Suasana di UM Singapura itu turut berubah, bila Malaya sudah mencapai kemerdekaan dan pembentukan Malaysia. Iklim politik Malaysia turut mempengaruhi *trend* politik para mahasiswa. Pertempuran parti-parti politik di Malaysia terutama selepas peristiwa 13 Mei 1969, sangat memberi kesan terhadap pergolakan politik kampus. Terutama *trend* politik di UM, yang komposisi mahasiswanya terdiri dari berbagai kaum.

Tiga ideologi yang jelas, iaitu Sosialis, Nasionalis dan Islamis didukung oleh tiga organisasi terbesar di UM. Sosialisme didukung oleh Kelab Sosialis, Islamisme menjadi pegangan kepada PMIUM dan nasionalisme pula teras kepada PBMUM. Biarpun begitu, ideologi bukanlah sesuatu yang begitu jelas kepada penyokong dan pendukung PBMUM dan PMIUM. Hal ini berbeza dengan pendukung Kelab Sosialis yang sememangnya berbincang malah membaca buku-buku berhubung ideologi sosialisme.

Nasionalisme, secara mudah adalah suatu ideologi atau fahaman yang meletakanbangsa pada tempat yang tinggi. Membentuk sesebuah negara dan mempertahankan kedaulatan negara (*nation*) dengan melahirkan suatu konsep identiti bersama. Para nasionalis menganggap negara adalah berdasarkan beberapa ‘kesahihan politik’. Dalam konteks ini pendukung PBMUM, akan melihat segala kepentingan Melayu yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan adalah perjuangan mereka. Bertolak dari kepentingan tersebut adakalanya mereka bersatu dengan PMIUM menentang PMUM yang dikuasai oleh Kelab Sosialis. Namun ada masanya mereka turut bersama dengan PMUM dan Kelab Sosialis atas kepentingan bersama.

PMIUM berpegang kepada ideologi Islam yang tentunya menjadikan Quran dan Hadis

[381] Ibid ,ms. 131.

sebagai sandarannya. Memperjuangkan idea sebuah negara Islam, yang menjadikan sistem Islam sebagai falsafah dan gagasan di dalam kehidupan. Tentunya mahu menekankan penguatkuasaan syarah terhadap orang Islam, masyarakat, pemerintah, ekonomi, sosial di samping membebaskan masyarakat Islam dari pengaruh barat. Itu hanyalah kerangka yang mungkin diperjuangkan oleh sesetengah pemimpin mereka, Sedangkan kebanyakan penyokong mereka, mungkin mendukung PMIUM hanya kerana sentimen dan emosi semata-mata. PMIUM lebih cenderung bersama atau bersatu dengan PBMUM dalam perjuangan yang hampir sama. Mereka lebih mudah menyuarakan kepentingan Melayu dan Islam, sebagai senjata menentang PMUM dan Kelab Sosialis.

Bagi aktivis Kelab Sosialis, mereka jelas tentang ideologi sosialisme walaupun tidak sangat mendalam. Sosialisme merupakan teori atau sistem organisasi sosialdan ekonomi, di mana salah satu ciri utamanya ialah sumber kekayaan negara dinikmati bersama oleh seluruh rakyat secara sama rata. Atau di dalam bahasa yang mudah, ialah keadilan sosial kepada rakyat tanpa mengira kelas, kedudukan, keturunan, ras atau bangsa. Itulah tunjang kepercayaan anggota Kelab Sosialis UM.

Kedudukan persatuan kadang-kadang ditentukan oleh kepimpinan mereka, sama ada akan berlaku pertempuran atau perdamaian. Ini terjadi kerana PBMUM, bukanlah mempunyai ikatan ideologi yang kukuh menjadi anutan pendukungnya. Misalnya semasa PBMUM dipimpin oleh Sanusi Osman, persatuan itu tidak pernah bertempur dengan PMUM yang dipimpin oleh Syed Hamid Ali dan Khong Kim Hong[382]. Mereka diikat oleh ideologi sosialisme. Atas kekuatan itu mereka memperjuangkan nasib peneroka tanah iaitu isu Hamid Tuah. Hamid Tuah bersama pengikutnya yang membuka tanah di Teluk Gong, Kelang telah dikepung oleh FRU dan polis kerana tidak mahu mengalah.

Iklim politik mahasiswa di UM, pada tahun 1972-1974 agak berbeza dengan tahun1967, kerana di masa ini PAS dan UMNO berada di dalam Barisan Nasional. Olehitu mahasiswa

[382] Temubual Sanusi Osman, 8 Jun, 2019, Bangi.

nasionalis di dalam PBMUM lebih mudah bekerjasama dengan PMIUM, yang sebahagiannya menyokong perjuangan PAS. Manakala sebahagianlagi dipengaruhi oleh ABIM yang dipimpin oleh bekas Presiden PMIUM iaitu Anwar Ibrahim.

Memang terdapat kerjasama antara PMUM, Kelab Sosialis dengan PMIUM dan PBMUM di dalam kes-kes tertentu seperti mengadakan demonstrasi Perang Ramadan serta isu kelaparan Baling. Tetapi secara keseluruhannya, pertempuran lebih banyak dari bekerjasama. Ini mudah difahami kerana PSRM tidak berada di dalam Barisan Nasional bersama UMNO dan PAS. Di dalam politiknegara, PSRM menjadi musuh kepada Barisan Nasional. Begitu jugalah di dalam politik kampus, PMUM yang dikuasai oleh Kelab Sosialis sering menjadi musuh kepada PBMUM dan PMIUM. Refleksi politik nasional turut terjadi kepada politik kampus.

Bagi PBMUM, segala penentangan oleh PMUM dan Kelab Sosialis terhadapkerajaan BN, seolah-olah menentang mereka. Bertolak dari sikap itulah maka pertempuran antara PBMUM dengan PMUM dan Kelab Sosialis sering terjadi. Rampasan kuasa Kampus UM yang dilakukan oleh PMUM dan Kelab Sosialis telah digagalkan oleh PBMUM yang mendapat dorongan dan sokongan kerajaan Barisan Nasional.

Sebagai kesimpulannya, ketiga-tiga persatuan ini turut dipengaruhi oleh parti-parti politik iaitu UMNO, PAS dan PSRM. Ramai kepimpinan mahasiswa turut menjadi ahli kepada parti-parti tersebut, malah memegang jawatan parti. Contohnya Syed Hamid Ali menjadi Ketua Ranting, PRM Pantai, manakala Sanusi Osman sebagai Setiausaha Agung[383]. Rostam Sani dan Halim Ali menduduki sidang pengarang akhbar PSRM iaitu Mimbar Sosialis, di samping menjadi Jawatankuasa Pusat.

[383] Temubual Syed Hamid Ali, Februari 20, 2019, Kuala Lumpur.

7.4 Kesimpulan

Terdapat tiga ideologi yang berpengaruh di UM, iaitu Sosialisme, Nasionalisme dan Islamisme yang diwakili oleh tiga persatuan mahasiswa. Sosialisme menjadi pegangan kepada Kelab Sosialis, manakala PBMUM mewakili perjuangan Nasionalisme dan Islamisme didukung oleh PMIUM. Ketiga-tiga persatuan inimirip kepada perjuangan parti politik di Malaysia, iaitu PRM/PSRM, UMNO dan PAS. PRM/PSRM berideologi sosialisme, manakala UMNO ialah nasionalismedan PAS adalah Islamisme.

Sebenarnya, ketiga-tiga parti politik tersebut cuba melebarkan pengaruh mereka ke dalam kampus melalui tiga organisasi mahasiswa di UM.

Pengaruh parti-parti tersebut berkembang mengikut kepimpinan persatuan mahasiswa pada sesuatu masa. Sekiranya pemimpin mahasiswa tersebut bersedia bekerjasama dengan parti yang sealiran dengannya, maka lebih mudahlah infiltrasi dilakukan oleh parti tersebut. Misalnya, semasa PMUM dikuasai oleh Kelab Sosialis sepenuhnya pada 1973/74, maka sudah pasti ruang untuk parti PAS dan UMNO tertutup sama sekali untuk menyusupi PMUM. Bagaimanapun, bila Kelab Sosialis telah dibatalkan pendaftarannya dan AUKU 1975 diperkenalkan, maka kedua-dua parti iaitu UMNO dan PAS mendapat peluang dari kekosongan tersebut. Kedua-dua parti ini berlumba untuk menguasai PMUM melalui proksi mereka. Selepas ketiadaan Kelab Sosialis dan aktivis mahasiswa mewakili ideologi sosialis, maka PMUM bersilih ganti dikuasai oleh proksi UMNO dan PAS.

Pengenalan AUKU 75 oleh kerajaan, telah mencapai salah satu matlamatnya iaitu mengekang para mahasiswa berhaluan kiri yang agak militan dan mengikat kebebasan para pemimpin serta para mahasiswa seluruhnya.

Cengkaman AUKU yang begitu ketat ke atas persatuan, pemimpin dan para mahasiswa, akhirnya seluruh persatuan mahasiswa di Malaysia menjadi lesu, lemah dan seperti tidak

berfungsi. Imej persatuan mahasiswa diruntuhkan sama sekali apabila perkataan Persatuan Mahasiswa ditukar menjadi Majlis Perwakilan Mahasiswa.

Bila fungsi MPP begitu lemah, maka menjadikan para mahasiswa tidak berminat menyertainya dan tidak turun mengundi semasa pilihan raya MPP. Begitulahteruknya kesan pengenalan AUKU 75, yang membunuh kreativiti mahasiswa selama lebih empat dekad.

Pengkaji turut menyentuh tentang penangkapan dan interogasi semasa di dalam lokap. Bagaimana seseorang yang ditahan tanpa bicara di bawah ISA, bebas dilakukan apa saja oleh pihak SB yang menjalankan penyiasatan. Mereka boleh melakukan apa saja dalam masa 14 hari, kerana dalam masa itu orang kenatuduh tidak boleh berjumpa sesiapa pun sama ada keluarga terdekat atau peguam. Pengkaji menjalani kesengsaraan hidup di lokap selama 68 hari sebelum dihantar ke Kem Perlindungan, Kamunting Taiping Perak.

BAB VIII

CADANGAN DAN KESIMPULAN

8.1 Pengenalan

Sejarah perjuangan mahasiswa tanah air telah bermula sejak sebelum merdeka. Perjuangan para mahasiswa di Maktab Sultan Idris, Tanjung Malim dan para mahasiswa Universiti Malaya di Singapura dan Universiti Malaya Kuala Lumpur. Mereka berjuang sesuai dengan situasi dan kondisi semasa, iaitu semasa penjajah Inggeris dan selepas merdeka. Perjuangan tersebut terus berlanjutan dari masa ke semasa mengikut keperluan dan isu yang dihadapi.

Ramai pengkaji dan pengkaji menyatakan bahawa gerakan para mahasiswa di Malaysia begitu berpengaruh pada pertengahan tahun 60-an dan 70-an. Isu-isu yang mereka perjuangkan mendapat perhatian rakyat dan kerajaan. Dan kemuncak kepada kebangkitan dan gerakan mahasiswa adalah pada tahun 1972- 1974. Selepas tahun 1974, perjuangan para mahasiswa seperti terhenti, malah boleh dikatakan surat dan tidak bermaya bila AUKU 1975 diperkenalkan.

8.2 Kebijaksanaan

Walaupun mahasiswa sebahagian dari masyarakat, namun mereka terikat dengandisiplin pembelajaran dan masyarakat kampus. Dahulunya tanggapan masyarakat terhadap mahasiswa dan kampus begitu tinggi, sehinggakan kampus diistilahkan sebagai ‘Menara Gading’. Sebagai golongan yang dianggap terpelajar dan dihormati masyarakat, penglibatan mahasiswa di dalam politik mahasiswa tetap masih terikat dengan masyarakat luar. Mayer dan Robinson menyatakan, “Hakikatnya para mahasiswa ikut terlibat dalam politik, dengan

seberapa transgresif sekalipun, mengesahkan "kemasukan mahasiswa sebagai kelompok berstatus dalam sistem sosial dan berpolitik, bukannya pengasingan dan peminggiran keluar daripada sistem[384]". Begitu pun, perjuangan mahasiswa biasanya tidak berkepentingan.

Maka itu peranan mahasiswa adalah penting kepada masyarakat kampus, masyarakat keseluruhannya dan negara. Menyusur sejarah perjuangan dan kebangkitan mahasiswa tanah air, tidak dapat tidak terpaksa mengakui pada hakikatnya mereka telah menyumbang kepada masyarakat dan negara. Mahasiswa bukan saja menjadi mata, telinga malah menjadi juru cakap kepada rakyat. Di samping itu, sebagai kelompok masyarakat yang tidak berkepentingan, mereka menyuarakan, mengkritik kelemahan, memberi idea kepada kerajaan. Teguran dan kritikan mereka menjadi keras terhadap penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan korupsi. Bila teguran dan kritikan mereka tidak dilayan, maka mahasiswa akan bangkit secara lebih tegas iaitu berdemonstrasi.

Demonstrasi adalah jalan terakhir yang diambil oleh para mahasiswa, biasanya selepas saluran perbincangan telah tertutup. Bukanlah sifat semula jadi para mahasiswa suka kepada kekerasan atau bertindak secara radikal. Meredith L. Weiss merumuskan, "bahawa para mahasiswa bukan secara fitrahnya radikal atau malah biasanya tidak aktif, namun demikian ciri-ciri tertentu peranan dan persekitaran mereka sangat kondusif untuk mobilisasi pantas dan berkesan[385]."

Para Mahasiswa dan persatuan-persatuan mahasiswa seperti PMUM, PBMUM, PMIUM, Kelab Sosialis, CLS dan TLS telah menyumbang kepada masyarakat kampus, nasional dan internasional. Para mahasiswa mengeluarkan kenyataan mengutuk terhadap kuasa-kuasa besar seperti Amerika dan Russia yang membulinegara kecil. Bukan saja mengutuk, malah diikuti dengan demonstrasi seperti kes USSR menyerang Czechoslovakia dan Amerika mengebom Vietnam. Usaha murnipara mahasiswa itu, atas rasa kemanusiaan sudah pasti dapat membantu kerajaan yang kadang-kadang terikat dengan dasar luarnya. Biarpun,

[384] Meyer dan Robinson, Structural Determinants of Student Political Activity, ms. 24, Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 14.
[385] Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 13.

kepimpinan negara tidak bersetuju dengan tindakan kuasa besar itu, tetapi mereka tidak boleh berbuat apa-apa kerana terikat dengan dasar luar atau perjanjian yang telah dibuat. Di sinilah para mahasiswa memainkan peranan mereka, secara tidak langsung turut membantu kerajaan.

Bila kerajaan mengikat para mahasiswa dengan AUKU 1971 dan dengan AUKU 1975, para mahasiswa bangkit menegur dan menolaknya secara keras. Sepanjang pelaksanaan AUKU, kerajaan tidak pernah mengakui kesilapannya, walaupun membuat beberapa pindaan yang akhirnya terbukti bahawa kualiti siswazah selepas akta lebih rendah kalau dibandingkan yang sebelum akta.

Akhirnya disedari bahawa lebih dua dekad universiti melahirkan siswazah yang lemah disegi kepimpinan mereka. Malah turut terbukti, bahawa minat majoriti paramahasiswa terhadap politik kampus dan politik nasional begitu rendah dan minima.

Para mahasiswa sangat dekat dengan denyut nadi serta penghidupan rakyat marhaen. Bertolak dari kesedaran itulah para mahasiswa memperjuangkan keadilan sosial untuk mereka. Banyak isu rakyat diangkat dan diperjuangkan oleh para mahasiswa. Masalah kemiskinan tanah, para mahasiswa menterjemahkannya dengan mendukung kesengsaraan yang dihadapi oleh Hamid Tuah bersama pengikutnya. Hamid Tuah diangkat sebagai hero rakyat dannasib beliau bersama pengikutnya dibela.

Para mahasiswa dapat melihat bagaimana rakyat miskin dihalang dari mendapatkan tanah, Sedangkan cukong- cukong Cina dan kaum kapitalis diberikan tanah ladang yang besar hingga ribuan ekar. Ketidakadilan seperti ini tidak boleh diterima oleh para mahasiswa.

Penindasan oleh pihak berkuasa Johor di bawah Osman Saat terhadap nasib setinggan di Tasik Utara, telah ditentang oleh para mahasiswa. Mereka tidak boleh menerima

penempatan rakyat marhaen mahu dipugar dan dijadikan padang golf untuk kepentingan golongan *borjuis*. Bukan sahaja para mahasiswa telah turun ke Johor Bahru, malah rampasan kuasa kampus dilakukan sebagai taruhannya. Natijah dari memperjuangkan nasib rakyat marhaen di Tasik Utara itu, terpaksa dibayar dengan harga yang mahal oleh para mahasiswa dan persatuan mereka.

Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya dan Kelab Sosialis Universiti Malaya yang mempunyai sejarah perjuangan yang gemilang, akhirnya digantung dan dibubarkan.

Para mahasiswa tidak boleh menerima kenaikan elaun ahli parlimen sebanyaklima puluh peratus, ketika rakyat terbeban dengan kenaikan harga barang dan kejatuhan harga komoditi. Begitulah suasana negara sedang menyerkup penghidupan rakyat terutama di Baling. Isu kelaparan, kebuluran dan memakanubi gadung tidak boleh diterima oleh para mahasiswa. Para mahasiswa terpaksa bangkit bersama rakyat marhaen di Baling, sebagai mewakili kesengsaraan rakyat di seluruh negara.

Para mahasiswa mewakili semua universiti berdemonstrasi di Padang Kelab Selangor sebagai tanda bersolidariti dengan rakyat marhaen di Baling. Akhirnya ribuan para mahasiswa ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah. Ramai di antara pemimpin mahasiswa ditangkap di bawah ISA dan disumbat ke Kem Tahanan Perlindungan, Kamunting, Taiping. Pengkaji bersama Hamzah Kassim, Adi Sastria, Ibrahim Ali, Yong Ah Chit, Yeo Ban Foo, Lai Sing Siang dan Lau Heng Neng terpaksa meringkuk di penjara kerana memperjuangkan nasib rakyat marhaen di Baling.

Sebagai pemimpin mahasiswa yang berideologi sosialis, pengkaji merasa bangga bila perjuangan yang dilakukan dibayar dengan penahanan di bawah ISA. Itu sebagai tanda kejayaan terhadap perjuangan dan sebagai suatu pengiktirafan terhadap kesempurnaannya.

Pengkaji berjuang demi untuk kepentingan mahasiswa, dan untuk kepentingan bangsa dan negara. Berjuang atas rasa tanggungjawab, seperti mana datuk pengkaji berkebun, jauh di pinggir hutanuntuk menyediakan makanan kepada anak muridnya yang mengangkat senjata demi kemerdekaan. Sekurang-kurangnya perjuangan pengkaji tercatat di dalam sejarah, sayangnya ribuan 'Si Berani" tidak didendangkan dan nama mereka turut terkubur bersama jasadnya.

Di sinilah terdapat perbezaan dalam mentafsirkan 'erti perjuangan' para mahasiswa tanah air. Bagi mereka, menjadi mata, telinga dan lidah rakyat itu sebagai tanggung jawab kepada bangsa dan negara. Sebaliknya bagi penguasa negara, kebangkitan dan tindakan mahasiswa dianggap menganggu-gugat kuasa mereka dan negara. Teguran dari mahasiswa dianggap ancaman kepada keselamatan dan perpaduan negara.

Tindakan dari mahasiswa ditafsirkan sebagai gerakan subversif dan diperalatkan oleh komunis. Lalu pihak penguasa, atas nama kepentingan awam menggunakan aparatus negara untuk mengikat kegiatan para mahasiswa dengan menggunakan AUKU dan penangkapan. Untuk mengasingkan pemimpin mahasiswa dari masyarakat kampus ialah dengan menahan mereka di bawah ISA.

8.3 Cadangan

Setelah menilai secara terperinci dari kajian ini, pengkaji ingin mengemukakan beberapa cadangan yang mungkin berguna bagi kepentingan para mahasiswa, persatuan mahasiswa, pihak pentadbiran universiti dan pihak kerajaan. Semoga dengan mengambil dan mengguna pakai cadangan-cadangan ini, akan membawa manfaat kepada pihak-pihak yang terlibat.

Pengkaji akan menerbitkan tesis ini sebagai sebuah buku sejarah perjuangan pelajar UM.

Pertama, pengkaji mencadangkan supaya AUKU 75 dimansuhkan sama sekali. Inisesuai dengan keperluan semasa, di mana para mahasiswa mahukan kebebasan,selepas kerajaan membenarkan remaja berumur 18 tahun boleh menjadi pengundi di dalam pilihan raya umum. Mengikut Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), bukan sahaja remaja layak menjadi pengundi, malah mereka turut layak menjadi calon. Jadi sudah tentu, AUKU 75 tidak sesuai lagi untuk diteruskan, melihat kepada kelayakan seseorang untuk menjadi calon.

Kedua, sekiranya pihak Kementerian Pendidikan masih mahu mengekalkan Seksyen 15A, 15B, 15C, 15D, 16A, 16B dan 16C yang jelas bertentangan dengan undang-undang, maka kajian segera perlu diadakan bagi memenuhi keperluan semasa. AUKU 75, sudah lebih 46 tahun, yang sudah pasti kewujudannya tidak sesuai lagi dengan situasi dan kondisi kampus, para mahasiswa dan masyarakat. Seksyen 16, memberi kuasa penuh kepada Naib Canselor dalam menentukan aktiviti persatuan, mahasiswa dan para mahasiswa atau kumpulan mahasiswa. Semua aktiviti mesti mendapat kebenaran daripada Naib Canselor. Malah Naib Canselor, boleh mentafsirkan tentang memberi sokongan, simpati atau penentangan oleh mahasiswa, persatuan terhadap parti politik dan kesatuan sekerja. Kuasa yang begitu dominan dimiliki oleh Naib Canselor perlu dibuat kajian supaya tidak menimbulkan implikasi negatif di atas keputusan-keputusan yang dibuatnya.

Ketiga, Seksyen 15, jelas bertentangan dengan Perkara 10, di dalam Perlembagaan Malaysia iaitu tentang kebebasan bersuara. Barangkali keranadesakan dan tekanan terhadap Seksyen 15 ini, maka pindaan telah dibuat pada tahun 2009, di mana para mahasiswa boleh menyertai atau menjadi ahli pertubuhan di luar kampus tanpa perlu mendapat kebenaran Naib Canselor. Bagaimanapun, larangan untuk menyertai parti politik dan pertubuhan haram dikekalkan.

Sudah sampai masanya, Seksyen 15 ini dihapuskan kesan dari keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes Hilman Idham di UKM, yang dikenali sebagai kes UKM4. Mahkamah memutuskan bahawa Seksyen15 AUKU adalah bertentangan dengan kebebasan bersuara yang termaktub dalam Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Maka itu, secara automatik ianya tidak berperlembagaan dan terbatal. Kesan dari keputusan mahkamah ini, sekali lagi

AUKU dipinda pada tahun 2012. Pengkaji mencadangkan, supaya kerajaan membatalkan atau menghapuskan AUKU 75.

Keempat, pengkaji mencadangkan supaya AUKU 75 dihapuskan dan di ganti dengan Akta Universiti Malaya 1961. Maksudnya, segala semangat di dalam Akta Universiti Malaya 1961 diguna pakai sepenuhnya dengan penyesuaian tertentu. Dengan itu, universiti mendapat kembali kuasa autonomi yang telah dicabul oleh AUKU 75. Para mahasiswa, persatuan mahasiswa dan ahli-ahli akademik kembalibebas mengatur urusan mereka tanpa campur tangan pihak Canselori. Pengkaji penuh yakin, dengan kebebasan tersebut, para mahasiswa dan persatuan mahasiswa mampu kembali bangkit serta berpengaruh seperti di tahun-tahun 1960an dan 1970an.

Kelima, universiti bukanlah kilang yang mahu mengeluarkan graduan yang hanya berpengetahuan di bidang yang dipelajarinya atau jurusan yang diambilnya semasa menjadi mahasiswa. Sebaliknya, peranan universiti adalah sebagai institusi yang mengeluarkan graduan yang mempunyai ilmu pengetahuan yang luas, berfikiran terbuka, dinamik, mempunyai keyakinan diri dan memiliki ciri-ciri kepimpinan. Nilai-nilai tersebut diperolehi melalui pendedahan para mahasiswa kepada pengetahuan di luar bilik kuliah. Kekuatan inilah yang dimiliki oleh para mahasiswa sebelum adanya AUKU 75.

Pada tahun-tahun 1960an dan 1970an, universiti membenarkan para mahasiswa mengadakan forum-forum dan seminar secara bebas. Forum-forum yang dianjurkan oleh persatuan mahasiswa bebas menjemput ahli pena dari luar kampus dan dari berbagai garis politik. Tokoh-tokoh besar dari berbagai parti, seperti PSRM, PAS, DAP, PPP, UMNO, GERAKAN, dibariskan sebagai panel di dalam forum-forum yang dianjurkan. Tokoh-tokoh seperti Kassim Ahmad, Asri Muda, Tan Chee Khoon, Musa Hitam dan lain-lain dapat menarik para mahasiswadan orang ramai untuk menghadiri majlis-majlis tersebut.

Percambahan ilmu kepada para mahasiswa terjadi melalui aktiviti-aktiviti seperti ini. Forum Perdana, menjadi acara tahunan di Universiti Malaya, yang mampu menarik penonton sama ada para mahasiswa dan orang ramai mencecah hampir ribuan. Pengkaji penuh percaya,

sekiranya AUKU 75 dihapuskan, majlis-majlis ilmu seperti Forum Perdana mampu mengembalikan kemeriahan forum-forum di Universiti Malaya seperti tahun-tahun 1960an dan 1970an.

8.4 Kesimpulan

Pengkaji telah menyentuh secara keseluruhan tentang perkembangan Universiti Malaya, sejak penubuhannya di Singapura sampai kepada perpindahannya di Kuala Lumpur. Bermula dari sebuah cawangan Universiti Malaya Singapura, akhirnya menjadi sebuah universiti tersendiri pada tahun 1962. Begitu juga pengkaji telah membicarakan tentang pertubuhan mahasiswa Universiti Malaya iaitu UMSU sejak di Universiti Malaya Singapura hingga berpindah ke KualaLumpur. Akhirnya UMSU ditukar kepada PMUM pada tahun 1965. Pengkaji turut membicarakan tentang penubuhan dan peranan Kelab Sosialis UM Singapuradan di Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Pengkaji menumpukan penglibatan di dalam PMUM dan Kelab Sosialis sejak menjadi penuntut UM pada 1972 hingga 1975. Beliau menyentuh, bagaimana beliau dapat menjadi seorang aktivis mahasiswa berhaluan kiri dan sangat berpengaruh serta mencorakkan perjuangan mahasiswa UM di eranya. Meningkatnaik di dalam PMUM sehingga menjadi Presiden PMUM dan memimpin para mahasiswa untuk memperjuangkan kepentingan mahasiswa dan rakyat marhaen. Bagi mencapai cita-cita tersebut, beliau terpaksa mengheret para mahasiswaterlibat di dalam siri demonstrasi atas isu domestik, dalam dan luar negara.

Oleh kerana beliau terpengaruh dengan Tindakan radikalisme para mahasiswa di seluruh dunia, terutama di Asia, maka terdapat tindakannya yang boleh dianggap melampau. Antaranya, beliau memimpin para mahasiswa, malah setinggan Kampung Kerinchi, merusuh sejak lewat petang hingga malam di Federal Highway. Kemuncak tindakan radikalnya, ialah beliau telah merampas Kampus Universiti Malaya pada 21 Sept 1974, yang membawa kepada penggantungan PMUM dan terbatalnya pendaftaran Kelab Sosialis UM.

Perlu dijelaskan, bahawa segala tindakan yang diambil adalah untuk kepentinganrakyat marhaen, misalnya demonstrasi isu Setinggan Tasik Utara dan demonstrasi Isu Kelaparan Baling. Beliau bertindak demi rakyat marhaen, agar didengar oleh pihak pemerintah dan supaya diketahui oleh masyarakat tentang isu yang sedang membelit anggota masyarakat di kedua-dua kawasan tersebut. Bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa segala tindakan tersebut berakar umbi dengan ideologi yang dianuti oleh pengkaji iaitu sosialisme atau marhaenisme.

Pengkaji telah terdedah dengan warna-warna ideologi tersebut sejak kecil, bila bercampur dengan bekas pejuang revolusioner di Kampung Lubok Kawah. Ideologi sosialisme atau marhaenisme ini mendewasa bila pengkaji bergelut dengan penghidupan bersama penduduk setinggan di Kampung Kuala Semantan. Pemberontakan terhadap ketidakadilan sosio-ekonomi di dada pengkaji, semakin menyegarkan dan tumbuh merendangnya ideologi marhaenisme. Bila memasuki Universiti Malaya, dan berkubang dalam lopak ideologi tersebut bersama komraddi dalam Kelab Sosialis, maka pengkaji sudah menjadi seorang penganut marhaenisme tegar di masa itu.

Sejak itu pengkaji tidak lagi berpaling membelakangkan kepada ideologi yang diyakini dapat memberi keadilan sosial dan mampu menyusun Kembali masyarakat. Pengkaji bercita-cita melihat rakyat marhaen mendapat keadilan sosio-ekonomi yang sejati. Dengan itu mereka dapat memutuskan rantai-rantai kemiskinan, dan tidak menjadikan pusaka kepada generasi yang mendatang. Juga, supaya rakyat marhaen tidak terus dibuli dan diperhambakan oleh golongan kapitalis.

Bagi pengkaji semua perjuangan yang dilakukan hanya untuk mencapai cita-cita di atas. Pengkaji terpaksa mengharungi ranjau dan duri, malah terpaksa meongkah arus bersama golongan progresif tanah air. Menyiapkan diri sejak di kampus untuk menjuarai perjuangan rakyat marhaen, sayangnya, segala persiapan untuk terjun ke tengah masyarakat marhaen

terhalang oleh tangan- tangan besi, yang menggunakan undang-undang dan aparatus negara untuk mencantas benih subur marhaenisme lepasan Kelab Sosialis UM. Akhirnya, pengkaji diikat dan disimpal dengan rantai-rantai besi undang-undang '*Draconian'* iaitu ISA. Pengkaji dihumban ke penjara iaitu Kem Tahanan Perlindungan, Kamunting, Taiping, Perak.

Sebagai pendukung sosialisme sejati, semasa memimpin PMUM dan Kelab Sosialis, pengkaji melihat para mahasiswa boleh menerima gerakan yang dipimpin oleh Kelab Sosialis. Hasil dapatan kajian Raghavan untuk tesis PhD, mendedahkan para mahasiswa boleh menerima sosialisme dan meyakini sosialisme boleh menyelesaikan masalah kemiskinan. Mengikut beliau, masalahnya mahasiswa Melayu merasa bimbang, sekiranya pemerintahan berdasarkan sosialisme akan menggugat agama Islam dan hak keistimewaan orang Melayu. Tetapi bagi mahasiswa bukan Melayu tiada masalah untuk menerima sebuah kerajaan sosialis.

Pengkaji melihat pemikiran sosialis, boleh berkembang ditengah penghidupan para mahasiswa. Tetapi tidak mudah untuk menyusupi dan menguasai pemikiran majoriti rakyat. Atas situasi dan kondisi tersebut, pengaruh sosialis mudah bangkit di UM selepas ianya merosot dan menguncup. Contohnya, selepas Kim Sim Chew dan Salleh Yusof yang memimpin PMUM Majlis Ke 14, digulingkan melalui undi tidak percaya. Kemudian Hishamuddin Rais, mengolah kembali dengan merekrut ahli baru termasuk pengkaji, Hamzah Kassim dan Lim Heng Seng. Selepas itu pengkaji bersama Hishamuddin bekerja keras menambahkan kader dan ahli. Tahun berikutnya, Kelab Sosialis menjadi kuat serta berpengaruh dengan menguasai sepenuhnya PMUM.

Gerakan Kelab Sosialis semakin kukuh dan semua aktiviti PMUM di masa itu ditentukan oleh Kelab Sosialis. Sehinggakan para mahasiswa sudah tidak mengenal pasti sama ada kegiatan atau tindakan itu dijalankan oleh PMUM atau Kelab Sosialis. Kekeliruan para mahasiswa ini terjadi, kerana rapat di Sudut Pidato yang dianjurkan oleh PMUM dan Kelab Sosialis, pemidatonya adalah orang yang sama.

Tindakan-tindakan militan dan kepimpinan radikal, kebiasaannya muncul melalui Kelab Sosialis dan anggotanya. Selepas Kelab Sosialis diharamkan, kesan dari rampasan kuasa kampus UM, maka tindakan berbentuk militan sudah tidak kedengaran lagi. Malah boleh dikatakan hilang dari radar politik mahasiswa di Universiti Malaya.

Kebanyakan kepimpinan dan anggota Kelab Sosialis UM tidak meneruskan perjuangan mereka melalui parti politik yang berideologi sosialis, selepas mereka keluar dari universiti. Memang terdapat dikalangan pemimpinnya seperti Hishamuddin Rais, Yunus Ali dan Abu Zer Ali yang tidak berada di tengah masyarakat, tetapi selebihnya berada di dalam negara. Anehnya mereka tidak menyertai parti politik kiri, biarpun sosialisme masih tidak lekang dari pegangan mereka. Yang menyertai parti kiri iaitu PSRM/PRM hanyalah Hassan Karim dan pengkaji sendiri.

Barangkali, kerana tidak ramai generasi sosialis era pengkaji menyertai PSRM selepas keluar universiti, menjadikan parti tersebut semakin tidak bermaya dan lemah. Parti akhirnya, masih didukung oleh golongan yang sudah berumur atau tua, kerana kekurangan tenaga muda. Ketiadaan golongan muda yang mampu menyusun aktiviti dan disesuaikan dengan cita rasa baru, turut menjadi faktor kelemahan PSRM. Di masa yang sama ideologi sosialis semakin jauh dari pemikiran rakyat.

Keruntuhan negara USSR selepas bereksperimen dengan ‘Perestroika’ dan ‘Glasnost” oleh Mikhail Gorbachev pada tahun 1987. Pembaharuan politik dan ekonomi yang akhirnya memakan diri sendiri bukan sahaja kepada USSR, sebaliknya kepada Mikhail Gorbachev. USSR akhirnya berpecah kepada beberapa negara baru dan Gorbachev kehilangan jawatannya.

Keruntuhan secara mendadak “Tembok Berlin” pada 13 Januari 1990 dan selesai pada November 1991, adalah juga sebagai petanda kejatuhan sosialisme-komunisme di Jerman. Keruntuhan tembok itu juga tanda bermulanya penyatuan semula bagi rakyat Jerman. Sejarah pemisahan rakyat kepada Jerman Timur di bawah sosialisme-komunisme dan

Jerman Barat di bawah kapitalisme telah ditamatkan pada Oktober 1990.

China selepas Deng Xioping merombak sistem ekonomi China dan mengekalkan Hong Kong dengan sistem kapitalis, maka China menuju kepada pemerintah dua sistem. China meninggalkan sistem komunis era Mao dan menuju era baru yang diinisiatifkan oleh Deng Xioping. Wajah China selepas ini tidak lagi sebagai sebuah negara 'komunis tradisional' dan tabir buluhnya telah dibuka kepada dunia.

Perubahan kepada pusat kuasa komunis tersebut turut mempengaruhi pemikiran rakyat di Malaysia. Parti-parti politik kiri seperti PRM sudah tidak mampu bertahan melainkan terpaksa mengubah dasar, mengendurkan atau melembutkan pegangan ideologinya. Rakyat tidak lagi melihat bahawa hanya sosialisme yang mampu menyelesaikan masalah keadilan sosial. Barangkali atas kesedaran perubahan negara-negara pemain utama sosialisme, maka PRM turut melakukan perubahan Akhirnya Parti Rakyat Malaysia bergabung dengan Parti Keadilan, membentuk identiti baru iaitu Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Parti Tindakan Demokratik, merupakan sebuah parti berideologi 'Demokratik Sosialis'. Ianya berasal dari Parti Tindakan Rakyat atau People Action Party yang dipimpin oleh Lee Kuan Yew. Parti ini biarpun keahliannya terbuka kepada semua kaum , tetapi pada hakikatnya ia sebuah parti milik orang Cina. Hampir keseluruhan kepimpinannya terdiri dari orang Cina. DAP lebih banyak memperjuangkan kepentingan untuk orang Cina, sebab itu mendapatkan sokongan padu di bandar-bandar besar di Malaysia. Jelasnya DAP adalah sebuahparti perkauman Cina, yang boleh dianggap sebuah parti rasis. DAP menjadi sebuah parti yang kuat bukan kerana ideologi parti, tetapi kerana perjuanganuntuk kepentingan orang Cina Malaysia.

Tegasnya, sosialisme dan parti berideologi sosialisme sudah tidak menjadi pilihan kepada rakyat Malaysia. Barangkali atas pertimbangan perubahan negara-negara sosialis-komunisme di dunia, menyebabkan Kassim Ahmad bekas Pengerusi PSRMberubah kepada Islamisme. Beliau telah berpaling meninggalkan sosialisme dan berpegang sepenuhnya

kepada Islamisme.

Pengkaji turut bersama Kassim Ahmadmeninggalkan PSRM dan turut berpindah kepada Islamisme. Pengkaji cuba bereksperimen dengan sebuah parti Islamis-progresif iaitu AMANAH, selepas Kassim Ahmad kembali menghadap penciptaNya. Pengkaji cuba melihat kemampuan Islamisme sebagai jawapan kepada ketidakadilan yang melanda manusia dan menyekat dari lahirnya 'Kacau Bilau Agung'[386]. dunia.

Sebagai kesimpulan, pengkaji mendapati bahawa pengaruh sosialisme ke atas PMUM begitu kuat sejak Kelab Sosialis Universiti Malaya ditubuhkan. Penguasaan Kelab Sosialis ke atas PMUM sukar diganggu-gugat oleh golongan lain, sama ada dari pihak nasionalis (PBMUM) dan Islamis (PMIUM). Kemuncak penguasaan golongan sosialis ke atas PMUM adalah pada tahun 1972-1974, sehinggakan para mahasiswa sukar membezakan antara kepimpinan PMUM dan kepimpinan Kelab Sosialis.

Akhirnya, apa saja tindakan yang dilakukan oleh KelabSosialis mendapat sokongan para mahasiswa, kerana bagi mereka tiada bezanya antara aktiviti Kelab Sosialis dengan PMUM.

Bagaimanapun, zaman kemuncak atau zaman gemilang gerakan sosialis di Universiti Malaya melalui zaman kegelapannya, bila pendaftaran Kelab Sosialis dibatalkan, selepas peristiwa rampasan kuasa kampus UM. Penggantungan PMUM dan diikuti dengan AUKU 1975, telah menamatkan sejarah perjuangan Kelab Sosialis di UM, malah mematikan pengaruh sosialisme di UM.

Selepas AUKU 1975 diperkenalkan dan PMUM bertukar menjadi MPP, maka berlaku vakum kepimpinan di UM. Vakum atau kekosongan itu akhirnya memberitempat kepada golongan nasionalisme dan Islamisme menguasai politik mahasiswa di UM. Pertembungan

[386] Kacau Bilau Agung adalah istilah yang digunakan oleh Mao Zedong terhadap kekacauan yang melanda dunia di abad ke 20.

mahasiswa yang mewakili golongan tersebut akhirnya bersilih ganti mengusai tampuk MPP UM.

Selepas PMUM bertukar menjadi MPP dan AUKU 75 mengikat gerakan para mahasiswa, maka politik kampus menjadi lesu dan tidak bermaya. Para mahasiswa mulai tidak berminat terhadap politik kampus dan pilihan raya kampus sudah tidak meriah seperti semasa PMUM dan sebelum AUKU 75. Suara para mahasiswa sudah terkepung di kampus dan tidak lagi mendapat perhatian masyarakat atau rakyat. Isu-isu yang diangkat oleh para mahasiswa sudah berbeza dengan apa yang diperjuangkan oleh PMUM pada tahun 1960-an dan 1970-an.

Kalau di zaman 1960-an dan 1970-an, isu yang diperjuangkan adalah seperti isu Hamid Tuah, isu setinggan Tasik Utara, Isu Kelaparan Baling, isu Palestin tetapi dizaman MPP, isu yang diperjuangkan seperti menentang konsert artis, majlis tari menari dan bentuk perjudian semasa pesta ria UM. Jadi sudah tentu isu-isu seperti ini tidak mendapat perhatian masyarakat. Perjuangan para mahasiswa sudah jauh dari permasalahan rakyat, malah lebih menumpu kepada masalah dalaman mereka sahaja.

Jadi jelas, selepas PMUM bertukar menjadi MPP, ketiadaan Kelab Sosialis dan adanya AUKU 75, maka politik kampus UM bukan saja menjadi suram, tidak bermaya, malah telah hilang taring dan tidak berwibawa lagi.

RUJUKAN

1. Altbach P.G, Student Politics in Bombay, London: Asia Publishing House,1968. Junaidi Abu Bakar, Mahasiswa Politik dan Undang-Undang, ms. 1
2. Meredith L.Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 3
3. Ibid, ms. 3.
4. Ibid, ms.13
5. Junaidi Abu Bakar, Mahasiswa Politik Dan Undang-Undang, ms.8.
6. Junaidi Abu Bakar, Mahasiswa Politik Dan Undang. ms. 15
7. Ibid, ms.15
8. Letters To Home, pynt Ooi Kok Hin,Aish Kumar & Nik Mohamad Rashid Nik Zurin, Petaling Jaya,ms.164
9. Letters To Home, pynt Ooi Kok Hin,Aish Kumar & Nik Mohamad Rashid Nik Zurin, Petaling Jaya,ms.165
10. Letters To Home, pynt Ooi Kok Hin,Aish Kumar & Nik Mohamad Rashid Nik Zurin, Petaling Jaya,ms.167
11. Phillip G. Altbach, Student Political Activism, An International Reference Handbook, ms.149.
12. Rani Mutalib, Kepimpinan , https://www. academia.edu/.
13. Ibid.
14. Rani Mutalib, Kepimpinan, https://www.academia.edu/
15. Al Furqan (Tafsir), Oleh A.Hassan, Pustakan Aman Press, Kota Bharu, 1971.
16. Lihat Mustapha Ahmad, Kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah dalam politik Kelantan, MS 3-4.
17. Gary Yuki, Leadership in Organization,Prentice Hall, New Jersey,1998, ms.2
18. Rani Mutalib, Kepimpinan, http://www.academia.edu
19. Robiah Sidin, Asas Pentadbiran, Petaling Jaya, Cipta Sdn Bhd,1998, Rani Mutalib, Kepimpinan.
20. Azman Che Omar, Pengurusan di Malaysia dari Perspektif Islam, DBP , Kuala Lumpur. Rani Mutalib, Kepimpinan.
21. Entessar Tahmineh, Revolution And Leadership: A Study Of Four Countries,Ph D,1983. ms. 1, Edwin Hollander, Leaders, Groups, and Influence (New York, Oxford University Press, 1964). Ms.16
22. John Schneider, “ Social Class, Historical Circumstances, an Fame, “ American

Journal of Socciology 43 (1973): 37-56. Entessar Tahmineh, 1983, MS.5.

23. Cecil Gibb, "An International View of the Emergence of Leadership," Australian Journal of Psychologr 10 (1958), MS 101-110. Entessar Tahmineh, 1983, Ms 5
24. Mustapha Ahmad, Kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah Dalam Politik Kelantan, Disertasi MA, UKM, MS .3
25. Ibid. ms.4
26. Mustapha Ahmad, Kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah Dalam Politik Kelantan, ms.14. Juga lihat dari ms.13-14.
27. Non- Aligned Movement (NAM), pertubuhan/forum kepada 120 negara membangun yang tidak terikat kepada mana blok.Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Ditubuhkan oleh Sukarno, Jawaharlal Nehru, Josip Broz Tito, Gamal Abdel Nasser dan Kwame Nkrumah.
28. Zon of Peace, Freedom and Neutrality (ZOPFAN) , merupakan pengistiharan yang ditandatangani di Kuala Lumpur oleh Menteri Luar Negara ASEAN, iaitu Indonesia , Filipina, Thailand, Singapura dan Malaysia pada 1971.
29. Entessar, Tahmineh, Revolution And Leadership, A Study Of Four Countries .1984 , ms.14
30. Musthapha Ahmad .Kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah Dalam Politik Kelantan, ms.19.
31. Mustapha Ahmad, Kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah Dalam Politik Kelatan, ms.17.
32. Ibid, ms.19
33. Pemilihan kepimpinan UMNO pada 24 April 1987, iaitu antara Team A di bawah Tun Mahathir memenangi Jawatan Presiden dengan 43 undi. Terdapat sekumpulan anggota Team B (11 orang) yang tidak berpuas hati dengan keputusan itu telah membawa atau mencabar kes tersebut ke mahkamah.
34. Mustapha Amad, Kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah Dalam Politik Kelanta, ms.26
35. Pranee Liamputtong,Kaedah Penyelidikan Kualitatif,UPM Press,2014, ms.4
36. Ibid, ms.4
37. Ibid, ms.38
38. Op. Cit,Ms.5
39. Pranee Liam ,Kaedah Penyelidikan Kualitatif,UPM Press,2014,ms.4
40. Ibid, ms. XV

41. Pranee Liamputtong, Kaedah Penyelidikan Kualitatif, ms.8
42. Ibid, ms. 9
43. Pranee Liamputtong, Kaedah Penyelidikan Kualitatif, ms.11.
44. Ibid, MS.15
45. Pranee Liamputtong, Kaedah Penyelidikan Kualitatif, ms. XXI
46. Abdul Latif Abu Bakar, Penerbitan Biografi di Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, MS.69.
47. Ibid, MS.67 & 73.
48. Hasrom Harom, Penerbitan Biografi di Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia. ms.75 & 76.
49. Nik Anuar Nik Mahmud, Penerbitan Biografi di Malaysia, ms.207
50. Hasnom Harom, Penerbitan Biografi di Malaysia, ms. 80.
51. Kamarul Azmi Jasmi, Kursus Penyelidikan Kualitatif, siri 1 2012 pada 28-29 Mc 2012 di Puteri Resort Melaka anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggung Ibrahim Johor Bahru.
52. 42. Ibid.MS.4
53. 51. Mustapha Amad, Kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah Dalam Politik Kelanta, MS.26
54. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms.200
55. Mohamad Ridhwan Alias, Mahasiswa Bangkit, Megamind Leadership Consultancy, November 2014. Kuala Lumpur, ms.24
56. K.S. Jomo, Hassan Karim, and Ahmad Shabery Cheek, Malaysia, Student Political Activism,Phillip. G Altbach,ms. 152
57. Temubual Bersama Haris Pardi, 15 April , 2019,PJ
58. Temubual Dr Abdul Fattah Ibrahim di rumahnya, Bangi pada Jan 30,2019, Bangi,beliau pernah menjadi guru pembantu.
59. Lihat Ibrahim Chik, Memoir Ibrahim Chik, Dari Api ke Regimen ke 10,ms.22.
60. Ibid,ms.23-37.
61. Ibid,ms.29
62. Temubual bersama Abdul Manaf Yaakob (abang pengkaji), Februari 6,2019,Temerloh.
63. Temubual Bersama Abdul Manaf Yaakob, Februari 6,2019,Temerloh, Pahang.
64. Ibid.
65. Ibrahim Chik, Memoir Ibrahim Chik, Dari API ke Rejimen ke 10,ms.2

66. Ibid, ms.60-61
67. Mohamed Salleh Lamrey, Gerakan Kiri Melayu: Dalam Perjuangan Kemerdekaan, penerbit UKM, ms.95
68. Ibrahim Chik, Memoir Ibrahim Chik: Dari API ke Regimen ke 10, ms.59.Lihat The Memoirs of Shamsiah Fakeh, From AWAS to 10th Regement,SIRD, PJ,2009,MS.38.
69. Ibid, ms 24.
70. Abdul Rahman Mohd Nor, semasa mengangkat senjata beliau berpangkat kaptan.Berkahwin dengan ibu saudara Suhaimi Said. Memegang kepimpinan PSRM, Cabang Temerloh.
71. Zulkifli Mohd Amin @ Abu Samah, mengangkat senjata. Kemudian memegang kepimpinan PSRM Pahang. Menjadi Pengerusi PSRM beberapa penggal. Menjadi calon PSRM bagi DUN Semantan sebanyak 4 kali tetapi tewas. Beliau adalah sepupu Suhaimi Said tokoh PSRM Pahang.
72. Ibrahim Abdul Rahman Iaah anak Tuan Guru Hj.Che Man, Guru Pondok Lubuk Kawah.Masuk hutan dan menyerah diri. Pernah ditahan di Tanjung Beruas, Melaka.
73. Tan Sri Hamzah. Ipar kepada Tun Abd.Razak.Menteri Undang -Undang dan MP Temerloh 1974-1982.
74. Suhaimi Said.Jawatankuasa Pusat PSRM. Bekas calon PSRM Parlimen Maran pd PRU 1974.Kemudian ahli dan calon PAS Parlimen Temerloh pada PRU 1986.Calon PKR,DUN Jenderak (P.Kuala Krau) pd PRU 12 dan PRU 13.
75. Sattar Dahan. Menjadi Setiausaha Agung PSRM.
76. Kamaruzaman Hj The.Orang pertama ditangkap pd pagi 20 Jun 1948 di kedai no 1 Temerloh. Selepas Darurat diistiharkan. Lihat juga Memoir Ibrahim Chik Dari Api Ke Regimen Ke 10, ms.80.
77. Mohamed Salleh Lamry, Gerakan dan Tokoh Kiri, Kamarulzaman Teh dalam Kancah Perjuangan Kemerdekaan, ms.15.Lihat The Memoirs of Shamsiah Fakeh , From AWAS to 10th Regiment , ISRD, PJ ms.35.
78. Ibid , ms.25
79. Memoir Abdullah C.D (Bahagian Pertama), Zaman Pergerakan Sehingga 1948,ms.165.
80. Kawasan Hitam adalah perkampungan /penempatan atau Kawasan yang dianggap di dalam pengaruh komunis atau terdapat komunis dalam jumlah yang ramai. Sebaliknya Kawasan yang bebas daripada komunis di kenali sebagai Kawasan Putih. Melaka adalah negeri pertama menerima Kawasan Putih.

81. Richard Crisp, Life as The River Flows, Women in the Malayan Anti-Colonial Struggle, ms.308
82. Musa Ahmad, Bekas Pengerusi PKM yang Kembali ke Malaysia.Pengkaji menemubual beliau di MATIC kerana skrip docudrama pengkaji untuk Tingkatan 5 berjudul Parti Kominis Malaya.
83. Rancangan Briggs.Rancangan yang diilhamkan oleh Harold Rowdon Briggs, Pengarah operasi menentang gerila komunis.Dilancarkan oleh Henry Gurney iaitu Pesuruhjaya Tinggi Inggeris di Malaya pada 1950. Bertujuan untuk memisahkan simpatais dan penyokong PKM dari membantu pasukan gerilla PKM mendapatkan makanan, perubatan dan maklumat melalui Min Yuen. Mereka dikumpulkan ke dalam Kampung- kampung Baru.Menjelang 1954, lebih kurang 500,000 menghuni 550 kampung baru dengan 86% adalah orang Cina,Melayu 9% dan India 4%, lihat Chin Peng, My Side of History, Media Masters Publishing , September 2003,ms.263-86.
84. Dato Ariffin Said.Pernah menjadi pegawai Kerajaan dan menjadi Timbalan Menteri Besar Kelantan
85. Wan Mamat.Keluarganya berasal dari Kampung Kerisik , Pattani , Thailand . Terkenal dengan masjid Kerisik atau Masjid Krue Se .Pengkaji Bersama Ismail Sabri telah menziarahi keluarga di sini pada tahun 2004.
86. Homeguard, Pasukan yang ditubuhkan oleh penjajah untuk mengawal keselamatan kampung yang berpagar duri. Sepanjang darurat seramai 200,000 orang menganggotai Homeguard.
87. Siti Zamiah .Memoir Ibrahim Chik Dari Api ke Rejimen Ke 10.
88. Perjanjian Damai antara tiga pihak iaitu PKM, Malaysia dan Thai ditanda tangani pada 2 Desember 1989 di Haatyai , Thailand.
89. Ibrahim Chik, menulis Memoir Ibrahim Chik Dari Api ke Rejimen Ke 10.
90. Terdapat 4 kampung Perdamaian, Sukrin atau Chulaporn Village No 12 adalah untuk bekas gerilla PKM Melayu.Lihat , Richard Crisp, Life as The River Flows , Women in the Malayan Anti-Colonial Struggle ,ms 3-4.
91. Mohamed Salleh Lamry, Gerakan dan Tokoh Kiri, Kamarulzaman The dalam Perjuangan Kemerdekaan,
92. Mohamed Salleh Lamry, Gerakan dan Tokoh Kiri, Kamarulzaman Teh dalam Kancah Perjuangan Kemerdekaan.Ms 45.Lihat , The Memoirs of Shamsiah Fakeh, From AWAS to 10th Regimment , SIRD ,PJ ,ms 39.
93. Lihat Memoir Rashid Maidin, Daripada Perjuangan Bersenjata Kepada

Perdamaian,SIRD Dis 2005. Memoir Abdullah, C.D, Zaman Pergerakan Sehingga 1948, SIRD,2005.Ishak Saat, Politik Suara Rakyat, Penerbit USM.

94. Hj Mohd Saman reaksionir, Buku Memoir Ibrahim Chik, Dari API ke Rejimen ke 10.Lihat Memoir Rasih Maidin, 2005.
95. Ibrahim Chik, Memoir Ibrahim Chik, Dari API ke Rejimen ke 10, ms 32-33.
96. Parti Rakyat Malaya, ditubuhkan pada 11 November 1955 oleh Boestaman. Kemudian ditukar kepada Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) pada 1965 oleh Kassim Ahmad. Manakala Syed Husin Ali menukar kembali kepada nama asal iaitu Parti Rakyat Malaysia pada 1986.
97. Perikatan adalah gabungan tiga buah parti iaitu UMNO, MCA dan MIC. Perikatan pada awalnya antara UMNO dan MCA sebelum Pilihan Raya Umum 1955.
98. Dato Abu Samah, adalah bapa kepada Tan Sri Hamzah, yang pernah menjadi Menteri Kabinet di zaman Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia.
99. Marhaenisme adalah ideologi sosialis yang digunakan oleh Sukarno daripada ‘proletariat’ Russia. Kemudian digunakan oleh Ahmed Boestaman yang menjadikannya sebagai ideologi Partai Rakyat Malaya (PRM).
100. Ibrahim Ali, Perjuangan Tanpa Noktah, Berita Publishing Sdn Bhd , 2016,ms.180
101. Said Ismail , adalah ayah kepada Suhaimi Said seorang peguam yang menjadi tokoh politik dari Kampung Lubok Kawah.
102. Kampung Kuala Semantan digambarkan secara detail di dalam novel Meranduk Arus, karya Kamarazaman Yacob.Kuala Semantan sinonim dengan Perjuangan Dato Bahaman menentang Imperialis Inggeris bermula Disember 1890 hingga Jun 1894, apabila Dato Bahaman , Tok Gajah dan Mat Kilau berundur ke Kelantan.
103. Temubual Bersama Khalid Ahmad, pada Julai 10, 2019 di Kuala Selangor.
104. Temualbual Bersama Khalid Ahmad , pada Julai 10,2019 di Kuala Selangor . Beliau adalah kawan sekelas semasa di tingkatan 4 dan 5 di sekolah Alam Shah.
105. Lihat cara mengasap getah yang terperinci dilukis oleh pengkaji di dalam novel, Meranduk Arus, karya Kamarazaman Yacob, ms. 453-459.
106. Ibrahim Ali adalah seorang ahli politik.Pernah menjadi ahli parlimen Pasir Mas dan Timbalan Menteri,
107. Temubual bersama Ibrahim Ali, pada 2 Mac 2019, di Kuala Lumpur.
108. https://www.um.edu.my/about-um/our-history
109. Raghavan , A Study Of The Political Attitude Of Student From The University Of Malaya, Tesis PhD, 1975,ms. 139.

110. Meredith L, Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia,ms.118.
111. Raghavan, A Study Of The Political Attitude Of Student From The University Of Malaya, Tesis PhD, The University of New Jersey, 1975, ms.139.
112. Alexander Oppenheim .Meredith L.Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia,ms.118-119.
113. R.S Aitken et al, Report of the Commission of Enquiry on the University of Malaya,1957"(Singapura:Government Printing Office,
114. Raghavan,A Study Of The Political Attitude Of Student From The University Of Malaya, Tesis PhD, 1975, ms.144.
115. Meredth L.Weiss ,Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms.119.
116. Meredth L.Weiss ,Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms.119.
117. "UMSU .Disapproves Conditions in KL."Malayan Undergrad, Mac15,1958,ms 1, What Price Glory?''Malayan Undergrad ,April 3,1958,ms.1.Meredith L.Weiss Aktivisme Mahasiswa Malaysia,ms.119.
118. Report of the Committee Appointed by the National Operations Council to Study Campus Life of Students of the University of Malaya (Kuala Lumpur, Gonernment Printers ,1970),pg.5-11. Raghavan, A Study Of The Political Attitude Of Student From The University Of Malaya, Tesis PhD, ms 144.
119. Meredith L.Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms.122.
120. Raghavan, A Study Of The Political Attitude Of Student From The University of Malaya, Tesis PhD, ms.152.
121. Ibid, ms.152.
122. Kapitalis komprador adalah kapitalis tempatan yang bekerjasama dengan kapitalis luar negara.
123. Meredith L.Weiss , Aktivisme Mahasiswa Malaysia,ms.120
124. S.Kumarapathy,"The Clarion Call"(editorial), Malayan Undergrad,Julai 1958,ms.4.dan "UMSU May be Split Blow to student Unity,"Malayan Undergrad .Ogos 1958, ms 1; Meredith L.Weiss, 2016,SIRD, ms 120.
125. "Tengku Replies to Protest from Union"Straits Times, November 22,1958.Meredith L.Weiss, 2016, SIRD , ms .120
126. Temubual Bersama Hishamuddin Rais, 5 Mac 2019, Kuala Lumpur.
127. Hishamuddin Rais, bekas pelajar Melayu, Kuala Kangsar.Menjadi Setiausaha Agung PKPM, tapi tersingkir selepas krisis dalaman PMUM, di mana Majlis ke 14, yang dipimpin oleh Sim Kim Chew dan Lee Chee Kiong runtuh melalui undi tidak percaya

pada Februari 1972. Hishamuddin Rais yang menjadi ahli Kelab Sosialis menerima tempiasnya ,kerana Sim Kim Chew dan Lee Chee Kiong adalah kepimpinan Sosialis Kelab UM.

128. PMUM.Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya tertubuh di Univ.Malaya Singapura kemudian di Univ.Malaya, Kuala Lumpur pada 1962 selepas pemisahan cawangan Kuala Lumpur dan UM Singapura.
129. AUKU.Akta Universiti Kolej Universiti diluluskan oleh Parlimen pada 1971 dan pindaan 1975 yang menarik otonomi university dan menyekat kebebasan para mahasiswa.
130. Meredith L.Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia Kegemilan Dan Kesuraman.ms.4.
131. Kelab Sosialis Universiti Malaya menerima pendaftarannya dari ROS pada 1968.
132. PKPM atau Pertubuhan Kebanagsaan Mahasiswa-mahasiswa Malaya ditubuhkan pd 1957, awalnya antara UMSU dengan GPMS. Juga terdapat PKPM di Malaysia.
133. Aktivisme Makasiswa Malaysia, Meredith L Weiss ms.60.
134. The Fajar Generatoin .ms.14.
135. Ibid .ms.18, Malayan Orchid Publication produced in the late 1940s,leading to their arrests and detention in January 1951.
136. ABL. Anti-British League, Gerakan menentang Imperialis Inggeris yang berpengaruh komunis.
137. Aktivisme Mahasiswa Malaysia, Meredith L.Weiss.ms.60.
138. The Fajar Generation, ms.15.
139. Ibid,ms.15
140. Ibid, ms.16
141. Lihat juga Meredith L.Weiss m.s 60.
142. The Fajar Generation m.s 19.
143. The Fajar Generation m.s 119-146.
144. Ibid m.s 122.
145. Ibid m.s 19
146. Meredith L.Weiss , Aktivisme Mahasiswa Malaysia, Kegemilangan Dan Kesuraman , ms.181.
147. Temubual Bersama Syed Husin Ali, 16 Oktober 2019, Petaling Jaya.
148. Temubual Bersama Halim Ali, pada 25 Disember 2018.
149. Konfrontasi Malaysia – Indonesia berpunca dari pembentukan Malaysia pada

1963.Presiden Indonesia , Sukarno menentangnya sehingga beliau duglingkan pada 1965.

150. PKI adalah Partai Komunis Indonesia yang berada di dalam Kerajaan Sukarno.
151. Temubual Bersama Syed Hamid Ali, pada 20 Februari 2019, Kuala Lumpur.
152. Majid Nabi Bakh dan Stephen Chong menjadi pengikut Ara semasa mereka melanjutkan mahasiswaan di London.
153. Temubual Bersama Halim Ali,pada 25 Disember 2018.
154. Raghavan , A Study Of The Political Attitudes Of Students From University Of Malaya.
155. Meredith L.Weiss .Aktivitisme Mahasiswa Malaysia , Kegemilangan Dan Kesuraman,ms.182.
156. Cheah Boon Kheng mendapat MA di UM. Dapat Phd dar Australian National Universiti (ANU). Menjadi Profesor di USM. Beliau antara sejarawan yang yang dikumpul oleh ANU untuk dialog dengan Chin Peng.
157. Meredith L.Weiss , Aktivitisme Mahasiswa Malaysia, Kegemilangan Dan Kesuraman , ms.183
158. Temubual Bersama Adi Sastria , Mac 18, 2019, Kuala Lumpur.
159. Temubual Bersama Lim Hwee Seng, 17 Mac 2019, Kuala Lumpur.
160. Temubual Bersama Bashkaran,3 Mac ,2019, Bangsar , Kuala Lumpur.
161. Temubual Bersama Harris Pardi, 15 April 2019, Petaling Jaya.
162. Temubual Bersama Hishamuddin Rias, 5 Mac 2019, Kuala Lumpur.
163. Temubual Bersama Halim Ali pada 25 Disember 2018, Kuala Lumpur.
164. Temuramah Salleh Haji Yusof di Bangi ,12 Januari 2019.Mengikut Salleh, berdasarkan pada pidato ketrampilan ,buah fikiran dan cara pengkaji bertukar fikiran dengannya.
165. Temubual Bersama Salleh Haji Yusof, di Bangi Selangor pada 12 Januari 2019.
166. Temubual Bersama Lee Che Keong di KL pada 12 Mac 2019.
167. Temubual Bersama Bashkaran di Bangsar pada 3 Mac 2019.
168. 166. Temubual Bersama Shahidan Kassim di Parlimen.Shahidan adalah Ahli Dewan Rakyat, Parlimen ke 14. Menjadi Ahli Parlimen Arau pada PRU 1986, PRU 1990, PRU 2018 dan pernah menjadi Menteri Besar Perlis daripada 1995 sehingga 2008. Pernah menjadi Pengerusi FAMA , Pengerusi Yayasan MARA, Pengarah MARA dan Pengerusi Kelab Penokong Kerajaan.
169. Temubual Bersama Salleh Hj Yusof di Bangi pada 12 Januari 2019.

170. Pesta Ria ialah acara tahunan selama seminggu semasa konvokesyen.Gerai-gerai menjual berbagai jenis barangan,makanan dan permainan termasuk berbentuk perjudian.Semuanya diusahakan oleh mahasiswa/wi.
171. Bakti Siswa adalah program di mana para mahasiswa/wi yang terpilih akan dihantar ke desa-desa yang dipilih oleh PMUM. Mereka tinggal selama dua minggu Bersama keluarga angkat, Memmahasiswai cara hidup setempat.
172. Majlis Dansa Tahunan atau Annual Ball di adakan di Dewan Tunku Canselor. Ianya terbuka kepada mahasiswa/wi yang berminat Sahaja. Tidak ada paksaan untuk menyertainya. Majlis tari menari sentiasa terdapat di kolej kolej UM.
173. Ainon Muhammad pernah bekerja di Dewan Bahsa.Kini adalah seorang pengkaji buku motivasi dan memperkenalkan pemikiran Edward deBono.
174. Pernah mengajar di Jaya Akademi.Terlibat aktif dengan Parti Pas dan bertugas di Ibu Pejabat PAS. Dia dikenali sebagai Pak Syed.
175. Perang Vietnam di pimpin oleh Ho Chin Min. Tentera Vietkong dari Vietnam Utara akhirnya dapat membebaskan Vietnam Selatan dari boneka Amerika pada tahun 1975.Amerika terhalau dari bumi Vietnam dengan penuh malu.
176. GANEPO ialah Games of New Power.Sukarno berusaha menjayakan pesta sukan dari Negara Ketiga untuk menyaingi pesta sukan Olimpik.
177. Sabah bimbang dengan Filipina kerana Sabah dahulunya kepunyaan Kesultanan Sulu.Pada 2 Januari 1878 Perjanjian Overback Sulu antara Alfred Dent dan Baron von Overback dgn Sultan Sulu, ‘ menyewakan selamanya’Borneo Utara kepada British dengan 5,000.00 dollar Mexican.Kemudian Protokol Madrid ditandatangani pada 1885 antara Sepanyol- British disaksikan German, di mana Borneo Utara diserahakan kepada British dan Sepanyol menguasai seluruh Kepulauan Filipina. Pada 1888 menjadi negara naungan British.Pada 15 Julai 1946 Borneo Utara diletak bawah Tanah Jajahan Mahkota British.
178. Kebangkitan rakyat melalui perang gerilla iaitu PARAKU (Pasukan Rakyat Kalimantan Utara). Sayap bersenjata Parti Komunis Kalimantan Utara (NKCP 30 Mac 1971). Pemberontakan NKCP (1062 – 1990).
179. Singapura di mana golongan Komunis dan Sosialis sangat berpengaruh pada masa itu.Pilihan Raya Singapura di bawah Lee Kuan Yew boleh tewas pada tahun 1962 sekiranya pemimpin komunis tidak belok kepada Lee Kuan Yew.
180. Brunei pada masa itu di bawah pengaruh Partai Rakyat Brunei yang di pimpin oleh Syed Zahari dan Zaini.Itu jelas terbukti bila pilihan raya diadakan pada tahun 1962,

Partai Rakyat memenangi 51 daripada 52 kerusi. Bagaimana pun Inggeris telah mensabotajnya dengan mengadakan pemberontakan rakyat yang diaturnya.

181. PKI ialah Parti Komunis Indonesia. Ditubuhkan oleh Henk Sneevlient pada Mei 1914. Henti pada 12 Mac 1966.

182. Peristiwa Lubang Buaya. Iaitu kejadian pembunuhan General-General yang dikaitkan dengan kegiatan PKI. Tetapi terdapat pandangan yang lain iaitu kegiatan yang dikaitkan dengan kegiatan PKI. Tetapi terdapat pandangan yang lain iaitu kegiatan yang didalangi oleh CIA untuk menimbulkan kemarahan rakyat terhadap PKI dan sekali gus kepada Soekarno.

183. Suharto adalah Presiden Indonesia yang mengenalkan Order Baru. Beliau menjadi Presiden Indonesia kedua menggantikan Sukarno, memegang kuasa selama 31tahun, dari tahun 1967 hingga 1998. Meninggal pada 27 Januari 2008. Pada tahun 1990-an, autoritarianisme Order Baru,korupsi,krisis ekonomi Asian 1997-1998 menjadi punca kebangkitan rakyat sehingga beliau meletak jawatan pada 1998.

184. Teo Sai Chu memperolehi undi tertinggi bagi Kawasan umum. Dia turut ditahan bawah ISA selepas demonstrasi isu Baling. Selepas ditahan selama dua tahun dia dibebaskan. Kemudian dia meninggalkan Malaysia dan tinggal di German

185. Hishamuddin Rais memberitahu Ismail Sabri Yaakob semasa pertemuan di rumah Ismail Sabri, di Damansara.Hishamuddin Rais memberitahu Ismail Sabri bahawa mahasiswa tersalah anggap yang dia berpendirian keras. Beliau berkata " sebenarnya yang berpendirian keras adalah Kamarazaman. Antaranya meneruskan Annual Ball biar pun mendapat tentangan dari PBMUM dan PMIUM dengan demontrasi.Alasan untuk tidak mengendahkan tentangan dari PBMUM dan PMIUM adalah, "itu acara tahunan dan diputuskan dalam AGM".

186. PRU ke 4 Malaysia pada 8 Ogos -24 Ogos bagi Semenanjung Malaysia. Pilihan Raya pertama bagi Parti Barisan Nasional (BN) yang dibentuk oleh Tun Abd Razak pada 1971, melibatkan sepuluh parti politik termasuk PAS.Antara parti di Semenanjung yang turut menyertai PRU ini ialah Parti Sosialis Rakyat Malaya (PSRM). Parti Tindakan Demokratik (DAP) , Parti Progresif Rakyat (PPP),Parti Keadilan Masyarakat Malaysia (PEKEMAS) , Parti Kesatuan Insaf Tanah (KITA). Selepas penamaan calon ditutup, BN telah memenangi 90 kerusi tanpa bertanding. Memenangi 47 kerusi Parlimen dan 43 kerusi DUN. Manakala PM iaitu Tun Abd.Razak dan TPM iaitu Tun Hussein Onn serta 8 Menteri Kerajaan Pusat menang tanpa bertanding.

187. Temubual Bersama Syed Hamid Ali pada 20 Februari 2019, KL.

188. Hasnul Hadi adalah Ahli Jawatankuasa Pusat PSRM dan Pengerusi PSRM Melaka. Beliau pernah menjadi Dato Bandar Melaka bila PSRM memenangi Pilihan Raya Majlis Perbandaran Melaka. Beliau juga pernah ditahan di bawah ISA pada 1964 dikaitkan dengan Sukarno.
189. Temubual Hishamuddin Rais dan Adi Sastria pada 6 Februari 2019.
190. Tiga kerusi dimenengi oleh PSRM pada PRU 1969 sebagai kemenangan terakhir. Selepas itu PSRM tidak lagi memengi sebarang kerusi biar pun menyertai PRU selepasnya. Pada PRU 1969 PSRM memenangi dua kerusi DUN di Pahang mwlalui Mohd Ramly Ismail @ Zulkifli Ismail bagi kerusi N12 iaitu Ulu Kuantan. Manakala Sivasubramaniam Sivasumbandan memenangi kerusi N9 iaitu Tanah Puteh. Kedua dua kerusi tersebut di dalam Parlimen Kuantan. Di Puala Pinang, PSRM memenangi kerusi N14 iaitu Balik Pulau melalui Abdul Rahman Yunus. Mohd Ramly yang lebih dikensli debagai Cikgu Zul telah ditahan di bawah ISA selepas kemenanhan tersebut.
191. STATEMENT UNDER SECTION : KAMARAZAMAN BIN 11(2)(b) INTERNAL.SECURITY ACT, 1960. NAME OF DETAINEE : KAMARAZAMAN BIN YACOB. NRIC NO:0268764(Blue)
192. Yom Kippur adalah hari tersuci/mulia bagi orang-orang Yahudi.
193. Perang Enam Hari ialah peperangan antara Mesir-Israel. Di mana Israel menyerang secara mengejut dan melumpuhkan kekuatan tentera udara Mesir.
194. James Bean and Craig Girad, Anwar al Sadat’s grand strategy in the Yom Kippur war (PDF), 2001, National WarCollage, http://m.facebook.com>post.
195. Anwar Sadat atau nama penuhnya Muhammad Anwar el-Sadat mwrupakan ahli politik Mesir dan presiden ketigaMesir dari 1970 sehingga 1981. Beliau memulakan tugas sebagai presiden pada 15 Oktober 1970 selepas kematian mengejut Gamal Abdel Nasser. Beliau dibunuh pada 6 oktober 1981 akibat serangan pegawai tentera yang fundamentalis. Hasil perjanjian damaiMesir-Israel melalui Kem David 1987, beliau telah menerima Anugerah Keamanan Nobel dan menyebabkan beliau tidak popular di kalangan negara Arab.
196. Perjanjian Camp David, di mana Jimmy Carter (Presiden Amerika) menjadi orang Tengah di antara Anwar Sadat dan Menchem Begin (Presiden Israel) menjayakan perjanjian damai ini. Ini merupakan perjanjian damai pertama antara negara Arab dengan Israel. Perjanjian ini dianggap penamat kepada perang Arab-Israel 1948. Inti perjajian ini termasuklah Israel keluar dari Semenanjung Sinai, pembebasan Terusan Suez, mengiktiraf Selat Tiran dan Teluk Aqabah sebagai laluan air antarabangsa.

November 1977, Anwar Sadat melawat Israel and Knesset (Parlimen Israel). Kesannya Mesir digantung dari Liga Arab sehingga 1989.Kemuncaknya Anwar Sadat dibunuh oleh olongan Islamist pada 6hb Oktober 1981 kesan daripada perjanjian Kem David.

197. Temubual dengan Hishamuddin Rais pada 13 Mac 2019, di Jalan Kelang, Kuala Lumpur.
198. Temubual Bersama Hishamuddin Rais pada 13 Mac 2019, di Jalan Kelang, Kuala Lumpur.
199. Lagu Inilah Barisan Kita juga dikenali sebagai Perajurit Tanah Air. Komposernya ialah Saiful Bahri dan seni katanya juga dibuat oleh beliau. Lagu ini dihasilkan pada tahun 1964 semasa konfrontasi antara Malaysia-Indonesia yang terjadi pada 1963-1965 berpunca dari pembentuk Malaysia pada 16hb September 1963.
200. Lincoln Centre ialah sebagai Pusat Imformasi bagi Ameruka yang menjadi tempat penyebaran, penerangan dan propaganda untuk imperialis Amerika. Bagaimanapun di dalamnya terdapat perpustakan dengan buku-buku yang banyak untuk pembaca.
201. Temubual Bersama Haris Pardi, 15 April 2019, Petaling Jaya.
202. Hasil temubual dengan Hishamuddin Rais tentang demonstrasi Perang Ramadhan pada 10hb April 2019 di Le Chateau. Baca Kamarazaman Yacob, BERSAMA ANWAR KE PENJARA, PJ 1994, ms93-107, Kamarazaman Yacob, MERANDUK ARUS, KL 1996, ms
203. Lihat pertuduhan terhadap prnahanan Kamarazaman Yacob dibawah ISA. STATEMENT UNDER SECTION 11(2)(b), INTERNAL SECURITY ACT, 1960, Name of Detainer: Kamarazaman Yacob. NRIC No: 0268764(Blue).
204. Ibid
205. Majlis Gerakan Negara (MAGERAN), Tunku Abdul Rahman mengumumkan tentang penubuhan Majlis Gerakan Negara 16 Mei 1969 dan Tun Abdul Razak sebagai Pengarah Tindakan majlis tersebut.
206. Aktivisme Mahasiswa Malaysia, m.s 171, Abdul Majid, Report. Dapatan jawatankuasa ini diterbitkan secara meluas and dibahaskan dalam media tempatan. Lihat, sebagai contoh: “Pemimpin, Penuntut Gagal Ujudkan Sefahaman Kaum,’ Utusan Malaysia, Mei 26, 1971, ms1,12.
207. Meredith L.Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, m.s 171-172.
208. Ibid, m.s 173, Lihat Junaidi, Mahasiswa, Politik, m.s 15-16, Hassan Karim dan Siti Nor, pynt, With the People! The Malaysian Student Movement 1967-74 (Petaling

Jaya, Institute for Social Analysis (INSAN), 1984, m.s 6-7, dan Mahasiswa Negara, Mei 24,1971(“New Act Weakens Student Body,”m.s1,7; “Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971,”m.s10)

209. Velayudhan, “ The Universities and University College Act, “ m.s 53. Aktivitisme Mahasiswa Malaysia, m.s 174.
210. 208. Ibid, m.s 29-30
211. Ibid, m.s 25. Lihat Muhammad Abu Bakar, Mahasiswa Menggugat, m.s138, Suffian mengetuai jawatankuasa mengkaji Perlembagaan Universiti Kebangsaan.
212. “New Act Weakens Student Body,” Mahasiswa Negara, Mei 24,1971, m.s 1,7. Lihat Meredith L.Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, m.s 174.
213. Muhammad Abu Bakar. Mahasiswa Menggugat, Pustaka Antara, KL, 1973, m.s 136-137.
214. Ibid, m.s 137.
215. AUKU diluluskan di Dewan Rakyat pada 18hb Mac 1971 dengan sedikit pindaan, ibid, m.s 140.
216. Muhammad Abu Bakar. Mahasiswa Menggugat, Pustaka Antara, KL, 1973, m.s 47.
217. Damhore Hamid Tuah terlibat Bersama ayahnya meneroka tanah di Teluk Gong. Semasa ditangkap, beliau baru berusia 24 tahun. Beliau bergiat aktif di dalam PSRM/PRM and PKR. Berniaga membuat batu nisan.
218. Temubual Bersama Damhore Hamid Tuah, Ogos 25, 2019, Shah Alam.
219. Muhammad Abu Bakar, Mahasiswa Menggugat, Putaka Antara, 1973, m.s 60.
220. Muhammad Abu Bakar, Mahasiswa Menggugat m.s 71.
221. Ibid, m.s 71.
222. Ibid, m.s 81. Temubual Bersama Syed Hamid Ali, Febuari 20, 2019, Kuala Lumpur.
223. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, m.s 163, Malay Mail, Jun 25, 1971; Straits Times, Jun 29, 1971.
224. Meredith L. Weiss, A Aktivisme Mahasiswa Malaysia, m.s 166.
225. Temubual Bersama Hishamuddin Rais, Harris Pardi dan Adi Sastria, 11 Julai 2019, Kuala Lumpur.
226. “Militant Student of Universiti Sains Struggle for Their Democratic Right to be Political.” New Malayan Youth 2, 7-8 (Julai – Ogos 1973):12, Lihat Meredith L.Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 178.
227. Twenty-two Unions Oppose Act , “ Mahsiswa Negara, November 22, 1971, ms.1,5.Ibid, “Siswa Tak Patut Dibendung”, Desember 3, 1971 ms.2. Ibid, Akta

Universiti Perlu Dikaji Semula', December 13, 1971, ms. 8. Muhammad, Mahasiswa Menggugat, ms. 138-144.

228. Mahasiswa Negara, Desember 3, 1971, ms.1. Velayudhan, "The Universities and University Cillege Act," ms25. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 175.
229. Straits Times, Mac 19, 1971, Aktivisme Malaysia, ms. 175..
230. Meredith L. Welss, Aktivisme Malaysia, ms. 175.
231. Velayudhan, "The Universities and University College Act, " ms. 70-80. Aktivisme Malaysia, ms. 166-179.
232. Kenyataan Syed Hussein All kepada pengkaji semasa menerima berita kematian Tun Abdul Razak Hussein Ketika berada di dalam kem tahanan ISA di kamunting, Taiping Perak pada Januari 1976.
233. Selvaratnam, Ethnicity, Inequality, and Higher Education, ms.16-17. Aktivisme Malaysia, ms. 177-179.
234. Meredith L. Welss, Aktivisme Malaysia, ms. 179.
235. Kamarazaman Yacob, sebagai bekas mahasiswa Maktab Kadir Adabi, Kota Bharu, Kelantan and lahir di Kelantanturut menerima " token" bantuan rm500 dari kerajaan Kelantan. Kemudian meneriman Dermasiswa Siswa sebanyak rm1800 setahun selama tiga tahun.
236. Meredith L. Welss, Aktivisme Malaysia, ms. 177.
237. Meredith L. Welss, Aktivisme Malaysia, ms. 25.
238. Meredith L. Welss, Aktivisme Malaysia, ms. 178.
239. Selvaratnam, Ethnicity, Inequality, and Higher Education, ms. 15, 18-20.
240. Donald Emmerson, "Conclusion" dalam Students and Politics in Developing Nations, pynt. Donald Emmerson (New YoLirk:Praeger, 1968), ms 392-406. Meredith L. Welss, Aktivisme Malaysia, ms. 13.
241. Meredith L. Welss, Aktivisme Malaysia, ms. 13.
242. Ibid, ms17.
243. Marco Todeschini, Italy, dalam Student Political Activism, An International Reference Handbook, pynt Phillip G. Altbach, ms 257.
244. Ngoni Chideya, Zimbabwe, dalam Student Political Activism, An International Reference Handbook, pynt Phillip G. Altbach, ms 56.
245. Shinil Kim, South Korea, dalam Student Political Activism, pynt Phillip G. Altbach, ms 177.

246. Tahun 1932 adalah pertama kali berlaku rampasan kuasa tentera di Thailand dalam menamatkan Sistem Raja Mutlak tapi terus mengekalkan kerajaan berajanya. Ramapasan kuasa tentera tidak menukar Thailand menjadi Republik Thailand.
247. Chai-Anan Samudavanija, Thailand, dalam Student Political Activism, pynt Phillip G. Altbach, ms 183. The peace movement opposed Thailand's involvement in the new South East Asia Treaty Oganisation. It was lead by charoon Sebsaeng, an elected member of Parliament from South Thailand. A small group of progressive writers and journalists comprised the core of the groups, which attracted the interest of few university students.
248. Monumen Demokrasi di Bangkok didirikan sebagai mengingati rampasan kuasa tentera dalam menamatkan Sistem Beraja Mutlak bagi Thailand pada 1932.
249. Chai-Anan Samudavanija, Thailand, dalam Student Political Activism, pynt Phillip G. Altbach, ms 189.
250. Chai-Anan Samudavanija, Thailand, dalam Student Political Activism, pynt Phillip G. Altbach, ms 191.
251. Juliet Chin merupakan mahasiswa wanita pertama menjadi Presiden USSU ke 28, melalui EGM pada 3 Januari, 1974 semasa nerusia 22 tahun. Beliau bekas mahasiswa Johor Bahru English college (Maktab Sultan Abu Bakar) sebelum melanjutkan mahasiswaannya ke Universiti Singapura di bidang Seni Bena pada tahun 1970, semasa berusia 19 tahun. Beliau juga menyokong demonstrasi Baling, menyokong pekerja yang dibuang oleh Marin Amerika dan Retrenchment Research Centre di USSU. Usaha ini menyebabkan beliau dibuang dari Singapura pada 11 Disember 1974, kemudian di tahan di bawah ISA, Kamunting, Perak selama setahun. Selepas dibebaskan Juliet menyertai MNLF dan dijadikan oleh PKM Regimen ke 10 sebagai peralihan aktivis mahasiswa kepada gerila. Kemudian menyertai Suara Revolusi Malaya (Voice of the Malayan Revolution) yang disiarkan dari Selatan China.Selepas ditamatkan penyiarannya pada 1981(1978-1981), Juliet mendapatkan suaka politik di Perancis pada 1982. Lihat: "The poor will always be among us." An Interview with Juliet Chin by Fadiah Nadwa Fikri, https://www.google.com/amp/s/malaysiamuda.wordpress.com/2018/12/19/the-poor-will -be-amoang-us-am-interview-with-juliet-chin/amp/
252. Tembual Hishamuddin Rais dan Adi Sastria pada 10 Julai 2019.
253. Ibid.
254. Tembual Adi Sastria pada 10 Julai 2019 – dua mahasiswa UM yang ditangkap ialah

Adi Sastria dan Koo Soo Wan.manakala mahasiswa UPM adalah Hassan Abdul Karim.

255. Mahasiswa UPM yang ditahan ialah Hassan Abdul Karim, yang menjadi Naib Presiden UPM (1974-1975). Beliau pernah menjadi Pengetua Jaya Akademi (1982-1985). Menjadi seorang peguam. Aktif politik (PRM 1978-2009) dan menjadi Persiden PRM 17 April 2005 – 17 November 2009. Bertanding PRU, 1982 di Skudai, 1986 di Pasir Gudang, 1999 di Terbau, 2004 di Pontian (PKR), 2008 di Johor Bahru. 5 Mei 2018 di Parlimen Pasir Gudang, beliau menang dan menjadi Ahli Parlimen PKR. Hassan Abdul Karim menjadi Pengerusi PKR Negeri Johor dari 2014-2019.
256. Perjuangan setinggan Tasik Utara, sila lihat Kamarazaman, Bersaman Anwar ke Penjana, ms. 111-118. Hassan dan Siti Nor, pynt, With the People, ms. 11-13,27-44. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 198 - 201. Stothard, "Hishamuddin Rais," ms. 32. Temubual Hishamuddin Rais, Harris Pardi, Bashkaran, Adi Sastri, Julai 10,2019.
257. Majid Yaakob seorang anggota PSRM, adalah salah seorang pemimpin setinggan Tasik Utara. Beliau turut ditahan di bawah ISA pada tahun 1975 berhubung perjuangannya sebagai setinggan Tasik Utara. Beliau turut ditahan bersama pengkaji di Kawasan Tujuh, Kem Tahanan Kamunting, Taiping Perak. Mengikutnya, beliau pernah mengikuti latihan ketenteraan ke sebuah pulau di Indonesia menjelang konfrontasi antara Malaysia- Indonesia. Selepas tamat, beliau dan pasukannya dihantar ke Johor. Malangnya, bila sampai ke pantai Johor beliau dan pasukannya dikepung dan ditangkap. Beliau percaya penangkapan di bawah ISA pada tahun 1975 kerana latarbelakang penangkapannya di bawah ISA pada tahun 1964.
258. Baharom Lajim, mahasiswa tahun satu kursus kejuruteraan telah menduduki kerusi Timbalan Naib Canselor. Mahasiswa dari Temerloh ini akhirnya gagal di dalam pepereksaan tahun satunya pada tahun 1974/75. Kemudian menyambung mahasiswaannya di bidang perakaunan di ITM, Shah Alam pada tahun berikutnya. Beliau berjaya menamatkan mahasiswaannya di ITM.
259. Tuanku Hajah Bahiyah binti Almarhun Tuanku Abdul Rahman adalah Raja Permaisuri Agong ke 5 pada 23 September 1970, isteri kepada Yang diPertuan Agong ke 5 , iaitu Sultan Abdul Halim, Kedah. Tuanku Bahiyah memperoleh ijazah di bidang Sains Sosial dari Universiti Nottingham, England. Beliau dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan oleh Universiti Malaya dan dilantik menjadi Canselor UM pada 1972 hingga 1986.

260. Mingguan Malaysia, 22 September 1974.
261. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 200.
262. Mohamad Ridhwan Alias, Mahasiswa Bangkit, Megamind Leadership Consultancy, November 2014, Kuala Lumpur, ms.24.
263. K.S. Jomo, Hassan Karim, and Ahmad Shabery Cheek, Malaysia, Student Political Activism, Phillip.G Altbach, ms. 152.
264. Aziz Shamsuddin adalah Presiden PBMUM pada sesi 1973/74. Selepas keluar UM beliau menjadi pegawai khas kepada Menteri Mahasiswaan iaitu Mahathir Muhammad. Kemudian menjadi Setiusaha Politik kepada Perdana Menteri, Tun Mahathir. Pernah menjadi Menteri Kemajuan Luar Bandar. Abdul Fattah Abdullah adalah Ahli Jawatankuasa PBMUM sesi 1973/74. Selepas keluar UM beliau bertugas sebagai guru kemudian menjadi Setiusaha Politik kepada Tun Abdullah Ahmad Badawi yang menjadi Timbalan Perdana Menteri. Ahmad Latif tidak memegang apa-apa jawatan di dalam PMUM, tetapi diberikan tugas menjaga bas PMUM. Beliau pernah menjadi Setiausaha Politik kepada Dato Aziz Shamsuddin semasa menjadi Menteri Kemajuan Luar Bandar.
265. Kamarazaman Yacob, “”Rampasan Kampus Universiti Malaya”, Mingguan Waktu, 11 Ogos 1991.
266. Meredith L. Weiss, Aktivisme MahasiswaMalaysia, ms. 200.
267. Hassan dan Siti Nor, pynt, With the People! ms.39.
268. Kelab Sosialis yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan telah dibatalkan pendaftarannya pada tahun 1974
269. Utusan Malaysia, 26 September 1974.
270. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 201.
271. Utusan Malaysia, 29 September. Lihat https://mahasiswamenggugat.blogspot.com/2006/11/gerakan-mahasiswa-di-universiti- malaya_13.html
272. Kamarazaman Yacob, BERSAMA ANWAR KE PENJARA, ms. 118. Temubual bersama Salehuddin Hashim, 30 Julai, 2019, Petaling Jaya.
273. Temubual bersama Halim Ali, 18 Ogos, 2019, Petaling Jaya.
274. Temubual bersama Ibrahim Ali, 20 Mei, 2019, Kuala Lumpur.
275. Antara mahasiswa Malaysia sebagai aktivis USSU yang di usir dari Singapura ialah Juliet Chin, Chia Yong Tai, Bong Hong Min, Choo Foo Yong dan Chuah Chong Lai. Juliet Chin (selepas bebas dari ISA), Chia Yong Tai dan Choo Foo Yong kemudian

menyertai Suara Revolusi Malaya (Voice of the Malayan Revolution) di bawah PKM yang disiarkan dari Selatan China(1978-81). Selepas Suara Revolusi Malaya diberhentikan penyiarannya, mereka mendapatkan suaka politk. Juliet Chin dan Chia Yong Tai mendapat suaka politik di Peranchis.

276. Lihat pertuduhan penahanan Kamarazaman Yacob, STATEMENT UNDER SECTION 11(2) (b) INTERNAL SECURITY ACT 1960. Name of Detainee: Kamarazaman Yacob. NRIC No: 0268764.
277. Pragmatisme adalah suatu aliran falsafah yang lahir di Amerika Syarikat pada lewat 1880-an. Salah satu ciri utamanya, aliran pragmatism menekankan bahawa keberhasilan, kepenggunaan, kepraktikalan adalah komponen utama untuk kebenaran. Pragmatisme, meletakan kepercayaan baahawa kebenaran atau nilai sesuatu ajaran bergantung pada penerapannya bagi kepentingan manusia. Ianya fahaman yang menyatakan bahawa segala sesuatu tidak tetap, melainkan tumbuh dan berubah. Pragmatisme mementingkan hasil dari soal nilai masyarakat.
278. Muhmmad Abu Bakar, Mahasiswa Menggugat, ms.91.
279. Ibid, ms. 92.
280. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 104. Yeo Kim Wah. “Student Politics in University of Malaya, 1949-51,” Journal of Southeast Asian Studies 23,2 (1992), 356-57.
281. Temubual bersamaIshak Abdul Hamid, 20 Oktober, 2020, Petaling Jaya.
282. Merredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 203. Berkenaan protes ini, lihat: Kamarazaman Yacob, Bersama Anwar ke Penjara, ms. 156-61; Hassan, “The Student Movement in Malaysia,” ms.14-15; Syed Hussin, The Two Faces, ms. 3-12, Zainah, Islamic Revivalism, ms 22-23, Silverstein, “Students in Southeast Asian Politics,” ms.201. New Straits Times, Disember 5-6 dan 14. Fikri Faizal, Letters to Home, pynt, Ooi Kok Hin, Aish Kumar, Nik Mohamed Rashid, ms. 183-185.
283. K.S. Jomo, Hassan Abdul Karim, Ahmad Shabery Cheek, Student Political Activism, Philip G. Altbach, ms. 153. Temubual bersama Saeden B. Wateh pada 14 Ogos 2019 di Kuala Lumpur, beliau bekas ‘office boy’ di Pejabat Daerah Sik semasa Zainal Abidin sebagai Pegawai Daerah Sik. Memberitahu demonstrasi terbesar yang melibatkan lebih 30,000 itu berlaku di pekan Sik bukan di Baling
284. Chin Peng, My Side of History, ms. 383.
285. Ibid, ms. 380.
286. Chin Peng, My Side of History, ms. 385.

287. Ibid, ms 385.
288. Ibid, ms. 386.
289. K.S Jomo, Hassan Abdul Karim, Ahmad Shabery Cheek, Student Political Activism, Philip G Altbach, ms.152.
290. PAPERI telah ditubuh pada 10 Zulhijah 1384H bersamaan 20 April 1965. Ianya ditubuhkan oleh Abdullah C.D kerana kemajuan mahasiswa Islam di beberapa pusatPengajian Islam di tanah air. Lihat Memoir Abdullah C.D, Zaman Pergerakan Sehingga 1948, ms.254. Lihat Memoir Rashid Maidin, Daripada Perjuangan Bersenjata Kepada Perdamaian.
291. Syed Hussin Ali, Two Faces, Detention Without Trial, ms.1
292. Temubual bersama Hishamuddin Rais, Julai 30, 2019
293. Lihat, K.S Jomo, Hassan Abdul Karim, Ahmad Shabery Cheek, Student Political Activism, Philip G. Altbach, ms 152-53.
294. Temubual bersama Saeden Wateh, 14 Ogos 2019, Kuala Lumpur.
295. Syed Hussin Ali, Two Faces, Detention Without Trial, ms. 2.
296. Ubi gadung adalah sejenis ubi yang tumbuh liar di belukar yang biasanya di tanah yang lembab. Untuk membuang getahnya yang beracun, maka ubi itu perlu dikupas dan dipotong nipis-nipis. Kemudian ianya hendaklah direndam ke dalam air yang mengalir supaya getahnya turut hanyut. Mesti ditunggu sehingga hilang semua tanda yang ianya masih bergetah, biasanya dua hingga tiga hari. Ubi gadung sedap dimakan jika ditanak dengan pulut.
297. Keputusan PRU 1974, BN memenangi 135 kerusi Parlimen merupakan 87.7% kerusi Dewan Rakyat. Manakala pemangkang hanya mendapat 19 kerusi merupakan 12.3% kerusi Dewan Rakyat. Undi popular sebanyak 60.7%, iaitu meningkat sebanyak 23.1% dibandingkan dengan PRU 1969. BN juga menguasai semua kerajaan negeri termasuk Kelantan kerana PAS adalah komponen BN.
298. Abdullah Ahmad adalah Setiausaha Politik Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Kedua Malaysia.
299. Temubual bersama Hishamuddin Rais, Julai 30, 2019, KL.
300. Pada lewat petang 3 Disember,1974, Anwar Ibrahim ditahan di Balai Polis Jalan Travers semasa datang ingin menjamin para mahasiswa yang ditahan di balai itu. Selepas ditahan selama 60 hari, Anwar Ibrahim ditahan di bawah ISA, di Kem Kamunting, Taiping, Perak selama 2 tahun
301. Semasa pengkaji disoal siasat, Pegawai Penyiasat menunjukkan gambar pengkaji yang

berlilit kepala dengan tuala kecil berwarna putih. Mereka memperli, membuli sambil memukul di bahagian rusuk dan belakang pengkaji.

302. Lihat, K. S. Jomo, Hassan Abdul Karim, Ahmad Shabery Cheek, Student Political Activism, Philip G. Altbach, ms.153. Meredith L Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 203. Semua mahasiswa tersebut dibebaskan oleh hakim selepas beberapa kali kes ini ditangguh yang memakan masa lebih setahun.
303. Temubual bersama Haris Pardi, 15 April, 2019, PJ.
304. Lihat, Syed Husin Ali. Two Faces, Detention Without Trial, ms. 3, 7. Meredith L Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 203.
305. Temubual bersama Syed Husin Ali, 16 Oktober, 2019, Petaling Jaya.
306. Utusan Malaysia, 8 Disember 1974. Seramai 75.5% mahasiswa daripada 4431 mahasiswa mahu pepereksaan ditangguhkan dan hanya 18% mahu meneruskan pepereksaan.
307. STATEMENT UNDER SECTION 11 (2) (b) INTERNAL SECURITY ACT, DETAINER: KAMARAZAMAN YACOB.
308. Filem Ali Baba Bujang Lapok, arahan P. Ramlee, terbitan Malay Filem Production Ltd, Singapura. Pengedar Shaw Brothers Ltd. Mula ditayangkan pada 31 Januari 1961. Panjang masa tayangannya ialah 122 minit. Penuis skrip ialah P. Ramlee. Ianya dibintangi oleh P. Ramlee, Aziz Satar, S. Shamsuddin, Ibrahim Pendek, Normadiah, Zaiton dan Sarimah. Disunting oleh H. R. Narayana. Sinematografi oleh Abu Bakar Ali dan Mustafa Yassin. Muzik oleh Kassim Masdor dan P. Ramlee.
309. Jalan Maarof, sempena seorang nasionalis Melayu bernama Maarof Zakaria. Beliau seorang peguam kelahiran Seri Menanti, Negeri Sembilan dan pernah menjadi pegawai daerah di Perak. Beliau adalah pengasas Malay National Bank (Bank Kebangsaan Melayu) pada awal tahun 1947. Bank ini terletak di Klang Street, Kuala Lumpur. Beliau berjaya menubuhkan bank dengan modal hanya 2 juta terbitan saham kepada orang Melayu sahaja dan 27 ekar tanah. Di masa ini hanya terdapat 2 buah bank iaitu The Chartered Bank (milik Inggeris) dan Overseas Chinese Banking Corporation (OCBC) yang tidak memberi pinjaman kepada orang Melayu. Maarof pernah cuba dibunuh oleh sekumpulan lelaki bersenjata api semasa berpindah ke rumah baru di Taman Seputih, Jalan Klang Lama. Maarof hilang dalam perjalanan ke Kampung Baru, Kuala Lumpur dari rumahnya pada khamis, 4 Disember 1947. Pada Sabtu, 7 Disember 1947, mayat beliau ditemui tergantung pada pokok di hutan berhampiran Batu 13, Jalan Kuala Lumpur-Bentong, Pahang. Beliau meninggal pada

usia muda iaitu 43 tahun, Anaknya Mustafa Maarof masih belajar di Maktab Melayu Kuala Kangsar semasa kematiannya dan Mustafa akhirnya menjadi seorang bintang filem yang terkenal melalui filem-filem keluaran Cathay- Keris Film Production. Lihat The Straits Times, dan The Sunday Times pada 7 Disember 1947, Berita Harian 22 Disember 2014, Berita Harian 6 April 2015.

310. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 204.
311. Dipetik dalam Munro-kua, Authoritarian Populism, ms. 82, lihat Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 204.
312. New Straits Times, Disember 11, 1974. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms.205.
313. New Straits Times, Disember 13, 1974. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 205.
314. Dr Rohana Ariffin bekas pensyarah UTM dan USM. Beliau terlibat aktif di dalam politik dan NGO selepas bersara sebagai pensyarah di universiti. Pernah bertanding sebagai calon Parti KeADILan di Parlimen Balik Pulau pada PRU 2004, tetapi tewas kepada calon BN. Beliau menjadi Presiden Parti Rakyat Malaysia pada 2009 menggntikan Hassan Abdul Karim.
315. Tariq adalah Setiausaha II, Kedutaan Iraq di Malaysia.
316. Temubual Sariyan Hassan (isteri Lokman), Mohd Iskandar Zakaria (anak) pada 12 Ogos 2019. Nama Lokman sebenarnya Naamandadin bin Daud. Lahir 29 Mac 1949, Simpang Empat, Perlis. Bersekolah di Sek.Men. Derma, Kangar dan ITM. Tahun 1973 mengajar di Thamawithaya Mulniti, Setul, Thailand. Menyertai Barisan Revolusi Nasional Melayu Pattani (BRN) semasa mengajar di Thamawithaya. Pernah ditahan di bawah ISA pada tahun 1977 dan 1992-1994 (bebas melalui Habeas Corpus, Karpal Singh sebagai peguamnya) . Meninggal pada 16 Ogos 2001, di Pattani. Menulis novel berjodol GERILA.
317. Barisan Revolusi Nasional adalah singkatan dari Barisan Revolusi Nasional Melayu Pattani (BRN) ditubuhkan pada 13 Mac 1963 oleh Haji Abdul Karim bin Hassan. Gerakan ini berhaluan kiri pada awalnya sehinggalah berpecah pada tahun 1984. Mengikut Hj. Abdul Karim, semasa Tun Abdul Razak, pernah Hj Abdul Karim bersama rakan-rakan seperjuangan mendapat latihan di Libya dengan bantuan Tun Abdul Razak. Semua perbelanjaan untuk sebuah penerbangan pergi balik dan urusan-urusan lain ditanggung oleh Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia (1971-1976).

318. Temubual bersama Subki Ibrahim, 20 November, 2019, Salor, Kota Bharu Kelantan.
319. Lihat Kamarazaman Yacob, BERSAMA ANWAR KE PENJARA, ms. 68-77. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 204.
320. Usman Awang (Dato') ialah seorang Sasterawan Negara. Terkenal dengan nama penanya Tongkat Waran. Beliau seorang penyair yang sangat terkenal dan pengkaji skrip drama. Pernah bertugas di Utusan Utusan Melayu dan berhenti kerana terlibat dalam mogok pada 1961. Kemudian bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau menghasilkan lebih 200 puisi dan drama. Menjadi Sasterwan Negara pada 1983, SEA Write Award 1982 dan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan Universiti Malaya pada 1983 serta Zamalah Sastera 1985. Dianugerah Darjah Kebesaran Dato Paduka oleh Sultan Perak pada tahun 1991, yang membawa gelaran Dato'. Menghasilkan sebuah novel iaitu Tulang-Tulang Berserakan selain antologi puisi.
321. Temubual bersama Harris Pardi, April 15, 2019, PJ.
322. Ibid.
323. Abdullah C.D, Memoir Abdullah C.D, Zaman Pergerakan Sehingga 1948,SIRD, PJ, ms. 92-99.
324. FUEMSO ialah Federation of United Kingdom & Eire Malaysia and Singapore Organisation, sebuah pertubuhan mahasiswa-mahasiswa kiri di England dan Ireland.
325. Lihat, Kamarazaman Yacob, BERSAMA ANWAR KE PENJARA, ms. 3.
326. Syed Husin Ali, TWO FACES, DETENTION WITHOUT TRIAL, ms. 10-15.
327. Lihat Syed Husin Ali, Two Faces, Detention Without Trial, ms. 12-22.
328. Said Zahari seorang aktivis politik dan wartawan. Berkhidmat dengan surat kabar Utusan Melayu sejak 50an dan 60an di Kuala Lumpur. Beliau memimpin mogok pekerja Utusan Melayu pada 1961 selama 93 hari kerana membantah penguasaan UMNO ke atas Utusan Melayu. Kesannya, Tunku Abdul Rahman menghalau dan mengharamkan beliau memasuki Malaysia. Semasa di Singapura, beliau terlibat dengan gerakan kiri dan menjadi Ketua Umum Parti Rakyat Singapura pada 1 Februari 1963. Beliau ditangkap oleh Lee Kuan Yew melalui Operasi Cold Store pada 2 Februari 1963. Ditahan selama 17 tahun tanpa bicara sebelum dibebaskan pada tahun 1979. Selepas dibebaskan, beliau menjadi editor di Asia Research Bulletin di Singapura (1980-86), eksekutif editor Xenia Editorial Services di Singapura (1992-1994). Tahun 1989 berhijrah ke Malaysia. Menjadi Karyawan Tamu di Jabatan Komunikasi UKM (1996-19990. Menghasilkan karya-Irian Barat: Duri Dalam Daging (1962), Puisi Dari Penjara (1973), Meniti Lautan Gelora: Sebuah Memoir Politik

(2001), Dalam Ribuan Mimpi Gelisah: Memoir Said Zahari (2006).

329. Cold Store atau Operasi Cold Store dilakukan oleh Lee Kuan Yew pada 2 Februari 1963. The Sunday Times, Singapura, 3 Februari, dengan tajuk, 107 HELD IN SINGAPORE DAWN DRIVE oleh Lim Kit Siang dan Jackie Sam. Lihat, The Fajar Generation, pynt , Poh Soo Kai, Tan Jin Quee, Koh Kay Yew, SIRD, 2010 ms. 155-220Dengan Kelulusan Internal Security Council (ICS) pada 1 Februari, maka Operasi Cold Store dilaksanakan pada awal pagi berikutnya, " Operation started at 02.15 hours. For security reasons arrest parties were assembled 30 miles inside Johore with cooperation of the Federation police. Arrest party crossed causeway at about 03.15 hours. By 09.10 hours, 97 persons had been arrested including nearly all the leading figures. Police hope that by midday, total of arrest will be between 110 and 120. This in considered satisfactory, more will be picked up later", ms. 190. Antara yang ditangkap ialah Said Zahari, Dr Poh Soo Kai, Lim Chin Siong, S. Woodhull, Lim Hok Siew,Chan Chiaw Thor, tegasnya adalah kepimpinan Barisan Sosialis Singapura.
330. Mredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 247.
331. Temubual bersama Haris Pardi, 15 April 2019, Petaling Jaya. Beliau adalah Penolong Setiausaha MPP yang pertama di UM.
332. Temubual bersama Ismail Sabri Yaakob, 14 Februari 2019, Petaling Jaya bekas Presiden MPP 1983-1984.
333. Junaidi Abu Bakar, Mahasiswa, Politik Dan Undang-Undang, ms.52.
334. Muhammad Abu Bakar, Mahasiswa Menggugat, ms. 81. Junaidi Abu Bakar, Mahasiswa Politik Dan Undang-Undang, DBP, 2008, ms. 17.
335. Temubual bersama Syed Hamid Ali, Febuari 20, 2019, Kuala Lumpur.
336. Temubual bersama Hishamuddin Rais, 11 Julai, 2019, KL.
337. Junaidi Abu Bakar, Mahasiswa, Politik Dan Undang-Undang, ms. 17-18.
338. Ibid, ms. 58.
339. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 247.
340. Junaidi Abu Bakar, Mahasiswa Politik Dan Undang-Undang, ms. 39.
341. Temubual bersama Harris Pardi, April 15, 2019, Petaling Jaya.
342. Temubual bersama Hassan Abdul Karim, September 5,2019, Kuala Lumpur.
343. Junaidi Abu Bakar, Mahasiswa Politik Dan Undang-Undang, ms. 50
344. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 246.
345. Temubual bersama Hishamuddin Rais, Julai 11, 2019, Kuala Lumpur.
346. Jomo K.S, Hassan Abdul Karim, dan Ahmad Shabery Cheek, "Malaysia", dalam

Student Political Activism: An International Reference Handbook, Phillip G. Althbach, ms 154. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia ,ms 247-248.

347. Temubual bersama Haris Pardi, April 15,2019, Petaling Jaya.
348. New Straits Times, Jun 27 dan Julai 2, 1975. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia,ms. 261.
349. Temubual bersama Haris Pardi, April 15, 2019, Petaling Jaya.
350. Temubual bersama Haris Pardi, April 15, 2019, PJ.
351. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms 261.
352. Temubual bersama Yazid Osman, September 9, 2019, KL.
353. Temubual bersama Yazid Osman, September 9, 2019, KL.
354. Ibid.
355. Malay Mail, Julai 18, 1980. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 261.
356. Temubual bersama Ismail Sabri Yaakob, Februari 14, 2019, Petaling Jaya.
357. Temubual bersama Shamsuddin Moner, September 5, 2019, Kuala Lumpur.
358. Temubual bersama Shamsuddin Moner, September 5, 2019, Kuala Lumpur.
359. Malay Mail, Disember 15, 1990; New Straits Times, Disember 19 dan 21, 1990. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 263.
360. "Mahasiswa Islam Masuk Kampung Kempen PAS", Utusan Malaysia, September 21, 1981. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 260.
361. K. S. Jomo, Hassan Abdul Karim, Ahmad Shabery Cheek, "Malaysia" dalam Student Polical Activism, ms. 155.
362. Sumpah Pemuda adalah hasil Kongres Pemuda Kedua pada 27-28 Oktober 1928, di Jakarta. Ianya ditulis oleh Muhammad Yamin dan dibacakan oleh Sugondo. Cita-cita untuk mengadakan Tanah air Indonesia, Bangsa Indonesia dan Bahasa Indonesia.
363. Abdullah C.D, Memaoir Abdullah C.D, Zaman Pergerakan Sehingga 1948, ms. 18.
364. Abdullah C. D, Memoir Abdullah C.D, Zaman Pergerakan Sehingga 1948, ms. 17.
365. Rustam A. Sani, Golongan Kiri Melayu, ms. 17.
366. Abdullah C. D, Memoir Abdullah C.D Zaman Peregrakan Sehingga 1948, ms. 16.
367. Ismail Said, Dr. Burhanuddin Al- Helmy, Pejuang Melayu Sejati, ms. 14.
368. Rostam A. Sani, Golongan Kiri Melayu, ms. 29. Lihat Ahmad Boestaman, Merintis Jalan ke Punchak.
369. Ismail Said, Dr Burhanuddin Al Helmy, Pejuang Melayu Sejati, ms. 16.
370. Abdullah C.D, Memoir Abdullah C.D, Zaman Pergerakan Sehingga 1948, ms. 93.

371. Ariffin Omar, BANGSA MELAY,Malay Concepts Of Democracy And Community, 1945-1950, SIRD,ms.50.
372. Ariffin Omar, Bangsa Melayu, ms. 51.
373. 371.Ibid, ms. 51-52.
374. Melayu Raya menjadi cita-cita kepada perjuangan PKMM yang mahu menjadikan Malaya bergabung dengan Indonesia. Idea yang sama dianuti oleh Sukarno semasa pendudukan Jepun di Indonesia dan Malaya. Dr. Burhanuddin golongan kiri Melayu pada masa itu memperjuangkan Melayu Raya.
375. Ariffin Omar, Bangsa Melayu, Malay Concept Of Democracy and Community, 1945-1950,ms.110.
376. PAS lahir selepas Muktamar Ulamak ke 3, di Bangunan Kelab UMNO Bagan, Butterworth, dipimpin oleh Ahmad Fuad Hassan.Usaha Otman Hamzah telah berjaya melahirkan Persatuan Islam Se-Malaya (PAS) menggantikan Pertubuhan Ulamak Se-Malaya. Parti Islam Se-Malaya, dtubuhkan pada 25 November 1951, tetapi pendaftaranya diluluskan pada 31 Mei 1955.
377. PRM atau PSRM sejak awal penubuhannya dipimpin oleh orang Melayu. Mulanya di pimpin oleh Boestaman semasa PRM. Kemudian dipimpin oleh Kassim Ahmad dan menukarkan namanya kepada PSRM. Apabila Syed Husin Ali memimpin selepas Kassim Ahmad, beliau kembali menukarnya kepada PRM. Selepas itu di pimpin oleh Hassan Abdul Karim dan diikuti oleh Rohana Ariffin.
378. Meredith L.Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms 110.
379. Ibid, ms.111.
380. Ibid, ms. 111.
381. Ibid ,ms. 131.
382. Temubual Sanusi Osman, 8 Jun, 2019, Bangi.
383. Temubual Syed Hamid Ali, Februari 20, 2019, Kuala Lumpur.
384. Meyer dan Robinson, Structural Determinants of Student Political Activity, ms. 24, Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 14.
385. Meredith L. Weiss, Aktivisme Mahasiswa Malaysia, ms. 13.
386. Kacau Bilau Agung adalah istilah yang digunakan oleh Mao Zedong terhadap kekacauan yang melanda dunia di abad ke 20.